TARIKUDDIN BIN HAJI HASSAN
PEMERINTAHAN
KERAJAAN
BANI
UMAYYAH
(41-132H = 661-750M)
JAHABERSA

PEMERINTAHAN

KERAJAAN BANI UMAYYAH

Sejarah tentang kerajaan-kerajaan Islam setelah zaman tabiut tabiin telah terbentang dalam sejarah umat manusia, mereka telah melalui hidup dalam pemerintahan dari zaman ke zaman. Ada kalanya dalam memerintah seorang penguasa banyak mengambil berat terhadap kepentingan umat sehingga nama mereka harum dikenang sepanjang zaman. Namun terdapat juga penguasa yang kurang bijak sehingga rekod dalam sejarah dan peradaban umat nama raja tersebut tidak begitu baik disebabkan pola hidup yang glamor yang kurang disukai oleh rakyat. Buku yang ada di hadapan pembaca ini merupakan kitab yang membincangkan tentang sejarah kerajaan Islam di masa lalu iaitu kerajaan yang diterajui dari kalangan Bani Umayyah. Pemerintahan yang diterajui oleh para sultan dari Bani Umayyah ini telah mengalami pasang surut dalam kepimpinannya. Ada kalanya ia dipimpin oleh seorang raja yang adil namun terdapat juga penguasa yang kurang bijak dan terlalu mementingkan kepentingan raja dan keluarga.

Walau bagaimanapun dalam pemerintahan Kerajaan Bani Umayyah sejarah pernah mencatat bahawa sepanjang kerajaan tersebut memerintah ia pernah dipimpin oleh seorang raja yang telah banyak membuat kebajikan dan perubahan dalam pemerintahan. Hal ini tidak dinafikan boleh jadi kerana kecerdikan dan perhatian baginda terhadap pelbagai kemaslahatan umat dan yang paling penting adalah faktor watak peribadi raja yang soleh dan tidak suka berfoya-foya. Dalam sejarah ini dalam pemerintahan kerajaan Bani Umayyah pernah dicatat seorang raja yang soleh, zuhud dan warak iaitu Umar bin Abdul Aziz. Sikap dan watak peribadi beliau amat terserlah bahkan ketegasan beliau terhadap nilai kejujuran amat tinggi sehingga beliau amat dikenang dalam memimpin kerajaan Bani Umayyah.

Sertai kami di internet!

www.jahabersa.com.my

Untuk maklumat lanjut mengenai penerbitan kami, judul-judul terkini, sinopsis atau analisis dari pembaca lain, sila lawati laman web kami di :

http://www.jahabersa.com.my

atau bagi sebarang pertanyaan, sila e-mail kami di perniagaanjahabersa@yahoo.com.sg

PJ-2274

ISBN 978-967-308-324-4

9 789673 083244

KANDUNGAN

BAB 9:

PEMERINTAHAN DINASTI MARWANIYYAH

BAB 10:

BAB 11:

BAB 13:

BAB 14:

KATA PENERBIT

بسم الله الرحمن الرحيم

Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Mengasihani

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِى اَلَّفَ بِالإِسْلاَمِ بَيْنَ قُلُوْبِ الْمُؤْمِنِيْنَ، وَاَوْجَبَ الاِتِّحَادَ
وَحَرَّمَ التَّفَارُقَ فِى كِتَابِ الْمُبِيْنِ. اَشْهَدُ اَنْ لاَ اِلٰــهَ اِلاَّ اللهُ هَدَى مَنْ شَاءَ
اِلَى صِرَاطِ الْمُسْتَقِيْمِ. وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ خَيْرَ دَاعٍ اِلَى الطَّرِيْقِ
الْقَوِيْمِ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
الَّذِيْنَ تَهَذَّبَتْ نُفُوْسُهُمْ وَاتَّخَذَتْ قُلُوْبُهُمْ فَكَانُوْا السَّادَةَ الْمَنْصُوْرِيْنَ.

Segala pujian hanya bagi Allah semata, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam semoga tercucurkan kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang telah membawa risalah, menunaikan amanah dan pemberi nasihat kepada umat, serta kepada ahli keluarganya, sahabat-sahabatnya dan mereka yang sentiasa mengikut sunnahnya.

Kami sebagai penerbit berasa bangga dan bahagia kerana dapat menerbitkan buku lagi yang bertajuk:

"PEMERINTAHAN KERAJAAN BANI UMAYYAH"

Sejarah tentang kerajaan-kerajaan Islam setelah zaman tabiut tabiin telah terbentang dalam sejarah umat manusia, mereka telah melalui hidup dalam pemerintahan dari zaman ke zaman. Ada kalanya dalam memerintah seorang penguasa banyak mengambil berat terhadap kepentingan umat sehingga nama mereka harum dikenang sepanjang zaman. Namun terdapat juga penguasa yang kurang bijak sehingga rekod dalam sejarah dan peradaban umat nama raja tersebut tidak begitu baik disebabkan pola hidup yang glamor yang kurang disukai oleh rakyat. Buku yang ada di hadapan pembaca ini merupakan kitab yang membincangkan tentang sejarah kerajaan Islam di masa lalu iaitu kerajaan yang diterajui dari kalangan Bani Umayyah. Pemerintahan yang diterajui oleh para sultan dari Bani Umayyah ini telah mengalami pasang surut dalam kepimpinannya. Ada kalanya ia dipimpin oleh seorang raja yang adil namun

terdapat juga penguasa yang kurang bijak dan terlalu mementingkan kepentingan raja dan keluarga.

Walau bagaimanapun dalam pemerintahan Kerajaan Bani Umayyah sejarah pernah mencatat bahawa sepanjang kerajaan tersebut memerintah ia pernah dipimpin oleh seorang raja yang telah banyak membuat kebajikan dan perubahan dalam pemerintahan. Hal ini tidak dinafikan boleh jadi kerana kecerdikan dan perhatian baginda terhadap pelbagai kemaslahatan umat dan yang paling penting adalah faktor watak peribadi raja yang soleh dan tidak suka berfoya-foya. Dalam sejarah ini dalam pemerintahan kerajaan Bani Umayyah pernah dicatat seorang raja yang soleh, zuhud dan warak iaitu Umar bin Abdul Aziz. Sikap dan watak peribadi beliau amat terserlah bahkan ketegasan beliau terhadap nilai kejujuran amat tinggi sehingga beliau amat dikenang dalam memimpin kerajaan Bani Umayyah

Selanjutnya kami dari pihak penerbit berasa senang dan berbangga hati semoga usaha yang memeras tenaga dan fikiran dalam menyusun serta melakukan beberapa peringkat kerja keras lainnya bagi terbitnya buku ini, sehingga ia dapat dibaca dan mendatangkan manfaat bagi umat Islam secara amnya. Dari semua ini apa yang terpenting bagi kami adalah mendapatkan keredaan dari Allah SWT.

Semoga penyajian, huraian dan paparan dalam buku ini dapat mendatangkan manfaat serta pengajaran yang berguna bagi kita. Akhirnya kami dari pihak penerbit tidak lupa mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak EIMEDIA yang sudi bekerja sama sehingga buku ini dapat diterbitkan. Segala kebenaran datangnya hanya dari Allah SWT semata, oleh kerananya kami sangat mengalu-alukan saranan dan cadangan dari pembaca bagi kesempurnaan pada cetakan yang akan datang dari segala kesilapan dan kekurangan. Hanya Allah yang Maha Sempurna lagi Maha Benar.

Penerbit,
Perniagaan Jahabersa

SEPATAH KATA
DARI PENYUSUN

Dengan Nama Allah Yang Maha
Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Khalifah-khalifah kerajaan bani Umayyah adalah berasal dari keturunan Umayyah bin Abdul Syams bin Abdul Manaf bin Qusai, seorang ketua atau pemuka Quraisy yang terkemuka pada zaman jahiliah. Kemuliaan, keunggulan serta ketinggian darjat Umayyah bin Abdul Syams pada mata masyarakat atau penduduk kota Mekah, khasnya masyarakat kaum Quraisy amatlah tinggi sekali tiada tolak bandingan hampir-hampir bahkan telah menyamai kemuliaan, keunggulan dan ketinggian darjat Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusai, paman atau bapa saudara beliau. Kerana merasa dirinya sudah mencapai darjat yang tinggi di mata masyarakat kaumnya di kota Mekah kerana banyaknya dia melakukan kerja-kerja amal seperti sentiasa memberi makan kepada penduduk kota Mekah yang kelaparan, membantu para musafir yang kehabisan bekalan atau kesesatan dan juga memberi hadiah-hadiah yang bernilai kepada kaum bangsawan yang lain semata-mata untuk menyemai benih kasih sayang di dalam masyarakat, sebagaimana yang telah lama dilakukan oleh bapa saudaranya Hasyim bin Abdul Manaf telah menyebabkan Umayyah bin Abdul Syams telah mencabar bapa saudaranya yang telah teguh kehormatannya itu untuk bertanding dengannya bagi menentukan siapakah di antara mereka berdua yang lebih dipandang mulia oleh masyarakat kaumnya khususnya masyarakat Quraisy yang berdiam di kota Mekah itu.

Pertaruhannya amat berat sekali. Bukan pertaruhan sekadar ratusan dinar atau pertaruhan puluhan unta, tetapi adalah pertaruhan marwah dan ratusan ekor unta. Iaitu bagi sesiapa yang tewas hendaklah menyembelih sebanyak seratus ekor unta dan dagingnya hendaklah dimasak kemudian diberi makan kepada kaum fakir miskin di kota Mekah setelah itu dia (yang tewas) hendaklah meninggalkan kota Mekah pergi ke mana-mana tempat atau negeri yang dia sukai selama sepuluh tahun. Kemudian baru dibenarkan pulang semula ke kampung halaman di kota Mekah.

Keputusan pengadil ialah Hasyim bin Abdul Manaf telah memenangi pertaruhan atau pertandingan kemuliaan itu dan Umayyah bin Abdul Syams dikehendaki menyembelih seratus ekor unta dan dijamu dagingnya kepada kaum fakir miskin kota Mekah serta hendaklah dia segera meninggalkan kota Mekah selama sepuluh tahun baru dapat pulang semula.

Dengan membawa hati yang sakit dan berdendam kepada bapa saudaranya Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusai, maka Umayyah bin Abdul Syams setelah melakukan korban dan memberi makan kepada kaum fakir miskin penduduk Mekah, kemudian dia keluar meninggalkan kota Mekah menuju ke negeri Syam dan menetap di sana selama sepuluh tahun.

Sejak saat itulah api permusuhan dan kebencian mula timbul di dalam keluarga bani Umayyah bin Abdul Syams terhadap keluarga atau keturunan bani Hasyim di mana di dalamnya telah lahir Nabi Muhammad saw, Sayyidina Ali bin Abu Talib dan Abdullah bin Abbas.

Tetapi setelah Nabi Muhammad saw bangkit, baginda telah berjaya memadam api kebencian dan asap permusuhan di antara bani Umayyah dengan bani Hasyim dengan menyatukan mereka di dalam agama Islam. Sejak itu kaum bani Umayyah dan bani Hasyim telah hidup rukun damai serta saling berkasih sayang sehinggalah Rasulullah saw wafat.

Pada masa pemerintahan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Umar bin al-Khattab, kaum muslimin seluruhnya hidup bersatu padu dan berjuang membasmi kaum murtad, dan berjuang ke negeri Iraq dan Syam menentang orang-orang Farsi dan Rom. Pada ketika ini keluarga Abu Sufyan bin Harb telah menunjukkan jasa mereka yang besar terhadap agama Islam dengan seluruh anggota keluarga mereka lelaki dan perempuan telah berkorban tenaga, harta dan nyawa demi mendaulatkan agama Islam di seluruh bumi Arab. Abu Sufyan bin Harb sampai kehilangan kedua-dua matanya kerana berjuang di jalan Allah pada masa hayat Rasulullah saw dan masa pemerintahan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Dalam peperangan di medan Yarmuk pada zaman peralihan pemerintahan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq kepada Khalifah Umar bin al-Khattab, puteri Abu Sufyan iaitu Juwairiyyah telah terkorban syahid bersama-sama kaum lelaki. Demikian tingginya pengorbanan dan perjuangan keluarga bani Umayyah di dalam membela agama Islam sejak zaman Rasulullah saw, Abu Bakar as-Siddiq dan Umar bin al-Khattab.

Tetapi apabila terjadi pembunuhan ke atas Khalifah Irrasyidin yang ketiga iaitu Khalifah Uthman bin Affan, yang merupakan seorang daripada anggota keluarga bani Umayyah, orang-orang bani Umayyah terutamanya Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menuduh Sayyidina Ali bin Abu Talib turut terlibat sama menyertai para pemberontak membunuh Khalifah Uthman bin Affan. Maka sejak itu madu kasih sayang antara bani Umayyah dengan bani Hasyim telah dipecah atau dimusnahkan oleh api kemarahan, kebencian dan permusuhan yang tidak dapat dicantumkan kembali sebagaimana keadaan mereka pada masa-masa sebelumnya.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan, gabenor negeri Syam sejak zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan Khalifah Uthman bin Affan yang telah mengembangkan pengaruhnya di negeri Syam selama beliau menjadi gabenor di situ telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib. Dengan memimpin angkatan tenteranya yang berjumlah kira-kira 85,000

orang yang kesemuanya adalah orang-orang Syam, dia mara ke negeri Iraq dan berlakulah pertempuran dengan pihak tentera Khalifah Ali bin Abu Talib yang berjumlah kira-kira 95,000 orang. Akibatnya berpuluh-puluh ribu umat Muslimin termasuk para sahabat Rasulullah saw yang tidak sedikit jumlahnya telah terkorban oleh api persengketaan itu.

Peperangan di medan Siffin yang terjadi pada tahun 37 hijrah itu telah berakhir dengan perdamaian dan wujudnya Majlis Tahkim untuk memilih khalifah yang baru. Kerana kelicikan pihak Mu'awiyah bin Abu Sufyan, pihak Khalifah Ali bin Abu Talib telah berpecah menjadi dua golongan. Iaitu golongan Syiah yang terus menyokong dan mendokong pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib dan golongan Khawarij yang telah bangkit memusuhi dan memerangi pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib dan juga pihak Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Ketika ini seolah-olah kerajaan umat Islam telah terbahagi kepada dua golongan atau bahagian. Satu bahagian berkerajaan di Iraq di bawah pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib, dan merupakan pemerintahan Islam yang sah di sisi undang-undang dan hukum. Dan satu bahagian lagi berkerajaan di negeri Syam di bawah pemerintahan Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang merupakan kerajaan yang tidak sah di sisi perlembagaan dan undang-undang Islam.

Dalam keadaan ini Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus mengukuhkan kedudukannya di negeri Syam dan telah membuka sayapnya ke negeri Mesir dan Yaman. Manakala pihak Khalifah Ali bin Abu Talib yang mampu berkuasa di Irak, Hijaz dan negeri-negeri di sebelah timur sahaja terus sibuk menghadapi kaum Khawarij di Iraq yang beria-ia mahu memberontak terhadap pemerintahan baginda.

Setelah Khalifah Ali bin Abu Talib berjaya memadam pemberontakan kaum Khawarij dan bersiap-siap untuk menyerang kedudukan Mu'awiyah bin Abu Sufyan di negeri Syam, tiba-tiba baginda telah dibunuh oleh saki baki kaum Khawarij yang masih berkeliaran di kota Kufah.

Kaum Muslimin khususnya penduduk kota Kufah telah melantik pula putera sulung Khalifah Ali bin Abu Talib iaitu Sayyidina Hasan sebagai khalifah yang baru menggantikan tempat ayahandanya yang terbunuh itu. Tetapi Khalifah Hasan bin Ali tidak mahu melihat umat Islam terus berpecah, lemah dan hancur. Baginda telah mengambil keputusan untuk menyerahkan kuasa khalifah kepada pihak Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Setelah membuat beberapa perjanjian dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka terserahlah jawatan Khalifah Umat Islam ke tangan Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Peristiwa ini terjadi pada tahun 41 hijrah/661 Masehi.

Dengan terlantiknya Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi khalifah umat Islam, maka bersatulah seluruh umat Islam di seluruh dunia Islam dan tahun itu dinamakan Tahun Penyatuan ataupun Am Jamaah.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadikan kota Damsyik di negeri Syam sebagai pusat pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Baginda mentadbir seluruh dunia Islam dari sana.

Untuk makluman semua para pembaca yang budiman, pada umumnya penduduk negeri Syam terbahagi kepada dua suku kaum yang besar iaitu suku Qais (Arab Utara) dan suku Yaman (Arab Selatan). Suku Qais adalah datang dari susurgalur salasilah Mudhar bin Nizar bin Maad bin Adnan. Manakala suku Yaman datang dari susurgalur salasilah Rabi'ah bin Nizar bin Maad bin Adnan. Kedua-dua suku Arab ini bertempat di negeri Syam sejak zaman berzaman lagi. Mereka saling berkelahi kerana mahu menjadi pemimpin atas kaum yang lain. Tetapi Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebaik sahaja dilantik menjadi gabenor di negeri Syam telah berjaya menyatupadukan mereka menjadi satu kaum yang kuat dan setia menyokong pemerintahan kerajaan bani Umayyah di bawah pentadbiran baginda. Namun apa yang harus disedari, bahawa kaum Quraisy adalah sama kaum dengan suku Qais kerana sama-sama dari keturunan Mudhar bin Nizar bin Maad bin Adnan.

Tidak sebagaimana para Khalifah Irrasyidin yang empat dan tidak juga sebagaimana khalifah kerajaan bani Abbasiyyah, kerajaan bani Umayyah diperintah oleh dua peringkat jalur keturunan bani Umayyah. Peringkat jalur pertama para khalifahnya terdiri daripada keturunan Abu Sufyan bin Harb bin Umayyah. Mereka setakat tiga jenerasi sahaja. Setelah itu kepemimpinan atau para khalifah telah beralih atau diambil alih pula oleh keturunan al-Hakkam bin Abul Ass bin Umayyah yang dikepalai oleh Marwan bin al-Hakkam dan diteruskan oleh anak-anak, cucu-cucu serta cicit-cicitnya sehinggalah kerajaan bani Umayyah yang berpusat di kota Damsyik tumbang dan hancur di tangan puak-puak dari golongan atau keturunan Abdullah bin Abbas bin Abdul Muttalib, saudara sepupu Rasulullah saw yang dinamakan kerajaan bani Abbasiyyah. Jumlah keseluruhan khalifah-khalifah kerajaan bani Umayyah ialah seramai 14 orang.

Para Khalifah Irrasyidin tidak menentukan anak-anak atau kerabat untuk mengganti mereka. Manakala para pemerintah kerajaan bani Abbasiyyah tidak pernah berpindah tangan daripada keturunan Abdullah bin Abbas kepada keturunan Qutsam bin Abbas atau al-Fadhal bin Abbas. Inilah perbezaan yang paling ketara atau menjolok di antara kerajaan bani Umayyah dengan para pemerintah Khalifah Irrasyidin dan dengan kerajaan bani Abbasiyyah.

Dari aspek pentadbiran pula, memang para pemerintah kerajaan bani Umayyah telah menyumbang jasa yang amat besar terhadap perkembangan dan kemajuan agama Islam. Perluasan tanah jajahan terus berkembang yang dimulakan (sebenarnya diteruskan) oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan menakluk beberapa buah negara sama ada tanah besar atau pulau, sehingga kerajaan Islam amat dihormati dan digeruni oleh kuasa-kuasa Keristian pada ketika itu khasnya kerajaan Rom Timur atau kerajaan Byzentium yang berpusat di kota Constantinople, Turki. Tanah jajahan Islam semakin

meluas dan menjulang di barat sampai ke benua Afrika bahagian utara, terus ke negara Sepanyol dan hampir-hampir menguasai bumi Perancis dan di belahan timur telah memasuki bahagian utara Tanah Besar India dan mencapai sempadan negara China pada masa pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan. Manakala di belahan utara mencapai Asia Kecil. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik inilah tanah jajahan taklukan kerajaan Islam sudah menjadi begitu luas dan dikatakan bagindalah pemerintah kerajaan bani Umayyah yang paling agong kerana kejayaan-kejayaan penaklukan tersebut.

Namun pada zaman pemerintahan kerajaan bani Umayyah, zaman keemasan ilmu pengetahuan belum lagi bermula. Dalam erti kata semua jenis ilmu pengetahuan seperti falsafah, matematik, kedoktoran, astronomi, pertanian, penciptaan dan sebagainya masih belum mencapai tahap kemajuan yang sepenuhnya. Tetapi ilmu pengetahuan dalam bidang agama, tatabahasa Arab dan kesusasteraan, pada zaman pemerintahan kerajaan bani Umayyah yang memakan masa selama kira-kira 91 tahun itu telah mencapai kejayaan yang cemerlang sekali. Pada zaman ini bidang-bidang ilmu keagamaan diasingkan. Ulama' tafsir, ulama' hadis dan ulama' fekah sedang berada di kemuncak penguasaan di bidang ilmu berkaitan sehingga banyak sekali mazhab-mazhab dibangunkan. Kaum fuqaha' tujuh Madinah yang sangat terkemuka muncul pada zaman pemerintahan kerajaan bani Umayyah ini. Bahkan imam-imam terkemuka di dalam bidang fekah dan tasauf begitu ramai muncul pada zaman ini.

Dalam bidang kesusasteraan pula, pada zaman kerajaan bani Umayyah ini semakin luas berkembang. Para penyair terkenal seperti Jarir, Farazdaq dan Akhtar telah lahir pada zaman ini. Begitu juga dengan kemajuan ilmu tatabahasa Arab. Ulama'-ulama' nahu muncul di sana sini untuk membetulkan ayat-ayat dalam bahasa Arab yang mula diresapi oleh unsur-unsur bahasa ajam seperti Farsi terutamanya dan mula menyeleweng sebutannya tidak menepati tatabahasa Arab yang asli.

Apa yang dapat diunggulі tentang kerajaan bani Umayyah ialah berkaitan penaklukan wilayah-wilayah secara besar-besaran sebagai kesinambungan perjuangan sejak pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan penguasaan ilmu pengetahuan agama yang dipelopori oleh Rasulullah saw sendiri dan pengembangan kesusasteraan juga adalah dipelopori sejak zaman jahiliyyah dan zaman Rasulullah saw juga dan zaman Khalifah Irrasyidin. Cuma isinya yang berbeza.

Namun di sebalik semua keunggulan yang telah mengangkat martabat agama Islam di mata dunia, terdapat juga kejelekan yang dilakukan oleh sebahagian pemimpin kerajaan dinasti ini seperti pemerkosaan ke atas tempat-tempat mulia dan hormat dan pemusnahan para tokoh ulama' terbilang dan juga orang-orang salih oleh segelintir pegawai-pegawai kerajaan yang bertujuan untuk menegakkan tulang belakang kerajaan yang mereka dokong. Ini tidak

dapat dipadamkan daripada sejarah perjuangan kerajaan bani Umayyah.

Dan harus diingat, sesuatu yang seperti sengaja disembunyikan tentang fakta-fakta mulia yang berkaitan peribadi beberapa orang khalifah bani Umayyah yang dianggap penuh dengan keburukan dan kerendahan moral; ini tidak dapat dipadamkan daripada sejarah perjuangan kerajaan bani Umayyah.

Apapun jasa-jasa dan perilaku kejam yang dilakukan oleh sebahagian para khalifah atau pemerintah kerajaan bani Umayyah sejak zaman pengasasnya sampailah ke zaman keruntuhan dan kehancurannya tidak dapat dilupakan oleh umat Islam hari ini. Inilah yang dikatakan, di sebalik sebuah mahligai emas yang didirikan, bukan orang tidak tahu sebahagian tapaknya adalah tertegak di atas limbahan darah dan lendir yang hanyir.

Sebagai akhir kata penyusun, penyusun sangat-sangat mengharapkan semoga buku ini dijadikan tatapan umum oleh seluruh umat Islam yang cintakan pengetahuan khasnya sejarah Islam. Ambillah pengetahuan dan pengajaran daripadanya. Sekiranya kedapatan kepada para pembaca ada di dalamnya kesalahan dan kesilapan yang menyalahi fakta-fakta sejarah yang muktabar, penyusun bersedia membuka telapak tangan penyusun untuk menerima perbetulannya. Semoga buku ini disarati dengan maklumat yang benar dan tepat, bukan maklumat yang tidak wajar dan berasal dari sumber yang diragui. Tetapi di dalam menyusun ilmu di dalam bidang sejarah, sudah tentu sumber pengambilannya tidaklah sejernih sumber yang diambil dari periwayat hadis tentang hukum hakam, kerana sejarah adalah semata untuk pengetahuan, sedangkan hukum hakam adalah untuk diamalkan, tidak boleh diambil daripada sumber yang tidak benar-benar sahih.

Imam Ahmad bin Hanbal sendiri mengakui bahawa sumber-sember sejarah tidaklah dapat ditapis secara halusi, kerana sekiranya penapisan sumber sejarah dihalusi sebagaimana menapis sumber hadis berkaitan akidah dan hukum, maka umat Islam sudah pasti tidak akan dapat mengetahui sejarah perjuangan dan perkembangan Islam. Sebab itu wajar sekali para sejarawan Islam menulis sejarah Islam sejak zaman Nabi Adam as sampailah ke zaman hayat mereka tidak dengan menggunakan syarat-syarat ulama' hadis khasnya syarat Imam Bukhari dan Imam Muslim.

Semoga Allah SWT menerima buku ini sebagai suatu amal jariah yang diberi pahala yang berpanjangan. Keikhlasan penyusun di dalam menulis dan menyusun buku ini hanya Allah SWT sahaja yang mengetahuinya.

Pemerintahan Peringkat Pertama

Dinasti Sufyaniyyah

MU'AWIYAH BIN ABU SUFYAN
(41-60 Hijrah=661-680 Masihi)

Pengenalan

Nama Mu'awiyah bin Abu Sufyan memanglah amat terkenal sekali dalam sejarah Islam. Maksudnya bukan setelah beliau berjaya menubuh kerajaan, tetapi sejak zaman hayat Rasulullah s.a.w. lagi. Kenapa Mu'awiyah bin Abu Sufyan begitu terkenal pada zaman Rasulullah s.a.w., bukankah beliau termasuk ke dalam senarai mereka yang agak lewat menerima seruan agama Islam yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.?

Sebenarnya terdapat beberapa nama atau tokoh yang agak lewat memeluk agama Islam, tetapi kemudiannya telah muncul menjadi penyumbang yang besar kepada perjuangan Islam. Sebagai contoh Sayidina Umar bin al-Khattab, Khalid bin al-Walid dan Amru bin al-Ass. Kalau hendak dikira, keislaman ketiga-tiga orang ini jauh lebih terkemudian berbanding Islamnya Suhail bin Baidha', Amir bin Rabi'ah dan Abu Sibrah bin Abu Ruhm!

Saya mahu bertanya kepada saudara-saudari pembaca semua, apakah kebanyakan kita mengenali nama ketiga-tiga orang yang paling awal beriman kepada seruan Nabi Muhammad s.a.w. yang saya sebut nama mereka di atas itu? Manakah yang lebih mereka kenal berbanding Umar, Khalid dan Amru?

Inilah juga yang telah terjadi ke atas diri Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Ya, Mu'awiyah bin Abu Sufyan memeluk agama Islam bersama-sama dengan ayah dan ibunya setelah kota Mekah dapat ditawan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda pada tahun ke 8 hijrah. Ketika itu Mu'awiyah masih sangat muda, baru berusia 23 tahun. Manakala Rasulullah s.a.w. sudah berusia 60 tahun. Jelas di sini perbezaan jarak usia antara Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Rasulullah s.a.w. adalah jauh sekali iaitu sebanyak 37 tahun.

Ketika ketiga-tiga sahabat Nabi iaitu Suhail bin Baidha', Amir bin Rabi'ah dan Abu Sibrah bin Abu Ruhm memeluk agama Islam pada zaman awal kebangkitan agama Islam, mereka bertiga tidak lebih hanya merupakan penganut-penganut agama Islam yang amat setia kepada Rasulullah s.a.w. dan lebih menumpukan kepada usaha untuk menyelamatkan iman mereka sahaja.

Malah ketiga-tiga sahabat ini termasuk di antara 15 orang penganut Islam yang pertama kali telah berhijrah ke negeri Habsyah kerana tidak tahan menanggung penderitaan penyiksaan yang dilakukan oleh orang-orang musyrikin Quraisy terhadap para penganut Islam di kota Mekah. Ini menunjukkan betapa tingginya derjat ketiga-tiga sahabat ini di sisi Allah SWT. Namun tiada peranan yang lebih besar yang telah ketiga-tiga sahabat ini mainkan di dalam usaha mengembangkan atau meningkatkan martabat agama Islam di Tanah Arab.

Tetapi sebaik sahaja Sayidina Umar bin al-Khattab memeluk agama Islam pada tahun ke 6 kenabian, secara mengejut agama Islam menjadi kuat dan terhormat. Begitu juga ketika Khalid bin al-Walid dan Amru bin al-Ass memeluk agama Islam pada tahun ke 7 hijrah/629 Masihi, telah menyebabkan agama Islam menjadi bertambah-tambah gagah dan berwibawa. Ini adalah kerana Khalid dan Amru adalah dua orang pahlawan Arab yang sangat perkasa dan merupakan ahli strategik perang yang amat unggul.

Begitu juga dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sebaik sahaja kota Mekah ditawan dan Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memeluk agama Islam (entah ketika itu secara sukarela atau terpaksa. Tetapi mengikut katanya, dia memeluk agama Islam sejak tahun ke 6 hijrah/628 Masihi semasa Nabi dan para sahabat baginda seramai 1,400 orang datang ke kota Mekah kerana mengerjakan Umratul Qadha', tetapi dia menyembunyikan keislamannya itu daripada pengetahuan seluruh orang-orang Mekah termasuk ayah dan ibunya), namun kerana keunggulan peribadinya disertai dengan pengaruh keluarga dan dengan kepandaiannya membaca dan menulis dengan baik dan elok, maka keislamannya telah menjadikan dia sangat bererti kepada Rasulullah s.a.w. Di atas kelebihan yang terdapat pada dirinya itu telah membawa diri Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi orang yang dekat persahabatannya dengan Rasulullah s.a.w. kerana dia dipilih dan dilantik menjadi salah seorang daripada 23 orang para penulis wahyu yang diturunkan kepada baginda Rasulullah s.a.w.

Kerana jawatan ini telah mengangkat darjat Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang baru sekejap tadi memeluk agama Islam ke tempat mulia dan terhormat serta namanya unggul di kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. melebihi segolongan para sahabat yang awal beriman yang disebut 'As-Sabiqul al-Awwalun'.

Tapi harus diingat, tidak semestinya keternamaan nama di sisi Rasulullah s.a.w. dan di kalangan para sahabat baginda juga bererti ketinggian darjatnya di sisi Allah SWT. Ini tentunya tidak dapat menandingi darjat para penganut Islam yang awal yang kurang ternama namanya di sisi Rasulullah s.a.w. disebabkan kekurangan mereka di dalam kebolehan dan kepandaian. Atau datang dari kalangan keluarga yang tidak ternama.

Kelahiran Dan Salasilah

Memang tidak perlu diperkenalkan lagi bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah datang dari keluarga Abu Sufyan bin Harb, salah seorang pemimpin atau kepala kaum musyrikin Quraisy Mekah termasuk yang paling keras dan kuat menentang perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. yang membawa agama Islam kepada mereka. Tetapi untuk melengkapkan kisah beliau ini perlulah juga disenaraikan salasilah keluarga dan keturunan beliau secara lengkap sebagaimana di bawah:-

Beliau ialah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bin Harb bin Umayyah bin Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab bin Murrah bin Kaab bin Lu'ai bin Ghalib bin Fihr bin Malik bin an-Nadhir bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Nizar bin Maad bin Adnan.

Manakala salasilah beliau dari pihak ibunya pula ialah Mu'awiyah bin Hindun binti Utbah bin Rabiah bin Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab. Jelas keturunan ayah beliau bersambung keturunan ibu beliau ialah pada Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab.

Kalau kita perhatikan kedudukan salasilah keturunan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, kita mendapati bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan sama ada dari salasilah pihak ayah mahupun pihak ibu, beliau adalah datang dari keturunan orang-orang ternama Quraisy. Dari pihak ayahnya, dia adalah anak Abu Sufyan bin Harb, tokoh terkemuka dan pemimpin kaum musyrikin Quraisy yang ternama. Manakala dari pihak ibunya, beliau adalah dari keturunan Utbah bin Rabiah, juga seorang tokoh musyrikin Quraisy dan pemimpin mereka yang terkemuka.

Abu Sufyan bin Harb ayahnya adalah masih bersaudara dua pupu dengan ibunya Hindun binti Utbah.

Ayahnya Abu Sufyan bin Harb adalah pemimpin tentera musyrikin Quraisy yang menentang tentera Islam yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. dalam peperangan di Uhud yang terjadi pada tahun ke 3 hijrah/625 Masihi. Meletusnya peperangan Badar al-Kubra pada tahun ke 2 hijrah/624 Masihi adalah akibat dari sebab beliau juga. Abu Sufyan bin Harb yang memimpin angkatan perdagangan Quraisy yang pulang berniaga dari negeri Syam telah dihalang oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda dekat kota Madinah. Inilah punca keluarnya angkatan tentera musyrikin Quraisy yang dipimpin oleh Abu Jahal dan beberapa orang tokoh Quraisy dari kota Mekah menuju ke kota Madinah dan meletusnya peperangan Badar al-Kubra yang bersejarah itu.

Manakala ibunya Hindun binti Utbah pula adalah seorang wanita yang cerdik, tangkas dan berani. Menjadi pemimpin kaum wanita di dalam peperangan di bukit Uhud dan merupakan perempuan pemakan hati Sayidina Hamzah bapa saudara Rasulullah s.a.w. yang terkorban syahid di medan Uhud.

Kedua-dua ayah dan ibunya akhirnya telah memeluk agama Islam setelah kota Mekah berjaya ditakluk oleh tentera Islam yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. pada tahun ke 8 hijrah bersama anak-anak mereka.

Di kalangan para Khalifah Irrasyidin pula, orang yang paling dekat perhubungan dengan Mu'awiyah ialah Sayidina Uthman bin Affan, Khalifah Irrasyidin yang ketiga. Beliau adalah saudara dua pupu dengan Sayidina Uthman bin Affan. Ini adalah kerana moyang beliau Umayyah bin Abdul Syams adalah juga moyang kepada Sayidina Uthman bin Affan yang mana ayah Sayidina Uthman ialah anak kepada Abul Ass bin Umayyah.

Tentang perhubungan kekeluargaan Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Rasulullah s.a.w., juga jelas menunjukkan bahawa beliau masih dekat kekerabatan dengan baginda Utusan Allah Rasul terakhir ini, sama ada dari pihak ayah mahupun dari pihak ibu kerana salasilah kedua-duanya bersambung dengan Rasulullah s.a.w. pada Abdul Manaf bin Qusai. Ayah Mu'awiyah iaitu Abu Sufyan bin Harb bin Umayyah bin Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai. Manakala ibunya Hindun binti Utbah bin Rabiah bin Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai.

Ini menunjukkan bahawa dari pihak ayah dan juga ibunya, Mu'awiyah bin Abu Sufyan bin Harb adalah anak tiga pupu dengan Rasulullah s.a.w. Malah perhubungan kekeluargaan Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Rasulullah s.a.w. menjadi bertambah dekat setelah Rasulullah s.a.w. berkahwin dengan kakak beliau iaitu Ummu Habibah (nama sebenarnya Ramlah) binti Abu Sufyan. Dengan hubungan persemendaan ini menjadikan Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah adik ipar kepada Rasulullah s.a.w.

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua bahawa nama Abu Sufyan yang sebenarnya ialah Sakhar bin Harb. Tetapi lebih dikenali dalam sejarah Islam dengan gelaran atau panggilan Abu Sufyan bin Harb.

Demikianlah perjelasan tentang kedudukan salasilah lengkap keluarga dan keturunan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, pengasas kerajaan Daulat bani Umayyah yang sedang dibicarakan ini.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilahirkan di kota Mekah 15 tahun sebelum hijrah. Ini bererti ketika Sayidina Umar bin al-Khattab memeluk agama Islam tahun ke 6 hijrah/628 Masihi, beliau baru berusia 8 tahun. Ketika Rasulullah s.a.w. dipulau di Syiib Abu Talib tahun ke 9 kenabian, usia Mu'awiyah baru 11 tahun. Ketika Rasulullah s.a.w. berhijrah ke kota Madinah, usia Mu'awiyah ialah 15 tahun.

Jelas Mu'awiyah bin Abu Sufyan lebih muda daripada Sayidina Ali bin Abu Talib sebanyak 8 tahun. Ketika Ali bin Abu Talib memeluk Islam pada tahun pertama kenabian ketika berusia 10 tahun, Mu'awiyah bin Abu Sufyan baru berusia 2 tahun. Masih kanak-kanak yang tidak mengerti apa-apa.

Nama Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah terkait ketika orang-orang musyrikin Quraisy begitu hebat menyeksa orang-orang Islam di kota Mekah mulai tahun ke 3 kenabian sampailah ke tahun 13 kenabian. Ini adalah kerana selama berlaku perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan agama Islam di kota Mekah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan masih di peringkat usia kanak-kanak dan tidak turut menyeksa orang-orang Islam. Bahkan ketika Rasulullah s.a.w. berhijrah ke kota Madinah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan baru setahun mencapai usia baligh.

Sebagaimana orang-orang Arab lain yang telah berkahwin dan mendapat anak-anak dan diberi gelaran, Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga diberi gelaran. Gelaran beliau ialah Abu Abdul Rahman. Ini adalah kerana salah seorang anak beliau bernama Abdul Rahman. Tetapi gelaran Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak melekat pada dirinya sebagaimana juga dengan Sayidina Umar bin al-Khattab, Sayidina Uthman bin Affan dan Sayidina Ali bin Abu Talib.

Sifat-Sifat Peribadi

Di dalam memperkatakan tentang sifat-sifat peribadi Mu'awiyah bin Abu Sufyan, sebagaimana kebiasaan yang penyusun lakukan iaitu membahagikan kepada membicarakan peribadi lahir atau fizikal iaitu rupa paras dan bentuk badan (sekiranya terdapat maklumat) orangnya dan juga peribadi batin atau sifat-sifat kejiwaannya iaitu meliputi identiti akhlak dan akal fikirannya.

Marilah kita lihat bagaimanakah rupa atau sifat-sifat fizikal Mu'awiyah bin Abu Sufyan terlebih dahulu:-

Mengikut catitan ahli-ahli sejarah Islam di dalam menggambarkan rupa atau wajah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, mereka mengatakan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan termasuk manusia yang sangat kacak menawan, menarik dan warna kulitnya putih kemerah-merahan. Kekacakan dan ketampanan beliau menyaingi kekacakan dan ketampanan Sayidina Abu Bakar as-Siddiq, Sayidina Uthman bin Affan, Abu Ubaidah bin al-Jarrah, Mus'ab bin Umair, Talhah bin Ubaidullah dan lain-lain. Tetapi rasanya tidak dapat menyaingi kekacakan dan ketampanan Ja'far bin Abu Talib, Abu Sufyan bin al-Harith bin Abdul Muttalib, as-Saib bin Yazid, Qutsam bin Abbas dan Hasan bin Ali bin Abu Talib kerana kekacakan dan ketampanan orang berlima ini hampir menyerupai kekacakan dan ketampanan Rasulullah s.a.w.

Abu Hurairah (nama sebenarnya Abdul Rahman bin Sakhar ad-Dausi seorang yang berasal dari suku Arab Daus di Yaman dan seorang sahabat Nabi yang paling terkemuka dan paling banyak meriwayatkan hadis) pernah bercerita tentang rupa paras Mu'awiyah bin Abu Sufyan ketika beliau memandang kepada Aisyah binti Talhah bin Ubaidullah yang merupakan seorang perempuan yang sangat cantik jelita tiada tandingan di seluruh Tanah Arab, isteri kepada Mus'ab bin az-Zubair bin al-Awwam, "Aku belum pernah

melihat orang perempuan yang lebih cantik menawan melebihi Aisyah binti Talhah, kecuali seorang (lelaki - P) iaitu Mu'awiyah (bin Abu Sufyan - P) ketika beliau berada di atas mimbar Rasulullah s.a.w."

Satu lagi pengakuan yang dibuat oleh seseorang tentang kekacakan dan ketampanan Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah Aslam maula kepada Khalifah Umar bin al-Khattab yang berkata, "Mu'awiyah telah datang kepada kami (bersama-sama dengan beberapa orang rakannya - P), dan dialah yang paling kacak dan menawan (sekali - P) di kalangan (orang) yang datang itu."

Perbandingan yang dibuat oleh Abu Hurairah bahawa orang yang boleh menandingi kejelitaan Aisyah puteri Talhah ialah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang merupakan seorang lelaki menunjukkan betapa sangat kacak dan tampannya Mu'awiyah bin Abu Sufyan sehingga kekacakannya hanya layak untuk dibandingkan dengan kejelitaan seorang perempuan yang paling jelita di zamannya.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang mempunyai kerangka (tempurung atau tulang - P) kepala yang besar. Dalam erti kata yang lain, beliau adalah seorang yang mempunyai kepala yang besar. Diriwayatkan oleh sejarawan Islam bahawa ketika beliau telah menjadi khalifah, beliau telah pergi naik haji ke kota Mekah. Selepas orang ramai selesai datang bersalam-salaman dengan beliau, maka datanglah Abdullah bin az-Zubair dan berdiri di samping beliau. Ketika itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah pun selesai mencukur kepalanya. Jelas Abdullah bin az-Zubair melihat bentuk kepala Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang licin tanpa seurat rambut pun itu. Ibnuz Zubair sangat terkejut melihat rupa kepala Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sebegitu besar. Selama ini beliau tidak begitu mempedulikan bentuk kepala Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sentiasa terselindung di bawah kopiah dan serbannya. Dalam keadaan tercengang-cengang, tiba-tiba melompat keluar dari mulut Abdullah bin az-Zubair kata-kata;

"Wahai Amirul Mu'minin! Alangkah besarnya tempurung kepalamu."

Lantas dijawab oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan nada bergurau, "Diamlah engkau! Bertakwalah kepada Allah. Nanti dari kepala yang besar ini keluar ular yang akan mengejar dan membunuhmu pula."

Kata-kata Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini mengandungi makna simbolik. Ertinya kepalanya yang besar itu tidak pernah kosong daripada cetusan-cetusan fikiran-fikiran atau idea-idea tentang cara-cara bagaimana untuk menghapuskan musuh-musuhnya yang tidak dapat diperbaiki dengan cara yang baik dan lembut.

Meskipun kekacakan wajahnya tidak pernah luntur, tetapi ketampanan badannya telah luntur setelah beliau meningkat tua. Diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah Islam tatkala Mu'awiyah bin Abu Sufyan meningkat tua (kemungkinan

setelah berusia lebih daripada 60 tahun), didapati badan beliau telah menjadi gemuk dan perut menjadi gendut (besar kerana buncit). Ketika beliau membaca khutbah Jumaat, beliau sering membaca sambil duduk di atas mimbar kerana badannya yang berat kerana gemuk dan perutnya yang besar itu.

Ini semua terjadi kerana Mu'awiyah bin Abu Sufyan terkenal sejak dari zaman mudanya adalah seorang yang sangat kuat makan. Kesukaannya kepada makan dan minum secara berlebihan tidak dapat dikawal atau dikurangkan terutama setelah terjadi satu peristiwa yang ada kaitan dengan kata-kata Rasulullah s.a.w. Peristiwa itu diceritakan oleh Abdullah bin Abbas, saudara sepupu Rasulullah s.a.w. Marilah kita lihat atau saksikan bagaimanakah terjadinya peristiwa itu:-

Ibnu Abbas bercerita, pada suatu hari Rasulullah s.a.w. telah datang kepada beliau yang sedang bermain-main dengan kawan-kawannya yang sebaya (kerana ketika itu beliau masih kanak-kanak). Sebaik sahaja beliau terpandang kepada Rasulullah s.a.w. yang datang kearahnya itu, maka beliau sudah dapat mengagak tujuan kedatangan baginda kepadanya itu. Beliau berfikir di dalam hati, "Rasulullah tidak datang kepadaku melainkan ada sesuatu keperluannya kepada diriku."

Abdullah bin Abbas menyembunyikan dirinya agar dia terlepas daripada sasaran pandangan mata Rasulullah s.a.w. Tetapi ternyata Rasulullah s.a.w. sememangnya perlu kepadanya. Baginda terus mengekorinya sehingga dapat. Setelah Rasulullah s.a.w. berada di hadapannya, baginda berkata kepada beliau;

"(Wahai Ibnu Abbas!), pergilah dan panggillah Mu'awiyah (agar datang kepadaku)."

Tanpa berlengah lagi, Abdullah bin Abbas terus berlari ke rumah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan memanggil-manggil nama Mu'awiyah. Tiba-tiba seorang perempuan (entah isteri atau khadam Mu'awiyah) muncul dan memberitahu kepada Abdullah bin Abbas bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan sedang makan. Tanpa menunggu lagi, Abdullah bin Abbas terus berlari kembali kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang menunggunya. Dia memberitahu kepada baginda;

"Wahai Rasulullah! Mu'awiyah sedang makan."

"Pergi semula panggil dia kemari," perintah Rasulullah s.a.w. yang mahu agar Mu'awiyah bin Abu Sufyan segera menyudahkan makannya dan datang segera kepada baginda. Sekali lagi Abdullah bin Abbas pergi ke rumah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan kembali lagi memberitahu kepada Rasulullah s.a.w.;

"Wahai Rasulullah! Mu'awiyah masih lagi makan."

Rasulullah s.a.w. menyuruh saudara sepupu baginda itu agar pergi sekali lagi memanggil Mu'awiyah bin Abu Sufyan supaya segera datang kepada

baginda. Ini adalah perintah Rasulullah s.a.w. buat kali ketiga kepada Abdullah bin Abbas. Tetapi sekali lagi Abdullah bin Abbas datang memberitahu kepada Rasulullah s.a.w. bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan masih lagi belum selesai makan. Maka baginda terus bersabda (kerana merasa kecewa kepada Mu'awiyah - P);

"Semoga Allah tidak mengenyangkan perutnya."

Sejak saat itu perut Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah merasa kenyang dengan makanan. Mu'awiyah bin Abu Sufyan mengakui hal ini, katanya, "Demi Allah! Aku tidak pernah merasa kenyang, selalu merasa lapar (dan sentiasa ingin kepada makan dan minum)."

Setelah makan sebanyak tujuh pinggan yang besar-besar, Mu'awiyah tidak berhenti setakat itu sahaja, tetapi beliau makan pula halwa-halwa (makanan manis) dan juadah-juadah serta buah-buahan yang lazat-lazat. Namun kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan, sikapnya yang kuat makan itu tidak menjadi suatu keaiban kepadanya. Ini adalah kerana beliau adalah sahabat Rasulullah s.a.w. dan Rasulullah s.a.w. pernah memohon keampunan kepada Allah SWT untuk dirinya. Bahkan Allah SWT secara umum di dalam al-Qur'an telah menyatakan bersedia memberi keampunan kepada para sahabat Rasulullah s.a.w. termasuklah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Dan Rasulullah s.a.w. pernah membayangkan di dalam beberapa hadis baginda bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang ahli syurga.

Di samping itu sebahagian ulama' mengatakan, kuat makan adalah suatu nikmat bagi para raja-raja. Ini adalah kerana raja-raja memiliki harta yang sangat banyak dan wajar sekali mereka kuat makan dan terus bernikmat-nikmat dengan makanan yang berbagai-bagai macam yang dihidangkan kepada mereka. (kisah ini dipetik dari buku susunan Ibnu Muhammad yang berjudul Kisah-Kisah Menyayat Hati Dari Kehidupan Para Khalifah Islam).

Tentang bagaimana bentuk bangunan tubuh Mu'awiyah bin Abu Sufyan, penyusun masih belum menemui riwayatnya. Tetapi mengikut ilmu firasat, seseorang pahlawan tidak jauh beza bentuk fizikalnya. Kebanyakan pahlawan adalah manusia-manusia yang tegap, hebat dan ketinggian mereka adalah sederhana atau sedikit tinggi. Inilah juga barangkali bentuk fizikal Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Lebih-lebih pula sebagaimana yang dikatakan oleh Huzaifah bin al-Yamani ketika dia diutuskan oleh Rasulullah s.a.w. supaya mengintip tentera Ahzab. Dia terpandang kepada Abu Sufyan bin Harb, ayah kepada Mu'awiyah adalah seorang lelaki yang tegap, tinggi dan gagah. Mungkin sekali bangunan tubuh Mu'awiyah menuruni sifat-sifat tubuh badan ayahnya.

Tentang sifat-sifat batin atau kejiwaan Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula, juga termasuk akalnya, marilah kita lihat kenyataan-kenyataannya di bawah ini:-

Sifat-sifat kejiwaan atau perangai Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang paling

menonjol sekali ialah tujuh sifat iaitu pertama tentang kesempurnaan akalnya (sangat kuat daya ingat, cerdik, panjang berbelit-belit dan bijaksana), kedua kuat menahan perasaan marah yang disebut 'sifat hilm', ketiga murah hati, keempat berani, kelima pemaaf, keenam tidak pendendam dan ketujuh bercita-cita tinggi.

Tentang kesempurnaan dan kelebihan akalnya. Memang Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang mempunyai kelebihan daya akal yang sangat tinggi. Dari sudut kekuatan daya ingatan, memang Mu'awiyah bin Abu Sufyan amat terkenal sekali. Begitu juga dengan kecerdikannya, panjang akal dan bijaksana. Memang akal yang seperti ini adalah milik Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Apabila kita membaca sejarah hidup dan perjuangan beliau, kita dapati Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang yang memiliki kelima-lima jenis kategori kecerdikan ini. Kerana ketinggian daya inteleknya, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berjaya menarik seorang tokoh Arab yang amat terkenal gagah perkasa, cerdik, licik, licin dan bijaksana ke dalam pihaknya iaitu Amru bin al-Ass yang merupakan Sang Kancil Arab dan pahlawan mereka yang tidak ada tolak bandingan yang ketika terjadi persengketaan beliau dengan Khalifah Ali bin Abu Talib sedang mengasingkan diri di negeri Palestin.

Sepanjang perjuangan beliau di dalam bidang politik, Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangat cerdik. Beliau tidak selamanya mengambil sikap keras dan tegas, tetapi berapa banyak luang hidupnya beliau mengambil sikap berlembut dan mengalah sehingga adakala dilihat seperti beliau seorang yang lemah dan bodoh. Padahal tindakan mengalah dan lemah yang diperlihatkan oleh beliau itu adalah satu senjata yang sangat kuat dan membolehkannya menjadi lorong atau jalan kepada beliau untuk mencapai apa yang beliau inginkan.

Disebabkan kecerdikannya, Mu'awiyah bin Abu Sufyan pandai bermain emosi manusia terutama emosi lawannya. Diriwayatkan beliau pernah berkata, "Seandainya ada sehelai rambut (yang saling tarik menarik) antara aku dengan manusia lain, nescaya aku tidak akan memutuskan rambut itu. Sekiranya mereka menarik (rambut itu), maka aku akan mengendurkannya, dan sekiranya mereka mengendurkan, maka aku akan menariknya pula."

Sayidina Umar bin al-Khattab mengakui tentang kebijaksanaan dan kecerdikan Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagaimana kata beliau, "Saudara-saudara menyebut tentang kebijaksanaan dan kecerdikan Kisra (Maharaja Farsi) dan Kaiser (Maharaja Rom Timur), sedangkan pada saudara-saudara terdapat Mu'awiyah (yang juga seorang yang bijaksana dan cerdik seperti Kisra dan Kaiser itu)."

Sifat yang kedua yang terdapat pada diri Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah kemampuannya menahan marah yang dalam bahasa Arab disebut 'hilm'. Ertinya dia dapat menahan kemarahannya ketika dia mendengar perkataan-

perkataan yang tidak sedap didengar yang ditujukan kepadanya dengan dia buat-buat ketawa atau pura-pura tidak mendengar kata-kata pedas itu. Sebenarnya sifat 'hilm' ini adalah ada kaitan atau hubungan dengan sifat bijaksana juga.

Banyak sekali kisah yang memperlihatkan bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang yang mempunyai sifat 'hilm'. Beliau pernah mengakui tentang kesukaannya kepada sifat 'hilm' ini seperti katanya, "Tidak ada yang lebih lazat menurut perasaanku lebih daripada menelan (menahan perasaan) marah."

Nanti akan kita perkatakan tentangnya pada bahagian yang dikhususkan membicarakannya nanti.

Sifat yang ketiga ialah pemurah atau dermawan. Kepemurahan Mu'awiyah bin Abu Sufyan sesungguhnya tiada tandingannya di dalam segala bangsa manusia. Beliau memberi apa sahaja yang ada di dalam tangannya. Beliau memberi bukan sahaja kepada para sahabat dan penyokongnya, tetapi juga kepada musuh-musuh atau bekas-bekas musuhnya. Sebab itu ketika beliau menjadi gabenor di negeri Syam, beliau tidak mempunyai musuh di sana. Dan ketika beliau menjadi khalifah, beliau tidak mempunyai musuh dari kalangan para sahabat kecuali segelintir sahaja orang-orang yang mencintai Sayidina Ali bin Abu Talib. Ini adalah disebabkan beliau telah menggunakan mimbar masjid untuk mencerca peribadi Sayidina Ali bin Abu Talib.

Sifat Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang keempat ialah berani. Bahkan beliau sangat berani. Keberanian beliau terbukti ketika beliau berjuang di zaman Khalifah Abu Bakar as-Siddiq menentang kaum murtad dan nabi palsu dan pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab ketika menentang tentera Rom di negeri Syam untuk menyebar agama Islam dan sanggup berperang dengan Khalifah Ali bin Abu Talib, padahal semua orang tahu risiko apabila berhadapan dengan Harimau Allah anak saudara Sayidina Hamzah bin Abdul Muttalib itu.

Sifat yang kelima ialah pemaaf. Sifat pemaaf Mu'awiyah bin Abu Sufyan sesungguhnya tiada tandingannya di kalangan segala bangsa juga. Ketika beliau berperang dengan Khalifah Ali bin Abu Talib, beliau bermusuh juga dengan tokoh-tokoh yang berpihak kepada Khalifah Ali bin Talib. Tetapi setelah Khalifah Ali bin Abu Talib wafat dan beliau berkuasa sebagai khalifah, beliau telah memaafkan mereka semua, memuliakan mereka dan menjamu mereka dengan makanan yang lazat-lazat. Ketika mereka itu mahu pulang ke kota, ke kampung atau ke tempat masing-masing, beliau membekalkan mereka dengan wang yang banyak sampai beratus-ratus ribu dirham untuk setiap seorang.

Sifat yang keenam ialah tidak pendendam. Sifat ini diperlihatkan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan setelah beliau sudah berada di kerusi khalifah. Beliau yang sangat mengingati kata-kata atau bait-bait syair yang diucapkan

oleh musuh-musuh politik beliau beberapa tahun yang lampau, diulangnya kembali di hadapan orang yang berkaitan sehingga mengecutkan hati orang yang berkenaan. Ini adalah kerana kata-kata ini adalah kata-kata perangsang di medan perang agar tentera tambah bersemangat untuk berjuang menghancurkan beliau. Tetapi Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak mahu menghukum bekas-bekas musuh politik beliau itu, malah beliau memberi pula hadiah dan wang yang banyak untuk sara hidup mereka.

Sifat yang ketujuh ialah bercita-cita tinggi. Sifat ini telah membuat Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah duduk diam bagi menonjolkan dirinya. Beliau amat bercita-cita menjadi orang besar. Sehingga cita-cita beliau tertunai dengan beliau berjaya menduduki kerusi khalifah umat Islam setelah berjuang dengan penuh kegigihan dan ketabahan.

Semua sifat-sifat Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini akan dapat kita lihat di dalam sejarah hidup dan rentetan perjalanan perjuangannya ini.

KEHIDUPAN PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

❖ Memeluk agama Islam Pada Hari Penaklukan Kota Mekah

Kita sudah tahu bilakah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilahirkan iaitu 15 tahun sebelum hijrah. Ertinya Mu'awiyah bin Abu Sufyan ketika Rasulullah s.a.w. sedang berhadapan dengan kaum musyrikin Quraisy di kota Mekah, masih seorang kanak-kanak di bawah usia 15 tahun. Jadi apakah yang dapat dilakukan oleh seorang kanak-kanak yang berusia di bawah 15 tahun terhadap orang yang dia benci?

Ketika berlakunya peperangan Badar al-Kubra tahun 2 hijrah/624 Masihi, Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah pun menjadi seorang pemuda berusia 17 tahun. Kita percaya Mu'awiyah bin Abu Sufyan ada turut berperang di Badar di pihak kaum musyrikin Quraisy kerana beliau sudah berusia 17 tahun itu. Tetapi nama Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah kedengaran di medan Badar seperti juga nama pahlawan-pahlawan musyrikin Quraisy yang lain iaitu Khalid bin al-Walid dan Amru bin al-Ass. Nama yang terkenal ketika itu ialah Abu Jahal, Utbah bin Rabiah, Syaibah bin Rabiah, Umayyah bin Khalaf, al-Walid bin Utbah, Abul Bukhtari bin Hisyam dan lain-lain tokoh atau pemuka musyrikin Quraisy. Nama .Abu Sufyan bin Harb juga tidak kedengaran, kenapa? Kerana ketika itu dia sedang hampir terkepung di kota Madinah oleh tentera Islam yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. yang mahu menghalang perjalanan rombongan perniagaannya pulang ke kota Mekah dari negeri Syam.

Bahkan nama Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah kedengaran sebelum peristiwa penaklukan kota Mekah pada bulan Ramadhan tahun ke 8 hijrah/630 Masihi di mana dia memeluk Islam bersama-sama ayah, ibu dan saudara-saudarinya. Kecuali pada tahun ke 4 hijrah/626 Masihi ketika terjadi penangkapan ke atas Khubaib bin Adi, salah seorang peserta Airmata Rajik yang mendoakan malapetaka ke atas kaum musyrikin Quraisy. Diceritakan ketika itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan ayahnya telah menggulingkan badan mereka di atas tanah di tempat Khubaib bin Adi ditahan untuk dibunuh kerana percaya doa para sahabat Rasulullah s.a.w. akan dimakbulkan oleh Allah SWT.

Selain peristiwa ini orang tidak mengetahui siapa Mu'awiyah bin Abu

Sufyan sehinggalah beliau telah diambil oleh Rasulullah s.a.w. menjadi salah seorang penulis wahyu baginda setelah beliau memeluk agama Islam pada tahun ke 8 Hijrah/630 Masihi. Ketika itu sebagaimana yang telah dinyatakan usia Mu'awiyah bin Abu Sufyan baru 23 tahun.

Aktiviti Pada Zaman Nabi

❖ Jadi Penulis Wahyu Nabi

Sebagaimana yang sudah menjadi kenyataan dalam sejarah Islam bahawa Rasulullah s.a.w. bersama-sama dengan 10,000 orang para sahabat baginda telah berjaya menakluk kota Mekah menjelang bulan Ramadhan tahun ke 8 Hijrah/630 Masihi. Pada ketika inilah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bersama-sama dengan ibubapanya menyatakan memeluk agama Islam di hadapan Rasulullah s.a.w. Ketika ini usia Mu'awiyah bin Abu Sufyan baru 23 tahun. Masih muda belia.

Para penduduk kota Mekah terutama para pemimpin atau pembesar mereka telah menyatakan kesediaan mereka untuk memeluk agama Islam ketika ini dianggap atau lebih diberat sangka semata-mata kerana mahu menyelamatkan nyawa dan harta kekayaan mereka daripada jatuh ke dalam tangan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda. Sungguhpun terdapat juga di antara mereka yang memeluk agama Islam kerana insaf dan mempercayai kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. adalah Rasul Allah yang sebenar-benarnya yang diutuskan kepada mereka dan umat manusia seluruhnya. Bagaimana dengan hati Mu'awiyah bin Abu Sufyan pada saat itu?

Soal hati hanya Allah SWT sahaja yang tahu.

Tetapi iman seseorang itu apakah ikhlas atau munafik dapat dilihat pada tindak tanduk mereka terhadap diri Nabi dan agama Islam setelah mereka mengucap dua kalimah syahadat di hadapan Rasulullah s.a.w. Para sejarawan Islam melihat bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah memperlihatkan sikapnya bahawa dia memeluk agama Islam secara terpaksa. Sehingga beliau dalam masa yang singkat telah diambil oleh Rasulullah s.a.w. menjadi penulis wahyu baginda.

Apa Yang Mendorong Nabi Tertarik Kepada Mu'awiyah?

Mungkin timbul satu pertanyaan kepada para pembaca yang budiman semua, iaitu soalan apakah yang telah mendorong Rasulullah s.a.w. untuk mengambil Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi salah seorang penulis wahyu baginda padahal dia baru sahaja memeluk agama Islam dan secara terpaksa pula?

Apakah Rasulullah s.a.w. mengambil Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk dijadikan penulis wahyu baginda di atas kemahuan atau kehendak hati baginda

sendiri atau disebabkan permintaan dari orang lain khasnya dari ayah Mu'awiyah bin Abu Sufyan iaitu Abu Sufyan bin Harb yang terkenal sejak zaman jahiliah merupakan seorang yang sangat suka kepada kemuliaan diri itu?

Marilah kita lihat kisahnya bagaimanakah bermulanya perkara ini:-

Diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah Islam bahawa setelah Abu Sufyan bin Harb dan seluruh keluarganya memeluk agama Islam, dia telah berkata kepada Rasulullah s.a.w., "Wahai Rasulullah! Bolehkah engkau menunaikan tiga perkara yang akan aku minta kepadamu?"

"Ya, boleh," jawab Rasulullah s.a.w. tenang dan jelas.

Abu Sufyan bin Harb terus menyatakan kehendak-kehendak hatinya yang tiga perkara itu, "Perintahkanlah kepada kami (beliau, isteri dan anak-anaknya semua sama ada lelaki atau perempuan) untuk pergi memerangi orang-orang kafir sebagaimana kami dahulunya telah memerangi orang-orang Islam."

"Boleh," jawab Rasulullah s.a.w.

"Dan aku minta Mu'awiyah dijadikan salah seorang penulis wahyu untukmu."

"Boleh," jawab Rasulullah s.a.w. seterusnya.

Yang ketiga Abu Sufyan bin Harb telah meminta kepada Rasulullah s.a.w. agar baginda sudi mengahwini puterinya yang bernama Izzah binti Abu Sufyan. Tetapi Nabi telah menolak permintaan yang ketiga ini dengan memberitahu kepada Abu Sufyan bin Harb bahawa Islam melarang mengahwini dua bersaudara sekali gus dalam satu masa.

Tetapi mengikut yang dicatit oleh Imam as-Suyuti di dalam kitabnya *Tarikh al-Khulafa'* bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilantik menjadi penulis wahyu adalah di atas kehendak atau kemahuan Rasulullah s.a.w. sendiri, bukan kerana diminta oleh Abu Sufyan bin Harb. Ini adalah kerana Rasulullah s.a.w. mahu agar Mu'awiyah sentiasa berada dekat dengan baginda kerana kelebihan-kelebihan yang terdapat pada diri putera Abu Sufyan yang seorang ini.

Rasulullah s.a.w. telah melihat sifat-sifat peribadi Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang mulia dan penuh dengan kebaikan itu seperti kesabaran ketika marah, tidak pendendam dan murah hati. Ditambah dengan beberapa ciri sifat lain yang menyempurnakan sifat-sifat peribadi Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang telah unggul itu iaitu akalnya yang cerdik, sangat kuat daya ingatan dan sangat bijaksana.

Perjuangan, Kegembiraan Dan Penderitaan Pada Masa Nabi

Setelah Rasulullah s.a.w. bersiap-siap untuk berangkat kembali semula ke kota Madinah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mengikut baginda dengan

meninggalkan ayah, ibu dan saudara-saudarinya di kota Mekah. Untuk makluman para pembaca yang budiman semua bahawa Abu Sufyan bin Harb mempunyai anak-anak yang ramai dari beberapa orang isteri. Antara anak-anak beliau ialah Sufyan, Hanzalah (terbunuh dalam perang Badar al-Kubra), Amru, Muhammad Utbah, Yazid, Mu'awiyah, Ramlah (Ummu Habibah), Izzah, Juwairiyyah, Atikah, Hindun dan Aminah. Namun di kota Madinah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak kesunyian kerana dia didampingi oleh seorang saudarinya ialah Ummul Mu'minin Sayidatina Ummu Habibah rha yang merupakan salah seorang daripada tiga belas orang isteri Rasulullah s.a.w.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak melengahkan peluang yang ada untuk datang berziarah ke rumah (bilik) kakaknya yang tentunya juga adalah salah sebuah rumah (bilik) Rasulullah s.a.w. Pada sebahagian besar masa yang terluang, beliau perlu sentiasa mendampingi Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang lain terutama dengan para penulis wahyu yang jumlahnya seramai kira-kira 20 orang itu kerana tugasnya sebagai penulis wahyu itu.

Apakah tugas dan peranan yang dimainkan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan ketika beliau berada di kota Madinah? Tentulah serupa dengan peranan atau tugas yang dilakukan oleh para sahabat yang lain. Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga sebagaimana para sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain yang telah lama keislaman mereka telah benar-benar mengikat dirinya di dalam perjuangan menegak agama Islam bersama-sama dengan baginda Rasulullah s.a.w. Namun apa yang lebih pada kerja Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah tugasnya sebagai penulis wahyu sebagaimana yang telah dinyatakan di atas.

Kita tahu setelah terjadi penaklukan kota Mekah pada bulan Ramadhan tahun ke 8 hijrah/630 Masihi itu, telah berlaku pula beberapa siri peperangan di antara kaum muslimin yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. menentang kaum kafir musyrikin. Perang pertama yang berlaku ialah peperangan Hunain yang terjadi pada tarikh 13 Syawal tahun ke 8 hijrah, hanya kira-kira sebulan sahaja setelah terjadi peristiwa penaklukan kota Mekah pada pertengahan bulan Ramadhan tahun ke 8 hijrah. Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah tidak melepaskan peluang ini dengan turut serta di dalam peperangan ini.

Setelah menyertai peperangan Hunain, perang terakhir yang turut disertai oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. ialah perang Tabuk yang terjadi pada bulan Rejab tahun ke 9 hijrah/631 Masihi. Semua tentera Islam yang ikut di dalam perang ini telah mendapat keampunan daripada Allah SWT. Ini adalah perang terakhir yang disertai oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan bersama-sama Rasulullah s.a.w. kerana ini adalah peperangan yang terakhir yang dilancarkan oleh Rasulullah s.a.w. Ketika itu usia Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah 24 tahun.

Mu'awiyah Dihina Oleh Wail Bin Hujr, Raja Negeri Hadhramaut

Di akhir hayat Rasulullah s.a.w., pernah terjadi satu peristiwa di mana Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah dipandang rendah dan dihina oleh seorang raja dari negeri Hadhramaut yang bernama Wail bin Hujr. Mengikut apa yang ditulis oleh para sejarahwan Islam, sekembalinya Rasulullah s.a.w. ke kota Madinah setelah berjaya menakluk kota Mekah, ramailah perutusan kaum dan raja-raja telah datang ke kota Madinah menyatakan mereka mahu memeluk agama Islam. Di antara para raja itu temasuklah Raja Hadhramaut bernama Wail bin Hujr.

Ketika akan berangkat kembali semula ke negerinya, Rasulullah s.a.w. telah menghantarnya keluar kota dengan ditemani oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan berjalan kaki. Rasulullah s.a.w. terpaksa pulang lebih awal kerana masih ramai perutusan kaum Arab dari seluruh pelosok desa dan kota yang sedang berada di dalam kota yang perlu baginda layani di rumah atau di dalam masjid. Dan kemungkinan sekali baginda telah menyuruh agar Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus mengiringi keberangkatan pulang raja Hadhramaut itu jauh keluar kota. Maka terjadilah satu peristiwa yang mana Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah dihina dan dianiayai oleh Wail bin Hujr ketika mengiringi baginda pulang ke negerinya itu.

Kemungkinan sekali ketika itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan hanya memakai kasut yang sudah lama dan mudah koyak. Setelah dia berjalan beberapa ketika di atas pasir yang panas membakar itu kerana mengiringi keberangkatan pulang raja Hadhramaut ke negerinya, kasutnya mula koyak dan dia tidak dapat menggunakan kasutnya untuk meneruskan perjalanannya mengiringi raja negeri Hadhramaut ke luar dari kota Madinah itu. Kerana itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan terpaksa berjalan dengan berkaki ayam di atas pasir yang membakar yang menyebabkan kakinya melecuh dan sakit. Kerana sudah tidak tahan lagi menanggung kesakitan disebabkan telapak kakinya yang sudah pecah-pecah itu, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memberanikan diri untuk meminta izin kepada Raja Wail bin Hujr agar sudi membenarkannya tumpang naik membonceng di belakang unta baginda itu pintanya;

"Minta saya tumpang membonceng di belakang tuan."

Dengan rasa sombong dan besar diri dan merasa dirinya begitu mulia kerana dirinya adalah seorang raja, maka Wail bin Hujr menjawab permintaan Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan gaya percakapan yang sombong sekali, "Bagaimana aku boleh membenarkan kau menaiki kenderaan bersama-sama dengan aku, kerana kau bukanlah seorang yang boleh menaiki kenderaan bersama raja-raja."

Maka dengan segala rendah hati dan berlapang dada Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjawab pula, "Tak apalah kalau begitu. Tetapi berilah kepadaku

kasut tuan agar kakiku dapat dilindungi daripada terkena pasir yang panas ini."

Namun Wail bin Hujr tetap enggan untuk memberi pinjam kasutnya kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan menjawab pula dengan lagak yang tetap juga sombong;

"Kamu sebenarnya sudah cukup bertuah kerana dapat meletakkan telapak kakimu di atas bayang-bayang untaku."

Setelah ia menjadi khalifah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan sekali lagi telah didatangi oleh Wail bin Hujr berjumpa dengan beliau di istananya di kota Damsyik. Tetapi Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah mengungkit-ungkit peristiwa yang dialaminya ketika beliau mengiringi Raja Wail bin Hujr ke luar dari kota Madinah untuk menghantarnya kerana memuliakannya yang mahu pulang ke negerinya itu. Bahkan sebaliknya Mu'awiyah bin Abu Sufyan tetap memuliakan Wail bin Hujr selayaknya sebagai seorang raja. Ini menunjukkan betapa mulianya akhlak dan peribadi Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap orang yang tidak mahu bermusuh dengannya. Dan ini menunjukkan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan bukanlah seorang manusia yang pendendam.

Ketika Rasulullah s.a.w. wafat, Mu'awiyah bin Abu Sufyan berusia kira-kira 25 tahun lebih atau 26 tahun. Ketika pemuda lain yang dalam usia sebegini akalnya sedang berjalan menuju ke arah kematangan yang sempurna, tetapi akal Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah mencapai tahap yang sudah benar-benar sempurna kematangannya.

KEHIDUPAN DI ZAMAN KHALIFAH IRRASYIDIN

Aktiviti Pada Zaman Abu Bakar As-Siddiq

❖ Turut Memerangi Kaum Murtad Dan Perjuangan Di Syam

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, Khalifah Irrasyidin yang pertama telah terjadi perbuatan murtad di kalangan bangsa Arab secara besar-besaran. Lantas Khalifah Abu Bakar as-Siddiq terus membentuk sebelas ketumbukan atau pasukan tentera Islam untuk memerangi atau memulihkan kaum murtad di seluruh semenanjung Arab itu. Khalifah Abu Bakar as-Siddiq telah memandang kepada sebelas orang pahlawan Arab Quraisy dan bukan Quraisy untuk memimpin pasukan yang sebelas buah itu untuk menghadapi kaum sesat itu.

Mereka yang dimaksudkan ialah Khalid bin al-Walid, Amru bin al-Ass, Ikrimah bin Abu Jahal, Syurhabil bin Hasanah, Muhajir bin Abu Umayyah, al-A'la bin al-Hadhrami, Khalid bin Said, Huzaifah bin Mihsan al-Ghilfani, Suwaid bin Muqarrin al-Muzani, Arfajah bin Harthamah dan Ma'an bin Hajiz. Khalifah Abu Bakar as-Siddiq sedikitpun tidak tersilau kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan meskipun dia pada masa Rasulullah s.a.w. telah mula menempa nama. Mu'awiyah bin Abu Sufyan hanya turut selaku tentera biasa yang berjuang dengan gagah berani dan tabah bersama-sama ayah, bonda dan saudara-saudara beliau lelaki dan perempuan dan para pejuang Islam yang lain dan turut mengalami luka-luka dan kecederaan yang serius di dalam perjuangan menghadapi kaum murtad itu. Bahkan ayahnya Abu Sufyan bin Harb telah mengalami luka di mata kerana terkena panah yang menyebabkannya buta kedua-dua belah matanya. Dulu dalam peperangan Hunain, sebelah mata Abu Sufyan bin Harb telah buta juga kerana terkena panah. Namun kerana gagah, handal dan perkasanya mereka, keluarga Abu Sufyan bin Harb termasuk Mu'awiyah tidak terbunuh dan telah kembali semula ke kota Madinah dengan selamatnya.

Setelah kaum murtad binasa dan mana-mana yang tidak binasa telah kembali semula ke pangkuan Islam, maka sekali lagi Khalifah Abu Bakar as-Siddiq telah membentuk pasukan tentera untuk memerangi kerajaan Rom

Timur atau Byzentine di negeri Syam. Kali ini Khalifah Abu Bakar as-Siddiq telah membentuk empat pasukan atau ketumbukan tentera Islam yang dipimpin oleh empat orang pahlawan besar Arab iaitu Abu Ubaidah bin al-Jarrah, Amru bin al-Ass, Syurhabil bin Hasanah dan Yazid bin Abu Sufyan, saudara kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sekali lagi Khalifah Abu Bakar as-Siddiq telah melupakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan Mu'awiyah terus tenggelam. Kenapa terjadi demikian? Kerana Khalifah Abu Bakar as-Siddiq melihat pada tokoh-tokoh besar sahabat yang lain sehingga baginda tidak tersilau kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan meskipun dia pada masa Rasulullah s.a.w. telah mula menempa nama.

Di mana Khalid bin al-Walid ketika itu? Dia ada dan sedang berjuang di negeri Iraq. Dia meneruskan perjuangan ke Iraq setelah selesai memulihkan kaum murtad dan nabi palsu di semennanjung.

Hanya setelah keempat-empat pasukan yang dikirim berjuang di negeri Syam itu meminta tentera tambahan daripada Khalifah Abu Bakar as-Siddiq di kota Madinah sebagai tentera bantuan untuk mereka menghadapi angkatan tentera Rom Timur yang sangat besar di sana, barulah Khalifah Abu Bakar as-Siddiq tersilau kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang masih muda remaja itu. Baginda telah menghantar tentera bantuan itu dengan melantik Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi pemimpinnya.

Pada penelitian penyusun, penilaian antara tiga tokoh utama iaitu Rasulullah s.a.w., Abu Bakar as-Siddiq dan Umar bin al-Khattab terhadap tokoh-tokoh pada masa masing-masing ada penilaian yang tersendiri meskipun tidak ketara sangat. Kalau Rasulullah s.a.w. memandang kepada Usamah bin Zaid dan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, berlainan pula dengan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq yang memandang kepada Khalid bin al-Walid, Yazid bin Abu Sufyan dan Khalid bin Said bin al-Ass. Manakala Khalifah Umar bin al-Khattab tidak memandang kepada Usamah bin Zaid dan Khalid bin al-Walid, tetapi memandang kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan juga Yazid bin Abu Sufyan.

Kembali kita kepada membicarakan tentang ketenggelaman Mu'awiyah bin Abu Sufyan pada mata Khalifah Abu Bakar as-Siddiq sedangkan pada masa Rasulullah s.a.w. dia dipandang tinggi oleh baginda s.a.w. dan dijadikan teman rapat. Ketika serangan mula terarah ke negeri Syam dan Palestin, Khalifah Abu Bakar as-Siddiq hanya menyerapkan Mu'awiyah bin Abu Sufyan ke dalam pasukan pimpinan abangnya Panglima Yazid bin Abu Sufyan sebagai rekrut biasa.

Pendek kata jasa Mu'awiyah bin Abu Sufyan selama pemerintahan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq yang cuma selama dua setengah tahun itu tetap tinggi nilainya dan dia rela terkorban syahid kerana mahu mengembalikan kedaulatan agama Islam seperti yang terserlah pada masa hayat baginda Rasulullah s.a.w.

Aktiviti Pada Zaman Umar Bin Al-Khattab

❖ Memimpin Pasukan Dan Dilantik Menjadi Gabenor

Ketika Khalifah Abu Bakar as-Siddiq wafat pada tahun ke 13 Hijrah/635 Masih,i Mu'awiyah bin Abu Sufyan sedang berjuang di medan Yarmuk di bawah pasukan tentera Islam yang dipimpin oleh Panglima Khalid bin al-Walid. Ketika itu pasukan tentera Islam yang sebelumnya terbahagi kepada empat pasukan atau ketumbukan di bawah empat panglima telah disatukan di bawah satu pimpinan. Ketika itulah juga Umar bin al-Khattab di kota Madinah telah dilantik menjadi khalifah menggantikan al-marhum Khalifah Abu Bakar as-Siddiq yang telah wafat. Namun nama Mu'awiyah bin Abu Sufyan masih tenggelam. Barulah setelah perang Yarmuk berakhir dengan kekalahan yang teruk di pihak tentera Rom, dan pasukan tentera Islam mula menghala muka masing-masing ke utara iaitu ke negeri-negeri Syam, Palestin dan Iraq, barulah keterserlahan nama Mu'awiyah bin Abu Sufyan muncul semula.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan ketika itu sudah berusia dalam lingkungan 29 tahun mula diberi tugas oleh Khalifah Umar bin al-Khattab untuk memimpin pasukan tentera. Beliau mara memimpin sebahagian pasukan tentera Islam menuju ke daerah Sidon dan Beirut yang terletak di pesisir pantai negeri Syam dan telah mendapat kemenangan yang gilang gemilang dalam perjuangannya di sana.

Ini menunjukkan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang pahlawan yang gagah perkasa, terbilang, handal dan berani.

Setelah pihak tentera Rom menyerah kalah di kota Jerusalem dan Khalifah Umar bin al-Khattab telah datang sendiri untuk mengambil kunci pintu kota Jerusalem dari tangan Paderi kerajaan Rom, maka Khalifah Umar bin al-Khattab telah melantik Yazid bin Abu Sufyan, abang kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai gabenor kota Damsyik. Manakala Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula dilantik menjadi gabenor di kota Jordan. Sejak itu nama Mu'awiyah bin Abu Sufyan semakin harum dan menonjol sekali.

Khalifah Umar bin al-Khattab amat memandang tinggi kepada keluarga Abu Sufyan bin Harb, terutama kepada dua putera beliau ini. Kerana sangat sayang kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Khalifah Umar bin al-Khattab telah menetapkan kepadanya kadar gaji sebanyak 1,000 dinar sebulan dan merupakan pegawai kerajaan atau gabenor yang paling mahal tangga gajinya pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab.

Dinaik Pangkat Memegang Dua Jawatan Gabenor

Setelah gabenor kota Damsyik iaitu Yazid bin Abu Sufyan meninggal dunia akibat serangan penyakit taun yang menyerang negeri Syam pada tahun 18 Hijrah/640 Masihi, maka Khalifah Umar bin al-Khattab telah melantik

Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi gabenor bagi kota itu menggantikan tempat abangnya yang meninggal dunia itu. Manakala jawatannya sebagai gabenor di kota Jordan dikekalkan. Dengan ini bererti Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah dinaik pangkat oleh Khalifah Umar bin al-Khattab dengan menjadikannya gabenor bagi dua kota iaitu kota Jordan dan kota Damsyik, dua buah kota dalam negeri Syam.

Ini adalah suatu kepercayaan yang luar biasa yang diperlihatkan oleh Khalifah Umar bin al-Khattab kepada seseorang pegawai baginda. Belum pernah Khalifah Umar bin al-Khattab mempercayai kebolehan seseorang pegawai baginda seperti baginda mempercayai kebolehan Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Selama menjawat jawatan gabenor di kota Damsyik dan kota Jordan, Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang amat cerdik itu telah mula mengukuhkan kedudukannya di sana. Beliau berazam untuk terus bertapak di kedua-dua daerah itu sejak saat itu. Beliau mahu menambat hati semua penduduk di kedua-dua daerah pemerintahannya dengan melakukan jasa-jasa yang terbaik kepada mereka. Sebab itu beliau telah melaksanakan banyak sekali kemajuan-kemajuan untuk kebaikan dan kemudahan rakyatnya sehingga penduduk di kedua-dua daerah atau kota itu merasakan betapa baik dan sayangnya gabenor mereka kepada mereka.

Di antara perkara-perkara yang sangat diperhatikan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan semasa mentadbir kota Jordan dan kota Damsyik ialah pertahanan daerah. Ahli-ahli sejarah Islam mencatitkan selama Mu'awiyah bin Abu Sufyan menduduki kerusi gabenor kota Jordan dan kota Damsyik, belum pernah kedengaran ada serangan yang dilancarkan oleh pihak musuh sama ada dari arah darat mahupun laut khasnya oleh tentera Rom ke atas kedua-dua daerah pentadbiran Mu'awiyah itu.

Kedudukan Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus kukuh selama zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan Khalifah Irrasyidin yang kedua ini terus mengekalkan kedudukan Mu'awiyah bin Abu Sufyan di kota Jordan dan kota Damsyik sehinggalah baginda wafat pada tahun ke 23 Hijrah/644 Masihi. Ketika itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan berusia kira-kira 38 tahun.

Satu perkara yang memperlihatkan betapa keunggulan peribadi Mu'awiyah bin Abu Sufyan di mata Khalifah Umar bin al-Khattab ialah baginda pernah bertindak tegas terhadap setiap gabenor baginda yang lain dengan menghukum mereka seperti membakar pintu atau rumah yang dibina secara mewah, merampas harta kekayaan, memukul, mendera dan melucut jawatan sebagai tindakan yang memperlihatkan ketidak sempurnaan seseorang gabenor yang memerintah di wilayah-wilayah yang diamanahkan. Tetapi tidak terhadap Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Selama beliau dilantik menjadi gabenor di kota

Jordan, Khalifah Umar bin al-Khattab tidak pernah menghukum beliau, malah ditambah kuasa iaitu dengan melantik beliau sebagai gabenor di kota Damsyik menggantikan tempat abangnya Yazid bin Abu Sufyan yang wafat kerana serangan taun.

Rasa-rasa penyusun, hanya sekali sahaja Khalifah Umar bin al-Khattab mengherdik atau memarahi Mu'awiyah bin Abu Sufyan iaitu ketika baginda datang ke negeri Syam untuk menerima sendiri penyerahan kunci kota Jerusalem oleh pihak kerajaan Rom Timur kepada pihak pemerintah kerajaan Islam.

Para pahlawan merangkap gabenor di negeri Syam, Palestin dan wilayah-wilayah sekitarnya yang telah berjaya ditakluk dari tangan kerajaan Rom Timur telah memperlihatkan kemewahan dan kebesaran ketika menyambut ketibaan Khalifah Umar bin al-Khattab. Termasuklah di kalangan mereka Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Imam Tabari bercerita, "Umar bin al-Khattab telah keluar menuju Syam. Ia melihat Mu'awiyah (gabenor Syam) berada di dalam barisan perarakan yang meriah. Ia mendekati Mu'awiyah yang berada di dalam perarakan itu.

"Wahai Mu'awiyah! Engkau berjalan dalam barisan yang dikawal rapi oleh pengawal dan pergi ke mana-mana tempat dalam keadaan seperti ini. Ada laporan yang disampaikan kepadaku bahawa engkau memberi khidmat kepada rakyat dari dalam rumah, sedangkan rakyat pula berada di pintu (suatu perbuatan yang tidak wajar dilakukan)."

Mu'awiyah menjawab, "Wahai Amirul Mu'minin! Musuh di negeri Syam ini sangat dekat dengan kami. Mereka mempunyai ramai mata-mata gelap dan pengintip. Wahai Amirul Mu'minin! Sesungguhnya aku mahu mereka melihat agama Islam adalah agama yang kuat."

Umar bin al-Khattab menengking, "Ini adalah akal-akalan orang cerdik atau tipuan orang yang licik."

Mu'awiyah sangat takut dan gementar dan menjawab, "Wahai Amirul Mu'minin! Perintahkanlah kepadaku apakah yang perlu aku lakukan."

"Celaka engkau!" tengking Umar lagi. "Aku tidak melarangmu di dalam hal yang telah mengotor dirimu di dalamnya kecuali sekiranya engkau menyerahkan semua urusan itu padaku. Akupun sebenarnya tidak dapat menentukan, apakah aku menyuruhmu (berbuat itu) atau melarang."

Apakah Faktor-Faktor Yang Menjadi Umar Sangat Tertarik Kepada Mu'awiyah?

Apakah faktor-faktor kelebihan peribadi yang ada pada diri Mu'awiyah bin Abu Sufyan sehingga mendorong Khalifah Umar bin al-Khattab begitu tertarik kepadanya sehingga melantiknya menjadi gabenor di dua kota atau dua daerah di negeri Syam?

Sememangnya faktor-faktor yang telah mendorong hati Khalifah Umar bin al-Khattab untuk menempatkan Mu'awiyah bin Abu Sufyan di kedudukan yang begitu tinggi dan mulia ialah sifat-sifat peribadi dan agama yang dimiliki oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu sendiri. Kalau setakat kerana kelebihan faktor-faktor peribadi sahaja tidaklah sampai Khalifah Umar bin al-Khattab yang terkenal begitu keras di dalam beragama sangat memuliakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan sehingga meletakkannya ke tahap kemuliaan yang sungguh luar biasa – sebagai gabenor di dua daerah -.

Sebagaimana Rasulullah s.a.w., begitu juga bahawa Khalifah Umar bin al-Khattab melihat bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan banyak memiliki kelebihan-kelebihan peribadi, agama dan akal yang tiada pada orang lain. Khalifah Umar bin al-Khattab sangat tertarik kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sangat kuat agamanya, banyak ibadatnya, pandai di dalam persoalan-persoalan hukum hakam, sangat kuat daya ingatannya, panjang akalnya, jauh pandangannya, sangat bijaksana, pemaaf, pemurah, berani, cekap, pandai mentadbir, cerdik dan tidak pendendam. Disamping rupa parasnya yang sangat kacak menawan.

Di dalam hal kecerdikan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Imam as-Sayuti meriwayatkan kata-kata Imam asy-Syu'bi, salah seorang guru Imam Abu Hanifah katanya, "Orang-orang yang pandai di dalam masalah hukum (di kalangan orang-orang Arab ketika itu) ada empat orang, begitu pula dengan orang-orang yang cerdik. Orang-orang yang pandai di dalam persoalan hukum hakam ialah Umar, Ali, Ibnu Mas'ud dan Zaid bin Thabit. Manakala orang-orang yang cerdik pula ialah Mu'awiyah, Amru bin al-Ass, al-Mughirah dan Ziyad."

Yang dimaksudkan dengan Ibnu Mas'ud, al-Mughirah dan Ziyad ialah Abdullah bin Mas'ud, Mughirah bin Syu'bah ath-Thaqafi dan Ziyad bin Abihi (terkenal juga dengan Ziyad bin Sumayyah dan Ziyad bin Abu Sufyan).

Umar Sudah Merasa Mu'awiyah Sangat Bijaksana Dan Sangat Berkebolahan Dalam Politik

Khalifah Umar bin al-Khattab pernah membuat pengakuan tentang kebolehan Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam bidang politik dan kebijaksanaannya yang mengatasi kecerdikan orang lain sebagaimana kata baginda kepada lima anggota calon khalifah yang bakal menggantikan tempat baginda, "........ sekiranya kamu berselisih, dengki, bertentangan, kepimpinan (kaum Muslimin) akhirnya akan jatuh ke tangan Mu'awiyah bin Abu Sufyan."

Bukan sahaja Khalifah Umar bin al-Khattab yang mengakui perkara ini, bahkan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain juga. Diriwayatkan bahawa Abdullah bin Abbas juga turut mengakui perkara ini. Beliau berkata, "Aku belum pernah melihat seorang yang lebih patut daripada Mu'awiyah untuk memegang tampuk kepimpinan dan kerajaan."

Aktiviti Pada Zaman Khalifah Uthman bin Affan

❖ Khalifah Uthman Meluaskan Kuasa Mu'awiyah Dengan Melantiknya Jadi Gabenor Seluruh Syam

Ketika Khalifah Umar bin al-Khattab dibunuh oleh kafir Majusi yang bernama Fairuz dan bergelar Abu Lu'luah, baginda tetap memandang tinggi kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Meskipun Khalifah Umar bin al-Khattab barangkali pernah merasa cuba diperdaya oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk melembutkan hati baginda dengan hujah-hujah atau ta'wilnya yang kurang disukai oleh baginda (dalam peristiwa menyambut ketibaan baginda di kota Damsyik), namun Khalifah Umar bin al-Khattab tetap menyayangi Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Bukan menyayangi semata-mata di atas sebab-sebab peribadi, tetapi disebabkan kebolehan dan kewibawaannya selaku seorang tokoh umat Islam yang agung.

Bukti Khalifah Umar bin al-Khattab amat memandang tinggi kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah selama atau semenjak baginda melantik Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi gabenor di kota Jordan menjelang tahun 15 Hijrah/637 Masihi iaitu setelah kira-kira dua tahun baginda menduduki kerusi khalifah, kemudian dilantik pula menjadi gabenor di kota Jordan pada tahun 18 hijrah, baginda tidak pernah memecat Mu'awiyah bin Abu Sufyan dari jawatannya. Sedangkan tokoh-tokoh yang lain ada yang diberi amaran, didenda, dimarah dan dipecat. Adapun terhadap diri Mu'awiyah bin Abu Sufyan semua ini tidak terjadi. Cuma sekali sahaja ketika Khalifah Umar bin al-Khattab datang ke kota Damsyik untuk menerima penyerahan kunci kota Jerusalem daripada pemerintah kerajaan Rom yang menyerah kalah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan rakan-rakan para panglima merangkap para gabenor di negeri Syam telah dihambur dengan pasir sahara oleh Khalifah Umar bin al-Khattab. Itupun dibuat secara umum tanpa ditujukan kepada Mu'awiyah seorang sahaja.

Sebaik sahaja Sayidina Uthman bin Affan dipilih menduduki kerusi khalifah, baginda telah mengekalkan kedudukan Mu'awiyah bin Abu Sufyan selaku gabenor di dua kota iaitu kota Jordan dan di kota Damsyik, malah kemudiannya telah meluaskan kekuasaan atau wilayah kekuasaan Mu'awiyah bin Abu Sufyan sehingga menjangkau ke seluruh negeri Syam. Tindakan Khalifah Uthman bin Affan ini bukanlah dibuat semata-mata di atas rasa persaudaraan kaum kerabat, tetapi di atas penilaian kebolehan. Memang Mu'awiyah bin Abu Sufyan benar-benar mampu mentadbir wilayah negeri Syam dengan baik dan berkesan dan telah berjaya menjadikan wilayah negeri Syam aman damai dan gagah serta digeruni oleh musuh-musuh yang sentiasa mengintai.

Selama masa pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan, selama itulah lamanya masa pemerintahan Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai gabenor

negeri Syam, iaitu selama 12 tahun. Ditambah lagi masa Khalifah Umar bin al-Khattab selama 8 tahun sebagai gabenor kota Jordan dan kota Damsyik. Jadi keseluruhan masa Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi gabenor (mula-mula di kota Jordan, kemudian digabung dengan kota Damsyik dan akhir sekali di seluruh negeri Syam) adalah selama 20 tahun. Selama masa itu beliau telah memperlihatkan jasa-jasanya yang tidak kecil dan kejayaan-kejayaannya yang hebat yang jarang mampu dilakukan atau dihasilkan oleh gabenor-gabenor yang lain. Sebagaimana pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab, pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan juga, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menumpukan kepada usaha membangunkan negara, mengadakan kemudahan-kemudahan untuk rakyat dan memperkuatkan angkatan perang. Kalau pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab, pada mulanya pembentukan angkatan laut tidak dibenarkan, tetapi Khalifah Uthman bin Affan memberi kebenaran kepadanya bahkan memperkuatkannya.

Ketika menjadi gabenor negeri Syam, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah membina angkatan tentera laut yang agak kuat dengan kapal perangnya menjangkau jumlah 600 buah. Menjelang tahun 28 Hijrah/650 Masihi, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melancarkan serangan pertama melalui laut iaitu serangan ke atas pulau Cyprus yang terletak di perairan lautan Medditerrinean. Pulau ini adalah di bawah takluk kerajaan Rom Timur. Admiral atau Laksamana yang mengetuai angkatan laut ini ialah Laksamana Abdullah bin Qais al-Harithi. Pulau itu berjaya ditakluki.

Ini membuktikan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang pentadbir yang pintar dan amat berkebolehan di dalam mentadbir negara.

Kerabat Dekat Khalifah Uthman Bin Affan

Mungkin ada orang mengatakan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan dapat memegang kekuasaan yang besar dan luas pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan adalah disebabkan perhubungan tali kekeluargaan beliau dengan Khalifah Uthman bin Affan yang masih sangat dekat. Beliau adalah saudara dua pupu kepada Khalifah Uthman bin Affan. Marilah kita lihat di manakah percantuman salasilah keturunan beliau dengan keturunan Khalifah Uthman bin Affan. Beliau ialah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bin Harb bin Umayyah, manakala Khalifah Uthman bin Affan ialah Uthman bin Affan bin Abul Ass bin Umayyah. Inilah yang menyebabkan Khalifah Uthman bin Affan telah melantik Mu'awiyah sebagai gabenor bagi seluruh negeri Syam.

Saya jawab, kenapakah Khalifah Umar bin al-Khattab yang tidak ada mempunyai tali kekeluargaan kecuali tali kekeluargaan yang sudah sangat jauh dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan iaitu bersambung pada neneknya Ka'ab bin Lu'ai telah melantik Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi gabenor di kota Jordan kemudian diberi lagi untuk mentabdir kota Damsyik tidak kepada tokoh lain setelah abangnya Yazid bin Abu Sufyan wafat kerana taun?

Peranan Mu'awiyah Ketika Huru-hara Zaman Khalifah Uthman

❖ Apakah Mu'awiyah Berusaha Halang Pemberontakan Terhadap Khalifah Uthman?

Ketika kebangkitan kebencian rakyat terhadap corak pentadbiran Khalifah Uthman bin Affan menjelang tahun 29 Hijrah/650 Masihi yang dikatakan terlalu mementingkan keluarga, Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah gabenor negeri Syam. Apakah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tahu tentang bangkitnya kebencian terhadap corak pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan oleh penduduk di kota Kufah, kota Basrah dan Mesir? Ya, Mu'awiyah bin Abu Sufyan tahu semua itu. Sebab itu diriwayatkan ketika suasana telah sangat gawat yang mana para pemberontak sudah menguasai keadaan, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah datang ke kota Madinah dan telah cuba berdialog dengan beberapa orang sahabat besar Rasulullah s.a.w. termasuk Sayidina Ali bin Abu Talib, Talhah bin Ubaidullah, az-Zubair bin al-Awwam, Saad bin Abu Waqqas, Abdul Rahman bin Auf dan Ammar bin Yasir mengingatkan kepada mereka agar membela Khalifah Uthman bin Affan dalam suasana yang bagaimanapun, katanya yang mengandungi ancaman;

"Wahai para sahabat Rasulullah! Aku berpesan kepada kamu semua agar menjaga orang tua ini (Khalifah Uthman bin Affan) dengan baik. Demi Allah, kalau orang tua ini didapati terbunuh di bawah penglihatan dan pendengaran kamu semua, kota Madinah ini akan aku gempur dengan bala tentera dan pasukan berkuda."

Kemudian dia berpaling pula kepada Ammar bin Yasir yang diketahuinya amat marah kepada Khalifah Uthman bin Affan kerana tidak menyukai dasar atau corak pentadbiran Khalifah Irrasyidin Ketiga itu, katanya mengancam;

"Wahai Ammar! Di negeri Syam terdapat beratus ribu tentera berkuda, yang semuanya mendapat gaji untuk diri dan anak-anak serta hamba sahaya mereka. Mereka sama sekali tidak mengenali Ali dan kekerabatannya (dengan Rasulullah s.a.w.) dan tidak mengenal Ammar tentang dahulunya memeluk Islam. Mereka sama sekali tidak kenal kepada az-Zubair dan persahabatannya dengan Nabi, dan mereka tidak kenal Talhah dan tentang hijrahnya. Mereka tidak takut kepada Abdul Rahman bin Auf tentang kekayaannya. Mereka juga tidak segan kepada Saad dan tidak kepada jasa-jasanya dalam menyiarkan agama Islam. Sebab itu wahai Ammar! Janganlah engkau ikut serta di dalam kekacauan ini, yang kiranya telah diketahui permulaannya, tidak akan diketahui pula bila kesudahannya."

❖ Mu'awiyah Hantar Tentera Tetapi Tidak Dengan Bersungguh

Selain melakukan usaha menakut-nakutkan beberapa orang tokoh sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka dan orang ramai agar tidak ikut melakukan sesuatu yang tidak baik ke atas Khalifah Uthman bin Affan, apakah yang telah

dilakukan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam usahanya untuk menghalang para pemberontak daripada terus berazam untuk melaksanakan pembunuhan ke atas Khalifah Uthman bin Affan?

Para sejarawan Islam mencatitkan bahawa setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan datang ke kota Madinah untuk membuat ancaman terhadap para penduduknya termasuklah kepada para sahabat besar yang disangkanya tidak mahu membela Khalifah Uthman bin Affan secara bersungguh-sungguh daripada ancaman dan serangan pemberontak, beliau terus pulang ke negeri Syam dengan membiarkan saudara sepupunya Khalifah Uthman bin Affan terkapai-kapai terkepung di rumahnya.

Hanya setelah rumah Khalifah Uthman bin Affan sudah benar-benar dikepung oleh para pemberontak daripada tiga daerah atau negeri itu, barulah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menggerakkan tentera Syam ke kota Madinah. Tetapi keadaan sudah terlambat. Perjalanan dari negeri Syam ke kota Madinah memakan masa yang lama. Jadi sebaik sahaja tentera negeri Syam yang dipimpin oleh Panglima Habib bin Maslamah al-Fihri seorang sahabat Nabi sampai di Wadil Qura, iaitu sebuah tempat yang masih lagi jauh daripada pinggir kota Madinah, sampailah berita kepada tentera itu bahawa Khalifah Uthman bin Affan sudah pun dibunuh oleh para pemberontak. Maka tentera Syam itu tidak jadi masuk ke dalam kota Madinah, sebaliknya telah berpatah balik semula pulang ke negeri Syam.

Dalam hal ini memang kita nampak ada usaha yang dibuat oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk membela nyawa Khalifah Uthman bin Affan agar jangan sampai dibunuh oleh para pemberontak Mesir, Kufah dan Basrah itu, tetapi usaha itu jelas nampaknya tidak bersungguh-sungguh. Kalau usaha itu sifatnya bersungguh-sungguh, biarpun terlewat, mereka pasti masuk juga ke dalam kota Madinah dan menyerang para pemberontak sehingga hancur. Tetapi mereka pulang kembali ke kota Damsyik setelah mendapat berita bahawa Khalifah Uthman bin Affan telah dibunuh orang. Jadi memang suatu usaha pembelaan yang tidak bersungguh-sungguh.

Aktiviti Pada Zaman Khalifah Ali bin Abu Talib

❖ Bermusuh Dan Berperang Dengan Khalifah Ali Bin Abu Talib

Bela Kematian Khalifah Uthman Bin Affan Yang Dibunuh Secara Zalim

Setelah Khalifah Uthman bin Affan dibunuh oleh para pemberontak yang tidak berpuashati terhadap kebijaksanaan pentadbiran baginda, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan amat menyesal sekali di atas tragedi yang telah menimpa saudara dua pupu beliau itu. Oleh itu sebaik sahaja para pemberontak masuk menyebelahi Khalifah Ali bin Abu Talib, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah tidak mahu memberi baiat atau ikrar untuk menyetujui perlantikan Sayidina Ali bin Abu Talib sebagai Khalifah Irrasyidin Keempat. Beliau

menuntut Khalifah Ali bin Abu Talib agar menghukum kesemua mereka yang terlibat sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung di dalam perbuatan mereka membunuh Khalifah Uthman bin Affan.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus mendesak Khalifah Ali bin Abu Talib dengan hebatnya. Tetapi Khalifah Ali bin Abu Talib memberitahu bahawa baginda tidak ada upaya untuk menghukum para pemberontak dan pembunuh Khalifah Uthman bin Affan sehinggalah seluruh umat Islam memberi baiat kepada baginda barulah baginda akan berusaha membuat penyiasatan dan menangkap serta menghukum sesiapa yang telah jelas membabitkan diri di dalam bersekongkol membunuh Khalifah Uthman bin Affan.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak dapat menerima hujah Khalifah Ali bin Abu Talib itu. Pada Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Khalifah Ali bin Abu Talib perlu bertindak segera dengan menangkap semua pembunuh Khalifah Uthman bin Affan dan menghukum mereka secara qisas (bunuh balas). Tidak boleh nak tunggu semua umat Islam memberi baiat atau sumpah setia kepada baginda.

Inilah yang menjadi punca kenapa persengketaan antara Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Khalifah Ali bin Abu Talib terus meruncing dan akhirnya tercetuslah pertumpahan darah yang telah merugikan jiwa umat Islam juga.

Perang Saudara Dengan Khalifah Ali Bin Abu Talib

Setelah beliau enggan memberi baiat kepada Khalifah Ali bin Abu Talib, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sememangnya telah bertempat tinggal di negeri Syam terus mengukuhkan kedudukannya di sana. Beliau mengikat hat-hati seluruh penduduk negeri Syam dengan akhlak beliau dan juga dengan kekayaan hasil bumi dan pendapatan negeri Syam. Memang Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang sangat cerdik dan sangat pemurah. Maka dia menggunakan harta negara milik kaum Muslimin untuk kepentingan kehidupan kaum Muslimin juga, tetapi khusus di negeri Syam sahaja. Ini adalah kerana dia adalah gabenor bagi negeri Syam. Maka yang menjadi kewajipan ke atasnya ialah menjaga seluruh kebajikan penduduk negeri Syam agar mereka dapat menjalani penghidupan dengan sempurna, penuh aman, damai dan sejahtera.

Banyak sekali dinar dan dirham yang dicurahkannya kepada penduduk negeri Syam. Sehingga dikatakan seluruh penduduk negeri Syam amat menyanjung tinggi dan taat setia kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan sampai ke tahap membabi buta. Perintah Mu'awiyah mereka patuhi, larangan Mu'awiyah mereka hindari sepenuhnya.

Dengan mendapat sokongan yang padu itu, akhirnya menjelang tahun ke 38 Hijrah/658 Masihi, setelah mendapat tahu bahawa Khalifah Ali bin Abu Talib sedang bersiap-siap untuk menyerangnya di negeri Syam, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menggerakkan askar-askarnya yang seratus peratus terdiri

daripada orang-orang atau penduduk negeri Syam berjumlah kira-kira 85,000 orang menuju ke kota Kufah, negeri Iraq di mana Khalifah Ali bin Abu Talib bersemayam di situ.

Perang Siffin Meletus Dan Muncul Majlis Tahkim

Akhirnya setelah rundingan demi rundingan yang dilakukan gagal mencapai kata sepakat untuk mencari perdamaian, meletuslah perang yang dahsyat di antara tentera negeri Syam yang dipimpin oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan tentera Iraq yang dipimpin oleh Khalifah Ali bin Abu Talib yang berjumlah seramai 95,000 orang. Ini bererti tentera Khalifah Ali bin Abu Talib lebih besar jumlahnya daripada tentera Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebanyak 10,000 orang perajurit. Pasukan Khalifah Ali bin Abu Talib di bawah komando yang hebat dan sangat perkasa iaitu Panglima Malik bin al-Harith al-Asytar bertempur dengan pasukan Mu'awiyah bin Abu Sufyan di bawah komando Panglima Amru bin al-Ass. Pasukan Khalifah Ali bin Abu Talib dengan keberanian dan kepahlawanan yang luar biasa terus menggempur dan mengasak pasukan tentera Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang mengakibatkan pasukan tentera Syam terdesak dan mula menunjukkan tanda-tanda akan mengalami kekalahan. Setelah komando pasukan tentera Mu'awiyah bin Abu Sufyan iaitu Panglima Amru bin al-Ass melihat tentera di pihaknya yang akan tewas itu, maka dia terus mengarahkan anggota tenteranya yang membawa mushaf al-Qur'an agar menjulangnya di hujung mata tombak mereka. Maka kelihatanlah mushaf al-Qur'an terawang-awangan di mata tombak pasukan tentera Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Ini menyebabkan sebahagian tentera Khalifah Ali bin Abu Talib mula terpedaya oleh taktik licik tentera Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu. Kesudahannya kedua-dua pihak berdamai dan Majlis Tahkim diadakan.

Pihak Mu'awiyah bin Abu Sufyan diwakili oleh Amru bin al-Ass sebagai kepala rombongan, manakala pihak Khalifah Ali bin Abu Talib diwakili oleh Abu Musa al-Asya'ari. Kedua-duanya adalah sahabat Nabi yang utama dan ternama. Dengan kepintaran Amru bin al-Ass bermain siasah, telah menyebabkan pihak Khalifah Ali bin Abu Talib merasa tertipu. Abu Musa al-Asya'ari lari ke kota Mekah kerana malu. Manakala Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan bala tenteranya terus pulang ke negeri Syam.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus membina kekuatannya di negeri Syam. Manakala Khalifah Ali bin Abu Talib yang kembali semula ke kota Kufah telah mengalami perpecahan pengikut yang parah. Para pengikut atau penyokong Khalifah Ali bin Abu Talib telah berpecah menjadi dua golongan. Satu golongan terus keluar daripada menjadi pengikut baginda dan telah menyepi diri di sebuah desa yang terletak di tepi sungai Furat iaitu desa yang dinamakan Nahrawan. Mereka membenci Khalifah Ali bin Abu Talib juga Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Dengan perpecahan di pihak Khalifah Ali bin Abu Talib, bererti di

pihak Harimau Allah ini semakin mendapat ramai musuh. Dulu musuh Khalifah Ali bin Abu Talib hanyalah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan orang-orang Syam, tetapi sekarang sudah ada dari golongan baginda sendiri yang tadinya begitu gigih berjuang bersama-sama baginda membela baginda. Golongan yang menyisih diri ini kemudiannya dinamakan golongan Khawarij.

Khalifah Ali bin Abu Talib terlebih dahulu terpaksa menghapuskan golongan Khawarij sebelum baginda perlu menyerang negeri Syam untuk menghapuskan musuh sebenar baginda iaitu Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Peperangan antara Khalifah Ali bin Abu Talib dengan golongan Khawarij telah menyebabkan kekuatan di pihak Khalifah Ali bin Abu Talib semakin menghilang. Kenapa tidaknya, orang-orang Khawarij bukan orang lain kepada para pengikut Khalifah Ali bin Abu Talib yang masih setia. Mereka juga adalah anak beranak mereka itu. Ayah atau anak mereka. Saudara atau sepupu mereka. Jadi tindakan Khalifah Ali bin Abu Talib memerangi kaum Khawarij di Nahrawan itu telah menyebabkan kekecewaan kepada sanak saudara mereka yang masih merupakan para pendokong Khalifah Ali bin Abu Talib. Akhirnya di dalam kelemahan demi kelemahan itu, Khalifah Ali bin Abu Talib telah dibunuh oleh seorang Khawarij sebelum baginda sempat menyerang dan mengalahkan Mu'awiyah bin Abu Sufyan di negeri Syam.

MU'AWIYAH MENJADI KHALIFAH

Khalifah Hasan Bin Ali Serah Jawatan Khalifah Kepada Mu'awiyah

Setelah Khalifah Ali bin Abu Talib dibunuh oleh seorang Khawarij yang bernama Abdul Rahman bin Muljam pada tarikh 17hb Ramadhan tahun ke 40 Hijrah/660 Masihi, maka para pengikut baginda di kota Kufah telah melantik pula putera baginda yang tertua iaitu Sayidina Hasan menjadi khalifah umat Islam mengganti baginda. Tetapi setelah menjadi khalifah buat beberapa bulan, Sayidina Hasan mahu menyerahkan jawatan pemimpin tertinggi umat Islam itu kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Kenapa Khalifah Hasan bin Ali mahu bertindak demikian?

Terdapat beberapa sebab yang telah mendorong Khalifah Hasan bin Ali untuk menyerahkan jawatan khalifah yang disandangnya kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Antara sebab-sebabnya ialah pertama baginda tidak mahu melihat umat Islam terus bercakaran, berbunuh-bunuhan sehingga menyebabkan umat Islam semakin lemah dan hancur. Ini baginda dapat rasakan selagi jawatan khalifah tidak berada di tangan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, selama itulah Mu'awiyah bin Abu Sufyan akan berusaha untuk mendapatkannya dengan apa cara sekali pun.

Kedua, Khalifah Hasan bin Ali adalah seorang yang cintakan hidup aman damai dan benci kepada pertumpahan darah dan persengketaan. Tidak ada kebaikan kalau baginda terus menerus berkeras mempertahankan jawatan khalifah yang sangat diidam-idamkan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu, yang pasti Mu'awiyah bin Abu Sufyan akan berusaha dengan sedaya upaya untuk mendapatkannya, maka lebih baik beliau menyerahkan jawatan khalifah umat Islam itu kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan secara damai.

Ketiga, tindakan Khalifah Hasan menyerahkan jawatan khalifah kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan bererti menyempurnakan ramalan datuknya Rasulullah s.a.w. yang ketika beliau masih kanak-kanak mengatakan bahawa beliau adalah pendamai dua golongan umat Islam yang sedang bersengketa. Kalau Khalifah Hasan bin Ali tidak menyerahkan jawatannya kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka tidak berlakulah apa yang disabdakan oleh

Rasulullah s.a.w. itu. Mustahil ramalan Rasulullah s.a.w. tidak menepati kebenaran kerana ianya adalah wahyu daripada Allah SWT.

Maka di atas sebab-sebab di atas, menjelang bulan Rabiul Akhir tahun 41 Hijrah/661 Masihi, Khalifah Hasan bin Ali telah menyerahkan sepucuk surat kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang menyatakan baginda bersedia menyerahkan jawatan khalifah kaum Muslimin kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan mengemukakan dua syarat sahaja. Kedua-dua syarat itu adalah seperti berikut:-

Meminta jaminan ke atas keselamatan keluarga beliau dan juga pengikut-pengikut beliau kaum Syiah.

Meminta agar Mu'awiyah bin Abu Sufyan menyerahkan perkara pemilihan khalifah kepada kaum Muslimin setelah beliau meninggal dunia.

Setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menerima surat daripada Khalifah Hasan bin Ali itu, maka beliau terus menghantar pula sepucuk surat kosong yang belum ditulis apa-apa kepada Khalifah Hasan bin Ali yang telahpun dicop dengan mohor beliau. Mu'awiyah bin Abu Sufyan meminta kepada Sayidina Hasan bin Ali supaya menulis apa sahaja yang dia inginkan sebagai suatu perjanjian antara beliau dengan Khalifah Hasan bin Ali. Maka Khalifah Hasan bin Ali menulis beberapa syarat. Antara syarat-syarat itu adalah seperti berikut:-

Pemilihan jawatan khalifah sesudah Mu'awiyah bin Abu Sufyan hendaklah diserahkan kepada kaum Muslimin untuk menentukan siapa khalifah mereka. Ini adalah syarat ulangan dari yang pertama.

Meminta Mu'awiyah bin Abu Sufyan agar tidak menyimpan dendam terhadap semua penduduk negeri Iraq yang pernah memerangi baginda.

Menjamin keamanan seluruh rakyat dan memaafkan kesalahan-kesalahan mereka.

Hasil pendapat di negeri Ahwaz diberi kepada beliau sepanjang hidupnya.

Mahu Mu'awiyah membayar secara segera wang sebanyak dua juta kepada beliau dan adik beliau Sayidina Husein.

Pemberian kepada bani Hasyim hendaklah lebih banyak daripada kepada bani Abdul Syams.

Setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menerima surat daripada Khalifah Hasan bin Ali itu, maka beliau terus datang ke kota Kufah untuk berjumpa mata dengan Sayidina Hasan bin Ali. Apabila Sayidina Hasan bin Ali, Sayidina Husein dan seluruh keluarga Ahlil Bait memberi baiat kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka seluruh penduduk negeri Iraq telah memberi baiat mereka kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan kecuali kaum Khawarij sahaja yang tetap enggan.

Dengan pengakuan oleh Sayidina Hasan dan seluruh penduduk negeri Iraq bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah khalifah mereka, maka terlantiklah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai khalifah umat Islam menggantikan tempat Khalifah Hasan bin Ali. Peristiwa itu terjadi pada tarikh 25 hari bulan Rabiul Akhir tahun 41 Hijrah/661 Masihi. Tahun ini dinamakan Tahun Peryatuan (Am al-Jamaah) kerana seluruh umat Islam telah bersatu hati mengakui Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah khalifah umat Islam menggantikan tempat Khalifah al-Hasan bin Ali.

Selain berjanji akan menunaikan syarat-syarat di atas, mengikut apa yang ditulis oleh Imam Sayuti di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga telah menghadiahkan kepada Sayidina Hasan sebanyak 1,500,000 dirham.

Dengan terlantiknya Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai khalifah tunggal umat Islam, maka berdirilah kerajaan bani Umayyah dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus kembali ke negeri Syam dan mengisytiharkan kota Damsyik sebagai pusat pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Manakala Sayidina Hasan, Sayidina Husein dan seluruh keluarga mereka pulang ke kota Madinah dan hidup di sana dengan penuh aman damai di bawah pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Memang Mu'awiyah bin Abu Sufyan amat layak untuk menduduki kerusi khalifah sesudah Khalifah Irrasyidin, sebagaimana yang telah diramalkan oleh Khalifah Umar bin al-Khattab yang mengatakan kepada anggota calon khalifah ketika baginda sedang luka parah, "........ sekiranya kamu berselisih, dengki, bertentangan, kepimpinan (kaum Muslimin) akhirnya akan jatuh ke tangan Mu'awiyah bin Abu Sufyan."

Abdullah bin Abbas juga mengakui perkara ini. Beliau berkata, "Aku belum pernah melihat seorang yang lebih patut daripada Mu'awiyah untuk memegang tampuk kepimpinan dan kerajaan (umat Islam)."

Mu'awiyah Memulakan pemerintahan

❖ Para Pembantu Yang Berperibadi Kuat Dan Gabenor

Sebelum kita membicarakan tentang Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memulakan perlaksanaan pemerintahannya, ada baik juga kita terlebih dahulu memperkatakan sedikit sebanyak tentang beberapa orang tokoh yang menjadi tulang belakang di dalam pemerintahan baginda iaitu orang-orang yang sangat berjasa di dalam membantu dan menegakkan pemerintahan dan kerajaan bani Umayyah yang baru didirikan. Mereka inilah yang telah membantu dan meneguhkan kedudukan Mu'awiyah bin Abu Sufyan di atas singgahsana pemerintahannya sehingga berjaya mewujudkan sebuah kerajaan yang kuat dan digeruni oleh musuh-musuh.

Para penulis sejarah Islam mencatitkan bahawa di dalam perjuangan dan seterusnya pemerintahannya, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mempunyai atau dibantu oleh seramai empat orang tokoh yang kuat. Sejak berjuang menentang pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib yang memakan masa selama empat tahun lebih itu, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah dibantu oleh seorang tenaga yang sangat handal. Kemudian setelah Khalifah Ali bin Abu hampir Talib wafat, beliau telah berjaya mendapat tiga orang lagi pembantu yang sangat cekap dan pintar iaitu seorang sahabat Rasulullah s.a.w. dan dua orang tabien. Jadi selama memerintah kerajaan Islam selaku Khalifah bani Umayyah yang pertama, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah dibantu oleh empat tenaga yang amat kuat. Keempat-empat tenaga atau tokoh yang dimaksudkan itu ialah pertama Amru bin al-Ass yang membantu Mu'awiyah bin Abu Sufyan semenjak zaman Khalifah Ali bin Abu Talib lagi. Kedua al-Mughirah bin Syu'bah, yang masuk bekerjasama dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan setelah kerajaan Khalifah Ali bin Abu Talib mengalami kelemahan setelah perang Siffin. Kedua-duanya adalah sahabat Rasulullah s.a.w. yang besar. Manakala dua orang lagi iaitu Ziyad bin Abihi dan anaknya Ubaidullah bin Ziyad, kedua-duanya adalah tokoh tabien. Inilah empat tunggak tenaga yang sangat kuat yang telah membantu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam usaha meneguhkan kerajaannya.

Bagaimana keempat-empat tokoh besar yang kuat ini dapat berada di pihak Mu'awiyah bin Abu Sufyan, sedangkan kalau hendak dikira, Khalifah Ali bin Abu Talib lebih berhak kepada keempat-empat orang pintar, hebat, perkasa dan bijaksana ini kerana kelebihan dan keutamaan baginda di dalam bersahabat dan perhubungan dengan Rasulullah s.a.w. serta awalnya baginda memeluk agama Islam dan besar jasanya di dalam perjuangan membela agama Islam bersama Rasulullah s.a.w.?

Amru Bin Al-Ass

Tokoh yang pertama ialah Amru bin al-Ass. Marilah kita lihat bagaimana tokoh ini boleh berpihak kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Keperibadian dan ketokohan Amru bin al-Ass tidak perlu diperkenalkan lagi kepada para peminat sejarah Islam, tetapi perlu diperjelaskan sedikit kepada para pembaca yang baru mengenal sejarah Islam khasnya yang berkaitan dengan kehidupan dan perjuangan Rasulullah s.a.w.

Amru bin al-Ass asalnya adalah seorang pembesar musyrikin Quraisy dan juga anak kepada pembesar musyrikin Quraisy yang amat besar jasanya di dalam memperjuangkan kehendak-kehendak kaum musyrikin Quraisy di dalam usaha menghalang pergerakan dan pengembangan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. di kota Mekah. Dialah yang mengetuai rombongan dua orang perwakilan kaum musyrikin Quraisy yang dihantar ke negeri Habsyah (Ethiopia sekarang ini) untuk meminta kebenaran daripada

Raja Habsyah yang bergelar an-Najasyi agar membenarkan mereka membawa pulang semula orang-orang Islam yang sedang berlindung di negara baginda ke kota Mekah (untuk mereka seksa). Tetapi usahanya telah tidak dihiraukan oleh Raja an-Najasyi yang berhati mulia dan cintakan kedamaian itu.

Menjelang tahun ke 7 Hijrah/629 Masihi, beliau telah berhijrah ke kota Madinah bersama-sama dengan Khalid bin al-Walid, pahlawan musyrikin Quraisy yang terbilang dan Uthman bin Talhah, pemegang kunci Ka'abah dan bersama-sama kedua-dua rakannya itu beliau telah menganut agama Islam di hadapan baginda Rasulullah s.a.w. di kota Madinah. Sejak saat itu dia dipandang besar dan dipermuliakan oleh Rasulullah s.a.w. sehingga dia mengira dialah orang Islam yang paling disayangi oleh baginda Rasulullah s.a.w. Tetapi setelah dia bertanya Nabi tentang perkara itu, Nabi menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Dengan itu tahulah Amru bin al-Ass bahawa sikap Nabi Muhammad s.a.w. yang sangat memandang hormat kepadanya adalah merupakan sikap baginda terhadap semua orang-orang penting yang memeluk agama Islam. Bukan kepada beliau seorang sahaja.

Setelah menjadi seorang Islam dan sahabat Rasulullah s.a.w. yang unggul, Amru bin al-Ass telah diberi tugas oleh Rasulullah s.a.w. untuk memimpin beberapa pasukan tentera Islam untuk menghadapi kaum musyrikin di luar kota Madinah dan mendakwah dua orang Raja Oman bersaudara iaitu Jaifar dan Abbad bin Julunda dan berjaya di dalam semua tugasnya itu.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, Amru bin al-Ass dilantik mengepalai satu daripada sebelas ketumbukan pasukan tentera Islam untuk menghapuskan kaum murtad yang bangkit di seluruh Tanah Arab setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. Dan ketika Khalifah Abu Bakar as-Siddiq merancang untuk menggempur tanah jajahan kerajaan Rom (kerajaan Byzentium - Rom Timur) di negeri Syam, Amru bin al-Ass telah dilantik memimpin satu daripada empat pasukan tentera Islam yang dibentuk.

Akhirnya setelah tentera Rom tewas di negeri Syam, Khalifah Umar bin al-Khattab menyetujui Amru bin al-Ass mara ke negeri Mesir yang juga tanah jajahan kerajaan Rom. Dia telah dilantik menjadi gabenor bagi negeri Mesir setelah negeri Fir'aun itu berjaya ditaklukinya menjelang tahun 21 hijrah/692 Masihi.

Setelah menjadi gabenor di negeri Mesir selama setahun atau dua tahun pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan, Amru bin al-Ass telah dipecat oleh Khalifah ketiga Irrasyidin itu dan dipanggil pulang ke kota Madinah untuk membantu khalifah melaksanakan polisi pentadbiran dari dekat. Dia tinggal di kota Madinah dan membantu kerja-kerja yang dilakukan oleh Khalifah Uthman bin Affan di samping pembantu-pembantu khalifah yang lain. Tetapi setelah beliau melihat kerajaan Khalifah Uthman bin Affan mula dikuasai oleh sanak saudara baginda kaum bani Umayyah dan kaum bani Abu

Muaith (anak-anak Uqbah bin Abu Muaith yang merupakan saudara-saudara tiri Khalifah Uthman bin Affan) dan fitnah mula terbayang di setiap pelosok negeri, maka Amru bin al-Ass telah menarik diri daripada terus berkhidmat di dalam pentadbiran Khalifah Uthman bin Affan dan telah berangkat ke Palestin bersama-sama dengan seluruh keluarganya dan berdiam di sana sehinggalah Khalifah Uthman bin Affan terbunuh.

Ketika terjadi persengketaan di antara Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Khalifah Ali bin Abu Talib, Amru bin al-Ass masih berdiam diri di Palestin. Tidak berpihak kepada sesiapapun. Akhirnya Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mengambil keputusan untuk memancing Amru bin al-Ass dan dengan kecerdikan yang ada pada akal Mu'awiyah bin Abu Sufyan beliau berjaya mempengaruhi Amru bin al-Ass dengan membuat janji kepada tokoh ini bahawa beliau akan mengembalikan kedudukannya sebagai gabenor negeri Mesir sekiranya beliau berjaya merampas negeri Mesir daripada tangan pihak Khalifah Ali bin Abu Talib.

Dari segi usia, Amru bin al-Ass jauh lebih tua daripada Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Amru bin al-Ass dipercayai lahir pada tahun 54 sebelum Hijrah/566 Masihi. Sedangkan ketika Amru bin al-Ass berusia 65 tahun iaitu pada tahun ke 8 hijrah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan baru berusia 23 tahun. Jelas Amru bin al-Ass lebih tua sebanyak 42 tahun daripada Mu'awiyah. Begitu sekali jauhnya perbezaan usia antara mereka berdua.

Tentang kecerdikan Amru bin al-Ass, seorang ulama' bernama Qabisah bin Jabir membuat penyaksian katanya, "Aku pernah bersahabat dengan Amru bin al-Ass, dan aku belum pernah melihat manusia yang lebih cemerlang akalfikirannya dan lebih bijaksana perilakunya berbanding dirinya."

Al-Mughirah Bin Syu'bah

Tokoh yang kedua ialah al-Mughirah bin Syu'bah ath-Thaqafi. Jelas tokoh ini adalah berasal dari kota atau negeri Taif dari suku sakat kaum Thaqif. Dia termasuk sanak saudara kepada Urwah bin Mas'ud ath-Thaqafi, seorang tokoh kaum Thaqif yang terkemuka dan sahabat Rasulullah s.a.w. dan seorang manusia yang teramat rupawan rupanya menyerupai wajah Nabi Isa as. Rasulullah s.a.w. pernah memberitahu Urwah bin Mas'ud bahawa ketika baginda mi'raj ke langit, baginda telah berjumpa dengan Nabi Isa as di langit yang kedua. Baginda lihat wajah Nabi Isa as serupa dengan wajah Urwah bin Mas'ud ath-Thaqafi. Sebab itu tidaklah menghairankan apabila Urwah bin Mas'ud ath-Thaqafi sangat disayangi oleh kaumnya dan beliau dikatakan beristeri seramai 10 orang sekali gus sebelum memeluk agama Islam.

Al-Mughirah bin Syu'bah adalah seorang manusia yang mempunyai kecerdikan dan kecerdasan akal yang luar biasa. Buah-buah fikirannya merupakan pandangan-pandangan yang baik sekali untuk dipertimbangankan terutama yang berkaitan dengan soal-soal pentadbiran, politik dan peperangan.

Sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. berhijrah ke kota Madinah, al-Mughirah bin Syu'bah yang berdiam di Taif terus berangkat ke kota Madinah dan terus memeluk agama Islam di hadapan baginda Rasulullah s.a.w. Penyusun kerana kelemahan dan kekurangan usaha meneliti buku-buku sejarah Islam, telah tidak menemui tarikh bilakah al-Mughirah bin Syu'bah datang ke kota Madinah dan memeluk agama Islam di hadapan Nabi. Tetapi penyusun percaya al-Mughirah bin Syu'bah datang ke kota Madinah dan memeluk agama Islam sekitar tahun ke 6 Hijrah/628 Masihi sebelum termeterainya Perjanjian Hudaibiyyah. Ini adalah kerana nama al-Mughirah bin Syu'bah tidak pernah tersenarai di dalam barisan kaum Muslimin ketika terjadi peperangan-peperangan Badar al-Kubra, Uhud, Khandak sehinggalah muncul saat-saat Perjanjian Hudaibiyyah sedang berlangsung. Ketika Rasulullah s.a.w. sedang berunding dengan utusan pihak Quraisy, al-Mughirah bin Syu'bah berdiri di belakang Rasulullah s.a.w. sambil menghunus pedang dan memakai penutup muka sehingga tidak dapat dikenali oleh sesiapa.

Sebaik sahaja menjadi seorang Islam, al-Mughirah bin Syu'bah mendadak muncul menjadi tokoh sahabat Nabi yang terkemuka. Serupalah beliau dengan Abu Hurairah, Khalid bin al-Walid dan Amru bin al-Ass. Mereka muncul agak lewat di dalam Islam, tetapi sangat cepat menonjol di mata Rasulullah s.a.w. kerana ketokohan mereka.

Sebagaimana Mu'awiyah bin Abu Sufyan, al-Mughirah bin Syu'bah juga tidak mendapat perhatian daripada Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Sedangkan kedua-duanya amat diperhatikan oleh Rasulullah s.a.w. Tetapi setelah tiba zaman Khalifah Umar bin al-Khattab, kedua-duanya telah mendapat perhatian yang sesungguhnya dari khalifah.

Setelah Khalifah Umar bin al-Khattab membuka kota Kufah (sekitar tahun 17 Hijrah/638 Masihi), baginda telah melantik al-Mughirah bin Syu'bah menjadi gabenornya. Setelah Sayidina Uthman bin Affan naik menjadi khalifah, baginda memecat al-Mughirah bin Syu'bah dan digantikan dengan al-Walid bin Uqbah. Sebagaimana Amru bin al-Ass yang memencil diri setelah dipecat daripada jawatan gabenor negeri Mesir oleh Khalifah Uthman bin Affan, begitu juga dengan al-Mughirah bin Syu'bah. Beliau pulang ke Taif dan menyepi di kampungnya itu.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib, al-Mughirah bin Syu'bah telah datang membaiat Khalifah Ali bin Abu Talib, dan sering menasihati Khalifah Ali bin Abu Talib di dalam persoalan-persoalan pentadbiran negara dan politik. Tetapi Khalifah Ali bin Abu Talib kurang mendengar nasihat-nasihat beliau. Kerana itu sekali lagi beliau menyepi diri. Ketika terjadi peperangan Jamal dan Siffin, al-Mughirah bin Syu'bah tidak ikut serta. Dia berada di kampungnya di Taif dan menjalani aktiviti kehidupannya sendiri. Ketika terjadi perundingan Tahkim, sekali lagi al-Mughirah bin Syu'bah

telah datang mendampingi Khalifah Ali bin Abu Talib. Beliau banyak berusaha membantu Khalifah Ali bin Abu Talib, tetapi dikecewakan.

Setelah Khalifah Ali bin Abu Talib tewas di dalam beradu diplomatik dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, sekali lagi al-Mughirah bin Syu'bah telah menyepi diri di kampungnya sehinggalah Khalifah Ali bin Abu Talib dibunuh oleh kaum Khawarij. Beliau amat sedih sekali dengan tragedi yang menimpa pemimpin kaum Ahlil Bait itu.

Setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ditabal menjadi khalifah kaum Muslimin pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi, dan dia mendengar semua kaum Muslimin yang diketuai oleh sahabat-sahabat Nabi telah memberi baiat mereka kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan selaku khalifah dan Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula telah memberi layanan yang baik kepada mereka semua dan teristimewa sekali termasuk ke atas musuh politik beliau anak-anak al-marhum Khalifah Ali bin Abu Talib iaitu Sayidina Hasan dan Sayidina Husein, maka al-Mughirah bin Syu'bah yang merasa sepi dan terasing lantas ingin kembali semula ke medan politik, medan kegemarannya. Maka dia terus pergi mendapatkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sudah lama mengetahui kebolehan dan kecekapan al-Mughirah bin Syu'bah di dalam perang dan politik, terus diterimanya dan dijadikannya pembantu baginda. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik al-Mughirah bin Syu'bah menjadi salah seorang gabenor baginda iaitu gabenor di kota Kufah. Dengan itu bermulalah semula karier politik al-Mughirah bin Syu'bah dan kerjasamanya di dalam pentadbiran Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan menjadi seorang daripada empat orang kuat yang mendokong pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan atau pembantu kanan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam urusan-urusan politik, ketenteraan dan pentadbiran negara. Ternyata al-Mughirah bin Syu'bah sangat mendatangkan faedah yang sangat besar kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan selama hayatnya.

Tentang kecerdikan akal al-Mughirah bin Syu'bah, seorang ulama' bernama Qabisah bin Jabir berkata, "Aku pernah bersahabat dengan al-Mughirah bin Syu'bah, seandainya sebuah kota memiliki lapan buah pintu yang mana seseorang itu tidak dapat keluar daripada salah satu pintu tersebut melainkan dengan cara berhelah, sudah pasti al-Mughirah bin Syu'bah dapat keluar dari pintu-pintu itu semuanya."

Ziyad Bin Abihi

Tokoh yang ketiga yang menjadi pembantu kuat kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah Ziyad bin Sumaiyyah, yang lebih terkenal dengan sebutan Ziyad bin Abihi (Ziyad bin Ayahnya). Ini adalah kerana tiada seorangpun yang mengenali siapakah bapa Ziyad. Dia dilahirkan pada permulaan zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab. Sebab itu dia bukan sahabat Nabi, tetapi seorang tabiin besar. Pada zaman Khalifah Umar bin

al-Khattab, Ziyad bin Abihi masih kanak-kanak. Namun kerana kecerdikannya, dia telah diambil bekerja oleh gabenor kota Basrah iaitu Abu Musa al-Asya'ari sebagai Setiausahanya. Ketika terjadi serangan ke atas negara Farsi dan Saad bin Abu Waqqas menjadi gabenor bagi wilayah-wilayah Islam di Farsi, Ziyad bin Abihi juga turut serta di dalam perjuangan itu.

Pernah terjadi satu peristiwa di mana Khalifah Umar bin al-Khattab sangat mengagumi kecerdasan akalfikiran Ziyad bin Abihi yang luar biasa. Diriwayatkan pada ketika pasukan tentera Islam yang berperang di bumi Farsi, ketika tentera Islam menang di dalam peperangan di medan Jalalu', Panglima Saad bin Abu Waqqas yang menjadi gabenor di wilayah Farsi yang berpusat di Iraq telah memberi tanggungjawab kepada Ziyad bin Abihi untuk membawa satu perlima barang ghanimah perang Jalalu' kepada Khalifah Umar bin al-Khattab di kota Madinah. Ketika itu Ziyad bin Abihi masih berusia di bawah sepuluh tahun.

Ketika sampai di hadapan Khalifah Umar bin al-Khattab, Ziyad bin Abihi telah menceritakan perjalanan peperangan Jalalu' kepada Khalifah Umar bin al-Khattab dengan gaya bahasa yang sangat menarik. Bahasanya amat memukau sekali semua pendengar termasuklah Khalifah Umar bin al-Khattab sendiri. Kerana merasa sangat menarik dan tidak puas mendengar ucapan yang berirama indah itu, maka Khalifah Umar bin al-Khattab mahu Ziyad bin Abihi mengulanginya penceritaan itu sekali lagi. Baginda bertanya kepada Ziyad bin Abihi, apakah dia sanggup berbuat demikian?

Maka tanpa bertangguh lagi Ziyad bin Abihi terus mengulanginya sekali lagi laporannya itu kepada Khalifah Umar bin al-Khattab dengan fasih sekali, sedikitpun kalimahnya tidak berbeza dengan kalimah-kalimah yang diucapkan sebelumnya walaupun satu huruf. Alangkah terkejut dan kagetnya Khalifah Umar bin al-Khattab mendengar laporan ulangan oleh Ziyad bin Abihi itu, padahal dia masih kanak-kanak. Kerana sangat kagum terhadap Ziyad bin Abihi, Khalifah Umar bin al-Khattab telah memuji Ziyad dengan kata-kata, "Inilah yang dinamakan ahli pidato."

Demikianlah kelebihan Ziyad bin Abihi dari segi kefasihan lidah, ketajaman otak sasterawannya, kekuatan daya ingatan atau kepintaran mengingat. Sebab itu dia dikatakan salah seorang manusia genius yang pernah wujud. Di kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. terdapat ramai sekali para genius. Tetapi genius yang sangat ternama ada lima orang iaitu Sayidina Umar bin al-Khattab, Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Khalid bin al-Walid, Amru bin al-Ass dan Zaid bin Thabit.

Pada masa pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan, nama Ziyad bin Abihi terbenam di dalam lumpur masyarakat. Sehinggalah Khalifah Uthman bin Affan terbunuh dan Sayidina Ali bin Abu Talib naik menjadi khalifah. Maka bermulalah sinar keharuman nama Ziyad bin Abihi. Ziyad bin Abihi amat

mengagumi peribadi Khalifah Ali bin Abu Talib. Ketika itu Ziyad bin Abihi sudah berusia 23 tahun. Dia berjuang di pihak Khalifah Ali bin Abu Talib sehingga dia dilantik oleh Khalifah Ali bin Abu Talib menjadi gabenor bagi negeri Khurasan. Apabila Khalifah Ali bin Abu Talib terbunuh pada tahun 40 Hijrah/660 Masihi, Ziyad bin Abihi merasa amat takut sekali kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Janji-janji Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk memaafkannya tidak dihiraukannya. Beliau tidak mahu keluar dari negeri Khurasan sehingga tahun 45 Hijrah/665 Masihi iaitu setelah empat tahun Mu'awiyah bin Abu Sufyan naik menjadi khalifah. Pada tahun 45 Hijrah/665 Masihi itu, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menghantar al-Mughirah bin Syu'bah ke negeri Khurasan untuk memujuk dan memberi jaminan keselamatan nyawa kepada Ziyad bin Abihi. Pada masa itu barulah Ziyad bin Abihi percaya dan keluar dari benteng Khurasan dan terus pergi ke negeri Syam untuk memberi baiat kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sejak itu Ziyad bin Abihi menjadi salah seorang daripada pembantu atau orang kuat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di samping Amru bin al-Ass dan al-Mughirah bin Syu'bah.

Setelah Ziyad bin Abihi datang ke kota Damsyik dan menyatakan taat setia kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan melantiknya menjadi gabenor di kota Basrah. Ketika itu adalah tahun 45 Hijrah/665 Masihi menggantikan tempat Abdullah bin Amir yang wafat. Pada ketika itu Ziyad bin Abihi berusia 33 tahun. Dan pada masa itu juga gabenor di negeri Iraq cuma dua orang sahaja iaitu al-Mughirah bin Syu'bah di kota Kufah, dan Ziyad bin Abihi di kota Basrah. Menjelang tahun 51 Hijrah/670 Masihi, al-Mughirah bin Syu'bah wafat. Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menempatkan Ziyad bin Abihi sebagai gabenor di kota Kufah. Jadi Ziyad bin Abihi menjadi gabenor bagi seluruh negeri Iraq dan kawasan-kawasan di sebelah timur. Ziyad bin Abihi wafat pada tahun 54 Hijrah/673 Masihi setelah menjadi gabenor di Iraq selama 9 tahun. Usia beliau ketika wafat ialah 42 tahun.

Ubaidullah Bin Ziyad

Tokoh yang keempat yang menjadi pembantu kuat kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah Ubaidullah bin Ziyad. Beliau adalah anak kepada Ziyad bin Abihi. Memang Ubaidullah bin Ziyad seorang manusia yang memiliki peribadi yang kuat. Tindakannya sentiasa tegas serupa dengan tindakan ayahnya semasa menjadi gabenor di zaman pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib dan zaman Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Pendekata Ubaidullah bin Ziyad adalah anak lelaki Ziyad bin Abihi yang tulin atau yang sebenar-benarnya.

Ubaidullah bin Ziyad mula memain peranannya pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Pada zaman sebelumnya, dia masih

kanak-kanak. Dia menjadi remaja pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sebab itu Ubaidullah bin Ziyad mula dikenali pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan mula melantik Ubaidullah bin Ziyad menjadi gabenor di Khurasan pada tahun 54 Hijrah/673 Masihi iaitu setelah ayahnya Ziyad bin Abihi wafat. Tetapi di Khurasan, Ubaidullah bin Ziyad tidak mampu menghadapi kesulitan-kesulitan yang dihadapinya sehingga payah sekali untuk dia melaksanakan kerja-kerjanya. Kira-kira setahun kemudian, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang prihatin kepada kesusahannya telah memindahnya atau menukarkannya ke kota Basrah. Di sini Ubaidullah bin Ziyad telah memperlihatkan kemampuannya sebagai pentadbir. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mengekalkan kedudukan Ubaidullah bin Ziyad selaku gabenor di kota Basrah sehinggalah baginda sendiri wafat pada tahun 60 Hijrah/679 Masihi.

Para Gabenor Wilayah

Pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, wilayah-wilayah kerajaan Islam telah kembali pulih seperti pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dahulu. Marilah kita lihat kedudukan-kedudukan para gabenor di kota-kota atau wilayah-wilayah kerajaan Islam pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan:-

Gabenor Di Kota Madinah

Pada tahun 42 Hijrah/661 Masihi, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik saudara dua pupu baginda iaitu Marwan bin al-Hakkam sebagai gabenor bagi kota Madinah. Marwan bin al-Hakkam menjadi gabenor di kota Madinah dalam dua penggal. Dalam penggal pertama dia menjadi gabenor kota Madinah selama 7 tahun iaitu dari tahun 42 Hijrah/662 Masihi sehingga 49 Hijrah/668 Masihi. Kemudian diberhentikan. Kemudian pada tahun 56 Hijrah/675 Masihi, Khalifah Mu'a'wiyah bin Abu Sufyan sekali lagi melantiknya menjadi gabenor kota Madinah sehingga tahun 57 Hijrah/676 Masihi kemudian sekali lagi dipecat.

Gabenor Di Kota Kufah

Pada tahun 42 Hijrah/662 Masihi, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik al-Mughirah bin Syu'bah sebagai gabenor di kota Kufah. Al-Mughirah bin Syu'bah menjadi gabenor di kota Kufah sehingga tahun 51 Hijrah/670 Masihi, iaitu sampai wafatnya. Beliau menjadi gabenor kota Kufah selama sembilan tahun. Pada tahun 51 Hijrah/670 Masihi setahun setelah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik dilahirkan di kota Madinah ketika ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan berusia 25 tahun dan sedang terkenal

sebagai seorang tokoh ulama' Madinah yang paling terkemuka. Tokoh yang mengganti tempat al-Mughirah ialah Ziyad bin Abihi yang menjadi gabenor di kedua-dua kota iaitu kota Basrah dan kota Kufah.

Gabenor Di Kota Basrah

Pada tahun 42 Hijrah/662 Masihi, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik Abdullah bin Amir seorang berketurunan bani Abdul Syams dari pihak ayahnya dan berketurunan bani Hasyim dari pihak ibunya. Salasilah lengkap keturunan Abdullah bin Amir dari pihak ayahnya ialah Abdullah bin Amir bin Rabiah bin Hubaib bin Abdus Syams bin Abdul Manaf. Manakala dari pihak ibunya ialah Abdullah bin Baidha' binti Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdul Manaf. Abdullah bin Amir menjadi gabenor di kota Basrah sehingga tahun 45 Hijrah/665 Masihi kerana ia wafat. Tempat beliau diambil alih oleh Ziyad bin Abihi.

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, terdapat dua orang yang bernama Abdullah bin Amir yang terkenal di dalam sejarah Islam terutama pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Seorang daripadanya terbunuh pada masa peperangan antara Khalifah Ali bin Abu Talib dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Tetapi penyusun masih belum mendapat maklumat tentang keturunan Abdullah bin Amir yang terbunuh itu, apakah dia dari bani Umayyah atau bukan.

Gabenor Di Kota Mesir

Pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik Amru bin al-Ass sebagai gabenor negeri Mesir seperti yang dijanjikannya kepada Amru bin al-Ass. Pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini, Amru bin al-Ass memerintah Mesir hanya selama dua tahun sahaja iaitu dari tahun 41 Hijrah/661 Masihi sampailah ke tahun 43 Hijrah/663 Masihi kerana beliau meninggal dunia pada tahun itu.

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik pula putera Amru iaitu Abdullah bin Amru sebagai gabenor negeri Mesir. Ini kerana baginda mengingatkan kepada jasa-jasa Amru bin al-Ass yang sangat besar di dalam perjuangannya menolong baginda mendapatkan kuasa pemerintahan dari tangan Khalifah Ali bin Abu Talib.

Abdullah bin Amru menjadi gabenor negeri Mesir juga selama dua tahun sahaja iaitu dari tahun 43 Hijrah/663 Masihi hingga tahun 45 Hijrah/665 Masihi, kemudian berhenti. Penyusun tidak dapat memastikan, apakah dia minta berhenti atau diberhentikan. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik pula Mu'awiyah bin Khudaij sebagai gabenor negeri Mesir mengganti tempat Abdullah bin Amru. Mu'awiyah bin Khudaij menjadi gabenor Mesir selama lima tahun sahaja iaitu dari tahun 45 Hijrah/665 Masihi hingga tahun 50

Hijrah/669 Masihi. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memecat Mu'awiyah bin Khudaij disebabkan beliau mengucapkan perkataan yang tidak baik terhadap Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berkaitan pembunuhan yang dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap Hujr bin Adi pada tahun 50 Hijrah/669 Masihi hijrah itu.

Untuk mengganti kedudukan Mu'awiyah bin Khudaij, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik pula Maslamah bin Makhallad al-Ansari. Maslamah juga dilantik sebagai gabenor bagi negeri Maghribi sehinggalah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat.

Demikianlah kedudukan sebahagian gabenor-gabenor pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang merupakan para pembantu baginda di wilayah-wilayah kerajaan Islam di seluruh penjuru kekuasaannya.

Perlaksanaan Pemerintahan

❖ Pembaharuan Dalam Pemerintahan

Sekarang marilah kita membicarakan tentang perlaksanaan polisi pentadbiran yang dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam pemerintahannya. Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilantik menjadi khalifah pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi. Ketika itu usianya sudah mencapai 56 tahun. Sebaik sahaja beliau dipilih menjadi khalifah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus menjalankan polisi pemerintahannya. Ada polisi yang bersifat meneruskan tradisi para khalifah terdahulu dan ada pula polisi yang agak berlainan dengan polisi pentadbiran yang dilaksanakan oleh para pemerintah dari barisan Khalifah Irrasyidin yang empat orang itu. Polisi-polisi berbeza yang dilaksanakan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang dimaksudkan itu adalah sebagaimana berikut:-

Pertama, Pembaharuan Berkaitan Pentadbiran

Pertama, polisi pembaharuan yang berkaitan dalam pentadbiran yang mula-mula dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah baginda telah memindahkan pusat pemerintah dari negeri Iraq ke negeri Syam iaitu dari kota Kufah ke kota Damsyik. Langkah ini dari pandangan satu sudut bukan satu pembaharuan, tetapi dari sudut yang lain adalah satu pembaharuan.

Kalau dipandang dari aspek pusat pemerintahan pada zaman Khalifah Ali bin Abu Talib ialah di negeri Iraq iaitu di kota Kufah, sedangkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadikan negeri Syam sebagai pusat pemerintahan kerajaan bani Umayyah iaitu di kota Damsyik, maka apabila dipandang dari sudut ini dikira satu pembaharuan. Tetapi kalaulah dilihat dari sudut memang Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah lama menjadikan kota Damsyik sebagai pusat pentadbirannya sebagai gabenor sejak zaman Khalifah

Umar bin al-Khattab sehingga zaman Khalifah Uthman bin Affan, bahkan sehingga ketika beliau berkonfrantasi dengan Khalifah Ali bin Abu Talib pun, negeri Syamlah pusat pemerintahannya. Seolah-olah bila baginda berjaya menduduki kerusi khalifah bani Umayyah, seakan-akan baginda tidak memindahkan pusat pentadbiran baginda malah mengekalkannya pula. Apabila dipandang dari sudut ini, bererti Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak membuat apa-apa pembaharuan di dalam sudut penempatan ibu kota pemerintahan.

Kedua, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menukar sistem pemilihan jawatan khalifah daripada sistem syura atau mesyuarat yang diamalkan sejak zaman Rasulullah s.a.w. sampailah ke zaman Khalifah Ali bin Abu Talib kepada sistem warisan atau pusaka. Memanglah sistem ini jauh berbeza dengan tindakan Rasulullah s.a.w., Khalifah Uthman bin Affan dan Khalifah Ali bin Abu Talib kerana ketiga mereka tidak ada menentukan bakal pengganti mereka. Tetapi agak dekat dengan cara yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Khalifah Umar bin al-Khattab. Abu Bakar as-Siddiq menunjuk Umar, manakala Umar menentukan sekelompok enam orang tokoh.

Sungguhpun dekat dengan cara Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan cara Khalifah Umar bin al-Khattab, tetapi yang menyelewengnya ialah orang yang ditentukan. Inilah yang amat dikesalkan oleh para tokoh dari kalangan umat Islam. Tetapi apabila kita melihat niat yang baik daripada perlantikan cara Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini seperti yang akan penyusun komentarkan di bawah (pada bab Melantik Putera Mahkota) maka umat Islam dapat menerima cara ini sehingga semua khalifah-khalifah atau sultan-sultan atau raja-raja Islam yang memerintah selepas kerajaan bani Umayyah semuanya (maksudnya sebahagian besar) telah mencontohi cara Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam melantik pengganti.

Ketiga, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memperkuatkan pasukan tentera di negeri Syam dengan melibatkan juga angkatan tentera laut. Semua anggota tentera itu diberi gaji tetap yang memuaskan. Penyediaan kekuatan angkatan tentera dari jurusan darat dan laut telah mendatangkan kesan kejayaan yang amat terserlah sekali kepada pertahanan negara dan pengembangan agama Islam. Sebab itu pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, penyebaran agama Islam begitu pesat sekali bergerak kesemua penjuru dunia. Lihat pada bab penaklukan negeri-negeri pada zaman baginda.

Keempat, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah cuba mencontohi cara atau sistem pentadbiran kerajaan Byzantine dengan cara mengambil ramai orang-orang Keristian untuk berkhidmat dalam kerajaan Islam di bidang ilmu terutama berkaitan dengan ekonomi, sains dan juga perubatan. Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab, baginda tidak menyukai perkara ini. Pernah gabenor baginda di kota Basrah iaitu Abu Musa al-Asya'ari

mengguna khidmat seorang Keristian sebagai jurutulis beliau. Sebaik sahaja Khalifah Umar bin al-Khattab mengetahui perkara itu, baginda terus mengarahkan kepada Abu Musa al-Asya'ari supaya memecat orang Keristian itu.

Tetapi tindakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pada ketika baginda menjadi khalifah yang berpusat di negeri Syam itu mengandungi hikmat yang cukup besar. Memang pada ketika itu kepakaran-kepakaran di dalam bidang ilmu terutama di dalam bahagian ekonomi, sains dan perubatan sedang dikuasai oleh orang-orang Kristian. Dan tentunya orang-orang Islam juga memerlukan kepada semua itu bahkan amat perlu. Bagaimana untuk mendapat semua itu kalau kerajaan Islam tidak bertindak mengambil mereka secara berperaturan dan mengikut undang-undang? Atau apakah wajar dilakukan dengan cara kekerasan, menyerang negara Kristian, menangkap semua pakar-pakar keilmuan mereka? Apakah pakar-pakar itu dijamin selamat?

Kelima, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memperkenalkan beberapa jabatan yang diwujudkan bagi melaksanakan kepentingan dan keperluan rakyat seperti jabatan pos dan pendaftaran.

Pejabat-pejabat pos dibina pada setiap tempat yang difikirkan perlu diwujudkan di tempat itu. Pada setiap pejabat pos itu disediakan seekor kuda sebagai kenderaan posmen. Apabila posmen sampai ke destinasi pejabat pos yang kedua, posmen itu akan meninggalkan kudanya dan mengganti dengan kuda yang disediakan di pos tersebut. Ini adalah untuk merehatkan kuda-kuda agar tidak bekerja tanpa berehat.

Di sini kita nampak betapa mulianya hati Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, sahabat Nabi yang unggul. Bagaimanakah dapat dikatakan seorang manusia yang begitu mempunyai sifat kasihan belas kepada binatang, tiba-tiba sanggup bertindak kejam ke atas manusia? Ya, Mu'awiyah bin Abu Sufyan banyak bertindak seakan-akan kejam ke atas manusia, tetapi kita harus sedar dan insaf, Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertindak itu adalah ke atas musuh-musuh politik baginda. Ke atas para pengacau kerajaan baginda. Sedangkan baginda adalah khalifah. Kalau baginda tidak bertindak kejam ke atas para perusuh, apa yang akan terjadi ke atas kerajaan bani Umayyah yang baginda dirikan itu? Bukankah huruhara? Kalau huruhara, bukankah akan terjadi pergaduhan yang tidak mustahil akan membunuh atau mengorbankan lebih ramai manusia atau lebih banyak nyawa yang tidak berdosa! Mana yang lebih baik mengorbankan satu nyawa yang membuat kekacauan berbanding mengorbankan nyawa beratus-ratus manusia yang tidak berdosa?

Bukankan Rasulullah s.a.w. sendiri ada menyebut di dalam hadis baginda yang diriwayatkan oleh Imam al-Auza'i yang bermaksud, ***"Tidak dihalalkan darah seorang Muslim dialirkan (dibunuh) melainkan dengan adanya salah satu daripada tiga perkara; (pertama) janda yang berzina, (kedua), pembunuh***

jiwa orang dibalas dengan pembunuhan pula, (ketiga), orang yang meninggalkan agamanya atau memisah diri dari jemaah." (hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim).

Dalam hadis ini Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa orang yang memisah diri dari jemaah maksud menentang kerajaan Islam yang telah disokong oleh jemaah umat Islam boleh dibunuh.

Manakala Khalifah Umar bin al-Khattab pula ketika akan wafat, baginda telah memberi arahan kepada Abu Talhah al-Ansari yang ditugaskan untuk mengawal enam orang tokoh sahabat yang sedang bermesyuarat untuk memilih khalifah ketiga, iaitu bunuhlah mana-mana tokoh yang tidak mahu menurut pihak yang lebih ramai membuat keputusan sebagaimana perintah baginda, "......... jika sekiranya lima bersetuju, satu menentang, maka penggallah leher yang menentang itu.........." Kalau empat setuju, dua menentang, maka penggallah leher yang dua itu..........." Ini adalah contoh hukum Islam di dalam menghadapi kerenah rakyat yang menentang suara ramai.

Keenam, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menubuhkan satu pasukan perisik yang ditugaskan untuk merisik kekuatan tentera di negara musuh. Idea ini terbit adalah hasil dari akalfikirannya yang genius (Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang genius). Pada setiap negara di zaman moden ini, boleh dikatakan semuanya mempunyai pasukan perisik yang berada di seluruh negara orang untuk mencari maklumat tentang kekuatan ketenteraan negara lain. Satu idea yang kita kemukakan, tiba-tiba di kemudian hari telah digunapakai oleh seluruh negara atau kerajaan dunia. Ini menunjukkan idea kita itu adalah satu idea yang hebat dan genius.

Kedua, Pembaharuan Berkaitan Ekonomi

Ketujuh, polisi pembaharuan yang berkaitan ekonomi yang mula-mula dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah baginda telah memindahkan semua harta milik rakyat secara berkumpulan menjadi harta milik kerajaan dengan dinamakan 'Harta Allah'. Tujuan baginda bertindak seperti itu adalah agar kerajaan dapat menggunakan lebihan-lebihan kekayaan itu untuk kepentingan negara dan awam.

Kalau sekali pandang tindakan ini adalah satu kezaliman kerana merampas hak milik rakyat yang telah diluluskan oleh kerajaan sejak zaman Khalifah Umar bin al-Khattab lagi. Tetapi keadaan dan suasana politik dan masyarakat pada ketika itu tidak sama lagi dengan keadaan dan suasana pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab. Zaman Umar, rakyat amat setia pada kerajaan. Sebesar atompun dalam hati umat Islam tidak ada rasa dendam terhadap pemerintah kerana kehidupan pemerintah dan kakitangan semuanya hidup zahid. Kalau ada yang cuba hidup bermewah-mewahan secara melampau,

Khalifah akan segera bertindak tegas menghukum mereka dengan tegas dan memeritkan.

Sebagai contoh Khalifah Umar bin al-Khattab telah mendenda gabenor-gabenor baginda yang dikira melakukan kesalahan dengan menjadi pengembala ternakan, dipukul seratus kali oleh orang yang dizalimi, disergah dengan keras, dipukul dengan tongkat pendeknya, dilempar dengan pasir atau batu kerikil, dipecat, diperintah dirampas harta kekayaan dan dibakar atau dirobohkan kalau tempat kediaman yang indah. Tetapi pada zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, khalifah sendiri hidup mewah bagaimana para gabenor mahu hidup zahid seperti pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab?

Sungguhpun begitu kita tidak boleh menyalahkan tindakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang tentunya lebih bijaksana dan lebih mengetahui kehendak-kehendak agama Islam dalam berbagai-bagai aspek. Sebagaimana yang telah beliau beritahu kepada Khalifah Umar bin al-Khattab ketika para gabenor di negeri Syam dan Palestin memakai pakaian yang bergemalapan ketika menyambut ketibaan khalifah Irrasyidin yang paling zahid dan paling tegas itu dari kota Madinah yang datang ke Palestin untuk menerima penyerahan kunci kota Jerusalem daripada pemerintah kerajaan Rom Timur (melalui tangan paderi besar kota Jerusalem). Alasan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, pakaian kebesaran yang dipakai oleh dia dan rakan-rakan itu adalah untuk menggerunkan musuh kerana kedudukan negeri Syam dan Palestin bukan seperti kedudukan Mekah dan Madinah yang jauh daripada penglihatan musuh terutama kerajaan Rom. Dengan mempamirkan kemegahan, menjadikan pihak kerajaan dan tentera Rom lemah semangat untuk mempermain-mainkan kerajaan Islam. Khalifah Umar bin al-Khattab dapat menerima alasan Mu'awiyah ini.

Rakyat di zaman Umar takut kepada khalifah, tetapi rakyat di zaman Mu'awiyah perlu disogok dengan kekayaan. Apabila semua kekayaan dimonopoli oleh pemerintah, maka barulah khalifah dapat menguasai rakyat.

Kedua, Polisi Pembaharuan Berkaitan Agama

Kelapan, polisi pembaharuan yang berkaitan agama iaitu melibatkan protokol ketika sembahyang berjemaah. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mewujudkan pengawal peribadi yang mengawal baginda ketika baginda akan mengimami sembahyang berjemaah dan memerintah agar dibina anjung tempat imam. Sedangkan keempat-empat Khalifah Irrasyidin tidak memakai atau mengamalkan protokol ini dan tidak pernah terfikir untuk membina anjung tempat imam, kenapa? Kerana Rasulullah s.a.w. tidak ada berbuat demikian. Sedangkan protokol memakai pengawal peribadi adalah amalan Kaiser Rom dan Kisra Farsi. Jadi ini adalah sunnah raja-raja, bukan sunnah Rasulullah s.a.w. Tetapi Mu'awiyah bin Abu Sufyan mempunyai alasan untuk dia berbuat demikian. Ini adalah untuk menjaga keselamatan dirinya selaku

khalifah. Bukan untuk bermegah-megah. Dua peristiwa pembunuhan yang berlaku ke atas dua khalifah sebelumnya terjadi ketika mereka dalam proses mengerjakan sembahyang. Khalifah Umar bin al-Khattab dibunuh ketika sedang mengimami sembahyang subuh. Manakala Khalifah Ali bin Abu Talib ketika sedang mengambil wudhu' di perigi untuk mengerjakan sembahyang fardhu subuh. Dengan adanya pengawal dan anjung boleh menyukarkan para penjahat untuk membunuh atau mencederakan khalifah atau pemerintah ketika mengimami sembahyang.

Demikianlah beberapa pembaharuan yang dilaksanakan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, semasa baginda menjadi khalifah selama dua puluh tahun selaku pemerintah dinasti kerajaan bani Umayyah yang pertama.

Menghadapi Musuh Dalam Negara

❖ Membasmi Para Pemberontak

Kaum Khawarij

Dalam mana-mana kerajaan, memang terdapat dua musuh yang sentiasa mengancam. Pertama musuh dalam negara atau negeri dan kedua musuh luar negeri. Begitu juga pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sebaik-baik sahaja baginda memegang kuasa tertinggi dalam negara iaitu menjadi khalifah kaum Muslimin yang kelima dan khalifah yang pertama dari dinasti bani Umayyah, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berhadapan dengan musuh dalam negeri. Mujurlah musuh itu satu sahaja iaitu kaum Khawarij. Adapun kaum Syiah sudah tidak memusuhi kerajaan pimpinan baginda lagi setelah baginda berdamai dengan pemimpin kaum Syiah atau Ahlil Bait Rasulullah s.a.w. Sayidina Hasan dan Sayidina Husein.

Kaum Khawarij memang musuh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sejak zaman Khalifah Ali bin Abu Talib lagi. Kebencian kaum Khawarij kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak dapat dibayangkan lagi. Bahkan mereka menghukum dengan hukuman yang tidak sepatutnya ke atas diri Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Siapakah kaum Khawarij itu?

Kepada para peminat sejarah Islam yang pernah membaca sejarah hidup dan perjuangan Khalifah Ali bin Abu Talib, sudah tentu mereka sudah maklum siapakah yang dikatakan kaum Khawarij ini. Ini adalah kerana kaum Khawarij mula wujud pada zaman pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib, malah mereka asalnya adalah para penyokong Khalifah Ali bin Abu Talib yang sangat setia kepada baginda dan sangat zahid kehidupan mereka serupa dengan pemimpin kesayangan mereka Khalifah Ali bin Abu Talib. Tetapi kemudian mereka telah perselisihan faham dengan Khalifah Ali bin Abu Talib bermula ketika terjadinya perang Siffin dan seterusnya di Majlis Tahkim. Kerana merasa

kecewa terhadap Khalifah Ali bin Abu Talib yang tidak menuruti kehendak mereka, maka mereka telah meninggalkan Khalifah Ali bin Abu Talib dan memusuhi baginda dengan dahsyatnya. Kaum Khawarij akhirnya mempunyai fahaman mereka sendiri di dalam persoalan furu' aqidah dan juga fekah.

Sebenarnya mereka sudah dihancur leburkan oleh Khalifah Ali bin Abu Talib di dalam peperangan Nahrawan, tetapi saki baki mereka yang telah berjaya menyelamatkan diri telah berjaya pula mengumpul pengikut sehingga kaum Khawarij telah berkembang semula dan menjadi ancaman kepada kerajaan bani Umayyah yang mana mereka juga menganggap sebagai salah satu daripada musuh mereka.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, kaum Khawarij mula membuat pemberontakan kerana mereka melihat cara hidup khalifah dan para pembesar kerajaan bani Umayyah yang rata-rata hidup mewah. Kaum Khawarij adalah merupakan golongan kaum Muslimin yang amat benci melihat orang yang hidup secara bermewah-mewahan. Mereka amat benci melihat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang hidup seperti raja-raja, tinggal di dalam istana yang penuh dengan kemewahan, memakan makanan yang lazat-lazat, memakai pakaian yang mahal-mahal dan menggunakan pengawal yang mengawal baginda di dalam istana. Mereka juga sangat sakit hati di atas tindakan gabenor kota Basrah iaitu Ziyad bin Abihi yang telah merampas tanah rakyat di Iraq dan memasukkannya ke dalam milik negara dengan bersloganken 'Harta Allah'. Bahkan yang lebih menyakitkan hati kaum Khawarij ialah nama mereka telah dibuang dari senarai daftar nama orang-orang yang berhak mendapat bahagian daripada hak-hak negara.

Pemimpin mereka yang mula-mula sekali bangkit menentang kerajaan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah Farwah bin Naufal al-Asyja'i. Pemimpin Khawarij ini mempunyai pengikut seramai kira-kira 500 orang. Ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan datang ke kota Kufah setelah dilantik menjadi khalifah, Farwah bin Naufal al-Asyja'i menyeru kepada para pengikutnya dengan memekik kata-kata, "Kini telah datang yang tidak ada keraguan lagi. Maka berangkatlah kamu untuk memerangi Mu'awiyah, dan berjuanglah menghadapinya."

Setelah pulang ke kota Damsyik, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mengirim satu angkatan tentera yang besar ke kota Kufah untuk memerangi kaum Khawarij, tetapi tentera negeri Syam itu telah ditewaskan oleh kaum Khawarij. Ini menjadikan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan marah kepada penduduk kota Kufah kerana menganggap mereka berpeluk tubuh tidak turut membantu askar-askar Syam itu di dalam menghadapi kaum Khawarij perosak itu. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memberi amaran kepada penduduk kota Kufah dengan katanya;

"Aku tidak akan menjamin keamanan ke atas kamu semua sehinggalah kamu menghentikan kejahatan-kejahatan kamu (dengan berdiam diri tidak mahu membantu kerajaan)."

Setelah para penduduk kota Kufah mendengar amaran dari Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu, barulah mereka bangkit memerangi kaum Khawarij yang menyebabkan para pemimpin Khawarij marah kepada orang-orang Kufah yang merupakan sahabat-sahabat mereka juga ketika mereka bersama-sama Khalifah Ali bin Abu Talib memerangi Mu'awiyah bin Abu Sufyan dahulu. Kata mereka kepada orang-orang Kufah yang bergading bahu bangkit memerangi mereka bersama-sama tentera Syam;

"Celaka kamu (wahai penduduk kota Kufah)! Apakah yang kamu kehendaki daripada kami? Bukankah Mu'awiyah itu adalah musuh kami dan musuh kamu juga? Biarkanlah kami memeranginya. Sekiranya kami menang, bererti kami telah menyingkir musuh kamu. Dan sekiranya dia menang, bererti kamu telah menewaskan kami."

Tetapi orang-orang Kufah yang sudah takut kepada ancaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan merasakan lebih baik pihak Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang menguasai mereka daripada kaum Khawarij yang amat radikal di dalam beragama itu tetap tidak mahu mendengar nasihat daripada para pemimpin kaum Khawarij itu. Mereka terus menerus memerangi kaum Khawarij itu sehinggalah pemimpin dan panglima pasukan kaum Khawarij itu iaitu Farwah bin Naufal al-Asyja'i terbunuh. Tempat Farwah bin Naufal al-Asyja'i telah diambil alih pula oleh rakannya yang bernama Abdullah bin Abu Hausa' at-Ta'i. Tetapi turut terbunuh juga. Akhirnya pimpinan kaum Khawarij itu telah diambil alih oleh pahlawan mereka yang bernama Hautharah bin Wada' a-Asadi yang memimpin tentera Khawarij yang setia kepadanya hanya seramai 150 orang sahaja.

Selepas kematian Hautharah bin Wada' al-Asadi pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi, kaum Khawarij masih terus melakukan pemberontakan di sekitar kota Kufah tetapi secara kecil-kecilan sahaja sehingga tahun 42 Hijrah/662 Masihi. Tindakan mereka tidak begitu berbahaya kepada pihak kerajaan bani Umayyah kerana perlawanan mereka dapat dipatahkan dengan mudah oleh tentera kerajaan.

Menjelang tahun 42 Hijrah/662 Masihi, telah berkumpul kaum Khawarij yang telah sembuh daripada luka-luka parah yang mereka alami ketika berperang dengan Khalifah Ali bin Abu Talib di medan Nahrawan. Mereka mengenangkan jasa para pejuang mereka yang telah terkorban di dalam peperangan kerana mempertahankan prinsip-prinsip pegangan mereka. Mereka diketuai oleh tiga orang tokoh iaitu Mustaurid bin Ulfah at-Taimi, Haiyan bin Zibyan dan Muaz bin Juwain. Mereka telah melantik Mustaurid bin Ulfah at-Taimi sebagai ketua dan panglima perang mereka yang mereka gelar Amirul

Mu'minin juga sebagaimana khalifah yang sebenar. Mustaurid bin Ulfah at-Taimi meluahkan perasaan tidak puas hatinya terhadap pemerintahan kerajaan bani Umayyah, katanya, "Kami menentang terhadap amalan yang zalim, pengabaian terhadap hukum-hakam Allah....kami harap kamu kembali kepada ajaran al-Qur'an dan sunnah Rasulullah, pemerintahan yang diamalkan oleh Khalifah Abu Bakar dan Umar dan lupakanlah kepada Khalifah Uthman dan Ali. Sekiranya kamu enggan melakukan ini, kami akan isytiharkan perang ke atas kamu."

Al-Mughirah bin Syu'bah yang merupakan gabenor kota Kufah ketika itu segera bertindak dengan menangkap para pemimpin mereka termasuklah Haiyan bin Zibyan dan Muaz bin Juwain, manakala 'Amirul Mu'minin' mereka Mustaurid bin Ulfah at-Taimi telah sempat melarikan diri.

Mustaurid bin Ulfah at-Taimi telah mengumpul kekuatan untuk menggempur kota Kufah, tetapi al-Mughirah bin Syu'bah terlebih dahulu menghantar sebuah pasukan tentera Kufah di bawah pimpinan Panglima Ma'qil bin Qais berjumlah seramai 5,000 orang dan berlakulah pertempuran yang hebat dengan pasukan Mustaurid bin Ulfah at-Taimi. Kemenangan telah dicapai oleh pasukan kerajaan tetapi kedua-dua panglima yang bertempur telah terbunuh.

Kaum Khawarij terus memainkan peranannya sehinggalah al-Mughirah bin Syu'bah wafat pada tahun 51 hijrah. Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik pula Ziyad bin Abihi menjadi gabenor kota Kufah menggantikan tempat al-Mughirah bin Syu'bah. Ziyad bin Abihi terus memberi tekanan ke atas kaum Khawarij sehingga kaum Khawarij betul-betul lemah dan tidak bermaya. Tetapi masih juga tidak dapat dihapuskan.

Menjelang tahun 54 Hijrah/674 Masihi, Ziyad bin Abihi wafat. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik pula anak Ziyad iaitu Ubaidullah bin Ziyad menjadi pentadbir di kota Basrah. Pada masa ini kaum Khawarij telah bangkit semula. Pemimpin mereka yang terkemuka ialah dua bersaudara iaitu Mirdas bin Adiyah yang lebih dikenali dengan panggilan Abu Bilal dan saudaranya Urwah bin Adiyah.

Ubaidullah bin Ziyad terus memberi tekanan ke atas kaum Khawarij dengan sehebat-hebat tekanan sehingga ketika terjadi pertempuran dengan tentera Khawarij pada tahun 60 Hijrah/679 Masihi, kedua-dua pemimpin bersaudara mereka yang gigih dan tabah itu telah terbunuh. Setelah Abu Bilal dan Urwah terbunuh, maka Ubaidullah bin Ziyad terus memburu saki baki orang-orang Khawarij namun tidak juga dapat menghapus mereka sama sekali.

Pembunuhan Hujr Bin Adi

Meskipun kaum Syiah pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah tidak memusuhi kerajaan bani Umayyah, tetapi

dipertengahan pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berlaku satu peristiwa yang sangat menyakitkan hati para pencinta Sayidina Ali bin Abu Talib dan anak-anak baginda dari keturunan Rasulullah s.a.w. iaitu perbuatan para gabenor mencerca Sayidina Ali bin Abu Talib di dalam khutbah-khutbah Jumaat mereka. Akibat dari perbuatan ini berlaku pembunuhan ke atas seorang sahabat Nabi yang merupakan penyokong kuat Sayidina Ali bin Abu Talib yang bernama Hujr bin Adi.

Marilah kita lihat kisah selanjutnya:-

Menjelang tahun 50 hijrah, telah terjadi satu peristiwa yang sangat menyakitkan hati anggota keluarga Ahlil Bait dan juga para penyokong mereka yang dinamakan kaum Syiah. Peristiwa itu berlaku di kota Kufah di mana gabenornya ialah al-Mughirah bin Syu'bah. Apakah peristiwa itu?

Sebelum kita memperkatakan tentang peristiwa yang berkaitan, ada baiknya kita memperkatakan juga tentang dua orang tokoh yang terlibat secara langsung di dalam kes ini. Tokoh yang pertama ialah Hujr bin Adi, salah seorang sahabat Nabi yang terkemuka. Dan tokoh yang kedua ialah al-Mughirah bin Syu'bah, juga seorang sahabat Nabi yang terkemuka. Ketika terjadi pergeseran di antara Khalifah Ali bin Abu Talib dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan, gabenor negeri Syam yang dipecat, Hujr bin Adi adalah penyokong kuat Khalifah Ali bin Abu Talib, manakala al-Mughirah bin Syu'bah sedang menyepi diri di kampungnya di Taif.

Tetapi setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilantik menjadi khalifah pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi, al-Mughirah bin Syu'bah telah masuk menggabungkan dirinya ke pihak Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan kemudiannya dilantik menjadi gabenor bagi kota Kufah. Sedangkan Hujr bin Adi terus memendam rasa kerana dia amat setia kepada al-marhum Khalifah Ali bin Abu Talib.

Diriwayatkan oleh para sejarawan Islam pada tahun 50 Hijrah/670 Masihi, al-Mughirah bin Syu'bah mula mencaci Sayidina Ali bin Abu Talib di dalam khutbah Jumaat. Hujr bin Adi yang tinggal di kota Basrah yang sedang menghadapi krisis dengan gabenor kota Basrah iaitu Ziyad bin Abihi yang mengubah dasar baru ke atas tanah milik rakyat di Iraq, semakin berapi-api marah kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di atas tindakan dua orang gabenornya yang telah melampaui batas di dalam bertindak itu.

Hujr bin Adi yang merupakan salah seorang peneroka awal tanah di Iraq berpendapat tindakan yang dilaksanakan oleh Ziyad bin Abihi di negeri Iraq adalah zalim. Ini kerana tindakan mengambil tanah atau merampas tanah berkelompok milik rakyat yang diizinkan oleh pemerintahan sejak zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab lagi itu telah dilakukan oleh Ziyad bin Abihi.

Oleh kerana Hujr bin Adi adalah seorang sahabat Nabi yang sangat mencintai Sayidina Ali bin Abu Talib dan keluarga beliau dari pihak isteri beliau Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha, maka tindakan al-Mughirah bin Syu'bah mencaci maki Sayidina Ali bin Abu Talib di dalam khutbah Jumaat telah dibalas oleh Hujr bin Adi dengan mencaki maki Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula.

Ini menyebabkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memerintah agar Hujr bin Adi ditangkap. Ziyad bin Abihi telah bertindak menangkap Hujr bin Adi bersama-sama dengan 12 orang pengikutnya dan mereka semua dibunuh pada tahun 50 Hijrah/670 Masihi itu juga setelah mendapat perintah daripada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di negeri Syam.

Ketika Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha mendengar bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah bertekad untuk membunuh Hujr bin Adi, beliau terus menghantar Abdul Rahman bin al-Harith bin Hisyam kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan meminta baginda berfikir seribu kali sebelum mengambil tindakan yang tidak wajar itu sesuai dengan tabiat dan pembawaan baginda selama ini. Tetapi Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah gelap mata dan tidak mengendahkan lagi kepada peringatan yang diberikan oleh Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha kepada baginda itu.

Dengan terbunuhnya Hujr bin Adi, maka orang-orang Syiah semakin takut di atas tindakan yang dikira kejam itu. Mereka tidak berani lagi bertindak membangkang secara terang-terangan terhadap sebarang perlaksanaan dasar kerajaan kerana dibimbangi perkara yang terjadi ke atas Hujr bin Adi dan 12 orang pengikutnya akan menimpa pula ke atas mereka.

Sejak terjadi pembunuhan ke atas Hujr bin Adi dan 12 orang pengikutnya itu, maka amanlah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan daripada tentangan kaum Syiah terhadap pemerintahan baginda. Tetapi jiwa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bagaimana.....?

Soalnya sekarang, apakah hukumnya tindakan pembunuhan ini mengikut hukum-hakam agama Islam?

Ketika Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi khalifah setelah dipersetujui oleh seluruh umat Islam, orang-orang yang masih menentang pemerintahan baginda dinamakan orang-orang penderhaka atau penentang jemaah. Apakah hukum orang-orang yang menentang pemerintahan atau kerajaan Islam yang telah dibaiat oleh seluruh umat Islam?

Jawapannya marilah kita lihat kepada sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang dibacakan oleh Imam al-Auza'i di hadapan Abdullah bin Ali bin Abdullah bin Abbas yang ketika itu baru sahaja berjaya menakluk kota Damsyik;

"Tidak dihalalkan darah seorang Muslim kecuali disebabkan tiga perkara; pertama jiwa dibalas jiwa, kedua janda yang berzina dan ketiga orang yang

meninggalkan agamanya atau memisah diri dari jemaah." (sila rujuk buku "**Ulama' Dan Penguasa** - Abdul Aziz Ismail ms 75).

Hadis ini memberi maksud bahawa khalifah boleh membunuh sesiapa sahaja yang mahu menderhaka kepada kerajaan Islam yang disokong oleh umat Islam agar kerajaan Islam tidak tergoncang sehingga boleh dicerobohi oleh musuh dengan mudah.

Tetapi itu terhadap satu kumpulan pemberontak, bukan ke atas individu atau orang perseorangan atau sekadar beberapa orang yang bangkit menentang pemerintah. Tambahan pula Hujr bin Adi bukan bangkit memberontak, cuma sekadar mencerca pemerintah sahaja. Itu pun sekadar membalas cercaan yang dibuat terlebih dahulu oleh pemerintah terhadap seorang kerabat Rasulullah s.a.w. yang agung.

Sebab itu tindakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan membunuh Hujr bin Adi berserta dua belas orang pengikutnya telah menimbulkan kemarahan dan kesedihan di kalangan para sahabat Nabi, penyokongnya sendiri dan juga para ummul mu'minin terutama kepada Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha. Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha dikatakan hampir-hampir keluar sekali lagi untuk memerangi Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, tetapi tidak jadi dilakukan apabila dia teringat kepada tragedi perang Jamal pada zaman Khalifah Ali bin Abu Talib. Manakala Abdullah bin Umar telah menangis terisak-isak ketika mendapat tahu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan membunuh Hujr bin Adi. Dia hampir-hampir menarik balik baiatnya terhadap Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kerana sangat dukacita di atas peristiwa yang berlaku itu.

Mu'awiyah bin Khudaij, gabenor Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bagi negeri Mesir yang merupakan kaumnya sama dengan kaum Hujr bin Adi iaitu kaum Kindah telah berkata kepada para penduduk Mesir termasuk kaumnya yang tinggal di sana sebaik sahaja sampai berita pembunuhan Hujr bin Adi ke Mesir;

"Tahukah kita wahai saudara-saudara, kita berperang untuk orang-orang Quraisy, tapi kita sekarang telah membunuh diri kita untuk memantapkan kedudukan penguasanya. Mereka menyerang dan membunuh anak-anak bapa saudara kita."

Gabenor di Khurasan iaitu ar-Rabi' bin Ziyad menganggap tindakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu tidak kena pada tempatnya (suatu tindakan yang zalim).

Hati Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula mengalami kekacauan yang dahsyat sejak peristiwa itu. Baginda telah menulis surat kepada Ziyad bin Abihi, gabenor di kota Basrah yang melakukan pembunuhan itu, "....... Dalam dadaku terasa ada kebimbangan mengenai persoalan Hujr..........."

Diriwayatkan oleh para sejarawan Islam bahawa jiwa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi semakin tidak tenteram sehari demi sehari. Ketika sampai saat-saat baginda akan meninggal dunia, baginda dilaporkan merintih, "Wahai Hujr! Kecelakaanlah yang telah menimpa diriku kerana perbuatan aku terhadap dirimu." Dan baginda juga dilaporkan berkata, "Aku bersama Hujr bin Adi mengalami hari yang amat panjang."

Ini disebabkan tindakan kerajaan atau pemerintah terhadap para pembangkang yang tidak didokong oleh satu kekuatan tentera, tidaklah wajar dibunuh, cukuplah dibiarkan atau diperingatkan sahaja. Kalau masih berdegil juga, penjarakan atau dibuang negeri. Sebagaimana sikap Khalifah Abu Bakar as-Siddiq yang hanya membiarkan Saad bin Ubadah yang enggan membaiat baginda yang kemudiannya melarikan diri ke negeri Syam dan membiarkan Tulaihah bin Khuwailid yang tidak datang menyatakan baiat kepada baginda setelah dia insaf dan kembali memeluk agama Islam setelah memimpin kaum murtad dan tewas.

Tindakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini adalah satu kesalahan yang besar terhadap seorang Islam kerana membunuh seorang Islam yang tidak wajar dibunuh.

Kemajuan Pemerintahan

❖ Penaklukan Dan Penyebaran Agama Islam

Ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terpaksa berhadapan dengan musuh-musuh politik dalam negara dan menyempurnakan tanggungjawabnya sebagai pemerintah umat Islam untuk memberi keselesaan hidup kepada rakyat seperti menyediakan kemudahan infranstruktur awam seperti yang telah disebutkan di atas, selaku pemimpin umat Islam, baginda juga ada dan telah melaksanakan tugas-tugas kerajaan untuk luar negara iaitu tindakan pengukuhan kerajaan dan penyebaran agama Islam kepada penduduk di negara-negara yang masih belum diperkenalkan agama Islam kepada mereka. Usaha ini terbantut sejak sekian lama iaitu semenjak tahun 29 Hijrah/650 Masihi lagi iaitu pada pertengahan pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan sampailah ke tahun 40 Hijrah/660 Masihi iaitu selama kira-kira 11 tahun. Kalau selama masa itu usaha-usaha penyebaran agama Islam tidak dihentikan, barangkali agama Islam sudah tersebar ke seluruh pelosok alam. Inilah yang telah menyedarkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah umat Islam yang keenam selaku Khalifah kerajaan bani Umayyah yang pertama.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan barangkali menyedari segala-galanya itu terjadi adalah berkaitan dengan sikapnya juga. Barangkali terbayang di dalam fikiran baginda, kalau dia bertindak cepat ketika negara sedang dilanda huru-hara pada pertengahan pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan tahun

29 Hijrah/650 Masihi dahulu, dengan menghantar angkatan tentera yang besar ke kota Madinah dan seandainya baginda tidak mengambil sikap tidak mahu membaiat Khalifah Ali bin Abu Talib pada tahun 35 Hijrah/656 Masihi dahulu sehinggalah Khalifah Ali bin Abu Talib terbunuh pada tahun 40 Hijrah/660 Masihi, barangkali, malah kemungkinan besar kedua-dua Khalifah Irrasyidin yang ketiga dan keempat itu telah dapat menghantar tentera Islam yang gagah perkasa sampai ke negara Cina di timur dan sampai ke seluruh negara Afrika dan benua Eropah di barat. Dan sudah pasti, barangkali dia juga telah mendapat kemuliaannya yang besar kerana dihantar memimpin pasukan tentera Islam sehingga ke pelosok dunia itu.

Barangkali kerana mengenangkan perkara itu, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melengkapkan angkatan tentera yang kuat terdiri daripada angkatan darat dan laut. Angkatan tentera ini pula dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama pasukan tentera darat yang beroperasi pada musim panas, kedua tentera darat yang beroperasi pada musim sejuk dan ketiga tentera laut. Kemudian angkatan tentera yang besar itu dikerahkan menyerang negara-negara di sebelah timur, utara dan barat yang pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan tentera Islam masih belum lagi sampai ke sana dan ada negara-negara atau wilayah-wilayah yang telah dirampas kembali oleh angkatan tentera musuh ketika terjadi peristiwa huru-hara di dalam negara Islam pada pertengahan zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan dan zaman Khalifah Ali bin Abu Talib.

Serangan Ke Sebelah Timur

Kita mulakan memperkatakan tentang usaha-usaha memperluaskan dan pengukuhan tanah jajahan kerajaan bani Umayyah sekali gus juga dengan usaha-usaha penyebaran agama Islam oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di sebelah timur terlebih dahulu iaitu ke negara Khurasan dan sekitarnya.

Sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah kerajaan bani Umayyah yang pertama pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi, ketika berusia 55 tahun, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mengarahkan kepada gabenor bagi wilayah-wilayah timur yang berpusat di kota Basrah iaitu Abdullah bin Amir bin Kuraiz bin Rabiah bin Hubaib bin Abdul Syams yang bertanggungjawab mengawasi seluruh wilayah timur dari Iraq sampailah ke Farsi yang telah berjaya ditakluk pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab supaya menyerang negeri-negeri yang telah memisahkan diri ketika terjadi kacau balau di dalam kerajaan Islam sejak pertengahan zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan dan zaman Khalifah Ali bin Abu Talib iaitu selama kira-kira 11 tahun dan juga terhadap negara-negara yang belum disampaikan agama Islam kepada mereka.

Menjelang tahun 41 Hijrah/661 Masihi, Abdullah bin Amir telah memimpin sendiri sebuah pasukan tentera Islam yang besar menuju arah ke timur untuk menyerang negeri Sijistan yang terletak di hujung negara Farsi bersempadan dengan sungai Indus di barat dan selatan negara Khurasan. Turut serta di dalam pasukan itu ialah Qais bin al-Haitham, Abdullah bin Siwar dan al-Muhallab bin Abu Sufrah. Abdullah bin Amir yang memimpin pasukan itu telah berjaya dalam operasinya menakluk negara Sijistan dan berjaya menawan kota Kabul dan kota Zaranj.

Setelah berjaya menawan kawasan-kawasan atau negara-negara yang disebut itu, Abdullah bin Amir tidak lagi mara ke destinasi seterusnya. Beliau melantik Panglima Qais bin al-Haitham untuk meneruskan operasi ke belahan utara iaitu ke daerah-daerah di selatan sungai Jihun. Manakala untuk mara ke negara India dan sekitarnya di negara Sind dan sungai Indus, Abdullah bin Amir melantik Abdullah bin Siwar dengan dibantu oleh Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah, seorang pahlawan yang sangat perkasa. Kemudian Abdullah bin Amir kembali semula ke kota Basrah untuk mengurus tugas-tugas pentadbirannya selaku gabenor wilayah timur itu.

Sepeninggalan Abdullah bin Amir kembali semula ke negeri Iraq, di bahagian utara Panglima Qais bin al-Haitham dan pasukannya terus mara ke negara Khurasan dan berjaya menawan negara itu menjelang tahun 42 Hijrah/662 Masihi. Kerana jasanya yang amat besar itu, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik Panglima Qais bin al-Haitham menjadi gabenor di Khurasan.

Setelah menjawat gabenor di negeri Khurasan, Panglima Qais bin al-Haitham yang melihat tidak ada masa baginya untuk berehat atau bersenang-senang untuk menikmati kejayaan, terus membawa angkatan perangnya mara ke timur laut menuju ke kota Balkh. Kemudian beliau mengarahkan kepada seorang panglima kanannya iaitu Abdullah bin Hazm agar menyerbu ke kota-kota di wilayah Badghis, Hirat dan Busyanj yang terletak di belahan selatan sungai Jihun yang sebelum ini telah membuat perjanjian damai dengan pihak kerajaan Islam, dan telah membatal perjanjian itu ketika kerajaan Islam sedang mengalami huru-hara dan perang saudara pada pertengahan kedua pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan dan zaman Khalifah Ali bin Abu Talib. Angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh Panglima Qais bin al-Haitham telah berjaya menakluki kota Balkh dan telah meruntuhkan sebuah berhala yang amat dipuja dan dibesarkan di situ bernama Nubhar. Penduduknya telah meminta untuk berdamai dan telah diterima permintaan mereka itu oleh Panglima Qais bin al-Haitham dengan segala senang hati.

Sementara itu Panglima Abdullah bin Hazm mara pula ke wilayah-wilayah Badghis, Hirat dan Busyanj. Sebaik sahaja penduduk di ketiga-tiga wilayah itu mengetahui apa yang terjadi di kota Balkh, maka mereka juga meminta perdamaian dan keamanan dari Panglima Abdullah bin Hazm. Kemudian

Panglima Abdullah bin Hazm membawa pulang semua harta fa'i dan ghanimah yang diperolehnya di ketiga-tiga kota atau wilayah tersebut dan diserahkan kepada gabenor wilayah-wilayah timur yang berpusat di kota Basrah iaitu Abdullah bin Amir.

Di bahagian sempadan negara India pula iaitu di sekitar negeri Sind dan lembah sungai Indus, Panglima Abdullah bin Siwar dan Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah terus bergerak membawa pasukannya dan berjaya menakluki kota Lahore pada tahun 44 Hijrah/644 Masihi. Abdullah bin Amir telah melantik Abdullah bin Siwar sebagai gabenor di Lahore. Pada tahun itu juga gabenor bagi wilayah-wilayah timur iaitu Abdullah bin Amir telah wafat. Tempat beliau telah diganti oleh Ziyad bin Abihi. Ziyad bin Abihi telah menukar kedudukan pegawai pemerintah di negara-negara yang telah ditakluk itu mengikut citarasanya pula selaku gabenor besar bagi wilayah-wilayah di timur.

Untuk menjawat gabenor di kota Merw (untuk makluman para pembaca semua, kota Merw terbahagi kepada dua bahagian satu Merw dan satu lagi Merw ar-Ruz) beliau melantik Amir bin Ahmad. Untuk kota Abarsyah, dilantik Khalid bin Allah al-Hanaf. Untuk kota Merw ar-Ruz, Taliqan dan Fariyab, beliau melantik Qais bin al-Haitham. Sebelumnya Abdullah bin Amir dengan persetujuan dari Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik Qais bin al-Haitham menjadi gabenor Khurasan. Untuk wilayah Badghis, Herat, Busyanj dan Qadis, beliau melantik Nafi' bin Khalid at-Ta'i dari kabilah Azdi. Manakala sebagai pegawai pentadbir di negeri Khurasan menggantikan Qais bin al-Haitham, dilantik pula al-Hakkam bin Amru al-Ghifari yang dibantu oleh ar-Rabi' bin Ziyad al-Harithi (bekas gabenor Khalifah Umar bin al-Khattab).

Selaku gabenor negara Khurasan yang baru, al-Hakkam bin Amru al-Ghifari telah diarahkan oleh Ziyad bin Abihi supaya membuat operasi dalam negara Khurasan di daerah-daerah yang masih belum ditawan lagi. Maka Panglima al-Hakkam bin Amru al-Ghifari bersama angkatan perangnya terus bergerak mara ke daerah-daerah yang dimaksudkan dan berjaya menakluk dua buah kota iaitu Guzgan dan Gharchistan.

Pada tahun 51 Hijrah/671 Masihi, al-Hakkam bin Amru al-Harithi meninggal dunia dan tempat beliau telah diganti pula oleh pembantunya ar-Rabi' bin Ziyad al-Harithi sehingga tahun 53 Hijrah/673 Masihi.

Di antara para pahlawan yang berjuang di kawasan ini ialah Said bin Amru bin Uthman bin Affan, cucu al-marhum Khalifah Uthman bin Affan. Tetapi operasi yang dipimpinnya kurang mendapat kejayaan.

Sesungguhnya besar sekali pahala yang diperolehi oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kerana gerakan penaklukan ini. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda tentang perkara ini sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Anas

bin Malik, "Sesungguhnya berjihad pada jalan Allah sepagi atau sepetang adalah lebih baik daripada dunia dan isi-isinya." (hadis riwayat Imam Bukhari).

Apakah pahala itu diperolehi oleh para panglima yang memimpin pasukan dan para askar yang berjuang sahaja, tidak kepada pemimpin yang mengarahkan perjuangan itu?

Sedangkan Rasulullah s.a.w. mengatakan, orang yang menolong menuang arak ke dalam piala juga mendapat dosa berkaitan arak seperti atau sama dengan orang yang meminumnya. Ini adalah disebabkan ada perhubungan subhat atau usaha yang ada kaitan. Dan apakah usaha mengumpul dan membentuk pasukan serta mengarah mereka pergi berjuang ke negara orang kafir itu tidak ada kaitan dengan askar-askar yang dibentuk dan diarahkan itu?

Pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang memakan masa selama hampir 20 tahun itu, telah menyaksikan angkatan tentera Islam di bawah Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah mencapai negara India dan negara-negara sekitarnya.

Alangkah besarnya jasa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam usahanya mengembangkan agama Islam ke sebelah timur dunia ini.

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, perjuangan meluaskan bumi Islam pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di sebelah timur tidak melibatkan perjuangan di lautan. Ini adalah kerana untuk sampai kesemua destinasi di sebelah timur tidak memerlukan perjalanan atau pergerakan melalui jalan laut.

Demikianlah usaha-usaha yang dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di sebelah timur semasa pemerintahan baginda di dalam usahanya untuk menyebar agama Islam kepada umat manusia yang belum mengenali agama Islam secara dekat di samping usaha mengukuhkan kerajaan bani Umayyah yang didirikannya dengan bersusah payah itu.

Serangan Ke Sebelah Barat

Sebagaimana serangan yang dilancarkan di sebelah timur sehingga berjaya menawan negara-negara yang bersempadan dengan India dan China, begitu juga yang telah dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di sebelah barat Tanah Arab. Sungguhpun pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan pada awal pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan serangan telah dilancarkan di tanah Afrika Utara, tetapi ketika terjadi pergolakan dalam negara pada pertengahan pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan bermula tahun 29 Hijrah/650 Masihi, banyak daerah-daerah yang telah ditakluk di Afrika Utara oleh tentera Islam telah dirampas semula oleh tentera musuh khususnya tentera Rom.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan benar-benar menyedari dan melihat perkara ini. Maka tanpa membuang masa lagi, baginda terus menyiapkan pasukan tentera yang kuat dan terus dikirim untuk merampas semula wilayah yang telah menjadi bahagian kerajaan Islam yang berpusat di kota Madinah pada suatu ketika dahulu itu. Pasukan itu dihantar serentak dengan pergerakan pasukan tentera Islam ke sebelah timur yang dikepalai oleh Panglima Abdullah bin Amir, gabenor di kota Basrah.

Sebagaimana yang telah kita maklum, seluruh bumi Afrika Utara telah jatuh ke dalam tangan kerajaan Islam pada masa pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Tetapi setelah terjadi huru-hara di dalam negara Islam bermula tahun 29 Hijrah/650 Masihi hinggalah terbunuhnya Khalifah Ali bin Abu Talib pada tahun 40 Hijrah/661 Masihi, banyak wilayah Islam di Afrika Utara telah berjaya dirampas semula oleh pihak kerajaan Rom Timur dan kaum Barbar. Sejak itu sehinggalah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berjaya mendamaikan dan menyatupadukan semula umat Islam pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi, sebahagian besar negeri-negeri di Afrika Utara masih dikuasai oleh kerajaan Rom Timur, manakala negeri-negeri di pendalaman pula dikuasai oleh kaum Barbar.

Kita tahu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mula dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang pertama ialah pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi, dan baginda telah melantik Amru bin al-Ass sebagai gabenor negeri Mesir seperti yang dijanjikannya kepada Amru bin al-Ass. Amru bin al-Ass memerintah Mesir dari tahun 41 Hijrah/661 Masihi sampailah wafat beliau pada tahun 43 Hijrah/663 Masihi.

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik pula putera Amru iaitu Abdullah bin Amru sebagai gabenor negeri Mesir. Ini kerana baginda mengingatkan kepada jasa-jasa Amru bin al-Ass yang sangat besar di dalam perjuangannya menolong baginda mendapatkan kuasa pemerintahan dari tangan Khalifah Ali bin Abu Talib.

Abdullah bin Amru menjadi gabenor negeri Mesir setakat tahun 45 Hijrah/665 Masihi sahaja. Kemudian dia diberhentikan. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik pula Mu'awiyah bin Khudaij sebagai gabenor negeri Mesir mengganti tempat Abdullah bin Amru. Mu'awiyah bin Khudaij telah mengarahkan Panglima Uqbah bin Nafi' supaya menyerang negeri-negeri di utara dan pendalaman benua atau tanah besar Afrika pada tahun 50 Hijrah/670 Masihi. Tanpa berlengah lagi Panglima Uqbah bin Nafi' terus memimpin sebuah pasukan tentera Islam yang besar dan menyerang Afrika, utara dan pendalaman. Bumi Afrika yang dikuasai oleh kerajaan Rom Timur (kecuali di kota Cartagina) dan kaum Barbar telah berjaya dirampas kembali sebahagiannya dan ramai sekali orang-orang bangsa Barbar yang telah memeluk agama Islam, meskipun tidak keseluruhannya. Pada tahun 55 Hijrah/674 Masihi, Panglima Uqbah bin Nafi' telah berjaya menawan Tunisia

dan mendirikan sebuah bandar di sana dengan diberi nama kota Qairawan. Beliau menghimpun tentera Islam yang terdiri daripada orang-orang Arab dan Barbar yang telah memeluk agama Islam di bandar atau kota Qairawan itu. Dikatakan jumlah tentera Islam yang berkumpul di kota Qairawan sehingga mencapai angka 10,000 orang. Dan Panglima Uqbah bin Nafi' juga telah mendirikan sebuah masjid yang indah di tengah-tengah kota Qairawan yang dinamakan Masjid Qairawan. Masjid yang indah dan bersejarah ini masih kekal berdiri di sana dengan teguh dan megahnya sampailah sekarang ini.

Angkatan tentera Islam yang besar itu tetap bersedia untuk menghadapi saki baki tentera Barbar yang masih berdegil tidak mahu memeluk agama Islam yang maha suci.

Ketika masih di dalam tahun 50 Hijrah/670 Masihi setelah Panglima Uqbah bin Nafi' sedang berjuang di bumi Afrika, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memecat Mu'awiyah bin Khudaij selaku gabenor Mesir setelah baginda mendengar kata-kata kritikan Mu'awiyah bin Khudaij terhadap tindakan baginda membunuh Hujr bin Adi, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik pula Maslamah bin Makhallad al-Ansari sebagai gabenor Mesir menggantikan tempat Mu'awiyah bin Khudaij. Maslamah juga dilantik sebagai gabenor bagi negeri Maghribi. Maslamah bin Makhallad al-Ansari adalah gabenor pertama yang menguasai seluruh negara Maghribi, Mesir, Barqah, Afrika dan Tripoli (sekarang ibu kota negara Libya).

Untuk meneruskan perjuangan di bumi Afrika, gabenor yang baru iaitu Maslamah bin Makhallad telah memecat Panglima Uqbah bin Nafi' selaku penguasa di daerah Afrika Utara dan digantikan dengan hambanya sendiri yang bernama Abu al-Muhajjir. Sejak saat itu Abu al-Muhajjir mula memainkan peranannya dengan melancarkan serangan ke atas Algeria dan Themcen yang masih dikuasai oleh kaum Barbar.

Ketika menghadapi kaum Barbar, Panglima Abu al-Muhajjir telah berjaya menarik seorang pemimpin Barbar yang berpengaruh bernama Kusailah untuk memeluk agama Islam. Dengan Kusailah menjadi seorang Islam dan berjuang bersama-sama Panglima Abu al-Muhajjir, maka ramailah orang-orang Barbar yang telah mengikut jejak langkah Kusailah dan telah berjuang bersama-sama dengan Panglima Abu al-Muhajjir. Setelah merasa berjaya di dalam perjuangannya ke atas suku Barbar, maka Panglima Abu al-Muhajjir telah mengarahkan pula halanya kepada tentera Rom Timur dengan menyerang kota pertahanan tentera Rom Timur yang masyhur iaitu kota Cartagina. Tetapi gagal kerana kekuatan pertahanan tentera Rom Timur di kota itu.

Penguasaan Abu al-Muhajjir ke atas negara Afrika Utara setakat tahun 60 Hijrah/679 Masihi sahaja iaitu sehingga Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat. Apabila Yazid bin Mu'awiyah dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang kedua menggantikan ayahandanya, maka baginda telah memecat pula

Panglima Abu al-Muhajjir selaku pemerintah di Afrika Utara dan dikembalikan semula jawatan itu kepada Panglima Uqbah bin Nafi' untuk meneruskan perjuangannya melebarkan wilayah kerajaan bani Umayyah serentak dengan penyebaran agama Islam dan memperluaskan wilayah jajahan kaum Muslimin di Afrika Utara.

Serangan Ke Sebelah Utara Dan Tentera Laut

Sebagaimana yang telah disebutkan pada pembukaan bab penyebaran agama Islam di zaman ini iaitu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah membentuk dan membahagikan pasukan tentera Islam menjadi tiga bahagian, iaitu tentera darat musim panas, kedua tentera darat musim sejuk dan tentera laut. Jadi dalam serangan ke belahan utara untuk menakluk pulau-pulau yang masih belum ditawan di Lautan Mediterranean (Laut Tengah) seperti pulau Rhodes, Crete dan Irwad dan negara-negara di Asia Kecil seperti Turki khasnya ibu negaranya kota Constantinople, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melakukan pergerakan ketenteraan dan serangan dalam dua bentuk iaitu serangan di darat dan serangan menerusi laut. Ini kerana di bahagian utara negeri Syam, terdapat destinasi yang perlu ditempohi melalui jalan darat dan juga jalan laut. Untuk mara menyerang ibu kota negara Turki iaitu kota Constantinople, perlu melalui jalan darat iaitu menggunakan angkatan tentera darat dan juga jalan laut. Manakala untuk menggempur pulau-pulau di Lautan Mediterranean adalah memerlukan melalui jalan laut dan memerlukan serta menggunakan kapal-kapal perang yang kuat.

Usaha menguatkan pasukan tentera darat sudah lama dilakukan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan sejak baginda menjadi gabenor negeri Syam dua puluh tahun yang lampau. Kini yang perlu baginda ambil berat ialah melengkapkan pasukan tentera laut yang mana pada masa itu cuma berjumlah kira-kira 600 buah kapal perang sahaja. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tahu kekuatan sebanyak itu masih belum mampu untuk menyaingi kekuatan angkatan tentera laut Rom Timur yang berpusat di kota Constantinople. Tetapi Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan seolah-olah mengabaikan pembinaan pasukan tentera laut yang kuat kerana mengutamakan kekuatan tentera darat, dan kerana tempat membina kapal perang pada masa itu satu-satunya hanya di Mesir iaitu di pelabuhan Iskandariah. Sedangkan pada pemerhatian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, perairan di utara Mesir dan Afrika Utara tidak begitu diperlukan untuk melancarkan serangan angkatan tentera laut Islam berbanding dengan di bahagian pulau-pulau yang terdapat di Lautan Mediterranean seperti tiga buah pulau yang telah disebutkan. Sehinggalah menjelang tahun 48 Hijrah/668 Masihi iaitu setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi khalifah selama kira-kira 7 tahun, angkatan tentera laut Rom Timur telah menyerang negara Armenia yang merupakan sebuah jajahan taklukan Islam yang menyebabkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mula

tersedar betapa pembinaan kekuatan pasukan laut perlu disegerakan.

Maka baginda segera mencari para pakar dan tukang membina kapal dan terus membina kilang membuat kapal di pantai negeri Syam di Laut Mediterranean. Dari sebuah demi sebuah kapal dibina atau dicipta dari jumlah kapal yang sedia ada sebanyak 600 buah itu, akhirnya menjelang tahun 60 Hijrah/679 Masihi di akhir-akhir pemerintahan baginda, didapati jumlah kapal perang tentara Islam mencapai angka 1,700 buah. Memang peralatan tentera laut yang cukup kuat sekali.

Langkah pertama yang dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan setelah kapal-kapal perang siap dibina ialah menyerang pulau-pulau di Laut Mediterranean. Baginda melantik Laksamana Janadah bin Abu Umayyah untuk mengetuai angkatan tentera laut itu. Pada tahun 53 hijrah, serangan dilakukan ke atas pulau Rhodes dan berjaya ditakluk pada tahun itu juga. Seterusnya pulau Crete berjaya ditakluk pada tahun 54 hijrah iaitu setahun kemudian. Pulau Irwad juga berjaya ditakluk. Setelah semua pulau-pulau di Laut Tengah berjaya ditakluk, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bercita-cita pula untuk menakluk kota Constantinopel iaitu ibu negeri Turki. Kota itu pada masa itu adalah pengkalan tentera Rom Timur yang kuat di Lautan Maditerranean.

Kenapakah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan begitu bersungguh-sungguh untuk menakluk kota Constantinopel? Kerana baginda juga mahu menjadi pemerintah yang paling baik yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. Dalam sebuah hadisnya, baginda Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, "Kota Konstantinopel akan jatuh ke dalam tangan tentera Islam. Pemimpin yang menakluknya adalah sebaik-baik pemimpin, dan pasukan yang berada di bawah komandonya adalah sebaik-baik pasukan." (hadis riwayat Imam Ahmad bin Hanbal).

Oleh itu untuk mencapai cita-cita besar dan sucinya itu, menjelang tahun 54 Hijrah/674 Masihi, iaitu setelah baginda berjaya menakluk pulau Crete, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang ketika itu telah memerintah selama kira-kira lapan tahun dan sudah berusia 64 tahun telah menghantar sebuah angkatan tentera yang besar ke Turki untuk menakluk kota Constantinople melalui dua jalan iaitu jalan darat dan jalan laut. Panglima yang memimpin angkatan tentera darat ialah putera baginda sendiri iaitu Yazid. Ini riwayat Tabari. Tetapi Ibnu Athir mengatakan pemimpin pasukannya ialah Sufyan bin Auf. Turut serta dalam pasukan itu ramai para sahabat Nabi yang terkemuka termasuklah Abdullah bin az-Zubair, Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Umar, Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq, Hasan dan Husein dan termasuk juga Abu Ayyub al-Ansari sahabat Nabi yang telah tua. Manakala pasukan tentera laut dipimpin oleh Laksamana Janadah bin Abu Umayyah juga.

Kota Constantinopel tidak dapat dimasuki kerana kekebalan pertahanannya. Kepungan yang ketat dari darat dan laut telah dibuat ke atas kota itu. Ketika

pengepungan dibuat, Abu Ayyub al-Ansari telah terkorban syahid di dalam peperangan ini. Beliau bukan terkorban kerana pertempuran, tetapi disebabkan ditimpa sakit. Jenazah Abu Ayyub al-Ansari dikebumikan di bawah benteng kota Constantinople itu juga. Makamnya masih dapat diziarahi di sana sehingga sekarang.

Kepungan ke atas kota Constantinople berjalan begitu lama. Tetapi tentera Islam tidak berjaya menembusi benteng kota Constantinopel yang kebal itu. Malah beberapa buah kapal perang tentera Islam telah terbakar kena bedilan dari dalam kota Constantinople. Kemalangan jiwa terus berlaku, sedangkan tanda-tanda kejayaan atau kota Constantinople akan menyerah kalah atau jatuh ke tangan tentera Islam masih tidak nampak bayangnya.

Para sejarawan Islam berbeza pendapat di dalam menentukan jumlah kepungan dibuat. Segolongan mengatakan sebanyak dua kali dan segolongan pula mengatakan hanya sekali sahaja.

Pada pendapat penyusun yang serba dhaif dan bodoh ini, lebih masuk di akal kepungan dibuat hanya sekali sahaja. Iaitu pendapat yang mengatakan kepungan dibuat pada tahun 54 Hijrah/674 Masihi sehingga tahun 61 Hijrah/680 Masihi. Kita percaya kepungan yang telah dibuat tidak akan mengambil langkah berundur tanpa sebab yang menasabah. Kemudian datang mengepung lagi. Buat apa bertindak begini? Bukankah ini akan memberi nafas baru atau peluang kepada tentera musuh untuk mempersiapkan kekuatan diri dengan menambah bekalan dan senjata serta tenaga? Ini tidak masuk di akal sebab Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang negarawan yang sangat bijaksana dan jauh pandangan. Soal lama seseorang tentera terpaksa berperang di medan itu tidak semestinya demikian kerana tentera yang bertugas boleh dipergilir atau ditukarganti dengan yang lain pula.

Manakala pendapat yang mengatakan pengepungan di buat sebanyak dua kali ialah yang pertama terjadi pada tahun 54 Hijrah/674 Masihi. Manakala kepungan yang kedua pada tahun 58 Hijrah/678 Masihi, bererti tentera Islam telah kembali semula ke negeri Syam kerana gagal terhadap kepungan pertama. Menjelang tahun 58 Hijrah/678 Masihi, iaitu setelah empat tahun berlalu, sekali lagi Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menghantar sebuah pasukan tentera Islam yang kuat untuk menakluk Kota Constantinopel. Namun gagal juga. Tentera Islam kembali lagi dengan hampa.

Pembentukan Angkatan Tentera Laut

Memperkatakan tentang kelengkapan tentera laut yang begitu besar yang dibina oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ianya telah dipersiapkan sejak lama dahulu lagi iaitu ketika beliau menjadi gabenor di kota Damsyik pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab. Beliau pernah meminta izin kepada Khalifah Umar bin al-Khattab untuk menubuh angkatan tentera laut. Tetapi

Khalifah Umar bin al-Khattab agak keberatan. Baginda tidak menyukai peperangan di laut. Ini adalah disebabkan Khalifah Umar bin al-Khattab tahu sebahagian besar para sahabat Nabi tidak pandai berenang kerana mereka membesar jauh dari laut dan sungai. Pertempuran di lautan boleh mengakibatkan ramai tentera Islam akan mati lemas di dalam air (laut) sebelum mereka terkena senjata musuh disebabkan mereka tidak pandai berenang setelah kapal mereka pecah atau terbakar.

Pada pandangan Khalifah Umar bin al-Khattab, agama Islam perlu disebarkan setakat yang terdaya melalui daratan. Kalau ketika itu tentera Rom Timur sudah terkenal dengan angkatan tentera laut mereka, biarlah. Kaum Muslimin akan menghadapi mereka di pantai-pantai setelah mereka berlabuh dan mendarat.

Begitu juga pada zaman Khalifah Uthman bin Affan. Ketika itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilantik oleh Khalifah Uthman bin Affan menjadi gabenor di seluruh negara Syam, bukan setakat kota Jordan dan kota Damsyik sahaja seperti pada masa Khalifah Umar bin al-Khattab. Sekali lagi Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah meminta izin kepada Khalifah Uthman bin Affan untuk menubuhkan angkatan tentera laut. Kali ini Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mendapat hasrat hatinya kerana Khalifah Uthman bin Affan telah mengizinkannya dengan syarat jangan memaksa mana-mana tentera Islam yang tidak mahu menjadi askar laut.

Walhasil, angkatan tentera laut telah ditubuhkan di negeri Syam dengan kapal perangnya berjumlah sebanyak 600 buah. Sudah cukup membanggakan.

Satu perkara lagi yang telah mendorong Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk menubuhkan angkatan tentera laut yang kuat ialah kerana pada tahun 48 Hijrah/668 Masihi, iaitu setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menduduki takhta khalifah selama 7 tahun dan telah berusia 62 tahun, angkatan tentera laut kerajaan Rom Timur telah menyerang pantai negeri Syam. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan melihat serangan tentera laut Rom ini adalah satu ancaman yang serius kepada negara kaum Muslimin yang bersempadan dengan kawasan penguasaan pemerintahan Rom Timur.

Apa lagi dengan tiada sesiapa yang dapat menghalang kemahuannya, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus memperbesarkan angkatan tentera laut Islam yang berpusat di pantai negeri Syam dengan kekuatan seperti yang telah disebutkan di atas.

Kini, dengan kelengkapan angkatan tentera laut kerajaan Islam yang sudah begitu kuat yang sudah mencapai bilangan kapal perang sebanyak 1,700 buah, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangat meyakini kekuatan pasukan laut kerajaan baginda itu. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan teringin sekali untuk menghancurkan pengkalan tentera laut Rom Timur yang berpusat di Lautan Mediterranean yang terletak di sebelah utara negeri Syam itu. Untuk

menjaya cita-cita sucinya itu, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melancar serangan ke atas pulau-pulau di Lautan Mediterranean yang terletak disebelah utara negeri Syam iaitu Pulau Cyprus, Pulau Rhodes, Pulau Irwad, Pulau Crete dan beberapa buah pulau yang terletak di selatan negara Greece sebagaimana yang telah diperkatakan di atas.

Demikianlah tindakan-tindakan yang dibuat oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam usahanya untuk menyebar agama Islam di sebelah barat khasnya di negeri Mesir, Afrika Utara, dan di sekitar laut mediteranean sekali gus untuk mengukuhkan kerajaan bani Umayyah yang didirikan olehnya.

Perubahan-Perubahan Pada Masa Pemerintahannya

Sebagaimana orang-orang yang baru dilantik menjadi pemerintah atau raja menggantikan tempat orang yang meninggal tempat itu sama ada meninggal dunia atau disingkir, mereka biasanya akan melakukan beberapa perubahan di dalam pentadbiran kerajaan mengubah corak atau kebijaksanaan yang dibuat oleh raja atau pemerintah sebelumnya. Tentunya yang diubah itu adalah perkara-perkara yang tidak atau kurang baik untuk dikekalkan. Begitulah juga yang telah dibuat oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebaik sahaja dia dilantik menjadi Khalifah kerajaan bani Umayyah yang pertama. Perubahan-perubahan itu bukanlah perubahan dasar pemerintahan, cuma perubahan biasa sahaja yang dapat dikatakan sebagai kehendak cita rasa baginda selaku khalifah yang baru setelah mengambil kira untung rugi di pihak baginda.

Terdapat beberapa perubahan yang telah dibuat oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah iaitu sebagaimana berikut:-

Memindah pusat pemerintahan kerajaan Islam dari kota Kufah di negeri Iraq ke kota Damsyik di negeri Syam. Dulunya pusat pemerintahan Khalifah Irrasyidin ialah di kota Madinah negeri Hijaz kemudian berpindah ke kota Kufah di negeri Iraq pada zaman pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib. Perpindahan ibu kota pemerintahan ini adalah mengambil kira kedudukan penyokong pemerintah.

Meninggalkan corak pentadbiran para khalifah yang terdahulu iaitu Khalifah Irrasyidin dan mengambil corak pemerintahan kerajaan Rom seperti mewujudkan pengawal khalifah dan menjalani kehidupan mewah.

Melantik pengganti atau khalifah untuk mengganti baginda dengan cara lantikan Putera Mahkota, bukan diserahkan kepada pemilihan rakyat atau syura.

Mengutamakan bangsa Arab di atas lain-lain bangsa di dalam semua perkara terutama di dalam perlantikan pegawai dan kakitangan kerajaan. Ini adalah tertuju kepada orang-orang Farsi sahaja yang merupakan musuh kaum bani

Umayyah sejak asal lagi. Ini tidak berlaku kepada bangsa Mesir dan Afrika yang telah kembali taat sepenuhnya kepada kerajaan bani Umayyah.

Mengubah warna bendera untuk lambang kerajaan bani Umayyah kepada warna merah.

Ini adalah beberapa perubahan yang dibuat oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Perubahan-perubahan ini dibuat bukan di atas dasar untuk bermegah-megah dan menyalahi sunnah Rasulullah s.a.w. atau sunnah Khalifah Irrasyidin, tetapi adalah untuk kebaikan dan muslihat seluruh umat Islam jua.

Jasa-Jasa Dan Kebajikan-Kebajikan Umum Kepada Rakyat

Sekarang marilah kita lihat apakah jasa-jasa dan kebajikan-kebajikan yang telah dibuat oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan selama pemerintahan baginda kepada rakyat baginda seluruh umat Islam. Ahli-ahli sejarah Islam mencatitkan beberapa jasa yang telah dibuat atau dilaksanakan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan selama masa pemerintahan baginda hampir 20 tahun itu. Jasa-jasa itu adalah sebagaimana berikut:-

Membentuk angkatan tentera Islam yang kuat dan mewujudkan bahagian-bahagian tentera seperti tentera musim panas dan tentera musim sejuk serta tentera laut. Jumlah kapal perang pada masa baginda ialah sebanyak 1,700 buah kapal. Tentera pula diberi gaji yang tetap dan mencukupi.

Menubuhkan jabatan pendaftaran untuk mendaftar nama-nama kelahiran dan orang-orang yang memeluk agama Islam dan lain-lain keperluan.

Menubuhkan jabatan pos di setiap tempat yang difikirkan sesuai. Pada setiap pejabat pos itu disediakan seekor kuda untuk petugas pos atau posmen menjalankan tugasnya. Kuda yang digunakan dari pejabat pos pertama direhatkan setelah sampai ke destinasi pos kedua. Ini menunjukkan betapa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang sangat bertimbangrasa dan berhati budi.

Demikianlah beberapa jasa yang telah dibuat oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap rakyat baginda selaku seorang ketua negara yang bertanggungjawab ke atas negara dan seluruh rakyat.

Perhatian-Perhatian Khusus Terhadap Nasib Rakyat

Sekarang marilah kita lihat pula apakah perhatian-perhatian yang diberikan khusus oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap rakyat baginda yang mengalami berbagai-bagai masalah dalam hidup. Memang Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan selama menjadi khalifah sentiasa memerhatikan nasib rakyat baginda. Tetapi apa yang dimaksudkan dengan perhatian khusus Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada rakyat atau umat Islam (termasuk kafir

zimmi) seluruhnya ialah perhatian-perhatian terpilih yang tertentu. Misalnya tentang baginda sangat prihatin terhadap rakyatnya yang menghadapi kesempitan hidup yang sangat mendesak, prihatin terhadap kehidupan para janda yang ditinggal suami khusus terhadap para isteri Rasulullah s.a.w. kerana mereka tidak lagi dibolehkan berkahwin setelah suami mereka Rasulullah s.a.w. wafat, sangat memberi perhatian kepada orang-orang baik yang sangat setia kepada pemerintahan baginda dan sebagainya.

Sekarang marilah kita lihat tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berkaitan dengan perkara-perkara demikian:-

Prihatin Terhadap Kehidupan Orang-Orang Yang Kesempitan

Di antara perhatian-perhatian yang diberikan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap kesusahan hidup rakyat baginda ialah baginda sentiasa memerhati kehidupan para isteri Rasulullah s.a.w. selepas Rasulullah s.a.w. wafat. Baginda sentiasa mengirim keperluan kepada para Ummul Mu'minin apabila mereka difikirkan sedang berada di dalam keadaan kesempitan kewangan. Kita semua tahu para isteri Rasulullah s.a.w. tidak lagi dibolehkan berkahwin setelah Rasulullah s.a.w. wafat. Jadi mereka adalah janda sepanjang hayat.

Diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah Islam bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sering mengirim wang kepada Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah binti Abu Bakar as-Siddiq, isteri yang sangat dicintai oleh Rasulullah s.a.w. Sekali peristiwa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menghantar sebanyak 100,000 wang dirham kepada Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha. Oleh Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha terus disedekahkan kesemua wang itu kepada para fakir miskin dan orang-orang yang sedang berada di dalam kesusahan. Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendapat tahu isteri kesayangan Rasulullah s.a.w. ini telah menyedekahkan kesemua wang yang 100,000 dirham yang diberi olehnya itu, maka baginda mengirim sebanyak 100,000 dirham lagi kepada Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha. Ini menunjukkan bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangat mengambil berat terhadap kehidupan para isteri Rasulullah s.a.w.

Kalau orang bertanya, itu untuk Aisyah? Bagaimana dengan isteri-isteri Rasulullah s.a.w. yang lain? Apakah juga dilakukan sedemikian?

Memang Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga telah mengirim wang yang banyak kepada isteri-isteri Rasulullah s.a.w. yang lain selain dari Asiyah mana-mana yang masih hidup pada masa pemerintahan baginda. Cuma riwayat sahaja yang tidak menyebutnya kerana yang lain-lain tidak semasyhur Aisyah.

Prihatin Terhadap Kehidupan Orang-Orang Yang Dihimpit Hutang

Di antara kebajikan-kebajikan khusus yang dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap rakyat baginda ialah baginda sangat prihatin terhadap sesiapa-sesiapa yang mengalami kesempitan hidup seperti dihimpit hutang yang sangat banyak dan sebagainya. Sebagai contoh baginda telah memberi wang yang banyak kepada abang Sayidina Ali bin Abu Talib iaitu Aqil bin Abu Talib bekas musuh politiknya yang datang meminta bantuan kewangan kepada baginda ketika adiknya Sayidina Ali bin Abu Talib yang sedang memegang jawatan khalifah tidak mahu membantu abangnya itu dengan wang negara. Ketika itu Aqil bin Abu Talib sudah tua berusia 78 tahun dan buta pula kedua-dua belah matanya. Tetapi cerita ini telah menimbulkan rasa tidak percaya penyusun tentang kebenarannya apabila diselidiki beberapa faktanya yang menimbulkan keraguan. Tetapi penyusun membawa juga cerita ini masuk ke dalam kisah hidup Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini untuk menceritakan tentang sifat-sifat keperihatinan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada rakyat baginda kerana ianya adalah cerita yang menarik dan sudah diterima umum.

Di dalam cerita ini dikatakan bahawa Aqil bin Abu Talib menanggung hutang yang banyak. Setelah adiknya Sayidina Ali bin Abu Talib dilantik menjadi khalifah, Aqil bin Abu Talib telah datang kepada adiknya itu untuk mengadu nasib hidupnya yang banyak hutang dan cuba meminta pertolongan dalam bentuk kewangan daripada adiknya itu untuk melunaskan hutang-hutangnya yang banyak. Tetapi Khalifah Ali bin Abu Talib tidak sanggup menolong abangnya dengan mengambil wang negara. Hanya baginda menyuruh anak sulung baginda Sayidina Hasan agar menghantar sedikit daging kepada abangnya yang kesempitan itu untuk memenuhi keperluan hidup hariannya.

Riwayat lain menceritakan bahawa setelah Aqil bin Abu Talib yang tua dan buta itu mendengar adiknya Sayidina Ali bin Abu Talib dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat al-marhum Khalifah Uthman bin Affan, maka dia yang mempunyai hutang yang banyak dan keperluan perbelanjaan dapur setiap hari yang tidak mencukupi untuk saraan keluarganya yang besar telah memberitahu kepada adiknya Khalifah Ali bin Abu Talib meminta saraan dari Baitul Mal untuk menjelaskan hutang-hutangnya. Tetapi Khalifah Ali bin Abu Talib yang terkenal sangat amanah menjaga harta rakyat telah menyuruh abangnya itu agar datang berjumpa dengannya pada hari yang lain. Maka pada suatu hari datanglah Aqil bin Abu Talib yang tua dan buta itu dengan dipimpin oleh anaknya ke tempat Khalifah Ali bin Abu Talib. Setelah sampai, Khalifah Ali bin Abu Talib berkata kepada abangnya Aqil bin Abu Talib itu;

"Hanya inilah untukmu."

Aqil bin Abu Talib menghulur tangannya untuk mengambil barang yang dihulurkan oleh adiknya itu yang disangkakan bungkusan wang terus mengaduh kesakitan dan terus benda itu terlepas dari tangannya kerana apa yang dipegangnya itu bukan bungkusan wang, tetapi sebilah besi kemerahan yang sedang terbakar.

"Ini baru besi yang dibakar dengan api dunia. Bagaimana kelak bila kau dan aku dibelenggu dengan rantai yang dibakar dalam api neraka? Daripada aku, engkau tidak akan memperolehi lebih daripada hakmu yang sudah ditetapkan oleh Allah kepadamu."

Sebenarnya terdapat beberapa versi lagi mengenai kisah Aqil bin Abu Talib datang meminta bantuan kewangan kepada adiknya Khalifah Ali bin Abu Talib yang menjadi Khalifah Irrasyidin yang keempat menggantikan tempat almarhum Khalifah Uthman bin Affan yang terbunuh.

Kisah di dalam versi itu saling berbeza. Kalau versi di atas menceritakan Aqil bin Abu Talib diberi besi panas oleh Khalifah Ali bin Abu Talib, di dalam versi yang lain dikatakan Khalifah Ali bin Abu Talib memberi sedikit daging yang baginda beli dari pasar. Dan versi yang seterusnya mengisahkan Khalifah Ali bin Abu Talib memberi pakaian kepada abangnya yang malang itu. Penyusun merasa ragu tentang benarnya Aqil bin Abu Talib telah datang meminta pertolongan kepada adiknya Khalifah Ali bin Abu Talib, tetapi kerana wara'nya Khalifah Ali bin Abu Talib, baginda tidak mahu memberi lebih daripada yang sepatutnya kepada abangnya yang datang meminta pertolongan itu. Seolah-olah kisah ini mahu memberitahu kepada para pembaca bahawa Aqil bin Abu Talib seorang yang boros di dalam berbelanja tidak melakukan secara berhemah dan bersederhana.

Soalnya sekarang, apakah saudara-saudari para pembaca semua percaya dengan cerita ini, tentang Aqil bin Abu Talib yang gemar membazir wang dan tentang Khalifah Ali bin Abu Talib yang tidak mempunyai perasaan perikemanusiaan terhadap saudara maranya?

Pada penyusun, penyusun kurang mempercayai dengan kisah di atas kerana beberapa sebab sebagaimana berikut:-

Sebab pertama, masakan Sayidina Ali bin Abu Talib begitu zalim terhadap saudaranya sendiri sehingga sanggup memutuskan tali silaturrahim dengan Aqil bin Abu Talib dengan menganiaya Aqil seperti itu. Kalau tidak mahu memberi, katakan sahaja tidak boleh. Itu bukan hakmu. Bukan dengan memberi besi panas untuk dipegang oleh abangnya yang telah tua dan buta pula itu.

Sebab kedua, kita tahu Aqil bin Abu Talib juga mendapat saraan daripada dasar yang digubal oleh Khalifah Umar bin al-Khattab yang memperuntukkan wang negara kepada semua umat Islam. Khalifah Umar bin al-Khattab memperuntukkan kepada setiap orang yang memeluk Islam pada hari Futh

Mekah sebanyak 2,000 dirham setahun. Aqil bin Abu Talib termasuk golongan ini. Masakan kehidupan Aqil bin Abu Talib begitu bangsat sekali sehingga hutangnya menjadi bertimbun-timbun sedangkan pendapatan 2,000 dirham setahun sama dengan 5.5 dirham sehari. Sudah cukup untuk menyara kehidupan khasnya berkaitan makan minum keluarga lima enam beranak.

Sebab ketiga, takkanlah Aqil bin Abu Talib tidak pernah mengikut peperangan pada zaman Nabi, Abu Bakar, Umar dan zaman enam tahun pertama pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan yang mana para pejuang diberi harta ghanimah atau gaji yang cukup pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab? Sedangkan pada masa itu Aqil bin Abu Talib masih muda berumur 51 sampai 70 tahun pada zaman enam tahun pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Masih kuat. Sedangkan Ammar bin Yasir ketika berperang di Siffin berusia 80 tahun lebih. Takkanlah sampai Aqil bin Abu Talib seperti orang-orang miskin yang cacat anggota badan sehingga tidak mampu bekerja atau seperti para Ahlis Suffah yang duduk di serambi Masjid Nabi kerana tidak mempunyai sanak saudara!

Sebab keempat, takkanlah anak Aqil bin Abu Talib yang datang bersama-sama bapanya tidak menahan tangan ayahnya daripada memegang besi panas yang dihulurkan oleh Khalifah Ali bin Abu Talib kepada ayahnya. Kalau terjadi demikian, sudah tentu anak Aqil bin Abu Talib telah melarikan bapanya daripada mendekati Khalifah Ali bin Abu Talib yang sedemikian zalim itu.

Sebab kelima, takkanlah Sayidina Ali bin Abu Talib tergamak menghulur besi panas kepada abangnya di hadapan anaknya yang membawanya kepada baginda untuk meminta bantuan.

Demikianlah hujah-hujah saya tentang ketidakbenaran kisah bahawa Aqil bin Abu Talib datang kepada adiknya Sayidina Ali bin Abu Talib yang merupakan khalifah kaum Muslimin kerana meminta belanja untuk menjelaskan hutang-hutangnya yang banyak. Dan kisah tentang Sayidina Ali bin Abu Talib yang menganiaya abangnya Aqil bin Abu Talib dengan memberi besi yang panas, bukan makanan atau wang ringgit ketika dia datang meminta pertolongan dalam bentuk kewangan untuk melunaskan hutang-hutangnya serta sudah tua dan buta pula kedua-dua belah matanya.

Kemudian kerana merasa kecewa dengan sikap adiknya yang sedang berkuasa, maka Aqil bin Abu Talib telah menyeberang ke pihak musuh abangnya ialah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sedang berkuasa di negeri Syam. Setelah mengadu kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan tentang kesempitan dan kesulitan kehidupannya yang banyak hutang, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus memberi kepada Aqil bin Abu Talib sebanyak 100,000 dirham untuk menampung penghidupannya dan melunaskan hutang-hutangnya yang banyak itu.

Penyusun percaya tentang kisah Aqil bin Abu Talib yang menyeberang ke pihak Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bukan kerana masalah kekurangan wang atau kerana adiknya Khalifah Ali bin Abu Talib tidak mahu menolongnya, tetapi disebabkan sikap Khalifah Ali bin Abu Talib yang sangat ketat di dalam memerintah tidak sebagaimana Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang luas tangan dan sangat suka memberi.

Mengambil Berat Terhadap Tali Silaturrahim Sesama Islam

Memang Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang pemerintah yang sangat mengambil berat terhadap perhubungan silaturrahim di antara umat Islam. Memang baginda sudah menjadi raja bukan lagi khalifah kerana corak pemerintahan baginda yang lebih mirip kepada raja yang menguasai wang negara. Sedangkan khalifah tidak menguasai wang negara. Wang negara dikuasai oleh Bendahari Baitul Mal. Khalifah hanya dapat berbelanja dengan mengarah bendahari Baitul Mal untuk perkara-perkara keselamatan negara dan keperluan rakyat. Bukan boleh mengeluarkan wang sesuka hati.

Sedangkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menguasai harta negara dengan baginda sendiri yang membahagi-bahagikan harta itu ikut sesuka hati baginda. Khalifah tidak akan berbuat demikian.

Bagaimanakah pula dengan tindakan Rasulullah s.a.w. sendiri yang membahagi-bahagikan harta negara sendiri bukan melalui Bendahari Baitul Mal seperti yang dapat dilihat dalam perang Hunain?

Tetapi Rasulullah s.a.w. melakukan mengikut ketetapan hukum.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak mengikut ketetapan hukum?

Rasulullah s.a.w. membahagi-bahagikan harta rampasan perang yang satu perlima itu untuk kepentingan umat Islam yang tidak terlibat dalam peperangan. Sedangkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan membahagi-bahagikan harta kepada rakyat adakala untuk kepentingan peribadi baginda seperti baginda berikan kepada tokoh-tokoh yang baginda ketahui tidak menyukai tindakan baginda.

Bahkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memberi kepada para penyokongnya orang-orang Syam jumlah wang yang tidak dapat dikira-kira.

Sungguhpun begitu apa yang dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangatlah baik sekali. Bertujuan untuk mengeratkan tali silaturrahim antara sesama Islam. Cuba bandingkan dengan para raja sekarang. Mana ada mereka membahagi-bahagikan wang negara kepada orang lain? Mereka lebih mengutamakan kepentingan diri, isteri, anak-anak dan kroni mereka sahaja.

Sedangkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangat memerhati terhadap nasib rakyat baginda. Baginda menggunakan sepenuh-penuhnya wang negara

untuk kepentingan rakyat. Biarpun bermatlamatkan kepentingan diri baginda juga. Tetapi sekurang-kurangnya kepada rakyat. Lihat apa yang baginda lakukan kepada para tokoh-tokoh putera sahabat-sahabat terbaik seperti terhadap Abdullah bin az-Zubair, Sayidina Hasan, Sayidina Husein, Abdullah bin Abbas, Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq, Abban bin Uthman bin Affan dan lain-lain telah datang ke istana baginda di kota Damsyik. Baginda menyambut mereka itu dengan gembira dan senyuman yang tidak padam dari bibirnya. Menjamu mereka itu dengan makanan yang lazat-lazat, kemudian ketika mereka itu mahu pulang ke kota Madinah, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memberi kepada semua mereka hadiah-hadiah yang bernilai dan wang yang banyak. Padahal sebahagian mereka itu adalah orang-orang yang pernah memusuhinya.

Sesiapa sahaja yang suka berapat-rapat dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan akan mendapat habuan yang banyak sekali. Kenapa? Kerana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan akan memberi bila diminta. Jadi orang yang suka berapat-rapat dengan baginda akan meminta kerana mereka tahu perangai Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sangat pemurah. Abdullah bin az-Zubair adalah salah seorang daripada mereka. Ini adalah kerana sifat-sifat Abdullah bin az-Zubair yang sangat cerdik dan sangat berani.

Sekianlah perubahan-perubahan, jasa-jasa dan perhatian-perhatian khusus yang dilakukan dan diberikan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada rakyat baginda selaku baginda adalah khalifah umat Islam setelah Khalifah Irrasyidin. Didapati Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang khalifah yang baik, adil dan penuh rasa kasih sayang terhadap rakyatnya.

MU'AWIYAH MEMIKIRKAN BAKAL PENGGANTI

Tidak Mahu Lihat Kacau Bilau Landa Umat Islam Sekali Lagi

Menjelang tahun 49 Hijrah/669 Masihi, iaitu setelah baginda menjadi khalifah selama 8 tahun dan ketika sudah berusia 64 tahun, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mula terperasan yang usianya sudah melampaui usia Nabi, usia Sayidina Abu Bakar as-Siddiq, usia Sayidina Umar bin al-Khattab dan usia Sayidina Ali bin Abu Talib. Usia baginda sudah lebih setahun daripada usia keempat-empat pemimpin umat Islam itu. Ertinya saat-saat untuk baginda meninggal alam fana' ini sudah bermula. Inilah yang menjadi faktor kenapa tiba-tiba sahaja terlintas di dalam fikiran Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk segera menetapkan pengganti baginda sebelum baginda menutup mata buat selama-lamanya.

Peristiwa-peristiwa silam yang telah baginda lalui bersama-sama Khalifah Ali bin Abu Talib yang begitu pahit dan masam di dalam usaha menentukan seorang khalifah untuk umat Islam setelah terbunuhnya Khalifah Uthman bin Affan masih lagi belum hilang dari jiwa dan ingatan baginda. Alangkah payah dan susahnya umat Islam untuk mendapat seorang khalifah setelah terbunuhnya Khalifah Ali bin Abu Talib. Ketika para sahabat Rasulullah s.a.w. yang tua-tua atau yang besar-besar masih ramai lagi seperti pada zaman Khalifah Abu Bakar as-Siddiq hingga ke zaman Khalifah Ali bin Abu Talib, tak apalah tidak memikirkan soal pengganti pun. Lantik sesiapa sahaja yang layak daripada kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang tua-tua dan berdamping lama dengan baginda s.a.w. Mereka akan diterima. Tetapi pada tahun 49 Hijrah/669 Masihi seperti ini, para sahabat yang baik-baik dan tua-tua sudah tidak ramai lagi kerana sudah ramai dari kalangan mereka yang telah meninggal dunia. Bukan sahaja mereka meninggal dunia disebabkan usia mereka yang tua, tetapi juga disebabkan terkorban di dalam perjuangan, sama ada perjuangan menentang orang-orang kafir, murtad atau juga kerana menentang saudara mereka orang-orang Islam sendiri. Yang masih tinggal hanyalah sahabat-sahabat kecil atau anak-anak sahabat besar meskipun mereka juga baik dan berakhlak mulia dan layak untuk dijadikan pemimpin umat Islam.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan melihat sahabat-sahabat kecil nampaknya lebih berwibawa dan menonjol untuk dilantik ke jawatan khalifah. Ini sudah pasti akan mengundang perpecahan yang lebih dahsyat ke atas umat Islam sekiranya langkah-langkah di dalam menentukan pengganti baginda sebagai khalifah umat Islam tidak ditentukan terlebih awal sebelum khalifah yang sedang berkuasa wafat dengan serta merta atau secara mengejut.

Baginda bimbang sekali seandainya perkara itu sekali lagi terjadi, menyebabkan umat Islam kembali berperang kerana merebut jawatan khalifah. Bukankah sudah berpuluh ribu jiwa para sahabat dan kaum Muslimin yang telah melayang angkara 'perebutan' jawatan khalifah? Jiwa yang berpuluh ribu yang terkorban itu seandainya digunakan untuk perjuangan fi sabilillah, barangkali hampir seluruh dunia, Islam sudah dapat diperkenalkan. Dan sudah berpuluh bilion umat manusia sudah dilepaskan daripada lubang neraka. Kerana semua itulah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memikirkan bakal pengganti baginda sebelum nyawa baginda dicabut oleh Malaikat Malikil Maut untuk dibawa ke alam baqa'.

Ketika kepala Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sedang penuh dengan pemikiran-pemikiran tentang persoalan-persoalan berkaitan bakal pengganti baginda, pada ketika itu juga baginda melihat salah seorang gabenor baginda perlu diganti dengan tokoh lain. Tokoh yang bakal menggantikan tempat gabenor yang baginda fikir perlu diberhentikan itu sudah ada di dalam kepala baginda. Baginda melihat gabenor kota Kufah iaitu al-Mughirah bin Syu'bah ath-Thaqafi, seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka sudah wajar bersara daripada jawatannya. Dia sudah lama menjadi gabenor di kota Kufah iaitu sejak tahun 43 Hijrah/663 Masihi lagi. Jadi sudah kira-kira enam tahun. Itupun tidak dikira perkhidmatannya sejak zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab. Kalau dikira sejak dari zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab, dan setahun dua pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan, bererti al-Mughirah bin Syu'bah sudah berkhidmat sebagai gabenor memakan masa selama kira-kira sepuluh tahun (al-Mughirah bin Syu'bah menjadi gabenor pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab bermula sebagai gabenor di kota Basrah pada tahun 15 Hijrah/637 Masihi hingga tahun 17 Hijrah/639 Masihi kemudian diberhentikan. Kemudian dilantik pula sebagai gabenor di kota Kufah mulai tahun 17 Hijrah/639 Masihi hinggalah tahun 25 Hijrah/647 Masihi (dua tahun pada zaman Khalifah Uthman bin Affan).

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tahu kewibawaan al-Mughirah bin Syu'bah, kebolehan dan kepintarannya di dalam soal-soal pentadbiran dan kepahlawanan, tetapi pada ketika itu sudah ada tokoh lain yang sesuai sekali untuk diberi peluang oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk menduduki kerusi gabenor di kota Kufah. Tokoh yang dimaksudkan itu pernah menduduki kerusi gabenor pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan di kota Basrah iaitu Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass bin Umayyah,

yang masih merupakan kaum kerabat dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan amat kenal benar dengan peribadi Said bin al-Ass, anak dua pupu baginda itu. Said bin al-Ass adalah seorang yang alim, salih, pemurah, lemah lembut dan juga pintar di dalam soal-soal pentadbiran dan kepahlawanan selain masih sangat dekat perhubungan darah dengan baginda. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berpendapat Said bin al-Ass perlu diberi jawatan gabenor menggantikan tempat al-Mughirah bin Syu'bah yang meskipun dia masih belum tua benar lagi.

Hasrat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini telah diucapkan oleh baginda di hadapan beberapa orang pembesar kerajaan. Oleh itu ianya tidak menjadi rahsia lagi kepada orang ramai dan kerana itu rahsia yang sudah tidak menjadi rahsia lagi itu telah sampai dengan cepat ke telinga gabenor kota Kufah yang terlibat yang akan dipecat iaitu al-Mughirah bin Syu'bah. Al-Mughirah bin Syu'bah merasa dirinya masih boleh lagi memberi khidmat yang sebaik-baiknya kepada kerajaan bani Umayyah di bawah pentadbiran Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Dia masih muda berusia dalam lingkungan 50an, bukan 60an, bukan 70an, bukan 80an atau 90an. Kenapakah dia perlu disingkirkan tanpa alasan yang munasabah? Kalau sekadar untuk menempatkan orang lain yang ada hubungan kekeluargaan dengan khalifah, alasan itu tidak wajar dan tidak dapat diterima. Kerana itulah al-Mughirah bin Syu'bah yang berakal panjang dan pintar itu cuba memikirkan untuk mengambil satu langkah yang boleh memudarkan semula niat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk menyingkirnya daripada jawatan gabenor kota Kufah itu.

Tiba-tiba dia mendapat satu idea. Dia tidak mahu menyimpan lama ideanya yang bernas itu. Dia mahu bertindak segera sebelum apa yang tidak diingininya terjadi ke atas dirinya.

Al-Mughirah Syorkan Yazid Sebagai Putera Mahkota

Tanpa mahu berlengah-lengah lagi, maka al-Mughirah bin Syu'bah terus berangkat ke kota Damsyik untuk berjumpa dengan seorang yang penting di sana. Siapa, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan? Tidak. Tetapi putera khalifah yang bernama Yazid, seorang putera Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang berdarah badwi kerana ibunya seorang perempuan badwi suku Kalbi.

Setelah al-Mughirah bin Syu'bah duduk di hadapan Yazid, maka beliau berkata kepada putera Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sangat disayangi oleh ayahandanya itu kerana kecerdikan, keberanian dan kefasihan lidahnya sehingga mampu mencipta syair dan mampu mendendangkannya dengan begitu baik sekali;

"Wahai Yazid! Sesungguhnya tokoh-tokoh besar daripada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. semuanya sudah meninggalkan kita. Demikian juga dengan pembesar-pembesar Quraisy dan orang-orang tua di kalangan mereka. Yang

masih tinggal hanyalah pemuda-pemuda dari kalangan anak-anak mereka. Di kalangan mereka terdapat seorang yang mempunyai akalfikiran dan pandangan yang baik, dan paling mengetahui tentang sunnah dan politik. Aku cukup hairan kenapakah Amirul Mu'minin tidak melantik engkau sebagai bakal penggantinya."

Bersinar-sinar mata Yazid memandang ke muka al-Mughirah bin Syu'bah yang cerdik itu. Pada ketika itu hasratnya seperti telah dibakar kembali. Memang sejak dia mengerti tentang kehidupan ini, tentang kedudukan di dalam masyarakat, tentang kemuliaan pimpinan atau jawatan khalifah, Yazid bin Mu'awiyah telah ada mempunyai cita-cita untuk mendapat kedudukan yang sedang disandang oleh ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu.

Diriwayatkan pernah terjadi ketika Yazid masih kanak-kanak, tetapi telah sampai ke peringkat usia mumayyiz (sudah dapat membeza perkara-perkara najis dan suci - berusia kira-kira 10 tahun), ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan cuba menduga kecerdikannya bersama-sama dengan saudaranya yang berlainan ibu bernama Abdullah bin Mu'awiyah. Setelah Yazid dan Abdullah didudukkan di hadapan ayahandanya dengan diperhatikan oleh ibunda masing-masing kerana ingin tahu tahap kecerdikan kedua-duanya, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terlebih dahulu berkata kepada puteranya yang bernama Abdullah;

"Wahai anakku! Aku bercadang untuk memberi apa sahaja yang engkau pinta dalam majlisku ini. Sila minta apa yang kau inginkan."

"Wahai ayahanda! Aku minta agar ayahanda belikan kepadaku seekor anjing yang cergas dan seekor kaldai yang cergas juga," pinta Abdullah kepada ayahandanya penuh girang. Ternyata barang yang dipinta oleh Abdullah adalah barang-barang yang tidak begitu penting yang menunjukkan kerendahan tahap atau kualiti intelektualnya.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangat kesal mendengar benda yang diminta oleh puteranya yang bernama Abdullah itu seraya mengherdik putera baginda itu dengan nada marah, "Wahai anakku, kau seperti kaldai dan minta dibeli kaldai pula, pergilah!!" Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memerintah agar anaknya Abdullah menjauhkan diri daripadanya.

Setelah Abdullah keluar, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berpaling pula kepada ibu Abdullah yang bernama Fakhitah binti Qirdhah dan berkata kepadanya, "Kau lihat sendiri bagaimana keadaan anakmu."

Selain Abdullah, Fakhitah binti Qirdhah masih mempunyai seorang anak lagi bernama Abdul Rahman.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kemudiannya memanggil pula putera baginda yang benama Yazid iaitu anak kepada isteri baginda yang bernama

Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah, seorang wanita Badwi suku Kalbi. Maka datanglah Yazid ke hadapan ayahandanya. Lantas Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada puteranya itu;

"Wahai anakku! Aku bercadang untuk memberi apa sahaja yang engkau pinta dalam majlisku ini. Sila minta apa yang kau inginkan."

Tiba-tiba Yazid menangis lalu bersujud. Setelah dia mengangkat kepalanya semula, dia berkata kepada ayahandanya, "Segala puji bagi Allah yang telah memanjangkan usia Amirul Mu'minin sehingga ke hari ini dan aku masih sempat melihatnya sekarang. Hajatku ialah hendaklah tuanku melantik aku sebagai Putera Mahkota yang akan menggantikan tempat tuanku nanti, memberi kesempatan kepadaku mentadbir kaum Muslimin, mengizinkan aku naik haji...."

Fakhitah binti Qirdhah menyaksikan kecerdikan anak madunya itu.

Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada isteri baginda Fakhitah binti Qirdhah itu, "Bagaimana pendapatmu tentang anakku Yazid itu?"

Pertanyaan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebegitu bukanlah bermaksud untuk meminta pandangan Fakhitah binti Qirdhah tentang peribadi Yazid, cuma semata-mata untuk memperli isterinya itu yang mengakui anaknya Abdullah lebih cerdik daripada Yazid. Namun Fakhitah binti Qirdhah menjawab juga, "Engkau lebih mengetahui daripadaku (tentang kelebihan yang terdapat pada setiap orang anak-anakmu) wahai Amirul Mu'minin."

Mengikut riwayat yang dicatit oleh Imam at-Tabari di dalam kitabnya yang berjudul *Tarikh Tabari*, bahawa pada tahun 49 Hijrah/669 Masihi, ketika itu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Suyan telah berusia 64 tahun, Yazid pula sedang berusia 39 tahun, dikatakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah bercadang untuk memecat gabenor kota Kufah ketika itu ialah al-Mughirah bin Syu'bah, seorang sahabat Nabi yang terkemuka, orang bangsa Thaqif dari Taif. Al-Mughirah bin Syu'bah adalah seorang yang cerdik dan bijaksana. Beliau juga adalah seorang yang cekap dan amat berkebolehan di dalam persoalan-persoalan pentadbiran. Al-Mughirah bin Syu'bah dilantik oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi gabenor kota Kufah bermula pada tahun 43 Hijrah/663 Masihi lagi iaitu setelah dua tahun Mu'awiyah bin Abu Sufyan menduduki kerusi khalifah.

Maka al-Mughirah bin Syu'bah yang menyedari perkara itu terus pergi ke kota Damsyik dan terus berjumpa dengan Yazid. Beliau berkata kepada Yazid;

"Wahai Yazid! Tahukah engkau sekarang ini para sahabat Rasulullah yang terkemuka sudah tiada lagi (meninggal dunia), begitu juga dengan para pembesar Quraisy dan orang-orang tua mereka. Yang masih tinggal hanyalah anak-anak cucu mereka. Dan engkau adalah orang yang paling utama di antara

mereka. Dan aku tidak mengerti, apakah yang menjadi halangan kepada khalifah untuk mengangkat engkau menjadi Putera Mahkota."

Maka Yazid menjawab dengan pertanyaan, "Apakah pada pendapat bapak perkara ini boleh dilakukan?"

Maka jawab al-Mughirah bin Syu'bah, "Memang boleh."

Maka tanpa berlengah lagi, Yazid terus mengadap ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan memberitahu mengenai apa yang dikatakan oleh al-Mughirah bin Syu'bah kepadanya. Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus memanggil al-Mughirah bin Syu'bah dan bertanya kepadanya tentang persoalan itu. Al-Mughirah bin Syu'bah berusaha menyakinkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tentang kebaikan buah fikirannya itu. Dijelaskannya kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, bahawa inilah satu-satunya cara untuk menghindar pertumpahan darah dan untuk menjaga persatuan umat Islam daripada berpecah kembali.

Kemudian setelah yakin dengan kata-kata gabenor baginda bagi kota Kufah itu, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya pula kepadanya;

"Siapakah yang akan membantuku di dalam usaha ini?"

Al-Mughirah bin Syu'bah memberi jawapannya yang sangat menyenangkan hati Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, "Aku menjamin ketaatan rakyat Kufah kepada tuan dan Ziyad di Basrah. Adapun di daerah selain yang dua ini tidak akan ada seorangpun yang berani mencabar tuan."

Manakala Imam as-Sayuti menulis di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* (Sejarah Para Khalifah) ada sedikit perbezaan jalan ceritanya, begini bunyinya, "Mu'awiyah telah mengirim surat kepada al-Mughirah dan berkata kepadanya, "Bila engkau selesai membaca suratku ini, segera datang kepadaku sebagai orang yang dipecat."

Tetapi al-Mughirah bin Syu'bah tidak memenuhi permintaan atau perintah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepadanya itu dengan segera. Ketika dia datang mengadap Khalifah Mu'awiyah, khalifah kerajaan bani Umayyah yang pertama dan paling cerdik itu bertanya kepadanya (dengan nada sedikit berang - P), "Mengapa kau datang lambat?"

Al-Mughirah bin Syu'bah lantas menjelaskan, "Kerana ada urusan yang perlu aku selesaikan."

Khalifah Mu'awiyah bertanya pula, "Apakah urusannya itu?"

"Pengangkatan Yazid sebagai khalifah setelah engkau," al-Mughirah bin Syu'bah menjelaskan segala-galanya.

"Sudahkan engkau lakukan?" Tanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula.

"Sudah," jawab al-Mughirah bin Syu'bah.

Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berkata kepada al-Mughirah bin Syu'bah, "Kini kembalilah ke jawatanmu."

Seorang lagi sejarawan Islam yang besar bernama Ibnu Abdul Rabbah menulis di dalam kitabnya *al-Iqdul Farid* tetapi jalan ceritakan hampir serupa dengan jalan cerita Imam as-Sayuti.

Untuk menyempurnakan kisah ini, bolehlah riwayat Imam Tabari diselaraskan dengan riwayat Imam as-Sayuti yang mana disusun begini:-

Pada tahun 49 Hijrah/669 Masihi, ketika itu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berusia 64 tahun, Yazid pula sedang berusia 39 tahun, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berniat untuk memberhentikan gabenor kota Kufah (dari kedudukannya - P) iaitu al-Mughirah bin Syu'bah, seorang sahabat Nabi yang terkemuka, orang bangsa Thaqif dari Taif. Seorang tokoh yang cerdik dan bijaksana. Beliau juga adalah seorang yang cekap dan amat berkebolehan di dalam persoalan-persoalan pentadbiran, untuk digantikan dengan seorang tokoh lain yang difikirkan juga layak untuk menduduki kerusi gabenor di kota Kufah. Tokoh baru itu mempunyai hubungan kekeluargaan yang masih dekat dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan masih muda. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menulis surat kepada al-Mughirah bin Syu'bah yang berbunyi;

"Apabila kau selesai membaca suratku ini, segeralah datang kepadaku sebagai orang yang dipecat."

Al-Mughirah bin Syu'bah terus bergegas ke kota Damsyik, bukan untuk mengadap Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, tetapi pergi berjumpa dengan putera khalifah iaitu Yazid. Beliau berkata kepada Yazid;

"Wahai Yazid! Tahukah kau sekarang ini para sahabat Rasulullah yang terkemuka sudah tiada lagi (meninggal dunia), begitu juga dengan para pembesar Quraisy dan orang-orang tua mereka. Yang masih tinggal hanyalah anak-anak cucu mereka. Dan kau adalah orang yang paling utama di antara mereka. Dan aku tidak mengerti, apakah yang menjadi halangan kepada khalifah (ayahmu) untuk mengangkatmu sebagai Putera Mahkota."

Maka Yazid bertanya pula, "Apakah pada pendapat bapak perkara ini boleh dilakukan?"

Al-Mughirah bin Syu'bah menegaskan, "Memang boleh."

Tanpa berlengah lagi, Yazid terus pergi mengadap ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan memberitahu kepada ayahandanya itu mengenai apa yang dikatakan oleh al-Mughirah bin Syu'bah kepadanya. Maka oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus dipanggilnya al-Mughirah bin Syu'bah dan setelah al-Mughirah bin Syu'bah sampai di hadapan baginda,

maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pura-pura bertanya kepada al-Mughirah seolah-olah baginda masih belum mengetahui tentang duduk perkara itu berkaitan Yazid, padahal yang sebenar cukup mengembirakan hatinya;

"Mengapakah kau datang lambat?"

Al-Mughirah bin Syu'bah menjelaskan, "Kerana ada urusan yang perlu aku selesaikan."

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan seterusnya bertanya, "Apakah urusannya itu?"

Jelas al-Mughirah, "Saya telah menyaksikan banyak pertumpahan darah dan persengketaan setelah pemergiannya Khalifah Uthman (bin Affan dan untuk mengelak peristiwa yang seperti itu berulang), saya berpendapat eloklah Tuan melantik Yazid sebagai pengganti tuan. Sekiranya sesuatu hal (kematian) berlaku ke atas diri tuan, maka Yazid akan menjadi tempat berlindung orang ramai. Kelak tidaklah akan berlaku pertumpahan darah atau sebarang kekacauan (di kalangan kaum Muslimin)."

"Siapakah yang akan membantuku di dalam usaha ini?" Tanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada al-Mughirah bin Syu'bah mahu tahu siapakah tokoh-tokoh yang akan membela baginda sekiranya baginda ditentang oleh orang ramai kerana melantik anak menjadi pengganti diri selaku khalifah.

Al-Mughirah bin Syu'bah dengan penuh yakin dan tegas menjawab, "Aku menjamin ketaatan rakyat Kufah kepada tuan dan Ziyad di Basrah. Adapun di daerah selain yang dua ini tidak akan ada seorang pun yang berani mencabar tuan."

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendengar jawapan daripada gabenor baginda bagi kota Kufah al-Mughirah bin Syu'bah yang bijaksana itu, maka baginda berkata kepada tokoh yang cerdik itu;

"Kini kembalilah ke jawatanmu."

Ziyad Bin Abihi Kurang Setuju

Untuk mendapat reaksi daripada seorang lagi gabenor baginda yang kuat iaitu Ziyad bin Abihi yang bertugas sebagai gabenor di kota Basrah sejak tahun 45 Hijrah/665 Masihi iaitu dua tahun terkemudian daripada al-Mughirah bin Syu'bah, yang oleh al-Mughirah bin Syu'bah dikatakan sekiranya Ziyad bin Abihi turut menyetujui perkara itu nescaya mudahlah urusan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam perkara ini telah menulis surat menerangkan perancangan baginda untuk melantik putera baginda Yazid sebagai Putera Mahkota seperti yang dicadangkan oleh al-Mughirah bin Syu'bah kepada baginda. Nampaknya lain pula reaksi Ziyad bin Abihi terhadap hasrat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini. Ziyad bin Abihi memberi

pandangannya yang nampak kurang bersetuju dengan hasrat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu, katanya;

"Wahai Amirul Mu'minin! Usahlah tuan tergesa-gesa untuk menjadikan putera tuan Yazid sebagai Putera Mahkota. Tuan pun tahu Yazid adalah seorang pemuda yang tidak memiliki kesungguhan di dalam bekerja dan sering benar memandang bena tak bena terhadap sesuatu urusan yang penting. Di samping itu dia juga sangat suka berburu binatang."

Ziyad bin Abihi menyebut kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bahawa putera baginda Yazid seorang yang gemar berburu adalah bertujuan untuk mengingatkan kepada baginda bahawa pada pandangan orang-orang Arab pada masa itu, berburu adalah suatu amalan yang tidak berfaedah dan menunjukkan penggemarnya seorang yang berakhlak rendah kerana suka menyeksa binatang.

Kemahuan Mu'awiyah Luntur Dengan Bantahan Ziyad

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendapat jawapan yang negatif daripada Ziyad bin Abihi, gabenor baginda di kota Basrah yang sangat baginda pandang tinggi berkaitan dengan rencana perlantikan Yazid sebagai Putera Mahkota, maka malaplah semangat baginda yang tadinya berapi-api untuk memahkotakan Yazid sebagai Putera Mahkota pada tahun 49 Hijrah/669 Masihi itu. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendiamkan soal perlantikan Putera Mahkota selama lima tahun iaitu sehinggalah Ziyad bin Abihi meninggal dunia pada tahun 54 Hijrah/673 Masihi. Manakala al-Mughirah bin Syu'bah telah meninggal dunia sebelum itu lagi iaitu pada tahun 51 Hijrah/670 Masihi.

Kematian Ziyad Menyemarak Semula Keinginan Mu'awiyah

Setelah Ziyad bin Abihi meninggal dunia dan tempatnya sebagai gabenor kota Basrah diganti oleh putera beliau yang bernama Ubaidullah bin Ziyad yang masih muda, barulah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan membuka semula lipatan hasrat yang telah tersimpan kemas di dalam peti hati baginda untuk melantik putera baginda Yazid sebagai Putera Mahkota. Baginda mahu menyuarakan semula hasrat itu kepada Ubaidullah bin Ziyad, gabenor di kota Basrah yang baginda baru lantik itu dan baginda yakin gabenor baru baginda ini sangat menyokong hasrat baginda untuk melantik orang yang baginda inginkan menjadi Putera Mahkota bakal menggantikan tempat baginda sebagai khalifah. Sebelum dilantik menjadi gabenor di kota Basrah, Ubaidullah adalah gabenor di Jazirah (Mesopotamia di utara negeri Iraq).

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menyuarakan semula hasrat hati baginda untuk melantik Yazid sebagai Putera Mahkota kepada gabenor kota Basrah Ubaidullah bin Ziyad yang muda itu, maka untuk menyatakan persetujuannya dan juga persetujuan seluruh penduduk Iraq, Ubaidullah bin

Ziyad telah menghantar satu rombongan yang terdiri daripada sepuluh orang selaku utusan kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang bersemayam di kota Damsyik bagi menyatakan kesetiaan yang tidak berbelah bagi gabenor dan seluruh penduduk Iraq di atas keinginan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk melantik putera baginda Yazid sebagai Putera Mahkota. Masalahnya hanya di Hijaz sahaja. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mahu menyelesaikan masalah di Hijaz iaitu penduduk kota Mekah dan kota Madinah yang tentunya mendapat tentangan yang hebat.

Langkah atau tindakan pertama yang diambil oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam usahanya untuk mendapat persetujuan daripada penduduk Hijaz ialah baginda meminta kepada gabenor di kota Madinah iaitu Marwan bin al-Hakkam supaya meminta semua penduduk kota Madinah agar bersedia memberi baiat mereka kepada Yazid sebagai Putera Mahkota. Baginda mengirim sepucuk surat kepada Marwan bin al-Hakkam bagi menyatakan perkara itu. Tetapi baginda tidak menyebut nama Yazid yang akan baginda lantik sebagai Putera Mahkota, hanya sekadar menyebut mahu melantik seorang Putera Mahkota sahaja. Surat baginda kepada Marwan bin al-Hakkam berbunyi;

"Wahai Marwan! Aku sekarang telah tua, dan seluruh tulang belulang di dalam tubuhku sudah longgar. Aku bimbang sekali setelah aku sudah tidak ada lagi di dunia ini, umat Islam akan berselisih faham dan bersengketa semula. Aku berpendapat lebih baik aku memilih untuk (memimpin) mereka (kaum Muslimin) seseorang yang akan menggantikan tempatku mulai sekarang. Cadanganku ini aku tidak suka memutuskan sebelum aku mendengar pandangan dan pendapat dari kamu sekalian. Oleh itu bawalah mereka bermesyuarat dan sampailah kepadaku keputusannya dengan segera."

Demikianlah bunyi surat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang memperkatakan tentang keinginan hati baginda untuk melantik seorang Putera Mahkota sebagai bakal pengganti baginda setelah baginda wafat kepada gabenor kota Madinah, Marwan bin al-Hakkam.

Setelah Marwan bin al-Hakkam membaca surat itu, beliau terus mengumpul semua penduduk kota Madinah meminta mereka mentaati kehendak Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang mahu melantik seorang Putera Mahkota menggantikan baginda nanti. Marwan bin al-Hakkam pun tidak menyebut nama bakal Putera Mahkota itu kerana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak menyebut siapa orangnya. Mendengar cadangan yang baik itu, semua penduduk kota Madinah bersetuju dengan hasrat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu.

Setelah Marwan bin al-Hakkam menerima maklum balas yang baik daripada seluruh penduduk kota Madinah, maka beliau terus menghantar jawapan kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Setelah Khalifah Mu'awiyah bin

Abu Sufyan mendapat tahu maklum balas yang menggembirakan baginda itu, maka baginda terus memaklumkan nama calon Putera Mahkota yang tidak lain daripada putera baginda sendiri Yazid.

Empat Tokoh Putera Sahabat Menentang Perlantikan

Setelah penduduk kota Madinah mendengar nama Yazid yang dicalonkan sebagai Putera Mahkota oleh ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan bakal menduduki kerusi khalifah setelah kewafatan ayahandanya nanti, maka marahlah mereka. Mereka dikepalai oleh empat orang putera sahabat terbaik iaitu putera Sayidina Ali bin Abu Talib, Sayidina Husein, putera az-Zubair bin al-Awwam iaitu Abdullah bin az-Zubair, putera Khalifah Umar bin al-Khattab iaitu Abdullah bin Umar dan putera Khalifah Abu Bakar as-Siddiq iaitu Abdul Rahman bin Abu Bakar.

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, saya rasa elok juga kita mengetahui usia keempat-empat mereka ini berbanding usia Yazid yang bakal dilantik menjadi Putera Mahkota. Memang keempat-empat putera sahabat terbaik itu merasa tersentuh apabila mengingatkan tentang soal usia apabila Yazid dicadangkan menduduki kerusi Putera Mahkota seterusnya khalifah sesudah ayahandanya Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Ketika itu tahun 54 Hijrah/673 Masihi. Sayidina Husein bin Ali dilahirkan pada tahun ke 4 Hijrah/627 Masihi bulan Syawwal 5 hari bulan. Jadi usia Sayidina Husein bin Ali ketika itu ialah 50 tahun. Abdullah bin az-Zubair dilahirkan pada 1 hijrah. Jadi usia Abdullah bin az-Zubair ketika itu ialah 54 tahun. Abdullah bin Umar dilahirkan pada tahun ke 3 kenabian. Jadi usia Abdullah bin Umar ketika itu ialah 64 tahun. Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq penyusun tidak menemui fakta kelahirannya. Tetapi memandangkan beliau adalah abang yang seibu sebapa kepada Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha yang lahir pada tahun 5 kenabian, dan beliau telah ikut berperang di Badar al-Kubra pada tahun ke 2 hijrah di pihak musyrikin Quraisy, maka dipercayai usia Abdul Rahman bin Abu Bakar ketika terjadi perang Badar al-Kubra ialah kira-kira 17 tahun. Ini mungkin sekali Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq dilahirkan pada tahun 2 sebelum kenabian ketika usia ayahnya Sayidina Abu Bakar as-Siddiq ialah 36 tahun. Jadi pada tahun 54 Hijrah/673 Masihi, usia Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq ialah 69 tahun. Iaitu sama tua dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sendiri.

Sedangkan Yazid bin Mu'awiyah ketika itu berusia 34 tahun. Bayangkan bagaimana perasaan keempat-empat orang tokoh putera terbaik sahabat Rasulullah s.a.w. dan mereka juga adalah sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka sekiranya Yazid yang muda dan bukan sahabat Rasulullah s.a.w. itu menjadi khalifah umat Islam?

Mereka berempat ini dengan disokong kuat oleh seluruh penduduk kota Madinah menyatakan bantahan mereka yang keras terhadap perlantikan Yazid sebagai Putera Mahkota seterusnya khalifah. Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq dengan lantang memekik kepada Marwan bin al-Hakkam;

"Bukan kebajikan yang kamu (ditujukan kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di negeri Syam) mahukan ke atas umat Muhammad, tetapi kamu mahu menerapkan sistem Herculis yang mana seorang Kaiser meninggal dunia, dilantik pula seorang Kaiser baru yang lain sebagai gantinya."

Kemudian bangun pula Sayidina Husein bin Ali dan seterusnya Abdullah bin az-Zubair menyokong kata-kata Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq itu.

Mu'awiyah Datang Ke Madinah Dan Memberi Ancaman

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendapat khabar bahawa empat putera sahabat terbaik telah menyatakan bantahan dan bangkangan mereka yang sangat keras terhadap perlantikan Yazid sebagai bakal khalifah dengan disokong oleh seluruh penduduk kota Madinah, maka baginda dengan hati yang gundah gulana segera datang ke kota Madinah untuk berjumpa dan membujuk keempat-empat putera sahabat-sahabat terbaik itu agar bersedia dan sudi memberi baiat mereka kepada putera baginda Yazid sebagai Putera Mahkota. Tetapi ketika baginda sampai di kota Madinah, baginda mendapat tahu bahawa keempat-empat tokoh pemuda pembangkang itu telah pun meninggalkan kota Madinah dan beredar ke kota Mekah. Tanpa membuang masa lagi Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah cepat-cepat mengekori mereka itu ke kota Mekah. Setelah berjumpa dengan keempat-empat mereka di sana, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus berusaha membujuk mereka itu dengan mengingatkan kepada mereka bahawa baginda selama menduduki kerusi khalifah hampir empat belas tahun telah berlaku baik dan berusaha menghubungi tali silaturrahim dengan mereka dan keluarga mereka meskipun mereka tetap membenci baginda.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus mendesak keempat-empat tokoh putera sahabat terbaik itu agar menyetujui perlantikan Yazid sebagai Putera Mahkota dengan menjelaskan tujuan baginda mengambil keputusan yang dibenci oleh keempat-empat mereka itu adalah demi untuk mengelak perpecahan di kalangan kaum Muslimin seperti yang telah terjadi pada zaman pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib. Abdullah bin az-Zubair menyarankan cadangannya kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan agar mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. dengan tidak menyatakan siapakah pengganti baginda. Atau sekurang-kurangnya mencontohi Khalifah Abu Bakar as-Siddiq yang menunjukkan penggantinya, tetapi bukan anggota keluarganya.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjawab, "Tidak ada lagi orang di

antara kita yang serupa Abu Bakar. Dan aku bimbang akan terjadi perselisihan di kalangan kamu seperti yang telah terjadi pada masa-masa yang lepas."

Tetapi Abdullah bin az-Zubair terus memberi saranannya bahawa kalau Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak mahu mencontohi Rasulullah s.a.w. dan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, wajarlah baginda mencontohi Khalifah Umar bin al-Khattab yang menunjukkan enam orang calon khalifah tidak termasuk anggota keluarganya.

Setelah melihat Abdullah bin az-Zubair seperti mahu memanjang-manjang masalah yang sulit itu, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada Abdullah bin az-Zubair, adakah dia masih ada cadangan lain selain daripada cadangan yang dikemukakannya itu? Abdullah bin az-Zubair menjawab, dia tidak ada lagi cadangan lain.

Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sudah tidak mahu bermuzakarah dengan Abdullah bin az-Zubair dan lain-lain tokoh terus membuat ancaman padahal baginda adalah terkenal seorang manusia yang mempunyai sifat 'hilm '(sangat kuat menahan marah, bahkan dia mengatakan dia sangat suka menelan perasaan marahnya kerana sangat lazat rasanya) itu telah merasa tidak dapat bersabar lagi menghadapi kerenah keempat-empat anak sahabat terbaik itu. Dengan nada suara penuh emosi marah, barangkali bercampur sedikit-sedikit yang dibuat-buatnya, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berkata kepada keempat-empat putera sahabat terbaik itu;

"Aku pernah berpidato di hadapan kamu semua, lalu seorang di antara kamu berdiri dan mendustakan aku di hadapan orang ramai, namun aku masih memaafkannya. Kini aku berdiri di hadapan kamu semua untuk mengucapkan sepatah kata, dan aku bersumpah atas nama Allah bahawa kalau ada salah seorang di antara kamu mengucapkan suatu perkataan berbentuk menentang terhadap keinginanku di sini, nescaya pedang kami akan memenggal lehernya sebelum ia sempat mengucapkan perkataan seterusnya. Kerana itu setiap seorang di antara kamu hendaklah menjaga keselamatan diri masing-masing."

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memanggil ketua pengawal baginda, setelah berdiri di hadapannya, lantas baginda mengarahkan kepadanya, "Sediakan untuk setiap mereka itu (Husein, Ibnuz Zubair, Ibnu Umar dan Abdul Rahman bin Abu Bakar) dua orang pengawal dengan pedang telanjang di tangan. Sekiranya didapati ada di antara mereka yang memotong percakapan saya ketika saya sedang berpidato, tidak kira kerana untuk menyatakan bersetuju atau menentang, maka (salah seorang) pengawal itu hendaklah memenggal leher orang itu."

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan meninggalkan mereka dan terus berjalan menuju ke mimbar Masjidil Haram untuk berpidato. Manakala keempat-empat tokoh putera terbaik sahabat terbaik itu telah dibawa ke tempat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang akan berpidato itu dengan dikawal

rapi oleh dua bilah pedang telanjang di belakang kepala masing-masing.

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang berdiri di atas mimbar Masjidil Haram memulakan dengan memuji-muji Allah dan membaca selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., kemudian baginda terus berpidato yang ditujukan kepada seluruh penduduk kota Mekah, katanya;

"Wahai kaum Muslimin semua! (sambil menunjukkan kepada keempat-empat tokoh putera sahabat-sahabat terbaik itu) mereka ini adalah pemimpin-pemimpin kaum Muslimin dan orang-orang yang terbaik. Tidak ada urusan dapat berlangsung tanpa ikut sertanya mereka, dan tidak ada satu pekerjaan pun yang dapat dilaksanakan tanpa bermesyuarat dengan mereka terlebih dahulu. Mereka semua telah rela dan telah memberi baiat kepada Yazid. Kerana itu sekarang ucapkan pula pembaiatan kamu atas nama Allah (kepada Yazid)."

Setelah semua penduduk kota Mekah mendengar kata-kata Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang menegaskan kesemua keempat-empat tokoh putera sahabat-sahabat terbaik telah memberi baiat mereka kepada Yazid sebagai Putera Mahkota meskipun mereka melihat keempat-empat putera sahabat terbaik itu digalang batang leher mereka dengan dua bilah pedang, maka mereka dengan rasa terpaksa dan sebahagiannya rela menyuarakan persetujuan mereka untuk memberi baiat kepada Yazid sebagai Putera Mahkota yang merupakan bakal khalifah umat Islam selepas kewafatan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Setelah itu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pulang semula ke negeri Syam dengan hati yang lega.

Pembaiatan Yazid sebagai Putera Mahkota telah berjalan selama enam tahun.

Mu'awiyah Wafat

❖ Wasiat Kepada Yazid

Setelah memerintah selama kira-kira 19 tahun lebih selaku khalifah pertama kerajaan bani Umayyah yang didiri atau diasaskan olehnya sendiri iaitu bermula pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi sampailah ke tahun 60 Hijrah/679 Masihi, maka wafatlah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ketika baginda berusia 74 tahun. Baginda wafat dalam bulan Rejab dan meninggalkan jasa yang tidak ternilai kepada agama Islam dan umatnya terutama umat-umat generasi yang akan datang.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan mula menjadi khalifah ketika berusia 55 tahun.

Sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memberi wasiat baginda kepada putera baginda Yazid yang merupakan Putera Mahkota.

Dalam hal ini terdapat dua versi riwayat dari ahli-ahli sejarah Islam klasik

yang terkemuka. Imam at-Tabari di dalam kitabnya Tarikhul Khulafa' menulis bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menyampaikan wasiatnya kepada puteranya Yazid ketika Yazid ada di samping baginda. Tetapi riwayat daripada Hisyam dari Abu Awanah mengatakan ketika itu Yazid tidak ada di dalam kota. Wasiat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan disampaikan oleh dua orang lain kepada Yazid.

Sekarang marilah kita ikuti kedua-dua versi wasiat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada putera baginda Putera Mahkota Yazid.

Versi yang pertama oleh Imam at-Tabari.

Ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sedang sakit tenat, baginda memanggil putera baginda Yazid dan berkata kepadanya;

"Wahai puteraku Yazid! Aku telah berusaha sepuas hati melakukan perjalanan dan berpindah-pindah (dari satu tempat ke satu tempat yang lain) untukmu. Aku telah mengalahkan musuh-musuh untukmu. Aku juga telah menakluk Jazirah Arab untukmu. Aku himpun mereka ke dalam satu kesatuan untukmu. Aku tidak merasa bimbang ada orang yang akan menentangmu untuk menduduki jawatan ini kecuali empat orang dari bangsa Quraisy; iaitu Husein bin Ali, Abdullah bin Umar, Abdullah bin az-Zubair dan Abdul Rahman bin Abu Bakar....."

"Adapun Abdullah bin Umar adalah orang yang mencurahkan hidupnya kepada ibadat. Sekiranya tinggal dia seorang sahaja yang belum memberi baiat, maka ia akan segera membaiatmu. Adapun Husein bin Ali, sesungguhnya penduduk Iraq tidak akan membiarkannya hingga mereka menyuruhnya melawanmu. Sekiranya engkau dapat mengalahkannya, hendaklah kau beri ampun kepadanya. Adapun Abdul Rahman bin Abu Bakar adalah seorang yang suka meniru perilaku para sahabatnya. Ia seorang besar yang kau patut kagumi hari ini atau besok. Ia mempunyai minat yang besar terhadap perempuan dan permainan. Adapun Abdullah bin az-Zubair, ia cerdik buruk seperti serigala. Ia akan menerkammu meskipun kau ada kesempatan untuk meloncat. Jika ia menentangmu dan kau dapat menangkapnya, maka cincanglah (kekuatan) dia."

Di bahagian terakhir ini, ada ahli sejarah Islam yang menulis maka cincanglah tubuhnya halus-halus." (sila rujuk Kisah Kelakar Tokoh Silam (1) ms 58).

Padahal sebenarnya bukan begitu wasiat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada putera baginda Yazid. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang sahabat Nabi yang mulia. Beliau tidak pernah mahu membunuh sesama Islam, melainkan kerana sangat terpaksa.

Versi yang kedua ialah yang diriwayatkan oleh seorang yang disebut bernama Hisyam. Penyusun percaya Hisyam yang dimaksudkan itu ialah Hisyam bin Urwah bin az-Zubair bin al-Awwam. Sebab Urwah bin az-Zubair

adalah seorang ahli sejarah Islam terbesar di peringkat tabiin bersama-sama Musa bin Uqbah. Biarpun riwayat ini Hisyam ambil atau terima dari seorang tokoh sejarah yang bernama Abu Awanah. Lihat jalan ceritanya:-

"Ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berada di dalam sakit yang membawa kematiannya, iaitu pada tahun 60 Hijrah/679 Masihi, Yazid tidak ada di sisi baginda. Maka baginda memanggil adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri iaitu pengawal peribadi baginda dan Muslim bin Uqbah al-Mirri. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berwasiat kepada keduanya;

"Tolong kamu berdua sampaikan wasiatku ini kepada Yazid. Berilah perhatian kepada penduduk Hijaz, kerana mereka adalah asal keturunanmu. Sesiapa sahaja dari kalangan mereka yang datang kepadamu, hendaklah engkau muliakan. Dan sesiapa yang enggan memberi sokongan kepadamu, pujuklah mereka. Begitu juga hendaklah engkau memberi perhatian yang berat kepada penduduk Iraq. Sekiranya mereka mahu engkau menyingkir mana-mana pegawai (gabenor) engkau di sana setiap hari, hendaklah engkau turuti kemahuan mereka. Sesungguhnya menyingkir seorang pegawai (gabenor) setiap hari lebih mudah daripada seratus ribu bilah pedang yang dihunuskan kepadamu. Kerana kita tidak mengetahui siapakah yang akan menerima akibatnya. Dan hendaklah engkau memberi perhatian kepada penduduk Syam dan jadikanlah mereka kakitangan dan orang kepercayaanmu........"

"Sekiranya engkau mendapat perlawanan dari musuhmu, hendaklah engkau minta bantuan mereka. Sekiranya engkau dapat mengalahkan mereka (musuhmu), suruhlah penduduk Syam meninggalkan negerinya (musuh). Kerana mereka (orang-orang Syam) sekiranya berdiam di luar negerinya, mereka akan berkelakuan tidak sesuai dengan kelakuan mereka yang sebenarnya...."

"Aku tidak bimbang terhadap tentangan orang-orang Quraisy (terhadapmu) melainkan oleh tiga orang sahaja iaitu Husein bin Ali, Abdullah bin Umar dan Abdullah bin az-Zubair. Sesungguhnya Abdullah bin Umar adalah orang yang menghempaskan jiwanya untuk agamanya, sehingga tidak berhasrat sedikitpun untuk menentangmu. Adapun Husein bin Ali, ia adalah seorang yang lemah lembut. Aku mengharapkan Allah mencukupkan bagimu dengan orang yang telah membunuh ayahnya, dan menghina saudaranya (dengan diracun, maka tak usah lagi engkau membunuhnya). Kerana ia mempunyai ikatan kekeluargaan yang sangat kuat, hak yang agung, dan kekerabatan dengan Nabi Muhammad s.a.w. Aku tidak mengira penduduk Iraq akan membiarkannya duduk diam, melainkan mereka menyuruhnya untuk tampil keluar. Sekiranya engkau berjaya mengalahkannya, berdamailah dengannya. Kerana seandainya aku adalah orang yang mengalahkannya, aku akan memaafkannya..."

"Adapun Abdullah bin az-Zubair, ia adalah seorang penipu yang dapat mencengkam dengan kuat. Sekiranya engkau mempunyai seorang orang yang

dapat dipercayai, suruhlah ia untuk tinggal dengannya. Pastikan ia berdamai denganmu. Sekiranya ia mahu melakukan hal itu, maka terimalah keinginannya. Jagalah darah kaummu sekuasamu agar tidak tertumpah."

Penyusun lebih dapat menerima wasiat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tentang Abdullah bin az-Zubair sebagaimana yang diriwayatkan dari Abu Awanah oleh Hisyam bin Urwah ini, kerana sesuai dengan sifat-sifat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang penyabar, tidak pendendam dan berpengasihan belas kepada sesama manusia. Wajar dan munasabah sekali Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memberi wasiat kepada putera baginda dengan wasiat yang mulia dan terpuji, bukan wasiat yang bersifat mahu membalas dendam dan menyeksa seperti wasiat baginda yang dikatakan terhadap Abdullah bin az-Zubair.

Penyusun percaya wasiat yang dikatakan telah dibuat oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Abu Sufyan kepada puteranya Yazid yang menyuruh Yazid mencincang mayat Ibnuz Zubair sekiranya beliau dapat menangkapnya, itu adalah rekaan pencerita yang membenci kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Yang pastinya pencerita itu adalah datangnya dari penganut aliran Syiah yang ekstrem.

Ini adalah penilaian yang dibuat oleh penyusun yang serba hina dan amat cetek pengetahuannya di dalam apa-apa bidang ilmu khasnya ilmu yang sedang dibicarakan ini.

Demikianlah kisah wasiat yang diberikan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada putera baginda Yazid bakal khalifah sesudah baginda di saat-saat baginda sedang berada di dalam sakaratul maut.

Ada satu lagi riwayat iaitu riwayat yang ketiga yang mengatakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak sempat berwasiat kepada putera baginda Yazid ketika baginda akan wafat. Ini kerana kebetulan ketika itu Yazid tidak ada di dalam kota Damsyik. Yazid hanya sampai di kota Damsyik setelah ayahandanya selesai di kebumikan. Yazid menunaikan sembahyang jenazah dan kemudian berdoa untuk kesejahteraan ayahandanya. Penyusun berpendapat ini adalah lanjutan dari kisah Hisyam bin Urwah yang diterimanya dari Abu Awanah.

Hanya Allah SWT sahaja yang lebih mengetahui duduk cerita yang sebenarnya.

Memperkatakan tentang kekayaan yang dimiliki oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan selama baginda menjadi khalifah, apakah baginda ada mengumpul kekayaan yang banyak untuk para isteri dan anak-anak baginda, setakat ini penyusun masih belum lagi menemui kenyataan-kenyataan atau riwayat yang memperkatakan tentang itu kerana kelemahan dan kekurangan penyusun di dalam membuat pembacaan dan pemeriksaan di dalam kitab-kitab

dan buku-buku sejarah Islam. Tetapi penyusun percaya, orang semacam Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sangat dermawan sukar untuk mengumpul kekayaan. Penyusun percaya Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat tanpa meninggalkan sebarang harta kekayaan kepada ahli keluarga baginda. Apa yang baginda tinggalkan ialah kemuliaan budi pekertinya yang tidak ada tolak bandingan dengan semua orang pada masanya dan kecerdikan, kepintaran serta kebijaksanaan akalnya yang juga tidak ada tolak bandingan di seluruh Tanah Arab. Dan kerajaan kepada putera baginda Yazid.

Keluarga Mu'awiyah

❖ Empat Orang Isteri Tapi Tak Ramai Anak

Sebagaimana kebanyakan orang-orang Arab yang lain terutama orang-orang besar atau para pemerintah, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga beristeri lebih daripada seorang. Dikatakan baginda mempunyai seramai empat orang isteri. Cukup-cukup empat orang. Bukan sebagaimana kebanyakan para khalifah yang lain sama ada dari kalangan Khalifah Irrasyidin dan juga sebahagian khalifah bani Umayyah yang berkahwin lebih daripada empat orang perempuan (bukan dalam satu masa dan dikecualikan Khalifah Umar bin Abdul Aziz). Marilah lihat sedikit kisah tentang isteri-isteri dan anak-anak baginda.

1. Maisun Binti Bahdal Al-Kalbiyyah

Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah adalah isteri Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang pertama dan tentunya ketika dikahwini baginda masih lagi muda remaja. Diriwayatkan bahawa Maisun al-Kalbiyyah sangat tidak menyukai kehidupan di istana yang penuh dengan kemewahan. Kerana beliau dilahir, dibesarkan dan dididik di desa badwi secara hidup kasar dan bersahaja. Tetapi kerana beliau cinta kepada suaminya, beliau menahan hati sehingga memakan waktu yang agak lama.

Setelah berkahwin dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertahun-tahun lamanya, Maisun binti Bahdal tidak mengandung. Entahlah apakah sebabnya. Tetapi setelah sekian lama masa berlalu, beliau mengandung juga. Puteranya Yazid inilah. Maisun tidak melahirkan seorang anak kecuali Yazid seorang sahaja.

Maisun sangat cantik dan sangat pintar. Begitu pula dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Setelah beliau melahirkan Yazid, beliau baru meluahkan perasaan hatinya yang tidak betah tinggal di dalam istana yang serba mewah melalui bait-bait syair yang didendangkannya. Syair-syairnya itu dialunkannya pada waktu malam secara sembunyi-sembunyi. Isinya mengandungi kalimah-kalimah yang menyatakan dia tidak suka kepada kehidupan di kota, malah kehidupan mewah di dalam istana amat membosankannya.

Marilah kita lihat rangkapan-rangkapan syair yang didendangkan oleh Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah yang turut didengar oleh dayang-dayang atau jariah-jariah istana dari tempat yang terselindung:-

Sungguh sebuah rumah yang bergelora dalam jiwaku

Lebih aku senangi daripada istana yang megah indah

Memakai pakaian tebal longgar tapi hati tenang tenteram

Lebih aku senangi daripada pakaian halus yang tembus pandangan

Orang bodoh dan kurus dari putera-putera pamanku

Lebih aku senangi daripada orang gemok, tegap dan gagah banyak minum

Tidak ada yang dapat melupakan cintaku terhadap kampong halamanku

Cukuplah bagi kampong itu sebagai tempat tinggal yang agung

Kerana sangat cinta dan sayang serta kasihan kepada isteri baginda ini, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menceraikannya dan kemudian menghantar isteri baginda ini pulang ke desanya di perkampungan badwi bani Kalbi setelah diberi hadiah dan wang yang banyak.

Harus difahami kata-kata Maisun binti Bahdal dalam syairnya; *Lebih aku senangi daripada orang gemok, tegap dan gagah banyak minum,* ialah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang suka minum nabiz, bukan minum minuman keras seperti yang ditulis oleh para penulis sejarah para khalifah terutama yang banyak berlaku di kalangan para khalifah bani Abbasiyyah. Dalam mazhab Hanafi, minuman nabiz (air rendaman buah korma selama semalam dua malam yang tidak memabukkan) adalah halal.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan asalnya adalah seorang yang berbadan tegap, kemas dan gagah. Tetapi setelah berumur dan kuat makan dan minum, baginda menjadi gemuk dan perutnya buncit. Sehingga di akhir-akhir usianya, diriwayatkan apabila baginda memberi khutbah pada hari Jumaat, baginda melakukannya sambil duduk di atas mimbar kerana tidak tahan berdiri lama.

Yazid dilahirkan di perkampungan badwi suku Kalbi itu. Di sana Yazid telah membesar dan dididik oleh ibunya dengan kefasihan, cintakan syair dan keberanian. Sebab itu Yazid setelah dewasa, amat menggemari corak kehidupan kaum badwi seperti berburu binatang dan bersyair. Inilah sahaja anak Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang lahir daripada isteri pertama baginda Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah. Tetapi ada riwayat lain yang mengatakan bahawa Yazid dilahirkan di istana ayahandanya di kota Damsyik.

Selain sangat cantik dan sangat pintar, Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah adalah seorang perempuan badwi yang dapat membaca nasib melalui tanda-tanda di badan seseorang seperti tahi lalat.

2. Na'ilah binti Umarah al-Kalbiyyah

Na'ilah binti Umarah al-Kabiyyah adalah isteri Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang kedua. Baginda mengahwini Na'ilah ketika baginda masih beristerikan Maisun al-Kalbiyyah. Ternyata perempuan ini juga adalah datang dari suku yang sama dengan Maisun. Tetapi Mu'awiyah bin Abu Sufyan berkahwin dengan Na'ilah binti Umarah ini hanya sekejap sahaja. Tidak sempat mendapat anak. Ini adalah kerana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menceraikannya setelah baru sahaja menikahinya bukan di atas sebab-sebab yang munasabah, tidak berkelahi dan tidak pula kerana masalah di pihak keluarga isteri. Hanya semata-mata disebabkan pandangan isteri pertama baginda Maisun binti Bahdal al-Kilabiyyah terhadap perempuan ini.

Apakah pandangan Maisun binti Bahdal al-Kilabiyyah itu?

Diriwayatkan pada suatu hari, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah meminta isteri pertamanya Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah supaya melihat isteri keduanya yang baru dinikahinya itu. Setelah Maisun masuk ke tempat Na'ilah al-Kalbiyyah dan memeriksa seluruh bahagian badan madunya itu (kecuali bahagian sulitnya), dilihatnya ada sebiji tahi lalat terletak di bawah pusat Na'ilah. Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah mengetahui firasat tentang kedudukan tahi lalat di badan seseorang. Setelah dia mengadap suaminya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Khalifah Mu'awiyah bertanya pendapatnya tentang Na'ilah;

"Dia memang seorang perempuan yang sungguh cantik, tetapi ada sesuatu yang tidak kena pada dirinya," beritahu Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah kepada suaminya itu.

"Apa dia itu?" Tanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ingin tahu.

"Aku lihat di bawah pusatnya ada satu tanda. Aku berpendapat suami wanita ini akan mati dibunuh dan kepalanya akan dicampakkan ke atas ribanya," jelas Maisun yang menyebabkan hati Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi kecut dan kulit badannya menjadi seram sejuk.

Sesungguhnya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan merasa amat ngeri mendengar perkara itu. Kerana sangat takut perkara yang sangat ngeri itu terjadi ke atas dirinya, lantas baginda terus menceraikan Na'ilah binti Umarah al-Kalbiyyah sebelum sempat bersama. Setelah itu datang pula Habib bin Muslamah mengahwini Na'ilah binti Umarah al-Kalbiyyah, tetapi tidak lama bersama dan mereka bercerai. Lalu Nu'man bin Basir, seorang sahabat Nabi dari kaum Ansar mengahwininya. Rasulullah s.a.w. ada menyebut bahawa Nu'man bin Basir akan mati syahid. Memang ternyata benar seperti yang dikatakan oleh Maisun. Ketika Nu'man bin Basir dibunuh oleh al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, kepalanya dicampak ke atas pangkuan (riba) Na'ilah bin Umarah al-Kalbiyyah.

3. Fakhitah binti Qirdhah

Dia adalah isteri Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang ketiga. Sebagaimana Maisun binti Bahdal al-Kilabiyyah, Fakhitah binti Qirdhah juga adalah seorang perempuan yang sangat cantik, cerdik dan pintar. Hasil dari perkahwinannya dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Fakhitah telah dikurniakan dua orang putera iaitu Abdul Rahman dan Abdullah. Perkahwinan beliau dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak bertahan lama kerana Khalifah Mu'awiyah kemudiannya telah menceraikannya kerana baginda mahu mengahwini saudara perempuan Fakhitah yang baginda jatuh cinta setelah terpandang kepadanya.

4. Kinwah binti Qirdhah

Beliau adalah isteri Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang keempat dan merupakan saudara perempuan kepada Fakhitah binti Qirdhah. Nampaknya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mudah tertarik hati atau jatuh cinta kepada kaum kerabat isteri pertama dan isteri ketiga baginda. Oleh kerana baginda sangat mencintai Kinwah binti Qirdhah, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terpaksa menceraikan Fakhitah binti Qirdhah agar baginda dapat mengahwini Kinwah. Ini adalah kerana hukum agama Islam tidak membenarkan seseorang Muslim mengahwini dua bersaudara atau dua beradik dalam satu masa. Pernah Abu Sufyan bin Harb setelah memeluk agama Islam meminta kepada Rasulullah s.a.w. supaya mengahwini seorang lagi puterinya yang bernama Izzah. Tetapi Rasulullah s.a.w. memberitahu kepada Abu Sufyan bahawa Islam tidak membenarkan dua beradik dihimpunkan oleh seorang suami dalam satu masa dan tidak pula dikhususkan kepada baginda sebagaimana berkahwin lebih dari empat orang dalam satu masa.

Perkara yang dilakukan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini pernah juga terjadi kepada Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib. Kerana mahu mengahwini Ummu Kalthum binti Ali bin Abu Talib yang telah kematian suami (suaminya Khalifah Umar bin al-Khattab yang mati kerana dibunuh), beliau telah menceraikan isterinya Zainab binti Ali bin Abu Talib, kekanda Ummu Kalthum.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak memperolehi anak dari perkahwinannya dengan Kinwah binti Qirdhah ini.

Demikianlah kisah isteri-isteri Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sekarang marilah kita lihat bagaimana kisah anak-anak baginda pula.

Anak-Anak

Hasil daripada perkahwinan dengan empat orang isteri, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memperolehi seramai tiga orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Anak-anak baginda itu ialah Yazid, Abdul Rahman, Abdullah

dan Hindun. Daripada keempat-empat isteri baginda, yang melahirkan anak untuk baginda hanyalah dua orang sahaja iaitu Maisun isteri pertama, dan Fakhitah binti Qirdhah, isteri ketiga. Manakala isteri kedua Na'ilah binti Umarah al-Kalbiyyah dan isteri keempat Kinawah binti Qardhah tidak sempat memberi zuriat mungkin kerana mereka tidak lama bersama Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Manakala anak perempuan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang bernama Hindun telah dikahwini oleh Abdullah bin Amir bin Kuraiz bin Rabiah bin Hubaib bin Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai. Ibu Hindun ialah Maisun binti Bahdal al-Kilabiyyah.

Riwayat yang lain mengatakan bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan masih mempunyai anak perempuan yang bernama Ramlah. Setelah dewasa Ramlah telah berkahwin dengan putera Khalifah Uthman bin Affan yang bernama Amru. Hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui duduk perkara yang sebenarnya.

Jelas bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak mengikut jejak langkah ayahnya Abu Sufyan bin Harb di dalam memiliki anak-anak. Abu Sufyan bin Harb mempunyai anak yang ramai iaitu seramai dua belas orang. Enam lelaki dan enam perempuan.

Kita lihat bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mempunyai isteri seramai empat orang, tetapi tiga diceraikannya, tinggal Kinwah binti Qirdhah seorang sahaja iaitu isteri keempatnya. Apakah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak memenuhkan kuatanya setelah tiga isterinya diceraikan?

Penyusun masih belum menemui maklumat apakah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan masih mempunyai isteri-isteri, jariah-jariah dan anak-anak selain dari yang telah disebutkan di atas.

KELEBIHAN DIRI MU'AWIYAH

Beberapa Sifat Jarang Terdapat Pada Sahabat Lain

Sesungguhnya Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang insan yang mempunyai banyak kelebihan dan mempunyai beberapa sifat yang jarang terdapat pada diri insan-insan (sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w.) yang lain. Marilah kita lihat kelebihan-kelebihan dan sifat-sifat istimewa yang menjadi ciri-ciri keperibadian Mu'awiyah bin Abu Sufyan, sahabat Rasulullah s.a.w. yang unggul ini:-

Pertama, Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah salah seorang ipar Rasulullah s.a.w. Di kalangan para sahabat Nabi, hanya beberapa orang sahaja yang ditakdirkan menjadi ipar Nabi termasuklah Abdullah bin Umar dan Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq.

Kedua, Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah salah seorang penulis wahyu Rasulullah s.a.w. Seramai-ramai sahabat Rasulullah s.a.w., hanya kira-kira 23 orang sahaja yang dilantik oleh Rasulullah s.a.w. menjadi penulis wahyu yang diturunkan kepada baginda. Dan daripada seramai-ramai orang-orang Quraisy yang memeluk agama Islam pada hari Futh Mekah tahun ke 8 hijrah, hanya Mu'awiyah bin Abu Sufyan seorang sahaja yang dipilih oleh Rasulullah s.a.w. untuk dijadikan penulis wahyu baginda.

Ketiga, Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah orang yang pertama dilantik menduduki kerusi gabenor yang digabungkan. Perkara ini terjadi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Pada mulanya gabenor bagi kota Damsyik ialah Yazid bin Abu Sufyan, abang kepada Mu'awiyah, dan Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah gabenor bagi kota Jordan. Tetapi setelah Yazid wafat kerana serangan taun, maka Khalifah Umar bin al-Khattab telah melantik Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi gabenor bagi kota Damsyik dan mengekalkannya sebagai gabenor di kota Jordan. Pada zaman Khalifah Uthman bin Affan, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah diperluaskan kuasanya dengan melantiknya menjadi gabenor bagi seluruh negeri Syam.

Keempat, Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah gabenor Khalifah Umar bin a-Khattab yang mendapat gaji yang paling mahal. Gaji beliau selaku gabenor di

kota Jordan dan di kota Damsyik ialah sebanyak 1,000 dinar sebulan.

Kelima, Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah tokoh yang paling berkemampuan menarik kasih sayang rakyat kepada dirinya. Ini terjadi ketika beliau menjadi gabenor negeri Syam.

Keenam, Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang yang berjaya menyatukan umat Islam yang sedang berpecah dan ketika beliau dilantik sebagai khalifah, tahun itu dinamakan Tahun Peryatuan.

Ketujuh, Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah dimarah oleh Khalifah Umar bin a-Khattab, dan Khalifah Umar bin al-Khattab tidak pernah menghukumnya apatah lagi untuk memecatnya.

Kelapan, Mu'awiyah bin Abu Sufyan satu-satunya orang yang disebut-sebut oleh Khalifah Umar bin al-Khattab sebagai sangat layak untuk menduduki kerusi khalifah. Begitu juga Abdullah bin Abbas menganggap Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai orang yang paling berkelayakan untuk menjadi khalifah.

Inilah lapan fakta yang memperlihatkan kelebihan yang terdapat pada diri Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang berupa kenyataan-kenyataan di dalam hidupnya. Kini marilah kita lihat pula fakta-fakta berupa pengakuan oleh orang-orang ternama yang memperkatakan tentang kelebihan yang terdapat pada diri Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Seorang ulama' tabiin terkenal dari negeri Khurasan bernama Abdullah bin al-Mubarak pernah ditanya orang siapakah yang lebih utama darjatnya di sisi Islam di antara Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Beliau menjawab;

"Debu-debu yang melekat pada hidung dan badan kuda yang ditunggang oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan ketika beliau berjihad di jalan Allah bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w. adalah lebih baik daripada batang tubuh Umar bin Abdul Aziz."

Demikianlah kelebihan yang terdapat pada diri Mu'awiyah bin Abu Sufyan, tokoh sahabat Nabi yang sering menjadi bahan cemohan khasnya oleh kalangan kaum Syiah sama ada sebelum beliau dilantik menjadi khalifah atau sesudahnya. Namun terdapat juga mereka yang mengaku dari kalangan golongan Ahlis Sunnah wal Jamaah yang mencemoh Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan.

Ilmu Dan Ibadat Mu'awiyah bin Abu Sufyan

❖ Termasuk Sahabat Nabi Yang Alim Dan Salih

Mungkin ada orang yang bertanya, apakah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang alim dan pandai di dalam persoalan-persoalan agama dan hukum hakam? Ya, Mu'awiyah bin Abu Sufyan

adalah seorang sahabat Nabi yang alim dan pandai di dalam persoalan hukum hakam. Beliau adalah salah seorang sahabat Nabi yang termasuk ke dalam senarai kategori kedua para sahabat Nabi yang paling banyak memberi atau mengeluarkan fatwa tentang hukum hakam kerana sangat pandainya mereka di dalam ilmu-ilmu al-Qur'an dan sunnah Nabi (hadis-hadis). Golongan di peringkat pertama terdiri daripada tujuh orang sahabat sahaja. Manakala golongan atau peringkat ketiga seramai kira-kira 120 orang **(rujuk buku Sejarah Dan pengantar Ilmu Hadis - Prof Hasbi as-Siddiqie ms 269-270).**

Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga termasuk salah seorang sahabat yang telah meriwayat hadis-hadis daripada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain seperti daripada Sayidina Abu Bakar as-Siddiq, Sayidina Umar bin al-Khattab, Sayidina Uthman bin Affan, daripada kekanda beliau Ummul Mu'minin Sayidatina Ummu Habibah binti Abu Sufyan yang merupakan isteri Rasulullah s.a.w. dan lain-lain sahabat. Manakala hadis-hadis riwayat beliau pula diriwayatkan oleh sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. seperti Abdullah bin Abbas, Abdullah bin az-Zubair, Mu'awiyah bin Khudaij dan lain-lain dan oleh para tabiin seperti Marwan bin al-Hakkam, Said bin al-Musaiyyab dan lain-lain.

Para sahabat Nabi yang tergolong ke dalam senarai dua puluh orang sahabat di peringkat kedua paling banyak mengeluarkan fatwa adalah merupakan kumpulan para sahabat yang amat tinggi kedudukan mereka di kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w.

Seorang Yang Kuat Beribadat

Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga adalah termasuk salah seorang sahabat Nabi yang salih dan kuat beribadat. Oleh kerana beliau sangat cenderong di dalam bidang politik, maka beliau tahu tentu beliau akan banyak terlibat di dalam perbuatan dosa kerana bidang politik adalah bidang perebutan kuasa dan bidang perampasan kuasa. Jadi sesiapa yang ingin berkuasa, dia mestilah berusaha untuk mencapai kedudukan itu. Kalau tidak dia hanya bercita-cita sahaja seperti punggu rindukan bulan. Oleh itu di dalam perebutan kuasa, tidak dapat dielakkan terjadi perkara-perkara yang tidak diingini oleh agama seperti pembunuhan, penipuan dan sebagainya.

Kerana menyedari perkara ini diriwayatkan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan pernah berkata sebagai falsafah tentang cara beliau beramal selaku seorang ahli politik, "Aku sentiasa meneliti agar dosa-dosaku jangan melebihi daripada amal kebaikanku......."

Lebih jelas lagi kata-kata Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini dapat diertikan bahawa beliau yang sudah pasti akan bergelumang dengan perbuatan dosa kerana terlibat di dalam bidang politik tidak akan dapat mengelak diri daripada tidak melakukan perbuatan jahat meskipun dia bersungguh-sungguh mahu mengelakkan diri dari melakukan amalan-amalan tersebut dan berusaha sedaya

upaya untuk melakukan amalan-amalan yang baik. Beliau mengharapkan agar beliau dapat melakukan amal-amal salih melebihi amal-amal buruk kerana beliau amat menyedari bahawa di dalam al-Qur'an Allah ada menjelaskan amalan yang baik itu dapat menghapuskan amalan yang buruk. Kerana menyedari keselamatan seseorang manusia itu di akhirat bergantung kepada amalan baiknya melebihi amalan jahatnya, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan sentiasa mengira-ngira agar dia lebih banyak melakukan amal kebaikan berbanding amal kejahatan.

Di antara amalan-amalan salih yang masyhur banyak dilakukan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah bersedekah, sembahyang sunat siang dan malam, membaca al-Qur'an, berjihad fi sabilillah dan berakhlak mulia.

Manakala amalan buruk atau jahat yang sukar dielakkan oleh beliau daripada tidak melakukannya terutama ketika beliau sudah menjadi khalifah ialah perbuatan membunuh musuh politik.

Sedangkan kejahatan-kejahatan lain Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak ada melakukannya kerana beliau tidak pernah merancang untuk melakukan kejahatan. Tetapi apabila menceburi bidang politik, tindakan membunuh lawan politik sukar dielakkan.

Tidak ada riwayat daripada para sejarwan Islam yang menyentuh tentang ibadat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan seperti berapa rakaat beliau mengerjakan sembahyang tahajjud, dhuha, berapa hari beliau berpuasa sunat dalam sebulan, berapa kali beliau mengkhatam al-al-Qur'an dalam setahun. Cuma ahli-ahli sejarah Islam menyebut bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan banyak membuat amal kebajikan terutama berjihad, beribadat sunat, membaca al-Qur'an, berakhlak mulia dan memberi sedekah.

Beberapa Sifat-sifat Mulia Berkaitan Peribadi Mu'awiyah

❖ Mu'awiyah Banyak Memiliki Sifat-Sifat Mulia Dan Utama

Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang sangat berwibawa kerana memiliki banyak sifat mulia dan utama yang tidak dimiliki oleh kebanyakan orang lain. Sifat-sifat yang dimaksudkan yang menjadi sifat-sifat peribadi Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah sabar, berani, hebat, sangat kuat daya ingatan, berpengaruh, alim, pintar, seorang pahlawan, memiliki kecerdikan, kebijaksanaan, kedermawan, pemaaf, tidak pendendam, sangat menahan marah dan sangat mencintai keturunan bani Hasyim dan anggota Ahlil Bait. Sungguhpun tidak dinafikan terdapat beberapa sifat Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang terdapat juga pada diri beberapa orang sahabat Rasulullah s.a.w. yang lain, tetapi kerana Mu'awiyah bin Abu Sufyan memberkaskan kesemua sifat-sifat yang mulia dan utama itu pada dirinya, terutama sifat dapat menahan marah dan bijaksana, maka dia dilihat sebagai seorang yang memiliki sifat-sifat yang luar biasa sekali yang melayakkan dirinya untuk menjadi manusia besar

dunia.

Sekarang marilah kita lihat beberapa sifat Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang terkenal yang mana beliau telah berusaha untuk mengukuhkan kedudukannya dengan mengikat hati rakyatnya dengan mempraktikkan kesemua sifat-sifat yang utama dan mulia yang terdapat pada diri beliau sehingga beliau menjadi seorang pemerintah yang sangat disayangi oleh setiap rakyatnya tanpa mengira lapisan atau kedudukan. Sifat-sifat yang mulia ini diperlihatkan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan berdasarkan kepada beberapa kisah-kisah sejarah yang terjadi di antara baginda dengan bekas-bekas musuh politik baginda dan juga rakyat baginda. Marilah kita melihatnya:-

1. Seorang Yang Pemurah Dan Bijaksana

Setelah terjadi persengketaan di antara Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang tidak mahu mengundurkan dirinya daripada kerusi gabenor di negeri Syam dengan Khalifah Ali bin Abu Talib yang merupakan ketua umat Islam ketika itu hingga membawa kepada peperangan saudara yang hebat di lembah Siffin pada tahun 38 Hijrah/658 Masihi, dan setelah selesai perundingan di Majlis Tahkim, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah kembali semula ke negeri Syam dengan membawa kemenangan diplomasi yang besar. Setelah berlalu beberapa ketika, telah terjadi satu peristiwa di mana pada suatu hari seorang penduduk kota Kufah yang merupakan penyokong Khalifah Ali bin Abu Talib telah datang ke negeri Syam dengan mengenderai untanya. Setelah sampai di kota Damsyik, seorang penduduk Syam telah menahan lelaki Kufah itu, sambil memegang tali kekang unta lelaki Kufah itu, ia berkata kepada lelaki Kufah itu dengan marah;

"Ini adalah unta betina saya, engkau merampasnya di Siffin."

Lelaki penduduk negeri Syam itu membawa unta dan lelaki Kufah itu ke hadapan Mu'awiyah bin Abu Sufyan di istananya di kota Damsyik dengan membawa lima puluh orang saksi dan membenarkan dakwaannya itu. Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memberi kemenangan kepada lelaki Syam yang merupakan penyokong beliau di samping kerana dapat mendatangkan lima puluh orang saksi bagi menguatkan dakwaannya. Lelaki Kufah itu berkata kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan tegas dan lantang;

"Semoga Allah membaiki tuan. Unta itu adalah unta jantan."

"Hukum telah diputuskan," jawab Mu'awiyah bin Abu Sufyan menetapkan hukum yang telah diputuskan biarpun hukum itu keliru.

Setelah orang Syam dan kawan-kawannya yang lima puluh orang itu pergi meninggalkan mereka berdua, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan berbisik kepada lelaki dari Kufah itu;

"Berapa harga unta kamu itu?"

"Sebanyak.........." jawab lelaki Kufah itu menjelaskan harga untanya kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Kemudian Mu'awiyah bin Abu Sufyan membayar kepada orang Kufah itu harga dua kali lipat daripada harga sebenar unta itu, dan berkata secara berbisik kepada lelaki kota Kufah itu;

"Tolong kau sampaikan kepada Ali bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan akan menghadapinya dengan 100,000 tentera yang tidak dapat membezakan di antara unta jantan dengan unta betina."

2. Seorang Yang Berhati Mulia Dan Tidak Pendendam

Di saat-saat akhir pada zaman hayat Rasulullah s.a.w., setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan baru sahaja memeluk agama Islam, dan setelah beliau tinggal di kota Madinah kerana bertugas sebagai penulis wahyu Rasulullah s.a.w., pernah terjadi satu peristiwa di mana Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah diperlakukan dengan sangat hina oleh seorang raja Hadhramaut yang bernama Wail bin Hujr. Mengikut apa yang ditulis oleh para sejarawan Islam, sekembalinya Rasulullah s.a.w. ke kota Madinah setelah berjaya menakluk kota Mekah, ramailah perutusan kaum dan raja-raja datang ke kota Madinah mengepalai rombongan bagi menyatakan mereka mahu memeluk agama Islam di hadapan Rasulullah s.a.w. Di antara para raja itu temasuklah seorang raja yang berkerajaan di negeri Hadhramaut yang bersempadan dengan negeri Yaman namanya Wail bin Hujr.

Ketika mahu kembali semula ke negerinya, Rasulullah s.a.w. telah memperlakukannya dengan penuh hormat, kerana kedudukannya sebagai seorang pemerintah negara dengan menghantarnya atau mengiringinya ketika dia mahu pulang ke negerinya dengan berjalan kaki beserta dengan beberapa orang sahabat baginda termasuklah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sebagaimana yang telah diketahui ketika itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan masih muda remaja berusia kira-kira 24 atau 25 tahun.

Rasulullah s.a.w. telah meminta diri untuk pulang terlebih dahulu setelah mengiringi Raja Wail bin Hujr sebaik sahaja sampai di luar kota Madinah di mana baginda biasa melepaskan angkatan perang tentera Islam yang mahu berangkat ke medan. Ini adalah kerana Rasulullah s.a.w. perlu pulang segera ke dalam kota untuk melayani perutusan-perutusan lain yang masih ramai yang baru tiba atau sampai di kota Madinah daripada negeri atau daerah masing-masing yang mana baginda perlu melayani mereka sebagaimana baginda telah melayan Raja Wail bin Hujr itu juga. Sahabat-sahabat lain juga pulang bersama-sama baginda dengan meninggalkan Mu'awiyah bin Abu Sufyan seorang diri untuk mengiringi dan melayani Raja Wail bin Hujr sebelum raja Hadhramaut itu ditinggalkan untuk berangkat seorang dirinya ke negerinya.

Kemungkinan sekali ketika itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan hanya memakai kasut yang sudah lama dan mudah koyak. Setelah dia berjalan di atas pasir

yang panas membakar itu, kasutnya mula koyak dan dia tidak dapat menggunakan kasutnya untuk meneruskan perjalanannya mengiringi raja negeri Hadhramaut itu. Kerana itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan terpaksa berjalan dengan berkaki ayam yang menyebabkan kakinya luka dan terasa sakit dan tidak larat untuk berjalan dengan selesa. Kerana sudah tidak tahan lagi menanggung rasa sakit kerana telapak kakinya yang sudah pecah-pecah itu, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah meminta izin daripada Raja Wail bin Hujr untuk tumpang naik membonceng di belakang unta raja itu pintanya;

"Minta saya tumpang membonceng di belakang tuan."

Dengan rasa sombong dan besar diri dan merasa dirinya begitu mulia kerana dirinya seorang raja, meskipun dia sudah memeluk agama Islam kerana masih belum mempelajari sifat-sifat hati mana yang mulia dan mana yang tercela, Raja Wail bin Hujr menjawab, "Bagaimana aku boleh membenarkan engkau menaiki kenderaan bersama-sama dengan aku, kerana engkau bukanlah seorang yang boleh menaiki kenderaan bersama raja-raja (kerana engkau seorang rakyat biasa yang hina dina)."

Maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjawab pula dengan penuh kesabaran dan menelan rasa marahnya, "Tak apalah kalau begitu. Tetapi berilah kepadaku kasut tuan agar kakiku terselamat daripada terkena pasir yang panas ini."

Namun Raja Wail bin Hujr tetap enggan juga untuk memberi pinjam kasutnya kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan menjawab pula dengan sombong;

"Kamu sebenarnya sudah cukup bertuah kerana dapat meletakkan telapak kakimu di atas bayang-bayang untaku."

Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak berkata apa-apa lagi dan terus mengiringi Raja Wail bin Hujr berjalan semakin jauh keluar dari kota Madinah sehinggalah raja negeri Hadhramaut itu dilepaskan pulang dengan meninggalkan beliau seorang diri duduk menanggung pedih luka di kakinya. Kemudian Mu'awiyah bin Abu Sufyan berjalan pulang semula ke kota Madinah dengan menanggung derita sakit kaki yang bukan kepalang.

Empat puluh dua atau empat puluh tiga tahun kemudian, setelah baginda dilantik menjadi khalifah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan sekali lagi telah bersua dengan Raja Wail bin Hujr yang datang ke istana baginda di kota Damsyik. Di sini kita nampak betapa mulia dan agungnya akhlak Mu'awiyah bin Abu Sufyan kerana baginda telah menerima dan melayani Raja Wail bin Hujr yang sudah tua itu dengan penuh mesra tanpa mengungkit-ungkit peristiwa yang telah dilakukan oleh Raja Wail bin Hujr terhadap diri baginda ketika baginda menghantarnya yang mahu pulang ke negerinya suatu ketika dahulu. Bahkan sebaliknya Mu'awiyah bin Abu Sufyan tetap memuliakan Raja Wail bin Hujr selayaknya. Ini menunjukkan betapa mulianya akhlak Mu'awiyah bin Abu

Sufyan terhadap orang yang tidak mahu bermusuh dengannya. Dan ini menunjukkan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan bukanlah seorang manusia yang pendendam.

Kalau ada orang yang mengatakan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah melupai peristiwa itu kerana masanya sudah berlalu selama lebih 40 tahun, saya akan beri buktinya bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang yang tidak pelupa, malah baginda sebenarnya masih segar mengingati perbuatan Raja Wail bin Hujr terhadap diri baginda semasa baginda ditugaskan oleh Rasulullah s.a.w. mengiringi Raja Wail bin Hujr yang mahu pulang ke negerinya, malah sentiasa segar di dalam fikiran baginda.

3. Bersikap Bijaksana Terhadap Orang-Orang Yang Membenci Baginda

Seorang ahli sejarah Islam bernama Ibnu Tabatiba menulis tentang sifat dan sikap Mu'awiyah bin Abu Sufyan iaitu, "Mu'awiyah baik siasahnya, pandai menyusun urusan-urusan dunia, cerdas, bijaksana, fasih, matang, di mana ia tahu ia perlu untuk bersikap tolak ansur dan di mana pula ia perlu bersikap keras dan tegas, tetapi ia lebih mengutamakan sikap tolak ansur. Ia adalah seorang yang pemurah, suka memberi hartanya, amat suka menjadi pemimpin. Kepemurahan hatinya melebihi kepemurahan hati orang-orang bangsawan dari kalangan rakyatnya. Terhadap orang-orang besar Quraisy seperti Abdullah bin Abbas, Abdullah bin Umar, Abdullah bin az-Zubair, Abdul Rahman bin Abu Bakar, Abban bin Uthman bin Affan dan dari kalangan ahli keluarga Abu Talib yang sentiasa datang kepada Mu'awiyah di Damsyik, Mu'awiyah memuliakan mereka, menjamu mereka dengan baik, dan memenuhkan segala keperluan mereka. Mereka itu tidak segan silu menghadapkan kata-kata kecaman yang pedas kepada Mu'awiyah (yang sudah pun menjadi khalifah), malah kadang-kadang dengan kata-kata yang tajam dan keras. Tetapi Mu'awiyah menjawabnya dengan nada sendagurau dan kadang-kadang buat tidak dengar sahaja. Setelah mereka mahu pulang, Mu'awiyah melepaskan kepulangan mereka dengan memberi hadiah-hadiah yang berharga dan pemberian-pemberian yang banyak."

Demikianlah perjelasan Ibnu Tabatiba tentang kemuliaan hati Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang merupakan seorang manusia yang tidak menyimpan perasaan dendam terhadap orang yang pernah memusuhi atau berlaku tidak baik terhadap dirinya.

Kisah kedua : Setelah berjaya menjadi khalifah hasil dari kerjasama yang diberikan oleh Sayidina Hasan cucunda Rasulullah s.a.w. yang menjadi khalifah menggantikan tempat ayahandanya Khalifah Ali bin Abu Talib selama kira-kira enam bulan kepadanya, kekhalifahan Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mendapat sokongan daripada semua umat Islam daripada seluruh pelosok negara. Tetapi setelah baginda menyatakan hasrat baginda untuk melantik putera baginda sebagai Putera Mahkota yang akan menggantikan tempat

baginda sebagai khalifah, pada saat itu mulailah ramai orang atau umat Islam yang tidak menyetujui hasrat atau kehendak hati baginda itu terutama penduduk di Hijaz (di kota Mekah dan Madinah). Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan amat menyedari perkara ini. Tetapi baginda tidak mahu bersikap keras dan kasar kepada semua orang yang tidak menyetujui kehendak hati baginda. Baginda memilih jalan yang licin dan bijaksana untuk menarik kesetiaan dan sokongan rakyat atau umat Islam kepada keinginan hati baginda. Begitulah yang baginda mahu lakukan kepada penduduk di Hijaz khasnya di kota Madinah.

Untuk tujuan itu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah datang sendiri ke kota Madinah dengan membawa hadiah yang sangat banyak untuk diberikan kepada penduduk kota Nabi itu terutama kepada tokoh-tokoh yang diketahui sangat menentang keinginan baginda yang mahu melantik Yazid sebagai Putera Mahkota. Pada masa itu masih terdapat ramai lagi para pejuang Badar al-Kubra yang sememangnya sangat dipandang tinggi oleh masyarakat. Setelah baginda membahagi-bahagikan hadiah dan wang kepada penduduk kota Madinah, akhirnya sampailah giliran untuk diberikan kepada seorang sahabat Ansar yang merupakan seorang Pejuang Badar al-Kubra.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mengutus seorang pesuruh baginda supaya menghantar hadiah dan wang kepada tokoh Ahli Badar al-Kubra itu. Setelah barang hadiah dan wang diserahkan kepada Pejuang Badar al-Kubra itu, Pejuang itu berkata balik kepada pesuruh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan;

"Apakah khalifahmu tidak menemui orang lain selain aku untuk dia berikan hadiah dan wang ini?"

Pesuruh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi sangat terkejut di atas keengganan seorang pejuang Badar al-Kubra itu untuk menerima hadiah yang diberikan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan inilah kali pertama ada orang yang menolak hadiah-hadiah yang diberikan oleh khalifah bani Umayyah yang pertama kepadanya, sedangkan orang-orang yang diberi sebelumnya semuanya telah menerima dengan baik.

"Ambil baliklah hadiah dan wang ini dan pulangkan semula kepada Mu'awiyah," ulang Pejuang Badar al-Kubra itu kepada pesuruh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kerana dia benar-benar menolak hadiah-hadiah dan wang yang diberikan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepadanya itu.

"Maaflah tuan, saya tidak berani mengembalikan semula hadiah-hadiah dan wang ini kepada khalifah. Silap-silap saya akan dibelasahnya," jawab pesuruh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berpura-pura takut kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kerana dia mahu Pejuang Badar al-Kubra itu mengambil juga hadiah-hadiah dan wang pemberian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu. Dia tahu sangat perangai Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan

yang tidak pernah membelasah orang selama hayatnya kecuali ketika berperang.

Setelah Pejuang Badar al-Kubra itu melihat pesuruh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak berani membawa balik semula hadiah-hadiah dan wang yang ditolaknya kepada Khalifah Mu'awiyah, lantas dia memanggil anaknya. Setelah anaknya datang, maka dia berkata kepada anaknya itu;

"Pulangkan semua hadiah dan wang ini kepada Mu'awiyah."

Maka si anak membawa bungkusan hadiah dan pundi-pundi berisi wang itu kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan setelah sampai di hadapan Khalifah Mu'awiyah, dia berkata kepada khalifah bani Umayyah yang pertama dan bijaksana itu;

"Aku disuruh oleh ayahku supaya mengembalikan hadiah dan wang ini kepadamu."

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan agak terkejut setelah mendengar kata-kata budak itu kepada baginda. Baginda tidak menyangka sama sekali masih ada penduduk di kota Madinah yang masih benci kepada baginda. Tetapi sebagaimana yang telah diketahui, baginda bukanlah calang-calang manusia. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terkenal seorang manusia yang sangat jauh pandangannya, amat cerdik dan tabah pula menahan rasa marah. Dengan kata lain Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang insan yang sangat bijaksana. Kerana akalnya yang panjang berbelit-belit, maka khalifah bani Umayyah yang pertama yang sedang berusaha untuk mengikat hati seorang pejuang Badar al-Kubra itu terus berhelah. Katanya kepada anak Pejuang Badar al-Kubra itu pula;

"Siapa yang menghantar hadiah-hadiah dan wang ini kepada ayahmu?"

"Si fulan," beritahu anak Pejuang Badar al-Kubra dengan menyebut nama atau identiti pesuruh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang menghantar bungkusan hadiah-hadiah dan pundi-pundi wang kepada ayahnya.

"Oo dia silap orang, sebetulnya hadiah-hadiah dan wang ini bukan untuk ayahmu, tapi untuk si anu (Mu'awiyah menyebut nama orangnya). Hadiah untuk ayahmu ada di dalam, nanti pakcik ambilkan ya!"

Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menyuruh seorang pesuruhnya supaya mengeluarkan bungkusan hadiah yang lain dari dalam tempat penginapan baginda. Hadiah itu nampaknya lebih istimewa dan juga sebungkus kantong berisi wang beberapa ribu dirham. Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memberi hadiah-hadiah yang istimewa dan kantong berisi beribu wang dirham itu kepada budak itu dan berkata kepadanya;

"Nah! Inilah sebenarnya hadiah-hadiah untuk ayahmu. Sila bawa pulang

beri pada ayahmu semuanya."

Maka tanpa berlengah lagi kembalilah si anak kepada ayahnya dengan membawa hadiah-hadiah yang lebih istimewa dan pundi-pundi bungkusan wang yang mengandung wang yang lebih banyak. Memang Pejuang Badar al-Kubra adalah orang-orang yang tidak boleh dibeli dengan wang ringgit dan dengan bermacam-macam hadiah yang mahal-mahal. Kebesaran jiwa dan kekentalan iman para pejuang Badar al-Kubra sukar ditandingi atau dibeli. Pejuang Badar al-Kubra dari golongan Ansar itu tetap tidak mahu menerima pemberian-pemberian daripada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu. Ini sudah pasti dia adalah seorang pencinta Sayidina Ali bin Abu Talib yang tetap tidak menyukai sesiapa yang memusuhi Sayidina Ali bin Abu Talib. Dia menyuruh anaknya itu supaya mengembalikan semula hadiah-hadiah istimewa dan juga bungkusan atau pundi-pundi wang dirham yang banyak itu kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di samping memberi kepada anaknya itu amanah yang cukup dahsyat. Maka pergilah anaknya kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Setelah berdiri di hadapan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka budak itu berkata kepada khalifah bani Umayyah pertama yang agung itu;

"Wahai Mu'awiyah! Ayahku tidak mungkin akan menerima hadiah-hadiah ini, bahkan aku diberi amanah yang mesti aku tunaikan."

"Apakah amanah yang mesti kau tunaikan itu wahai anak?" tanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada anak Pejuang Badar al-Kubra itu dengan fikiran yang mengandungi persoalan.

"Di samping mengembalikan hadiah-hadiah ini semula kepadamu, aku juga disuruhnya cara menghantarnya ialah dengan membalingkan hadiah-hadiah ini ke mukamu," jawab budak itu dengan tegas dan berani.

Memang Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang sahabat Nabi yang mempunyai sifat mampu menahan perasaan marah yang menandakan baginda adalah seorang manusia yang cerdik dan pintar dan payah untuk dicari tandingan. Baginda cukup bijaksana mengekori sifat Rasulullah s.a.w. Memang baginda tidak marah kepada budak yang mahu mencampakkan barang-barang hadiah ke muka baginda itu. Sungguhpun kata-kata budak anak Pejuang Badar al-Kubra yang sudah tentu telah mengaibkan diri baginda. Tetapi baginda sangat mengharapkan sokongan daripada semua orang. Jawab baginda kepada budak itu dengan lembut;

"Kalau sudah demikian, taatilah perintah ayahmu itu dan berbelas kasihanlah kepada Pakcikmu ini."

Budak itu memang cerdik dan dia faham sangat kehendak Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang amat toleransi itu. Maka dilemparnya barang-barang hadiah itu ke muka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan

berhati-hati dan perlahan-lahan sekali. Khalifah Mu'awiyah menahan sahaja mukanya yang dilontar dengan sabar.

Setelah itu budak itu pun pulang kepada ayahnya dengan meninggalkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang baru kena baling mukanya dengan hadiah baginda sendiri.

Alangkah mulianya perangai Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Bagaimana kalau raja dunia yang lain yang bukan dari kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w.? Sekadar menghantar balik hadiah yang diberikan, sudah pasti si budak seperti itu dan ayahnya akan dibunuh atau dianiaya.

Tetapi tidak kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Alangkah ajaibnya perangai Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sebab itu baginda dapat menguasai seluruh umat Islam yang pada ketika para sahabat Rasulullah s.a.w. yang utama dan mulia-mulia masih lagi ramai.

4. Sangat Kuat Daya Ingatan, Penyabar, Pemurah, Berhati Mulia Dan Tidak Pendendam

Di bawah ini saya membawa satu kisah di mana memperlihatkan kepada kita betapa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang dikurniakan kekuatan daya ingatan yang luar biasa, sangat penyabar, sangat pemurah, mempunyai hati yang mulia dan tidak pendendam. Kisah ini berkaitan dengan seorang perempuan yang pernah berjuang di pihak Khalifah Ali bin Abu Talib khasnya dalam pertempuran di Siffin. Marilah kita lihat kisahnya:-

Kisah Dengan Ummu Sinan Binti Khaithamah, Bekas Musuh Politiknya

Ketika meletus perang Siffin pada tahun 38 Hijrah/658 Masihi di antara pihak Khalifah Ali bin Abu Talib dengan pihak pembangkang di negeri Syam yang diketuai oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan, terdapat beberapa wanita berani dan pintar di dalam mengubah syair dan mengalunkan syair yang turut di dalam pasukan Khalifah Ali bin Abu Talib. Di antaranya ialah Ummu Sinan binti Khaithamah. Ketika perang sedang berkecamuk dengan hebatnya, Ummu Sinan binti Khaithamah telah berusaha membangkitkan semangat juang tentera Khalifah Ali bin Abu Talib dengan mengalunkan rangkap-rangkap syair yang membakar semangat perjuangan tentera Khalifah Ali bin Abu Talib agar berjuang dengan bersungguh-sungguh untuk menghancurkan Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan pasukannya.

Ketika Ummu Sinan binti Khaithamah sedang asyik mengumandangkan atau mengalunkan bait-bait syairnya dengan penuh semangat dan memburuk-burukkan peribadi Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Mu'awiyah bin Abu Sufyan turut mendengarnya dengan penuh perhatian. Tetapi bait-bait seterusnya tidak

dapat ditangkap oleh telinga Mu'awiyah bin Abu Sufyan kerana Ummu Sinan binti Khaithamah telah beredar ke tempat lain.

Setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berjaya menjadi khalifah, Ummu Sinan binti Khaithamah masih hidup lagi. Tetapi sudah sangat tua. Beliau tinggal di kota Madinah dengan aman di bawah pemerintahan gabenor kota Madinah iaitu Marwan bin al-Hakkam, bekas Setiausaha Peribadi al-marhum Khalifah Uthman bin Affan. Pada suatu hari telah terjadi satu pertelingkahan di antara Ummu Sinan binti Khaithamah dengan gabenor kota Madinah Marwan bin al-Hakkam itu. Iaitu cucu Ummu Sinan binti Khaithamah telah melakukan satu kesalahan yang menyebabkan Marwan bin al-Hakkam telah menangkap dan memenjarakannya. Ummu Sinan binti Khaithamah telah datang berjumpa dengan Marwan bin al-Hakkam memintanya agar memaafkan kesalahan cucunya itu serta membebaskannya. Tetapi Marwan bin al-Hakkkam tidak mahu menunaikan permintaan Ummu Sinan binti Khaithamah yang sudah sangat tua itu dan gabenor kota Madinah itu telah berkata kasar dan mencela sikap Ummu Sinan binti Khaithamah yang merayu-rayu memohon kasihan belas daripadanya itu. Ini menyebabkan terjadi pertelingkahan di antara kedua tokoh itu. Kerana merasa sangat sakit hati dan sangat marah kepada Marwan bin al-Hakkam, maka Ummu Sinan binti Khaithamah terus mempersiapkan bekalannya untuk ke negeri Syam mengadap Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di istana baginda di kota Damsyik. Ummu Sinan binti Khaithamah telah pergi ke negeri Syam dengan menunggang untanya menempuh perjalanan yang sangat jauh dan lama serta sangat meletihkan. Setelah dia sampai di istana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Ummu Sinan binti Khaithamah terus masuk mengadap dan mengadu kepada Khalifah Mu' awiyah bin Abu Sufyan tentang perkara yang terjadi di antara dirinya dengan Marwan bin al-Hakkam gabenor kerajaan bani Umayyah di kota Madinah itu.

Maka berlakulah dialog di antara Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sedang berkuasa ke atas seluruh umat Islam dengan Ummu Sinan binti Khaithamah, perajurit wanita penyokong kuat Khalifah Ali bin Abu Talib yang sudah tua bangka yang memperlihatkan betapa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang memiliki akhlak yang sangat mulia.

Ketika Ummu Sinan binti Khaithamah dibenarkan masuk ke dalam istana dan berjalan mendekati singgahsana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus mengenalinya. Baginda sememangnya amat kenal dengan perempuan yang pernah berjuang di pihak Khalifah Ali bin Abu Talib khasnya di dalam pertempuran di Siffin. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memang telah diketahui adalah seorang manusia yang sangat bijaksana (melakukan apa sahaja tindakan dan sikap yang dapat melembutkan hati rakyat kerana mahu seluruh rakyat mencintainya), telah menyambut kedatangan Ummu Sinan binti Khaithamah dengan penuh mesra

dan ramah. Baginda mempersilakan Ummu Sinan binti Khaithamah duduk di hadapan baginda sambil mulut baginda tidak pernah lekang daripada mengukir senyuman kepada Ummu Sinan binti Khaithamah. Senyuman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menambahkan lagi kekacakan dan ketampanan wajah baginda yang sememangnya sudah sangat kacak dan tampan itu.

"Selamat datang wahai puteri Khaithamah. Apakah gerangan yang membuatmu singgah di tanah kami? padahal kamu dahulunya marah kepada kami, membakar semangat para lawanku untuk menentangku?" Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memulakan perbicaraannya dengan Ummu Sinan binti Khaithamah dengan menyebut perbuatan Ummu Sinan binti Khaithamah terhadap baginda ketika terjadi perang Siffin yang boleh menggelisahkan hati Ummu Sinan binti Khaithamah.

Setelah Ummu Sinan binti Khaithamah mendengar Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memulakan berbicara dengannya dengan mengungkit semula peristiwa yang telah lama terjadi, di mana dia telah bersyair di pihak tentera Khalifah Ali bin Abu Talib, membakar semangat perjuangan mereka di dalam peperangan di Siffin beberapa tahun yang lalu, maka dia merasa hatinya bagaikan mahu melayang. Maklumlah alunan syair yang diucapkannya ketika perang Siffin itu adalah ucapan mahu melihat Mu'awiyah bin Abu Sufyan terkubur di dalam bumi. Kini dia sedang berhadapan dengan orang yang ia mahu berkubur itu yang sudah menjadi penguasa di atas seluruh umat Islam.

"Wahai Amirul Mu'minin! Bani Abdul Manaf memiliki akhlak yang suci, nama yang terkenal, kecerdasan yang tidak pernah pudar. Mereka tidak kembali bodoh setelah pintar, tidak kembali dungu setelah menjadi cerdas, tidak kembali menghukum setelah memberi maaf, dan orang yang paling patut untuk mengikut jejak langkah nenek moyangnya ialah engkau."

Begitu sekali indahnya susunan kata-kata dan butir-butir kalimah yang diucapkan oleh Ummu Sinan binti Khaithamah kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di hadapan singgahsana yang diduduki oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di kota Damsyik.

"Kau benar wahai Ummu Sinan. Kami juga adalah seperti itu," jawab Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mengakui sifat-sifat yang baik adalah sifat-sifat yang mulia dan mengakui sifat-sifat mulia yang dimiliki oleh Abdul Manaf bin Qusai moyang baginda itu adalah menjadi milik diri baginda juga.

Selepas sepi buat seketika, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memulakan sekali lagi percakapannya dengan Ummu Sinan binti Khaithamah. Baginda memulakannya dengan persoalan yang membuat hati Ummu Sinan binti Khaithamah kembali tertekan;

"Kemudian bagaimana dengan bait-bait syair yang pernah kau ucapkan?

Kini rasa mengantuk tak menemui teman, kerana kedua mataku tak mahu tidur,

Sementara malam datang dan pergi membawa kegelisahan dalam jiwa

Wahai anak keturunan Mazdhaj, jangan diam dan bangkit segera! Sesungguhnya lawan keluarga Muhammad telah datang menyerang,

Inilah Ali yang telah mendatangkan kedamaian

Seperti hilal yang dikelilingi galaksi bintang di atas angkasa

Dia selalu menang dalam setiap peperangan

Kemenangan di bawah panji-panjinya tidak ada aib cela.

Ummu Sinan binti Khaithamah terkejut juga mendengar Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang mengingati bait-bait syairnya yang telah diucapkannya beberapa tahun yang lalu dengan tepat sekali tanpa tertinggal atau tersilap satu hurufpun. Ini tentu boleh menimbulkan dendam yang akan dibalas terhadapnya oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Balasan berupa hentaman rangkap-rangkap syair yang boleh meruntuh keselesaan perasaannya dan menimbul rasa malunya kepada khalayak. Namun setelah dia mengingatkan kepada perangai Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang tidak berdendam dan sangat pemaaf, maka hatinya kembali menjadi lega dan dia segera menjawab;

"Itu sudah berlalu wahai Amirul Mu'minin! Kami sangat mengharapkan ada perubahan setelahnya dan kamu yang lebih layak untuk melakukannya."

Tetapi sebelum Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjawab kata-kata Ummu Sinan binti Khaithamah, seorang hadhiri menyampuk;

"Wahai Amirul Mu'minin! Saya ada menghafal sebahagian syairnya tetapi berbeza dengan yang tuan dendangkan tadi, bagaimana bolehkah saya mendendangkannya?" Maka lelaki itu terus mengalunkan bait-bait syair yang ia dengar di hari Siffin yang didendangkan oleh Ummu Sinan binti Khaithamah yang tidak didendang oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di hadapan Ummu Sinan binti Khaithamah setelah ia melihat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mengisyaratkan agar ia mendendangkannya;

Andainya kamu tidak binasa wahai Abul Hasan

Kamu akan selalu dikenali sebagai penyeru kebenaran

Pergilah....rahmat Tuhanmu selalu menyertaimu

Sebanyak kicauan burung merpati di atas dahan pokok

Hari ini tiada pengganti yang boleh diharapkan setelahnya

Dan jauh bagi kami untuk memuji manusia sesudahnya

Sekali lagi darah Ummu Sinan binti Khaithamah berderau. Masih ada lagi orang yang mengingati bait-bait syair yang diungkapkannya pada hari Siffin

yang sangat membakar perasaan marah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Ini sudah pasti akan menambah terbakarnya hati seorang pendendam. Tetapi dia tahu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bukan memiliki perangai buruk itu. Dia adalah sahabat Rasulullah s.a.w. yang sangat mulia, penuh dengan akhlak-akhlak indah di dalam dadanya. Lantas jiwanya kembali lega dan Ummu Sinan binti Khaithamah menjawab pula;

"Wahai Amirul Mu'minin! Lisan itu benar mengungkapkan dan kata-kata yang sungguh tepat...... Seandainya apa yang kami duga (kemenangan Mu'awiyah di Siffin) terjadi ke atasmu, maka kamu lebih berhak untuk mendapatkannya (jadi khalifah) sebagai pengganti Ali. Demi Allah! Tidak ada yang menanamkan kebencian kaum Muslimin kepadamu adalah mereka, (sambil ia menunjuk-nunjukkan jarinya ke arah orang-orang yang duduk dekat dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang merupakan para pembantu baginda) maka janganlah kamu dengar perkataan mereka dan jauhkan kedudukan mereka dari dirimu. Sesungguhnya sekiranya hal itu (menjauhkan diri) kamu lakukan, kamu akan bertambah dekat dengan Allah dan lebih dicintai oleh segenap kaum Muslimin."

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan lantas menyampuk, "Kamu yang mengatakan perkara-perkara ini (syair-syair yang dibaca tadi) wahai Ummu Sinan?"

"Subhanallah wahai Amirul Mu'minin! Orang sepertimu tidak patut dipuji dengan kebatilan dan tidak pantas diminta maaf dengan alasan dusta."

Seterusnya Ummu Sinan binti Khaithamah menyambung kata-katanya bagi menjelaskan kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tentang kecenderungan hatinya terhadap Khalifah Ali bin Abu Talib;

"Kamu tahu itu adalah pendapat kami dan suara hati kami. Ali lebih kami cintai berbanding dirimu ketika ia masih hidup dan kamu lebih kami cintai dari orang lain selama kamu masih ada (hidup)."

"Siapakah orang yang diriku lebih kamu cintai dari dirinya?" Tanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula.

"Wahai Amirul Mu'minin! Kamu lebih kami cintai daripada Marwan bin al-Hakkam dan Said bin al-Ass!" jawab Ummu Sinan binti Khaithamah dengan tegas dan jelas.

Seterusnya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada Ummu Sinan binti Khaithamah, "Mengapa saya lebih berhak untuk jawatan khalifah berbanding kedua orang itu?"

"Kerana kebaikan akhlakmu dan kemurahan hatimu," jawab Ummu Sinan binti Khaithamah tenang menjelaskan sifat-sifat terpuji yang dimiliki oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

"Kedua-duanya sangat menginginkan kekhalifahan dariku," jelas Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada Ummu Sinan binti Khaithamah tanpa sedikit pun memperlihatkan rasa marahnya kepada Ummu Sinan binti Khaithamah yang telah mengatakan ia lebih cinta kepada Sayidina Ali bin Abu Talib berbanding dengan diri baginda. Ini menunjukan betapa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang sangat bijaksana dan berhati mulia.

"Betul (hati) kedua-duanya seperti pendapatmu. Mereka menginginkan jawatan khalifah setelahmu sebagaimana kau menginginkan jawatan khalifah setelah Uthman," jelas Ummu Sinan binti Khaithamah pula.

Sekali lagi kita nampak betapa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang sangat cerdik, mampu menahan perasaan marah seperti yang diakui sendiri olehnya dan oleh seluruh kaum Muslimin dan ternyata dia adalah seorang manusia yang sangat bijaksana sekali.

"Demi Allah, sesungguhnya pendapat kamu sama dengan pendapatku," sampuk Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula dengan bijaksana sekali mengakhiri percakapan baginda dengan Ummu Sinan binti Khaithamah bekas musuh politik baginda yang masih memperlihatkan taring singanya meskipun sudah berada di dalam kurungan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan melihat Ummu Sinan binti Khaithamah diam membisu tanpa berkata-kata lagi, maka baginda mula menanyakan tujuan sebenar Ummu Sinan binti Khaithamah datang berjumpa baginda dengan bersusah payah menunggang unta dari kota Madinah ke kota Damsyik sedangkan dia adalah seorang perempuan yang telah tua;

"Apakah tujuan kedatanganmu kepadaku wahai Ummu Sinan?" Tanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan lembut dan tenang.

Setelah Ummu Sinan binti Khaithamah mendengar pertanyaan dari Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang bertanya tujuan kedatangannya kepada baginda yang mana dia sendiri sebenarnya bermaksud mahu memberitahu tujuan sebenarnya ia datang kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu, maka Ummu Sinan binti Khaithamah terus menyatakan hajat hatinya secara terus terang kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan;

"Wahai Amirul Mu'minin! Gabenormu yang berkuasa atas kota Madinah tidak memberi hukuman dengan adil, tidak memutuskan perkara berdasarkan sunnah, bahkan ia sentiasa mencari kesalahan dan membuka aib kaum Muslimin. Ia menahan cucuku. Aku datang berjumpa dengannya, namun dia mengherdikku begini dan begitu. Saya membalas herdikannya dengan mengherdiknya pula dengan cercaan yang kasar dan menutup mulutnya dengan kritikanku yang pahit. Namun kemudian aku mencela diri sendiri, dengan mengatakan kenapakah aku tidak melaporkan perkara ini kepada yang lebih berhak untuk memberi pengampunan? Kemudian aku datang kepadamu

untuk kamu membuat penilaian terhadap urusanku ini dan memberi pertolongan untuk menyelesaikannya."

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan cepat menjawab yang menunjukkan baginda adalah seorang manusia yang sangat cerdik;

"Saya percaya kepadamu. Saya tidak perlu bertanya tentang kesalahan cucumu itu. Tidak juga meminta agar ditunjukkan bukti bagi membelanya."

Lantas pada saat itu juga, di hadapan Ummu Sinan binti Khaithamah itu juga, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memerintah kepada jurutulis baginda agar menulis sepucuk surat untuk dihantar kepada gabenor kota Madinah Marwan bin al-Hakkam supaya ia membebaskan cucu Ummu Sinan binti Khaithamah yang dipenjaranya itu.

Ummu Sinan binti Khaithamah mengucapkan terima kasih yang teramat sangat kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang telah menghargai kedatangannya dari jauh ke hadapan baginda dengan sangat bersusah payah itu. Yang menunjukkan bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bukanlah seorang pemerintah atau khalifah atau raja (bagi orang yang menuduhnya seorang raja bukan khalifah) yang tidak berperikemanusiaan.

Kemudian Ummu Sinan binti Khaithamah mengadu pula kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan agar memberi kepadanya bekalan untuk dijadikan perbelanjaannya semasa dalam perjalanan pulang ke kota Madinah nanti. Pintanya;

"Wahai Amirul Mu'minin! Bagaimana saya akan pulang ke Madinah, sedangkan bekalanku sudah habis semuanya manakala kenderaanku sudah lemah?"

Tanpa menjawab sepatah katapun, apatah lagi untuk memperli Ummu Sinan binti Khaithamah, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus memerintah agar disediakan seekor kenderaan untuk Ummu Sinan binti Khaithamah dapat menunggganginya pulang ke kota Madinah, wang sebanyak 5,000 dirham sebagai bekalan dalam perjalanan dan disediakan juga seorang pengiring untuk mengiring Ummu Sinan binti Khaithamah pulang ke kota Madinah. Dalam perjalanan pulang ke kota Madinah itu, Ummu Sinan binti Khaithamah tidak henti-henti mendoakan kebajikan ke atas Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang telah berbuat baik kepadanya itu.

Lihatlah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, kerana sifatnya yang sangat penyabar, yang sangat bijaksana, yang sangat cerdik, yang sangat pemaaf dan yang sangat tidak pendendam, telah memperlakukan ke atas Ummu Sinan binti Khaithamah bekas musuh politiknya dengan baik sekali, yang kalau pemerintah atau khalifah atau raja yang lain (bukan dari kalangan khalifah Islam yang salih-salih) sudah tentu akan memperli dan menganiaya orang yang menghina dan menyebut perkara-perkara yang tidak baik terhadap dirinya.

Kisah Dengan Zarqa' Binti Adi, Juga Bekas Musuh Politiknya

Satu lagi kisah yang memperlihatkan betapa Khalifah Mu'awiyah adalah seorang manusia yang sangat penyabar, sangat bijaksana, sangat cerdik, sangat pemaaf dan sangat tidak pendendam. Marilah kita lihat kisahnya di bawah ini:-

Saya percaya peristiwa ini terjadi setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah lama menjadi khalifah, bukan sebaik-baik sahaja beliau dilantik. Dikisahkan pada suatu hari Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sedang duduk-duduk di dalam istananya di kota Damsyik tiba-tiba baginda teringat kepada syair yang dibaca oleh seorang perempuan yang bernama Zarqa' binti Adi dalam perang Siffin. Perempuan ini adalah salah seorang tentera di pihak Khalifah Ali bin Abu Talib. Memang Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang mempunyai kekuatan daya ingatan yang amat luar biasa sehingga baginda boleh mengingati bait-bait sajak yang didendangkan oleh seseorang hanya dengan sekali dengar sahaja. Dan baginda masih boleh mengingatinya biarpun masa sudah berlalu beberapa tahun.

Tiba-tiba baginda merasa rindu untuk bertemu dengan seorang perempuan yang bernama Zarqa' binti Adi itu yang sudah beberapa tahun tidak dilihatnya. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tahu Zarqa' binti Adi tinggal di kota Kufah. Siapakah Zarqa' binti Adi? Beliau adalah seorang cendikiawan wanita terutama di dalam bidang kefasihan dan sastera, dan seorang yang sangat berani. Syair-syair yang didendangkannya amat memberi semangat kepada para pejuang yang berjuang bersamanya.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menulis sepucuk surat dan dihantarkan ke kota Kufah kepada Zarqa' binti Adi. Isi kandungan surat itu meminta agar Zarqa' binti Adi segera datang untuk berjumpa dengan baginda di kota Damsyik. Surat itu ditujukan kepada gabenor kota Kufah iaitu al-Mughirah bin Syu'bah agar memberinya kepada orang yang dialamatkan itu. Setelah al-Mughirah bin Syu'bah menerima surat itu, maka beliau terus membawanya kepada Zarqa' binti Adi.

Setelah Zarqa' binti Adi membaca surat itu, beliau berkata, "Saya tidak pernah berpaling dari mentaati perintah Amirul Mu'minin. Tetapi seandainya saya diberi pilihan, saya tidak akan meninggalkan tanah airku ini. Namun sekiranya ia adalah perintah wajib dari Amirul Mu'minin, saya perlu mematuhinya."

"Ini adalah perintah dari Amirul Mu'minin," jawab al-Mughirah bin Syu'bah mengingatkan kepada Zarqa' binti Adi tentang kehendak di dalam surat itu.

Gabenor kota Kufah itu adalah juga seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang sangat akrab persahabatannya dengan baginda Rasul. Dia sering melakukan musafir bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w. dan bertugas sebagai pembawa air untuk baginda bersuci dan berwudhu'. Al-Mughirah bin Syu'bah adalah seorang tokoh yang besar di kalangan para sahabat Nabi. Beliau kuat dan hebat.

Al-Mughirah bin Syu'bah menyediakan semua keperluan kepada Zarqa' binti Adi yang sudah tua itu untuk berangkat ke negeri Syam termasuk kenderaan dan bekalan makanan yang mencukupi serta wang ringgit.

Setelah beliau tiba di kota Damsyik, Zarqa' binti Adi dibawa masuk ke dalam istana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sedang dihadap oleh para pembesar kerajaan, para pegawai dan pengawal baginda. Sebaik sahaja duduk di hadapan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Zarqa' binti Adi terus memberi salam.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjawab salamnya dengan ramah dan menyambut kedatangannya kepada baginda itu.

"Selamat datang ke tempat yang dituju oleh para utusan negeri. Bagaimana keadaanmu wahai makcik? Bagaimana perjalanan makcik ke tempat ini?"

"Aku dalam keadaan baik wahai Amirul Mu'minin. Semoga Allah mencurahkan rahmatNya ke atasmu. Perjalananku sangat aman. Aku dilayani dan dijaga seperti anak didik dan anak kecil," jawab Zarqa' binti Adi jelas dan tenang.

"Saya sengaja menyuruh mereka (para petugas di kota Kufah termasuk gabenornya) melakukan perkara itu," jawab Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan pula.

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menyambung kata-katanya kepada Zarqa' binti Adi, "Wahai makcik, tahukah makcik kenapakah saya menulis surat kepada makcik?"

"Subhanallah! Bagaimana aku boleh tahu apa yang aku tidak tahu. Hanya Allah sahaja yang tahu apa yang ada di dalam hati setiap orang yang diciptaNya," jawab Zarqa' binti Adi memperlihatkan hatinya sentiasa kembali kepada Allah.

"Saya memanggil makcik untuk bertanyakan tentang apakah makcik yang menunggang unta merah pada hari Siffin di antara barisan pasukan perang? Makcik yang berusaha membakar semangat dan mendorong mereka (tentera Khalifah Ali bin Abu Talib) untuk berperang. Apakah yang mendorong makcik untuk melakukan perkara itu?" kata Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada Zarqa' binti Adi menjelaskan tujuan baginda memanggil Zarqa' binti Adi agar datang mengadap baginda itu.

"Wahai Amirul Mu'minin, kepala sudah mati dan belakang sudah terpotong. Yang telah berlalu tidak akan kembali, setiap saat banyak terjadi peristiwa silih berganti. Barangsiapa yang berfikir, ia akan tahu. Setiap peristiwa disusuli dengan peristiwa yang lain setelahnya," jawab Zarqa' binti Adi dengan kata-kata yang bermadah.

"Apakah makcik masih ingat perkataan makcik dalam perang Siffin

dahulu?" Tanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada Zarqa' binti Adi mahu menguji ingatan pahlawan tua penyokong Khalifah Ali bin Abu Talib itu.

"Demi Allah, aku tidak mengingatinya lagi. Aku telah melupainya. ***Sesungguhnya tulangku telah lemah, dan kepalaku telah dipenuhi uban.... Dan sesungguhnya aku telah mencapai usia yang sangat tua,"*** jawab Zarqa' binti Adi terhadap pertanyaan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepadanya itu.

Ayat "***Sesungguhnya tulangku telah lemah, dan kepalaku telah dipenuhi uban*** (ini adalah kalimah al-Qur'an ayat 4 yang dipetik oleh Zarqa' binti Adi dari surah Maryam) dan ayat ***dan sesungguhnya aku telah mencapai usia yang sangat tua*** (adalah ayat 8 yang dipetik oleh Zarqa' binti Adi juga dari surah Maryam).

"Tetapi saya masih lagi mengingatinya. Saya mendengar makcik waktu itu berteriak lantang," jelas Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang membuat hati Zarqa' binti Adi menjadi tidak selesa.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus mengulangi kata-kata Zarqa' binti Adi ketika di medan perang Siffin yang telah berlalu beberapa tahun itu.......

Wahai manusia, dengarlah dan kembali! Kamu sekarang berada dalam fitnah yang telah menutupi kamu dengan baju kegelapan. Telah memalingkan kamu dari tujuan yang sebenar......sungguh, ini adalah fitnah yang buta dan tuli, yang tidak boleh mendengar siapa yang mengatakannya dan tidak boleh mengikut orang yang mengiringinya....."

Wahai manusia, sesungguhnya lampu tidak akan terang di bawah terik mentari.......bintang tidak akan terang di dekat rembulan.....kaldai tidak boleh mendahului kuda.....tidak ada yang berdaya mematahkan besi kecuali besi.

Ketahuilah............siapa yang meminta pendapat, kami akan memberi pendapat....................siapapun bertanya, kami akan menjawabnya.................. kebenarannya mencari barangnya yang hilang dan akan menemuinya.......... bersabarlah wahai kaum Muhajjirin dan Ansar......seolah goresan luka telah pulih kembali terjalin dan kebenaran telah menghancurkan kebatilan.............janganlah seorangpun terburu-buru bertanya, "Bagaimana dan bila terjadi? Sungguh Allah telah memutuskan sesuatu yang harus dilakukan."

Ketahuilah bahawa yang mencantikkan perempuan adalah daun pacar, sesuatu yang membuat lelaki terhormat adalah darah pengorbanan.......dan disebalik kesabaran dalam kebaikan ada akibat yang baik.......

Cukup bagimu untuk menuju medan perang........terus maju dan tidak mundur setapak pun.....hari ini memiliki banyak manfaat setelahnya."

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berhenti mengalunkan rangkap-rangkap syair yang pernah diucapkan oleh Zarqa' binti Adi di medan Siffin dahulu. Semua orang dalam majlis itu diam dan tenang mendengar syair-syair yang diucapkan oleh khalifah pertama kaum Muslimin dari dinasti kerajaan

bani Umayyah itu di hadapan pengucapnya sendiri di medan Siffin iaitu Zarqa' binti Adi yang telah berkedut kulit mukanya. Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memulakan dialognya dengan Zarqa' binti Adi yang menunjukkan betapa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang sangat mulia hatinya;

"Sesungguhnya kamu mengikut apa yang dilakukan oleh Ali."

"Semoga Allah selalu memberikan khabar gembira kepadamu, wahai Amirul Mu'minin, memberi keselamatan kepadamu. Orang sepertimu demi Allah sentiasa memberi khabar gembira dan menyenangkan teman duduknya," jawab Zarqa' binti Adi pula.

"Apakah hal ini membuat makcik senang wahai makcik Zarqa'?"

"Benar, demi Allah, ucapanmu sangat menyenangkan hatiku. Bagaimana aku dapat membuktikannya?"

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ketawa mendengar ucapan Zarqa' binti Adi itu kemudian berkata, "Demi Allah wahai makcik Zarqa'! Kejujuranmu kepada Ali setelah ia meninggal dunia lebih mengkagumkan saya berbanding kecintaanmu kepadanya ketika ia masih hidup."

Setelah ini kita lihat betapa pemurah, suci dan tidak berdendamnya serta baik budinya pengasas kerajaan bani Umayyah ini meskipun terhadap orang yang pernah memusuhinya dan tidak pernah memohon kemaafan daripadanya seperti apa yang terjadi kepada Zarqa' binti Adi ini.

Kemudian setelah berdiam diri buat seketika, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bersuara lagi mengadap kepada Zarqa' binti Adi;

"Wahai makcik! Sebutlah apa sahaja yang kau perlukan buat masa ini."

"Wahai Amirul Mu'minin! Saya adalah seorang perempuan yang telah bersumpah untuk tidak akan meminta sesuatu kepada seseorang yang pernah saya bantu."

"Benar makcik," jawab Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dua patah yang sangat memahami maksud jawapan dari Zarqa' bin Adi itu. Apatah lagi untuk dia minta kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang pernah ia perangi.

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memerintah kepada para pegawainya supaya memberi hadiah dan pakaian kepada Zarqa' binti Adi serta menghantarnya pulang ke kota Kufah seperti yang dilakukan kepada Ummu Sinan binti Khaithamah yang dihantar pulang ke kota Madinah. Di kota Kufah, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menghadiahkan kepada Zarqa' binti Adi sebidang tanah yang telah menyumbangkan hasil tahunannya sebanyak 16,000 dirham.

5. Sangat Kuat Menahan Perasaan Marah, Penyabar Dan Tidak Suka Menumpahkan Darah

Di antara sifat-sifat Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang menonjol ialah sangat kuat menahan perasaan marah. Mu'awiyah bin Abu Sufyan ketawa ketika kemarahan sedang menggelegak di dalam kepalanya. Kisah-kisah beliau menahan rasa marah banyak sekali. Ini adalah sikap orang-orang bijaksana. Sikap begini hanya terdapat pada segelintir manusia sahaja di antaranya Rasulullah s.a.w., para nabi, para rasul, Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan Alfonso de Albuqueque, wizurai Portugis di Melaka pada tahun 1511 dahulu.

Marilah kita ikuti beberapa kisah tentang sikap Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang sangat kuat menahan perasaan marahnya kerana diperli dan disakiti hatinya oleh orang-orang yang membencinya:-

Kisah pertama, diceritakan pada suatu hari setelah baginda dilantik menjadi khalifah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berpidato atau berkhutbah di atas mimbar masjid. Antara kandungan isi khutbahnya ialah kerajaan baginda sudah tidak lagi membayar elaun sara hidup kepada segolongan para penentang kerajaan terutama dari kalangan kaum Khawarij. Setelah baginda mengumumkan ketetapan itu, tiba-tiba bangun berdiri seorang ulama' yang berjiwa suci, salih, berani dan keramat bernama Abu Muslim al-Khaulani, seorang yang berasal dari negeri Yaman dan berkata kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan suara yang lantang;

"Wahai Mu'awiyah! Harta itu bukan titik peluhmu, juga bukan titik peluh ayah dan ibumu."

Berderau darah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendengar kata-kata tentangan dari Abu Muslim al-Khaulani itu. Memang kata-kata Abu Muslim al-Khaulani itu adalah suatu ucapan kebenaran yang tidak dapat disangkal lagi. Tetapi Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangat sakit hati mendengar kata-kata seperti itu. Terasa dalam hati baginda untuk menempeleng mulut tokoh ulama' yang sangat lancang itu, tetapi baginda berusaha menahan rasa marahnya. Agar api kemarahannya segera padam atau tidak begitu menjilat-jilat hatinya, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan segera turun dari mimbar sambil berkata kepada para jemaah;

"Sabarlah tuan-tuan sekejap."

Beberapa minit kemudian, baginda datang lagi dan kelihatan seperti orang yang baru lepas mandi kerana rambutnya kelihatan basah. Kemudian baginda menyambung khutbahnya semula;

"Sesungguhnya Abu Muslim telah menghadapkan kepadaku suatu kata-kata yang telah menimbulkan rasa marahku. Aku pernah mendengar Rasulullah bersabda, "Sesungguhnya kemarahan itu adalah daripada syaitan, dan syaitan itu dijadikan daripada api, hanya air sahaja yang dapat memadamkan api.

Kerana itu apabila seseorang daripada kamu diresapi perasaan marah, maka hendaklah ia mandi."

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menyambung lagi ucapannya, "Benar apa yang dikatakan oleh Abu Muslim bahawa harta itu (harta kerajaan) bukan dari hasil titik peluhku, dan juga bukan hasil dari titik peluh kedua ibubapaku. Sekarang marilah terima bahagian kamu dari pembayaran ini."

Untuk pengetahuan para pembaca yang budiman semua, Abu Muslim al-Khaulani bukanlah seorang Khawarij, tetapi beliau membela hak orang perseorangan. Beliaulah yang telah dibakar oleh nabi palsu di Yaman iaitu al-Aswad al-Ansi dan para pengikutnya, tetapi tidak hangus menyerupai mu'jizat Nabi Ibrahim as. Sehingga Khalifah Umar bin al-Khattab pernah berkata tentang kelebihan iman Abu Muslim al-Khaulani ini, "Segala puji bagi Allah yang belum mematikan aku sehingga aku melihat seseorang daripada umat Muhammad yang diperlakukan sebagaimana Nabi Ibrahim diperlakukan dahulu."

6. Menyayangi Orang Salih Yang Taat Kepada Pemerintahan Baginda

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilaporkan sangat sayang kepada seorang ahli ibadat yang bernama Amir bin Abdul Qais. Amir bin Abdul Qais tinggal di kota Basrah. Ramai para penduduk di kota Basrah yang merasa irihati dengan kasih sayang yang diperlihatkan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepadanya. Mereka merancang beberapa fitnah ke atas Amir bin Abdul Qais agar Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak menyayanginya lagi atau berhenti daripada menyayanginya. Mereka telah merekacipta beberapa fitnah yang buruk dan dilaporkan kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang mereka katakan telah dilakukan oleh Amir bin Abdul Qais. Mereka memberitahu kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bahawa Amir bin Abdul Qais bukanlah seorang yang salih sebenarnya. Dia buat-buat salih sahaja. Jadi tak wajarlah khalifah menyayanginya. Fitnah yang dibuat ke atas Amir bin Abdul Qais adalah berat sekali sehingga Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah memanggil Amir bin Abdul Qais agar datang mengadap baginda di istana baginda di kota Damsyik.

Setelah Amir bin Abdul Qais duduk di hadapan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepadanya apakah benar dia tidak suka memakan daging sebagaimana yang dikatakan oleh para penduduk kota Basrah terhadap dirinya? Amir bin Abdul Qais menjawab, "Saya tidak mahu makan daging yang disembelih oleh tukang sembelih yang kasar cara sembelihnya."

Apabila Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepadanya, apakah dia tidak suka berkahwin, sedangkan berkahwin adalah sunnah Rasulullah

s.a.w.? Amir bin Abdul Qais menjawab, "Ketika mereka (penduduk kota Basrah) mahu menikahkan saya, saya kebetulan tidak ada di dalam kota Basrah."

Fitnah yang terakhir berbunyi, apakah engkau tidak lagi mahu bersembahyang Jumaat? Amir bin Abdul Qais menjawab, "Saya sentiasa menghadhiri sembahyang Jumaat setiap minggu, tetapi saya duduk di saf paling belakang sehingga luput dari pandangan mata orang ramai."

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mengetahui semua itu adalah fitnah yang dilemparkan ke atas Amir bin Abdul Qais yang baginda sayangi, maka baginda bertanya kepada Amir bin Abdul Qais apakah dia mahu terus menetap di kota Basrah atau berpindah ke tempat atau daerah lain? Amir bin Abdul Qais mengatakan dia tidak mahu lagi tinggal di daerah para penduduknya suka membuat fitnah dan membesar-besarkan berita yang sebenarnya kecil. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mengizinkan Amir bin Abdul Qais untuk tinggal di mana-mana sahaja yang ia sukai.

7. Sangat Mencintai Keturunan Bani Hasyim Dan Anggota Ahlil Bait

Alangkah anihnya apabila saya paparkan tajuk sebagaimana di atas. Percayakah tuan-tuan dan puan-puan pembaca yang budiman, bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebenarnya sangat mencintai keturunan bani Hasyim dan anggota keluarga Ahlil Bait?

Tentu sekali ramai yang tidak dapat mempercayai perkara ini setelah mereka melihat keengganan Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk memberi baiatnya kepada Khalifah Ali bin Abu Talib dan peperangan yang terjadi di antara Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Khalifah Ali bin Abu Talib selama masa pemerintahan Khalifah Ali.

Kalau kita mengatakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan enggan memberi baiat dan telah berperang dengan Khalifah Ali bin Abu Talib bererti Mu'awiyah bin Abu Sufyan membenci Khalifah Ali bin Abu Talib, bagaimana dengan yang terjadi di antara Khalifah Ali bin Abu Talib dengan Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha yang disertai oleh Talhah bin Ubaidullah dan az-Zubair bin al-Awwam? Apakah kerana Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha, Talhah bin Ubaidullah dan az-Zubair bin al-Awwam membenci Khalifah Ali bin Abu Talib? Ataukah kerana mereka bertiga tidak menyukai Sayidina Ali bin Abu Talib menjadi khalifah?

Jadi kalau dikatakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan membenci peribadi Sayidina Ali bin Abu Talib, bukan membenci Sayidina Ali bin Abu Talib dilantik menjadi khalifah, kenapakah setelah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilantik menjadi khalifah, beliau telah memuliakan dan membantu keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib seakan-akan beliau membela seseorang ahli keluarga beliau yang beliau sayangi dan cintai?

Saya percaya Mu'awiyah bin Abu Sufyan memusuhi Sayidina Ali bin Abu Talib adalah disebabkan persoalan khalifah. Pembunuhan ke atas Khalifah Uthman bin Affan menjadi sebab kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk memperjuangkan kedudukan khalifah dengan berselindung disebalik menuntut bela di atas darah Khalifah Uthman bin Affan yang dibunuh secara zalim. Kebetulan pula para pembunuh Khalifah Uthman bin Affan masuk menyeludup ke dalam barisan penyokong Khalifah Ali bin Abu Talib. Jadi Mu'awiyah bin Abu Sufyan dapat menjadikan alasan beliau memerangi Khalifah Ali bin Abu Talib sebagai usaha membela darah al-marhum Khalifah Uthman bin Affan sedangkan pada hakikatnya beliau mahu merampas jawatan khalifah dari tangan Khalifah Ali bin Abu Talib untuk dirinya.

Mahunya Mu'awiyah bin Abu Sufyan pada jawatan khalifah bukanlah untuk membalas dendam terhadap sesiapa meskipun terhadap para pembunuh Khalifah Uthman bin Affan apabila kuasa sudah berada di dalam tangan beliau, tetapi adalah semata-mata cita-cita hatinya. Beliau sangat suka kepada kebesaran mengikuti perangai atau sifat ayahnya Abu Sufyan bin Harb yang sangat suka kepada kebesaran.

Cita-cita beliau setelah mendapat kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat atau kedudukan yang tertinggi, beliau mahu melihat seluruh rakyat beliau hidup aman, bahagia, selesa dan berharta, bukan menzalimi rakyat sebagaimana para pemerintah yang tidak beriman. Sebab itu Mu'awiyah bin Abu Sufyan setelah menjadi khalifah, baginda menjaga dan memerhati kehidupan seluruh rakyat. Kecuali rakyat yang ingin merampas kerusi khalifah dari tangan baginda. Kecuali rakyat yang tidak berpuashati menjadi rakyat biasa. Kecuali rakyat yang bangkit memberontak terhadap pemerintahan baginda. Kalau rakyat hidup baik-baik, Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak akan mengapa-apakan mereka. Bahkan baginda akan menolong rakyat yang bersikap demikian dengan memberi bantuan kewangan yang secukupnya.

Sekarang marilah kita lihat beberapa kisah di mana memperlihatkan bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang pemerintah yang menyayangi keluarga Rasulullah s.a.w. dan keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib.

Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Abdul Rabbih di dalam kitabnya bertajuk *al-Iqdal Farid* bahawa pada suatu ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada sahabat-sahabat baginda, "Siapakah orang yang paling mulia ayah dan ibunya, datuk dan neneknya, bapa saudara dan ibu saudaranya, baik dari pihak ayahnya mahupun dari pihak ibunya?"

Sahabat-sahabatnya menjawab, "Amirul Mu'minin yang lebih mengetahuinya."

Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sambil memegang tangan Sayidina Hasan cucunda Rasulullah s.a.w. dan berkata, "Inilah dia orangnya.

Ayahnya Ali bin Abu Talib, ibunya Fatimah binti Muhammad, datuknya Rasulullah s.a.w., neneknya Khadijah, ibu saudaranya Halah binti Abu Talib (sebenarnya perawi ini silap kerana tiada puteri Abu Talib yang bernama Halah. Mungkin sekali maksudnya ialah Ummu Hani'), bapa saudaranya dari pihak ibu ialah al-Qasim bin Muhammad dan ibu saudaranya dari pihak ibunya ialah Zainab bin Muhammad."

Imam as-Sayuti meriwayatkan di dalam kitabnya *Tarikh Khulafa'* bahawa Sayidina Hasan cucunda Rasulullah s.a.w. biasa bersedekah sebanyak 100,000 dinar setahun. Tiba-tiba pada suatu ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memberhentikan pemberian wang kepada Sayidina Hasan yang menyebabkan Sayidina Hasan tidak dapat melakukan amalnya yang suka bersedekah itu. (Ini bererti Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memberi wang kepada Sayidina Hasan lebih daripada 100,000 dinar setahun sebelum memberhentikannya).

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menyambung semula pemberiannya kepada Sayidina Hasan dan kerana pemberian itu tertunggak akibat tergendala buat beberapa ketika itu, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menambah pemberiannya kepada Sayidina Hasan sehingga mencapai 1,500,000 dinar.

Bukankah ini membuktikan bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan begitu mencintai keluarga Rasulullah s.a.w.?

Satu lagi kisah yang diriwayatkan oleh para sejarawan Islam tentang perasaan kasih sayang yang terjalin di dalam hati Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap anggota keluarga Rasulullah s.a.w. ialah pada suatu ketika Zaid bin Umar bin al-Khattab anak kepada Ummu Kalthum binti Ali bin Abu Talib dari isteri baginda Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha telah pergi ke kota Damsyik untuk mengadap Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Beliau pergi itu dengan ditemani oleh seseorang. Beliau (Zaid bin Umar) adalah seorang yang dikurniakan kelebihan ilmu, fizikal dan keberanian, tidak takut kepada sesiapa. Kita sudah tahu bahawa ibu kepada Zaid ialah Ummul Kalthum binti Ali bin Abu Talib puteri dari Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha. Orang yang menemani Zaid bin Umar bercerita;

"Kami bersama Zaid bin Umar pergi bertamu kepada (Khalifah) Mu'awiyah bin Abu Sufyan (di negeri Syam). Mu'awiyah memberi tempat duduk yang dekat dengannya (kerana memuliakan Zaid). Di sana terlihat bahawa Zaid adalah seorang yang paling rupawan. Saat itu ada seorang yang memberi sambutan acara iaitu Busr bin Arta'ah (dia adalah seorang pahlawan hebat yang mengepalai serangan di pihak Mu'awiyah ke Yaman pada masa pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib). Dalam masa membuat persembahan, Busr sempat menyinggung nama baik datuk Zaid iaitu Khalifah Ali bin Abu Talib.

Zaid bangun meninggalkan tempat duduknya dan terus mendapatkan Busr. Beliau membanting Busr, mencekik dan duduk di atas dadanya. Kemudian beliau berkata kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan;

"Aku tahu yang diucapkan oleh Busr adalah buahfikiran darimu. Aku adalah anak dari dua orang khalifah."

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang cerdik, bijaksana dan berakal panjang itu cepat mencari alasan lantas menjawab, "Semoga Allah menjauhkan Busr dari rahmatNya. Semoga Allah menjauhkan Busr dari rahmatNya. Tidakkah dia tahu bahawa Zaid adalah anak Ali dan Umar? Tidakkah dia tahu bahawa Zaid adalah putera Fatimah, puteri (kesayangan) Rasulullah s.a.w.?"

Maka Busr bin Arta'ah terus keluar dari majlis Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan rambut dan janggut yang bergerbangan dan serban yang tertanggal. Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan meminta maaf kepada Zaid bin Umar dan memberi kepadanya wang sebanyak 100,000 (dirham atau dinar)."

Apakah dapat dikatakan bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berbuat baik dan memuliakan Zaid bin Umar puteri Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha di atas dasar bermuka-muka?

Tetapi masakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sanggup bermuka-muka dengan memperlihatkan baginda lebih menyayangi anak cucu musuh baginda Khalifah Ali bin Abu Talib di hadapan pahlawan yang telah berjasa di dalam perjuangan membela baginda?

Zaid bin Umar bin al-Khattab adalah cucu Khalifah Ali bin Abu Talib yang tidak pernah membuat apa-apa jasa kepada baginda. Sedangkan Busr bin Arta'ah adalah pahlawan besar yang telah berjasa menegakkan kekuasaan baginda sehingga ke negeri Yaman.

Penyusun percaya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebenarnya lebih menyayangi keluarga Rasulullah s.a.w. berbanding para penyokong baginda yang bukan keluarga Rasulullah s.a.w. Sebab itu setelah baginda menang dan berjaya menjadi khalifah, Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah diketahui menyeksa, memberi malu dan membunuh keluarga Rasulullah s.a.w. dan keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib. Malah baginda memberi kesenangan kepada kedua-dua cucunda Rasulullah s.a.w. iaitu dua putera Sayidina Ali bin Abu Talib iaitu Sayidina Hasan dan Sayidina Husein dan saudari-saudarinya yang lain. Kedua-dua cucunda Rasulullah s.a.w. dan cucunda-cucunda Rasulullah s.a.w. lain seperti anak-anak perempuan Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha telah mendapat saraan atau hadiah daripada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan setiap masa. Sebagaimana yang telah disebut bahawa Sayidina Hasan diberi belanja secukupnya oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk selama setahun. Begitu juga kepada Sayidina Husein. Bahkan banyak

pemberian-pemberian lain kepada kedua-duanya itu. Ini adalah kerana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangat sayang dan memuliakan keluarga Rasulullah s.a.w. dan bani Hasyim. Kematian Sayidina al-Hasan kerana diracun disyaki dari angkara Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, bukan secara yakin.

Selama hampir 20 tahun baginda menjadi khalifah, semua keluarga Rasulullah s.a.w. dan keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib hidup aman dan sentosa tanpa sebarang gangguan sama ada gangguan fizikal mahupun gangguan mental.

Benar-benar umat Islam yang hidup pada masa pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sangatlah aman, damai, senang dan gembira. Sehinggalah sampai saat apabila Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan melahirkan hasrat hati baginda untuk melantik Yazid putera baginda menjadi Putera Mahkota dan bakal khalifah, barulah keadaan rakyat menjadi agak tidak tenteram. Rakyat mula tidak suka kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, bukan kerana corak pemerintahan baginda, tetapi disebabkan persoalan bakal pengganti baginda. Padahal sebelum itu, rakyat tidak pernah mempersoalkan tindak tanduk atau corak pentadbiran Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Dialog Dan Kata-kata Bukti Mu'awiyah Manusia Bijaksana

Kisah-kisah dialog di bawah ini di antara Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan bekas-bekas musuh politik beliau memperlihatkan bahawa beliau adalah seorang manusia yang sangat bijaksana dan lapang dada. Marilah kita lihat kisah-kisah dialog tersebut:-

Ketika Mu'awiyah bin Abu Sufyan sudah menjadi khalifah, ada seorang bertanya kepada baginda, "Wahai Amirul Mu'minin! Apakah tuan berani atau penakut?"

Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjawab, "Saya berani apabila ada lubang untuk saya masuk, dan saya penakut apabila tiada lubang untuk saya masuk bersembunyi di dalamnya."

Mu'awiyah bin Abu Sufyan pernah berkata, "Aku tidak akan menggunakan pedangku seandainya pemukul sudah cukup, dan aku tidak akan menggunakan pemukul seandainya kata-kata sudah memadai. Andainya aku dengan orang lain berebut sehelai rambut, rambut itu tidak akan putus, kerana apabila mereka menegang, aku kendurkan, dan apabila mereka kendurkan, aku akan tegangkan."

Inilah sikap seorang manusia yang bijaksana. Kalau orang yang tidak bijaksana, dia akan menggunakan pedang dahulu daripada pemukulnya, dan akan menggunakan pemukul dahulu daripada kata-katanya. Dan seandainya mereka berebut sehelai rambut, sudah pasti dalam sesaat sahaja rambut itu akan putus.

Satu kisah lagi yang memperlihatkan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang manusia yang bijaksana ialah pernah pada suatu hari setelah baginda menduduki kerusi khalifah, baginda berkata kepada bekas musuh politik baginda yang merupakan seorang penyokong dan kakitangan Khalifah Ali bin Abu Talib yang paling setia dan bijak iaitu Qais bin Saad bin Ubadah;

"Wahai Qais! Sesungguhnya aku tidak menginginkan peperangan di antara aku dengan Ali berakhir sedangkan kau masih hidup."

Qais bin Saad bin Ubadah yang terkenal pintar dan bijaksana di dalam menggubah kata-kata yang menarik dan mempesonakan pendengarnya seperti juga Amru bin al-Ass, Saad bin Abu Waqqas dan Khalifah Umar bin Abdul Aziz menjawab;

"Aku pun sekali-kali tidak menginginkan peperangan ini berakhir sedangkan kau yang menjadi Amirul Mu'minin."

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan hanya diam sahaja mendengar kata-kata jawapan yang bijaksana dari Qais bin Saad itu. Kalau seorang pemerintah yang tidak mempunyai dada yang lapang, sudah pasti akan marah dengan jawapan seorang rakyatnya atau pegawai bawahannya yang berjaya membungkam mulut mereka. Silap-silap hari bulan terpenggal leher!

Lihatlah betapa bijaksana dan lapang dadanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan betapa indahnya kata-kata yang dijawab oleh Qais bin Saad bin Ubadah sebagai ucapan balas terhadap kata-kata bijaksana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap dirinya.

APAKAH MU'AWIYAH SEORANG SAHABAT NABI?

Apakah Ada Yang Menyangsikannya?

Mungkin ada orang yang menyangsikan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah termasuk salah seorang sahabat Nabi. Mereka beralasan kepada hujah-hujah beberapa tindakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang tidak patut dilakukan oleh seorang sahabat Nabi seperti membunuh keluarga Nabi, membunuh para penyokong Sayidina Ali bin Abu Talib, melantik anak menjadi khalifah dan hidup macam Kaiser dan Kisra bukan macam Nabi dan para Khalifah Irrasyidin.

Baiklah marilah kita lihat bagaimana ulama' mendefinasikan makna sahabat Nabi itu.

Para ulama' fekah menta'rifkan bahawa seseorang itu dikatakan sahabat Rasulullah s.a.w. apabila terjadi atau berlaku kepada dirinya perkara ini iaitu ia sempat bertemu dengan Rasulullah s.a.w. dalam keadaan Islam, di masa Rasulullah s.a.w. masih hidup.

Ini satu ta'rif.

Manakala ta'rif yang dibuat oleh Imam al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani bahawa apa yang dikatakan seseorang itu adalah sahabat Rasulullah s.a.w. ialah apabila seseorang itu pernah atau sempat berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. dalam keadaan ianya beriman, dan meninggal dalam Islam, sama ada lama ia bergaul dengan baginda atau sebentar sahaja, dikehendaki dia melihat Rasulullah s.a.w., biarpun dia tidak pernah duduk di dalam majlis baginda, atau dia tidak dapat melihat Rasulullah s.a.w. disebabkan matanya buta.

Baiklah mari kita lihat apakah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memiliki kesemua ciri-ciri di atas?

Pertama, beriman dan berjumpa dan melihat Rasulullah s.a.w. Ya, memang Mu'awiyah bin Abu Sufyan beriman, berjumpa dan melihat Rasulullah s.a.w.

Kedua, bergaul dengan Rasulullah s.a.w. Bahkan Mu'awiyah bin Abu Sufyan bukan setakat bergaul, malah menjadi jurutulis wahyu setiap kali wahyu turun kepada baginda dan turut berjuang bersama-sama dengan baginda sama ada di

medan dakwah mahupun di medan perang iaitu di medan Hunain dan Tabuk.

Ketiga, mati dalam Islam. Ya, Mu'awiyah bin Abu Sufyan mati dalam keadaan ianya beragama Islam.

Kesimpulannya bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang sahabat Nabi.

Kalau begitu bagaimanakah dengan tindakan-tindakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang dikatakan telah melakukan perbuatan membunuh keluarga Nabi, membunuh penyokong Sayidina Ali, melantik anak sebagai Khalifah, dan hidup macam Kaiser dan Kisra? Apakah ini tidak menyebabkan beliau dikira bukan seorang sahabat Nabi?

Siapakah keluarga Rasulullah s.a.w. yang dikatakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah membunuhnya?

Sayidina Hasan!

Siapakah penyokong Sayidina Ali bin Abu Talib yang dikatakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah membunuhnya?

Hujr bin Adi!

Benarkah Mu'awiyah bin Abu Sufyan melantik anaknya sebagai Putera Mahkota seterusnya sebagai khalifah bani Umayyah yang kedua yang memerintah umat Islam?

Ya, benar, Yazid!

Apakah benar Mu'awiyah bin Abu Sufyan hidup mewah di dalam istana macam Kaiser Rom dan Kisra Farsi?

Ya. Di dalam istananya yang berpusat di kota Damsyik negeri Syam (Syria)!

Kalau begitu Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah terkeluar daripada senarai golongan sahabat Nabi?!

Tidak! Meskipun Mu'awiyah bin Abu Sufyan memang telah melibatkan dirinya di dalam kesemua yang disebut, tetapi Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak tercabut dari senarai salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. Kenapa saya katakan demikian? Kerana banyak sebab-sebab dan alasannya. Marilah kita lihat sebab-sebab dan alasan tambahan selain daripada bukti-bukti di atas yang telah dijelaskan sebagai bukti bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah salah seorang sahabat Nabi yang utama.

Pertama, tiada seorangpun dari kalangan ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah yang meragui kedudukan Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai seorang sahabat Nabi yang utama.

Kedua, terdapat sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang menceritakan bahawa cucunda baginda Hasan bin Ali akan menjadi juru damai di antara dua

kumpulan kaum Muslimin yang bersengketa. Hadis itu berbunyi, *"Anakku ini (maksudnya cucunda baginda Hasan) akan menjadi orang penting, dan dengan perantaraannyalah Allah akan mendamaikan dua golongan kaum Muslimin yang sedang berselisih."*

Ternyata di kemudian hari Sayidina Hasan telah menyerahkan jawatan khalifah yang disandangnya hanya beberapa bulan sahaja kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan sehingga bersatulah kaum Muslimin di antara para pengikut ayahandanya Khalifah Ali bin Abu Talib dengan para penyokong Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Dalam hadis ini menyebut dua golongan kaum Muslimin yang sedang berselisih. Maka jelas Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan para penyokongnya adalah orang-orang Islam dan pangkatnya sebagai sahabat Nabi yang utama tetap tidak luntur atau tertanggal dari diri Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Ketiga, terdapat sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Sayidina Anas bin Malik, khadam baginda selama sepuluh tahun, katanya, Rasulullah s.a.w. pernah berjalan-jalan ke rumah Ummu Haram binti Milhan, isteri kepada Ubadah bin as-Samit (dan juga adalah ibu saudara kepada Anas sendiri kerana ibu Anas iaitu Ummu Sulaim adalah saudara perempuan kepada Ummu Haram) dan diberinya baginda makan (makan tengah hari). Selepas (selesai makan) itu baginda duduk dengan menundukkan kepala dan terus tertidur (tidur qailullah, waktu itu masih belum masuk waktu Zuhur). Apabila baginda terjaga, baginda tersenyum. Beliau (kepada Ummu Haram) bertanya, "Apakah yang membuat engkau tersenyum wahai Rasulullah?" Rasulullah s.a.w. menjawab dengan bersabda, "Beberapa orang daripada umatku menawarkan diri untuk berperang di jalan Allah. Mereka menaiki kapal di tengah lautan menuju kepada raja-raja yang zalim."

Ummu Haram berkata, "Wahai Rasulullah! Doakanlah kepada Allah SWT semoga Dia (Allah SWT) menjadikan aku daripada kalangan mereka."

Baginda pun berdoa untuknya.

Kemudian sekali lagi baginda merebahkan kepala dan tertidur. Kemudian baginda sedar dan tersenyum. (Sekali lagi) Ummu Haram bertanya, "Apakah yang membuat engkau tersenyum wahai Rasulullah?" Rasulullah s.a.w. menjawab dengan bersabda, "Beberapa orang daripada umatku menawarkan diri untuk berperang di jalan Allah seperti yang pertama tadi."

(Sekali lagi) Ummu Haram berkata, "Wahai Rasulullah! Doakanlah kepada Allah SWT semoga Dia (Allah SWT) menjadikan aku daripada kalangan mereka itu."

Baginda lalu bersabda, "Kamu sudah termasuk yang pertama daripada mereka."

Ummu Haram binti Milhan telah ikut berperang dengan mengharungi

lautan (ikut dalam serangan laut) pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sekembalinya daripada laut, beliau terjatuh daripada tunggangannya lantas meninggal dunia. (dipetik daripada buku ***1000 Mu'jizat Razul*** - Dr Mustafa Murad)

Keempat, Mu'awiyah bin Abu Sufyan selama hidupnya sebagai gabenor dan khalifah telah melancarkan serangan ke atas negara-negara kafir seperti jajahan takluk kerajaan Rom. Ini adalah sama dengan usaha yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Umar bin al-Khattab.

Kelima, Mu'awiyah bin Abu Sufyan hidup berlandaskan prinsip hidup seorang Islam seperti tidak pernah meninggalkan sembahyang lima waktu, mengimami sembahyang berjemaah dan Jumaat, mengerjakan rukun-rukun Islam yang lima.

Keenam, Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak pernah berusaha untuk meruntuh sendi-sendi agama Islam selama beliau hidup daripada seorang gabenor hinggalah menjadi seorang khalifah.

Ketujuh, Mu'awiyah bin Abu Sufyan mencintai Rasulullah s.a.w. sehingga ketika beliau meninggal dunia, disuruh orang memasukkan kuku Rasulullah s.a.w. yang disimpannya ke dalam matanya, agar jenazahnya dapat bersemadi bersama-sama sebahagian anggota Rasulullah s.a.w. biarpun hanya sekadar potongan-potongan kuku baginda sahaja.

Adapun dikatakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah membunuh Sayidina Hasan bin Ali, cucunda Rasulullah s.a.w., tuduhan ini sebenar tidaklah jelas.

Tentang tindakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan dikatakan membunuh penyokong Sayidina Ali bin Abu Talib yang bernama Hujr bin Adi ini adalah tindakan yang salah. Sepatutnya Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak boleh membunuh Hujr bin Adi kerana Hujr tidak memberontak, cuma setakat bersuara atau mencerca Mu'awiyah sahaja sebagai membalas perbuatan al-Mughirah bin Syu'bah yang mencerca Sayidina Ali bin Abu Talib di dalam khutbah Jumaat. Kesilapan ini diakui oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan sendiri. Tetapi tidaklah sampai martabat persahabatannya dengan Rasulullah s.a.w. tertanggal dari diri baginda.

Adapun berkaitan dengan tindakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan melantik putera beliau Yazid sebagai Putera Mahkota seterusnya khalifah yang memimpin kaum Muslimin adalah kerana mahu mengelakkan umat Islam daripada berpecah kerana merebut kekuasaan.

Dikatakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan hidup cara Kaiser Rom dan Kisra Farsi, adalah bertujuan untuk mempamirkan kehebatan dan kekuatan kerajaan dan umat Islam di mata orang-orang kafir. Ini perlu baginda lakukan kerana menggerunkan musuh Islam adalah perbuatan yang dituntut oleh agama Islam. Dan tidak pernah ada seorang ulama' Ahlis Sunnah wal Jamaah yang

mengatakan tindakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini boleh mengeluarkan baginda daripada senarai golongan orang-orang salih dan sahabat Rasulullah s.a.w. Mana ada bukti bahawa seseorang sahabat Nabi yang hidup mewah boleh menyebabkan sahabat itu terkeluar daripada senarai golongan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w.?

Demikianlah beberapa hujah penyusun bagi membuktikan bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah termasuk ke dalam senarai salah seorang sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. meskipun beliau telah melakukan beberapa keterlanjuran ketika berkuasa, tetapi beliau juga terus menerus melakukan tindakan-tindakan atau amalan-amalan untuk mengukuhkan sendi-sendi agama Islam dengan tidak henti-henti memperjuangkan agama Islam dan meninggikan martabat agama dan umat Islam seluruhnya yang menjadi bukti bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang Islam yang salih dan beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah s.a.w.

YAZID BIN MU'AWIYAH

(60-64 Hijrah/679-683 Masihi)

Pengenalan

Yazid bin Mu'awiyah ialah Khalifah kerajaan bani Umayyah yang pertama naik takta secara asing daripada cara yang dilakukan sebelumnya khasnya oleh para Khalifah Irrasyidin. Baginda dilantik menjadi khalifah kedua bagi kerajaan bani Umayyah menggantikan tempat ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang wafat pada tahun 60 Hijrah/679 Masihi. Yazid adalah putera kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang paling dikasihi oleh ayahandanya. Beliau dilantik menjadi khalifah oleh ayahandanya sendiri setelah berjuang dengan susah payah mendapatkan sokongan rakyat jelata seluruhnya. Cara beliau dilantik menjadi khalifah adalah cara Kaiser dan Kisra melantik pengganti mereka untuk menduduki takhta, bukan cara empat Khalifah Irrasyidin melantik pengganti.

Ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan masih hidup lagi, baginda telah melantik Yazid sebagai Putera Mahkota, sedangkan putera terbaik para sahabat telah menentang dengan hebatnya perbuatan ini terutama oleh Sayidina Husein bin Ali bin Abu Talib. Ini adalah disebabkan perbuatan itu telah melanggar sunnah para Khalifah Irrasyidin yang empat di dalam menentukan pengganti mereka adalah bukan dari kalangan kaum kerabat, apatah lagi anak sendiri. Sayidina Hasan pun dilantik menjadi khalifah selepas ayahandanya Khalifah Ali bin Abu Talib wafat bukanlah di atas kehendak Khalifah Ali bin Abu Talib, tetapi kehendak kaum Muslimin umumnya.

Ketika Yazid dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat ayahandanya, usia beliau ialah 40 tahun. Usia seorang yang sedang matang fikiran dan emosinya.

Selama masa pemerintahan baginda, Khalifah Yazid bin Mu'awiyah tidak sempat membuat apa-apa jasa terhadap rakyat. Ini adalah disebabkan masa pemerintahan baginda dipenuhi dengan huru-hara di dalam negeri dan pemberontakan-pemberontakan yang dicetuskan oleh tokoh-tokoh terkemuka. Pada zaman baginda hanya terdapat sedikit penaklukan di sebelah barat yang dilakukan oleh pahlawan-pahlawan yang sedang berjuang di sana ketika al-

marhum Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat. Jadi perjuangan diteruskan disebabkan jauh dari tempat terjadinya huru-hara iaitu di Semenanjung Tanah Arab.

Apa pun pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah lebih mendatangkan kesan yang buruk terhadap pentadbiran negara Islam kerana kekejaman sebahagian besar pembantu-pembantu baginda di dalam usaha menegak dan mengukuhkan pemerintahan baginda.

Semasa Abdul Malik bin Marwan dilantik menjadi khalifah, baginda telah menyedari pendeknya usia pemerintahan bani Abu Sufyan adalah disebabkan perbuatan mereka membunuh anggota keluarga Rasulullah s.a.w. khasnya ke atas Sayidina Husein, cucunda kesayangan Rasulullah s.a.w. Sehingga Khalifah Abdul Malik bin Marwan mengingatkan kepada para pembantu baginda agar jangan tersalah meletakkan mata pedang ke atas batang leher mana-mana keluarga atau keturunan Rasulullah s.a.w. agar kerajaan bani Marwan yang baru dapat dipulihkan daripada pemberontakan yang sangat dahsyat di dalam negeri tidak menjadi pendek sama seperti masa atau jangka hayat pemerintahan khalifah-khalifah kerajaan bani Abu Sufyan.

Kelahiran, Salasilah Dan Peribadi

Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan dilahirkan di negeri Syam pada tahun 20 Hijrah/641 Masihi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab. Ketika itu ayahandanya Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah gabenor bagi dua wilayah di negeri Syam iaitu gabenor bagi kota Damsyik dan kota Jordan. Ini bererti ketika beliau dilahirkan, usia ayahandanya Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah 35 tahun. Dan ketika terjadi persengketaan di antara ayahandanya dengan Khalifah Ali bin Abu Talib di Siffin tahun 37 Hijrah/657 Masihi, Yazid baru berusia 17 tahun. Entah dia ikut berperang bersama ayahandanya atau tidak.

Yazid bin Mu'awiyah mempunyai beberapa orang saudara atau adik beradik seibu sebapa dan juga sebapa. Ini adalah kerana ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagaimana kebiasaan amalan-amalan tokoh-tokah Arab yang lain telah berkahwin lebih daripada seorang isteri. Sebagaimana yang telah disebutkan di dalam kisah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, bahawa baginda telah berkahwin dengan empat orang perempuan.

Yazid sangat cerdik dan pandai. Beliau juga berani dan pandai bersyair. Ini adalah sifat-sifat yang beliau warisi daripada kedua-dua orang tua beliau. Kerana kelebihan yang terdapat pada dirinya inilah yang menjadikan ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan begitu tertarik untuk melantiknya menjadi khalifah sesudahnya. Marilah kita lihat satu kisah yang menunjukkan kecerdikan akal Yazid berbanding dengan saudaranya yang seorang lagi yang berlainan ibu yang bernama Abdullah.

Diriwayatkan pada suatu hari Mu'awiyah bin Abu Sufyan (entah sudah

menjadi khalifah atau belum) mahu menguji dua orang putera beliau iaitu Yazid dan Abdullah yang masing-masing lahir dari ibu yang berlainan. Ibu Yazid ialah Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah. Manakala ibu Abdullah ialah Fakhitah binti Qirdhah. Kisahnya bermula apabila isterinya yang merupakan ibu kepada Abdullah bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan bernama Fakhitah binti Qirdhah telah mencela Maisun binti Bahdal di hadapan Yazid yang masih kecil dengan mengatakan;

"Allah mela'nat warna hitam dikedua-dua betis ibumu."

Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang ada bersama telah menegor sikap isteri beliau yang bernama Fakhitah binti Qirdhah itu, katanya, "Demi Allah, Yazid adalah lebih baik daripada anakmu yang bernama Abdullah itu."

"Tidak! Demi Allah, anakku yang lebih baik, akan tetapi engkau sahaja yang lebih cenderong kepada Yazid," jawab Fakhitah binti Qirdhah mempertahankan anaknya Abdullah.

"Kalau engkau tidak percaya, aku akan buktikan sekarang juga agar engkau mengetahui kedudukan yang sebenarnya," jawab Mu'awiyah pula mempertahankan keyakinannya.

"Silakan," sampuk Fakhitah binti Qirdhah pendek.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus memanggil anaknya yang bernama Abdullah, anak kepada Fakhitah binti Qirdhah, isteri ketiga beliau. Tidak berapa lama kemudian, datanglah Abdullah ke hadapan ayahandanya.

"Wahai anakku! Aku bercadang untuk memberi apa sahaja yang engkau pinta dalam majlisku ini. Sila minta apa yang kau mahu," kata Mu'awiyah bin Abu Sufyan menguji kecerdasan akal anaknya Abdullah.

"Wahai ayah! Aku minta agar ayah belikan kepadaku seekor anjing yang tangkas dan seekor kaldai yang tangkas juga," pinta Abdullah dengan girang.

"Wahai anakku, kau seperti kaldai dan minta dibeli kaldai pula, keluarlah!!!!" bentak dan kutuk Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada anaknya Abdullah dan menghalau anaknya itu agar keluar dari majlis beliau.

Setelah Abdullah keluar, maka Mu'awiyah bin Abu Sufyan berpaling kepada ibu Abdullah dan berkata kepadanya, "Engkau lihat sendiri bagaimana keadaan anakmu."

Kemudian Mu'awiyah bin Abu Sufyan memanggil pula putera baginda Yazid iaitu anak kepada isteri baginda yang bernama Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah. Maka datanglah Yazid ke hadapan ayahandanya. Lantas Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada Yazid untuk menguji kecerdasan akalnya di hadapan ibu tiri Yazid, Fakhitah binti Qirdhah;

"Wahai anakku! Aku bercadang untuk memberi apa sahaja yang engkau

pinta dalam majlisku ini. Sila minta apa yang kau mahu," Mu'awiyah bin Abu Sufyan membuat tawaran kepada anaknya Yazid sama dengan tawaran yang dibuat kepada anaknya Abdullah.

Tiba-tiba Yazid menangis lalu bersujud. Setelah dia mengangkat semula kepalanya, dia berkata kepada ayahandanya, "Segala puji bagi Allah yang telah memanjangkan usia Amirul Mu'minin sehingga ke saat ini dan aku masih sempat melihatnya sekarang. Hajatku ialah hendaklah tuanku melantik diriku menjadi Putera Mahkota yang akan menggantikan tempat tuanku nanti, memberi kesempatan kepadaku mentadbir kaum Muslimin, mengizinkan aku naik haji....."

Fakhitah binti Qirdhah merasa cemburu menyaksikan kecerdasan akal Yazid anak madunya itu.

Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada Fakhitah binti Qirdhah, isteri ketiga baginda itu, "Bagaimana pendapatmu tentang anakku Yazid itu?"

Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya ini bukanlah bermaksud untuk meminta pandangan Fakhitah binti Qirdhah tentang kelebihan akal Yazid, tetapi semata-mata untuk memperlinya yang mengakui anaknya Abdullah lebih cerdik daripada Yazid. Namun Fakhitah binti Qirdhah menjawab juga di dalam kesedihan hatinya, "Engkau lebih mengetahui daripadaku wahai Amirul Mu'minin terhadap mereka."

Salasilah keturunan Yazid bin Mu'awiyah dari pihak ayahandanya ialah Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan bin Harb bin Umayyah bin Abdul Syams bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab bin Murrah bin Kaab bin Lu'ai bin Ghalib bin Fihr bin Malik bin an-Nadhir bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Nizar bin Maad bin Adnan.

Manakala keturunan beliau dari pihak nenek iaitu pihak ibu ayahandanya ialah Yazid bin Mu'awiyah bin Hindun binti Utbah bin Rabiah bin Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab. Manakala keturunan beliau dari pihak ibundanya ialah Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah. Jelas keturunan Yazid dari pihak datuknya dan neneknya dari sebelah ayahandanya bersambung dengan keturunan Rasulullah s.a.w. ialah pada Abdul Manaf bin Qusai. Manakala dari pihak ibunya iaitu suku Kalbiyyah adalah amat jauh sekali kerana ianya datang dari jalur keturunan suku Qahtan bin Nizar. Dan jelas keturunan beliau dari pihak ibundanya adalah bukan dari suku Quraisy, tetapi dari suku Kalbi.

Kitab-kitab sejarah Islam tidak menyebut bagaimanakah rupa paras Khalifah Yazid bin Mu'awiyah ini sehingga kini penyusun masih belum menemui kitab-kitab yang memperkatakan tentang rupa paras Yazid. Kalau kitab-kitab sejarah banyak menyebut bererti penyusun tidak lengkap di dalam membuat pembacaan – harap dimaafkan -.

Tetapi penyusun percaya, Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang lelaki yang kacak menawan. Ini adalah kerana ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang lelaki yang sangat kacak. Manakala ibundanya Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah adalah seorang wanita yang sangat cantik. Inilah yang menyebabkan penyusun percaya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang lelaki yang sangat kacak menawan.

Khalifah Yazid bin Mu'awiyah juga adalah seorang lelaki yang sihat dan gagah perkasa tubuh badannya. Ini terbukti ketika ayahandanya membentuk angkatan tentera Islam untuk menyerang kota Constantinople melalui jalan darat, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah melantik Yazid untuk menjadi pemimpin pasukan. Tentulah Yazid seorang yang gagah perkasa.

Dididik Di Desa Dan Di Istana

Sejak dilahirkan, Yazid bin Mu'awiyah telah dididik di desa tempat asal ibunya. Ini kerana ibunda Yazid ialah seorang perempuan Badwi. Jadi dia lebih selesa hidup di padang pasir berbanding tinggal di dalam istana yang penuh dengan kenikmatan. Sebaik sahaja Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mengahwini Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah, isteri baginda ini telah menyatakan ketidak selesaannya tinggal atau hidup di dalam istana yang penuh dengan kenikmatan, kesenangan itu. Maka selaku seorang perempuan yang bijaksana, Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah meluahkan rasa hatinya yang tidak betah hidup di dalam kemewahan kepada suaminya melalui rangkapan syair. Dia bersyair menyatakan dia tidak suka tinggal di dalam istana yang serba indah permai. Dia meminta agar suaminya membenarkannya tinggal di desanya di dalam khemah kerana dia suka menikmati pemandangan padang pasir, unta dan kambingnya. Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan amat memahami keinginan hati isteri baginda yang seorang ini. Jadi Yazid dididik oleh ibundanya Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah di desa atau di kampungnya sehingga Yazid membesar dan handal di dalam bersyair, menunggang kuda, fasih bercakap dan amat gemar kepada berburu.

Namun tentu juga Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan membawa Yazid pulang ke istana, tidak selamanya tinggal dengan ibundanya di desa terus menerus terutama setelah dia lepas menyusu.

Setelah dewasa, Yazid mula mendampingi ayahandanya di dalam istana. Begitu juga ibundanya tidak lagi terperap di dalam khemah di padang pasir. Jadi Yazid telah mengharungi kehidupan di dalam istana ayahandanya yang penuh dengan kemewahan. Sebenarnya Khalifah Umar bin al-Khattab tidak sekali-kali membenarkan sesiapa sahaja daripada para gabenornya menjalani kehidupan mewah, memakai pakaian kebesaran, memakan makanan yang lazat-lazat, menunggang kuda, unta, baghal atau kaldai yang diberi hiasan bergemalapan, tetapi baginda telah menerima alasan yang diberikan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk membolehkan beliau hidup penuh

kemewahan di dalam istananya kerana mahu memperlihatkan kehebatan kerajaan Islam kepada jiran di sebelah utara iaitu kerajaan Byzentium Rom Timur yang berpusat di kota Konstantinopel, Turki. Memang alasan yang diberikan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada Khalifah Umar bin al-Khattab mempunyai alasan yang benar dan tepat, bukan berudang di sebalik batu. Kerana Rasulullah s.a.w. sendiri mengajar para sahabat dan umat baginda agar berlaku megah ketika berhadapan dengan orang kafir yang memusuhi orang Islam. Tidak boleh bersikap tawadhu' apatah lagi lemah terhadap mereka itu.

Sejak dia mula mengenali kehidupan pada ketika ayahandanya menjadi gabenor negeri Syam pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan, Yazid telah membesar di dalam kemewahan hidup. Ayahandanya hidup seperti para pembesar kerajaan Rom dan Farsi sehingga Yazid tenggelam di dalam kemewahan hidup yang menyebabkan beliau membesar di dalam keseronokan dan hiburan.

Namun penyusun tidak berani mengatakan Yazid membesar di dalam kemewahan hidup yang penuh dengan keseronokan dan hiburan adalah disebabkan dari sikap alpa ayahandanya Mu'awiyah bin Abu Sufyan sehinggalah ahli-ahli sejarah Islam menulis bahawa Yazid sangat leka kepada hiburan, nyanyian, muzik, bahkan perempuan dan arak. Dalam hal ini ahli-ahli sejarah Islam telah terbahagi kepada dua golongan. Satu menulis bahawa kehidupan Yazid di dalam istana ayahandanya leka dengan hiburan, muzik, nyanyian, perempuan dan arak. Manakala satu golongan yang lain menulis itu (Yazid membesar di dalam suasana hiburan, muzik, nyanyian, perempuan dan arak) adalah semata-mata fitnah ke atas Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan putera baginda Yazid. Mereka mengatakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang sahabat Nabi yang salih dan telah mendidik putera baginda Yazid dengan didikan yang baik dan sempurna supaya hidup bertakwa kepada Allah SWT. Dan inilah sebenarnya kehidupan Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan keluarga baginda termasuk Yazid sesuai kedudukan baginda sebagai sahabat Rasulullah s.a.w. yang ternama dan utama.

Para sejarawan Islam yang mengatakan Mu'awiyah bin Abu Sufyan membesar Yazid di dalam kemewahan dan keseronokan hidup, mereka mengemukakan hujah berdasarkan kepada kehidupan Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang penuh dengan kemewahan kerana hidupnya sebagai gabenor yang berjiran dengan negara kafir harbi. Kehidupan mewah itu tidak menyasarkan nafsu Mu'awiyah bin Abu Sufyan sehingga terjatuh ke dalam lembah kekotoran seperti terleka dengan hiburan, nyanyian, muzik, arak dan perempuan. Cuma Mu'awiyah bin Abu Sufyan jatuh ke dalam kehidupan mewah sahaja seperti menyukai makanan yang lazat-lazat sehingga badannya menjadi gemuk dan perutnya buncit terutama setelah usianya meningkat lanjut dan tua. Tetapi anak-anaknya termasuk Yazid selaku orang muda putera pembesar negara

telah hanyut di dalam kemewahan hidup yang berlebih-lebihan seperti yang dijelaskan di atas.

Ahli-ahli sejarah Islam golongan ini mempercayai sumber ini adalah berdasarkan kepada ketika Mu'awiyah bin Abu Sufyan bercita-cita untuk melantik Yazid sebagai Putera Mahkota, empat putera empat sahabat terbaik iaitu dua Abdullah, seorang Abdurrahman dan seorang Husein telah menentang perkara itu dengan keras sekali. Padahal sebelum itu keempat-empat mereka itu amat patuh dan taat kepada pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Mengikut apa yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah Islam, golongan ini mengemukakan hujah-hujah mereka sekiranya Yazid itu adalah seorang manusia yang berperibadi baik dan salih, sudah tentu keempat-empat putera terbaik sahabat terbaik itu tidak akan sanggup menentang kemahuan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kerana mereka sebenarnya sangat kasih kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Jadi keempat-empat putera terbaik sahabat terbaik itu tidak sanggup bertuankan seorang pemabuk dan seorang yang ternyata fasik dan menderhaka perintah Allah SWT.

Alasan lain yang disebut oleh ahli-ahli sejarah Islam dari golongan ini ialah tentang kejadian yang tidak dapat dinafikan kesahihan berlakunya pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang amat mendukacitakan seluruh umat Islam iaitu peristiwa pembunuhan ke atas Sayidina Husein bin Ali cucunda kesayangan Rasulullah s.a.w., putera kedua Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha. Kedua ialah peristiwa pemerkosaan ke atas dua bandar suci Islam iaitu kota Madinah, kemudian kota Mekah. Jadi ketiga-tiga peristiwa keji ini terjadi pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang memakan masa selama hampir empat tahun itu.

Seterusnya mengikut para sejarawan Islam, golongan ini mengemukakan hujah-hujah mereka lagi sekiranya Yazid itu adalah seorang yang berperibadi baik dan salih, sudah tentu peristiwa pembunuhan ke atas Sayidina Husein, dan pemerkosaan ke atas kota Madinah dan kota Mekah tidak akan berlaku pada masa pemerintahan baginda. Masakan pemimpin yang salih tergamak membenarkan para pahlawan atau tenteranya membunuh seorang kekasih Rasulullah s.a.w. dan membiarkan sebuah bumi suci, apatah lagi pula kedua-dua bumi suci diperkosai dengan perbuatan yang keji.

Adapun alasan ahli-ahli sejarah Islam yang mempercayai Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang salih dan takwa ialah mereka tidak dapat mempercayai seorang khalifah yang salih dan zahid seperti Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mendidik atau leka di dalam mendidik anak-anak baginda sehingga setelah dewasa muncul menjadi seorang pemuda seterusnya sebagai seorang khalifah yang tidak salih dan leka di dalam melakukan maksiat

terhadap Allah SWT. Alasan yang mereka kemukakan bagi membenarkan dakwaan mereka ialah kejadian pembunuhan Sayidina Husein di padang Karbala' bukanlah di atas perintah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Kejadian itu adalah di luar tanggungjawab Khalifah Yazid. Ini dilakukan oleh gabenor kota Kufah yang baru dilantik iaitu Ubaidullah bin Ziyad bin Abihi berdasarkan inisiatifnya sendiri, bukan dari arahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah kepadanya.

Jadi dosa pembunuhan ke atas Sayidina Husein bin Ali adalah di atas kepala gabenor kota Basrah dan kota Kufah iaitu Ubaidullah bin Ziyad seorang sahaja, tidak sampai kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Apa yang lebih dahsyat mereka katakan untuk membela kebersihan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah selaku seorang khalifah yang salih dan suci daripada melakukan maksiat terhadap Allah SWT ialah mereka meletakkan kesalahan pembunuhan ke atas Sayidina Husein ke atas Sayidina Husein sendiri, kerana kata mereka, Sayidina Husein telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang sepatutnya beliau taati dan jauhi daripada melakukan penderhakaan. Para penderhaka terhadap pemerintah perlu ditentang dan dihapuskan oleh pemerintah dan ini adalah hukum kenegaraan dalam Islam yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. juga. Rasulullah s.a.w. bersabda bermaksud, *"Tidak halal darah seorang Islam melainkan dengan adanya salah satu dari tiga hal; janda yang berzina, pembunuh jiwa orang dibalas dengan pembunuhan pula dan dan orang yang meninggalkan agama serta berpisah dari jamaah (menentang pemerintah - P)."* (riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim).

Ahli-ahli sejarah Islam yang mempercayai Yazid adalah seorang yang salih dan takwa berkata kesalihan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dan ketidak terlibatan baginda di dalam peristiwa pembunuhan Sayidina Husein cucunda kesayangan Rasulullah s.a.w. di Karbala' ialah terbukti sebaik sahaja baginda mendapat berita tentang peristiwa kejam itu, baginda menyatakan kesedihan baginda dan baginda telah memperlakukan keluarga Sayidina Husein bin Ali yang tertawan dengan baik sekali. Baginda telah menggantikan semua kerugian-kerugian akibat kerosakan-kerosakan harta benda yang dapat baginda ganti dengan sepadan dan memerintah beberapa orang pengawal baginda supaya mengiringi kepulangan keluarga al-marhum Sayidina Husein yang ditawan dari kota Damsyik ke kota Madinah. Kata mereka sebagai hujah, kalaulah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah itu adalah seorang yang berakhlak buruk dan berperangai kasar, sudah tentu baginda tidak akan melayan kerenah anak-anak dan keluarga Sayidina Husein yang tertawan itu dengan baik dan ramah sekali.

Berkaitan dengan perbuatan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah mengirim pasukan tentera Syam menceroboh kota Madinah, kemudian kota Mekah, ahli-ahli sejarah Islam yang mempercayai Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang salih dan bertakwa, mereka mempertahankan tindakan Khalifah

Yazid bin Mu'awiyah yang demikian itu dengan mengatakan tindakan itu adalah juga dilakukan bukan di atas perintah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, tetapi dilakukan berdasarkan perintah panglima perang yang mengepalai pasukan pengaman itu iaitu Panglima Muslim bin Uqbah (perkosaan ke atas kota Madinah) dan Panglima Husein bin Numair (perkosaan di atas kota Mekah). Adapun Khalifah Yazid bin Mu'awiyah hanya memerintah supaya mengamankan kedua-dua kota suci itu dengan cara yang terbaik, bukan dengan cara memperkosa. Jadi perbuatan tentera Syam yang memperkosa kota Madinah dan kota Mekah itu adalah bukan tanggungjawab Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, tetapi tanggungjawab kedua-dua panglima perang yang ditugaskan melaksanakan pekerjaan mereka dengan aman dan sopan.

Sungguhpun ahli-ahli sejarah Islam yang membela Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dengan berusaha membebaskan tangan baginda daripada terus tercemar oleh ketiga-tiga peristiwa keji yang terjadi pada masa pemerintahan baginda, sebagai bukan tindakan yang diperintahkan oleh baginda dan baginda tidak bertanggungjawab langsung dengan ketiga-tiga peristiwa keji itu, namun ahli-ahli sejarah Islam ini tidak dapat menafikan tentang cara Khalifah Yazid bin Mu'awiyah meninggal dunia. Kalau mereka begitu mempertahankan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah sebagai seorang manusia yang semua tindakan-tindakan baginda begitu suci semasa menjadi khalifah, maka mereka tidak dapat menyangkal bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah meninggal dunia kerana terjatuh dari atas belakang kudanya ketika baginda sedang berlumba pacuan dengan seekor kera peliharaan baginda. Apakah kematian seperti ini adalah rupa kematian seorang khalifah yang salih? Sama-samalah kita renungkan.

Usaha Angkat Yazid Jadi Khalifah

❖ Cadangan Asal Datang Dari Al-Mughirah Bin Syu'bah

Sebelum kita membicarakan tentang sejarah hidup dan pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, elok juga terlebih dahulu kita melihat pada usaha-usaha yang dilakukan oleh ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk melantiknya sebagai khalifah kedua dari dinasti khalifah-khalifah bani Umayyah dari keturunan atau bani Abu Sufyan.

Perkara ini berlaku mengikut riwayat Imam at-Tabari di dalam kitabnya *Tarikh Tabari*, bahawa pada tahun 49 Hijrah/669 Masihi, ketika itu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berusia 64 tahun, Yazid pula sedang berusia 29 tahun, dikatakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah bercadang untuk memecat gabenor kota Kufah ketika itu ialah al-Mughirah bin Syu'bah, seorang sahabat Nabi yang terkemuka, orang bangsa Thaqif dari Taif. Al-Mughirah bin Syu'bah sudah menjadi penguasa bagi kota Kufah selama lima tahun lebih. Dan beliau adalah seorang manusia yang sangat cerdik dan amat bijaksana. Juga seorang yang cekap dan amat berkebolehan di dalam persoalan-persoalan

pentadbiran. Al-Mughirah bin Syu'bah dilantik oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi gabenor kota Kufah sejak tahun 43 Hijrah/663 Masihi lagi.

Maka al-Mughirah bin Syu'bah yang menyedari perkara itu terus pergi ke kota Damsyik dan terus berjumpa dengan Yazid. Beliau berkata kepada Yazid;

"Wahai Yazid! Tahukah engkau sekarang ini para sahabat Rasulullah yang terkemuka sudah tiada lagi (sebahagian besarnya sudah meninggal dunia), begitu juga dengan para pembesar Quraisy dan orang-orang tua mereka. Yang masih tinggal hanyalah anak-anak cucu mereka. Dan engkau adalah orang yang paling utama di antara mereka. Dan aku tidak mengerti, apakah yang menjadi halangan bagi khalifah (ayahandamu) untuk mengangkat engkau sebagai Putera Mahkota."

Maka Yazid bertanya, "Apakah pada pendapat pakcik perkara ini boleh dilakukan?"

Maka jawab al-Mughirah bin Syu'bah, "Memang boleh."

Maka tanpa berlengah lagi, Yazid terus mengadap ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan memberitahu baginda tentang apa yang diperkatakan oleh al-Mughirah bin Syu'bah kepadanya. Oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus memanggil al-Mughirah bin Syu'bah dan bertanya kepadanya tentang persoalan itu. Al-Mughirah bin Syu'bah berusaha menyakinkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tentang kebaikan buah fikirannya itu. Dijelaskan kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, bahawa inilah satu-satunya cara untuk menghindar pertumpahan darah dan untuk menjaga persatuan umat Islam daripada berpecah kembali.

Kemudian setelah yakin dengan kata-kata gabenor baginda bagi kota Kufah itu, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada orang kuat baginda itu;

"Siapakah yang akan membantuku di dalam usaha ini?"

"Aku menjamin ketaatan rakyat Kufah kepada tuan dan Ziyad di Basrah. Adapun di daerah selain yang dua ini tidak akan ada seorang pun yang berani mencabar tuan." Al-Mughirah bin Syu'bah menyahut cabaran Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di kota Kufah dan menjamin kepada Ziyad bin Abihi bagi penduduk di kota Basrah.

Manakala Imam as-Sayuti memperkatakan dalam kitabnya *Tarikh Khulafa'* lain sedikit jalan ceritanya iaitu, "Mu'awiyah telah mengirim surat kepada al-Mughirah dan berkata kepadanya, "Bila engkau selesai membaca suratku ini, segera datang kepadaku sebagai orang yang dipecat."

Tetapi al-Mughirah tidak memenuhkan permintaan atau perintah Mu'awiyah itu dengan segera. Ketika dia datang mengadap Mu'awiyah, Mu'awiyah bertanya kepadanya, "Mengapakah engkau datang agak lambat?"

Al-Mughirah menjawab, "Kerana ada urusan yang perlu aku selesaikan."

"Apakah urusannya?" tanya Mu'awiyah pula.

"Pengangkatan Yazid sebagai khalifah setelah engkau," Jawab al-Mughirah.

"Sudahkah engkau lakukan?" tanya Mu'awiyah seterusnya.

"Sudah," jawab al-Mughirah.

Maka kata Mu'awiyah kepada al-Mughirah, "Kini kau kembalilah ke jawatanmu."

Seorang ahli sejarah Islam yang lain bernama Ibnu Abdul Rabbah menulis di dalam kitabnya *al-Iqdul Farid* tetapi jalan ceritanya hampir serupa dengan jalan cerita Imam as-Sayuti.

Untuk menyempurnakan penyusunan perjalanan kisah ini, bolehlah riwayat Imam Tabari diselaraskan dengan riwayat Imam as-Sayuti yang mana disusun seperti berikut:-

Pada tahun 49 Hijrah/669 Masihi, ketika itu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Suyan telah berusia 64 tahun, Yazid pula sedang berusia 29 tahun. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berniat untuk memberhentikan gabenor bagi kota Kufah iaitu al-Mughirah bin Syu'bah, seorang sahabat Nabi yang terkemuka, orang bangsa Thaqif dari Taif. Seorang tokoh yang cerdik dan bijaksana. Beliau juga adalah seorang yang cekap dan amat berkebolehan di dalam persoalan-persoalan pentadbiran, untuk digantikan dengan tokoh baru yang lain (Said bin al-Ass – P) yang difikirkan juga layak untuk menduduki kerusi gabenor di kota Kufah. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menulis surat kepada al-Mughirah bin Syu'bah yang berbunyi;

"Bila engkau selesai membaca suratku ini, segera datang kepadaku sebagai orang yang dipecat."

Al-Mughirah bin Syu'bah terus bergegas ke kota Damsyik, bukan untuk mengadap Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, tetapi untuk berjumpa dengan putera khalifah iaitu Yazid. Setelah duduk di hadapan Yazid, al-Mughirah berkata kepada putera kesayangan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu;

"Wahai Yazid! Tahukah engkau sekarang ini para sahabat Rasulullah yang terkemuka sudah tidak ada lagi (semua mereka sudah meninggal dunia), begitu juga dengan para pembesar Quraisy dan orang-orang tua mereka. Yang masih tinggal hanyalah anak-anak cucu mereka sahaja. Dan engkau adalah orang yang paling utama di antara mereka. Dan aku tidak mengerti, apakah yang telah menghalang khalifah (ayahandamu) untuk mengangkatmu menjadi Putera Mahkota."

Yazid bertanya (kepada al-Mughirah bin Syu'bah), "Apakah pada pendapat bapak perkara ini boleh dilakukan?"

Al-Mughirah bin Syu'bah menjawab dengan yakin, "Memang boleh dilakukan."

Maka tanpa berlengah lagi, Yazid terus pergi mengadap ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan memberitahu kepada baginda itu mengenai apa yang dikatakan oleh al-Mughirah bin Syu'bah kepadanya. Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus memanggil al-Mughirah bin Syu'bah dan setelah al-Mughirah sampai di hadapan baginda, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bertanya kepada al-Mughirah pura-pura baginda masih belum mengetahui lagi duduk perkara yang berkaitan dengan putera baginda Yazid yang sebenarnya cukup mengembirakan hati baginda;

"Mengapakah kau datang lambat?"

"Kerana ada urusan yang perlu aku selesaikan (secepat mungkin)," jawab al-Mughirah bin Syu'bah.

"Apakah urusan itu?" Tanya Mu'awiyah seterusnya.

"Saya telah menyaksi banyak pertumpahan darah dan persengketaan setelah pemergian (Khalifah) Uthman (bin Affan dan untuk mengelak peristiwa yang seperti itu berulang lagi), saya berpendapat eloklah (putera tuan) Yazid dilantik dari sekarang sebagai pengganti tuan. Sekiranya sesuatu hal (terutamanya kematian) berlaku ke atas diri tuan, maka Yazid akan menjadi tempat berlindung orang ramai sebagai pengganti tuan. Kelak tidaklah akan berlaku lagi pertumpahan darah atau sebarang kekacauan."

"Siapakah yang akan membantuku di dalam usaha ini?" Tanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada al-Mughirah (dengan hati yang penuh kegembiraan).

"Aku menjamin ketaatan rakyat Kufah kepada tuan dan Ziyad (menjamin ketaatan rakyat kepada tuan) di Basrah. Adapun di daerah selain yang dua ini tidak akan ada seorang pun yang berani mencabar tuan," jawab al-Mughirah bin Syu'bah menyakinkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tentang rencananya yang sangat besar itu akan berjalan dengan jayanya.

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendengar jawapan daripada al-Mughirah bin Syu'bah yang bijaksana itu, maka baginda mahu mengekalkan kembali kedudukan tokoh yang kuat itu dengan perintahnya;

"Kini kembalilah (semula) ke jawatanmu (selaku gabenor di kota Kufah)."

Ziyad Bin Abihi Kurang Setuju Dengan Persoalan Ini

Untuk mendapat reaksi daripada seorang lagi gabenor baginda yang kuat iaitu Ziyad bin Abihi yang bertugas sebagai gabenor di kota Basrah sejak tahun 45 Hijrah/665 Masihi yang mengganti tempat Abdullah bin Amir bin Kuraiz yang wafat iaitu dua tahun terkemudian daripada al-Mughirah bin Syu'bah di

dalam berkhidmat kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menulis surat kepada Ziyad bin Abihi menerangkan perancangan baginda kepadanya untuk melantik putera baginda Yazid sebagai Putera Mahkota seperti yang dicadangkan oleh al-Mughirah bin Syu'bah kepada baginda. Nampaknya lain pula reaksi yang diberikan oleh Ziyad bin Abihi terhadap hasrat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ini. Ziyad bin Abihi memperlihatkan keberatan beliau untuk membenarkan keinginan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu. Beliau menulis sebagai jawapan balasnya kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang isi suratnya berbunyi, "Wahai Amirul Mu'minin! Usahlah tuan tergesa-gesa untuk menjadikan putera tuan Yazid sebagai Putera Mahkota. Tuan pun tahu putera tuan Yazid adalah seorang pemuda yang tidak memiliki kesungguhan di dalam bekerja dan sering benar memandang bena tak bena terhadap sesuatu urusan yang penting. Di samping dia juga sangat suka memburu (binatang)."

Ziyad bin Abihi menyebut kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bahawa putera baginda Yazid seorang yang gemar berburu adalah dengan tujuan untuk mengingatkan kepada pemerintah umat Islam itu tentang pandangan orang-orang Arab pada masa itu, berburu adalah satu amalan yang tidak berfaedah dan menunjukkan penggemarnya adalah seorang yang berakhlak rendah kerana suka menyeksa binatang.

Kemahuan Mu'awiyah Luntur DiSebabkan Bantahan Ziyad

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendapat jawapan daripada gabenor baginda bagi kota Basrah iaitu Ziyad bin Abihi yang baginda sangat memandang tinggi itu, maka malaplah semangat baginda yang tadinya berapi-api untuk memahkotakan Yazid sebagai Putera Mahkota pada tahun 49 Hijrah/669 Masihi itu. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendiamkan soal perlantikan Putera Mahkota selama lima tahun iaitu sehinggalah Ziyad bin Abihi meninggal dunia pada tahun 54 Hijrah/673 Masihi. Sebelum itu al-Mughirah bin Syu'bah terlebih dahulu meninggal dunia iaitu pada tahun 51 Hijrah/670 Masihi.

Kematian Ziyad Menyemarakkan Semula Kemahuan Mu'awiyah

Setelah Ziyad bin Abihi meninggal dunia dan tempatnya diganti oleh putera beliau yang bernama Ubaidullah bin Ziyad, barulah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan membuka semula lipatan hasrat hati baginda untuk melantik putera baginda Yazid sebagai Putera Mahkota. Ubaidullah bin Ziyad sebelumnya adalah gabenor bagi wilayah al-Jazirah (satu negeri yang terletak di utara sungai Furat).

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah menyuarakan semula hasrat hati baginda untuk melantik Yazid ke jawatan Putera Mahkota kepada gabenor kota Basrah yang baru dilantik itu. Untuk menyatakan persetujuannya dan juga

persetujuan seluruh penduduk Iraq, maka Ubaidullah bin Ziyad telah menghantar sepuluh orang utusan yang terdiri dari pemuka-pemuka negeri Iraq kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di kota Damsyik menyatakan kesetiaan yang tidak berbelah seluruh penduduk negeri Iraq terhadap hasrat baginda itu. Cuma yang menjadi masalah ialah di Hijaz sahaja. Dengan mendapat sokongan yang kuat daripada gabenor kota Basrah yang mewakili seluruh penduduk negeri Iraq itu, maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga mahu seluruh penduduk di Hijaz iaitu penduduk di kota Mekah dan di kota Madinah (termasuk Taif) memberi sokongan dan dukungan padu kepada hasrat hati baginda itu.

Langkah atau tindakan pertama yang diambil oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di dalam usaha untuk menarik sokongan seluruh penduduk di wilayah Hijaz agar menyetujui rencana baginda itu ialah baginda meminta kepada gabenor di kota Madinah iaitu Marwan bin a-Hakkam supaya meminta semua penduduk kota Madinah agar bersedia memberi baiat mereka kepada Yazid selaku Putera Mahkota. Baginda mengirim sepucuk surat kepada Marwan bin al-Hakkam bagi menyatakan perkara itu.

Surat itu berbunyi, "Wahai Marwan! Aku sekarang sudah tua, dan seluruh tulang di dalam tubuhku sudah longgar. Aku bimbang sekali setelah aku sudah tiada lagi di dalam dunia ini, umat Islam akan berselisih faham dan bersengketa semula. Aku berpendapat lebih baik aku memilih (seorang pemimpin) untuk mereka (kaum Muslimin) seseorang yang akan menggantikan tempatku mulai sekarang. Cadanganku ini aku tidak suka memutuskan sebelum aku mendengar pandangan dan pendapat dari kamu sekalian. Oleh itu bawalah mereka bermesyuarat dan sampailah kepadaku keputusannya dengan segera."

Demikianlah bunyi isi surat yang dikirimkan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada gabenor baginda di kota Madinah iaitu Marwan bin al-Hakkam.

Maka Marwan bin al-Hakkam terus mengumpul seluruh penduduk kota Madinah meminta mereka semua agar mentaati perintah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang mahu melantik seorang Putera Mahkota bakal menggantikan tempat baginda. Tetapi Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak menyatakan nama siapakah bakal Putera Mahkota itu. Mendengar cadangan yang baik itu, semua penduduk kota Madinah yang hadhir bersetuju dengan keinginan atau hasrat hati Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu.

Setelah Marwan bin al-Hakkam menerima maklum balas yang baik daripada seluruh penduduk kota Madinah, maka beliau terus menghantar jawapan kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan di negeri Syam. Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menerima maklum balas yang menggembirakan baginda itu, maka baginda terus memaklumkan nama calon Putera Mahkota yang tidak lain daripada putera baginda sendiri Yazid.

Empat Tokoh Putera Sahabat Menentang

Setelah penduduk kota Madinah mendengar nama Yazid yang dicadangkan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan untuk dilantik menjadi calon Putera Mahkota seterusnya mengganti tempat baginda sebagai khalifah setelah kemangkatan baginda nanti, maka marahlah mereka. Terutama empat orang tokoh putera sahabat terbaik iaitu Sayidina Husein bin Ali bin Abu Talib, Abdullah bin az-Zubair bin al-Awwam, Abdullah bin Umar bin al-Khattab dan Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq. Mereka berempat ini menyatakan bantahan yang keras terhadap perlantikan Yazid sebagai Putera Mahkota seterusnya khalifah oleh ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq dengan lantang memekik kepada Marwan bin al-Hakkam;

"Bukan kebajikan yang kamu (ditujukan kepada kerajaan bani Umayyah khasnya kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sendiri yang bersemayam di negeri Syam) mahukan ke atas umat Muhammad, tetapi kamu mahu menerapkan sistem Herculis yang mana apabila seorang Kaiser meninggal dunia, dilantik pula seorang Kaiser yang lain sebagai gantinya."

Kemudian bangkit pula Sayidina Husein bin Ali untuk menyokong kata-kata Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq itu, seterusnya Abdullah bin az-Zubair menguatkan sokongan Sayidina Husein bin Ali pula.

Mu'awiyah Ke Madinah Dan Ke Mekah Bujuk Dan Ancam

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mendapat khabar bahawa empat putera terbaik sahabat terbaik telah menyatakan bantahan dan bangkangan mereka terhadap perlantikan Yazid sebagai bakal khalifah, maka baginda telah datang sendiri ke kota Madinah untuk membujuk keempat-empat tokoh terbaik putera sahabat-sahabat terbaik itu agar bersedia dan sudi memberi baiat mereka kepada putera baginda Yazid selaku Putera Mahkota. Tetapi ketika dia sampai di kota Madinah, keempat-empat tokoh pembangkang itu telah meninggalkan kota Nabi itu dan beredar ke kota Mekah untuk mencari tempat yang selamat bagi nyawa mereka. Maka Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah cepat-cepat mengekori keempat-empat mereka itu ke kota Mekah. Di kota Mekah, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berusaha membujuk keempat-empat tokoh putera terbaik sahabat Rasulullah s.a.w. itu dengan mengingatkan kepada mereka bahawa baginda selama menduduki kerusi khalifah hampir selama lima belas tahun telah berlaku baik dan berusaha menghubung tali silaturahim dengan mereka dan keluarga mereka meskipun mereka tetap membenci baginda.

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terus meminta keempat-empat tokoh putera terbaik sahabat terbaik itu agar menyetujui perlantikan Yazid sebagai Putera Mahkota dengan menjelaskan tujuan baginda mengambil keputusan

yang amat tidak disukai oleh orang ramai itu demi untuk mengelak perpecahan di kalangan kaum Muslimin seperti yang telah terjadi pada zaman pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib. Tetapi keempat-empat putera sahabat terbaik itu telah menolak tidak mahu mendengar alasan atau hujah-hujah yang diberikan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kepada mereka. Ini menyebabkan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang amat terkenal bersifat 'hilm '(sangat kuat dan gemar menahan marah) itu telah merasa tidak dapat bersabar lagi menghadapi kerenah keempat-empat anak sahabat terbaik itu. Dengan nada suara marah, barangkali bercampur sedikit-sedikit yang dibuat-buatnya, Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah berkata kepada keempat-empat tokoh itu;

"Aku pernah berpidato di hadapan kamu semua, lalu seorang di antara kamu berdiri dan mendustakan aku di hadapan orang ramai, namun aku masih memaafkannya. Kini aku berdiri di hadapan kamu semua untuk mengucapkan sepatah kata, dan aku bersumpah atas nama Allah bahawa kalau ada salah seorang di antara kamu mengucapkan suatu perkataan berbentuk menentang terhadapku di sini, nescaya pedang kami akan memenggal lehernya sebelum ia sempat mengucapkan perkataan berikutnya. Kerana itu setiap seorang di antara kamu hendaklah menjaga keselamatan diri masing-masing."

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan memanggil ketua pengawal baginda, setelah berdiri di hadapannya, lantas baginda memberi arahan kepadanya, "Sediakan untuk setiap mereka itu (Husein, Ibnuz Zubair, Ibnu Umar dan Abdul Rahman bin Abu Bakar) dua orang pengawal dengan pedang telanjang di tangan. Sekiranya didapati ada di antara mereka yang memotong percakapanku ketika aku sedang berpidato, tidak kira kerana untuk menyatakan bersetuju atau menentang, maka (salah seorang pengawal itu) hendaklah memenggal lehernya."

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan meninggalkan mereka dan terus menuju ke mimbar dan keempat-empat tokoh putera terbaik sahabat terbaik itu telah dibawa ke tempat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang akan berpidato itu dengan dikawal oleh dua bilah pedang telanjang di atas belakang kepala masing-masing.

Kemudian Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang berdiri di atas mimbar Masjid al-Haram terus berpidato setelah memuji-muji Allah dan membaca selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. Pidato baginda ini ditujukan kepada seluruh penduduk kota Mekah yang hadhir, berbunyi;

"Wahai kaum Muslimin semua! (sambil menunjukkan kepada keempat-empat tokoh terbaik putera sahabat-sahabat terbaik itu) mereka ini adalah pemimpin-pemimpin kaum Muslimin dan orang-orang yang terbaik. Tidak ada urusan dapat berlangsung tanpa ikut sertanya mereka, dan tidak ada satu pekerjaan dapat dilaksanakan tanpa bermesyuarat dengan mereka terlebih

dahulu. Mereka semua telah rela dan telah memberi baiat kepada Yazid. Kerana itu sekarang ucapkanlah pula baiat kamu atas nama Allah (kepada Yazid)."

Setelah semua penduduk kota Mekah yang hadhir mendengar kata-kata Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang menegaskan kesemua keempat-empat tokoh terbaik putera sahabat-sahabat terbaik telah memberi baiat mereka kepada Yazid selaku Putera Mahkota dengan melihat bahawa keempat-empat mereka itu berdiam diri sahaja tanpa membangkang kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka semua penduduk kota Mekah itu percaya kepada kata-kata Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu. Mereka semua menyuarakan persetujuan mereka untuk memberi baiat kepada Yazid sebagai Putera Mahkota yang merupakan bakal khalifah umat Islam selepas kewafatan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan nanti. Kecuali orang-orang yang duduk dekat dengan keempat-empat putera terbaik sahabat terbaik itu sahaja yang mengetahui keadaan yang sebenarnya berlaku kepada keempat-empat tokoh putera sahabat terbaik itu.

Setelah itu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan berjaya menyelesaikan urusan baginda dengan keempat-empat putera terbaik sahabat terbaik itu, maka baginda terus pulang ke negeri Syam dengan hati yang lega.

Bermulanya Pemerintahan Khalifah Yazid Bin Mu'awiyah

❖ Perlantikan Gabenor-Gabenor

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat dan Yazid dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang kedua pada tahun 60 Hijrah/679 Masihi berdasarkan perlantikan Putera Mahkota yang telah dibuat oleh ayahandanya, maka langkah pertama yang diambil oleh Khalifah Yazid di dalam memulakan pentabdiran atau pemerintahan baginda ialah membuat beberapa pertukaran gabenor. Tetapi kebanyakan gabenor yang lama dikekalkan. Marilah kita lihat kedudukan beberapa orang gabenor di beberapa buah kota yang penting.

Untuk jawatan gabenor kota Mekah dilantik Amru bin Said, iaitu putera kepada Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass bin Umayyah bin Abdul Syams. Dia adalah gabenor kota Kufah pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Sebenarnya Amru adalah gabenor kota Mekah sejak zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan lagi. Khalifah Yazid hanya mengekalkan kedudukan beliau sahaja. Ketika berlaku pemberontakan Abdullah bin az-Zubair di kota Mekah, Amru bin Said telah melarikan diri ke negeri Syam. Ibnuz Zubair menguasai kota Mekah sehingga ke zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Gabenor bagi kota Madinah ialah al-Walid bin Utbah bin Abu Sufyan menggantikan tempat Marwan bin al-Hakkam bin Abul Ass yang diberhentikan. Al-Walid ialah saudara sepupu kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Tetapi setelah Sayidina Husein berjaya melepaskan diri ke kota

Mekah, Khalifah Yazid telah memecat al-Walid bin Utbah dan diganti semula dengan Marwan bin al-Hakkam. Tetapi Marwan bin al-Hakkam telah disingkir oleh para pemberontak Madinah yang dipimpin oleh Abdullah bin Hanzalah al-Ansari pada tahun 63 Hijrah/682 Masihi.

Gabenor bagi kota Kufah ialah an-Nu'man bin Basir, seorang sahabat Nabi dari golongan Ansar. Tetapi setelah berlaku kemasukan Muslim bin Aqil bin Abu Talib ke kota Kufah dan bergerak cergas mendakyah penduduk kota Kufah agar memperjuangkan jawatan khalifah bagi pihak Sayidina Husein bin Ali, disebabkan kelembutan an-Nu'man yang tidak bertindak tegas terhadap Muslim bin Aqil, maka Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah memecat an-Nu'man bin Basyir dan menggantikan tempatnya dengan Ubaidullah bin Ziyad. Ubaidullah juga adalah gabenor bagi kota Basrah.

Gabenor bagi negeri Mesir dilantik semula Uqbah bin Nafi' menggantikan tempat Maslamah bin Makhallad.

Kebanyakan gabenor di daerah-daerah lain dikekalkan.

Yazid Paksa Rakyat Baiatnya

Setelah Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat pada tahun 60 hijrah dan terlantiknya Yazid bin Mu'awiyah sebagai khalifah bani Umayyah yang kedua, maka Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah memaksa seluruh umat Islam memperbaharui baiat kepadanya. Penduduk Syam seluruhnya telah berbuat demikian.

Untuk mengambil baiat daripada para penduduk kota Madinah yang mana terdapat padanya keempat-empat tokoh putera sahabat terbaik, maka Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah menyuruh gabenor kota Madinah iaitu saudara sepupunya ialah al-Walid bin Utbah bin Abu Sufyan agar mengambil baiat daripada Sayidina Husein bin Ali, Abdullah bin Umar, Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq dan Abdullah bin az-Zubair. Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq dan Abdullah bin Umar telah mengulangi baiatnya kepada Khalifah Yazid, tetapi Ibnuz Zubair dan Sayidina Husein telah bertindak menyelamatkan diri ke kota Mekah.

Dari semenjak inilah bermulanya penentangan oleh Sayidina Husein dan Abdullah bin az-Zubair terhadap kerajaan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah.

Penentangan Terhadap Pemerintahannya

❖ Penentangan oleh Husein Bin Ali

Peristiwa penting yang pertama sekali berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah ialah pemberontakan Sayidina Husein bin Ali bin Abu Talib, putera kedua Sayyidah Fatimah az-Zahra', cucunda yang paling dicintai oleh datuknya Rasulullah s.a.w. terhadap pemerintahan baginda. Bibit

atau benih-benih penentangan yang dibangkitkan oleh Sayidina Husein bin Ali terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah bermula sejak Yazid dilantik menjadi Putera Mahkota oleh ayahandanya pada tahun 49 Hijrah/668 Masihi. Ketika itu usia Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah 64 tahun. Manakala Yazid berusia 29 tahun. Sayidina Husein pula berusia 45 tahun.

Kenapakah Sayidina Husein bin Ali amat tidak menyetujui perlantikan Yazid oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai Putera Mahkota, seterusnya sebagai khalifah?

Sebenarnya soalan ini tidak boleh ditujukan kepada Sayidina Husein seorang sahaja. Sepatutnya soalan ini ditujukan juga kepada tiga tokoh lain yang sama-sama tidak bersetuju di atas perlantikan Yazid sebagai Putera Mahkota iaitu Abdullah bin az-Zubair, Abdullah bin Umar dan Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq.

Jadi mereka berempat ini yang tidak bersetuju di atas perlantikan Yazid sebagai Putera Mahkota, malah sebenarnya ramai lagi para sahabat Nabi yang tidak bersetuju, tetapi mereka tidak berani berkata apa-apa kerana mereka takut kepada tindakan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap mereka.

Kita percaya Sayidina Husein sebagaimana ketiga-tiga orang putera sahabat terbaik itu tidak bersetuju di atas perlantikan Yazid sebagai Putera Mahkota adalah disebabkan faktor-faktor berikut:-

Pertama sudah ada perjanjian di antara Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan Sayidina Hasan bin Ali, kekanda beliau yang menetapkan bahawa khalifah kaum Muslimin sesudah Mu'awiyah akan ditentukan oleh kaum Muslimin.

Kedua, Yazid adalah putera Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, mana mungkin dilantik sebagai khalifah?

Ketiga, sudahlah putera Khalifah Mu'awiyah, Yazid pula seperti yang dikatakan oleh kebanyakan para sejarawan Islam yang terkemuka adalah seorang yang berakhlak buruk, tidak salih, gemar berfoya-foya, tenggelam di dalam hiburan, muzik, perempuan dan arak. Mana mungkin seorang yang bersifat dan bersikap seperti ini di dalam akhlak dan agama wajar dilantik menduduki kerusi pimpinan nombor satu negara Islam untuk memimpin umat?

Selain daripada tiga faktor atau sebab-sebab di atas, Sayidina Husein bin Ali menolak Yazid sebagai khalifah kaum Muslimin adalah disebabkan ada permintaan daripada penduduk kota Kufah agar beliau datang ke kota Kufah untuk dilantik menjadi khalifah umat Islam menggantikan tempat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang wafat.

Sayidina Husein Lari Ke Kota Mekah

Sebaik sahaja Khalifah Yazid bin Mu'awiyah naik takhta menjadi khalifah bani Umayyah yang kedua pada tahun 60 Hijrah/679 Masihi setelah ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat, maka baginda telah bertindak memaksa seluruh rakyat agar mengulangi baiat mereka kepada baginda. Dan baginda telah memaksa orang-orang yang tidak mahu memberi baiat kepada baginda agar menyatakan baiat mereka dengan cara terpaksa. Tokoh-tokoh yang enggan memberi baiat kepada baginda hanyalah empat orang sahaja, kesemuanya dari kota Madinah. Tokoh yang empat orang itu ialah Sayidina Husein bin Ali, Abdullah bin Umar, Abdullah bin az-Zubair dan Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq.

Abdullah bin Umar dan Abdurrahman bin Abu Bakar as-Siddiq telah menyatakan baiat mereka kepada Khalifah Yazid setelah dipaksa oleh gabenor kota Madinah iaitu al-Walid bin Utbah bin Abu Sufyan. Manakala Sayidina Husein bin Ali dan Abdullah bin az-Zubair enggan memberi baiat dan telah melarikan diri ke kota Mekah untuk berlindung di kota suci yang diharamkan melakukan pertumpahan darah di dalamnya itu.

Semasa di kota Mekah, Sayidina Husein telah berbaik-baik dengan Abdullah bin az-Zubair kerana mereka bersatu hati di dalam membenci Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Kemudian datang pula beberapa orang tokoh yang telah memberi baiat kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah secara terpaksa termasuklah Abdullah bin Abbas. Juga turut berada di kota Mekah pada ketika itu ialah Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib.

Ketika di kota Mekah, Sayidina Husein telah menerima banyak surat-surat daripada para pemimpin di kota Kufah. Mereka itu adalah bekas para penyokong ayahandanya Khalifah Ali bin Abu Talib semasa baginda menjadi khalifah dan berpusat di kota Kufah. Isi-isi surat itu telah memberi perangsang kepada Sayidina Husein agar datang segera ke kota Kufah kerana mereka mahu melantik beliau menjadi Khalifah kaum Muslimin menggantikan tempat Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Di atas dorongan itu Sayidina Husein telah menanam cita-cita untuk menunaikan permintaan orang-orang Kufah yang mencintainya itu.

Untuk mendapat maklumat yang jelas dan tepat di sana, Sayidina Husein telah menghantar seorang perisik iaitu saudara sepupu beliau sendiri yang bernama Muslim bin Aqil bin Abu Talib untuk merisik sokongan penduduk di sana, apakah hati mereka benar-benar mencintai beliau atau sebaliknya. Tetapi malang sekali kerana pergerakan Muslim bin Aqil telah dapat dicium oleh mata-mata Khalifah Yazid dan telah menangkap beliau dan diserahkan kepada gabenor kota Kufah yang baru iaitu Ubaidullah bin Ziyad yang menggantikan tempat an-Nu'man bin Basir yang dipecat. Tetapi sebelum ditangkap, Muslim bin Aqil yang telah menyaksikan sokongan yang besar di kota Kufah kepada

saudara sepupunya Sayidina Husein telah menghantar sepucuk surat kepada saudara sepupu beliau yang bercita-cita tinggi itu memintanya agar segera datang ke kota Kufah untuk memimpin orang-orang Kufah menentang Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Penduduk kota Kufah sudah tidak sabar-sabar lagi untuk berjuang bersama-sama Sayidina Husein menentang pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang berpusat di negeri Syam itu.

Sebaik sahaja menerima surat daripada Muslim bin Aqil dan beliau tidak tahu Muslim bin Aqil sudahpun ditangkap dan kegiatan beliau di kota Kufah sudah diketahui oleh gabenor kota Kufah Ubaidullah bin Ziad, maka bersiap-siaplah Sayidina Husein untuk berangkat ke kota Kufah. Beberapa orang sahabat beliau seperti Abdullah bin Abbas, Abdullah bin az-Zubair, Abdullah bin Umar, Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq dan Abdullah bin Ja'far telah menasihati beliau supaya jangan berangkat ke kota Kufah. Tetapi Sayidina Husein berkeras juga. Melihat anak sepupu beliau berkeras mahu pergi juga ke kota kufah itu, maka Abdullah bin Abbas telah memberi nasihatnya agar Sayidina Husein jangan sampai membawa bersama-samanya anak-anak dan isteri. Hanya pergi dengan kaum lelaki yang telah dewasa sahaja, kerana mengikut firasat Ibnu Abbas, sesuatu yang tidak baik akan berlaku ke atas Sayidina Husein setibanya di sana nanti.

Pembunuhan Ke Atas Sayidina Husein Di Padang Karbala'

Sayidina Husein bin Ali berkeras juga untuk berangkat ke kota Kufah bersama-sama dengan para isteri, anak-anak, saudara-saudara perempuannya, anak-anak saudara, saudara-saudara sepupunya anak-anak Aqil, anak-anak saudara sepupu iaitu anak-anak Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib dan lain-lain. Jumlah mereka keseluruhannya lebih kurang hampir 100 orang.

Setelah tiba di Padang Karbala' menjelang bulan Muharram tahun 61 Hijrah/680 Masihi, berlakulah pembantaian oleh tentera kerajaan bani Umayyah ke atas Sayidina Husein anak beranak, semuanya terbunuh kecuali kaum wanita dan beberapa orang sahaja termasuk putera beliau Ali Zainal Abidin. Jenazah Sayidina Husein dibiarkan terlentang di Padang Karbala' bersama-sama korban yang lain. Tetapi kepala asy-Syahid bersama-sama anggota keluarga beliau telah dibawa ke kota Damsyik sebagai tawanan.

Khalifah Yazid Memuliakan Dan Menghantar Pulang Keluarga Sayidina Husein ke Kota Madinah

Sebenarnya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah tidak tahu menahu tentang peristiwa pembantaian Sayidina Husein dan anggota keluarga beliau oleh tentera kerajaan bani Umayyah dari kota Kufah di Padang Karbala'. Sebab itu ketika rombongan anggota Ahlil Bait yang malang itu sampai di istana baginda di kota Damsyik, Khalifah Yazid menjadi sangat sugul dan bersedih dengan

peristiwa yang telah menimpa Sayidina Husein dan anggota keluarga Rasulullah s.a.w. di Padang Karbala' itu.

Segala tindakan dan arahan yang dikeluarkan untuk menghadapi Sayidina Husein dan rombongannya yang datang ke negeri Iraq itu dilakukan secara peribadi oleh gabenor kota Kufah Ubaidullah bin Ziyad bin Abihi kepada Panglima Umar bin Saad bin Abu Waqqas yang memimpin pasukan tentera kerajaan bani Umayyah di kota Kufah.

Memang Khalifah Yazid bin Mu'awiyah mengetahui keberangkatan Sayidina Husein dan rombongannya ke kota Kufah untuk dilantik menjadi khalifah di sana, tetapi baginda tidak pernah mengeluarkan arahan supaya membunuh atau membuat serangan ke atas rombongan Sayidina Husein itu. Jadi Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah membiarkan sahaja pihak pentadbiran di kota Kufah bertindak ke atas Sayidina Husein dan rombongannya. Jadi ini seolah-olah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah memejam mata dengan apa sahaja yang akan terjadi ke atas rombongan Sayidina Husein meskipun pembantaian. Khalifah Yazid bin Mu'awiyah buat tidak tahu sahaja. Kalau baginda benar-benar sayang kepada anggota keluarga Rasulullah s.a.w. yang diketuai oleh Sayidina Husein itu, sudah tentu baginda akan mengeluarkan amaran yang keras kepada Ubaidullah bin Ziyad supaya jangan tersalah mengapa-apakan rombongan Sayidina Husein itu. Kalau terjadi sesuatu yang tidak diingini seperti kematian, baginda akan bertindak keras ke atas pihak yang terlibat. Tetapi ternyata ini tidak pernah dikeluarkan oleh pihak Khalifah Yazid bin Mu'awiyah kepada pihak pentadbiran di kota Kufah.

Umat Islam telah menuduh Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah turut terlibat di dalam pembunuhan Sayidina Husein ini apabila melihat baginda tidak pernah bertindak ke atas Ubaidullah bin Ziyad dan Panglima Umar bin Saad setelah kejadian itu. Tidak mencela, tidak menghukum dan tidak menyingkir kedua-duanya daripada jawatan mereka.

Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dengan hati yang hiba telah mendengar sahaja kata-kata keras yang dihamburkan oleh Ali Zainal Abidin putera Sayidina Husein terhadap diri baginda. Dan baginda berdiam diri sahaja tanpa menjawab sepatah katapun kecuali memperlihatkan wajah muram di atas kejadian yang telah menimpa Sayidina Husein dan anggota Ahlil Bait itu. Kemudian baginda membayar ganti rugi dan menghantar anggota keluarga Ahlil Bait yang tertawan pulang semula ke kota Madinah dengan pengawalan yang ketat.

Kepala Sayidina Husein diperintah supaya dikebumikan dengan penuh kehormatan.

Pemberontakan Di Seluruh Negara Terhadap Kerajaan Khalifah Yazid

Meskipun Khalifah Yazid bin Mu'awiyah memperlihatkan penyesalan baginda terhadap peristiwa yang terjadi di Padang Karbala' yang sangat menyedihkan itu, tetapi umat Islam seluruhnya telah marah dengan peristiwa itu. Mereka menuduh Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah terlibat secara langsung di dalam kejadian itu. Dengan sebab itu sebaik sahaja rombongan keluarga Ahli Bait Rasulullah s.a.w. yang ditawan sampai semula di kota Madinah dengan selamat, maka tokoh-tokoh di setiap daerah di seluruh negara telah bangkit memimpin rakyat di daerah masing-masing bangkit menentang pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah.

Pemberontakan Di Kota Madinah

Setelah berlalu dua tahun dari tarikh terjadinya tragedi di Padang Karbala' iaitu pada bulan Zulhijjah tahun 63 Hijrah/682 Masihi, telah meletus suatu pemberontakan oleh penduduk kota Madinah yang dipimpin oleh Abdullah bin Hanzalah al-Ansari. Mereka menuntut bela di atas pembunuhan Sayidina Husein dan sebahagian anggota keluarga Ahlil Bait. Mereka mengusir kesemua orang-orang bani Umayyah yang berdiam di kota Madinah termasuklah gabenornya Marwan bin al-Hakkam. Penguasaan kota Madinah oleh para perusuh telah menimbulkan rasa marah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah di negeri Syam terhadap seluruh penduduk kota Madinah.

Pemberontakan Di Kota Mekah

Demikian juga yang telah terjadi di kota Mekah. Seluruh penduduk kota Mekah amat terkejut mendengar berita pembunuhan ke atas Sayidina Husein dan hampir keseluruhan keluarga Ahlil Bait di Padang Karbala' pada bulan Muharram tahun 61 Hijrah/680 Masihi itu. Abdullah bin az-Zubair yang berada di kota Mekah bersama putera-putera terbaik sahabat terbaik telah mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah umat Islam berpusat di kota Mekah. Seluruh penduduk kota Mekah memberi baiat mereka kepada Abdullah bin az-Zubair selaku khalifah umat Islam yang sebenarnya.

Pengisytiharan Abdullah bin az-Zubair dan sokongan yang diterima dari seluruh penduduk kota Mekah telah menyempitkan lagi dada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah setelah baginda mendapat tahu bahawa penduduk di kota Madinah dan di kota Mekah telah bangkit memberontak dan berjaya menguasai kedua-dua kota suci itu dengan jayanya.

Pemberontakan Di Kota Kufah

Setelah huru-hara tercetus di kota Madinah dan di kota Mekah, maka kota Kufah juga terheret sama. Pemberontakan di kota Kufah dicetuskan oleh dua golongan yang berpendirian tidak sama meskipun kedua-dua puak itu bangkit

memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah gara-gara dari peristiwa pembunuhan ke atas Sayidina Husein dan keluarganya di Padang Karbala'.

Satu puak bangkit memberontak semata-mata di atas rasa kesal dengan pembunuhan ke atas Sayidina Husein dan anggota keluarganya. Puak ini dinamakan puak at-Tawwabun yang dipimpin oleh seorang tokoh Kufah bernama Sulaiman bin Syard al-Khuza'i. Mereka adalah para penyesal yang terdiri daripada penduduk kota Kufah yang telah mengabaikan tanggungjawab mereka untuk membela Sayidina Husein dan seluruh anggota keluarganya ketika beliau datang kepada mereka yang sebenarnya mereka juga yang telah membuat jemputan kepada beliau itu.

Satu puak lagi bangkit memberontak bukan disebabkan mahu menuntut bela di atas darah Sayidina Husein sekeluarga yang tertumpah di Padang Karbala', tetapi disebabkan mahu mengambil peluang ketika air sedang keruh. Mereka mahu mengambil alih jawatan khalifah dari tangan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Golongan ini diketuai oleh Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, putera panglima dalam perang Jisr pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab yang telah terkorban syahid dalam peperangan itu.

Gabenor kota Kufah Ubaidullah bin Ziyad tidak berdaya menghadapi Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi kerana sangat perkasanya Mukhtar. Akhirnya Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi berjaya menguasai negeri Iraq seluruhnya. Pertempuran di antara tentera pimpinan Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi melawan tentera kerajaan bani Umayyah pimpinan Ubaidullah bin Ziyad terjadi di sungai Jihun. Tentera kerajaan bani Umayyah telah tewas dengan teruk dan Ubaidullah bin Ziyad turut terbunuh. Kepalanya dipotong dan dibawa ke kota Kufah.

Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi berjaya memerintah negeri Iraq sampailah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah wafat pada tahun 64 Hijrah/683 Masihi.

Demikianlah dahulu kisah pemberontakan di kota Kufah pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, Khalifah kerajaan bani Umayyah yang kedua.

Serangan Balas Tentera Bani Umayyah Terhadap Daerah Pemberontak

Khalifah Yazid bin Mu'awiyah melihat pemberontakan sudah timbul di seluruh negara. Baginda merasa sangat bimbang dengan keadaan yang meruncing itu. Lantas baginda terus membentuk sebuah pasukan tentera yang besar untuk dihantar menghapuskan pemberontak yang telah meluas itu. Serangan mula-mula dihantar ke arah selatan iaitu ke daerah Hijaz.

Serangan Ke Atas Kota Madinah

Sebagaimana yang telah disebutkan, bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah menghantar angkatan perangnya ke daerah Hijaz iaitu menuju ke kota Madinah. Dengan pesanan kepada panglima perangnya, apabila selesai urusan di kota Madinah, harus mara pula menghadapi Khalifah Abdullah bin az-Zubair di kota Mekah. Pasukan tentera Syam itu dipimpin oleh Panglima Muslim bin Uqbah dengan dibantu oleh Husain bin Numair al-Kindi.

Panglima Muslim bin Uqbah mara membawa pasukannya menuju ke selatan ke daerah Hijaz iaitu ke kota Madinah. Para penduduk di kota Madinah yang diketuai oleh Panglima Abdullah bin Hanzalah al-Ansari telah berusaha mempertahankan kota Madinah daripada dicerobohi oleh tentera Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dari negeri Syam itu bersama-sama seluruh penduduk kota Madinah yang benci kepada pemerintahan kerajaan bani Umayyah termasuklah para sahabat Nabi yang masih hidup seperti Abdullah bin Umar dan ramai lagi. Para penduduk kota Madinah tidak berdaya menentang serangan tentera Syam dan telah menerima kekalahan. Ramai para penduduk kota Madinah yang telah terkorban syahid kerana mempertahankan kota suci daripada serbuan tentera Khalifah Yazid bin Mu'awiyah itu.

Setelah berjaya menakluk kota Madinah, Panglima Muslim bin Uqbah telah memberi kebebasan kepada angkatan tentera Syam untuk melepas kebuasan hawa nafsu mereka ke atas kota Madinah dan penduduknya selama tiga hari. Diriwayatkan ramai perempuan Madinah yang telah diperkosa kehormatan mereka oleh tentera Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Harta benda penduduknya dirampas dan dirompak. Mana lagi dikatakan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang salih? Apakah perbuatan memberi kebenaran kepada tentera-tentera Syam memperkosa kehormatan wanita-wanita Madinah dizinkan oleh Panglima Muslim bin Uqbah tanpa pengetahuan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah di kota Damsyik? Sebagaimana baginda tidak mengetahui sama sekali perbuatan Ubaidullah bin Ziyad membantai Sayidina Husein di Karbala'?

Kalau dikatakan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah tidak mengetahui perkara ini dan sama sekali melarangnya, maka dosanya adalah tertanggung di atas batu kepala Panglima Muslim bin Uqbah sebagaimana tertanggung di atas kepala Ubaidullah bin Ziyad dalam peristiwa di Padang Karbala'.

Serangan Ke Atas Kota Mekah

Setelah angkatan perang dari negeri Syam yang dipimpin oleh Panglima Muslim bin Uqbah selesai mengacau di kota Madinah selama tiga hari tiga malam, maka bergeraklah pula pasukan itu menuju lagi ke selatan iaitu ke kota Mekah untuk menghapuskan Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang mengaku menjadi khalifah di sana dan sedang berkuasa itu.

Sebenarnya Panglima Muslim bin Uqbah adalah seorang yang sudah tua, tetapi sangat jahat tidak mengenal takut kepada Allah SWT dan merasa hormat kepada Rasulullah s.a.w. Beliau adalah bekas pengawal peribadi kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan seorang yang gagah berani serta buta sebelah matanya. Khalifah Yazid bin Mu'awiyah melantik orang seperti ini untuk menjadi panglima pasukan menunjukkan betapa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang khalifah yang tidak salih tidak seperti yang didakwa oleh sesetengah para sejawan Islam dan alim ulama'.

Dalam perjalanan mara ke kota Mekah itu, tiba-tiba Panglima Muslim bin Uqbah telah jatuh sakit dan terus meninggal dunia dan dikebumikan di tempat beliau meninggal itu. Tempatnya telah diganti oleh pembantunya yang bernama Husain bin Numair al-Kindi. Panglima Husain bin Numair al-Kindi adalah salah seorang sahabat Nabi. Semasa hayat Rasulullah s.a.w., beliau telah dilantik oleh Rasulullah s.a.w. menjadi penulis surat hutang piutang dan perkara-perkara yang berkaitan dengan mu'amalat.

Memang tidak anih terdapat juga sahabat Nabi yang bekerja di pihak kerajaan bani Umayyah. Maklumlah khalifah bani Umayyah yang pertama iaitu Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah sahabat Rasulullah s.a.w. yang besar. Sudah tentu tidak sedikit para sahabat Nabi yang berpindah ke negeri Syam pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan kerana sifat Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang bijaksana, pemurah, penyabar, cerdas, tidak pendendam, pemaaf, cerdik dan menarik yang merupakan sahabat mereka juga. Sudah tentu seorang pemimpin negara yang mempunyai sifat-sifat yang sebegini disukai oleh rakyatnya.

Sahabat Rasulullah s.a.w. yang paling masyhur yang bekerja di pihak Khalifah Yazid bin Mu'awiyah ialah an-Nu'man bin Basir al-Ansari. Beliau adalah seorang Ansar dan berasal dari kota Madinah. Beliau dilantik menjadi gabenor di kota Kufah oleh Khalifah Yazid bin Mu'awiyah sebaik sahaja baginda naik menjadi khalifah. An-Nu'man bin Basir adalah seorang sahabat Nabi yang muda ketika bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. Ketika Rasulullah s.a.w. wafat, an-Nu'man bin Basir masih di bawah usia baligh.

Demikianlah juga dengan Panglima al-Husain bin Numair al-Kindi. Beliau bekerja di dalam pasukan tentera Syam yang dihantar oleh Khalifah Yazid bin Mu'awiyah untuk memadam pemberontakan di kota Madinah dan di kota Mekah. Ketika terjadi pemerkosaan ke atas penduduk kota Madinah selama tiga hari oleh tentera negeri Syam, al-Husain bin Numair ada di sana kerana beliau adalah salah seorang tentera Syam malah pembantu kepada Panglima Muslim bin Uqbah. Tetapi selaku seorang sahabat Rasulullah s.a.w., al-Husain bin Numair al-Kindi tidak melakukan perbuatan terkutuk itu.

Bagi pertimbangan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang bekerja dengan kerajaan bani Umayyah pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin

Mu'awiyah, mereka selaku rakyat terpaksa mematuhi perintah pemerintah. Jadi mereka datang ke kota Madinah dan kota Mekah adalah untuk mengamankan negeri, bukan membuat perkosaan dan kerosakan. Mereka mahu penduduk di kedua-dua kota suci itu kembali patuh kepada pemerintah yang dilantik secara sah.

Inilah yang dikatakan perbezaan pendapat di antara para sahabat Rasulullah s.a.w. Para sahabat yang bekerja dengan kerajaan bani Umayyah melihat rakyat wajib patuh kepada pemerintah iaitu Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Manakala para sahabat yang menentang pemerintah melihat khalifah perlu ditentang dan ditumbangkan kerana sudah zalim disebabkan tidak lagi mengikut sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w. dan sunnah Khalifah ar-Rasyidin yang empat. Jadi pendapat mereka adalah ijtihad. Allah SWT tetap memberi pahala kepada mereka. Kalau ijtihad mereka silap, mereka akan mendapat satu pahala sahaja.

Akhirnya angkatan tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh Panglima al-Husain bin Numair al-Kindi sampai di pinggir kota Mekah. Mereka mengepung kota Mekah sebagaimana yang telah disebutkan di dalamnya duduk bertahan Abdullah bin az-Zubair yang mengaku jadi khalifah kaum Muslimin. Mereka telah membedil Ka'abah dengan menggunakan senjata yang dinamakan manjanik. Ini menyebabkan dinding Ka'abah runtuh dan terbakar.

Setelah mengepung kota Mekah selama empat puluh hari tanpa dapat menawan kota suci itu, tiba-tiba sampai kepada Panglima al-Husain bin Numair al-Kindi berita buruk dari negeri Syam iaitu berita bahawa pemerintahan umat Islam iaitu Khalifah Yazid bin Mu'awiyah sudah wafat. Jadi pengepungan ke atas kota Mekah hendaklah dihentikan segera kerana menghormati kembalinya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah ke rahmatullah.

Sebelum Panglima al-Husain bin Numair al-Kindi membawa tentera kerajaan bani Umayyah pulang semula ke negeri Syam, beliau terlebih dahulu secara senyap-senyap telah pergi menemui Khalifah Abdullah bin az-Zubair dan membuat tawaran kepada baginda itu untuk berdamai dan seterusnya memberi baiat kepada baginda selaku khalifah umat Islam yang menggantikan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang telah wafat. Tetapi dengan syarat Khalifah Abdullah bin az-Zubair perlu terlebih dahulu berangkat ke negeri Syam untuk diumumkan perlantikan secara menyeluruh sebagai khalifah di sana. Tetapi Khalifah Abdullah bin az-Zubair tidak bersedia untuk menerima permintaan daripada Panglima al-Husain bin Numair itu. Kerana cerdiknya Khalifah Abdullah bin az-Zubair, baginda merasa bimbang dengan tawaran bersyarat dari Panglima al-Husain bin Numair al-Kindi kalau-kalau ianya adalah suatu helah untuk memerangkap baginda. Maklumlah apabila sudah berada di dalam lubuk musuh.

Setelah Khalifah Abdullah bin az-Zubair enggan menerima tawaran daripada panglima angkatan tentera kerajaan bani Umayyah itu, maka

angkatan perang itu terus berangkat pulang semula ke negeri Syam dan Khalifah Abdullah bin az-Zubair telah dapat bernafas semula dengan leganya.

Apakah Ada Usaha-Usaha Penaklukan Dan Penyebaran Islam?

Apakah pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah ada dibuat juga usaha-usaha penaklukan dan penyebaran agama Islam sebagaimana yang telah dibuat oleh ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan?

Sebenarnya ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat pada tahun 60 Hijrah/679 Masihi, ketika itu sedang berlangsung penaklukan di timur dan juga di barat. Jadi ketika Khalifah Yazid bin Mu'awiyah mengambil alih jawatan khalifah daripada ayahandanya, usaha-usaha penaklukan sedang berjalan dan tetap diteruskan tanpa diperintah berhenti. Cuma Khalifah Yazid bin Mu'awiyah tidak dapat memberi penumpuan sepenuhnya kepada usaha-usaha peluasan wilayah kerajaan Islam serta penyebaran agama Islam kerana baginda sibuk menghadapi urusan pemberontakan dalam negara.

Ketika itu di bahagian timur iaitu di bahagian negara Khurasan dan kawasan sekitarnya, Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah sedang memimpin angkatan tentera Islam berjuang meneguh dan memperluaskan wilayah kerajaan Islam bani Umayyah. Tetapi disebabkan tiada ahli-ahli sejarah Islam yang menceritakan tentang penaklukan di sebelah timur pada zaman Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, dipercayai Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah dan rakan-rakannya telah menghentikan dahulu serangan ke atas negara-negara yang belum lagi sampai ajaran Islam kepada mereka atau yang telah memerdekakan diri daripada taklukan kerajaan Islam ketika terjadi huru-hara di dalam negara pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan dan Khalifah Ali bin Abu Talib kerana tiada arahan daripada gabenor dan khalifah di pusat. Para panglima di wilayah timur hanya menjaga keselamatan wilayah-wilayah yang telah ditakluk daripada diambil semula oleh pihak musuh yang telah dikalahkan itu.

Manakala di bahagian belahan bumi barat pula, pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, usaha-usaha penaklukan dan penyebaran agama Islam juga tetap diteruskan sebagaimana di belahan timur. Kekacauan dalam negara tidak terkesan kepada mereka yang berada jauh di benua Afrika lebih-lebih lagi pula kerajaan bani Umayyah bukan jatuh, cuma menghadapi masalah pemberontakan sahaja.

Ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat pada tahun 60 hijrah, gabenor di Afrika Utara ialah Maslamah bin Makhallad al-Ansari yang menggantikan Uqbah bin Nafi' al-Fihri yang dipecat. Bahkan beliau juga adalah gabenor bagi negara Mesir dan Tripoli (ibu kota negara Libya sekarang). Pegawai pemerintah bagi Afrika Utara ialah Abu al-Muhajir. Tetapi setelah Yazid naik menjadi khalifah, baginda telah mengembalikan semula kedudukan

Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri selaku gabenor di Afrika Utara. Maka oleh Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri terus digerakkan askar-askarnya mara ke negeri Maghribi yang dikuasai oleh kaum Barbar. Tetapi dalam operasi ini beliau berjaya menakluk ibu kota Maghribi iaitu kota Tangiers (sekarang ibu kota bagi negara Tunisia).

Ketika angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri sampai di pantai lautan Atlantik, Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri berdiri di tepi pantai itu dan berseru, "Wahai Tuhanku, kalaulah tidak kerana lautan ini (menghalang pergerakkanku) nescaya aku akan terus maju berjuang di jalanMu. Kalau aku tahu di belakang lautan ini masih ada negeri dan manusia, nescaya aku akan mengharunginya."

Sebenarnya kebanyakan orang-orang Barbar tidak menyukai Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri menjadi pemimpin pasukan. Sebagaimana Kusailah yang lebih menyukai tuannya Abu al-Muhajjir yang sudah tidak mempunyai kuasa lagi. Dikatakan sebab-sebab kaum Barbar tidak menyukai Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri adalah disebabkan sikap panglima besar ini yang pernah merendah-rendahkan kebolehan Kusailah setelah Kusailah beroleh kejayaan dalam beberapa siri peperangan.

Nasib malang telah menimpa ke atas Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri pada tahun 63 Hijrah/682Masihi. Setelah beliau kembali dari berjuang di sebuah medan dengan membawa kemenangan yang besar, ketika pasukan tentera beliau sampai di suatu kota kecil yang bernama Tabnah, beliau terlebih dahulu telah menghantar angkatan perangnya itu bersama-sama harta ghanimah ke kota Qairawan. Yang tinggal bersama-sama beliau hanyalah seramai kira-kira 300 orang askar sahaja termasuk Abu al-Muhajjir. Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri bersama-sama askarnya yang 300 orang itu telah bergerak menuju ke kota Tahudah. Pergerakan beliau telah dapat dikesan oleh orang-orang Rom Timur dan mereka telah menghasut Kusailah dengan membekalkan kepadanya sejumlah senjata dan wang.

Kusailah yang sememangnya masih marah kepada Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri dan orang-orangnya telah mengekori Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri dan anggota pasukannya yang sedikit itu dan akhirnya terjadi pertempuran di antara kedua pasukan itu di mana Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri dan juga Abu al-Muhajjir telah terkorban syahid. Beberapa orang anggota tentera Islam yang hidup telah ditawan. Kusailah telah kembali murtad dan turut murtad bersamanya sejumlah orang-orang Barbar dan mereka telah melarikan diri.

Jenazah Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri telah dimakamkan di suatu tempat yang sekarang dikenali dengan nama Sidi Uqbah. Di atas makamnya itu didirikan sebuah masjid yang mana dianggap masjid yang tertua sekali di benua Afrika.

Dengan tewasnya Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri, maka kekuasaan di Afrika Utara bahagian pesisir pantai Atlantik telah dapat dirampas semula oleh pihak kerajaan Rom Timur. Manakala bahagian pedalaman Afrika telah dikuasai oleh Kusailah. Kedudukan ini berterusan sehinggalah sampai ke zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Abdul Aziz bin Marwan menjadi gabenor negeri Mesir.

Manakala di bahagian utara Tanah Arab pula iaitu di daerah Laut Medditerenian atau Laut Tengah, tidak ada sebarang penaklukan dibuat kerana pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dahulu semua pulau di lautan itu telah dapat ditakluk oleh pihak kerajaan Islam. Manakala tentera Islam telah melakukan serangan dan kepungan ke atas kota Constantinople sampai dua kali, meskipun kedua-dua kepungan itu telah mengalami kegagalan.

Kepungan kali pertama dibuat pada tahun 48 Hijrah/667 Masihi dan yang kedua dibuat pada tahun 54 Hijrah/673 Masihi (satu riwayat lagi mengatakan pada tahun 58 Hijrah/677 Masihi) dan kepungan terakhir ini terpaksa dihentikan apabila Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan wafat pada tahun 60 Hijrah/679 Masihi. Pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, pihak kerajaan Islam hanya mengawal sahaja mana-mana negara dan pulau-pulau yang telah dapat ditakluk pada zaman pemerintahan ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan daripada dapat dirampas kembali oleh pihak musuh.

Wafat

Sebagaimana yang telah masyhur diketahui bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah jatuh sakit dan wafat ketika baginda sedang berlumba dengan kera baginda. Baginda tiba-tiba jatuh dari atas belakang kudanya dan terus wafat. Namun yang sebenarnya tidaklah dapat dipastikan baginda wafat ketika berada di atas belakang kudanya atau akibat daripada terjatuh itu. Tetapi dipercayai Khalifah Yazid bin Mu'awiyah wafat ketika baginda sedang berlumba itu, lalu jatuh ke tanah, bukan akibat terjatuh. Sebab jarang sekali penunggang kuda mati kerana terjatuh dari atas kudanya.

Soalnya apakah benar Khalifah Yazid bin Mu'awiyah wafat akibat terjatuh dari atas belakang kudanya ketika baginda berlumba lari dengan kera baginda? Kalau difikirkan sekali imbas pun, nampak tidak lojik tentang perlumbaan ini. Bagaimana seekor kera dapat berlumba lari dengan kuda? Kalau untuk berlumba lari dengan kambingpun, rasanya kera tidak terdaya melawan. Kuda adalah di antara binatang terpantas berlari di darat. Sedangkan kera adalah binatang yang pantas bergerak ketika berada di atas pokok. Bagaimana dapat diterima riwayat bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah melakukan perlumbaan dengan seekor kera, sedangkan baginda menunggang kuda?

Apa yang dapat kita percayai bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah wafat secara biasa, bukan kerana terjatuh dari atas belakang kuda baginda yang sedang baginda tunggangi kerana melakukan perlumbaan dengan kera baginda.

Khalifah Yazid bin Mu'awiyah wafat ketika tentera Syam sedang membuat pengepungan ke atas kota Mekah untuk menghancurkan Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah umat Islam sejak tahun 62 Hijrah/681 Masihi lagi. Kematian Khalifah Yazid bin Mu'awiyah pada saat-saat begini menunjukkan bahawa Allah SWT mahu serangan atau pengepungan ke atas kota Mekah dihentikan segera. Kalau tidak sudah pasti kota Mekah terus dikepung dan serangan ke atas kota suci umat Islam ini akan berpanjangan dan Abdullah bin az-Zubair tidak akan dapat menjadi khalifah sampai begitu lama (sembilan tahun seperti yang tercatit di dalam kitab-kitab atau buku-buku sejarah Islam).

Khalifah Yazid bin Mu'awiyah memerintah tidak lama cuma kira-kira tiga tahun lebih sahaja iaitu dari tahun 60 Hijrah/679 Masihi hingga 64 Hijrah/683 Masihi. Baginda meninggal dunia ketika usianya 44 tahun.

Demikianlah kisah hidup dan perjuangan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang merupakan khalifah kerajaan bani Umayyah yang kedua.

Keluarga

Selesai sudah kita membicarakan tentang kisah hidup dan perjuangan Yazid bin Mu'awiyah yang merupakan khalifah kerajaan bani Umayyah yang kedua setelah ayahandanya Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sekarang masuklah pula untuk kita membicarakan tentang keluarga Khalifah Yazid bin Mu'awiyah iaitu tentang isteri dan anak-anaknya. Siapakah isteri dan anak-anak Khalifah Yazid bin Mu'awiyah? Dan berapa orangkah isteri baginda dan berapa orang pulakah anak-anak baginda lelaki perempuan?

Mengikut apa yang ditulis atau dicatit di dalam buku-buku sejarah Islam bahawa selama hidupnya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah berkahwin dengan dua orang perempuan dan mempunyai beberapa orang jariah. Daripada kedua-dua orang isteri dan jariah-jariah itu Khalifah Yazid telah memperolehi seramai empat belas orang anak. Sembilan putera dan lima puteri.

Jadi sesungguhnya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang insan yang mempunyai benih yang baik meskipun dikatakan oleh para ahli sejarah Islam bahawa peribadi baginda amat jauh daripada bergerak di atas landasan agama dan sunnah Rasulullah s.a.w. di dalam hidupnya. Marilah kita lihat secara agak terperinci tentang sedikit cebisan kisah kedua-dua orang isteri, jariah-jariah dan anak-anak Khalifah Yazid bin Mu'awiyah secara dekat:-

Isteri pertama Khalifah Yazid ialah Ummu Hasyim atau Ummu Khalid binti Hasyim bin Utbah bin Abu Waqqas, iaitu cucu saudara kepada Saad bin Abu

Waqqas, salah seorang sahabat besar Rasulullah s.a.w. yang dijamin ahli syurga. Daripada isteri baginda ini, Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah memperolehi dua orang putera iaitu Mu'awiyah dan Khalid.

Isteri baginda yang kedua ialah Ummul Kalthum binti Abdullah bin Amir bin Kuraiz bin Rabiah bin Habib bin Abdul Syams bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab. Daripada isteri kedua baginda ini, Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah memperolehi dua orang anak iaitu seorang putera bernama Abdul Aziz dan seorang puteri bernama Atikah. Di kemudian hari menjadi isteri atau permaisuri kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan terkenal dengan gelaran Ummu Banin al-Umawiyyah.

Selain daripada mempunyai dua orang isteri sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah juga mempunyai beberapa orang jariah seperti Salamah dan lain-lain. Daripada jariah-jariah itu Khalifah Yazid bin Mu'awiyah memperolehi beberapa orang putera seperti Abdullah as-Saghir, Abu Bakar, Utbah, Abdul Rahman, ar-Rabi' dan Muhammad.

Selain anak-anak lelaki atau putera-putera, Khalifah Yazid bin Mu'awiyah juga mempunyai lima orang anak-anak perempuan atau puteri-puteri iaitu Atikah, Ramlah, Ummu Abdul Rahman, Ummu Yazid dan Ummu Muhammad. Di antara kelima-limanya yang paling masyhur ialah Atikah kerana kemuliaan akhlaknya, kesalihahannya, kecantikannya dan telah diambil oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan menjadi salah seorang isteri baginda.

Demikian huraian serba ringkas tentang isteri-isteri, jariah-jariah dan anak-anak Khalifah Yazid bin Mu'awiyah.

Apakah Benar Yazid Bukan Seorang Salih Dan Bertakwa?

Apabila kita membelek buku-buku sejarah Islam tentang sejarah kerajaan Bani Umayyah, barangkali sukar sekali untuk kita menemui kenyataan-kenyataan bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah disebut sebagai seorang insan yang salih dan bertakwa kepada Allah SWT. Kenapa? Kerana para penulis sejarah Islam menuturkan apabila menyebut sejarah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, pasti mereka mengaitkan dengan beberapa peristiwa dahsyat yang mengaibkan peribadi baginda yang telah terjadi atau berlaku pada zaman pemerintahan baginda seperti pembunuhan ke atas cucanda Rasulullah s.a.w. Sayidina Husein dan sebahagian anggota keluarganya di Padang Karbala' dan serangan ke atas dua tanah suci Mekah dan Madinah serta serangan ke atas Ka'abah serta perbuatan memperkosa penduduknya dengan sangat keji sekali dan tidak dapat diterima dan dimaafkan oleh umat Islam seluruhnya.

Para penulis sejarah Islam itu menyebut atau menulis bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah semasa mudanya bergelumang dengan hiburan, berseronok-seronok dengan perempuan dan arak. Jadi peribadi Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang leka dan asyik dengan melakukan

perbuatan maksiat terhadap Allah SWT, bukan hidup secara salih sebagaimana kehidupan para ulama' di masanya.

Sungguhpun ramai ahli sejarah Islam yang melaknat Khalifah Yazid kerana peristiwa-peristiwa keji yang terjadi pada masa pemerintahan baginda, tetapi ada juga beberapa orang ulama' terkemuka termasuk ulama' besar Imam al-Ghazali yang melarang perbuatan mengutuk Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Alasan yang diberikan oleh Imam al-Ghazali ialah peristiwa pembunuhan yang terjadi ke atas Sayidina Husein di Karbala' bukanlah di atas kehendak Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, tetapi dilakukan tanpa pengetahuan dan perintah baginda. Jadi dalam hal ini Khalifah Yazid bin Mu'awiyah tidak boleh dipersalahkan.

Di sini kita nampak pada diri Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang dianggap kotor dan fasik itu telah berubah kepada mempunyai ciri-ciri peribadi yang salih dan baik kerana disemburkan dengan 'minyak wangi' oleh Imam al-Ghazali.

Kalau begitu benarkah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang manusia yang sebenarnya salih dan bertakwa kepada Allah SWT? Ini dapat dilihat pada peribadi beberapa orang isteri dan juga anak-anak baginda.

Bagaimanakah pula dengan peristiwa-peristiwa yang tidak dapat diterima yang terjadi pada masa pemerintahan baginda?

Empat peribadi yang keluar dari istana Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang telah menyebarkan kebaikan dan kesalihan dalam keluarga khalifah bani Umayyah yang kedua ini ialah kedua isteri baginda iaitu Ummu Khalid dan Ummul Kalthum, kedua, putera baginda yang bernama Mu'awiyah dan ketiga puteri baginda yang bernama Atikah binti Yazid. Keempat-empat mereka ini telah menyebarkan kemuliaan beragama dan akhlak di dalam keluarga Khalifah Yazid bin Mu'awiyah.

Kesalihan dan kemuliaan akhlak Ummu Khalid dan Ummu Kalthum dapat dilihat ketika terjadi tragedi ngeri di Padang Karbala'. Kedua-dua isteri Khalifah Yazid bin Mu'awiyah ini sangat berdukacita apabila mendapat khabar tentang pembunuhan ke atas Sayidina Husein dan keluarganya di Padang Karbala' dan penawanan anggota keluarga Ahlil Bait oleh tentera kerajaan bani Umayyah dari negeri Iraq. Ummu Khalid dan Ummu Kalthum bersama-sama dengan para jariah dan dayang-dayang istana telah menangis bersama-sama para tawanan wanita keluarga Ahlil Bait serta menasihat mereka supaya bersabar dengan tragedi yang telah menimpa mereka. Kedua-duanya telah memberi pakaian kepada kesemua anggota Ahli Bait yang telah terbuka aurat mereka terutamanya kepada kaum wanita.

Adapun puteri Khalifah Yazid bin Mu'awiyah iaitu Atikah yang menjadi permaisuri kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan tatkala melihat kepala

Mus'ab bin az-Zubair yang terpotong di istana suaminya telah marah sekali kepada para panglima tentera kerajaan bani Umayyah yang telah membunuh putera Asma' binti Abu Bakar as-Siddiq itu. Beliau berkata kepada mereka yang membawa kepala Mus'ab ke istana itu;

"Sungguh keterlaluan apa yang telah kamu lakukan ini. Kamu bawa kepala ini berkeliling ke berbagai-bagai negeri. Ini adalah satu perbuatan yang sangat zalim."

Kemudian beliau mengambil kepala itu dan membasuhnya (memandikan), mengkafan, menyembahyangkan dan mengebumikannya dengan penuh hormat.

Mu'awiyah bin Yazid pula setelah dilantik menjadi khalifah telah dengan segera meletak jawatan kerana tidak mahu mengambil risiko di Hari Qiamat nanti. Kata-kata beliau tentang rasa takutnya kepada tanggungjawab terhadap rakyat pada Hari Qiamat dapat dilihat ketika baginda berpidato pada hari penabalan baginda sebagai khalifah.

Inilah empat peribadi yang merupakan jantung hati Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang duanya sentiasa berada di dalam dakapan baginda dan yang dua orang lagi adalah titisan darah baginda yang membesar di bawah asuhan dan perhatian baginda. Apakah kesalihan dan kepatuhan kepada agama telah diberikan kepada mereka berempat oleh seorang suami yang tenggelam di dalam amalan maksiat terhadap Allah SWT siang dan malam?

Penyusun merasakan lebih menasabah apa yang dipilih oleh Imam al-Ghazali di dalam menilai peribadi Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Adapun peristiwa-peristiwa yang tidak bermoral dan kejam yang terjadi atau berlaku pada masa pemerintahan baginda sukar untuk dipisahkan dalam situasi yang umat Islam tenggelam di dalam lubuk kelupaan kepada agama dan hari akhirat.

Kemuliaan Akhlaknya

Kalau dikatakan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang tenggelam di dalam alam maksiat dan perderhakaan terhadap agama, tetapi ada kisah yang menceritakan bahawa baginda adalah seorang manusia yang mempunyai rasa perikemanusiaan yang tinggi terhadap sesama makhluk. Marilah kita lihat kisahnya:-

Diceritakan terdapat seorang jariah yang sangat cantik di kota Madinah bernama Salamah. Selain cantik, Salamah juga cerdik, baik akhlaknya dan merdu suaranya. Dia juga pandai mengarang syair dan mendendangkannya. Jariah ini telah menjadi rebutan dua orang pemuda di kota Madinah iaitu Abdul Rahman bin Hasan dan Ahwas bin Muhammad. Tetapi Salamah lebih mencintai Ahwas berbanding Abdul Rahman. Ini menyebabkan Abdul Rahman menjadi sangat sakit hati kepada Ahwas.

Satu idea telah terlintas di dalam kepala Abdul Rahman bin Hasan agar dia dan Ahwas bin Muhammad sama-sama berputih mata daripada mendapat Salamah. Abdul Rahman telah pergi kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah di kota Damsyik. Abdul Rahman menceritakan tentang kecantikan rupa, kemerduan suara dan keelokan perangai si jariah Salamah ini menyebabkan Khalifah Yazid menjadi sangat tertarik hati untuk memiliki Salamah.

Akhirnya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah membeli Salamah dan dijadikan jariah baginda. Ahwas bin Muhammad telah berusaha untuk berjumpa dengan Salamah di istana Khalifah Yazid.

Ahwas secara diam-diam telah berangkat ke negeri Syam dan masuk mengadap Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Beliau mendendangkan beberapa bait syair memuji-muji Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Khalifah Yazid sangat menyenangi Ahwas dan membenarkannya tinggal di sekitar istana baginda untuk beberapa hari sebagai tetamu baginda. Salamah mendapat tahu tentang adanya kekasihnya Ahwas di sekitar istana khalifah itu.

Maka beliau mengupah seorang khadam untuk mengatur rencana agar dapat diadakan pertemuan antara beliau dengan kekasihnya Ahwas bin Muhammad sebelum kekasihnya itu pulang semula ke kota Madinah. Kepada khadam itu Salamah telah memberinya sejumlah wang.

Rupa-rupanya khadam itu lebih setia kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah daripada Salamah. Dia telah memberitahu kepada Khalifah Yazid tentang rencana yang diatorkan oleh Salamah itu. Tetapi Khalifah Yazid bin Mu'awiyah tidak marah dengan rencana itu, sebaliknya memerintah kepada khadam baginda itu supaya mengaturkan tempat pertemuan di antara jariah baginda Salamah dengan kekasihnya Ahwas bin Muhammad itu di suatu tempat yang dapat baginda saksi dengan mata kepala baginda sendiri dan mendengar percakapan keduanya dengan jelas.

Ketika Khalifah Yazid bin Mu'awiyah sudah berada di tempatnya yang direncanakan, maka khadam itu menyuruh Salamah masuk berjumpa dengan kekasihnya Ahwas bin Muhammad. Maka kedua-dua kekasih itu saling melepaskan rindu mereka, bukan melakukan perbuatan yang tidak senonoh, kedua-duanya hanya menangis terisak-isak. Semua perlakuan kedua-dua kekasih itu dilihat dan didengar oleh Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dengan jelas sekali. Namun Khalifah Yazid sedikitpun tidak marah kepada jariah baginda Salamah dan tidak juga kepada Ahwas bin Muhammad. Malah baginda merasa kasihan pula kepada kedua-dua kekasih yang telah terpisah itu.

Pada keesokan harinya, Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah memanggil Salamah dan Ahwas bin Muhammad dan meminta kedua-duanya menjelaskan apa-apa yang dikatakan oleh mereka berdua pada sebelah malam tadi. Tanpa berselindung lagi, Ahwas dan Salamah menceritakan tentang perhubungan mereka selaku dua kekasih yang terpisah. Sekali lagi mereka berdua menangis

di hadapan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah.

Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah mengembalikan semula Salamah kepada Ahwas bin Muhammad tanpa meminta bayaran sesen pun. Malah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah memberi perbelanjaan dan bekalan untuk kedua-dua kekasih itu agar dapat pulang semula ke kota Madinah.

Ini menunjukkan bahawa betapa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang manusia yang mempunyai hati yang penuh dengan rasa kemanusiaan yang mendalam terhadap sesama makhluk biarpun makhluk itu hanya seorang rakyat baginda yang lemah dan tinggal pula di negeri tempat bersekongkolnya para penentang pemerintahan baginda.

Kalau kisah ini dipadukan dengan kisah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah sangat bersedih hati di atas peristiwa pembunuhan Sayidina Husein di Karbala' dan perlakuan mulia baginda terhadap anggota keluarga Ahlil Bait yang ditawan dengan menghantar mereka pulang semula ke kota Madinah dengan penuh hormat dan mengembalikan semula harta benda mereka yang dirampas dan menggantikan mana-mana yang musnah, kita percaya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang tidak merancang untuk berperang dengan saudara-saudara sesama Muslimin seperti yang terjadi pada masa pemerintahan baginda. Tetapi disebabkan terpaksa, maka baginda melakukan juga demi untuk kestabilan negara.

Jasa-Jasa Terhadap Agama

Selama baginda menjadi khalifah umat Islam di bawah kerajaan dinasti bani Umayyah selama kira-kira tiga tahun lebih itu, apakah jasa yang telah dibuat oleh Khalifah Yazid bin Mu'awiyah terhadap agamanya? Kalau ayahandanya dahulu tersangat banyak melakukan jasa terhadap agama Islam seperti menguatkan angkatan tentera darat dan laut sehingga berjaya menguasai beberapa buah negara dan pulau-pulau, dan berjaya melemahkan kekuasaan kerajaan Rom Timur yang telah menguasai kembali tanah-tanah jajahan kerajaan Islam yang telah ditakluk pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan Khalifah Uthman bin Affan, maka apakah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah telah berjaya meluaskan lagi tanah jajahan kerajaan Islam di timur dan barat sebagaimana yang telah dilakukan oleh ayahandanya?

Nampaknya tidak ada. Kenapa? Kerana Khalifah Yazid bin Mu'awiyah memerintah sekejap sahaja, dan dalam masa pemerintahan baginda yang pendek dan singkat itu, baginda telah berhadapan dengan banyak tentangan yang hebat di dalam negeri oleh tokoh-tokoh Islam sendiri yang tidak menyukai baginda dilantik menjadi khalifah. Selama masa tiga tahun lebih itu, Khalifah Yazid bin Mu'awiyah terpaksa menghadapi atau membalas tentangan para pemberontak dengan cara menyerang kota-kota yang merupakan jajahan atau

kawasan yang di bawah takluk kerajaan Islam sendiri iaitu kota Madinah dan kota Mekah.

Selama beroperasi atau berperang dengan penduduk kota Madinah dan kota Mekah itulah, Khalifah Yazid bin Mu'awiyah tiba-tiba telah meninggal dunia secara mengejut sekali.

Mungkin sekali sekiranya baginda berjaya memadam pemberontakan yang dicetuskan oleh beberapa orang tokoh itu sebelum baginda wafat, sudah tentu baginda juga akan menggerakkan pasukan tentera Islam ke luar negara untuk melaksanakan tugas-tugas peluasan wilayah Islam dan melaksanakan penyebaran agama Islam seperti yang telah dilakukan oleh para khalifah sebelum baginda.

Apa yang sangat bernasib baiknya kerajaan Islam pada masa pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah ialah pihak musuh terutama kerajaan Rom Timur sudah tidak berani lagi untuk menceroboh wilayah-wilayah kerajaan Islam sebagaimana yang mereka lakukan pada ketika terjadinya huru-hara pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan dan zaman Khalifah Ali bin Abu Talib.

Apa yang dapat umat Islam di kemudian hari melihat jasa-jasa baik yang dilakukan oleh Khalifah Yazid bin Mu'awiyah terhadap Islam ialah baginda telah memperlakukan para tawanan Karbala' dengan baik, dengan memberi ganti rugi mereka dan menghantar mereka pulang semula ke kota Madinah dengan selamat dan penuh kehormatan.

Semoga Allah SWT mengampuni Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dan menemukan baginda semula dengan ayahanda dan ibunda baginda di negeri akhirat nanti di dalam syurga yang penuh dengan kenikmatan. Amin. Wassalam.

MU'WIYAH BIN YAZID

(64-64 Hijrah/83-683 Masihi)

Pengenalan

Mu'awiyah bin Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan ialah khalifah dari kerajaan dinasti bani Umayyah yang ketiga. Baginda dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat ayahandanya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang telah wafat. Tetapi perlantikan atau kekhalifahan baginda tidak begitu bermakna kepada pemerintahan kerajaan bani Umayyah kerana Khalifah Mu'awiyah bin Yazid seperti tidak memerintah. Ini disebabkan baginda menduduki kerusi khalifah hanya selama 40 hari sahaja. Tidak sempat membuat apa-apa kemajuan dan jasa kepada negara, rakyat dan agama.

Khalifah Mu'awiyah bin Yazid dilahirkan pada tahun 39 Hijrah/659 Masihi di akhir pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib. Tarikh kelahiran baginda ini adalah berdasarkan kepada tarikh baginda wafat dan usia baginda ketika wafat iaitu 25 tahun pada tahun 64 Hijrah/683 Masihi.

Para sejarawan Islam mencatitkan di dalam kitab-kitab atau buku-buku mereka bahawa Mu'awiyah bin Yazid adalah seorang manusia yang beriman, penuh takwa, salih, wara', zahid dan kuat beribadat. Inilah yang menghairankan kerana sebahagian besar ahli-ahli sejarah Islam mengatakan bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang khalifah yang kotor kehidupannya, bergelumang dengan maksiat, arak, muzik dan perempuan. Kalau sudah demikian bagaimanakah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dapat mendidik puteranya sehingga menjadi seorang yang salih dan bertakwa kepada Allah SWT? Ataukah Mu'awiyah bin Yazid dididik oleh ayahandanya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dengan maksiat dan melencong dari landasan jalan yang diajarkan oleh Allah SWT, tetapi Allah SWT telah mendidik pula Mu'awiyah bin Yazid berjalan di atas jalan kebaikan dan bertakwa kepadaNya?

Sesungguhnya tidak kurang para ibu bapa yang hidup melupai Allah SWT, tetapi anak-anak mereka telah muncul menjadi para pendakwah yang murni dan berjiwa suci. Ini tidaklah mustahil juga berlaku kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan terhadap putera baginda Mu'awiyah bin Yazid.

Tetapi kisah-kisah mengenai peribadi Khalifah Yazid bin Mu'awiyah penuh kontroversi. Sejarah yang masyhur mengatakan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah hidup berfoya-foya memuaskan kehendak hawa nafsunya, bergelumang dengan perbuatan maksiat terhadap Allah SWT, penuh noda, arak, perempuan dan hiburan. Lupa tanggungjawabnya selaku khalifah Allah di atas muka bumi. Berlakunya serangan ke atas kota Madinah kemudian kota Mekah dan perbuatan memperkosa kehormatan penduduk kota Madinah adalah terjadi pada zaman pemerintahan baginda. Ini menunjukkan bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang hidupnya penuh bermaksiat kepada Allah SWT.

Tetapi ada juga segolongan kecil para pengkaji sejarah Islam telah menafikan fakta yang masyhur ini. Mereka mendakwa telah menemui beberapa bukti yang lain yang menunjukkan bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah bukanlah seorang yang gemar kepada maksiat dan perderhakaan terhadap Allah SWT. Tetapi baginda adalah seorang manusia yang mempunyai jiwa yang bersih dan seorang yang takwa kepada Allah SWT. Ini dapat dibuktikan dengan an-Nu'man bin Basyir, seorang sahabat Nabi yang salih telah bekerja di pihak Khalifah Yazid bin Mu'awiyah selaku gabenor di kota Kufah.

Bukti lain tentang kesalihan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah ialah kesedihan yang baginda perlihatkan ketika terjadi pembunuhan ke atas Sayidina Husein bin Ali di Padang Karbala'. Sebenarnya baginda bukan mengarah pembunuhan itu, tetapi dilakukan secara tindakan peribadi oleh gabenor kota Kufah iaitu Ubaidullah bin Ziyad. Baginda telah menghantar pulang kesemua kaum keluarga Sayidina Husein bin Ali dan anggota Ahlil Bait yang telah ditawan oleh Ubaidullah bin Ziyad ke kota Madinah dengan penuh kehormatan dan membayar dengan sempurna gantirugi mereka.

Imam Ali Zainal Abidin putera Sayidina Husein dan adinda Sayidina Husein iaitu Sayyidah Zainab al-Kubra telah memuji kebaikan peribadi Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, bukan seperti mereka mengutuk Ubaidullah bin Ziyad dan Umar bin Saad bin Abu Waqqas.

Jadi bagi pihak yang menggunapakai bukti-bukti ini telah beranggapan bahawa Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang manusia yang salih dan takwa kepada Allah SWT dan telah mendidik putera baginda yang bernama Mu'awiyah sehingga menjadi seorang manusia yang sangat beriman, salih, kuat beribadat, zahid dan wara'.

Bagi golongan yang membela Khalifah Yazid bin Mu'awiyah selaku seorang yang salih mengatakan tindakan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang membenarkan tindakan kejam dan kotor ke atas penduduk kota Madinah dan kota Mekah adalah dengan maksud untuk mengajar mereka-mereka yang derhaka kepada pemerintah baginda agar jangan senang-senang menderhaka kepada pemerintah.

Khalifah Mu'awiyah bin Yazid adalah seorang yang alim dan salih. Baginda sebenarnya tidak berminat untuk menjadi khalifah. Sebab itu sebaik sahaja baginda dilantik sebagai Khalifah kerajaan bani Umayyah yang ketiga menggantikan tempat ayahandanya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, baginda memegang jawatan tertinggi dalam negara itu cuma setakat empat puluh hari sahaja. Pada hari yang keempat puluh, baginda mengumpul orang ramai di masjid dan baginda berpidato di atas mimbar masjid kota Damsyik yang mana isi pidatonya berbunyi;

"Wahai kaum Muslimin semua, sesungguhnya aku ini terlalu lemah untuk menguruskan kepentingan-kepentingan kamu. Aku telah berusaha mencari untuk kamu seorang pemimpin seperti Umar bin al-Khattab, yang diminta oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq untuk menggantikannya. Tetapi aku tidak mendapati orang yang seperti itu. Juga aku telah berusaha mencari enam orang pemimpin seperti pemimpin-pemimpin yang berenam yang pernah ditunjuk oleh Khalifah Umar bin al-Khattab untuk bermesyuarat, tetapi aku juga tidak menemukan mereka. Kamu sekalian lebih tahu tentang kepentingan kamu, sebab itu pilihlah sesiapa yang kamu sukai (untuk dilantik menjadi khalifah)."

Orang yang hadhir berkata kepada baginda, "Wahai Amirul Mu'minin! Lantiklah adinda tuan Khalid (sebagai pengganti tuan)."

Khalifah Mu'awiyah bin Yazid menjawab, "Demi Allah! Aku belum pun dapat merasai kemanisan menjawat (jawatan) khalifah ini, oleh itu aku tidak suka memikulkan bebannya ke atas orang lain (termasuklah ke atas adindaku Khalid)."

Kemudian baginda meneruskan ucapan, "Wahai sekalian yang hadhir, sesungguhnya datukku Mu'awiyah telah merampas daripada tangan mereka yang lebih berhak kepadanya (jawatan khalifah), dan lebih layak bagi mereka kerana perdampingan dan kekerabatan mereka dengan Rasulullah s.a.w. Beliau itu ialah Sayidina Ali bin Abu Talib. Datukku telah menjalani berbagai-bagai peristiwa bersama-sama kamu sebagaimana yang kamu ketahui hinggalah ke saat tiba ajalnya. Masuk ia ke dalam kuburnya sebagai seorang tebusan dan tawanan kepada segala dosa dan kesalahannya. Kemudian dilantik pula ayahku sebagai penggantinya sedangkan dia bukanlah orang yang layak untuk jawatan itu. Dia tenggelam dalam ulitan hawa nafsu, dan ditipu oleh angan-angan sedang ajalnya sudah hampir mencekamnya. Masuklah dia ke dalam kubur sebagai orang tebusan dan tawanan kepada segala dosa-dosa dan kesalahan-kesalahannya."

Kelopak mata Khalifah Mu'awiyah bin Yazid mula bergenangan dengan airmata, membasahi kedua-dua pipi dan janggut baginda. Baginda meneruskan lagi ucapannya, "Sesungguhnya antara sebesar-besar urusan yang membebani kita ialah pengetahuan kita tentang keburukan tempat kehancurannya (ayahanda baginda Khalifah Yazid) dan kejahatan kesudahannya (ayahanda

baginda Khalifah Yazid). Keluarga Rasulullah s.a.w. yang terdekat telah dibunuhnya, kesucian tanah haram (kota Mekah dan kota Madinah) telah dicerobohinya, dan Ka'abah Baitullah telah dirobohnya. Aku adalah seorang yang tidak mengaku bertanggungjawab di atas segala keburukan yang kamu lakukan itu (setelah mendapat perintah daripada ayahandaku Khalifah Yazid). Kamu tanggunglah sendiri semua beban dan tanggungjawabnya (melakukan perbuatan kejahatan terhadap kota suci dan umat Islam). Demi Allah, kalaulah dunia itu ada kebajikan baginya (ayahanda baginda Khalifah Yazid), maka sesungguhnya sudahlah kami memperolehi bahagiannya (dapat menjadi khalifah). Dan andainya keburukan, maka sudah cukuplah untuk zuriat Abu Sufyan apa yang mereka telah perolehi daripadanya (setakat Khalifah Yazid sahaja). Biarlah Hasan bin Malik mengimami kamu semua untuk bersembahyang dan berundinglah kamu tentang siapakah bakal orang yang akan menjadi khalifah kamu. Semoga kamu semua dirahmati Allah."

Pidato ini memberi erti bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Yazid telah meletak jawatannya selaku khalifah kerajaan dinasti bani Umayyah yang ketiga. Kemudian baginda terus pulang ke istananya dan menyepi diri untuk beribadat kepada Allah SWT. Hanya beberapa hari sahaja selepas itu, baginda pun wafat.

Dapat dikatakan putera Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang seorang ini adalah seorang sufi yang merupakan salah seorang dari wali-wali Allah yang suci.

Khalifah lemah?

Prof Dr Ahmad Syalaby berkata bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang khalifah yang lemah. Kata-kata lemah ini adalah melambangkan bahawa Khalifah Mu'awiyah bin Yazid adalah seorang pemuda yang lemah, tidak berkemampuan di dalam memerintah negara. Asyik takut akhirat dan selalu menangis.

Soalnya sekarang, apakah seseorang yang takutkan Allah SWT dan takut menanggung dosa itu adalah seorang yang lemah peribadinya? Apakah ini memberi erti bahawa seseorang yang dikatakan kuat adalah berperibadi sebaliknya?

Kalau begitu apakah Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Khalifah Umar bin al-Khattab dua orang khalifah yang lemah atau kuat?

Kalau dikatakan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Khalifah Umar bin al-Khattab adalah khalifah-khalifah yang kuat, apakah kerana keduanya adalah orang yang tidak takut kepada Allah SWT dan tidak takut menanggung dosa? Atau dikatakan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Khalifah Umar bin al-Khattab adalah dua khalifah yang lemah disebabkan keduanya sangat takutkan Allah SWT dan takut menanggung dosa?

Penyusun lebih cenderung mengatakan bahawa Abu Bakar as-Siddiq dan Umar bin al-Khattab adalah dua khalifah yang kuat bukan kerana khalifah yang lemah kerana ketakwaannya kepada Allah SWT dan ketakutannya terhadap Hari Akhirat.

Apakah Prof Dr Ahmad Syalaby bersetuju dengan pandangan penyusun ini?

Penyusun berpendapat penilaian kelemahan mahupun kekuatan seseorang khalifah itu bukan terletak pada peribadi mereka, tetapi pada kesanggupan atau tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai pemerintah dan juga kesediaannya untuk menghukum mengikut hukuman yang telah ditentukan oleh Allah SWT terhadap rakyat yang bersalah.

Sebab itu dikatakan Khalifah Mu'awiyah bin Yazid adalah seorang khalifah yang lemah bukan kerana keimanan baginda yang tidak tinggi, tetapi disebabkan ketidak mampuan baginda untuk melaksanakan tanggungjawab dengan kesediaannya untuk menghukum mengikut hukuman yang telah ditentukan oleh Allah SWT.

Manakala Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Khalifah Umar bin al-Khattab dikatakan khalifah-khalifah yang kuat bukan kerana mereka berdua tidak takut kepada Allah SWT dan tidak takut menanggung dosa, tetapi berdasarkan kepada kesediaan keduanya untuk menghukum para pesalah mengikut hukuman yang telah ditentukan oleh Allah SWT.

Jadi Prof Dr Ahmad Syalaby sebenarnya menilai peribadi Khalifah Mu'awiyah bin Yazid sebagai khalifah yang lemah adalah berdasarkan kepada ketidakmampuannya untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah dengan kesediaannya untuk menghukum mengikut hukuman yang telah ditentukan oleh Allah SWT, bukannya di atas dasar ketakwaannya kepada Allah SWT.

Pemerintahan Peringkat Kedua

Dinasti Marwaniyyah

MARWAN BIN AL-HAKAM
(64-65 Hijrah=683-684 Masihi)

Pengenalan

Marwan bin al-Hakkam dilahirkan pada tahun ke 2 Hijrah/625 Masihi di kota Madinah. Ketika Rasulullah s.a.w. wafat, Marwan bin al-Hakkam berusia 9 tahun. Dia sudah dapat mengenali Rasulullah s.a.w. dan sudah dapat mendengar hadis-hadis daripada baginda. Kalau begitu Marwan bin al-Hakkam adalah salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w., apakah begitu? Sebenarnya tidaklah demikian. Meskipun Marwan bin al-Hakkam dilahirkan pada tahun ke 2 Hijrah/625 Masihi di kota Madinah dan sudah berusia 9 tahun ketika Rasulullah s.a.w. wafat, tetapi para sejarawan Islam dan para ulama' hadis tidak memasukkan nama Marwan bin al-Hakkam ke dalam senarai sahabat Rasulullah s.a.w. atau sahabat Nabi. Kenapa? Kerana Marwan bin al-Hakkam selama hidupnya tidak pernah melihat atau berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. Memang ketika dia berusia di bawah setahun, dia menghirup udara kota Madinah bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w., tetapi dia tidak pernah melihat atau berjumpa dengan baginda meskipun sesaat. Kenapa? Kerana orang tuanya al-Hakkam bin Abul Ass telah dihalau oleh Rasulullah s.a.w. setelah keluarga ini tinggal di kota Madinah buat beberapa ketika. Kerana perbuatan al-Hakkam bin Abul Ass yang kurang ajar terhadap rumahtangga Rasulullah s.a.w. (dikatakan al-Hakkam bin Abul Ass pernah mengintip Rasulullah s.a.w. melalui lubang dinding bilik baginda ketika baginda sedang berdua-duaan dengan salah seorang isteri baginda), maka Rasulullah s.a.w. telah menghalau al-Hakkam bin Abul Ass sekeluarga ke kota Taif. Ketika itu Marwan bin al-Hakkam masih kecil dalam lingkungan usia beberapa bulan. Dan Marwan bin al-Hakkam membesar di kota Taif sehingga tahun 23 Hijrah/645 Masihi di mana usianya ketika itu ialah 21 tahun. Sebaik sahaja Sayidina Uthman bin Affan dilantik menjadi khalifah, maka baginda terus mengizinkan bapa saudara baginda al-Hakkam bin Abul Ass untuk pulang semula ke kota Madinah bersama seluruh keluarganya.

Marwan bin al-Hakkam muncul sebagai seorang pemuda yang gagah perkasa, tampan, terkenal seorang insan yang bijaksana, fasih, sangat cerdik dan cerdas. Khalifah Uthman bin Affan sangat tertarik hati kepada saudara sepupu

baginda ini. Lantas Khalifah Irrasyidin yang ketiga ini telah mengambilnya menjadi Setiausaha Politik baginda. Sejak saat itu nama Marwan bin al-Hakkam mula terukir dan masyhur. Ternyata Marwan bin al-Hakkam bukan sahaja seorang yang bijaksana, cerdik dan cerdas, tetapi juga amat berkebolehan di dalam soal-soal pentadbiran. Selain itu dia juga berkebolehan di dalam persoalan-persoalan agama, hukum dan seorang yang kuat beribadat. Khalifah Uthman bin Affan amat merasai kesemua bakat dan keistimewaan yang terdapat pada diri saudara sepupu baginda itu. Kelebihan-kelebihan yang terdapat pada diri Marwan bin al-Hakkam telah menyebabkan Khalifah Uthman bin Affan sangat sayang kepadanya dan mahu agar keluarga al-Hakkam bin Abul Ass selalu dekat dengan kehidupan baginda.

Tragedi pembunuhan ke atas Khalifah Uthman bin Affan dikaitkan oleh ahli-ahli sejarah Islam dengan tindakan Setiusaha Politik baginda ini. Ini adalah kerana Marwan bin al-Hakkam yang memegang cop mohor khalifah kerana beliau adalah Setiausaha Politik kepada Khalifah Uthman bin Affan. Tetapi tiada bukti yang kukuh bagi menunjukkan bahawa Marwan bin al-Hakkam yang menulis surat meminta gabenor Mesir Abdullah bin Abu Sarah agar membunuh Muhammad bin Abu Bakar as-Siddiq bekas gabenor negeri Mesir setibanya Muhammad bin Abu Bakar as-Siddiq di Mesir setelah kembalinya dari kota Madinah. Bahkan Khalifah Uthman bin Affan sendiri enggan menyerahkan beliau kepada para pemberontak tatkala diminta berbuat demikian.

Setelah Khalifah Uthman bin Affan terbunuh, maka Marwan bin al-Hakkam yang tidak menyenangi perlantikan Sayidina Ali bin Abu Talib menjadi khalifah telah melarikan dirinya ke kota Mekah dan berlindung di sana bersama-sama Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha, Talhah bin Ubaidullah, az-Zubair bin al-Awwam dan ramai lagi bekas-bekas gabenor al-marhum Khalifah Uthman bin Affan yang turut lari berlindung diri ke sana seperti Ya'la bin Umayyah bekas gabenor negeri Yaman dan Abdullah bin Amir bekas gabenor kota Basrah.

Setelah para penduduk kota Madinah termasuk para pemberontak dan pembunuh Khalifah Uthman bin Affan telah membaiat Sayidina Ali bin Abu Talib sebagai Khalifah Irrasyidin keempat menggantikan tempat al-marhum Khalifah Uthman bin Affan, maka Marwan bin al-Hakkam telah bergabung ke dalam pasukan tentera kota Mekah yang dibentuk dan dipimpin oleh Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah binti Abu Bakar as-Siddiq bersama Talhah bin Ubaidullah dan az-Zubair bin al-Awwam.

Akibat dari situ meletusnya peperangan Jamal pada tahun 36 hijrah. Selepas berakhir perang Jamal, Marwan bin al-Hakkam yang telah membunuh Talhah bin Ubaidullah di dalam peperangan Jamal telah datang kepada Khalifah Ali bin Abu Talib dan terus memberi baiatnya kepada baginda dan dia kembali menyepi di kota Madinah sehinggalah Khalifah Ali bin Abu Talib wafat kerana

dibunuh. Ketika itu usia Marwan bin al-Hakkam sudah 38 tahun.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Marwan bin al-Hakkam telah dilantik oleh pengasas dan khalifah pertama kerajaan bani Umayyah ini menjadi gabenor bagi kota Madinah. Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan menilai jasa-jasa Marwan semasa beliau menjadi Setiausaha Politik kepada Khalifah Uthman bin Affan. Dengan ini namanya kembali menjulang. Manakala pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, Marwan bin al-Hakkam telah menjadi orang penting di istana Khalifah Yazid bin Mu'awiyah selaku penasihat peribadi dan politik kepada Khalifah Yazid.

Marwan bin al-Hakkam telah dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang keempat selepas perletakan jawatan oleh Khalifah Bani Umayyah yang ketiga iaitu Khalifah Mu'awiyah bin Yazid atau Khalifah Mu'awiyah ll. Beliau dilantik menjadi khalifah kerana sudah menjadi rezeki beliau. Padahal kalau hendak dikira, anak-anak keturunan Abu Sufyan bin Harblah yang akan menjadi khalifah dinasti bani Umayyah selepas Khalifah Mu'awiyah bin Yazid sampai kerajaan itu tumbang dan hancur lebur. Tetapi sebagaimana yang telah dikatakan, sudah menjadi rezeki Marwan bin al-Hakkam untuk dia dipilih menjadi khalifah kerajaan bani Umayyah yang keempat yang diasaskan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan darah dan harta kekayaan negara setelah khalifah ketiga dari keturunan bani Abu Sufyan bin Harb menarik diri. Kesudahannya anak-anak keturunan beliau pula naik menduduki kerusi khalifah-khalifah kerajaan bani Umayyah silih berganti sehinggalah kerajaan bani Umayyah tumbang setelah memerintah selama 91 tahun.

Kekecohan Meletus

Ketika Khalifah Mu'awiyah bin Yazid iaitu Khalifah Mu'awiyah ll meletak jawatan pada tahun 64 Hijrah/684 Masihi setelah menjadi khalifah hanya selama 40 hari sahaja, baginda tidak meninggalkan seorang puterapun untuk dilantik mengganti tempat baginda sebagai khalifah oleh orang-orang bani Umayyah. Para penyokong kerajaan bani Umayyah terutama para penduduk negeri Syam yang berasal daripada dua suku kaum yang terbesar iaitu suku Qais (Arab Utara dari keturunan Mudhar bin Nizar bin Maad bin Adnan) dan suku Kalb atau suku Yaman (Arab Selatan dari keturunan Qahtan bin Nizar bin Maad bin Adnan) telah menjadi seperti anak-anak ayam yang kehilangan ibu. Mereka sudah tidak ada lagi tempat bergantung dan berlindung. Tambahan pula ketika itu di Hijaz, sebuah kerajaan lain yang sedang berkuasa iaitu kerajaan bani az-Zubairi yang dikepalai oleh Abdullah bin az-Zubair bin al-Awwam yang mengaku jadi khalifah di sana. Kaum suku Qais dan kaum suku Kalb merasa mereka akan ditimpa malang sekiranya mereka tidak bertindak cepat dalam erti kata mereka perlu segera mewujudkan pelindung mereka iaitu menyokong seseorang khalifah yang sedang berkuasa ketika itu.

Dalam suasana yang amat tertekan itu, suku kaum Qais dan suku kaum Kalb

telah berpecah haluan. Mereka kembali bermusuh seperti keadaan sebelum mereka memeluk agama Islam pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab dan telah disatukan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan semenjak beliau menjadi gabenor negeri Syam pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab dan pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Mereka tidak dapat bersatu lagi kerana orang atau kuasa yang menyatukan mereka sudah tidak ada lagi. Suku kaum Qais yang dipimpin oleh ketua mereka yang bernama adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri telah melihat untuk keselamatan mereka, mereka perlu segera menyokong Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang sedang berkuasa di Hijaz (Mekah dan Madinah) itu. Mereka tidak boleh lagi mengharapkan untuk bertuankan Khalifah bani Umayyah. Mereka sudah tidak yakin lagi kerajaan bani Umayyah akan dapat berdiri teguh sebagaimana pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Mereka melihat kerajaan bani Umayyah sudah semakin lemah dan akan musnah setelah kewafatan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Memang pada zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, kerajaan bani Umayyah cukup kuat dan teguh, tetapi setelah itu kerajaan anak cucu Umayyah bin Abdus Syams itu menjadi kacau setelah Yazid putera Mu'awiyah dilantik menjadi khalifah. Kemudian terus tenggelam setelah putera Khalifah Yazid iaitu Mu'awiyah bin Yazid dilantik menjadi khalifah ketiga. Kini haru sekali keadaannya. Kerajaan bani Umayyah hampir sudah tiada lagi. Apa yang akan terjadi kepada umat Islam, melainkan mereka perlu pergi kepada kerajaan yang sedang berkuasa ketika itu iaitu kerajaan az-Zubairi yang diketuai oleh Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang berpusat di kota Mekah seperti yang telah dinyatakan di atas. Untuk membalas jasa-jasa adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri yang telah bergabung dengan baginda sehingga menjadikan kerajaan baginda bertambah kuat, maka Khalifah Abdullah bin az-Zubair telah melantik adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri menjadi gabenor bagi kota Damsyik.

Gabenor kota Kufah yang dipecat oleh Khalifah Yazid bin Mu'awiyah iaitu seorang sahabat Nabi bernama an-Nu'man bin Basir juga telah ikut menyertai suku kaum Qais dan menyeberang ke pihak Khalifah Abdullah bin az-Zubair. Begitu juga dengan Zufar bin al-Harith al-Kalbi. An-Nu'man bin Basir telah dilantik oleh Khalifah Abdullah bin az-Zubair menjadi gabenor di kota Homs. Manakala Zufar bin al-Harith al-Kalbi telah dilantik menjadi gabenor di kota Qinassrin. Ini menjadikan kedudukan kerajaan bani Umayyah di negeri Syam yang diketuai oleh Khalifah Marwan bin al-Hakkam berada di dalam keadaan yang amat menyesakkan sekali.

Pada masa kerajaan bani Umayyah sedang berada di dalam tangan Khalifah Marwan bin al-Hakkam, ketika itu keadaan dalam negeri Iraq cukup kacau dan amat mencemaskan orang-orang Umayyah. Ini adalah masa tiga tahun daripada tarikh terbunuhnya Sayidina Husein bin Ali di Padang Karbala'. Telah muncul di kota Kufah seorang pahlawan terbilang yang telah memberontak terhadap

kerajaan bani Umayyah sehingga negeri Iraq telah menjadi huru-hara dan kacau bilau sekali. Pahlawan yang dimaksudkan itu ialah al-Mukhtar bin Abu Ubaid bin Mas'ud ath-Thaqafi, seorang dari keturunan Thaqif dari negeri atau kota Taif. Gabenor Iraq ketika itu iaitu Ubaidullah bin Ziyad bin Abihi tidak mampu menghadapi al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi dan para penyokongnya. Ubaidullah bin Ziyad telah meninggalkan Iraq dan berlindung ke negeri Syam. Al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi telah berjaya menguasai negeri Iraq sehingga kerajaan bani Umayyah tidak dapat berkuasa lagi di sana.

Memperkatakan tentang suku kaum Kalb pula. Suku ini tetap bertahan dengan tuan mereka yang asal tanpa terfikir untuk belot seperti yang telah dilakukan oleh suku kaum Qais. Mereka mahu khalifah tetap juga dari kalangan orang-orang atau keturunan bani Umayyah. Mereka tidak mahu bertuankan kepada Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang sedang berkerajaan di negeri Hijaz dan beribu kotakan kota Mekah itu. Kenapa? Kerana suku kaum Kalb masih berhubungan darah yang dekat dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan anak-anak cucunya. Salah seorang isteri Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan iaitu Maisun binti Bahdal al-Kalbiyyah adalah ibunda kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Inilah yang meneguhkan hubungan suku kaum Kalb dengan kerajaan bani Umayyah.

Suku kaum Kalb terus menggagahkan diri mereka untuk mempertahankan kerajaan bani Umayyah yang sudah mulai goyah itu. Dalam pada itu di antara orang-orang suku Kalb, telah terjadi perbezaan pendapat pula di dalam menentukan siapakah bakal khalifah keempat kerajaan bani Umayyah. Ketika itu di kalangan para bangsawan bani Umayyah, terdapat tiga tokoh yang dipandang cukup layak untuk menduduki kerusi Khalifah bani Umayyah yang keempat. Mereka ialah seorang dari bani al-Hakkam bin Abul Ass bin Umayyah, seorang dari bani Abu Sufyan bin Harb bin Umayyah dan seorang lagi dari bani Said bin al-Ass bin Umayyah (harus diingat antara Abul Ass bin Umayyah dengan al-Ass bin Umayyah adalah dua bersaudara, bukan orang yang sama).

Di dalam usaha untuk menentukan antara ketiga-tiga tokoh yang bakal mewakili mereka sebagai khalifah itu, suku kaum Kalb telah berpecah pula kepada tiga puak. Puak pertama mahukan keturunan Abu Sufyan bin Harb meneruskan kesinambungan jawatan khalifah. Oleh kerana Khalifah Mu'awiyah bin Yazid tidak ada meninggalkan seorang putera pun, maka golongan ini mahu putera Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang seorang lagi iaitu adinda kepada Khalifah Mu'awiyah bin Yazid yang bernama Khalid bin Yazid dilantik menjadi khalifah. Meskipun ketika itu Khalid bin Yazid masih belum mencapai usia baligh dan kurang pula minatnya kepada soal-soal politik. Beliau hanya asyik dengan ilmu pengetahuan terutama berkaitan bidang ilmu kimia.

Manakala puak atau golongan yang kedua pula sudah tidak mahu lagi khalifah datang dari keturunan Abu Sufyan bin Harb. Bukan kerana apa, semata-mata disebabkan ketika itu keluarga Abu Sufyan bin Harb sudah tidak mempunyai tokoh yang layak untuk dibawa ketengah. Golongan yang kedua ini merasakan sudah sampai masanya seorang tokoh tua dari keturunan bani Abul Ass bin Umayyah iaitu Marwan bin al-Hakkam bin Abul Ass dilantik menjadi Khalifah bani Umayyah yang keempat. Ini adalah kerana ketika itu Marwan bin al-Hakkam adalah tokoh yang paling layak untuk menduduki kerusi khalifah kerana pada dirinya terdapat banyak sekali kelebihan. Sifat-sifat dan kelebihan-kelebihan Marwan selain sebagaimana yang telah disebutkan di atas, serta telah tua usianya (luas pengalaman dan pengetahuannya). Golongan ini diketuai oleh al-Husain bin Numair yang berkata, "Demi Allah, kenapakah kita (kaum bani Umayyah) akan mengajukan anak kecil (maksudnya Khalid bin Yazid untuk jawatan khalifah), sedangkan orang-orang Arab yang lain (suku-suku Arab) mengajukan orang tua (untuk memimpin mereka)?"

Manakala puak yang ketiga atau terakhir mahukan tokoh dari keturunan Said bin al-Ass bin Umayyah bernama Amru bin Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass bin Umayyah bin Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai. Ayahnya Said bin al-Ass adalah bekas gabenor pada zaman Khalifah Uthman bin Affan. Tokoh ini perlu diberi perhatian kerana ambisinya kepada jawatan khalifah, disamping dia adalah seorang yang amat berwibawa dan layak untuk menduduki kerusi khalifah bani Umayyah. Kerana dia di samping berdarah bangsawan, juga merupakan seorang pahlawan yang amat perkasa dan cemerlang di medan perang dan boleh mengancam kestabilan kerajaan bani Umayyah sekiranya dia belot kepada kerajaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair. Kekuatannya di bidang ketenteraan barangkali hampir menyamai kekuatan Khalid bin al-Walid dan Amru bin al-Ass pada zaman Khalifah Abu Bakar dan Umar dahulu.

Orang-orang bani Umayyah amat takut sekiranya tokoh itu belot kepada Khalifah Abdullah bin az-Zubair dan sudah pasti kerajaan bani Umayyah yang sedang terumbang ambing itu akan rebah dan runtuh dalam sekelip mata sahaja. Para pembesar kerajaan bani Umayyah mahu menjaga hati tokoh ini agar dia tidak lari berpihak kepada musuh. Tokoh ini masih lagi merupakan saudara empat pupu kepada Khalifah Mu'awiyah bin Yazid dan datuk sepupu kepada Marwan bin al-Hakkam. Kalau ayahnya adalah bekas gabenor pada zaman Khalifah Uthman bin Affan, maka Amru bin Said pula adalah bekas gabenor pada zaman Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Sesungguhnya dia sangat berkeinginan sekali untuk menduduki kerusi khalifah.

Dilantik Menjadi Khalifah

Tokoh-tokoh bani Umayyah dan orang-orang suku Kalb telah berpakat untuk mengadakan muktamar bagi menyelesaikan segera konflik di antara

mereka sebelum sesuatu yang tidak baik menimpa kerajaan bani Umayyah yang sudah malap seperti pelita yang hampir kehabisan minyak itu. Mereka bimbang sekiranya mereka berlambat-lambat di dalam membuat keputusan di dalam menentukan siapakah khalifah mereka, sudah pasti kerajaan bani Umayyah akan lenyap ditelan oleh kerajaan yang baru muncul di Hijaz iaitu kerajaan az-Zubairi yang khalifahnya ialah Abdullah bin az-Zubair bin al-Awwam. Muktamar telah diadakan di suatu tempat bernama Jabiyah, iaitu suatu tempat yang letaknya dekat dengan kota Damsyik pada bulan Zulkaedah tahun 64 Hijrah/684 Masihi.

Perdebatan hangat berlaku di Muktamar Jabiyyah itu. Ini adalah kerana ketika itu orang-orang bani Umayyah sebagaimana yang telah dijelaskan telah berpecah kepada tiga puak atau golongan. Satu golongan menyokong Marwan bin al-Hakkam untuk dilantik menjadi khalifah memandang pengalaman dan ketokohannya. Golongan kedua mahukan Amru bin Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass bin Umayyah sebagai khalifah memandang kepada kepahlawanan, kekelibarannya dalam politik dan kedermawanannya. Manakala golongan yang ketiga yang terdiri daripada bani Abu Sufyan bin Harb mahukan Khalid bin Yazid bin Mu'awiyah menjadi khalifah. Namun setelah segala pertimbangan dibuat dengan teliti, akhirnya kata putus telah jatuh kepada Marwan bin al-Hakkam untuk menduduki kerusi Khalifah kerajaan bani Umayyah yang keempat. Dengan pemilihan Marwan bin al-Hakkam selaku Khalifah bani Umayyah yang keempat, maka terlepaslah kekuasaan Khalifah bani Umayyah dari tangan bani Sufyaniyyah ke tangan bani Hakkamiyyah (bani Marwaniyyah).

Keputusan Muktamar Jabiyah juga menetapkan Putera Mahkota atau bakal pengganti selepas Marwan bin al-Hakkam telah jatuh kepada Khalid bin Yazid selaku Putera Mahkota pertama, dan Amru bin Said selaku Putera Mahkota kedua. Maka dengan penetapan ini selesailah kemelut yang hampir-hampir memusnahkan kerajaan bani Umayyah yang didirikan oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan pada tahun 41 Hijrah/661 Masihi itu.

Setelah dilantik menjadi Khalifah bani Umayyah yang keempat, maka Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang ketika itu sudahpun berusia 65 tahun terus bekerja dengan keras untuk memperkukuhkan kedudukan kerajaan bani Umayyah yang sudah goyah dan goyang itu. Memang ketika itu keadaan kerajaan bani Umayyah sudah hampir musnah kerana pengaruh Khalifah Abdullah bin az-Zubair sudahpun melebar menguasai hampir seluruh Tanah Arab kecuali kota Damsyik dan kota Kufah di negeri Iraq sahaja yang mana di kedua-dua kota itu masih berada di luar kekuasaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair iaitu Khalifah Marwan bin al-Hakkam (berkuasa di kota Damsyik) dan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi (berkuasa di kota Kufah).

Marwan Hampir-Hampir Menyerah Diri Kepada Khalifah Abdullah Bin Az-Zubair

Mengikut catitan para sejarawan Islam, ketika baru diangkat menjadi khalifah, Marwan bin al-Hakkam merasa amat tertekan sekali. Meskipun dia seorang tokoh yang bersemangat, tetapi dia merasakan dirinya tidak akan terdaya untuk menghadapi Abdullah bin az-Zubair yang kekuasaannya telah meliputi seluruh Hijaz (Mekah dan Madinah), Iraq, Mesir, Yaman dan Mesir. Pada ketika itu hanya sebahagian daerah di negeri Syam sahaja yang masih berada di bawah kekuasaan kerajaan bani Umayyah iaitu sekitar kota Damsyik. Ahli-ahli sejarah Islam ada yang berpendapat ketika itu kerajaan Islam yang sah ialah kerajaan az-Zubairi yang berpusat di kota Mekah, manakala Khalifah Marwan bin al-Hakkam dan para penyokongnya adalah dikira sebagai golongan pemberontak sama dengan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang sedang berkuasa di kota Kufah ketika itu.

Kerana sangat bimbang kepada keselamatan dirinya dan yakin dia akan ditewaskan oleh Khalifah Abdullah bin az-Zubair dan dia akan dihukum dengan seberat-berat hukuman oleh Khalifah Abdullah bin az-Zubair, maka Khalifah Marwan bin al-Hakkam meluahkan hasrat hatinya kepada para pembantunya bahawa dia perlu sekali menyerahkan dirinya kepada Khalifah Abdullah bin az-Zubair demi keselamatan nyawa dan harta benda, tetapi hasrat hati baginda itu telah dihalang oleh gabenor kota Kufah pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah iaitu Ubaidullah bin Ziyad bin Abihi yang sudah tersingkir. Ubaidullah bin Ziyad berkata kepada Khalifah Marwan bin al-Hakkam;

"Aku merasa malu atas kehendakmu itu. Engkau adalah pembesar dan pemimpin Quraisy, mereka (orang-orang Quraisy) akan mengikuti apa sahaja yang engkau perbuat."

Setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam mendengar kata-kata atau nasihat daripada Ubaidullah bin Ziyad itu, lantas timbul semula keyakinan dan semangatnya untuk berjuang. Dia berkata kepada Ubaidullah bin Ziyad;

"Kita masih belum terlambat."

Di mana Pemberontak Khawarij Dan Syiah?

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, ketika kedudukan kerajaan bani Umayyah sedang goncang dan Khalifah Abdullah bin az-Zubair sedang mengepak sayap kekuasaannya keseluruh Tanah Arab, Farsi dan Mesir, orang-orang Khawarij yang begitu kuat berjuang pada masa pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan tidak nampak berjuang pada masa itu, kenapa? Kerana mereka telah masuk bergabung dengan Khalifah Abdullah bin az-Zubair di dalam perjuangan untuk menentang kerajaan bani Umayyah. Mereka bersama-sama dengan Khalifah Abdullah bin az-Zubair selama hampir

satu tahun. Atau dengan kata lain ketika Khalifah Marwan bin al-Hakkam sedang sibuk menentang kekuasaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair, orang-orang Khawarij sedang bekerjasama dengan Khalifah Abdullah bin az-Zubair, dan sebaik sahaja Khalifah Marwan bin al-Hakkam wafat setelah memerintah hampir setahun (11 bulan), baru mereka meninggalkan kerajaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair kerana mereka mendapati Khalifah Abdullah bin az-Zubair tidak dapat menerima konsep politik dan akidah mereka.

Ketika itu kaum Khawarij dipimpin oleh beberapa orang tokoh seperti Nafi' bin Azraq al-Hanzali selaku pemimpin utama, dengan dibantu oleh Abdullah bin Saffar as-Sa'adi, Abdullah bin Ibadh, Hanzalah bin Baihas, Abu Talut, Abu Fadik dan Atiah bin al-Aswad. Sebaik sahaja mereka meninggal kerajaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair, mereka mula berpecah menjadi dua golongan.

Nafi' bin Azraq al-Hanzali, merupakan seorang tokoh Khawarij yang sangat terkemuka dan mempunyai mazhab sendiri yang dinamakan mazhab Azariqah. Kumpulan Azariqah ini adalah pecahan kumpulan kaum Khawarij yang paling berpengaruh sekali di antara kumpulan-kumpulan kaum Khawarij yang pernah muncul. Nafi' bin Azraq adalah seorang yang alim, wara', zahid, kuat beribadat dan seorang pahlawan yang gagah perkasa.

Manakala golongan yang kedua pula dipimpin oleh Abu Talut dari bani Bakar bin Wail dengan didampingi oleh Abu Fadik dan Atiah bin al-Aswad. Kumpulan ini berjalan menuju ke negeri Yamamah. Golongan ini kemudiannya amat dikenali dengan mazhab mereka pula. Mazhab ini dikenali dengan nama mazhab Najdat. Mereka bergerak cergas di negeri Yamamah. Di negeri Yamamah, seorang tokoh yang masih muda dari suku bani Hanifah bernama Najdah bin Amir al-Hanafi telah turut menyertai golongan ini dan akhirnya telah memimpin puak ini setelah ketua-ketua mereka yang terdahulu semuanya sudah meninggal dunia.

Kedua-dua golongan kaum Khawarij ini mula memainkan peranannya bermula pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, khalifah dinasti bani Umayyah yang kelima.

Manakala golongan Syiah pula tidak lagi bergerak aktif setelah tragedi di Padang Karbala' tahun 61 Hijrah/681 Masihi. Pemimpin Syiah ketika itu ialah Imam Ali Zainal Abidin bin al-Husein bin Ali bin Abu Talib berdiam di kota Madinah tanpa bergiat di dalam bidang politik. Beliau menghabiskan masa hidupnya dengan beribadat dan mencurahkan ilmu-ilmu yang banyak terisi di dalam dadanya kepada orang ramai. Sebab itu kedua-dua kaum Khawarij dan Syiah tidak ada kedengaran bergerak aktif menentang pemerintahan kerajaan bani Umayyah pada zaman Khalifah Marwan bin al-Hakkam. Tambahan pula masa pemerintahan Khalifah Marwan bin al-Hakkam sangatlah singkat (11 bulan sahaja).

Jadi kisah-kisah perjuangan kaum Khawarij dan Syiah tidak pernah dicatit oleh para sejarawan Islam pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin al-Hakkam.

Perjuangan Dan Pemerintahan

Ketika kaum bani Umayyah dan para penyokong mereka sedang bertungkus lumus untuk menentukan bakal khalifah mereka di kota Jabiyah untuk menggantikan tempat Khalifah Mu'awiyah bin Yazid yang meletak jawatan, ketika itu tentera kerajaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair sedang meluaskan empayar mereka ke seluruh Tanah Arab, Syam, Palestin, Mesir, Yaman dan sebahagian Iraq. Di negeri Syam, Khalifah Abdullah bin az-Zubair telah melantik tiga orang gabenor di sana iaitu adh-Dhahhak bin Qais, tokoh dari suku Qais (keturunan Mudhar bin Nizar berasal dari Arab Utara) di kota Damsyik, an-Nu'man bin Basir, sahabat Nabi dari kalangan Ansar dan bekas gabenor kota Kufah pada zaman Khalifah Yazid bin Mu'awiyah di kota Homs, dan Zufar bin al-Harith di kota Qinassrin. Ketiga-tiga tokoh ini adalah asalnya gabenor bagi kerajaan bani Umayyah sebelumnya. Manakala untuk jawatan gabenor Mesir, Khalifah Abdullah bin az-Zubair melantik seorang tokoh bernama Abdul Rahman bin Jahdam.

Di negeri Iraq, hanya satu kawasan atau kota sahaja yang dikuasai oleh kerajaan az-Zubairi iaitu di bahagian kota Basrah, di mana Khalifah Abdullah bin az-Zubair telah melantik adinda baginda iaitu Mus'ab bin az-Zubair yang terkenal gagah perkasa, berani, sangat pemurah, kacak menawan, menggilai perempuan-perempuan cantik dan juga digilai oleh perempuan-perempuan cantik sebagai gabenor di situ. Manakala bahagian kota Kufah dikuasai oleh al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang menyokong perjuangan kaum Syiah.

Untuk memahami keadaan atau situasi ketika itu, boleh dikatakan hampir seluruh bumi yang dulunya adalah jajahan kerajaan bani Umayyah, kini sudah bertukar tangan iaitu menjadi milik kekuasaan kerajaan bani az-Zubairi di bawah pemerintahan Khalifah Abdullah bin az-Zubair kecuali kota Damsyik bagi negeri Syam dan kota Kufah bagi negeri Iraq sahaja. Sebagaimana yang telah disebutkan ramai para sejarawan Islam yang berpendapat bahawa pada tahun 64 Hijrah/684 Masihi sehingga tahun 73 Hijrah/692 Masihi, kerajaan Islam yang sah ialah kerajaan bani az-Zubairi di bawah pemerintahan Khalifah Abdullah bin az-Zubair. Manakala Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang keempat dan puteranya Khalifah Abdul Malik bin Marwan sehingga tahun 73 Hijrah/692 Masihi dikira pemberontak atau penderhaka kerajaan.

Khalifah Marwan bin al-Hakkam pula telah memejam mata daripada memandang ke Hijaz dan Iraq. Baginda mahu menyelesaikan persoalan di kota Damsyik di mana gabenor Khalifah Abdullah bin az-Zubair iaitu adh-Dhahhak bin Qais sedang berkuasa di sana sebagai gabenor kota Damsyik. Baginda mahu

menggerakkan tentera kerajaan bani Umayyah yang masih setia menyokong baginda untuk menyerang kota Damsyik dengan dibantu oleh Amru bin Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass yang merupakan Putera Mahkota kedua. Amru bin Said benar-benar mahu kerajaan bani Umayyah kembali kuat dan utuh seperti ketika zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dahulu. Kerana sekiranya Khalifah Marwan bin al-Hakkam tewas di tangan tentera kerajaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair, sudah tentu beliau tidak akan dapat mengecapi jawatan khalifah. Ya, ketika itu Khalid bin Yazid yang mendahului beliau, tetapi Khalid bin Yazid masih kecil lagi dan beliau dapat menguasai Khalid bin Yazid sebagaimana beliau sedang mendampingi Khalifah Marwan bin al-Hakkam ketika ini.

Bagi diri Khalifah Marwan bin al-Hakkam pula, baginda merasa benar-benar tertolong oleh suatu tenaga yang sangat menguntungkan perjuangan baginda dan sangat memulihkan semangat baginda untuk terus bangkit berjuang menentang Abdullah bin az-Zubair sehingga semua musuh-musuh politik baginda dapat dimusnahkan.

Merebut Kota Damsyik

Dengan di dampingi oleh Amru bin Said, Putera Makhota kedua yang merupakan seorang pahlawan yang perkasa itu, maka Khalifah Marwan bin al-Hakkam terus memimpin angkatan perangnya menuju ke kota Damsyik daripada kota Jabiyah. Ketika itu gabenor kota Damsyik adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri telahpun bersiap-siap untuk menghadapi serangan daripada angkatan tentera Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang besar juga itu. Adh-Dhahhak bin Qais tidak mahu angkatan perang kerajaan bani Umayyah yang dipimpin sendiri oleh Khalifah Marwan bin al-Hakkam itu masuk dan mengepung kota Damsyik. Oleh itu adh-Dhahhak bin Qais telah membawa angkatan tenteranya keluar dari kota Damsyik dan kedua-dua pasukan itu telah bertemu di suatu tempat bernama Marjar-Rahit yang terletak sejauh kira-kira tiga kilometer dari kota Damsyik. Pertempuran sengit meletus di situ. Tentera Khalifah Marwan bin al-Hakkam berjaya menewaskan pasukan tentera adh-Dhahhak bin Qais di mana seramai kira-kira 3,000 orang tentera adh-Dhahhak bin Qais telah terbunuh termasuk adh-Dhahhak bin Qais sendiri. Dengan tewasnya adh-Dhahhak bin Qais dalam peperangan di Marjar-Rahit, maka telah turut tewas pula an-Nu'man bin Basir dan Zufar bin Harith al-Kilabi. Peperangan ini berlaku pada bulan Muharram tahun 65 Hijrah/684 Masihi.

Menakluk Semula Mesir

Dengan jatuhnya semula kota Damsyik ke dalam tangan tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin sendiri oleh Khalifah Marwan bin al-Hakkam itu, maka seluruh negeri Syam telah mengaku tunduk semula kepada kerajaan bani Umayyah. Seterusnya Khalifah Marwan bin al-Hakkam mara pula ke negeri

Mesir untuk merampas negeri itu daripada tangan gabenor kerajaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair setelah baginda melantik Amru bin Said sebagai gabenor bagi kota Damsyik dan seluruh negeri Syam.

Dalam pasukan yang mara ke negeri Mesir itu, Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah membawa juga bersama-sama baginda dua orang putera baginda yang bijak dan perkasa iaitu Abdul Malik dan Abdul Aziz. Setelah berlaku pertempuran sengit dengan tentera penyokong kerajaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair bin al-Awwam, putera sulung Asma' binti Abu Bakar as-Siddiq yang dikepalai oleh gabenor negeri Mesir iaitu Abdul Rahman bin Jahdam, maka Mesir akhirnya berjaya ditawan oleh Khalifah Marwan bin al-Hakkam. Seramai 80 orang penyokong Khalifah Abdullah bin az-Zubair telah dipenggal leher mereka kerana enggan menyatakan baiat mereka kepada Khalifah Marwan bin al-Hakkam.

Setelah berjaya menakluk semula negeri Mesir, maka Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah menyekat penghantaran bekalan gandum Mesir ke negeri Hijaz untuk mengkebulurankan Khalifah Abdullah bin az-Zubair di kota Mekah. Tetapi langkah ini tidak berkesan kerana kerajaan bani az-Zubairi masih mendapat bekalan makanan asasi orang-orang Arab itu daripada negeri Yamamah yang masih di bawah kekuasaan kerajaan bani az-Zubairi.

Setelah beberapa ketika tinggal di Mesir, Khalifah Marwan bin al-Hakkam mendapat berita bahawa adinda Khalifah Abdullah bin az-Zubair iaitu Mus'ab bin az-Zubair yang menjadi penguasa di kota Basrah dan daerah sekitarnya telah menyerang Palestin dan berjaya menawan negeri itu. Maka dalam keadaan kelam kabut dan tergesa-gesa, Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah mengeluarkan arahan kepada Amru bin Said, gabenor bagi negeri Syam supaya segera menghalau Mus'ab bin az-Zubair supaya keluar dari bumi Palestin. Kerana kepintaran mengatur taktik perang dan kerana sangat gagahnya di medan perjuangan bersenjata, tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh Panglima Amru bin Said telah berjaya mengusir Panglima Mus'ab bin az-Zubair dan angkatan tenteranya keluar dari bumi Palestin dan mendesak Mus'ab sehingga kembali semula ke kota Basrah. Kemudian setelah melantik putera baginda Abdul Aziz bin Marwan sebagai gabenor Mesir, maka dengan tergesa-gesa Khalifah Marwan bin al-Hakkam terus pulang semula ke kota Damsyik, di negeri Syam kerana bimbang terhadap serangan balas oleh tentera penyokong Khalifah Abdullah bin az-Zubair dan akan merampas semula negeri Syam daripada tangan kerajaan bani Umayyah yang baru dapat kembali menguasainya itu.

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, Marwan bin al-Hakkam adalah orang pertama daripada seluruh umat Islam yang menamakan puteranya Abdul Malik dan Abdul Aziz. Sebelum itu nama orang Arab hanyalah Malik atau Aziz sahaja.

Di kota Damsyik, Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah mempersiapkan dua pasukan tentera yang besar untuk dihantar ke dua destinasi. Destinasi pertama ialah negeri Iraq bagi menghadapi al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang masih berkuasa di kota Kufah dan juga Mus'ab bin az-Zubair yang merupakan gabenor di kota Basrah. Manakala satu lagi dihantar ke Hijaz bagi menghadapi Khalifah Abdullah bin az-Zubair sendiri. Tetapi sebelum kedua-dua pasukan itu mencapai matlamatnya, tiba-tiba Khalifah Marwan bin al-Hakkam wafat menjelang 27 hari bulan Ramadhan tahun 65 Hijrah/684 Masihi ketika baginda berusia 63 tahun.

Setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam mangkat, para penduduk negeri Syam terus melantik putera baginda yang bernama Abdul Malik bin Marwan sebagai Khalifah kerajaan bani Umayyah menggantikan tempat baginda. Ini adalah kerana beberapa bulan sebelum baginda wafat, Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah mengubah isi perjanjian di Jabiyah itu secara rahsia tanpa diketahui oleh Khalid bin Yazid dan Amru bin Said. Khalifah Marwan bin al-Hakkam melakukan ini di hadapan para pembesar kerajaan sahaja. Baginda mengumumkan kepada para pembesar kerajaan bahawa Putera Mahkota yang sebenarnya ialah putera sulung baginda Abdul Malik, kemudian Abdul Aziz. Perlantikan Putera Mahkota ketika di kota Jabiyah dahulu dimansuhkan.

Sepanjang pemerintahan baginda selama kira-kira 11 bulan lebih sahaja itu, meskipun sibuk dengan peperangan menentang para pemberontak pemerintahan baginda, Khalifah Marwan bin al-Hakkam sempat juga melakukan beberapa kebaikan atau jasa kepada rakyat. Di antara jasa-jasa baginda ialah baginda telah mencipta timbangan dan sukatan yang mana alat-alat ini mendatangkan faedah yang sangat besar kepada para peniaga dan pembeli. Para peniaga dapat melakukan jualbeli yang sempurna tanpa penipuan terhadap para pembelinya.

Wafat

Khalifah Marwan bin al-Hakkam wafat di dalam istana ketika baginda sedang nyenyak tidur di atas katil di dalam bilik peraduannya. Ketika itu baginda sedang demam. Baginda wafat bukan kerana sakit atau disebabkan demam (meskipun memang baginda demam ketika itu), tetapi disebabkan perbuatan membalas dendam oleh isteri baru baginda sendiri. Baginda dibunuh oleh isteri baginda sendiri. Apabila menyebut tentang Khalifah Marwan bin al-Hakkam mati dibunuh oleh isterinya sendiri, ada baiknya kita memperkatakan sedikit tentang peristiwa yang anih ini. Jarang sekali suami dibunuh oleh isteri sendiri. Inilah yang dikatakan anih.

Diriwayatkan oleh para sejarawan Islam setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam dilantik menjadi Khalifah bani Umayyah yang keempat pada bulan Zulkaedah tahun 64 Hijrah/683 Masihi, baginda telah mengahwini janda Khalifah Yazid bin Mu'awiyah yang bernama Ummu Khalid binti Hasyim bin

Utbah bin Abu Waqqas. Tujuan baginda mengahwini isteri Khalifah Yazid bin Mu'awiyah itu mempunyai muslihat politik yang tinggi. Ini terbukti apabila dikatakan baginda sering menghina Khalid putera Ummu Khalid di dalam majlis keramaian yang menyebabkan Khalid bin Yazid menjadi sangat malu dan sakit hati terhadap sikap ayah tirinya itu. Boleh dikatakan setiap kali Khalifah Marwan bin al-Hakkam berserempak atau duduk dekat dengan Khalid bin Yazid, baginda selalu sahaja mengucapkan kata-kata menghina dan memburuk-burukkan Khalid bin Yazid. Khalid yang cerdik telah dapat membaca tujuan ayah tirinya yang bersikap demikian terhadap diri beliau seperti itu tidak lain daripada untuk menjatuhkan nama baiknya di mata masyarakat. Ini boleh menjadi sebab beliau akan tersingkir daripada kedudukan sebagai Putera Mahkota. Kerana sudah tidak tahan menanggung malu dan sakit hati terhadap perbuatan ayah tirinya yang busuk hati itu, maka Khalid bin Yazid telah mengadu perkara itu kepada ibundanya. Maka marahlah Ummu Khalid dan berazam untuk membalas dendam terhadap suaminya itu.

Ummu Khalid atau dipanggil juga Ummu Hasyim binti Hasyim bin Utbah bin Abu Waqqas, iaitu cucu saudara kepada sahabat Nabi yang paling terkemuka iaitu Saad bin Abu Waqqas.

Bermula dari saat itu, Ummu Khalid merasakan tujuan disebalik penikahan Khalifah Marwan bin al-Hakkam dengan dirinya itu adalah bukan di atas dasar kerana mencintai beliau dan kerana kasihan kepadanya, tetapi di atas niat mahu merampas jawatan khalifah dari tangan keturunan Abu Sufyan dan mahu diberikan kepada anak-anaknya, maka di atas dasar itu Ummu Khalid telah merancang untuk membunuh suaminya yang sebenarnya mempunyai motif politik yang busuk disebalik perbuatan mengahwininya itu.

Hari-hari seterusnya berlalu. Suatu hari Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah demam dan baginda tidur di bilik peraduannya. Ummu Khalid binti Hasyim telah bermaufakat dengan beberapa orang khadamnya untuk menghabiskan nyawa suaminya yang sedang demam itu. Ummu Khalid menyuruh beberapa orang khadamnya supaya duduk di atas bantal yang diletakkan di atas muka suaminya Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang sedang tidur nyenyak. Manakala yang lain-lain memegang seluruh anggotanya dengan kuat supaya dia tidak dapat meronta. Jangan diangkat punggung mereka yang diletakkan di atas muka Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang telah tua dan sedang demam itu, melainkan setelah diyakini dia sudah kehilangan nyawanya.

Dengan sebab lemas itulah, menjadi punca kepada wafatnya Khalifah Marwan bin al-Hakkam.

Keluarga

Setakat yang penyusun ketahui bahawa Khalifah Marwan bin al-Hakkam mempunyai dua orang isteri. Isteri yang pertama bernama Aisyah binti Mu'awiyah bin al-Mughirah bin Abul Ass bin Umayyah. Jelas isteri baginda ini adalah anak sepupu baginda sendiri. Manakala isteri baginda yang kedua ialah Ummu Khalid binti Hasyim bin Utbah bin Abu Waqqas. Jelas beliau adalah cucu saudara kepada Saad bin Abu Waqqas, salah seorang sahabat sepuluh ahli syurga. Selain daripada dua orang isteri baginda ini, penyusun tidak memperolehi maklumat apakah baginda masih mempunyai isteri yang lain iaitu isteri ketiga dan keempat dan apakah baginda memiliki jariah atau tidak kerana kelemahan dan kekurangan penyusun di dalam membaca kitab-kitab atau buku-buku sejarah yang berkaitan.

Baginda mengahwini Aisyah binti Mu'awiyah ketika baginda berusia 24 tahun. Ini berdasarkan tarikh kelahiran anak sulung baginda Abdul Malik pada tahun 26 Hijrah/648 Masihi. Manakala baginda mengahwini isteri kedua baginda Ummu Khalid binti Hasyim bin Utbah bin Abu Waqqas ketika baginda berusia 62 tahun, ketika baginda mula-mula dilantik menjadi khalifah di Muktamar Jabiyah tahun 64 Hijrah/683 Masihi.

Hasil dari perkahwinan baginda dengan isteri yang pertama iaitu Aisyah binti Mu'awiyah, Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah memperolehi dua orang putera iaitu Abdul Malik dan Abdul Aziz. Manakala daripada isteri kedua baginda, penyusun percaya Khalifah Marwan bin al-Hakkam tidak memperolehi anak, ini berdasarkan kepada dua faktor. Faktor pertama baginda mengahwini Ummu Khalid tidak sampai setahun. Faktor kedua ketika baginda mengahwini Ummu Khalid, baginda sudah tua berusia 62 tahun.

Tetapi kedua-dua faktor ini tidaklah menghalang baginda daripada memperolehi anak, sebab Khalifah Uthman bin Affan ketika berkahwin dengan Na'ilah binti Furaifisya, baginda sudah tua berusia lebih 70 tahun, tetapi masih mendapat seorang puteri bernama Maryam.

Selain Abdul Malik dan Abdul Aziz, Khalifah Marwan bin al-Hakkam juga memperolehi anak-anak yang lain iaitu Bisyr dan Muhammad. Tetapi penyusun tidak memperolehi maklumat apakah anak-anak ini diperolehi dari isteri atau dari jariah baginda.

Namun anak-anak Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang masyhur sekali di dalam sejarah Islam hanyalah Abdul Malik dan Abdul Aziz sahaja. Manakala Muhammad ada juga namanya disebut di dalam sejarah Islam kerana beliau adalah ayahanda kepada khalifah bani Umayyah yang terakhir iaitu Khalifah Marwan bin Muhammad.

Sekadar untuk maklumat kepada para pembaca yang budiman bahawa ketika Khalifah Uthman bin Affan menjadi khalifah, baginda sangat menyukai

Marwan bin al-Hakkam kerana kebolehannya di dalam persoalan-persoalan politik, dan menyayangi adinda Marwan yang bernama al-Harith kerana akhlaknya. Sebab itu Khalifah Uthman bin Affan telah mengahwinkan al-Harith bin al-Hakkam dengan puteri baginda yang bernama Aisyah anak dari isteri baginda yang bernama Ramlah binti Syaibah bin Rabiah. Sedangkan Marwan, Khalifah Uthman bin Affan tidak menjadikannya menantu, hanya sekadar Setiausaha Politik baginda sahaja.

Kelebihan Peribadi

Marwan bin al-Hakkam adalah seorang tabiin besar yang memiliki banyak kelebihan pada dirinya. Selain beliau adalah seorang tokoh politik dan pahlawan yang besar dan hebat, Marwan bin al-Hakkam juga adalah seorang yang alim dan salih meskipun dalam politik beliau begitu licik dan ada putar belitnya seperti Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan Amru bin al-Ass juga. Tetapi di dalam kehidupan sehariannya, Marwan bin al-Hakkam adalah seorang yang sangat memperhatikan persoalan agama. Beliau sangat pandai di dalam ilmu membaca al-Qur'an dan selalu membaca al-Qur'an setiap hari. Beliau juga telah mendidik anak-anaknya dengan didikan agama yang sempurna. Sehingga putera-putera beliau terutama Abdul Malik telah muncul menjadi seorang ulama' fekah yang terbilang di kota Madinah sebelum ia dilantik menjadi khalifah. Manakala Abdul Aziz sangatlah salih dan wara'nya.

Diriwayatkan bahawa Marwan bin al-Hakkam ketika menjadi gabenor kota Madinah pada zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, beliau selalu berdampingan dengan Abu Said al-Khudri, seorang sahabat Nabi yang masyhur dan seorang daripada tujuh orang ahli hadis dari kalangan para sahabat Nabi. Orang-orang Madinah ketika itu selalu melihat Marwan bin al-Hakkam kalau berjalan beriringan dengan Abu Said al-Khudri, sering berpegang tangan kerana keakraban persahabatan antara keduanya.

ABDUL MALIK BIN MARWAN
(65-86 Hijrah / 684-704 Masihi)

Pengenalan

Abdul Malik bin Marwan ialah khalifah kerajaan bani Umayyah yang kelima. Baginda memerintah selama kira-kira 21 tahun bermula dari tahun 65 Hijrah/684 Masihi sampailah ke tahun 86 Hijrah/704 Masihi. Baginda naik menjadi khalifah menggantikan tempat ayahanda baginda Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang telah wafat setelah dibunuh oleh isterinya sendiri seperti yang telah dikisahkan di atas.

Abdul Malik bin Marwan dianggap sebagai Khalifah bani Umayyah yang telah menghidupkan kembali kerajaan bani Umayyah yang telah hampir-hampir hancur di tangan Abdullah bin az-Zubair yang mengaku menjadi khalifah dan berkuasa hampir di seluruh Tanah Arab selama kira-kira sembilan tahun.

Kerana kejayaan baginda memulihkan dan menegakkan semula kerajaan bani Umayyah yang hampir berkubur itu, maka Khalifah Abdul Malik bin Marwan dianggap oleh para sejarawan Islam sebagai Pengasas Kedua Kerajaan Bani Umayyah setelah pengasasnya yang sebenar Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dapat dibahagikan kepada dua period. Period pertama bermula dari tarikh baginda mula-mula dilantik menjadi khalifah iaitu pada tahun 65 Hijrah/684 Masihi hinggalah ke tahun 73 Hijrah/691 Masihi iaitu masa baginda berjuang untuk memulihkan kerajaan sehinggalah Khalifah Abdullah bin az-Zubair hancur di tangan baginda. Period ini memakan masa selama lapan tahun. Period yang kedua bermula dari tarikh 73 Hijrah/691 Masihi sampailah baginda wafat pada tahun 86 Hijrah/704 Masihi. Period ini memakan masa selama tiga belas tahun.

Dalam period pertama pemerintahan baginda, Khalifah Abdul Malik bin Marwan tidak dapat melakukan apa-apa pembaharuan dalam negara atau penyebaran agama Islam serta peluasan tanah jajahan kerajaan Islam. Pada masa period pertama ini Khalifah Abdul Malik bin Marwan banyak

menumpahkan perhatian di dalam usaha untuk menghapuskan para pemberontak dalam negeri sahaja. Bayangkan selama lapan tahun Khalifah Abdul Malik bin Marwan terpaksa bertungkus lumus menghadapi para pemberontak baru dapat diselesaikan.

Bermula period kedua barulah Khalifah Abdul Malik bin Marwan dapat menumpukan perhatian baginda terhadap perjuangan mengukuhkan wilayah-wilayah kerajaan, menyebarkan agama Islam serta melaksanakan pembaharuan-pembaharuan dan membina infrastruktur untuk kemudahan dan faedah rakyat jelata.

Kelahiran Dan Keturunan

Khalifah Abdul Malik bin Marwan dilahirkan di kota Madinah pada tahun 26 Hijrah/648 Masihi ketika pemerintahan kerajaan Islam berada di dalam tangan Khalifah Uthman bin Affan, Khalifah Irrasyidin yang Ketiga. Ketika Khalifah Uthman bin Affan dibunuh, Abdul Malik bin Marwan baru berusia 9 tahun. Ketika Khalifah Ali bin Abu Talib dibunuh, Abdul Malik bin Marwan berusia 14 tahun. Ketika Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan mangkat, usia Abdul Malik bin Marwan ialah 34 tahun.

Salasilah keturunan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dari pihak ayahandanya ialah Abdul Malik bin Marwan bin al-Hakkam bin Abul Ass bin Umayyah bin Abdus Syams bin Abdul Manaf bin Qusai. Manakala dari pihak ibundanya ialah Abdul Malik bin Aisyah binti Mu'awiyah bin al-Mughirah bin Abul Ass bin Umayyah bin Abdus Syams.

Jelas Khalifah Abdul Malik bin Marwan berasal dari keturunan atau darah bani Umayyah sama ada dari pihak ayahandanya mahupun dari pihak ibundanya. Beliau masih berhubungan saudara dua pupu dengan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Sifat-Sifat Peribadi Dan Kelebihan

Memperkatakan tentang sifat-sifat peribadi khalifah Abdul Malik bin Marwan adalah suatu yang penting sekali. Ini adalah kerana Khalifah Abdul Malik bin Marwan memiliki peribadi yang unggul dan hebat. Kerana ciri-ciri peribadi beliau itulah beliau berjaya menyelamat dan mengukuhkan semula kerajaan bani Umayyah yang hampir musnah menjelang kewafatan ayahandanya Khalifah Marwan bin al-Hakkam.

Sejak dari zaman kanak-kanak lagi, Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah dididik oleh ayahandanya Khalifah Marwan bin al-Hakkam dengan didikan agama yang sempurna. Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah memaksa Abdul Malik supaya belajar ilmu agama secara bersungguh-sungguh tidak boleh bermain-main. Sehingga Abdul Malik muncul menjadi seorang ulama' yang terkemuka di dalam bidang fekah, amat pandai di dalam mengistimbat hukum

dan seorang yang kuat beribadat di kota Madinah.

Seorang ulama' di peringkat tabiin yang terkemuka di masa itu bernama Amir bin Syuhabil yang lebih dikenali dengan nama Imam asy-Syu'bi menceritakan tentang kealiman dan keahlian Abdul Malik bin Marwan di dalam persoalan agama. Katanya, "Setiap kali aku berdebat dengan seseorang ternyata aku selalu mengatasi mereka, kecuali dengan Abdul Malik (bin Marwan). Setiap kali aku berdebat dengan dia mengenai satu-satu hadis atau syair, dia akan menambah pengetahuanku."

Kata orang pada masa itu, "Ulama' fikah di Madinah ada empat orang iaitu Said bin al-Musaiyyab (ketua fuqaha' tujuh Madinah - P), Abdul Malik bin Marwan, Urwah bin az-Zubair (adinda kepada Ibnuz Zubair - P) dan Qabisah bin Zu'aib."

Sebenarnya ulama' fekah yang terkemuka hidup sezaman dengan Said bin al-Musaiyyab, Urwah bin az-Zubair dan Abdul Malik bin Marwan bukan hanya empat orang sahaja, tetapi jumlah mereka berpuluh malah beratus-ratus orang. Bahkan pada ketika itu di kota Madinah terdapat seramai tujuh orang ulama' yang sangat alim di dalam bidang fekah yang dinamakan Fuqaha' Tujuh Madinah. Di samping itu terdapat pula Salim bin Abdullah bin Umar, Abu Salamah bin Abdul Rahman bin Auf, Muhammad bin Ubaidullah bin Muslim bin Syihab az-Zuhri dan ramai lagi. Cuma mungkin sekali orang menyebut empat orang ini semata-mata untuk membandingkan empat orang itu sahaja.

Ibnu Umar berkata, "Orang lain dilahirkan sebagai kanak-kanak, sedangkan Abdul Malik bin Marwan dilahirkan sebagai bapa."

Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah mewarisi sifat-sifat ayahandanya Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang cerdik, bijaksana, pintar dan gagah perkasa. Baginda juga adalah seorang insan yang mempunyai ketabahan hati yang luar biasa. Baginda tidak gegabah ketika merasa dirinya mungkin akan ditangkap setelah askar-askar baginda sudah ditewaskan. Ahli-ahli sejarah Islam menceritakan tentang kisah yang memperlihatkan betapa tabahnya hati Khalifah Abdul Malik bin Marwan ketika berhadapan dengan suasana genting dan runcing. Sebab itu baginda layak menjadi khalifah menggantikan tempat bapanya.

Diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah Islam ketika Khalifah Abdul Malik bin Marwan sedang memimpin pasukan tentera untuk memberi bantuan kepada gabenor kota Kufah iaitu Ubaidullah bin Ziyad bin Abihi yang sedang berperang dengan pemberontak yang bernama Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, dalam pertengahan perjalanan pada suatu malam, baginda telah menerima enam khabar yang amat buruk sekali. Kalau bukan Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang menjadi khalifah yang menerima khabar yang sedahsyat ini, boleh jadi khalifah itu akan jatuh pingsan atau hilang separuh akal. Berita pertama yang sampai kepada baginda ialah tentang terbunuhnya

Ubaidullah bin Ziyad di tangan Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi dalam pertempuran di sungai Khazer, satu cabang sungai Dajlah. Kemudian sampai pula berita kepada baginda bahawa panglima yang baginda hantar untuk memerangi Khalifah Abdullah bin az-Zubair di kota Mekah juga telah kecundang. Seterusnya sampai pula berita yang ketiga iaitu kemasukan tentera Khalifah Abdullah bin az-Zubair ke Palestin dan bergabung dengan tentera Mus'ab bin az-Zubair di sana yang telah kembali menguasai Palestin setelah dihalau pada zaman Khalifah Marwan bin al-Hakkam dahulu. Berita seterusnya yang diterima ialah angkatan tentera Rom Timur telah berjaya menduduki kota al-Masisah, sebuah kubu kuat di Syam yang terletak di antara kota Antakiah dengan negeri Syam dekat dengan kota Tarsus. Kemudian sampai lagi berita kelima iaitu hamba-hamba sahaya dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab telah memecah pintu-pintu penjara di kota Damsyik sebaik sahaja baginda berangkat ke kota Kufah, dan banduan-banduan yang keluar dari penjara itu telah menyerang penduduk di sekitarnya. Kemudian sampai lagi berita yang keenam dan terakhir iaitu berita bahawa orang-orang Badwi menyerang kota Homs dan kota Ba'labak.

Apakah reaksi Khalifah Abdul Malik bin Marwan ketika mendengar berita-berita pahit yang datang bertubi-tubi menikam telinga baginda itu? Dikatakan bahawa Khalifah Abdul Malik bin Marwan pada malam tersebut telah memperlihatkan sikap dan sifat bahawa baginda adalah seorang pemimpin yang kuat dan tabah hati. Pada malam itu Khalifah Abdul Malik bin Marwan hanya ketawa dan bermanis muka, dan bercakap-cakap dengan ramahnya dengan anggota tentera baginda seolah-olah tiada apa-apa yang membimbangkan sedang dan telah berlaku ke atas kerajaan baginda.

Beliau juga adalah seorang yang sangat tinggi balaghah percakapannya. Apabila beliau berpidato, beliau sangat berhati-hati agar jangan tersalah di dalam menyebut kata-kata biar sentiasa tepat dengan ayat. Di atas sebab-sebab ini dikatakan rambut beliau cepat ditumbuhi uban yang kebanyakan orang lain pada peringkat usia seperti itu masih belum beruban.

Ketika baginda dilantik menjadi khalifah, usia baginda ialah 40 tahun dan belum ada sehelaipun uban tumbuh di kepala baginda. Tetapi sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah, uban tiba-tiba sahaja kelihatan di kepala baginda. Ini cukup menghairankan orang-orang yang dekat dengan baginda. Mereka bertanya baginda;

"Wahai Amirul Mu'minin! Alangkah cepatnya rambut tuan ditumbuhi uban!"

Khalifah Abdul Malik bin Marwan menjawab, "Bagaimanakah tidak terjadi demikian, aku memeras otakku setiap kali aku mahu berhadapan dengan orang ramai di atas mimbar setiap hari Jumaat. Sekali atau dua kali (aku memeras otak itu dalam seminggu), "jawab Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Suatu hari ada orang bertanya baginda, "Alangkah cepatnya kepala tuan ditumbuhi uban wahai Amirul Mu'minin!"

Jawab Khalifah Abdul Malik bin Marwan, "Engkau sudah lupa. Ini disebabkan terlalu kerapnya aku naik mimbar. Aku selalu berhati-hati kerana khuatir aku tersalah cakap."

Menjadi Khalifah

Sebagaimana yang telah disebut di dalam sejarah kerajaan bani Umayyah bahawa Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah mengkhianati perjanjian yang telah dibuat di Jabiyah pada bulan Zulkaedah tahun 64 Hijrah/684 Masihi. Dalam perjanjian di Muktamar Jabiyah itu diputuskan bahawa pengganti Khalifah Marwan bin al-Hakkam ialah Khalid bin Yazid, kemudian Amru bin Said bin al-Ass. Tetapi beberapa bulan kemudiannya Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah membatalkan perjanjian itu. Baginda menamakan dua orang pengganti baginda iaitu kedua-dua putera baginda Abdul Malik pengganti pertama dan Abdul Aziz pengganti kedua.

Setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam mangkat pada bulan Ramadhan tahun 65 Hijrah/685 Masihi, maka Abdul Malik iaitu putera sulung baginda telah dipilih untuk menduduki kerusi khalifah bani Umayyah yang kelima pada bulan Ramadhan tahun 65 Hijrah/685 Masihi.

Diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah Islam, sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah, Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah memperlihatkan sikapnya yang agak biadab terhadap agama. Ini tidaklah patut atau sepadan dengan tarafnya sebagai salah seorang daripada empat ulama' terkemuka Madinah bersama Said bin al-Musaiyyab, Urwah bin az-Zubair dan Qabisah bin Zuaib. Kalau pembaca pernah membaca kisah-kisah berkaitan para ulama' di kota Madinah di peringkat tabien, saudara-saudara pembaca akan tahu betapa tingginya iman, ilmu dan ketakwaan para ulama' Madinah yang termasuk ke dalam senarai fuqaha' tujuh Madinah. Tetapi Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang tahu diri setiap insan yang menjadi khalifah pada zaman seperti zamannya pasti akan mengorbankan sedikit sebanyak prinsip agama dan kesalihan. Sebab itu baginda tergamak mengucapkan terhadap al-Qur'an yang sedang berada di dalam pangkuan seorang sahabat baginda kata-kata seperti berikut;

"Inilah akhir perhatianku kepadamu."

Kata-kata Khalifah Abdul Malik bin Marwan ini diriwayatkan oleh Ibnu Abu Aisyah yang diucapkan oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan kepada al-Qur'an yang sedang dibacanya, sebaik sahaja dia mendapat tahu dirinya telah dilantik sebagai khalifah menggantikan tempat ayahandanya Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang mangkat. Kata-kata ini diriwayatkan oleh Imam Tabari dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'*.

Tetapi penyusun memahami kisah yang diriwayatkan oleh Ibnu Abu Aisyah ini bukan sebagaimana fahaman di atas. Marilah kita lihat bagaimana kisah yang diceritakan oleh Ibnu Abu Aisyah itu:-

"Aku pernah menyerahkan sebuah perkara kepada Abdul Malik (Khalifah Abdul Malik bin Marwan), sedang musyhaf al-Qur'an berada di pangkuanku. Lalu ia menutupnya dan berkata, "Ini akhir perhatianku denganmu."

Pada fahaman penyusun yang serba dhaif dan cetek akal ini, bukanlah kata-kata Khalifah Abdul Malik bin Marwan ini ditujukan kepada al-Qur'an yang berada di pangkuan Ibnu Abu Aisyah, tetapi ditujukan kepada Ibnu Abu Aisyah yang datang membawa perkara kepada baginda. Jadi Khalifah Abdul Malik bin Marwan marah kepada Ibnu Abu Aisyah. Tidak ada kaitan langsung dengan al-Qur'an.

Tidak munasah langsung Khalifah Abdul Malik bin Marwan mengungkapkan kata-kata perpisahan kepada al-Qur'an, sedangkan baginda adalah seorang yang sangat memuliakan keluarga Rasulullah s.a.w. Tidak ada kemunasabahan seseorang yang sangat menghormati Rasulullah s.a.w. dan keluarga baginda tiba-tiba sanggup menghina Allah SWT.

Di manakah bukti yang mengatakan Khalifah Abdul Malik bin Marwan sangat memuliakan keluarga Rasulullah s.a.w.? Hah, lihat bukti di bawah ini:-

Khalifah Abdul Malik bin Marwan memberi amaran keras kepada gabenor baginda di Hijaz iaitu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang sangat suka menumpahkan darah manusia agar berhati-hati dengan darah keluarga Rasulullah s.a.w. Kata baginda kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, "Terputusnya kerajaan bani Abu Sufyan (dari Mu'awiyah bin Abu Sufyan setakat cucunya sahaja - Mu'awiyah bin Yazid) kerana mereka menumpah darah keluarga Rasulullah s.a.w. (membunuh Sayidina Husein di Padang Karbala')".

Al-Hajjaj Bin Yusuf Ath-Thaqafi

Sebelum kita membicarakan tentang perjalanan pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh baginda, penting sekali kita menyebut tokoh atau kakitangan kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang telah menolong atau membantu baginda menegakkan kerajaan bani Umayyah yang sedang goyah itu.

Orang atau tokoh yang menjadi tulang belakang di dalam pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan ialah seorang yang datang dari suku Thaqif di kota Taif bernama al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Dia adalah seorang pahlawan yang gagah perkasa, cerdik dan sangat tegas di dalam bertindak sehingga untuk membunuh seseorang, sekalipun seorang yang besar, dia tidak pernah ragu-ragu apabila dia merasa tindakannya itu mendatangkan

keuntungan atau keteguhan kepada pemerintahan yang didokongnya iaitu kerajaan bani Umayyah pimpinan Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Kerana tenaga al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafilah kerajaan bani Umayyah yang diterajui oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang pada mulanya sangat bergoncang kerana tekanan yang hebat oleh pemberontak-pemberontak yang timbul di dalam negara sejak zaman pemerintahan ayahandanya lagi.

Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi asalnya adalah seorang Ketua Polis kerajaan bani Umayyah yang bertugas di kota Damsyik pada zaman awal pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Apabila Khalifah Abdul Malik bin Marwan melihat kepada kecerdikan dan ketegasannya di dalam melaksanakan tugasnya yang menyebabkan perkara jenayah dapat dikurangkan begitu mendadak di kota Damsyik, maka Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah melantik beliau menjadi panglima perang angkatan tentera kerajaan bani Umayyah. Sejak itu nama al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi benar-benar menyinar.

Para Gabenor Wilayah

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, kedudukan gabenor-gabenor di daerah-daerah atau wilayah-wilayah tidak menentu kecuali di negeri Mesir sahaja. Ini adalah kerana ketika Khalifah Abdul Malik bin Marwan dilantik menjadi khalifah, boleh dikatakan seluruh negeri telah berada di bawah kekuasaan orang lain, bukan lagi di bawah penguasaan kerajaan bani Umayyah. Maka penyusun berminat untuk memperkatakan sedikit tentang pemerintahan gabenor di negeri Mesir dan gabenor Hijaz/Iraq sahaja, selain kerana gabenor Mesir dapat memerintah dengan baik tanpa gangguan para pemberontak, juga adalah disebabkan gabenor negeri Mesir ialah saudara kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan sendiri iaitu Abdul Aziz bin Marwan. Manakala gabenor Hijaz dan Iraq iaitu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi adalah seorang tokoh yang paling berjasa kepada pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Gabenor Mesir

Abdul Aziz bin Marwan dilantik menjadi gabenor bagi negeri Mesir oleh ayahandanya sendiri iaitu Khalifah Marwan bin al-Hakkam pada tahun 65 Hijrah/685 Masihi. Ketika itu ayahandanya telah menyerang negeri Mesir dan berjaya merampas negeri itu daripada penguasaan pemerintah kerajaan bani az-Zubairi. Ketika mula-mula memangku jawatan gabenor, telah timbul juga masalah kepadanya kerana di Mesir terdapat ramai penyokong Khalifah Abdullah bin az-Zubair. Kerana masih belum berpengalaman, Abdul Aziz bin Marwan telah meminta nasihat daripada ayahandanya yang bersemayam di kota Damsyik.

Khalifah Marwan bin al-Hakkam terus memberi mutiara-mutiara nasihat

kepada putera baginda gabenor negeri Mesir itu tentang cara-cara untuk memikat hati rakyat. Setelah Abdul Aziz bin Marwan mendengar nasihat daripada ayahandanya tentang cara-cara untuk menarik hati rakyat jelata agar menyayangi gabenor atau pemerintah mereka, maka Abdul Aziz bin Marwan telah mengamalkan nasihat yang sangat berguna itu. Sejak itu Abdul Aziz bin Marwan telah dapat memerintah negeri Mesir dengan baik dan kekal selama 20 tahun. Beliau wafat setahun sebelum kekandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan wafat iaitu pada tahun 85 Hijrah/703 Masihi.

Rakyat negeri Mesir sangat sayang kepada gabenor mereka Abdul Aziz bin Marwan kerana peribadinya yang mulia dan sangat menjaga kebajikan rakyat. Selama menjadi gabenor negeri Mesir itu, Abdul Aziz bin Marwan telah memajukan negeri Fir'aun itu dan telah berusaha memakmurkannya dengan bersungguh-sungguh sehingga rakyat negeri Mesir merasai kenikmatan berada di bawah pentadbiran Abdul Aziz bin Marwan.

Abdul Aziz bin Marwan satu-satunya gabenor kerajaan bani Umayyah yang amat benci kepada perbuatan mencaci maki Sayidina Ali bin Abu Talib di dalam khutbah pada hari Jumaat. Tetapi kerana terpaksa beliau melakukan juga dengan nada suara yang tersekat-sekat, padahal beliau adalah seorang yang petah dan fasih ketika berkhutbah. Hal beliau ini telah disedari oleh ramai jemaah termasuklah putera beliau sendiri Umar bin Abdul Aziz yang kembali ke negeri Mesir setelah selesai belajar di kota Madinah sejak dari usia kanak-kanak sehinggalah dewasa. Umar bin Abdul Aziz pernah bertanya kepada ayahandanya tentang hal itu;

"Kenapakah saya lihat ayah selalu tersekat-sekat ketika akan menyebut (untuk mencerca) nama Sayidina Ali bin Abu Talib dalam khutbah Jumaat?"

Abdul Aziz bin Marwan dengan resah menjawab, "Wahai anakku, sekiranya semua orang mengetahui kelebihan Sayidina Ali bin Abu Talib di atas kita (bani Umayyah) sudah tentu mereka semua akan meninggalkan kita dan pergi memberi sokongan kepada keluarga beliau."

Demikianlah mulianya hati Abdul Aziz bin Marwan dan beliau adalah seorang yang berjiwa suci menyerupai jiwa Khalifah Uthman bin Affan yang juga berasal dari keturunan bani Umayyah tetapi sangat mencintai dan memuliakan keluarga bani Hasyim.

Gabenor Hijaz Dan Iraq

Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah melantik al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi sebagai gabenor Hijaz pada tahun 73 Hijrah/691 Masihi setelah beliau berjaya menewaskan Abdullah bin az-Zubair yang mengakui jadi khalifah dan beribu kotakan kota Mekah. Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi menjadi gabenor Hijaz hanya selama dua tahun sahaja. Kemudian dipindah untuk mentadbir Iraq pada tahun 75 Hijrah/693 Masihi setelah merasa Iraq lebih berbahaya

berbanding Hijaz setelah terbunuhnya Abdullah bin az-Zubair, kerana ianya adalah sarang kaum Syiah yang boleh bangkit bila-bila masa untuk memberontak terhadap pemerintahan baginda meskipun tokoh-tokohnya banyak yang telah tumpas. Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi menjadi gabenor Iraq sehinggalah Khalifah Abdul Malik bin Marwan wafat pada tahun 86 Hijrah/674 Masihi dan disambung perkhidmatannya selaku gabenor di Iraq oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik sehingga wafat. Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi meninggal dunia pada tahun 95 Hijrah/713 Masihi iaitu setahun sebelum Khalifah al-Walid bin Abdul Malik wafat.

Setelah beliau dihantar oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan ke Iraq, al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi berangkat ke sana memimpin angkatan tentera yang besar terdiri daripada orang-orang negeri Syam. Apabila sampai di al-Qadisiyah, tempat di mana pernah berlaku pertempuran al-Qadisiyah yang masyhur itu, al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi merehatkan pasukannya di situ. Kemudian beliau bersama-sama dua belas orang askarnya terus masuk ke kota Kufah dengan memakai jilbab sehingga semua orang tidak dapat mengenali beliau. Kemudian beliau naik ke atas mimbar Masjid Kufah dan berpidato setelah membuka kain penutup mukanya. Pidatonya penuh dengan ancaman dan ugutan yang telah benar-benar dilakukannya setelah beliau memerintah kota Kufah;

"Wahai penduduk Kufah! Aku nampak beberapa kepala yang sudah cukup masak dan menunggu masa sahaja untuk dipetik. Akulah orang yang akan memetiknya. Aku terpandang-pandang darah yang sedang mengalir keluar dari celah-celah serban dan janggut kamu...."

Kemudian al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi membuka pula surat yang ditulis oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan untuk dibacanya kepada penduduk kota Kufah. Sebelum membaca dia terlebih dahulu membaca, "Bismillahir Rahmanir Rahim. Daripada Abdul Malik bin Marwan, Amirul Mu'minin kepada kaum Muslimin penduduk Kufah, assalamu alaikum."

Tetapi tidak kedengaran seorangpun yang menjawab yang menyebabkan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi naik berang. Beliau sekali lagi memberi ancaman dan membuat ugutan dan menyuruh seorang tenteranya membaca surat dari Khalifah Abdul Malik bin Marwan dengan mengulangi apa yang telah diucapkan olehnya. Maka barulah sidang jemaah menjawab salam dari khalifah itu.

Memulakan Pemerintahan

Apakah persoalan-persoalan besar yang sedang dihadapi oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah?

Memang Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah berhadapan dengan persoalan-persoalan besar sebaik sahaja baginda dilantik menduduki kerusi

khalifah kerajaan bani Umayyah yang kelima yang boleh menyebabkan musnahnya kerajaan bani Umayyah terutama sejak ayahandanya Khalifah Marwan bin al-Hakkam dilantik menerajui pemerintahan kerajaan bani Umayyah menggantikan tempat Khalifah Mu'awiyah bin Yazid yang meletak jawatan dan wafat beberapa hari kemudiannya. Persoalan-persoalan itu bukanlah sekadar besar, tetapi teramat besar kepada sesiapa yang memegang teraju pemerintahan kerajaan bani Umayyah ketika itu. Marilah kita lihat persoalan-persoalan yang teramat besar yang sedang melanda kerajaan *Khalifah Abdul Malik* bin Marwan satu persatu:-

Masaalah Puak-Puak Yang Memberontak

Ini adalah persoalan yang paling besar dan paling utama yang terpaksa dihadapi oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Kalau pada masa pemerintahan ayahandanya dahulu yang hanya berhadapan dengan dua golongan pemberontakan sahaja iaitu pemberontakan kaum Syiah yang dipimpin oleh Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi di Iraq dan pemberontakan Abdullah bin az-Zubair yang berpusat di Hijaz (kota Mekah), tetapi setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan dilantik menjadi khalifah, baginda terpaksa berhadapan dengan enam pemberontakan iaitu ditambah empat lagi daripada pemberontakan yang asal.

Selain dua pemberontakan oleh kaum Syiah dan Ibnuz Zubair, empat pemberontakan baru yang muncul setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan memegang jawatan khalifah ialah pertama pemberontakan oleh kaum Khawarij, kedua pemberontakan oleh Amru bin Said, ketiga pemberontakan oleh al-Mutarrif bin al-Mughirah bin Syu'bah dan keempat pemberontakan oleh Abdul Rahman bin al-Asya'ath bin Qais al-Kindi. Itulah jumlah keseluruhan enam pemberontakan yang terpaksa dihadapi oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebaik sahaja baginda menjadi khalifah.

Soalnya sekarang, kenapakah sampai begitu sekali banyaknya pemberontakan-pemberontakan yang muncul pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan?

Marilah kita lihat satu persatu rentetan peristiwa-peristiwa yang membawa kepada timbul atau tercetusnya pemberontakan-pemberontakan yang enam ini:-

Pertama Pemberontakan Amru Bin Said Bin Al-Ass

Sepatutnya kita perlu membicarakan tentang pemberontakan yang dicetuskan oleh kaum Syiah sebagai pemberontakan yang pertama kerana pemberontakan ini tercetus sejak zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah lagi dan diikuti dengan pemberontakan yang dicetuskan oleh Abdullah bin az-Zubair kerana masa tercetusnya juga sejak zaman Khalifah

Yazid bin Mu'awiyah sebaik sahaja terjadi huru-hara di dalam negara setelah berlakunya peristiwa pembunuhan Sayidina Husein di Padang Karbala' tahun 61 Hijrah/741 Masihi. Tetapi oleh kerana kedua-dua peristiwa pemberontakan ini agak sukar dan memakan masa yang agak lama untuk diselesaikan, maka pembicaraan tentang pemberontakan pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dimulakan dengan pemberontakan oleh Amru bin Said kerana ianya cepat dipadamkan oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Amru bin Said ialah bekas gabenor kota Mekah dan juga gabenor kota Madinah pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Beliau adalah putera kepada Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass bin Umayyah, gabenor kota Kufah pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Beliau adalah seorang yang perkasa dan bijak. Sebab itu ketika terjadinya mesyuarat kaum bani Umayyah di Jabiyah pada tahun 64 Hijrah/683 Masihi ketika tokoh-tokoh bani Umayyah mahu mencari pengganti Khalifah Mu'awiyah bin Yazid yang meletak jawatan tanpa ditentu penggantinya, orang-orang bani Umayyah telah membuat persepakatan untuk melantik Marwan bin al-Hakkam sebagai khalifah, manakala Putera Mahkota diserahkan kepada Khalid bin Yazid bin Mu'awiyah, kemudian Amru bin Said ini.

Sejak itu Amru bin Said telah berjuang bersama-sama dengan Khalifah Marwan bin al-Hakkam untuk menguat dan mengembalikan kekuasaan kerajaan bani Umayyah ke tampuk asalnya seperti pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Ketika Khalifah Marwan bin al-Hakkam menyerang Mesir, Amru bin Said ditugaskan mengawal kota Damsyik. Ketika itu gabenor kerajaan bani az-Zubairi di Iraq iaitu Mus'ab bin az-Zubair telah menyerang dan menguasai negeri Palestin. Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah mengarah Amru bin Said supaya menghalau Mus'ab bin az-Zubair keluar daripada menguasai negeri Palestin. Amru bin Said telah berjaya menghalau Mus'ab bin az-Zubair keluar dari bumi Palestin tanpa menghadapi tentangan yang lama.

Tetapi setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam kembali semula ke kota Damsyik dan merasa kedudukannya sudah agak teguh, satu perkara yang sangat tidak patut baginda lakukan telah baginda lakukan. Iaitu Khalifah Marwan bin al-Hakkam telah memungkiri perjanjian yang dibuat di Jabiyah. Baginda telah mengisytiharkan pemecatan Khalid bin Yazid dan Amru bin Said daripada jawatan Putera Mahkota, dengan diganti oleh kedua-dua putera baginda iaitu Abdul Malik dan Abdul Aziz secara silih berganti. Ini telah menimbulkan kemarahan Amru bin Said yang mengharapkan dapat menjadi khalifah setelah Khalid bin Yazid nanti.

Tetapi ketika api kemarahan sedang membakar hati Amru bin Said, tiba-tiba Khalifah Marwan bin al-Hakkam wafat.

Sebaik sahaja Abdul Malik bin Marwan dilantik sebagai khalifah bani

Umayyah yang kelima, maka Amru bin Said yang didokong oleh ramai juga orang-orang bani Umayyah yang setia kepada beliau telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Oleh kerana Amru bin Said berada di negeri Syam dan melakukan pemberontakan di sekitar kota Damsyik, maka Khalifah Abdul Malik bin Marwan terpaksa menghadapinya dahulu sebelum menghadapi musuh-musuh kerajaan yang lain.

Khalifah Abdul Malik bin Marwan tahu untuk berhadapan dengan Amru bin Said tidak boleh dengan beradu kekuatan tentera. Ini akan merugikan kerana tentera atau penyokong Amru bin Said adalah juga orang-orang dan penyokong kerajaan bani Umayyah. Ini mengakibatkan tentera kerajaan bani Umayyah akan menjadi lemah setelah tentera tumpas di dalam pertempuran sama ada di pihak baginda ataupun di pihak Amru bin Said. Oleh itu Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah bertindak cerdik dan bijaksana untuk menghadapi Amru bin Said iaitu dengan main tipu muslihat. Baginda telah menghantar seorang utusan kepada Amru bin Said untuk memberitahu Amru bahawa baginda mahu berunding dengan cara baik untuk menyelesaikan masalah antara mereka berdua. Oleh itu Amru bin Said perlu datang ke kota Damsyik ke istana baginda untuk membuat perundingan. Amru bin Said percaya kepada perlawaan perdamaian oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan kepadanya itu.

Setelah Amru bin Said berada di istana baginda, maka Khalifah Abdul Malik bin Marwan berkata kepada Amru bin Said bahawa dia tidak perlu melakukan tindakan yang boleh melemahkan kerajaan bani Umayyah, kerana Abdullah bin az-Zubair sedang berkuasa di seluruh bumi Arab dan Farsi pada masa itu. Oleh itu mereka perlu berbaik-baik dan berjuang bergadingan bahu sehingga musuh dapat ditumpas dan dikalahkan. Jelas Khalifah Abdul Malik bin Marwan seterusnya, setelah semua pemberontakan dapat ditumpaskan, maka baginda akan melantik Amru bin Said secara resmi menjadi Putera Mahkota dan khalifah bani Umayyah yang keenam setelah baginda.

Khalifah Abdul Malik bin Marwan memperlihatkan sikap ikhlas baginda yang bersungguh-sungguh mempelawa Amru bin Said untuk berjuang bersama-sama baginda di dalam pasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang berpusat di kota Damsyik itu.

Amru bin Said menyakini kesungguhan Khalifah Abdul Malik bin Marwan itu dan beliau telah bersedia untuk ikut berjuang bersama-sama Khalifah Abdul Malik bin Marwan membasmi musuh kerajaan bani Umayyah. Ketika dalam perjalanan di dalam pasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin sendiri oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan untuk menghadapi Mus'ab bin az-Zubair, gabenor kerajaan bani az-Zubairi di kota Kufah, Amru bin Said yang berada di samping Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah membuat desakan terhadap Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebagaimana katanya;

"Wahai Amirul Mu'minin! Dulu ayahmu telah membuat janji untuk memberi jawatan khalifah kepadaku sesudahnya. Dan berdasarkan janji itu, aku telah berjuang disampingnya. Dan kau telah mengetahui bagaimana kejayaan yang telah kami perolehi di dalam perjuangan disamping ayahmu. Sekarang kau umumlah (kepada orang ramai) bahawa aku akan menjadi khalifah selepasmu."

Tetapi Khalifah Abdul Malik bin Marwan tidak memberi apa-apa jawapan terhadap permintaan atau desakan oleh Amru bin Said itu. Dengan sebab itu Amru bin Said merasakan Khalifah Abdul Malik bin Marwan pasti tidak akan melayan permintaan atau tuntutan janji ayahandanya itu. Maka Amru bin Said terus meninggalkan pasukan dan terus kembali ke kota Damsyik, menguasai kota itu dan membuat pertahanan di sana. Setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan menyedari perkara itu, maka baginda terus berpatah balik semula ke kota Damsyik dan telah berlaku pertempuran dengan pasukan pimpinan Amru bin Said. Kedua-dua pasukan sama kuat. Saling tidak dapat kalah mengalahkan. Segalanya berakhir dengan perdamaian di antara kedua-dua pasukan itu.

Khalifah Abdul Malik bin Marwan merasakan betapa bahayanya Amru bin Said terhadap kerajaan baginda. Baginda mahu menghapuskan Amru bin Said sebelum tokoh ini sempat membina kekuatan dan bangkit melawan baginda sekali lagi. Oleh itu Khalifah Abdul Malik bin Marwan mahu melaksanakan helahnya dengan cara halus iaitu baginda berpura-pura mahu mengumumkan bahawa baginda mahu melantik Amru bin Said menjadi Putera Mahkota seterusnya pengganti baginda di istana baginda nanti. Padahal di dalam hati Khalifah Abdul Malik bin Marwan tetap menganggap Amru bin Said adalah musuh ketat baginda dan tetap merasakan bahawa selagi Amru bin Said hidup, selama itu tokoh ini tetap menjadi ancaman kepada kerajaan baginda dan juga cita-cita baginda untuk melantik anak-anak baginda sebagai Putera Mahkota seterusnya khalifah-khalifah. Di atas alasan-alasan ini, maka Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah membuat muslihat seperti yang telah disebut di atas untuk menghapuskan Amru bin Said daripada muka bumi ini.

Setelah sampai di istana baginda di kota Damsyik, maka Khalifah Abdul Malik bin Marwan terus menjemput Amru bin Said agar datang ke istana baginda untuk tujuan perlantikan itu. Maka datanglah Amru bin Said dengan diiringi oleh beberapa belas orang pengawal peribadi beliau yang berbaris di belakang beliau. Setelah Amru bin Said dan rombongannya masuk ke dalam istana Khalifah Abdul Malik bin Marwan, seorang lepas seorang pengawal peribadi Amru bin Said ditahan oleh pengawal istana Khalifah Abdul Malik bin Marwan tanpa disedari oleh Amru bin Said yang berjalan di hadapan. Ketika Amru bin Said sampai di hadapan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, ternyata beliau hanya tinggal berdua sahaja dengan pelayan beliau. Yang lain-lain semuanya lenyap. Kemudian Khalifah Abdul Malik bin Marwan terus membunuh Amru bin Said tanpa bertangguh-tangguh dan berkira bicara lagi.

Setelah agak lama menunggu kembalinya pemimpin mereka dari mengadap Khalifah Abdul Malik bin Marwan, para pengawal peribadi Amru bin Said memanggil-manggil ketua mereka itu, tetapi tiada jawapannya. Tiba-tiba mereka melihat sebiji kepala digolek kepada mereka disertai dengan pundi-pundi atau uncang-uncang berisi wang. Setelah para pengawal peribadi Amru bin Said melihat kepala pemimpin mereka sudah terpenggal dari badannya, mereka sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Mereka menyedari bahawa perjuangan mereka sudah berakhir. Mereka perlu kembali memberi taat setia kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebelum kepala mereka juga turut mengalami nasib yang sama dengan kepala pemimpin yang mereka puja dan sanjung yang sudah tewas itu. Lantas para pengawal peribadi Amru bin Said memungut pundi-pundi atau uncang-uncang berisi wang itu dan terus pulang. Dengan itu amanlah Khalifah Abdul Malik bin Marwan daripada gangguan Amru bin Said di dalam menuntut jawatan khalifah bani Umayyah yang keenam.

Dengan terbunuhnya Amru bin Said bin al-Ass bin Said bin al-Ass bin Umayyah, maka lenyaplah satu golongan atau seorang daripada enam golongan atau enam orang yang memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, pemerintah kerajaan bani Umayyah yang kelima.

Pemberontakan Kedua Oleh Kaum Syiah

Pemberontakan yang kedua tercetus pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan ialah yang ditimbulkan oleh kaum Syiah. Tempatnya di kota Kufah, negeri Iraq. Kaum Syiah menjadi sangat marah kepada kerajaan bani Umayyah setelah terjadi peristiwa pembunuhan ke atas Sayidina Husein di Padang Karbala' tahun 61 Hijrah/680 Masihi. Sejak saat itu orang-orang Iraq khususnya penduduk kota Kufah sangat menyesal di atas sikap mereka yang tidak berusaha membantu Sayidina Husein ketika beliau dan rombongannya datang ke kota Kufah di atas jemputan mereka juga.

Pada masa pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, orang-orang Kufah yang menyesal itu tidak berbuat apa-apa, cuma setakat menyatakan rasa penyesalan mereka sahaja. Tetapi setelah masuk ke zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin al-Hakkam, mereka mula bergerak mengumpul kekuatan. Mereka diketuai oleh seorang tokoh yang bernama Sulaiman bin Surad al-Khuza'i. Sulaiman bin Surad al-Khuza'i telah berusaha mengumpul ketua-ketua suku kaum di kota Kufah dan mengadakan perbincangan di rumahnya. Akhirnya kaum Syiah yang diketuai oleh Sulaiman bin Surad al-Khuza'i ini berjaya mengumpul pengikut mereka sehingga mencapai angka 4,000 orang. Riwayat lain mengatakan sehingga seramai 16,000 orang di kota bekas pusat pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib itu. Mereka menyatakan rasa sesal dan taubat mereka kerana mempersia-siakan Sayidina Husein ketika beliau dibunuh oleh tentera kerajaan bani Umayyah di Padang Karbala'. Kerana itu mereka ini

dinamakan kaum Tawwabun yang bererti 'Orang-Orang Yang Bertaubat'.

Sebaik sahaja Khalifah Abdul Malik bin Marwan dilantik menggantikan ayahandanya yang wafat pada tahun 65 Hijrah/684 Masihi, Sulaiman bin Surad al-Khuza'i bersama-sama pengikutnya yang dikatakan seramai 4,000 atau 16,000 orang itu telah bangkit memberontak secara terang-terangan terhadap kerajaan Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Mereka telah menyerang markas tentera kerajaan bani Umayyah di al-Jazirah (wilayah Mesopotamia yang terletak di utara negeri Iraq). Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah mengarahkan kepada Ubaidullah bin Ziyad bekas gabenor kota Kufah supaya menyerang kaum Syiah yang diketuai oleh Sulaiman bin Surad al-Khuza'i itu. Pertempuran telah meletus di antara tentera kerajaan bani Umayyah pimpinan Ubaidullah bin Ziyad dengan kaum Syiah pimpinan Sulaiman bin Surad al-Khuza'i di suatu tempat bernama ar-Raqqah yang juga dikenali dengan nama Ainul Wardah iaitu suatu tempat dekat dengan kota Basrah di mana dalam pertempuran ini pemimpin kaum Syiah iaitu Sulaiman bin Surad al-Khuza'i telah terbunuh.

Setelah Sulaiman bin Surad al-Khuza'i terbunuh di medan Ainul Wardah, maka muncullah al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi dan mengambil alih kepimpinan kaum Syiah yang telah kehilangan ketua itu. Beliau adalah putera kepada pahlawan Islam yang memimpin angkatan tentera Islam di medan Jisr pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab dan telah terkorban syahid di medan itu. Al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi adalah seorang yang gigih dan pernah di penjarakan oleh Ubaidullah bin Ziyad pada zaman Khalifah Yazid bin Mu'awiyah kerana usahanya menaikkan Sayidina al-Husein ke kerusi khalifah. Sebenarnya al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi sudah bergerak sejak terbunuhnya Khalifah Ali bin Abu Talib lagi. Langkah pertama yang diambil oleh beliau ialah cuba berbaik-baik dengan Khalifah al-Hasan bin Ali yang dilantik menjadi khalifah menggantikan ayahandanya yang terbunuh. Tetapi apabila al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi melihat Khalifah al-Hasan tidak bersemangat untuk terus menjadi khalifah dan menyerahkan jawatan tertinggi itu kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan, maka beliau lantas berbaik-baik pula dengan Sayidina al-Husein, adinda Sayidina al-Hasan. Tetapi setelah Sayidina al-Husein terbunuh di Padang Karbala', maka al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi telah cuba berhubung pula dengan Abdullah bin az-Zubair yang telah mengisytiharkan dirinya menjadi khalifah dan berpusat di kota Mekah.

Tetapi Ibnuz Zubair tidak begitu suka kepada al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi setelah mendapati pendirian al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang sering berubah-ubah dan tidak tetap. Mula-mula al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi berpihak atau menyokong kaum Syiah, dan setelah Sayidina al-Husein terbunuh, beliau telah cuba berbaik-baik pula dengan diri baginda. Inilah yang menyebabkan Ibnuz Zubair tidak menggemari al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi.

Selain itu al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi juga dikatakan bukanlah seorang yang baik dan takwa. Bahkan beliau menganut ajaran sesat. Namun kerana berwibawanya di dalam memimpin beliau telah disokong oleh ramai orang Kufah. Tidak sebagaimana Sulaiman bin Surad al-Khuza'i yang memperjuangkan kepentingan keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib dari pihak anak-anak dari isteri beliau Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha puteri bongsu Rasulullah s.a.w., al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi lain pula hala perjuangannya. Sungguh banyak perbezaan dengan prinsip perjuangan Sulaiman bin Surad al-Khuza'i. Al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi membawa empat prinsip perjuangan yang berbeza dengan perjuangan Syiah asal yang dibawa oleh Sulaiman bin Surad al-Khuza'i iaitu sebagaimana berikut:-

Pertama al-Mukhtar ath-Thaqafi memperjuangkan hak dan kedudukan Muhammad al-Hanafiyyah iaitu putera Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri beliau perempuan suku Hanifah dari negeri Yamamah. Sedangkan sebelum itu orang-orang Syiah memperjuangkan kedudukan Sayidina Hasan dan Sayidina Husein, putera-putera Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri beliau Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha. Di kota Kufah, al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi mengisytiharkan Muhammad al-Hanafiyyah sebagai Imam atau Imam Suci.

Kedua, al-Mukhtar adalah orang pertama yang mewujudkan jawatan menteri yang belum pernah dibuat oleh orang-orang sebelumnya terhadap seseorang yang dilantik sebagai pembesar negara.

Ketiga, tindakan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang mengakui memperjuangkan hak Muhammad al-Hanafiyyah tidak diakui oleh Muhammad al-Hanafiyyah sendiri. Nampak kebohongan dan maksudnya yang tersirat disebalik perjuangannya itu.

Dan keempat al-Mukhtar ath-Thaqafi bersikap memihak kepada kaum Mawali (keturunan bukan Arab) yang menyebabkan puak-puak Syiah Arab merasa kecewa ketika berjuang bersama-sama beliau.

Pembelaan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi terhadap kaum mawali nampak jelas apabila beliau melaungkan slogan 'Membela Kaum Yang Dhaif', dan telah mengambil Abu Ammarah (nama sebenarnya Kaisan), seorang mawali sebagai ketua pengawal peribadinya.

Oleh kerana kaum mawali agak ramai di kota Kufah, maka perjuangan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi telah mendapat sokongan yang kuat daripada golongan ini. Segelintir orang-orang Syiah Arab juga telah menjadi penyokong beliau kerana kebolehan dan kesungguhan beliau di dalam menentang pemerintahan kerajaan bani Umayyah.

Memang kaum mawali sebenarnya tidak begitu menyukai perjuangan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, begitu juga dengan kaum Syiah Arab. Lebih-lebih lagi setelah mereka melihat al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi

telah berpegang kepada ajaran sesat di dalam akidah seperti beliau membawa kerusi yang diduduki oleh Sayidina Ali bin Abu Talib ke medan perang kerana beliau mendakwa kerusi itu bertuah dan keramat boleh memberi kemenangan kepada pihak yang memilikinya. Selain itu al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi juga dikatakan mempercayai berbagai-bagai kepercayaan khurafat yang lain seperti Allah SWT pernah melakukan kesilapan, roh manusia sering bertukar ganti di dalam badan manusia, malaikat berperang bersama-sama dengan beliau.

Namun kaum mawali dan orang-orang Syiah memejam mata buat seketika terhadap pegangan sesat al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi itu kerana ketika itu di kota Kufah tidak ada tokoh lain yang berani bangkit berjuang menentang pemerintahan kerajaan bani Umayyah dengan penuh kesungguhan dan berpengaruh selain dari al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi ini.

Al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi telah memimpin pasukan tenteranya yang terdiri daripada kaum mawali dan orang-orang Syiah Arab dari kota Kufah itu melancarkan serangan ke al-Jazirah (Mesopotamia) dan di kawasan-kawasan sekitar sebelah utara negeri Iraq.

Pada tahun 66 Hijrah/685 Masihi, iaitu setelah setahun Khalifah Abdul Malik bin Marwan menjadi pemerintah kerajaan bani Umayyah, al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi telah memimpin askar-askarnya berperang dengan tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh bekas gabenor kota Kufah iaitu Ubaidullah bin Ziyad yang bertanggungjawab di atas terbunuhnya Sayidina Husein di Padang Karbala' di tebing sungai Khazer, salah satu daripada anak sungai Dajlah. Al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi telah berhadapan dengan Ubaidullah bin Ziad dan terjadilah pertempuran yang hebat di antara kedua pahlawan itu. Al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi telah sempat memarang muka Ubaidullah bin Ziad yang menyebabkan bekas gabenor kota Kufah itu luka pada sebelah matanya. Dalam pertempuran ini, tentera kerajaan bani Umayyah telah tewas dan Ubaidullah bin Ziad sendiri telah terbunuh di tangan panglima al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang bernama Ibrahim al-Asytar. Kepala Ubaidullah bin Ziyad dipenggal dari lehernya sebagaimana yang dilakukannya terhadap Sayidina Husein di Padang Karbala'.

Tetapi al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi tidak dapat menikmati kejayaannya lebih lama kerana setelah itu askar-askarnya mulai berpecah dua. Golongan mawali terus bersama-sama beliau, tetapi golongan Syiah Arab tidak dapat bertahan untuk terus bersama-sama al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi kerana sikap al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang keterlaluan di dalam membela atau berat sebelah kepada kaum mawali.

Akhirnya ramai para pengikut al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang lari meninggalkan beliau termasuk orang kanan beliau sendiri iaitu Ibrahim al-

Asytar. Dalam waktu yang singkat sahaja, pengikut al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi telah susut dengan cepatnya sehingga dikatakan yang tetap setia kepada perjuangan beliau cuma seramai 1,100 orang sahaja. Daripada jumlah itu seramai 1,000 orang adalah dari kaum mawali, dan yang selebihnya iaitu 100 orang adalah orang-orang Syiah berbangsa Arab. Ini sudah tentu amat melemahkan kedudukan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi untuk menghadapi tentera kerajaan bani Umayyah dan tentera kerajaan bani az-Zubairi yang semakin melebarkan sayapnya pada saat itu.

Khalifah Abdul Malik bin Marwan pada mulanya mahu menghapuskan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi ini. Tetapi pada tahun 67 Hijrah/686 Masihi iaitu setelah setahun al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi menang ke atas Ubaidullah bin Ziyad di sungai Khazer, baginda mendapat khabar bahawa angkatan tentera Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang dipimpin oleh Mus'ab bin az-Zubair adinda Ibnuz Zubair sedang mara ke negeri Iraq, mulalah baginda mendiamkan diri. Baginda mahu pasukan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi berperang dengan tentera kerajaan bani az-Zubairi yang dipimpin oleh Mus'ab bin az-Zubair itu dan pastinya baginda akan beruntung. Pasukan Mus'ab bin az-Zubair telah menyerang dan mengepung al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi yang sudah tidak berdaya melawan tentera kerajaan bani az-Zubairi itu. Setelah kepungan dibuat selama empat hari, maka al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi dan para pengikutnya telah berjaya ditangkap dan dibunuh oleh Mus'ab bin az-Zubair.

Dengan terbunuhnya al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, bererti lenyaplah dua golongan atau dua orang pemberontak daripada enam golongan atau enam puak pemberontak yang menentang pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Untuk makluman para pembaca yang budiman juga bahawa sejak terbunuhnya al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, maka orang-orang Syiah tidak aktif lagi hinggalah 50 tahun kemudian iaitu pada tahun 122 Hijrah/738 Masihi di mana Zaid bin Ali Zainal Abidin telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dan terkorban syahid.

Sekarang marilah kita lihat pula siapakah golongan pemberontak yang ketiga pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang menentang pemerintahan baginda.

Pemberontakan Ketiga Oleh Kaum Khawarij

Golongan pemberontak ketiga yang memberontak terhadap kerajaan pimpinan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, pemerintahan dinasti bani Umayyah yang kelima ialah golongan Khawarij. Sebenarnya pemberontakan kaum Khawarij terhadap kerajaan bani Umayyah bermula sejak zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan lagi. Mereka menghukum Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dengan hukuman yang tidak sepatutnya iaitu mereka mengatakan

Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah kafir.

Tetapi pemberontakan kaum Khawarij pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dapat dikawal dan mereka tidak berbahaya sangat pada zaman itu. Pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, golongan ini terus tidak aktif kerana pada masa itu sudah ada dua golongan yang sangat hebat bangkit memberontak terhadap pemerintah iaitu golongan Syiah yang dipimpin oleh Sayidina Husein, dan golongan Abdullah bin az-Zubair yang mengaku menjadi khalifah di Hijaz. Oleh itu kaum Khawarij merasakan mereka tidak perlu menambahkan kumpulan pemberontak yang menyebabkan golongan pemberontak menjadi berpecah-pecah. Setelah kedudukan Abdullah bin az-Zubair menjadi bertambah kuat setelah kewafatan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah pada tahun 64 Hijrah/683 Masihi dan pada masa pemerintahan Khalifah Marwan bin al-Hakkam, kaum Khawarij telah bergabung atau menyokong kerajaan Khalifah Abdullah bin az-Zubair. Pemimpin mereka ketika itu ialah Nafi' bin Azraq al-Hanafi. Dia dibantu oleh tokoh-tokoh lain seperti Abdullah bin Saffar as-Sa'adi, Abdullah bin Ibadh as-Sulami, Hanzalah bin Baihas, Abdullah bin Mahuz at-Tamimi dan saudaranya az-Zubair at-Tamimi, Abu Talut Salim bin Mattar dari bani Bakar bin Wail. Tetapi Imam al-Balazuri mengatakan dari bani Mazin bin Tamim, jadi dia disebut Abu Talut al-Mazani at-Tamimi, Abdullah bin Thaur ath-Tha'labi yang lebih dikenali dengan gelaran Abu Fudaik ath-Tha'labi, Atiyyah bin al-Aswad al-Hanafi dan Najdah bin Amir al-Hanafi.

Ketika mereka bersama-sama Khalifah Abdullah bin az-Zubair, kaum Khawarij telah memperkatakan secara terang-terangan tentang pegangan mereka di dalam furu' akidah seperti seseorang yang melakukan dosa besar jatuh kafir dan sebagainya. Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang alim dan merupakan salah seorang ulama' di kalangan sahabat Rasulullah s.a.w. tidak dapat menerima pegangan mereka yang bid'ah itu. Khalifah Abdullah bin az-Zubair tahu pegangan sebegitu bukanlah pegangan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda. Pegangan sebegitu meskipun nasnya diambil daripada al-Qur'an dan hadis, tetapi tidak tepat dengan tafsir yang dikehendaki oleh Islam.

Setelah mereka melihat Khalifah Abdullah bin az-Zubair tidak dapat menerima pegangan-pegangan mereka yang radikal dan melampau yang pada mereka tidak menyalahi pegangan yang sebenar, maka kaum Khawarij ini telah bertindak meninggalkan Khalifah Abdullah bin az-Zubair. Peristiwa ini terjadi setelah beberapa bulan sahaja mereka bergabung dan berjuang bersama-sama Khalifah Abdullah bin az-Zubair di kota Mekah menentang kerajaan bani Umayyah.

Dalam perjalanan meninggalkan kota Mekah dan menuju ke suatu tempat yang mereka ingin jadikan markas perjuangan mereka, kaum Khawarij itu telah berpecah kepada dua golongan atau puak. Puak atau golongan pertama di ketuai oleh Nafi' bin Azraq al-Hanafi. Manakala puak yang kedua diketuai oleh

Abu Talut dari bani Bakar bin Wail. Sebab-sebab perpecahan di kalangan kaum Khawarij ini adalah kerana perbezaan pegangan terutama di dalam beberapa furu' akidah. Nampaknya mereka juga tidak sehaluan di dalam berpegang kepada akidah. Abu Talut juga tidak dapat menerima pegangan furu' akidah yang dikemukakan oleh Nafi' bin Azraq. Puak pimpinan Nafi' bin Azraq mempunyai prinsip pegangan yang keras dan radikal seperti menganggap orang-orang yang melakukan dosa-dosa besar jatuh menjadi kafir seperti yang telah dijelaskan di atas. Pegangan sebegini tidak dipersetujui oleh Abu Talut. Abu Talut memandang pegangan seperti ini adalah melampaui batas kebenaran.

Ketika keluar dari kota Mekah itu, kedua-dua puak Khawarij itu terfikir-fikir ke arah manakah mereka harus pergi. Akhirnya puak pimpinan Nafi' bin Azraq al-Hanafi telah memilih kota Basrah di negeri Iraq untuk membina markas mereka di sana. Kenapa mereka pergi ke kota Basrah? Kerana ketika itu gabenor negeri Iraq iaitu Ubaidullah bin Ziad sudah meninggalkan kedua-dua daerah tadbirnya iaitu kota Kufah dan kota Basrah. Dia pergi berlindung ke kota Damsyik sejak tahun 64 Hijrah/683 Masihi lagi setelah terjadi rusuhan penduduk di Iraq. Jadi ketika itu kota Basrah tidak mempunyai gabenor atau pemimpin yang berkuasa memerintah kota itu. Sedangkan kota Kufah telah di kuasai oleh kaum Tawwabbun yang dipimpin oleh Sulaiman bin Surad al-Khuza'i. Jadi mereka berpendapat mereka boleh bergiat di kota Basrah yang masih kosong daripada dikuasai oleh sebarang tokoh itu. Tokoh-tokoh Khawarij yang menyertai Nafi' bin Azraq al-Hanafi ialah Abdullah bin Saffar as-Sa'adi, Abdullah bin Ibadh dan Hanzalah bin Baihas.

Kaum Khawarij pimpinan Nafi' bin Azraq al-Hanafi ini kemudiannya dikenali dengan nama Khawarij Azariqah kerana mengambil sempena nama ayah pemimpin mereka iaitu Azraq.

Akhirnya Nafi' bin Azraq al-Hanafi telah meninggalkan kota Basrah kerana berpindah ke daerah al-Ahwaz berserta para pengikutnya pada tahun 66 Hijrah/685 Masihi. Maka untuk menjadi ketua kaum Khawarij di kota Basrah, Abdullah bin Saffar as-Sa'adi telah dilantik. Beliau terus menetap di kota Basrah kemudian berpindah pula ke kota Harran. Di sana kumpulan Abdullah bin Saffar as-Sa'adi menjalankan aktiviti mereka untuk mengukuh dan mengembangkan mazhab atau pegangan mereka. Dikemudian hari kaum Khawarij pimpinan Abdullah bin Saffar as-Sa'adi ini dinamakan Khawarij Saffariyyah. Dengan wujudnya kaum Khawarij Saffariyyah ini maka bererti kaum Khawarij telah menjadi dua golongan.

Manakala pecahan yang ketiga yang dipimpin oleh Abu Talut Salim bin Mattar dari bani Bakar bin Wail atau Abu Talut al-Mazani at-Tamimi. Abu Talut memilih negeri Yamamah untuk dijadikan tapak perkampungan dan perjuangan mereka. Tokoh-tokoh Khawarij yang ikut serta bersama dengan

Abu Talut ialah Abu Fudaik ath-Tha'labi, Atiyyah bin al-Aswad al-Hanafi dan Najdah bin Amir al-Hanafi.

Mereka menetap lama di negeri Yamamah sehingga mendapat pengikut yang ramai pula di sana. Di antara tokoh berwibawa yang muncul menjadi pemimpin kumpulan ini ialah Najdi bin Amir al-Hanafi. Sebab itulah dikemudian hari kaum Khawarij Yamamah pimpinan Abu Talut ini dinamakan Khawarij Najdiyyah setelah Najdi bin Amir al-Hanafi menjadi pemimpin mereka.

Jelas kaum Khawarij pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan ada tiga golongan iaitu pertama Khawarij Azariqah, kedua Khawarij Saffariyyah dan ketiga kaum Khawarij Najdiyyah.

Untuk membincangkan tentang kaum Khawarij yang bangkit memberontak pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, ada baiknya kita mulakan dengan kaum Khawarij Najdiyyah yang dipimpin oleh Abu Talut yang beroperasi di negeri Yamamah.

Memang pada mulanya kaum Khawarij aliran Najdiyyah ini dipimpin oleh Abu Talut Salim bin Mattar dari bani Bakar bin Wail atau Abu Talut al-Mazani at-Tamimi, tetapi menjelang tahun 66 Hijrah/685 Masihi iaitu setahun setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang kelima, pimpinan kaum Khawarij Najdiyyah ini telah beralih ke tangan Najdah bin Amir al-Hanafi pula. Ketika itu Najdah bin Amir al-Hanafi baru berusia tiga puluh tahun, tetapi sudah sangat berpengaruh di kalangan kaum bani Hanifah. Penyingkiran Abu Talut dan diganti oleh Najdah bin Amir adalah disebabkan kewibawaan serta darah suku. Abu Talut dari bani Tamim, manakala Najdah bin Amir dari suku Hanifah. Sudah tentu para penduduk negeri Yamamah mahu berketuakan seorang tokoh dari suku mereka sendiri setelah melihat kewibawaan dan kemampuannya memimpin.

Sebaik sahaja diberi kepercayaan memimpin kaum Khawarij aliran Najdat ini, maka Najdah bin Amir al-Hanafi telah memulakan kerjanya dengan membuat serangan ke atas Zul Majaz dan ke atas suku Ka'ab bin Rabiah bin Amir bin Sya'sya'ah dari kabilah Hawazin. Pada tahun 67 Hijrah/686 Masihi, Najdah bin Amir al-Hanafi telah melantik Umarah bin Salam al-Hanafi untuk menjaga Yamamah, manakala beliau sendiri bersama-sama pengikutnya berjumlah 3,000 orang telah berangkat menyerang kawasan pantai timur laut negeri Bahrain. Serangan ini bertujuan untuk menguasai ke atas kaum Abdul Qais yang merupakan suku yang paling ramai jumlah mereka dan paling berpengaruh di Bahrain. Ketika sampai di suatu daerah bernama Qatif, tentera Khawarij ini telah disambut oleh suku Azd yang juga bercita-cita untuk mengambil alih kuasa di Bahrain dari tangan suku Abdul Qais. Mereka mengira setelah tentera kaum Khawarij berjaya menewaskan suku Abdul Qais, lambat laun mereka akan dapat menguasai Bahrain. Dengan bantuan yang diberikan

oleh kaum Azd itu, tentera kaum Khawarij Najdiyyah ini telah berjaya mengalahkan suku Abdul Qais. Ramai kaum Abdul Qais yang telah ditangkap dan dibunuh. Segelintir telah berjaya menyelamatkan diri. Najdah bin Amir telah memerintah anaknya yang bernama al-Mutarrih supaya mengejar orang-orang Abdul Qais yang lari itu. Maka terjadi pula pertempuran di al-Suair di mana orang-orang Abdul Qais telah berjaya menewaskan tentera al-Mutarrih dan al-Mutarrih sendiri telah terbunuh. Tetapi setelah tiba tahun 69 Hijrah/689 Masihi, seluruh negeri Bahrain akhirnya jatuh ke dalam kekuasaan kaum Khawarij Najdiyyah.

Abdullah bin az-Zubair yang sedang berkuasa di Hijaz melihat bahawa kaum Khawarij aliran Najdiyyah yang sudah bertapak di negeri Bahrain itu boleh menjadi penghalang kepada perjuangan baginda untuk menguasai dunia Islam ketika itu. Maka untuk menyekat pengaruh kaum Khawarij Najdiyyah agar tidak terus melebarkan sayapnya masuk ke Iraq, Abdullah bin az-Zubair telah menghantar adindanya Mus'ab bin az-Zubair yang ketika itu adalah gabenor di kota Basrah agar menyerang kaum Khawarij Najdiyyah di Bahrain. Tentera kerajaan az-Zubairi di bawah pimpinan Mus'ab bin az-Zubair berjumlah seramai antara 14,000 hingga 20,000 orang. Pertempuran berlaku di kota Qatf, Bahrain di mana kaum Khawarij Najdiyyah telah menewaskan tentera Mus'ab.

Setelah merasa dirinya terancam, kaum Khawarij Najdiyyah tidak mahu berdiam diri di negeri Bahrain sahaja. Najdah bin Amir al-Hanafi mahu menyerang pula kaum Azd yang pernah menyokongnya ketika mereka mahu menyerang suku Azd di Bahrain tempoh hari. Ketika itu suku atau kaum Azd sedang berkuasa di negara Oman. Najdah telah mengirim angkatan tenteranya yang dipimpin oleh Atiyyah bin al-Aswad al-Hanafi ke Oman yang diperintah oleh Abbad bin Abdullah bin Julunda.

Tentera kaum Khawarij Najdiyyah berjaya mengalahkan suku Azd dan setelah beberapa bulan beliau memerintah Oman, Atiyyah bin al-Aswad al-Hanafi telah meletak Abu Qasim al-Hanafi sebagai pemerintah di Bahrain. Tetapi putera-putera Abbad iaitu Said dan Sulaiman telah menguasai semula negara Oman setelah mereka berjaya mengalahkan dan membunuh Abu Qasim al-Hanafi dalam satu pertempuran di sana.

Kemudian Atiyyah bin al-Aswad al-Hanafi yang telah mendapat sokongan dari suku kaum Tamim dan Abdul Qais yang pernah ditewaskannya dahulu telah berusaha untuk merampas semula negara Oman dari tangan kaum Azd, tetapi gagal kerana para penduduk Oman tidak lagi memberi sokongan yang padu kepadanya. Akhirnya Atiyyah bin al-Aswad dengan angkatan tenteranya yang terdiri daripada suku kaum yang disebut itu telah pergi ke bahagian timur negeri Iraq untuk menyertai rakan-rakan mereka kaum Khawarij aliran Azariqah.

Ketika ini pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan sedang sibuk menghadapi para pemberontak yang terdiri daripada golongan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi di kota Kufah, kerajaan az-Zubairi di kota Basrah dan di wilayah Hijaz. Jadi Khalifah Abdul Malik bin Marwan membiarkan sahaja dahulu pergerakan kaum Khawarij Najdiyyah di Bahrain ini.

Pada tahun 68 Hijrah/687 Masihi, kaum Khawarij Najdiyyah pimpinan Najdah bin Amir al-Hanafi ini telah berjaya menguasai daerah Kazim, sebuah wilayah yang terletak di utara negara Bahrain. Mereka telah memungut zakat daripada penduduk di sana yang terdiri daripada suku bani Tamim. Dari kota Kazim ini, Najdah bin Amir al-Hanafi telah menghantar seorang pembantu beliau yang merupakan seorang tokoh mereka bernama Abu Fudaik ath-Tha'labi ke Yaman. Abu Fudaik ath-Tha'labi dalam operasinya di negeri Yaman telah berjaya menguasai beberapa daerah seperti kota San'a dan Hadhramaut. Sebagaimana yang telah dilakukan oleh Najdah bin Amir al-Hanafi ketika berjaya menakluk negeri Bahrain, Abu Fudaik al-Tha'labi juga telah memungut zakat daripada penduduknya.

Dengan kejayaan kaum Khawarij Najdiyyah di Yaman, maka pengaruh Najdah bin Amir al-Hanafi menjadi lebih besar daripada pengaruh Abdullah bin az-Zubair. Dan Khalifah Abdul Malik bin Marwan pula cuba untuk berbaik-baik dengan Najdah bin Amir al-Hanafi dengan membuat tawaran untuk melantik Najdah menjadi gabenor bagi negeri Yaman, dan memaafkan semua kesalahan yang telah dilakukan oleh kaum Khawarij Najdiyyah termasuk pembunuhan, namun Najdah bin Amir al-Hanafi telah menolak tawaran yang baik itu.

Kemudian pada tahun 68 Hijrah/687 Masihi, Najdah bin Amir al-Hanafi bersama 2600 orang pengikutnya telah pergi menunaikan ibadat haji di kota Mekah. Padahal ketika itu Abdullah bin az-Zubair sedang berkuasa di negeri Hijaz yang berpusat di kota Mekah. Ini menunjukkan betapa pengaruh kaum Khawarij Najdiyyah ketika itu amat digeruni dan sudah cukup kuat dan pihak Abdullah bin az-Zubair barangkali berminat untuk membujuk mereka itu agar mengurangkan ketegangan permusuhan dengan pihak baginda. Begitu juga di pihak kerajaan bani Umayyah di bawah pentadbiran Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Setelah selesai menunaikan ibadat haji, Najdah bin Amir al-Hanafi telah berniat untuk menziarahi kota Madinah. Tetapi apabila beliau mendapat tahu penduduk kota Madinah akan memerangi beliau sekiranya beliau masuk ke kota Nabi itu, maka Najdah bin Amir al-Hanafi telah mengubah haluan perjalanannya menuju ke kota Taif dan terus ke negeri Bahrain. Beliau melantik beberapa orang kanannya sebagai gabenor Taif dan bahagian Najran Utara. Mengutip zakat daripada penduduknya yang terdiri daripada bani Hilal dan bani Numair di sana. Kemudian beliau mengarahkan supaya gandum

Yamamah dan Bahrain ditahan daripada dihantar ke kota Mekah (tujuannya sudah pasti untuk melemahkan Abdullah bin az-Zubair di sana).

Setelah merasa kedudukannya begitu teguh di Bahrain, Najdah bin Amir al-Hanafi telah cuba merampas semula negeri Oman daripada penguasaan Abbad bin Abdullah bin Julunda al-Azdi. Sekali lagi kaum Khawarij Najdiyyah telah mendapat tentangan yang hebat daripada penduduk Oman yang terdiri daripada kaum Azd itu. Dikatakan kerana sangat memerlukan kepada bantuan daripada Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang pernah menawarkan tawaran yang menarik kepada beliau, maka Najdah bin Amir al-Hanafi telah menghubungi pihak kerajaan bani Umayyah iaitu Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang menyebabkan timbul kemarahan daripada para pengikutnya yang sangat membenci kepada semua pemerintahan selain daripada golongan mereka sahaja.

Dan ada beberapa perkara lagi yang dikatakan telah dilakukan oleh Najdah bin Amir al-Hanafi yang tidak disenangi oleh para pengikut beliau. Akhirnya para pengikut Najdah bin Amir al-Hanafi atau tokoh-tokoh kaum Khawarij Najdiyyah telah memecat ketua mereka Najdah bin Amir al-Hanafi dan digantikan dengan seorang lagi tokoh mereka yang sedang berkuasa di Yaman iaitu Abu Fudaik ath-Tha'labi.

Najdah bin Amir al-Hanafi amat kecewa sekali dengan pemecatannya itu dan berkira-kira untuk memihak kepada kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan itu. Tetapi kaum Khawarij Nadiyyah yang di bawah pimpinan pemimpin baru iaitu Abu Fudaik ath-Tha'labi telah bertindak cepat dengan membunuh Najdah bin Amir al-Hanafi.

Sebenarnya Najdah bin Amir al-Hanafi masih mempunyai dokongan dan sokongan meskipun tidak ramai. Setelah Najdah bin Amir al-Hanafi dibunuh, maka seorang penyokongnya bernama Muslim bin Jabir telah menikam Abu Fudaik ath-Tha'labi, tetapi cedera sahaja. Setelah itu para penyokong Abu Fudaik ath-Tha'labi terus menikam Muslim bin Jabir ketika itu juga dan terus meninggal dunia.

Kemudian Abu Fudaik ath-Tha'labi bersama para pengikutnya telah berpindah semula ke Bahrain, dan menjalankan operasi mereka dari sana. Gabenor kota Basrah iaitu Mus'ab bin az-Zubair telah menyiapkan sebuah pasukan yang besar di bawah pimpinan Panglima Muhammad bin Abdul Rahman bin al-Iskaf untuk dihantar memerangi kaum Khawarij Najdiyyah di bawah pimpinan Abu Fudaik ath-Tha'labi itu. Tetapi Abu Fudaik ath-Tha'labi dan tenteranya berjaya menewaskan tentera kerajaan bani az-Zubairi itu. Kemudian datang lagi tentera dari kota Basrah di bawah pimpinan Panglima Ziyad al-Quraisyi, tetapi sekali lagi Abu Fudaik ath-Tha'labi dan tenteranya berjaya menewaskannya. Panglima Ziyad al-Quraisyi sendiri telah terbunuh dan askar-askarnya telah lari menyelamatkan diri.

Ketika Abdullah bin az-Zubair terbunuh pada tahun 73 Hijrah/691 Masihi, kaum Khawarij Najdiyyah masih lagi gagah di bawah pengendalian Abu Fudaik ath-Tha'labi.

Setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan melihat musuh terbesar kerajaan baginda telah lenyap iaitu dengan terbunuhnya Abdullah bin az-Zubair di kota Mekah pada tahun 73 Hijrah/691 Masihi, maka baginda telah memberi penumpuan untuk menghancurkan pergerakan kaum Khawarij Najdiyyah ini. Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah menghantar sebuah angkatan tentera yang berjumlah 12,000 orang perajurit untuk mengadapi kaum Khawarij Najdiyyah pimpinan Abu Fudaik ath-Tha'labi yang juga berjumlah 12,000 orang anggota. Namun pasukan kerajaan bani Umayyah telah kalah di tangan kaum Khawarij Najdiyyah.

Kemudian Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah membentuk sebuah lagi angkatan tentera kerajaan bani Umayyah yang besar berjumlah 21,000 orang perajurit. Sebahagian tentera itu adalah dari penduduk kota Kufah dan kota Basrah. Ketika itu Abu Fudaik ath-Tha'labi sedang berada di Bahrain. Kedua-dua pasukan tentera kerajaan bani Umayyah dan kaum Khawarij Najdiyyah telah bertemu di suatu tempat bernama al-Musyaqqar sebuah pelabuhan besar di Bahrain. Ramai sekali kaum Khawarij Najdiyyah telah lari dari medan yang tinggal hanya sebahagian sahaja. Abu Fudaik ath-Tha'labi telah terbunuh bersama-sama 6,000 pengikutnya yang setia dan seramai 600 orang telah ditawan. Sebahagian telah cuba melarikan diri, tetapi akhirnya kesemua telah ditangkap oleh pihak tentera kerajaan baniu Umayyah.

Peristiwa ini terjadi pada tahun 73 hijrah/691 Masihi iaitu tahun di mana Abdullah bin az-Zubair telah terbunuh di kota Mekah.

Dengan berakhirnya peperangan di al-Musyaqqar ini dan terbunuhnya Abu Fudaik ath-Tha'labi, maka berakhirlah pergerakan atau pemberontakan kaum Khawarij Najdiyyah. Yang masih bergerak lagi ialah kaum Khawarij Azariqah di bawah pimpinan Qatari bin Fuja'ah dan kaum Khawarij Saffariyyah di bawah pimpinan Syabib bin Yazid at-Tamimi.

Sekarang marilah kita melihat pergerakan atau perjuangan kaum Khawarij Azariqah yang bangkit memberontak pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang dipimpin oleh Nafi' bin Azraq al-Hanafi.

Setelah mengundur diri dari daripada bergabung dengan kerajaan az-Zubairi di kota Mekah menjelang tahun 65 Hijrah/684 Masihi itu, Nafi' bin al-Azraq dan para pengikutnya yang sudah berada di kota Basrah mula membincangkan perjuangan mereka dan mengingatkan jihad yang mereka perlu lakukan dan teruskan. Mereka memerlukan kepada sokongan yang kuat daripada seluruh rakyat. Pada ketika itu kota Basrah seperti yang sudah dikatakan sudah tidak mempunyai gabenor, kerana gabenor negeri Iraq yang merangkumi kota Basrah dan kota Kufah iaitu Ubaidullah bin Ziyad sudah

melarikan diri dan berkubu di kota Damsyik bersama-sama Khalifah Abdul Malik bin Marwan kerana tidak tahan menghadapi serangan kaum pemberontakan di negeri Iraq yang terdiri daripada kaum Syiah yang dipimpin oleh Sulaiman bin Surad al-Khuza'i. Penguasa atau gabenor sambilan ketika itu di kota Basrah ialah Sulaiman bin Surad al-Khuza'i, pemimpin kaum Tawwabbun yang menyesal kerana mereka tidak membantu Sayidina Husein sampai terbunuh di Padang Karbala' pada tahun 61 Hijrah/680 Masihi dahulu.

Tetapi setelah Sulaiman bin Surad al-Khuza'i terbunuh di dalam peperangan dengan tentera Khalifah Abdul Malik bin Marwan di Raqqah atau Ainul Wardah pada tahun 65 Hijrah/684 Masihi itu juga, pimpinan kaum Syiah di kota Kufah telah diambilalih oleh al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi. Ketika penguasaan Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi di negeri Iraq, Khalifah Abdul Malik bin Marwan melihat betapa bahayanya al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi kerana kepintaran dan keperkasaannya. Maka Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah menghantar Ubaidullah bin Ziad untuk menghancurkan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi di kota Kufah. Berlakulah pertempuran di tebing sungai Khazer pada tahun 66 Hijrah/685 Masihi di mana tentera kerajaan bani Umayyah telah tewas dan panglima perang mereka Ubaidullah bin Ziyad telah terbunuh.

Melihat huru-hara terus melanda negeri Iraq khususnya di kota Kufah, maka kaum Khawarij Azariqah pimpinan Nafi' bin Azraq al-Hanafi telah memecah penjara di kota Basrah untuk membebaskan para tawanan yang ditahan oleh Ubaidullah bin Ziyad. Semua orang-orang tahanan yang bebas telah menyertai kaum Khawarij Azariqah pimpinan Nafi' bin Azraq itu.

Khalifah Abdul Malik bin Marwan juga tidak berdiam diri. Kebetulan sekali ketika itu baginda telah mendapat bantuan dari seorang tokoh yang begitu hebat untuk membantu mengukuhkan kerajaan baginda yang amat goyah itu. Tokoh yang dimaksudkan itu ialah al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi sebenarnya bertugas sebagai Ketua Polis di kota Damsyik. Ketegasan dan kepintaran al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang bertugas untuk mengamankan kota Damsyik benar-benar berkesan kerana beliau adalah seorang manusia yang tidak agak-agak di dalam bertindak tegas sekalipun kalau untuk mendapat keamanan terpaksa dengan membunuh.

Dengan ini bererti Khalifah Abdul Malik bin Marwan ketika itu mempunyai dua orang pahlawan yang sangat perkasa iaitu Amru bin Said dan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Baginda bercadang untuk menyerang kota Kufah dan membinasakan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi di sana. Sedangkan di saat itu pula Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang berkuasa di kota Mekah telah menghantar angkatan perangnya yang dipimpin oleh adindanya sendiri yang bernama Mus'ab bin az-Zubair ke negeri Iraq untuk menguasai negeri itu. Setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan mendapat tahu perkara itu maka baginda tidak jadi untuk memerangi al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi,

sebaliknya menunggu biar Mus'ab bin az-Zubair yang berperang dengan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi.

Ketika itu Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah mengambil peluang menghantar angkatan tentera bani Umayyah yang terdiri daripada penduduk kota Basrah untuk memerangi kaum Khawarij Azariqah di kota Basrah. Namun angkatan itu telah ditewaskan oleh kaum Khawarij Azariqah. Khalifah Abdul Malik bin Marwan lantas membentuk satu pasukan tentera dan menghantar untuk memerangi kaum Khawarij. Kali ini pun tentera kerajaan itu telah ditewaskan dengan teruk oleh kaum Khawarij Azariqah. Peristiwa ini berlaku pada tahun 65 Hijrah/684 Masihi.

Tetapi apabila Nafi' bin Azraq melihat kedudukannya yang tersepit di antara kerajaan Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang berkuasa di negeri Syam sekitar kota Damsyik dan kerajaan az-Zubairi yang mula berusaha untuk bertapak di kota Kufah, maka untuk menyelamatkan dirinya dan para pengikutnya, Nafi' bin Azraq al-Hanzali telah berpindah ke daerah al-Ahwaz. Namun para penduduk di kota Basrah tetap merasa ancaman daripada kaum Khawarij Azariqah itu. Ketika itu Mus'ab bin az-Zubair telah mengalahkan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi di kota Kufah dan berjaya menguasai kota Kufah dan menjadi gabenor di situ. Peristiwa ini berlaku pada tahun 67 Hijrah/686 Masihi.

Para penduduk kota Basrah yang merasa sangat bimbang terhadap ancaman dan kejayaan kaum Khawarij Azariqah itu telah berusaha mencari seorang pemimpin yang dapat menjadi ketua mereka dan memimpin mereka ke medan perang. Ketika itu di kota Basrah terdapat seorang pahlawan yang berjasa besar sejak zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan bernama al-Muhallab bin Abu Sufrah dan juga seorang pahlawan yang amat berjasa pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab iaitu al-Ahnaf bin Qais al-Kindi. Kedua-dua tokoh ini bukan penduduk asal kota Basrah, tetapi orang asing yang tinggal di kota Basrah. Ketua-ketua kaum di kota Basrah telah mendatangi al-Ahnaf bin Qais al-Kindi dan telah meminta kepadanya agar sudi menjadi pemimpin mereka memerangi kaum Khawarij Azariqah. Tetapi al-Ahnaf bin Qais al-Kindi tidak bersedia untuk menjadi pemimpin mereka. Sebailknya dia memberi cadangan agar penduduk kota Basrah melantik seorang pahlawan yang sangat perkasa, pintar tentang perang dan amat berpengalaman di dalam membuka tanah-tanah baru pada zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dahulu iaitu al-Muhallab bin Abu Sufrah. Maka kerana sangat dahaga kepada seorang pemimpin yang cekap dan berkebolehan di dalam peperangan, maka para pemimpin kota Basrah telah pergi mendapatkan al-Muhallab bin Abu Sufrah.

Al-Muhallab bin Abu Sufrah telah bersetuju menjadi pemimpin penduduk kota Basrah dan beliau dengan dibantu oleh al-Ahnaf bin Qais al-Kindi telah memimpin pasukan kota Basrah memerangi kaum Khawarij pimpinan Nafi' bin al-Azraq. Maka berlakulah pertempuran yang hebat di antara tentera Basrah

dengan kaum Khawarij Azariqah yang mana kaum Khawarij telah kalah dan Nafi' bin al-Azraq al-Hanafi telah terbunuh.

Kaum Khawarij Azariqah telah berundur ke daerah Karman tetapi terus dikejar oleh al-Muhallab bin Abu Sufrah dan al-Ahnaf bin Qais al-Kindi. Ketika dalam pergaduhan dengan kaum Khawarij Azariqah itu, tentera-tentera Khalifah Abdullah bin az-Zubair di bawah pimpinan Mus'ab bin az-Zubair sedang mara ke kota Kufah. Ketika itu kota Kufah sedang dikuasai oleh al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi.

Apabila al-Muhallab bin Abu Sufrah dan al-Ahnaf bin Qais al-Kindi melihat Mus'ab bin az-Zubair berjaya menguasai kota Kufah setelah menewaskan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, maka kedua-dua pahlawan itu telah masuk bergabung dengan Mus'ab bin az-Zubair. Lantas Mus'ab bin az-Zubair telah melantik al-Muhallab bin Abu Sufrah menjadi gabenor di al-Jazirah (Mesopotamia), dan melantik pula Umar bin Ubaidullah bin Ma'mar sebagai pemimpin pasukan untuk memerangi kaum Khawarij Azariqah.

Panglima Umar bin Ubaidullah telah berjaya mengalahkan kaum Khawarij Azariqah ini sehingga mereka sekali lagi telah berundur ke daerah Asfahan. Kemudian mereka berkumpul di suatu tempat bernama Sabur. Di situ kaum Khawarij Azariqah ini telah menyusun semula kekuatan mereka dan berusaha untuk membuat kekacauan. Ini menimbulkan ketakutan kepada penduduk di Sabur yang tidak menyukai prinsip perjuangan kaum Khawarij Azariqah yang keras dan kejam itu.

Untuk menghapuskan kaum Khawarij Azariqah di daerah Sabur itu, gabenor al-Jazirah al-Muhallab bin Abu Sufrah telah mengirim satu pasukan tentera di bawah pimpinan Panglima Qaid bin az-Zubair. Sekali lagi tentera Khawarij Azariqah telah kalah. Tetapi Panglima Qaid bin az-Zubair adalah seorang yang lembut dan tidak seperti Panglima Umar bin Ubaidullah yang tegas dan keras. Beliau membiarkan sahaja kaum Khawarij Azariqah yang sudah patah kuku tidak mahu melawan lagi itu. Sepeninggalan angkatan tentera Iraq pimpinan Panglima Qaid bin az-Zubair itu, maka kaum Khawarij Azariqah telah bangkit kembali dan bertindak ganas dengan melakukan kerosakan di daerah Sabur. Mereka membunuh kanak-kanak dan wanita-wanita serta memungut hasil kharaj di situ.

Gabenor al-Jazirah iaitu al-Muhallab bin Abu Sufrah sendiri telah memimpin pasukan tentera dan bertembunglah dengan tentera Khawarij Azariqah di daerah Sabur. Pemimpin Khawarij Azariqah ketika itu bernama Qatari bin Fuja'ah. Dalam masa al-Muhallab bin Abu Sufrah sedang berperang melawan kaum Khawarij di daerah Sabur itu, Khalifah Abdul Malik bin Marwan sendiri telah memimpin pasukan tentera kerajaan bani Umayyah menentang angkatan tentera kerajaan az-Zubairi pimpinan Mus'ab bin az-Zubair gabenor kota Kufah itu. Pertempuran meletus dengan hebatnya di mana angkatan tentera kerajaan

bani Umayyah yang dipimpin sendiri oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah berjaya mengalah dan membunuh Mus'ab bin az-Zubair. Baginda telah melantik al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi menjadi gabenor di Iraq. Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang cerdik tidak mahu bermusuh dengan pahlawan besar seperti al-Muhallab bin Abu Sufrah. Maka baginda telah memerintah kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi supaya membantu al-Muhallab bin Abu Sufrah yang sedang berjuang menentang kaum Khawarij Azariqah di daerah Sabur.

Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah mengirim bantuan ketenteraan dan makanan kepada al-Muhallab bin Abu Sufrah sehingga angkatan tentera yang dulunya adalah tentera kerajaan az-Zubairi kini telah bertukar menjadi angkatan tentera bani Umayyah yang dipimpin oleh Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah dan terus berjuang dengan gigih sekali melawan pasukan kaum Khawarij Azariqah yang dipimpin oleh Panglima Qatari bin Fuja'ah itu.

Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah terus berjuang dengan gigihnya memerangi Qatari bin Fuja'ah sehingga Qatari bin Fuja'ah terdesak dan pihak Khawarij Azariqah telah berundur ke daerah Kirman dan bertapak di kota Bijiraftan. Kota Bijiraftan ialah sebuah kota di wilayah Kirman yang paling besar dan paling masyhur. Qatari bin Fuja'ah dan para pengikutnya telah berusaha menyelamatkan diri ke negeri Tabaristan. Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah dan pasukannya terus mengejar kaum Khawarij Azariqah itu dan akhirnya berjaya menewaskan kaum yang kejam itu di mana pemimpin mereka yang sangat perkasa Qatari bin Fuja'ah turut terbunuh. Perjuangan al-Muhallab bin Abu Sufrah menentang Qatari bin Fuja'ah memakan masa selama 8 bulan baru berjaya. Peristiwa ini terjadi pada tahun 76 Hijrah/694 Masihi.

Setelah Qatari bin Fuja'ah terkorban di Tabaristan, maka lemahlah perjuangan kaum Khawarij aliran Azariqah ini.

Selain kaum Khawarij mazhab Azariqah, sebagaimana yang telah dinyatakan di atas masih ada satu lagi puak Khawarij yang lain mazhabnya digelar Khawarij Saffariyyah. Sebagaimana yang juga telah dinyatakan, bahawa kaum Khawarij mazhab Saffariyyah ini pada asalnya dipimpin oleh Abdullah bin Saffar as-Sa'adi. Tetapi pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, Abdullah bin Saffar as-Sa'adi sudah wafat dan pemimpin mereka telah diganti oleh seorang tokoh yang bernama Salih bin Maisarah dengan dibantu oleh timbalannya yang bernama Syabib bin Yazid. Mereka bertapak di kota Harran dalam negeri Iraq juga. Setelah al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi berjaya menghancurkan kaum Khawarij mazhab Azariqah yang sangat dahsyat membuat kekacauan dalam negara pada tahun 76 Hijrah/694 Masihi, maka beliau telah mengalihkan pula perhatian kepada kaum Khawarij Saffariyyah ini.

Sebenarnya kaum Khawarij aliran Saffariyyah tidaklah seganas kaum Khawarij aliran Azariqah. Tetapi kerajaan bani Umayyah bertekad untuk

menghapuskan semua musuh politik yang mengganggu pemerintahan mereka. Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah mengarahkan gabenor Iraq al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi supaya menghantar angkatan tentera yang besar untuk menghapuskan kaum Khawarij Saffariyyah ini. Maka tanpa berlengah lagi al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah membentuk sebuah angkatan tentera berjumlah seramai 100,000 orang yang terdiri daripada penduduk Iraq. Tetapi kaum Khawarij Saffariyyah yang jumlah mereka hanya belasan ribu orang sahaja telah berjaya menewaskan angkatan tentera kerajaan bani Umayyah yang jumlahnya begitu besar meskipun ketua mereka Salih bin Maisarah telah terbunuh di dalam pertempuran di kota Harran itu.

Tempat Salih bin Maisarah telah diambilalih oleh timbalannya Syabib bin Yazid at-Tamimi.

Ketika memegang pimpinan kaum Khawarij Saffariyyah pada tahun 76 Hijrah/694 Masihi, Syabib bin Yazid berusia 51 tahun kerana beliau dilahirkan pada tahun 25 Hijrah/646 Masihi. Ketika Sayidina Ali bin Abu Talib dilantik menjadi khalifah, Syabib bin Yazid baru berusia 10 tahun.

Ini bererti beliau tidak pernah terlibat bersama-sama tentera Khalifah Ali bin Abu Talib dan tak pernah menderhaka kepada Khalifah Ali bin Abu Talib.

Syabib bin Yazid adalah seorang yang berbadan tegap dan sangat perkasa. Ayahnya adalah salah seorang peneroka awal di Iraq pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab.

Setelah mengambil alih jawatan ketua kaum Khawarij aliran Safariyyah dari tangan Salih bin Maisarah yang terbunuh, Syabib bin Yazid telah memimpin pasukan tentera kaum Khawarij Saffariyyah dan melancarkan serangan ke atas tentera kerajaan bani Umayyah di Mausol, al-Jazirah dan memperolehi kejayaan.

Memang tentera Khawarij Saffariyyah pimpinan Syabib bin Yazid tidak sebesar angkatan tentera kerajaan bani Umayyah, tetapi mereka cekal dan berani. Tentera pimpinan Syabib bin Yazid pernah menawan kota Mada'in dan kota an-Nahrawan. Tentera Syabib bin Yazid berjumlah kira-kira 1,000 askar dengan 200 hingga 300 orang adalah kaum wanita. Penduduk kota Kufah amat bersimpati dengan perjuangan Syabib bin Yazid kerana mereka membenci campurtangan Khalifah Abdul Malik bin Marwan ke atas perihal penduduk di kota Kufah. Syabib bin Yazid berjaya memasuki kota Kufah sebanyak dua kali dan berjaya menewaskan tentera al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Tetapi kerana kekuatan kerajaan bani Umayyah yang sentiasa stabil yang mempunyai persedian-persediaan yang cukup, telah menyebabkan Syabib bin Yazid terpaksa membawa askar-askarnya berundur ke wilayah Kirman.

Syabib bin Yazid mengharapkan beliau dibantu oleh rakannya kaum Khawarij aliran Azariqah yang bertapak di Kirman di bawah pimpinan Qatari bin Fuja'ah at-Tamimi. Tetapi kerana berlainan mazhab, Qatari bin Fuja'ah tidak

mahu memberi bantuan kepada Syabib bin Yazid yang menyebabkan Syabib bin Yazid terpaksa berpatah balik semula ke Iraq. Ketika itu tentera Syabib bin Yazid berjumlah cuma 100 orang sahaja.

Setelah angkatan tentera kerajaan bani Umayyah tewas kepada tentera kaum Khawarij Saffariyyah di bawah pimpinan Salih bin Maisarah dalam peperangan di Harran, pihak Khalifah Abdul Malik bin Marwan tidak lagi bersedia untuk menghadapi kaum Khawarij Saffariyyah. Ini menyebabkan Syabib bin Yazid at-Tamimi telah melakukan kekacauan di serata tempat sehingga ke Mausol dan al-Jazirah serta memperolehi kejayaan.

Tetapi setelah berlalu masa dua tahun iaitu menjelang tahun 78 Hijrah/696 Masihi, al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang melihat tentera-tentera Iraq begitu lemah ketika berhadapan dengan tentera Khawarij Azariqah di Harran dahulu telah meminta keizinan daripada Khalifah Abdul Malik bin Marwan untuk membentuk angkatan tentera Syam pula bagi menghadapi kaum Khawarij Saffariyyah. Setelah mendapat izin daripada khalifah, maka al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terus menghantar angkatan tentera yang terdiri daripada penduduk negeri Syam yang berjumlah seramai 6,000 orang untuk menghadapi Syabib bin Yazid. Syabib bin Yazid yang ketika itu sudah berjaya menambah kekuatan tenteranya sehingga mencapai angkatan ribuan telah berjaya menghalang kemaraan angkatan tentera Syam sampai 30 kali. Tetapi tentera kerajaan bani Umayyah dari negeri Syam itu tetap berjaya mempertahankan diri dan akhirnya berjaya melemahkan perjuangan tentera kaum Khawarij Saffariyyah pimpinan Syabib bin Yazid itu dan mendesak mereka sehingga ke sungai Nuhair Dajil dan memaksa mereka melintasi jambatan di atas sungai itu. Ketika berada di atas jambatan itu, malang telah menimpa pemimpin kaum Khawarij itu apabila dengan tiba-tiba kaki kudanya telah tergelincir yang menyebabkan dia terjatuh ke dalam sungai dan mati lemas. Mana-mana tenteranya yang terselamat telah ditangkap dan dibunuh oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Ketika terbunuh itu usia Syabib bin Yazid ialah 53 tahun.

Demikianlah perjuangan kaum Khawarij pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan mala petaka yang telah menimpa mereka akibat daripada keganasan-keganasan yang mereka lakukan terhadap umat Islam yang tidak sealiran dengan mereka.

Pemberontakan Keempat Oleh Mutarrif Bin Mughirah Bin Syu'bah

Tokoh yang keempat yang bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan ialah Mutarrif bin al-Mughirah ath-Thaqafi.

Siapakah Mutarrif ath-Thaqafi?

Beliau adalah putera kepada al-Mughirah bin Syu'bah ath-Thaqafi. Al-Mughirah ayahnya adalah seorang sahabat Nabi yang terkemuka dan merupakan gabenor di kota Kufah pada zaman pemerintahan Khalifah Umar

bin al-Khattab dan zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Terkenal seorang yang sangat cerdik dan perkasa.

Al-Mughirah bin Syu'bah menjadi gabenor pada zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan selama lapan tahun bermula dari tahun 42 Hijrah/662 Masihi sampailah ke tahun 51 Hijrah/61 Masihi iaitu tahun wafatnya. Setelah itu tempatnya diganti oleh Ziyad bin Abihi dan seterusnya oleh Ubaidullah bin Ziyad bin Abihi.

Kenapakah al-Mutarrif bin al-Mughirah telah bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan? Apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan terhadap dirinya?

Kebangkitan Mutarrif bin al-Mughirah ath-Thaqafi memberontak terhadap kerajaan Khalifah Abdul Malik bin Marwan bermula pada tahun 77 Hijrah/696 Masihi iaitu setelah hancurnya pemberontakan kaum Khawarij Saffariyyah yang dipimpin oleh Syabib bin Yazid at-Tamimi. Mutarrif bin al-Mughirah bangkit memberontak adalah disebabkan oleh sikap tidak sukanya beliau kepada campurtangan orang-orang Syam dalam urusan penduduk di kota Kufah. Beliau juga dikatakan bercita-cita untuk melihat corak pemerintahan Khalifah Irrasyidin diwujudkan semula setelah ianya terhapus sejak zaman Mu'awiyah bin Abu Sufyan menjadi khalifah.

Perjuangan Mutarrif bin al-Mughirah ath-Thaqafi telah mendapat sokongan yang kuat dari penduduk di kota Kufah kerana perjuangan beliau pun untuk kepentingan orang-orang Kufah juga. Beliau telah memimpin pasukan tentera yang kuat yang terdiri daripada penduduk kota Kufah dan hampir-hampir menewaskan tentera kerajaan bani Umayyah yang dihantar untuk menghapuskannya yang terdiri daripada orang-orang Syam. Tetapi beliau akhirnya dapat dikalahkan oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi.

Sejak itu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi tidak lagi menyukai orang-orang Iraq. Kerana bimbang orang-orang Iraq akan terhasut dan bimbang akan bangkit kembali memberontak terhadap kerajaan, maka al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi tidak akan membiarkan kota Kufah tanpa diletakkan kawalan yang ketat dan dapat dipercayai. Beliau menempatkan tentera Syam buat sementara waktu di kota Kufah, dan beliau terus membina sebuah kota baru yang dinamakan kota Wasit. Kota Wasit dibina tepat di sempadan negeri antara negeri Iraq dan Syam. Sebab itu kota Wasit dinamakan Wasit (ertinya di tengah-tengah) kerana pembinaannya di tengah-tengah antara dua negeri itu. Kemudian al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah menempatkan orang-orang Syam di kota Wasit untuk berwaspada terhadap penduduk kota Kufah.

Dengan tewasnya Mutarrif bin al-Mughirah bin Syu'bah ath-Thaqafi, maka terhapuslah satu lagi pemberontakan yang mengganggu perjalanan pemerintahan kerajaan Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Pemberontakan Kelima Oleh Khalifah Abdullah Bin Az-Zubair

Dan pemberontakan yang kelima dan dikira pemberontakan yang paling kuat pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan ialah pemberontakan yang dicetuskan oleh Abdullah bin az-Zubair yang mengisytiharkan dirinya khalifah di kota Mekah. Abdullah bin az-Zubair mula membina kekuatan seterusnya kerajaan bani az-Zubairi pada tahun 62 Hijrah/682 Masihi setelah setahun Sayidina Husein cucunda Rasulullah s.a.w. dibunuh secara kejam di Padang Karbala' oleh tentera kerajaan bani Umayyah. Pemerintahan baginda berjalan selama sembilan tahun beribu kotakan kota Mekah al-Mukarramah.

Sejak didirikan pada tahun 62 Hijrah/682 Masihi sehinggalah perlantikan Marwan bin al-Hakkam sebagai Khalifah bani Umayyah yang keempat pada bulan Ramadhan tahun 65 Hijrah/684 Masihi, para sejarawan Islam menganggap Abdullah bin az-Zubair adalah khalifah atau pemerintahan Islam yang sah kerana mendapat baiat dari seluruh rakyat. Manakala Khalifah Marwan bin al-Hakkam dan kaum bani Umayyah adalah pemberontak, kerana hanya mendapat sokongan daripada penduduk sekitar kota Damsyik sahaja.

Tetapi setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam berjaya mengukuhkan semula kedudukannya di negeri Syam dengan menewaskan gabenor bagi pihak kerajaan bani az-Zubairi di kota Damsyik iaitu adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri, dan berjaya pula menawan negeri Mesir, maka ketika itu, kekuasaan umat Islam telah berpecah kepada dua golongan yang besar. Satu golongan umat Islam menyokong Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang berpusat di kota Mekah dan satu golongan lagi menyokong Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang berpusat di kota Damsyik. Dan setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam meninggal dunia, dan naik pula putera baginda Abdul Malik bin Marwan menjadi khalifah, kedudukan kerajaan bani Umayyah menjadi semakin teguh, manakala kedudukan kerajaan bani az-Zubairi semakin goyang.

Meskipun Mus'ab bin az-Zubair berjaya menguasai negeri Iraq setelah berjaya menumpaskan al-Mukhtar bin Abu Ubaid ath-Thaqafi, tetapi serangan tentera kerajaan bani Umayyah yang besar yang dipimpin oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan sendiri telah memusnahkan kerajaan bani az-Zubairi di negeri Iraq di bawah penguasaan Mus'ab bin az-Zubair. Mus'ab bin az-Zubair telah terbunuh dan kerajaan bani az-Zubairi di Iraq lumpuh.

Menjelang tahun 73 Hijrah/691 Masihi, setelah berjaya menguasai semula seluruh wilayah negara Islam kecuali Hijaz yang berada di bawah kekuasaan kerajaan bani az-Zubairi, Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah menghantar sebuah pasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang cukup hebat di bawah pimpinan gabenor Iraq iaitu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Khalifah Abdullah bin az-Zubair telah terbunuh di dalam peperangan ini. Mayat baginda disalib dan dibiarkan tanpa diurus sehinggalah datang ibunda baginda yang telah

sangat tua berusia 97 tahun dan buta pula kedua-dua belah matanya berkata kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi;

"Bila lagi si penunggang ini mahu diturunkan."

Setelah al-Hajjaj bin Yusuf mendengar kata-kata Asma' binti Abu Bakar as-Siddiq itu, maka dia terus memerintah supaya mayat Ibnuz Zubair diturunkan dan dikebumikan.

Pemberontakan Keenam Oleh Abdul Rahman Bin Muhammad bin Al-Asy'ath Bin Qais Al-Kindi

Kepada para peminat sejarah Islam, sudah tentu mereka kenal siapakah al-Asy'ath bin Qais al-Kindi, datuk kepada pemberontak ini. Al-Asy'ath bin Qais al-Kindi adalah seorang sahabat Nabi yang kemudian murtad pada saat-saat kewafatan baginda Rasulullah s.a.w. Tetapi telah kembali kepangkuan agama Islam setelah merasa lemah di dalam menghadapi serangan tentera Islam yang dilancarkan oleh Khalifah Abu Bakar as-Siddiq, dan menjadi seorang Islam yang baik keislamannya. Kemudian Khalifah Abu Bakar as-Siddiq mengahwinkan beliau dengan seorang saudara perempuan baginda. Dengan ini bererti al-Asy'ath bin Qais al-Kindi adalah ipar kepada Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Tetapi tidaklah dapat dipastikan apakah Abdul Rahman bin Muhammad bin al-Asy'ath ini cucu saudara Khalifah Abu Bakar as-Siddiq atau cucu dari isteri al-Asy'ath bin Qais yang lain. Beliau dikenali dengan sebutan Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi atau Ibnu al-Asya'ath sahaja.

Al-Asy'ath bin Qais al-Kindi adalah seorang ketua kaum suku Kindah yang berasal dari negeri Yaman dan merupakan seorang pahlawan yang sangat perkasa. Sifat-sifat kepahlawanannya telah menurun kepada cucunya Abdul Rahman ini. Ketika kerajaan berada di tangan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, baginda telah melantik al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi sebagai gabenor di kota Kufah. Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi adalah seorang yang kejam. Beliau sanggup melakukan pembunuhan ke atas sesiapa sahaja yang difikirkannya boleh menggugat kestabilan kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Ketika itu Abdul Rahman bin Muhammad bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi tinggal di kota Kufah dan menyaksikan pembunuhan para ulama' dan orang-orang salih oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Secara beransur-ansur rasa benci terhadap al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah menyerap masuk ke dalam hati Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi, seterusnya terpalit oleh rasa marah dan dendam kepada al-Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi yang zalim dan ganas itu. Tetapi Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi tidak mahu menderhakai kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Beliau melihat sahaja kekejaman yang dilakukan oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi khasnya di kota Kufah dengan hati yang sakit.

Khalifah Abdul Malik bin Marwan memberi kuasa penuh kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi untuk melakukan apa-apa kemajuan dan pertahanan di wilayah sebelah timur dari Hijaz ke negeri Farsi sampailah ke sempadan India. Terserahlah kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi selaku gabenor di wilayah itu untuk melaksanakan apa-apa projek atau perancangan di dalam wilayah kekuasaannya itu sesuka hatinya asalkan ianya mendatangkan kebaikan dan kekuatan kepada kerajaan bani Umayyah.

Pada zaman pemerintahan Khalifah bani Umayyah yang pertama iaitu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, negeri Kabul di Afghanistan telah dapat ditawan oleh tentera Islam. Tetapi Raja Kabul telah meminta perdamaian. Jadi Raja Kabul telah membayar jizyah sebanyak nilai yang ditetapkan setiap tahun kepada kerajaan Islam.

Tetapi setelah berlaku pergolakan di dalam negara Islam sejak kewafatan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah hinggalah ke tahun 73 Hijrah/691 Masihi, kerajaan Kabul telah menghentikan pembayaran jizyahnya kepada kerajaan bani Umayyah. Oleh sebab itu setelah Khalifah bani Umayyah yang kelima iaitu Khalifah Abdul Malik bin Marwan berjaya menstabilkan keadaan dalam negara, maka baginda telah memerintah kepada gabenor di wilayah timur iaitu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi supaya menyelesaikan persoalan Kabul yang menderhaka itu. Maka oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terus beliau melantik Ubaidullah bin Abu Bakrah menjawat jawatan gabenor di kota Sajistan yang berdekatan dengan negara Kabul itu. Maka Ubaidullah bin Abu Bakrah telah memimpin sebuah angkatan tentera Islam menyerang negeri Kabul, tetapi serangan itu telah dapat dipatahkan oleh Raja Kabul. Ubaidullah bin Abu Bakrah sendiri telah terbunuh dalam serangan itu.

Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi sangat marah apabila mendengar berita yang sangat malang itu. Maka tanpa berlengah lagi beliau yang merupakan Pengarah Besar bagi wilayah timur telah membentuk sebuah angkatan tentera Islam yang besar terdiri daripada para penduduk negeri Iraq yang berjumlah seramai 40,000 orang perajuritnya dan melantik Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi untuk memimpin pasukan itu.

Sebagai seorang pahlawan yang teliti dan berhati-hati, Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi tidak begitu pantas bergerak membawa pasukannya menyerang kerajaan Kabul itu. Kelambatan pergerakan Abdul Rahman bin al-Asy'ath memimpin pasukannya telah menimbulkan rasa tidak selesa kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terhadap Abdul Rahman. Ini sudah pasti akan melambatkan kemenangan di pihak Islam atau ketewasan di pihak Raja Kabul. Sedangkan Abdul Rahman bin al-Asy'ath mengambil pengajaran dari kekalahan tentera Ubaidullah bin Abu Bakrah dahulu. Tetapi sikap berhati-hati Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi telah dipandang serong oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi dengan menuduh Abdul Rahman bin al-Asy'ath sebagai seorang yang pengecut dan takut kepada kematian. Selaku seorang

pahlawan yang sebenarnya berani dan tidak suka dianggap penakut, maka Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi merasa sangat marah kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang sebelum ini pun memang dia sudah merasa benci terhadap sikap al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang zalim dan kejam suka menumpahkan darah orang-orang salih dan beriman itu.

Sebelum sampai ke destinasinya, Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi telah memutar kembali haluannya dan berpatah balik semula ke Iraq. Beliau tidak mahu menyerang Raja Kabul, sebaliknya dia mahu menghancurkan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terlebih dahulu. Kerana inilah peluangnya yang terbaik untuk menghapuskan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Beliau merancang sekiranya beliau tewas, beliau mahu lari berlindung ke negeri Kabul.

Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi telah berjaya menarik para penduduk Kirman, Rai dan al-Jibal untuk menyertainya. Ini menjadikan angkatan tentera yang dipimpinnya bertambah besar dan bertambah kekuatannya. Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi terus kembali semula ke negeri Iraq dan terus masuk ke kota Basrah dan kota Kufah dan menguatkan kedudukannya di sana. Apabila al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi mendengar Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi telah mara ke negeri Iraq dengan membawa pasukan tentera yang sebegitu besar, maka beliau terus meminta bantuan askar tambahan kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Khalifah Abdul Malik bin Marwan terus menghantar satu ketumbukan tentera yang besar kepada al-Hajjaj.

Angkatan tentera pimpinan Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi yang terdiri daripada campuran penduduk Iraq, Kirman, Raiddan al-Jibal itu telah bertemu dengan angkatan tentera al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang terdiri daripada orang-orang Syam di suatu tempat bernama Dair al-Jama Jin dekat dengan kota Basrah. Maka berlakulah pertempuran yang hebat yang mana ahli-ahli sejarah mengatakan pertempuran telah berlaku sebanyak lapan puluh kali dan kemaraan dan kemunduran saling silih berganti. Namun akhirnya pasukan yang dipimpin oleh Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi telah mengalami kekalahan, tetapi beliau tidak sempat untuk melarikan diri ke negeri Kabul, sebaliknya hanya mencari perlindungan dan bersembunyi di suatu tempat di utara kota Kufah itu sahaja. Tempat itu adalah jajahan takluk kerajaan Turki. Raja Turki ketika itu bernama Ratbil. Baginda telah sudi untuk memberi perlindungan atau suaka politik kepada Abdul Rahman bin al-Asy'ath al-Kindi.

Sebenarnya Khalifah Abdul Malik bin Marwan sangat sayang kepada Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais kerana beliau ini sangat setia kepada baginda. Cuma Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi tidak menyukai al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kerana perangai zalim dan sikap tidak berperikemanusiaannya. Khalifah Abdul Malik bin Marwan pula sebenarnya

tidak berapa menyukai al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Tetapi baginda sangat mengharapkan kebolehannya di dalam mententeram dan mengukuhkan kerajaan baginda yang baru pulih itu. Ternyata di dalam persengketaan di antara Abdul Rahman bin al-Asy'ath dengan al-Hajjaj bin Yusuf, Khalifah Abdul Malik bin Marwan lebih memihak kepada Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi.

Sebab itu ketika Abdul Rahman bin al-Asy'ath tewas di dalam perkelahian dengan al-Hajjaj bin Yusuf dan lari bersembunyi di sebuah desa di kawasan takluk kerajaan Turki itu, Khalifah Abdul Malik bin Marwan dengan segera telah menghantar salah seorang daripada putera baginda yang bernama Abdullah untuk memujuk Abdul Rahman bin al-Asy'ath untuk kembali taat kepada baginda.

Abdullah bin Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah membuat pengikraran kepada Abdul Rahman bin al-Asy'ath bahawa ayahanda beliau sanggup menyingkir al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi daripada jawatannya asalkan Abdul Rahman bin al-Asy'ath sanggup untuk kembali setia kepada kerajaan bani Umayyah. Raja Ratbil kemudian menyerahkan Abdul Rahman bin al-Asy'ath kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi atas kerelaannya. Tetapi ketika rombongan tentera Turki yang menghantar Abdul Rahman bin al-Asy'ath sampai di kota Rajh, mereka telah berehat di situ. Ketika itu fikiran Abdul Rahman bin al-Asy'ath telah berubah. Beliau tiba-tiba sahaja menyesal kerana menyerah diri kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan itu. Dengan tangannya yang diikat, beliau telah memperdaya pengawal yang mengawal beliau dan memberitahu kepada pengawalnya itu bahawa dia ingin melihat pemandangan yang indah dari atas bumbung sebuah bangunan yang terdapat di situ. Maka pengawal dirinya telah terpedaya pada kata-kata Abdul Rahman bin al-Asy'ath itu. Setelah kedua-duanya sudah berada di atas bumbung bangunan itu, maka Abdul Rahman bin al-Asya'ath sambil berpegang kemas kepada pengawal yang menjaganya, terus terjun dan jatuh ke bawah bersama-sama pengawal yang menjaganya itu. Maka matinya Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi bersama-sama pengawal yang menjaganya akibat jatuh dari tempat yang tinggi itu sebelum beliau sempat diserahkan kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi di Iraq.

Dengan tertangkap dan terbunuhnya Abdul Rahman bin al-Asy'ath bin Qais al-Kindi, maka amanlah wilayah timur dan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terus berusaha meluaskan lagi wilayah kerajaan bani Umayyah ke Khurasan, Sajistan dan Oman. Begitu sekali luas dan besarnya wilayah yang berada di bawah kekuasaan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Dikatakan hampir separuh negara Arab dan wilayah Islam ketika itu berada di bawah kekuasaan Singa bani Umayyah ini.

Inilah enam pemberontakan yang telah berlaku pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang telah mengganggu pentadbiran

baginda untuk memerintah negara dengan baik dan berkesan selama kira-kira lapan tahun, tetapi semuanya berjaya dipadamkan.

Usaha Mengembalikan Kawasan Yang Dirampas Musuh Pada Masa Huru-hara Dalam Negeri

Sebagaimana wilayah-wilayah di Semenanjung Arab seperti Hijaz, Iraq dan Farsi, wilayah-wilayah di negara Afrika Utara juga telah diperkosa oleh tentera asing iaitu kaum Barbar yang mendiami Afrika Utara. Ini juga terjadi pada saat-saat huru-hara sedang hebat melanda kerajaan bani Umayyah setelah Khalifah bani Umayyah yang kedua iaitu Khalifah Yazid bin Mu'awiyah wafat pada tahun 64 Hijrah/683 Masihi. Kaum Barbar telah menyerang wilayah Islam dan memerangi tentera Islam yang dipimpin oleh Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri pendiri kota Qairawan. Panglima Uqbah bin Nafi' al-Fihri ialah pahlawan yang memimpin tentera Islam yang pertama menakluk Afrika Utara pada tahun 50 Hijrah/670 Masihi iaitu pada zaman pemerintahan Khalifah bani Umayyah yang pertama Mu'awiyah bin Abu Sufyan.

Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah melancarkan serangan balas ke Afrika Utara pada tahun 69 Hijrah/688 Masihi setelah empat tahun baginda menjadi khalifah dan huru-hara dalam negara masih belum pulih sepenuhnya. Tetapi serangan tersebut gagal.

Maka sekali lagi Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah menghantar pasukan tentera Islam ke Afrika Utara yang dipimpin oleh Panglima Hisan bin an-Nu'man. Serangan ini telah memperolehi kejayaan yang gilang gemilang. Bandar Qairawan dan bandar Qartajnah berjaya dirampas kembali. Tentera Barbar dan Rom Timur dapat ditewaskan. Dengan itu dapatlah agama Islam disebarkan sehingga ke pantai-pantai Lautan Atlantik.

Tetapi tidak lama kemudian, para penduduk di situ yang terdiri daripada orang-orang Barbar telah berjaya merampas semula kota Qairawan dan kota Qartajnah. Tentera Islam telah berundur ke kota Barqah. Kaum Barbar telah melantik seorang perempuan menjadi raja mereka. Tetapi tidak lama kemudian iaitu pada tahun 79 Hijrah/698 Masihi iaitu setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan memerintah selama 14 tahun dan keadaan huru-hara dalam negeri sudah dapat dipadamkan atau dipulihkan iaitu setelah Khalifah Abdullah bin az-Zubair telah ditewas dan dibunuh pada tahun 73 Hijrah/691 Masihi, baginda telah mengirim satu pasukan tentera bantuan kepada Panglima Hisan bin an-Nu'man dan berjaya menewaskan kaum Barbar di dalam pertempuran yang hebat di kaki bukit Altas. Raja mereka yang merupakan seorang perempuan yang juga digelar 'al-kahinah' turut terbunuh.

Usaha Melebarkan Empayar Kerajaan Islam

Kita sudah tahu Khalifah bani Umayyah yang kelima Abdul Malik bin Marwan memerintah kerajaan bani Umayyah selama 21 tahun bermula dari tahun 65 Hijrah/684 Masihi sampailah ke tahun 86 Hijrah/705 Masihi. Dan selama lapan tahun dari tarikh baginda dilantik menjadi khalifah keadaan dalam negara penuh dengan huru-hara dan kekacauan dari angkara enam golongan yang melakukan pemberontakan. Setelah tahun 73 Hijrah/691 Masihi barulah baginda dapat menumpukan kepada usaha menjaga kebajikan rakyat dan peluasan jajahan takluk atau penyebaran agama Islam ke luar negara.

Di dalam usaha baginda mengawal dan memperluaskan empayar pemerintahan Islam daripada dicerobohi oleh pihak musuh, Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah mengambil tindakan awal ketika baginda mula-mula dilantik menjadi khalifah pada tahun 65 Hijrah/684 Masihi. Jurusan yang paling baginda ambil berat dengan mengawalnya secara ketat ialah dua jurusan sahaja iaitu di barat dan di timur.

Menjelang tahun 79 Hijrah/696 Masihi iaitu setelah berjaya membasmi pemberontakan kaum Khawarij di seluruh negara, dan setelah kira-kira 14 tahun baginda memerintah atau setelah enam tahun huru-hara dalam negeri telah dapat dipadamkan, dengan persetujuan baginda, al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang merupakan gabenor di negeri Iraq telah melantik Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah, pahlawan sejak zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sebagai gabenor bagi negeri Khurasan.

Al-Muhallab bin Abu Sufrah selaku gabenor negeri Khurasan dan juga panglima perang di bahagian timur telah menggerakkan angkatan tentera Islam pada tahun 80 Hijrah/699 Masihi mara ke kota Transoxania, Khajandah dan Ghazakasy dan berjaya dalam operasinya itu. Beliau menjadikan markas tenteranya di kota-kota itu. Dari situ Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah telah mengirim anak-anaknya untuk menggempur beberapa buah negeri di kawasan itu. Yazid dihantar untuk menggempur kota al-Khatl. Habib dihantar ke kota Rabinjan Quat di negara Bukhara. Manakala anak beliau yang bernama al-Mughirah ditugaskan di kota Merw. Jiwa al-Muhallab bin Abu Sufrah menjadi resah dan menderita apabila puteranya yang sangat beliau sayangi iaitu al-Mughirah meninggal dunia. Ketika itu al-Muhallab bin Abu Sufrah sedang bersiap-siap untuk menyerang kota Kisy di negeri Soghdiana. Kerana penderitaan dan kegundahan hatinya, Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah tidak yakin dapat menawan kota Kisy. Dengan sebab itu beliau memilih untuk membuat tawaran berdamai dengan pihak berkuasa di negeri itu. Setelah terjalin perdamaian di situ, maka Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah membawa angkatan tenteranya untuk menguasai kawasan-kawasan lain di dalam negara Bukhara. Tetapi beliau terbunuh di dalam operasi ketenteraannya di dalam negara Bukhara itu ketika melancarkan serangan ke atas kota Merw al-Ruz.

Tempat beliau diganti oleh anaknya yang bernama Yazid. Sekembalinya Yazid bin al-Muhallab ke negeri Khurasan, beliau telah memerangi negeri Khuwarizmi, tetapi beliau telah gagal untuk meneruskan operasi ke wilayah-wilayah atau neegri-negeri yang lain kerana beliau mendapati keadaan rakyat di negeri Khurasan yang terdiri daripada suku Qais dan suku Azd telah mula bergaduh. Dan Yazid telah gagal untuk menyelesaikan pertelingkahan tersebut. Yazid dipandang lemah oleh gabenor Iraq al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kerana kegagalannya mendamaikan pergaduhan itu. Pada tahun 85 Hijrah/704 Masihi, al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah memecat Yazid bin al-Muhallab daripada jawatan gabenor di negeri Khurasan dan menggantikan tempatnya dengan saudaranya yang bernama al-Mufadhdhal bin al-Muhallab bin Abu Sufrah.

Tetapi al-Mufadhdhal bin al-Muhallab juga tidak mampu mentadbir wilayah Khurasan dengan berkesan. Beliau dikatakan seorang pentadbir yang lemah apabila daerah Feh Yadghis telah memisahkan diri dari pemerintahan pusat. Setelah itu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi di atas keizinan dari Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah memecat pula al-Mufadhdhal bin al-Muhallab bin Abu Sufrah selaku gabenor negeri Khurasan setelah memerintah selama sembilan bulan sahaja. Tempatnya telah diganti dengan Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili, seorang dari suku Yahilah dari susrgalur kabilah Qais. Ini menyebabkan Panglima Qutaibah bin Muslim telah berjaya menguatkan kedudukannya dengan menarik kaum suku Qais agar mendokongnya. Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili sampai di negeri Khurasan pada tahun 85 Hijrah/704 Masihi iaitu setahun sebelum Khalifah Abdul Malik bin Marwan wafat.

Untuk mengawal bahagian barat, Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah menghantar perutusan ke kota Konstantinolple di Turki dan membuat perdamaian dengan Maharaja Rom Timur iaitu Juntinianus ll pada tahun 65 Hijrah/684 Masihi sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah.

Kerajaan Islam pada zaman Khalifah Abdul Malik bin Marwan juga telah menguasai negara Tukharistan dan menguasai sempadan dengan China dan jalan perdagangan di Asia pada tahun 70 hijrah/689 Masihi.

Jasa-Jasa

Adapun pembaharuan-pembaharuan dan jasa-jasa yang dibuat oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan selama masa permerintahan baginda selama dua puluh satu tahun selaku Khalifah bani Umayyah yang kelima terhadap rakyat dan negaranya adalah sebagaimana berikut:-

1. Menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa resmi negara dan bahasa perantaraan di dalam segala urusan tulis menulis dan surat menyurat kerajaan.

2. Mengadakan mata wang sendiri dengan cop mohor khalifah. Sebelum itu orang-orang Islam menggunakan mata wang Rom dan Farsi.
3. Mendirikan sebuah limbungan kapal di Tunisia untuk membina kapal-kapal bagi menguatkan angkatan tentera laut.
4. Mengadakan sebuah Mahkamah Khas untuk menjalankan pembicaraan terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang terlibat di dalam satu-satu kesalahan.
5. Memperbanyakkan perjalanan perkhidmatan pos dengan lebih teratur dan lebih sempurna. Perkhidmatan pos diperkenalkan sejak zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan lagi.
6. Mengadakan bangunan yang besar dan indah dalam negeri.

Demikianlah beberapa pembaharuan-pembaharuan dan jasa-jasa yang dibuat oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan kepada rakyat baginda selama baginda menjadi pemerintah kerajaan Islam yang memakan masa selama dua puluh satu tahun.

Wafat

Setelah memerintah selama dua puluh satu tahun, maka wafatlah Khalifah Abdul Malik bin Marwan pada tahun 86 Hijrah/705 Masihi ketika berusia 70 tahun. Sepatutnya tempat baginda diganti oleh saudara baginda iaitu Abdul Aziz bin Marwan. Tetapi oleh kerana Abdul Aziz bin Marwan wafat pada tahun 85 Hijrah/704 Masihi iaitu setahun sebelum baginda wafat. Oleh kerana baginda tahu jawatan Putera Mahkota telah kosong, maka baginda terus mengumumkan bahawa Putera Mahkota yang baru menggantikan tempat Abdul Aziz bin Marwan, kekanda baginda yang telah wafat ialah dua orang putera baginda iaitu pertama al-Walid dan kedua Sulaiman. Kemudian baginda menulis surat dan menghantar keseluruh wilayah memberitahu perkara ini. Seluruh rakyat menyatakan kesediaan mereka menerima penetapan itu kecuali seorang sahaja iaitu Ketua Fuqaha' Tujuh Madinah iaitu Imam Said bin al-Musaiyyab. Ini menyebabkan Imam Ibnul Musaiyyab dihukum dengan cara dipukul kemudian diarak kesekeliling kota Madinah. Namun ketua ulama' Madinah itu tetap bersabar menerima ujian yang berat itu.

Ini adalah tradisi yang baru bermula. Baginda mengikut apa yang dilakukan oleh ayahanda baginda Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang melantik dua orang Putera Mahkota iaitu pertama baginda sendiri dan kedua adinda baginda Abdul Aziz bin Marwan.

Jenazah baginda dimakamkan di kota Damsyik di samping makam ayahanda baginda Khalifah Marwan bin al-Hakkam.

Keluarga

Selama hidupnya Khalifah Abdul Malik bin Marwan dikatakan telah beristeri seramai lapan orang perempuan. Marilah kita lihat siapakah nama-nama isteri baginda yang lapan orang itu:-

Isteri pertama ialah Wiladah binti al-Abbas bin Jaz'a bin al-Harith. Wiladah dikenali dengan gelaran Ummu Walid al-Absiyyah kerana putera sulung beliau bernama al-Walid.

Isteri kedua ialah Atikah binti Yazid bin Mu'awiyah, puteri Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Atikah terkenal dengan gelaran Ummu Banin al-Umawiyyah.

Isteri ketiga ialah Aisyah binti Hisyam bin Ismail bin Hisyam bin al-Walid bin al-Mughirah. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Ummu Hisyam.

Isteri keempat ialah Hindun binti an-Nu'man bin Basir. An-Nu'man bin Basir ialah gabenor kota Kufah pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah.

Isteri kelima ialah Aisyah binti Musa bin Talhah bin Ubaidullah at-Taimiyyah iaitu cucunda kepada sahabat Nabi yang terkemuka Talhah bin Ubaidullah at-Taimi.

Isteri keenam ialah Ummu Ayub binti Amru bin Uthman bin Affan iaitu cucunda kepada Sayidina Uthman bin Affan.

Isteri baginda yang ketujuh ialah Ummul Mughirah binti al-Mughirah bin Khalid bin al-Ass bin Umayyah.

Manakala isteri baginda yang kelapan dan terakhir ialah Syaqra' binti Salamah. Syaqra' dikatakan dari keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib. Tetapi entah dari isteri beliau yang mana.

Sudah pasti Khalifah Abdul Malik bin Marwan berkahwin sampai lapan orang perempuan setelah baginda kematian isteri atau diceraikannya untuk diisi empat orang dalam satu masa.

Selain memiliki lapan orang isteri, Khalifah Abdul Malik bin Marwan juga ada memiliki beberapa orang jariah yang melahirkan beberapa orang putera dan puteri kepada baginda.

Hasil dari perkahwinan baginda daripada isteri yang ramai itu, Khalifah Abdul Malik dikurniakan oleh Allah SWT seramai 19 orang anak. Enam belas putera dan tiga puteri.

Marilah kita lihat anak-anak atau putera dan puteri Khalifah Abdul Malik bin Marwan satu persatu:-

Hasil perkahwinan baginda dengan isteri pertama iaitu Wiladah binti al-Abbas bin Jaz'a bin al-Harith, baginda dikurniakan empat orang anak, tiga putera dan seorang puteri. Mereka ialah al-Walid, Sulaiman, Marwan al-Akbar

dan Aisyah.

Hasil perkahwinan baginda dengan isteri kedua iaitu Atikah binti Yazid bin Mu'awiyah baginda dikurniakan seramai empat orang anak, tiga putera dan seorang puteri. Mereka ialah Yazid, Marwan al-Asghar, Mu'awiyah dan Ummu Kalthum.

Hasil perkahwinan baginda dengan isteri ketiga iaitu Aisyah binti Hisyam bin Ismail, baginda dikurniakan seorang putera iaitu Hisyam.

Hasil perkahwinan baginda dengan isteri keempat iaitu Hindun binti an-Nu'man bin Basir, baginda tidak dikurniakan seorang puterapun.

Hasil perkahwinan baginda dengan isteri kelima iaitu dengan Aisyah binti Musa bin Talhah bin Ubaidullah at-Taimiyyah, baginda dikurniakan seorang putera bernama Abu Bakar.

Hasil perkahwinan baginda dengan isteri keenam iaitu dengan Ummu Ayub binti Amru bin Uthman bin Affan, baginda dikurniakan seorang putera sahaja bernama al-Hakkam.

Hasil perkahwinan baginda dengan isteri ketujuh iaitu dengan Ummu Mughirah binti al-Mughirah bin Khalid bin al-Ass bin Umayyah, baginda dikurniakan seorang puteri sahaja bernama Fatimah. Beliaulah isteri kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Hasil perkahwinan baginda dengan isteri kelapan dan terakhir iaitu dengan Syaqra' binti Salamah, baginda tidak dikurniakan seorang anakpun.

Manakala putera-putera baginda iaitu Abdullah, Muslamah, Munzir, Anbasah, Muhammad, Said al-Khair dan al-Hajjaj lahir daripada para jariah baginda.

Demikianlah kisah tentang isteri-isteri dan anak-anak Khalifah Abdul Malik bin Marwan setakat maklumat yang diperolehi oleh penyusun.

Kelebihan Peribadi Khalifah Abdul Malik Bin Marwan

❖ Sangat Memuliakan Sahabat Nabi

Khalifah Abdul Malik bin Marwan adalah seorang pemerintah kerajaan bani Umayyah. Baginda telah berusaha dengan seluruh tenaganya untuk meneguhkan kerajaan bani Umayyah yang didirikan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, kemudian diteguhkan oleh ayahandanya Khalifah Marwan bin al-Hakkam setelah keadaan dalam negara hampir-hampir menumbangkan kerajaan bani Umayyah yang telah teguh pada zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu. Baginda dianggap pengukuh kerajaan bani Umayyah kerana semua api pemberontakan yang meletus pada zaman ayahandanya berjaya dipadam pada zaman pemerintahan baginda. Siapakah pahlawan yang berjasa kepada baginda? Dia adalah al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, seorang Arab Taif

suku Thaqif.

Kerana jasa-jasa yang sangat besar yang dilakukan oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kepada kerajaan baginda, maka Khalifah Abdul Malik bin Marwan sangat sayang kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Sehingga kerana sangat sayangnya Khalifah Abdul Malik bin Marwan kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, baginda telah melantik juga saudara al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi iaitu Muhammad bin Yusuf ath-Thaqafi sebagai gabenor di negeri Yaman. Tokoh ini seorang yang bengis dan kejam macam al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi juga.

Kerana merasa dirinya sangat disayangi oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan, maka al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah bertindak dengan sewenang-wenangnya termasuklah terhadap para sahabat Rasulullah s.a.w. Dia membunuh mana-mana sahabat Nabi yang dirasakan boleh mengancam kestabilan dalam negeri sehingga ramai para sahabat Nabi yang mati di tangannya.

Pada suatu hari al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah bersua dengan seorang sahabat Nabi yang berkhidmat kepada Rasulullah s.a.w. selama 10 tahun. Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi tidak menghormati langsung kepada sahabat Nabi yang sangat terhormat ini. Kerana dia tahu sahabat Nabi yang bernama Anas bin Malik ini pergi bersama-sama Khalifah Abdullah bin az-Zubair ketika Ibnuz Zubair berkuasa di Hijaz dahulu dan pernah bersama-sama Abdul Rahman bin al-Asya'ath bin Qais al-Kindi yang bangkit memberontak terhadap kerajaan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, maka al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi sangat benci kepada Anas bin Malik, khadam Rasulullah s.a.w. yang sangat disayangi oleh baginda.

Pada suatu hari, al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah bersua dengan Anas bin Malik. Maka oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terus dihinanya Anas bin Malik dengan menghalau Anas bin Malik agar menghindarkan diri daripada terus bersua dengannya, katanya kepada Anas bin Malik, "Wahai Anas! Pergi, pergi. Suatu masa engkau bersamaku, suatu masa engkau bersama Ibnuz Zubair dan suatu masa yang lain engkau bersama Ibnu al-Asya'ath pula."

Kemudian al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi menyambung kata-katanya lagi dalam bentuk ancaman pula yang menyebabkan Anas bin Malik yang sudah tua berusia lebih 70 tahun itu merasa tertekan dan takut. Kata-kata al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kepada Anas bin Malik itu berbunyi;

"Demi Allah! Aku akan mencincang engkau seperti engkau mencincang kambing dan aku akan menoreh kepala engkau seperti engkau menoreh batang pokok getah."

"Masya Allah, engkau akan berbuat seperti itu ke atas diriku?" jawab Anas bin Malik amat sedih dan terkejut. Selama dia hidup bersama-sama dengan

Rasulullah s.a.w., baginda tidak pernah bertanya, apa yang engkau lakukan atau kenapa ini tidak engkau lakukan. Tidak pula mengeluarkan kata-kata kurang enak didengar. Apatah lagi untuk berkata dalam bentuk ancaman seperti itu. Sedangkan beliau selama ini tidak pernah ikut memberontak terhadap kerajaan bani Umayyah, cuma dia berbaik-baik sahaja dengan semua pihak kerana dia tidak mahu berkelahi dengan sesama umat Islam. Lebih-lebih lagi beliau tidak mempunyai cita-cita politik sedikitpun di dalam hatinya.

"Ya, aku akan lakukan terhadap engkau," jawab al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terus mengancam.

"Inna lillahi wa inna ialihi rajiun. Seandainya aku tidak mempunyai anak-anak yang masih kecil, aku tidak peduli bagaimanakah caranya aku dibunuh," jawab Anas bin Malik dengan berani tetapi sedih.

Kemudian Anas bin Malik meninggalkan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi dan menulis surat kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan menceritakan tentang ancaman yang dibuat oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terhadap diri beliau. Setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan selesai membaca surat dari Anas bin Malik itu, maka marahlah dia terhadap al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang telah melakukan tindakan tidak sopan malah begitu tidak layak terhadap seorang sahabat Rasulullah s.a.w. lebih-lebih sahabat yang sangat lama berkhidmat dengan baginda. Baginda terus menulis dua pucuk surat yang satunya ditujukan kepada Anas bin Malik dan satu lagi ditujukan kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Pembawa surat itu bernama Ismail bin Ubaidullah.

"Pergi hantar dulu surat ini kepada Anas dan sampaikan salam saya kepadanya, beritahu dia bahawa aku juga telah menghantar sepucuk surat lain kepada al-Hajjaj yang terkutuk itu, yang sekiranya dia membaca pasti dia akan tunduk kepada engkau," ajar Khalifah Abdul Malik bin Marwan kepada Ismail bin Ubaidullah, utusan baginda itu.

Sebaik sahaja Anas bin Malik membaca surat Khalifah Abdul Malik bin Marwan kepadanya itu, maka dia merasa sangat gembira kerana mendapat pembelaan daripada seorang khalifah dan mendoakan kesihatan kepada baginda.

Kemudian Ismail bin Ubaidullah pergi pula kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi untuk memberi surat Khalifah Abdul Malik bin Marwan kepadanya itu.

"Marhaban orang yang ku cintai, aku suka berjumpa dengan engkau," kata al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi menyambut kedatangan sahabat baiknya yang telah lama ia tidak jumpa itu.

Ismail bin Ubaidullah menjawab, "Adapun aku, aku hanya suka berjumpa dengan engkau, tapi tidak pada berita yang aku bawa kepadamu ini."

Setelah al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi mendengar kata-kata Ismail bin Ubaidullah seperti itu, maka berubahlah airmukanya dan gementarlah seluruh

tulang dan sendi di dalam tubuhnya kerana merasa sahabat baiknya itu membawa berita yang tidak baik kepadanya itu.

"Berita apakah agaknya yang engkau bawakan untukku ini?" tanya al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kepada sahabatnya Ismail bin Ubaidullah.

"Amirul Mu'minin telah memecatmu dan sangat marah padamu, bahkan benar-benar marah padamu," beritahu Ismail bin Ubaidullah kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi.

Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terduduk dan melunjurkan kedua-dua belah kakinya ke hadapan kerana sangat takut dan terkejut. Kemudian Ismail bin Ubaidullah melempar surat Khalifah Abdul Malik bin Marwan ke muka al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi sambil berkata, "Hah, ambil surat Amirul Mu'minin ini untukmu."

Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terus membaca surat itu dan setelah ia selesai membacanya, ia berkata kepada Ismail bin Ubaidullah, "Marilah kita pergi sekarang juga kepada Abu Hamzah (Anas bin Malik). Aku akan minta maaf daripadanya dan minta kerelaannya."

"Jangan terburu-buru," nasihat Ismail bin Ubaidullah kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi.

"Bagaimana aku tidak terburu-buru, sedangkan berita yang datang kepadaku ini amat menakutkan," jawab al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terketar-ketar sambil menunjuk-nunjuk surat Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang dipegangnya kepada Ismail bin Ubaidullah.

Di antara isi kandungan surat Khalifah Abdul Malik bin Marwan kepada gabenor baginda al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi itu ialah baginda sangat marah kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kerana telah menyakiti sahabat Rasulullah s.a.w. dan orang yang pernah berkhidmat kepada baginda. Khalifah Abdul Malik bin Marwan juga telah mengugut al-Hajjaj dan menyuruhnya pergi segera meminta maaf kepada Anas bin Malik dengan merendah diri di bawah sepatunya. Kalau tidak baginda akan menghukumnya dengan hukuman yang pedih. Inilah yang membuatkan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi gegabah tak tentu fasal dan mahu pergi segera meminta maaf kepada sahabat Rasulullah s.a.w. yang mulia bahkan merupakan khadam baginda selama sepuluh tahun iaitu Sayidina Anas bin Malik al-Ansari.

(Rujuk Buku *1001 Senyum Kisah Lucu* ms 100)

Ini menunjukkan meskipun Khalifah Abdul Malik bin Marwan dikatakan memerintah dengan zalim kerana menggunakan khidmat seorang pahlawan yang gagah berani dan sangat zalim serta sangat suka menumpahkan darah umat Islam, tetapi baginda amat kasih dan sayang kepada sesiapa sahaja terutama sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang diketahuinya tidak pernah

mengancam pemerintahan baginda. Hanya kepada para penderhaka sahaja yang baginda akan ambil tindakan yang keras sehingga sampai ke peringkat membunuh mereka.

Beberapa Kisah Lucu

Itu memperkatakan tentang sifat-sifat kelebihan yang ada pada diri Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Adapun sifat-sifat baginda yang lain yang dikira bukan sifat yang baik ialah mulut baginda yang sentiasa terbuka atau ternganga. Ini terjadi ketika baginda asyik melihat sesuatu. Kalau setakat terbuka sahaja tak apa, ini berbau busuk pula. Diceritakan oleh ahli-ahli sejarah Islam, pada suatu hari Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah bersuka-sukaan dengan seorang jariah baginda yang bernama Lubabah di dalam sebuah taman di halaman istana. Baginda telah memakan sebiji epal, kemudian epal yang digigitnya sedikit itu dilempar pula kepada jariah baginda yang sangat cantik jelita itu. Memang Lubabah adalah seorang perempuan yang sangat cantik. Setelah Lubabah menyambut buah epal itu, lantas beliau bukan terus makan buah itu, sebaliknya dipotong tempat atau bekas gigitan tuannya itu dengan pisau dan terus dibuang. Baru dimakannya. Khalifah Abdul Malik bin Marwan memerhati perbuatan jariah baginda yang sangat baginda cintai itu. Melihat perbuatan jariah baginda yang tidak mahu menggigit tempat bekas gigitan gigi baginda itu, menjadikan hati Khalifah Abdul Malik bin Marwan sangat tersinggung. Sudah pasti, suami yang manakah yang tidak tersinggung, apabila seorang yang sangat dicintai seperti merasa jijik terhadap dirinya?

Khalifah Abdul Malik bin Marwan menegor jariah baginda itu, "Kenapakah engkau kerat-kerat epal itu?"

"Kerana mahu membuang kotoran-kotorannnya," jawab si jariah pula.

Tujuan Lubabah mengerat bekas gigitan tuannya itu kerana bau busuk yang melekat pada bahagian buah yang digigit oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan itu, itulah yang dikatakan kotoran-kotoran yang mahu dibuangnya, bukan sebenarnya kotoran biasa pada buah. Khalifah Abdul Malik bin Marwan sangat memahami perkara itu. Lantas baginda merasa sangat tersinggung dan berkata pula kepada Lubabah;

"Engkau menghinaku ya?"

"Tidak!" jawab Lubabah sepatah menolak tuduhan tuannya itu.

Kemudiannya berlakulah pertengkaran di antara tuan dengan jariah itu yang menyebabkan terjadi perpisahan di antara keduanya.

Apakah Khalifah Abdul Malik Bin Marwan Seorang Salih?

❖ Sememangnya Baginda Seorang Ulama' Besar

Tidak diragukan lagi bahawa Khalifah Abdul Malik bin Marwan adalah

seorang khalifah yang sangat alim di dalam bidang ilmu fekah. Ini sudah dicatit di dalam buku-buku sejarah ulama' di peringkat tabien. Sebagaimana yang dikatakan orang, "Ulama' fikah di Madinah ada empat orang iaitu Said bin al-Musaiyyab, Abdul Malik bin Marwan, Urwah bin az-Zubair dan Qabisah bin Zu'aib."

Seorang ulama' di peringkat tabiin yang terkemuka di masa itu bernama Amir bin Syurhabil yang lebih dikenali dengan nama Imam asy-Syu'bi menceritakan tentang kealiman dan keahlian Abdul Malik bin Marwan di dalam persoalan agama. Katanya, "Setiap kali aku berdebat dengan seseorang ternyata aku selalu mengatasi mereka, kecuali dengan Abdul Malik (bin Marwan). Setiap kali aku berdebat dengan dia mengenai satu-satu persoalan hadis atau syair, dia akan menambah pengetahuanku."

Abdullah bin Umar juga mengakui dalam hal ini, katanya, "Orang lain dilahirkan sebagai kanak-kanak, sedangkan Abdul Malik bin Marwan dilahirkan sebagai bapa."

Beliau juga hafal al-Qur'an. Mengikut riwayat Ibnu Saad bahawa penduduk kota Madinah berkata, "Abdul Malik menghafal (hadis-hadis) yang diterima daripada Uthman dan yang didengarnya daripada Abu Hurairah, Abu Said al-Khudri, Jabir bin Abdullah dan lain-lain daripada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. Tidak hairanlah beliau menjadi seorang yang alim di dalam bidang ilmu fekah dan asyik dengan ilmu. Sebagaimana juga beliau seorang sasterawan, tinggi ilmunya di dalam bidang kritikan syair dan perbezaan antara yang baik dengan yang buruknya. Beliau selalu mengadakan majlis-majlis muzakarah bersama para penyair dan sasterawan sebagaimana yang masyhur tercatit dalam kitab-kitab sastera dan sejarah seperti kitab al-Kamil karangan al-Mubarrad, dan kitab al-Amali karangan Abu Ali dan lain-lain lagi dari dewan-dewan (analoji-analoji) sastera."

Itu tentang kealiman Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Adapun soalan di sini ialah apakah Khalifah Abdul Malik bin Marwan adalah seorang khalifah yang salih dan takwa kepada Allah SWT?

Kita percaya meskipun Khalifah Abdul Malik bin Marwan tidak disebut-sebut sebagai seorang khalifah yang kuat beribadat, wara', salih dan takwa ***tetapi kita*** percaya baginda adalah seorang mu'min yang tidak pernah meninggalkan sembahyang secara berjemaah, tidak pernah meninggalkan ibadat puasa, sentiasa mengeluarkan zakat hartanya dan sentiasa mengerjakan ibadat haji apabila tiba masanya. Adapun tentang untuk dikatakan Khalifah Abdul Malik bin Marwan hidup salih sebagaimana para ulama' yang salih-salih, kita percaya baginda tidaklah mempraktikkan kehidupan yang sedemikian. Kenapa? Kerana apabila seseorang itu dilantik menjadi pemimpin negara, maka dia akan menghiaskan dirinya dengan sifat-sifat kekuatan yang layak untuk seseorang yang menjadi ketua negara. Kalaulah seseorang

pemimpin negara seorang yang asyik beribadat siang dan malam tanpa tidur macam kaum sufi, berpuasa setiap masa seperti para Wali, takut untuk bertindak tegas terhadap para pengacau keamanan negara, sentiasa diserang perasaan takut tidak dapat memberi keadilan dengan sebenar-benarnya kepada seluruh rakyat, sudah tentu dia tidak akan layak menjadi pemimpin negara.

Apatah pula semua tahu untuk menegak kerajaan baginda, Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah tidak segan-segan menggunakan seorang manusia yang tidak berhati perut di dalam melaksanakan kerjanya iaitu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi.

Setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan menggunakan tenaga manusia seperti al-Hajjaj bin Yusuf aht-Thaqafi di dalam usahanya menegak kekuasaannya, maka para ulama' yang salih-salih yang tidak suka terlibat di dalam politik telah mengutuk pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebagai kejam dan kerajaan penumpah darah manusia. Khalifah Abdul Malik bin Marwan melihat sahaja perbuatan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang secara sewenang-wenangnya bertindak menumpahkan darah manusia khasnya orang-orang salih, para ulama' besar, para Wali-Wali Allah bahkan sahabat-sahabat Nabi kerana untuk menegakkan kerajaannya juga. Jadi bagaimana seorang yang ingin menjadikan dirinya seorang manusia yang salih dan takwa dapat menduduki kerusi khalifah yang tidak dapat tidak untuk mendirikan kerajaan terpaksa mengalirkan darah manusia tanpa mengira siapa?

Namun untuk menjadi seorang manusia yang salih setakat melakukan ibadat fardhu dan sunat serta memberi bantuan kepada orang-orang yang memerlukannya tidaklah sukar. Seorang yang dilantik menjadi khalifah dengan bersungguh-sungguh mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan melakukan ibadat dan takut untuk menyelesaikan masalah dengan terpaksa mengalirkan darah yang merah, maka dia hanya dapat duduk di atas takhta hanya untuk sesaat sahaja, kemudian tersungkur ke bumi.

AL-WALID BIN ABDUL MALIK
(86-96 Hijrah / 705-714 Masihi)

Pengenalan

Al-Walid bin Abdul Malik adalah Khalifah bani Umayyah yang keenam. Baginda adalah merupakan Khalifah bani Umayyah yang teragung sebagaimana di kalangan Khalifah Irrasyidin, Khalifah Umar bin al-Khattab dan di kalangan bani Abbsiyyah Khalifah al-Makmun.

Khalifah al-Walid bin Abdul Malik memerintah selama sepuluh tahun sama lama dengan masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab iaitu bermula dari tahun 86 Hijrah/705 Masihi sampailah ke tahun 96 hijrah/714 Masihi. Baginda mewarisi kerajaan yang telah sangat teguh yang ditinggalkan oleh ayahanda baginda Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Khalifah Abdul Malik bin Marwan ketika menerima jawatan khalifah daripada ayahandanya Khalifah Marwan bin al-Hakkam, negara sedang berada di dalam keadaan yang amat parah kerana huru-hara yang dicetuskan oleh enam puak atau golongan pemberontak. Tetapi berkat kebijaksanaan, kegigihan, ketabahan dan keperkasaan ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan, serta bantuan dari al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, seorang pahlawan yang sangat perkasa, huru-hara dalam negara satu persatu dapat dipadamkan sehingga negara menjadi teguh dan aman.

Pada zaman pemerintahan baginda ini telah lahir ramai pahlawan-pahlawan besar yang kalau tidak menyamai keperwiraan Khalid bin al-Walid dan Amru bin al-Ass pada zaman Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dan Khalifah Umar bin al-Khattab keperwiraan mereka hampir menyamai tokoh seperti al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi di Iraq, Musa bin Nusair dan Tariq bin Ziyad di Afrika dan Sepanyol, Muhammad bin Qasim dan Qutaibah bin Muslim di Khurasan dan India serta sempadan China dan Muslamah bin Abdul Malik di Asia Kecil, sehingga melancarkan perjalanan penaklukan dan penyebaran agama Islam oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik ke pelosok negara yang belum sampai ajaran agama Islam atau yang belum diperkenalkan ajaran agama Islam kepada penduduknya.

Pada masa bagindalah terbukanya jajahan Islam di barat sampai ke

sempadan negara Perancis, di timur sampai ke negara India sehingga ke perbatasan negara China.

Semuanya berkat keamanan di dalam negara dan kemunculan pahlawan-pahlawan terbilang yang telah berusaha meneroka bumi baru untuk menyebarkan agama Islam keseluruh dunia kerana mereka mencari keredhaan Allah SWT, bukan nama atau kedudukan.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah al-Walid bin Abdul Malik dilahirkan di kota Madinah pada tahun 50 Hijrah/670 Masihi. Ketika itu kerajaan Islam sedang berada di dalam genggaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, khalifah pertama dari dinasti bani Umayyah. Ayahandanya Abdul Malik bin Marwan ketika itu berusia 24 tahun dan merupakan seorang ulama' fekah yang terbilang di kota Madinah setaraf dengan para ulama' fekah terkemuka yang lain seperti Imam Said bin al-Musaiyyab, Imam Urwah bin az-Zubair dan lain-lain. Al-Walid bin Abdul Malik membesar di bawah didikan ayahanda dan bondanya dengan memberi didikan agama yang kuat dan didikan akhlak yang terpuji kepadanya.

Sebab itu al-Walid bin Abdul Malik membesar sebagai seorang pemuda yang kuat beribadat, wara' dan berakhlak mulia. Baginda juga adalah seorang yang berhati mulia, berpengasihan belas kepada sesama manusia terutama kepada orang-orang miskin dan yang lemah.

Tetapi disebabkan sangat sayang kepada al-Walid, ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan tidak dapat berenggang dengannya sehingga beliau tidak dididik dengan ilmu kefasihan. Beliau dididik di dalam istana, sedangkan untuk mendapat kefasihan, perlu dihantar ke desa-desa badwi seperti yang telah dialami oleh Rasulullah s.a.w. dan Imam asy-Syafie. Hal ini disedari oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan setelah putera baginda al-Walid ini dewasa. Tetapi sesal kemudian tidak berguna.

Biarpun nasi sudah menjadi bubur, tetapi Khalifah Abdul Malik bin Marwan tetap membakar semangat kepada putera baginda al-Walid yang bakal menaiki takhta khalifah dengan kata-kata amaran baginda kepada al-Walid, "Yang dapat memimpin bangsa Arab hanyalah orang yang baik bahasanya."

Dengan kata amaran ini telah menyebabkan al-Walid menghimpun para ulama' ahli bahasa Arab atau ulama' nahu dan beliau duduk bertekun belajar tatabahasa Arab yang fasih sehingga mencapai sekadar yang diharapkan.

Salasilah keturunan Khalifah al-Walid selengkapnya ialah al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan bin al-Hakkam bin Abul Ass bin Umayyah. Manakala salasilah dari pihak ibundanya ialah al-Walid bin Walladah binti al-Abbas bin Jaz'a bin al-Harith. Saudara-saudara Khalifah al-Walid yang lain yang seibu sebapa dengan baginda ialah Sulaiman, Marwan al-Akbar dan Aisyah.

Dilantik Menjadi Khalifah

Sebagaimana ayahandanya yang terlebih dahulu dilantik sebagai Putera Mahkota sebelum dilantik menjadi khalifah, begitu juga dengan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik. Ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah melantik dua orang putera baginda sebagai Putera Mahkota iaitu pertama al-Walid dan kedua Sulaiman. Setelah ayahandanya wafat pada tahun 86 Hijrah/705 Masihi ketika berusia 60 tahun, maka al-Walid bin Abdul Malik terus dilantik menjadi Khalifah bani Umayyah yang keenam sebagai Amirul Mu'minin al-Walid bin Abdul Malik. Ketika itu usia al-Walid bin Abdul Malik baru 34 tahun. Masih muda lagi.

Para Pembantu Yang Bijak Dan Perkasa

Sebagaimana yang telah disebutkan ketika baginda mengambilalih kerajaan daripada ayahandanya, keadaan dalam negara sudah aman damai. Semua pemberontakan yang meletus sudah habis dipadamkan. Bahkan pada akhir-akhir pemerintahan ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan, baginda sudah mula memberi penumpuan kepada usaha menyebar agama Islam ke dunia luar yang belum diperkenalkan ajaran agama Islam kepada mereka. Tetapi belum sempat pergi jauh, Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah wafat.

Jadi tugas mengembang dan menyebar agama Islam dan meluaskan tanah jajahan diteruskan oleh putera baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik ini.

Ketika Khalifah Abdul Malik bin Marwan menjadi khalifah, baginda dibantu oleh seorang pembantu yang sangat kuat dan perkasa bernama al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, seorang dari suku Thaqif di Taif. Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafilah yang telah menegakkan kerajaan Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang pada mulanya sangatlah lemah dan bergoyang menjadi sebuah kerajaan yang sedemikian kukuh, kuat dan teguh.

Setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan wafat, baginda telah meninggalkan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kepada anakandanya Khalifah al-Walid bin Abdul Malik untuk membantu memerintah negara. Kerana sangat takut kepada corak pemerintahan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang kejam dan tegas, maka seluruh rakyat di bumi Islam tidak lagi berani untuk bangkit memberontak terhadap kerajaan pemerintahan Khalifah al-Walid. Inilah punca terbesar kenapa Khalifah al-Walid bin Abdul Malik dapat melakukan usaha-usaha peluasan tanah jajahan dan penyebaran agama Islam di timur dan di barat dengan sangat berjaya, pesat dan sungguh mengagumkan.

Penyebaran Agama Islam Dan Peluasan Wilayah Islam

Apabila ahli-ahli sejarah Islam membicarakan tentang pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, mereka memfokaskan kepada usaha-usaha penaklukan dan penyebaran agama Islam ke negara-negara yang belum pernah

diperkenalkan agama Islam kepada mereka. Sebagaimana yang dilakukan pada masa pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dahulu yang memfokaskan arah penyebaran agama Islam ke utara, timur dan barat, begitu juga yang dilakukan oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik. Tetapi arahnya lebih jauh lagi. Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, usaha-usaha penaklukan negara dan penyebaran agama Islam telah dilakukan di bahagian utara iaitu ke Asia Kecil termasuklah negara Turki yang menjadi pusat pemerintahan kerajaan Rom Timur atau Byzentium. Ke timur iaitu ke India dan Cina, dan ke barat ke Sepanyol dan Perancis (sempat setakat bahagian selatan sahaja). Sekarang marilah kita melihat kepada usaha-usaha penaklukan negara-negara dan penyebaran agama Islam yang dilakukan oleh para pahlawan Islam pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik ini:-

Ke Belahan Utara

❖ Menakluk Asia Kecil

Yang dimaksudkan dengan usaha-usaha penaklukan serta penyebaran agama Islam di sebelah utara ialah ke Asia Kecil. Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mendapati ketika baginda mula dilantik menjadi khalifah wilayah Asia Kecil masih belum ditakluk. Maka ianya perlu ditakluk segera. Ketika itu Asia Kecil berada di bawah pemerintahan kerajaan Rom Timur atau Byzentium yang berpusat di kota Constantinople, Turki.

Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik (86 hijrah/705 Masihi - 96 hijrah/714 Masihi), kerajaan Rom Timur yang berpusat di Kota Constantinople mengalami zaman kemerosotan dan perpecahan yang dahsyat. Maharaja mereka ketika itu iaitu Kaiser Justinianus ll. Pada suatu ketika telah berlaku cubaan merampas kuasa oleh pihak musuh kerajaan Rom Timur entah oleh kerabat di raja sendiri atau oleh musuh-musuh yang lain yang menyebabkan rakyat Rom Timur khususnya yang tinggal di kota Constantinople dan kawasan-kawasan sekitarnya mengalami trauma yang dahsyat. Mereka amat bimbang negara mereka akan diserang dari berbagai-bagai arah oleh musuh mereka. Kini mereka tahu kerajaan Islam bani Umayyah telah kembali pulih sepenuhnya setelah pemberontakan di dalam negeri terutama oleh Abdullah bin az-Zubair yang mengaku menjadi khalifah atau kerajaan az-Zubairi telah berakhir. Kaiser Justinianus ll berusaha mententeramkan hati rakyatnya dengan menjelaskan kepada mereka bahawa kerajaan Rom Timur tidak pernah lemah. Masih kuat dan boleh mempertahankan diri daripada semua serangan musuh termasuklah serangan tentera Islam tidak seperti yang telah terjadi pada masa-masa yang lepas, mereka sering kalah. Kini mereka sudah benar-benar kuat. Padahal Kaiser Justinianus ll pun tahu kekuatan kerajaan Rom Timur pada zaman pemerintahan baginda tidaklah sekuat pada zaman pemerintahan datuk

baginda Kaiser Herculis.

Untuk meyakinkan rakyat baginda bahawa kerajaan Rom Timur masih kuat, maka Kaiser Justinianus ll telah membentuk sebuah angkatan tentera yang besar dan berura-ura untuk menyerang sempadan kerajaan Islam di belahan utara atau di bahagian Laut Medditerinnean. Berita ini dengan cepat sampai ke telinga Khalifah al-Walid bin Abdul Malik di kota Damsyik. Sudah pasti baginda tidak sekali-kali mahu melihat pihak tentera Rom Timur melancarkan serangan terlebih dahulu ke atas negara Islam. Tanpa berlengah lagi baginda terus menghantar sebuah pasukan tentera yang besar di bawah pimpinan saudara baginda sendiri iaitu Panglima Muslamah bin Abdul Malik dengan dibantu oleh al-Abbas putera sulung baginda. Peristiwa ini terjadi pada tahun 90 Hijrah/709 Masihi. Ketika itu Khalifah al-Walid bin Abdul Malik sudah memerintah selama empat tahun.

Setelah Kaiser Justinianus ll mendengar angkatan tentera Islam yang besar telah mara untuk menyerang negara atau wilayah mereka, maka baginda terus mempersiapkan diri bukan menyerang kerajaan Islam kerana sebenarnya tentera Rom Timur tidak berani untuk menghadapi angkatan tentera Islam. Namun di pihak pasukan tentera Islam yang selamanya kuat dengan impian untuk mati syahid atau mendapat kemenangan di medan terus mara ke Asia Kecil. Panglima Muslamah bin Abdul Malik menyerang benteng Tarsus, benteng Herculis, benteng Ummuriyyah dan Sabastiyyah semua telah berjaya ditawan.

Kemudian Panglima Muslamah bin Abdul Malik terus memimpin angkatan tenteranya mara ke selat Bosphorous dan di sini telah bertembung dengan angkatan tentera Rom Timur dan terjadi pertempuran yang hebat. Tentera Rom Timur tewas dan Kaiser Justinianus ll telah berjaya ditangkap dan dibunuh pada tahun 92 hijrah/711 Masihi. Dengan tewasnya tentera Rom Timur di medan selat Bosphorous dan terbunuhnya Kaiser Justinianus ll, maka musnahlah kerajaan Rom Timur keturunan Kaiser Herculis yang berkuasa memerintah kerajaan Rom Timur Byzentium selama kira-kira satu abad.

Dengan itu tidak ada lagi ancaman musuh khususnya kerajaan Rom Timur di belahan utara ke atas negara Islam.

Penyebaran Di Belahan Timur

❖ Menakluk Kerajaan Sind Dan Mara Ke Sempadan Negara China

Pihak yang bertanggungjawab memperluaskan wilayah kerajaan Islam dan penyebaran agama Islam di sebelah timur pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik ialah gabenor di Iraq iaitu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi dengan menggunakan tenaga dua orang pahlawan perkasa iaitu Panglima Muhammad bin al-Qasim yang merupakan anak saudara dan menantu beliau yang masih muda berusia baru 17 tahun dan Panglima

Qutaibah bin Muslim al-Bahili yang merupakan gabenor di negeri Khurasan yang berpusat di kota Merw yang menggantikan tempat Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah yang terkorban syahid ketika melancarkan serangan ke atas negeri Bukhara.

Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mahu peluasan wilayah Islam dilakukan semula setelah sekian lama terbantut akibat huru-hara dalam negeri sejak zaman pemerintahan datuk baginda Khalifah Marwan bin al-Hakkam pada tahun 64 Hijrah/683 Masihi hingga 65 hijrah/684 Masihi sampailah ke tahun 73 Hijrah/692 Masihi pada masa pemerintahan ayahanda baginda Khalifah Abdul Malik bin Marwan iaitu selama sembilan tahun.

Baginda mengeluarkan arahan kepada gabenor di negeri Iraq iaitu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi supaya melancarkan serangan ke wilayah bahagian timur negara Khurasan hinggalah ke negara India dan seterusnya kawasan-kawasan yang belum sampai agama Islam kepada mereka khususnya di negeri-negeri yang terletak di utara sungai Sihun atau dikenali dengan istilah negeri-negeri seberang sungai.

Memang pada akhir pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan, iaitu sekitar tahun 85 Hijrah/704 Masihi, gabenor di negara Khurasan ialah Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili yang menggantikan tempat Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah yang telah dipecat oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan kemudian terbunuh di dalam serangan ke atas negeri Bukhara. Sebaik sahaja baginda naik menjadi khalifah pada tahun 86 Hijrah/705 Masihi, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik tidak mengeluarkan apa-apa arahan kepada gabenor Iraq al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi supaya melakukan pergerakan ketenteraan di timur, tetapi menjelang tahun 92 Hijrah/711 Masihi, iaitu setelah kira-kira enam tahun baginda menduduki kerusi khalifah, barulah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mengeluarkan perintah kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi supaya menggerakkan angkatan tentera Islam mara ke negara-negara yang bersempadan dengan benua kecil India yang masih belum diperkenalkan agama Islam kepada mereka. Punca besarnya apabila baginda mendapat khabar bahawa kapal-kapal perdagangan orang-orang Islam yang berdagang di perairan India telah dirompak oleh orang-orang India tanpa dipedulikan oleh pemerintah India terutama Raja negeri Sind yang menguasai perairan itu.

Maka tanpa berlengah lagi menjelang tahun 87 Hijrah/706 Masihi al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi terus membentuk sebuah pasukan tentera Islam yang berjumlah seramai 6,000 orang terus di hantar ke India untuk menakluk negara Sind untuk menggantikan kerajaan Sind yang di bawah pemerintahan rajanya yang bernama Raja Dahar. Memang Raja Dahar seperti suka umat Islam yang berdagang di perairan negara India dirompak oleh lanun-lanun India kerana Raja Dahar juga memusuhi agama dan umat Islam.

Pasukan itu dipimpin oleh Panglima Muhammad bin al-Qasim anak saudara dan juga menantu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang masih remaja berusia 17 tahun seperti yang telah disebutkan.

Angkatan tentera Islam itu mara ke timur dengan melakukan penaklukan pertama ke atas kota Makran dengan menyusuri Teluk Farsi.

Ketika itu di benua kecil India, suku Sudra yang dipandang hina terus tertindas kerana hidup di India berdasarkan kasta. Ketika Panglima Muhammad bin al-Qasim mara masuk ke negeri Sind, para penduduk dari golongan Med dan Jat yang mereka adalah merupakan suku Sudra telah menyambut kedatangan pasukan tentera Islam itu. Pada tahun 93 Hijrah/711 Masihi, tentera Islam mula mara dan masuk ke pelabuhan Debal (Dybul) di mana terjadi pertempuran yang ringan sahaja. Kemudian angkatan tentera Islam mara lagi memasuki wilayah Sind (Indus) di mana terjadi pertempuran yang hebat dengan angkatan tentera Sind yang di pimpin oleh Raja Dahar sendiri. Dalam peperangan itu tentera Sind telah tewas dan Raja Dahar telah terbunuh. Kemudian Panglima Muhammad bin al-Qasim mara lagi membawa askarnya sehingga memasuki kota Multan. Di situ tentera Islam telah berhadapan dengan musim kemarau yang hebat sehingga unta-unta dan kuda-kuda terpaksa disembelih untuk dijadikan makanan. Seterusnya tentera Islam telah berhadapan pula dengan satu angkatan tentera India yang besar yang dipimpin oleh Panglima Kurtuges disebuah kota bernama kota Darkish. Di situ terjadi satu peperangan yang hebat antara tentera Islam dengan tentera India. Tentera India telah mengalami kekalahan yang teruk. Panglima Kurtuges telah terbunuh dan pihak Islam telah mendapat harta ghanimah yang sangat banyak. Dalam perjalanan masuk ke wilayah-wilayah India itu, Panglima Muhammad bin al-Qasim telah mendirikan masjid dan pusat-pusat tentera. Disebabkan kejayaan yang besar itu, maka al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah melantik Panglima Muhammad bin al-Qasim menjadi gabenor bagi wilayah-wilayah Islam di India yang berpusat di negeri Sind.

Kembali pula kita membicarakan kedudukan ketenteraan yang dipimpin oleh Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili yang merupakan gabenor di negara Khurasan sejak tahun 85 Hijrah/704 Masihi lagi.

Setelah Panglima Muhammad bin al-Qasim berjaya menawan negeri Sind dan sebahagian kecil daripada benua kecil India dan dilantik menjadi gabenor negara Sind, maka al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi telah mengeluarkan arahan kepada Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili pula agar membawa angkatan tentera Islam mara ke belahan utara negara Khurasan. Matlamatnya ialah negeri-negeri di seberang sungai Sihun atau Asia Tengah. Untuk makluman para pembaca yang budiman, usaha-usaha untuk menakluk Asia Tengah telah dibuat sebelumnya, tetapi telah mengalami kegagalan disebabkan tiada perpaduan orang-orang Islam ketika itu dan ditambah pula pada masa itu huru-hara sedang melanda di pusat pemerintahan Islam pada zaman

pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Jadi pada tahun 94 hijrah/712 Masihi iaitu setelah setahun negara Sind dan sebahagian kecil wilayah barat benua India ditakluk oleh Panglima Muhammad bin Qasim, barulah Panglima Qutaibah bin Muslim bergerak ke utara untuk menakluk Asia Tengah.

Maka bergeraklah Panglima Qutaibah bin Muslim memimpin angkatan tentera Islam mara ke bahagian barat daya benua India dan telah berjaya menawan negara Tukharistan (ibu kotanya Balkh), as-Sughd (ibu kotanya Samarkard), Bukhara, al-Khuwarizm (ibu kotanya Aral), Tasyket di selatan Rusia, Turkistan dan akhirnya beliau mara sehingga ke bandar Kasyghar yang terletak bersempadan dengan negara China dan di bawah kekuasaan kerajaan China. Maharaja China pada masa itu ialah Hsuan Tsung yang memerintah Dinasti T'ang mulai tahun 94 hijrah/712 Masihi - 137 Hijrah/755 Masihi).

Dari wilayah Kasyghar, Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili tidak terus masuk ke negara China, sebaliknya beliau telah menghantar utusan untuk mengadap Maharaja China pemerintah Dinasti T'ang itu.

Seramai enam orang utusan telah dihantar untuk mengadap Maharaja China diketuai oleh seorang pahlawan yang bernama Hubairah bin al-Musyamrij al-Kalbi. Panglima Hubairah bin al-Musyamrij al-Kalbi telah membuat tiga tawaran yang biasa dibuat oleh pihak tentera Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi apabila berhadapan dengan tentera kafir iaitu mengajak memeluk Islam atau membayar jizyah atau berperang kalau tidak mahu juga. Tetapi Maharaja Hsuan Tsung menjawab kepada utusan pihak Islam dengan nada mengancam dan menghina tentera Islam;

"Kembalilah kamu kepada ketua kamu, dan katakanlah kepadanya; Beredarlah kita dari sini. Aku sememangnya mengetahui betapa tamaknya sedangkan bilangan orang-orangnya sangatlah sedikit."

Lantas Panglima Hubairah bin al-Musyamrij al-Kalbi menjawab pula dengan tegas, "Bagaimanakah kamu patut mengatakan; orangnya sedikit, sedangkan kudanya yang pertama berada di negara kamu, manakala (kuda) yang terakhir berada di tempat tumbuhnya pokok-pokok zaitun? (di negara Arab). Bagaimana patut kamu mengatakan dia seorang yang tamak, sedangkan dia membelakangkan kenikmatan dunia dalam keadaan dia benar-benar mampu untuk mendapatkannya dan datang untuk memerangi kamu? Tentang kata-kata kamu yang mengugut untuk membinasakan kami, maka sesungguhnya kami orang-orang Islam menyakini bahawa setiap kami telah ditetapkan ajal masing-masing dan bila ianya telah sampai, maka semulia-mulia cara mati kami ialah di dalam peperangan. Kami bukanlah kaum yang membenci atau takutkannya (mati)."

Setelah Maharaja Hsuan Tsung mendengar perjelasan dari Panglima Hubairah bin al-Musyamrij al-Kalbi itu, maka baginda bertanya pula kepada utusan pihak Islam itu, "Apakah yang dapat memuaskan hati ketua kamu itu?"

Panglima Hubairah bin al-Musyamrij al-Kalbi menjawab, "Ketua kami itu telah bersumpah bahawa dia tidak akan beredar dari sini sehingga dia berjaya memijak kakinya di atas bumi kamu, dan mengecop badan raja-raja kamu (sebagai tanda kamu telah dikuasainya), serta membayar jizyah kepadanya (untuk pemerintahan Islam)."

Maharaja China Hsuan Tsung menjawab pula, "Kalau begitu biarlah kami membebaskan dia dari sumpahnya itu. Kami akan menghantar kepadanya setalam tanah dari bumi kami agar dipijaknya, dan kami akan hantar beberapa orang putera-putera kami agar dicopnya (badan) mereka, kemudian kami akan menyempurnakan bayaran jizyah menurut kadar yang dipersetujui."

Setelah itu tanpa berlengah Maharaja Hsuan Tsung memerintah supaya diisi tanah ke dalam beberapa buah talam, disediakan kain sutera dan emas serta empat orang anak-anak raja, dan baginda memerintahkan rombongan itu supaya pergi mengadap Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili bersama-sama utusan tentera Islam.

Panglima Qutaibah bin Muslim telah menerima jizyah itu dan mengecop badan empat orang putera raja-raja China itu dan meletakkan telapak kakinya ke atas tanah di dalam talam. Setelah itu beliau memimpin angkatan tentera Islam pulang semua ke kota Merw, ibu negeri Khurasan.

Sejak itu para pedagang Islam dari bangsa Arab, Farsi dan India telah masuk berniaga di negara China sambil mendakwahkan agama Islam kepada penduduknya. Itulah sebabnya rakyat China didapati telah memeluk agama Islam jauh lebih awal daripada umat di Asia Tenggara termasuklah umat Melayu.

Ketika Panglima Qutaibah bin Muslim sedang mara memimpin angkatan tentera Islam menuju ke sempadan negara China, sampailah berita kepada beliau bahawa Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah jatuh sakit. Ketika itu ialah tahun 96 hijrah/714 Masihi. Jadi Panglima Qutaibah bin Muslim tidak berpatah balik ke negeri Khurasan dan terus ke negeri Syam, tetapi meneruskan perjalanannya sehinggalah sampai ke perbatasan negara China dan terjadilah perdamaian dengan Maharaja China Hsuan Tsung seperti yang diceritakan.

Penyebaran Di Belahan Barat

❖ Penaklukan Sepanyol

Yang dimaksudkan dengan usaha-usaha penaklukan serta penyebaran agama Islam di sebelah barat ialah penaklukan seluruh negeri-negeri di Afrika Utara dan negara Sepanyol. Ini kerana usaha-usaha penaklukan dan penyebaran agama Islam di sebelah barat iaitu ke Mesir dan sebahagian utara Afrika telah dilakukan sejak zaman Khalifah Uthman bin Affan lagi dan diteruskan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Tetapi berbantut apabila terjadi fitnah di zaman Khalifah Uthman bin Affan dan Khalifah Ali bin Abu

Talib.

Setelah Khalifah Abdul Malik bin Marwan berjaya menyelesaikan masalah dalam negeri di mana yang terakhirnya ialah berjaya menghancurkan Abdullah bin az-Zubair yang mengaku menjadi khalifah dan berjaya melebarkan kekuasaannya sehingga hampir ke seluruh Tanah Arab dan Mesir pada tahun 73 Hijrah/692 Masihi, baginda ada berniat untuk melakukan penaklukan ke atas negara-negara kafir serentak melakukan penyebaran agama Islam yang maha suci. Tetapi oleh kerana ketika itu kerajaan bani Umayyah baru stabil, terpaksalah Khalifah Abdul Malik bin Marwan memberi penumpuan yang sepenuhnya untuk menjaga wilayah-wilayah Islam agar terus mantap dan kukuh.

Apabila al-Walid putera Khalifah Abdul Malik dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang keenam menggantikan tempat ayahandanya yang wafat pada tahun 86 Hijrah/705 Masihi, barulah usaha-usaha untuk meluaskan jajahan taklukan dan penyebaran agama Islam dimulakan dengan bersungguh-sungguh semula.

Pada tahun 86 Hijrah/705 Masihi itu, gabenor di Afrika Utara ialah Musa bin Nusair.

Siapakah Musa bin Nusair?

Musa bin Nusair ialah anak kepada Nusair seorang tawanan perang oleh Khalid bin al-Walid di medan Ain Tamar. Akhirnya Nusair telah berpindah tangan dan menjadi pengawal peribadi kepada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Beliau dipercayai seorang Farsi.

Musa bin Nusair dilahirkan pada tahun 19 Hijrah/640 Masihi. Ketika terjadi pembunuhan ke atas Khalifah Uthman bin Affan, Musa bin Nusair berusia 16 tahun dan beliau telah turut menyaksi peristiwa yang sangat dahsyat itu kerana beliau tinggal di kota Madinah. Ketika terjadi peperangan Siffin, Musa bin Nusair berusia 18 tahun. Manakala ketika tahun 86 hijrah, usia Panglima Musa bin Nusair ialah 67 tahun.

Ketika Abdullah bin az-Zubair berjaya menguasai Iraq, Musa bin Nusair telah menyertai Ibnuz Zubair. Apabila kerajaan az-Zubairi hancur, Khalifah Marwan bin al-Hakkam mahu memenggal leher Musa bin Nusair, tetapi telah diselamatkan oleh Abdul Aziz bin Marwan. Betapa mulianya Abdul Aziz bin Marwan, ayahanda Khalifah Umar bin Abdul Aziz kerana beliau telah datang bersama-sama Musa bin Nusair mengadap Khalifah Marwan bin al-Hakkam untuk meminta pengampunan bagi pihak Musa bin Nusair. Kenapa Abdul Aziz bin Marwan begitu sayang kepada Musa bin Nusair? Kerana beliau mengetahui kelebihan yang terdapat pada diri Musa bin Nusair termasuklah kehandalannya berperang.

Pada saat-saat akhir pemerintahan Abdul Aziz bin Marwan selaku gabenor

negeri Mesir, telah terjadi kekacauan di Maghribi yang dicetuskan oleh orang-orang Barbar. Abdul Aziz bin Marwan berjanji kepada Musa bin Nusair sekiranya beliau berjaya memulihkan keadaan di sana, beliau akan dilantik menjadi pemerintah di negeri Maghribi. Setelah beliau berjaya mengamankan semula negeri Maghribi daripada huru-hara yang ditimbulkan oleh kaum Barbar, maka Abdul Aziz bin Marwan menunaikan janji beliau dan melantik Musa bin Nusair menjadi gabenor di negeri Maghribi dan Afrika Utara.

Setelah al-Walid bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang keenam, baginda telah memerintah kepada Musa bin Nusair supaya mengusahakan pergerakan ketenteraan untuk melakukan penyebaran agama Islam ke seluruh bahagian utara negara Afrika yang masih belum berjaya ditakluk. Dengan kegagahannya, Panglima Musa bin Nusair telah berjaya menakluk seluruh Afrika Utara kecuali wilayah Ceuta yang terletak di pesisiran pantai Afrika Utara mengadap ke selat Gibratar. Raja Ceuta seorang bangsawan Sepanyol bernama Julian. Panglima Musa bin Nusair dilantik menjadi gabenor bagi seluruh Afrika Utara yang berpusat di kota Qairawan, Tunisia.

Setelah Panglima Musa bin Nusair menjadi gabenor di Afrika Utara dan Maghribi selama lima tahun iaitu pada tahun 91 hijrah/709 Masihi, Raja Sepanyol iaitu Raja Wizita telah mangkat. Biasalah sepatutnya putera raja yang menggantikan tempat ayahandanya sebagai raja, tetapi kali tidak terjadi demikian. Seorang pahlawan Sepanyol yang bernama Rhoderick telah mengambil kesempatan dengan merampas kuasa dan melaksanakan pemerintahan secara zalim. Semua rakyat Andalusia menjadi benci kepadanya. Sudahlah putera Raja Wizita marah kepadanya, ditambah lagi oleh seluruh rakyat Sepanyol.

Seperti yang telah disebutkan, ketika itu kerajaan Ceuta yang terletak di pantai utara benua Afrika itu diperintah oleh Raja Julian, berbangsa Sepanyol. Putera Raja Wizita telah mencari perlindungan politik ke negeri Ceuta kepada Raja Julian. Putera Raja Sepanyol itu telah meminta bantuan Raja Julian untuk menggulingkan pemerintahan 'Raja' Rhoderick yang telah berkhianat itu. Akhirnya kedua-duanya mengambil keputusan untuk meminta bantuan kepada gabenor Afrika Utara iaitu Musa bin Nusair untuk melancarkan serangan ke atas kerajaan Sepanyol. Raja Julian memiliki kapal perang yang banyak.

Raja Julian terus menulis surat kepada Panglima Musa bin Nusair memintanya menyerang negeri Sepanyol. Baginda menyatakan juga bahawa tentera Islam boleh menggunakan kapal-kapal milik kerajaan Ceuta untuk menyeberangi Selat Gibratar (ketika itu belum lagi dinamakan Selat Gibraltar). Maka selaku gabenor Afrika Utara yang mempunyai kekuatan yang besar setelah berjaya menguasai seluruh bumi Afrika Utara itu, maka Musa bin Nusair terus menyampaikan persoalan itu kepada Khalifah al-Walid bin Abdul Malik di kota Damsyik. Khalifah al-Walid bin Abdul Malik terus mengizinkannya. Tetapi baginda mengingatkan kepada Musa bin Nusair agar

menguji dahulu kejujuran Raja Julian, entah-entah mahu berkhianat terhadap tentera Islam.

Untuk menguji kejujuran, ketulusan hati Raja Julian yang mahu menghancurkan 'Raja' Rhoderick, maka Musa bin Nusair terlebih dahulu menyiapkan sebuah angkatan tentera Islam berjumlah 500 orang untuk menyerang pantai atau kawasan pesisiran pantai negara Sepanyol dengan dibantu oleh tentera Raja Julian. Angkatan tentera Islam yang berkerjasama dengan kerajaan Ceuta ini telah mendapat kejayaan yang gilang gemilang dan telah pulang semula ke Afrika dengan selamat. Ternyata Raja Julian benar-benar ikhlas untuk mendapatkan bantuan pihak Islam di dalam usaha untuk menghancurkan kerajaan'Raja' Rhoderick di Sepanyol.

Maka tanpa berlengah lagi pada tahun 92 hijrah/711 Masihi, Musa bin Nusair terus menyiapkan sebuah angkatan tentera Islam yang terdiri daripada 7,000 orang askar untuk dihantar menyerang negara Sepanyol.

Untuk memimpin angkatan perang itu Musa bin Nusair melantik hambanya sendiri seorang berbangsa Barbar bernama Tariq bin Ziad. Panglima Tariq bin Ziad dengan tekad yang membara telah membawa tentera Islam yang seramai 7,000 orang itu menyeberangi selat Gibratar dengan menggunakan kapal-kapal milik Raja Julian dan singgah di pantai selatan negara Sepanyol di sebuah bukit yang sekarang dikenali dengan nama Bukit Gibraltar (Jabal Tariq).

Sebaik sahaja kapal-kapal itu berlabuh di kaki bukit Jabal Tariq di pantai negeri Sepanyol, maka Panglima Tariq bin Ziad terus membakar semangat tentera-tentera Islam supaya berjuang habis-habisan ketitisan darah yang terakhir. Panglima Tariq bin Ziad tahu, tentera Islam akan berjuang dengan gagah berani dan penuh semangat apabila sudah tidak ada lagi jalan untuk mereka berundur atau melarikan diri. Oleh itu Panglima Tariq bin Ziad telah mengarahkan semua kapal-kapal yang mereka tumpangi dibakar (kecuali sebuah sahaja untuk keperluan terdesak). Setelah itu Panglima Tariq bin Ziad berpidato dengan penuh semangat;

"Wahai tentera-tenteraku, ke manakah kamu hendak melarikan diri kamu? Laut di belakang kamu dan musuh yang ramai dan kuat di hadapan kamu. Demi Allah, tidak ada jalan lain selain daripada kamu perlu terus berjuang dengan keteguhan dan kesabaran."

Peristiwa ini terjadi pada tahun 92 hijrah/711 Masihi, setahun setelah Rhoderick menjadi raja Sepanyol.

Ketika itu 'Raja' Rhoderick sedang berperang dengan sebahagian rakyatnya yang tidak menyetujui beliau menjadi Raja Sepanyol. Panglima Tariq bin Ziad terus membawa angkatan perangnya mara masuk ke dalam wilayah kerajaan Sepanyol dan berjaya menawan beberapa buah bandar. Sebaik sahaja 'Raja' Rhoderick mendapat tahu tentang kemaraan angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh Panglima Tariq bin Ziad itu masuk menawan wilayahnya satu

demi satu, maka beliau terus mengumpul rakyatnya untuk menghadapi tentera Islam itu. Maka terkumpullah seramai 100,000 orang tentera Sepanyol secara sukarela dan terpaksa untuk menghadapi angkatan tentera Islam yang sedang mara dari bahagian selatan bumi Sepanyol itu.

Bagi pihak Panglima Tariq bin Ziad pula, sebaik sahaja beliau mendapat tahu tentang berita ini, maka beliau terus meminta bantuan tentera tambahan daripada gabenor Musa bin Nusair di Afrika Utara dengan menumpang sebuah kapal yang ada di pantai. Dengan menggunakan kapal-kapal milik kerajaan Ceuta, Panglima Musa bin Nusair menghantar tentera tambahan seramai 5,000 orang yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang berbangsa Barbar yang terkenal berani.

Maka bergabunglah angkatan tentera Islam sehingga jumlah mereka menjadi seramai 12,000 orang untuk menghadapi angkatan tentera Sepanyol yang berjumlah 100,000 orang. Apabila kedua-dua angkatan perang itu sampai di sebuah kota yang bernama kota Gadiz, maka pecahlah pertempuran yang sengit di mana angkatan tentera Sepanyol telah mengalami kekalahan yang teruk dan'Raja' Rhoderick sendiri turut terbunuh. Peperangan ini berlaku pada tahun 92 hijrah/710 Masihi.

Setelah mencapai kemenangan di medan Gadiz, maka Panglima Tariq bin Ziad terus memimpin pasukannya mara lagi masuk ke tengah negara Sepanyol dan menawan kota Cordova, kemudian kota Malaga dan akhirnya sampai dan menawan kota Toledo, ibu negeri Sepanyol. Panglima Tariq bin Ziad mendapati ibu kota Sepanyol ini lengang kerana seluruh tentera Sepanyol telah berundur kerana takut kepada angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh beliau yang telah mencapai kemenangan di dalam peperangan dengan 'Raja' Sepanyol di kota Gadiz itu. Yang ada cuma para paderi dan rahib-rahib serta rakyat biasa yang tidak bersenjata. Panglima Tariq bin Ziad mengarahkan kepada tentera Islam supaya jangan mengkhianati orang-orang yang tidak 'berdosa' tersebut. Biarlah mereka itu melakukan urusan hidup mereka dengan bebas tanpa diganggu.

Musa bin Nusair mengikut perkembangan pergerakan ketenteraan Islam di bumi Sepanyol yang dipimpin oleh bekas hambanya Panglima Tariq bin Ziad. Setelah melihat kejayaan yang begitu cemerlang telah dicapai oleh Panglima Tariq bin Ziad, maka timbul di dalam hati Musa bin Nusair perasaan irihati dan cemburu di atas kejayaan angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh Panglima Tariq bin Ziad itu. Beliau juga merasa ingin juga untuk membuat jasa kepada agama Islam dan kerajaan bani Umayyah dengan turut menakluk negara Sepanyol yang masih luas dan perlu ditakluk kesemuanya itu.

Sebelum berangkat menyeberangi selat Gibratar, Musa bin Nusair terlebih dahulu menulis surat kepada Panglima Tariq bin Ziad memintanya jangan terus mara dan hendaklah beliau menunggunya di kota Toledo. Tetapi di pihak

Panglima Tariq bin Ziad pula, beliau berpendapat pergerakan angkatan tentera Islam perlu diteruskan, tidak boleh berehat biarpun buat seketika, kerana ini akan memberi kesempatan kepada pihak kerajaan Sepanyol untuk memperkuatkan angkatan tentera mereka. Oleh itu Panglima Tariq bin Ziad meneruskan pergerakan tenteranya ke utara tanpa mempedulikan perintah larangan oleh gabenor Afrika Utara Musa bin Nusair.

Di pihak Musa bin Nusair pula, menjelang tahun 93 hijrah/712 Masihi, iaitu setahun setelah Panglima Tariq bin Ziad masuk menyerang negara Sepanyol, beliau telah menyeberangi selat Gibratar dengan memimpin tentera berjumlah 10,000 orang. Tentera ini mendarat di kaki bukit Tariq juga, tetapi bergerak masuk ke dalam negara Sepanyol melalui daerah lain bukan daerah atau kota yang telah ditawan oleh Panglima Tariq bin Ziad iaitu menempuh kota Sevilla, kota Merida sehingga bertemu dengan angkatan tentera Islam pimpinan Panglima Tariq bin Ziad di suatu tempat di utara kota Toledo. Maka Musa bin Nusair telah memarahi Panglima Tariq bin Ziad kerana menganggapnya telah menderhakai perintah beliau selaku gabenor. Musa bin Nusair telah menangkap dan memasukkan Panglima Tariq bin Ziad ke dalam penjara. Tetapi Panglima Tariq bin Ziad telah mengutus sepucuk surat kepada khalifah al-Walid memberitahu kejadian yang telah menimpanya dan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah mengarahkan kepada Musa bin Nusair supaya membebaskan Panglima Tariq bin Ziad dengan serta merta.

Kemudian angkatan tentera Islam yang telah bersatu di bawah pimpinan Panglima Musa bin Nusair terus mara ke utara masuk ke dalam atau ke tengah negeri Sepanyol hingga sampai ke pergunungan Pyreness yang bersempadan dengan negara Perancis.

Penaklukan ini berjalan selama lima tahun. Ketika mereka sudah hampir mencapai negara Perancis pada tahun 96 Hijrah/715 Masihi, tiba-tiba sampai berita kepada Panglima Musa bin Nusair bahawa Khalifah al-Walid bin Abdul Malik jatuh sakti. Baginda mengarahkan agar tentera Islam di Sepanyol itu menghentikan serangan dan kembali pulang ke kota Damsyik dengan membawa seluruh harta rampasan perang yang diperolehi. Tanpa berlengah lagi kerana patuh kepada perintah khalifah atau kerajaan, maka Panglima Musa bin Nusair dan panglima Tariq bin Ziad telah menghentikan serangan dan berpatah balik semula ke Afrika Utara dan terus kembali ke negeri Syam untuk mengadap Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang sedang sakit tenat.

Khalifah Walid Cuba Singkir Sulaiman

Menjelang tahun 94 Hijrah/713 Masihi, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik sedang berada di kemuncak kejayaan kerana tentera Islam di bawah pemerintahan baginda sedang mara di seluruh benua. Di barat telah memasuki bumi Sepanyol dan di timur telah memasuki bumi China.

Khalifah al-Walid bin Abdul Malik merasa kebesaran pemerintahan baginda meskipun itu baginda merasakan adalah pemberian daripada Allah SWT juga.

Diriwayatkan oleh para sejarawan Islam bahawa pada tahun 94 Hijrah/712 Masihi atau 95 Hijrah/714 Masihi, iaitu kira-kita setahun atau dua tahun sebelum baginda wafat, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah melakukan satu kejutan di dalam bertindak. Perkara ini adalah perkara yang sama terjadi pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin al-Hakkam datuk baginda. Tetapi yang berbeza ialah Khalifah Marwan bin al-Hakkam bertindak mengorbankan kepentingan orang lain untuk kepentingan anak-anaknya, manakala Khalifah al-Walid bertindak mengorbankan kepentingan saudaranya untuk kepentingan seorang anaknya.

Perkara yang mengejutkan itu ialah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah berniat untuk memecat jawatan Putera Mahkota yang sedang disandang oleh saudara baginda Sulaiman bin Abdul Malik untuk diganti dengan putera baginda yang bernama al-Abbas. Riwayat lain mengatakan putera baginda yang bernama Abdul Aziz. Semua pembesar kerajaan dan para pahlawan terutama al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, Qutaibah bin Muslim, Muhammad bin al-Qasim telah menyatakan persetujuan dengan hasrat khalifah itu. Kedua-dua pahlawan dan gabenor di belahan timur itu menyatakan melalui surat kerana mereka berada jauh di timur. Tetapi Panglima Musa bin Nusair yang berkuasa di Afrika Utara dan Sepanyol tidak terlibat di dalam perkara ini. Tetapi Umar bin Abdul Aziz telah menentang niat itu dengan keras.

Umar bin Abdul Aziz membantah rancangan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik itu dengan keras sekali, ujarnya;

"Di leher kami masih ada ikrar dan janji setia."

Khalifah al-Walid bin Abdul Malik sangat marah kepada Umar bin Abdul Aziz yang tidak bersetuju dengan cita-cita baginda itu. Mengikut apa yang ditulis oleh Imam Sayuti di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bahawa Umar bin Abdul Aziz hampir-hampir dikerjakan oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik. Mujurlah orang ramai cepat-cepat meminta syafaat untuk Umar bin Abdul Aziz, yang menyebabkan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik terus membebaskannya dan kemudian memecat Umar bin Abdul Aziz dari jawatannya sebagai gabenor kota Madinah.

Hati Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mulai bergoyang kerana bantahan dari Umar bin Abdul Aziz itu. Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik telah menyimpan dendam berkaitan perkara itu terhadap al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, Qutaibah bin Muslim al-Bahili, Muhammad bin al-Qasim dan Musa bin Nusair. Disebalik rasa dendam yang sangat membara terhadap tokoh-tokoh yang menyetujui niat Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mahu menyingkir beliau itu, Sulaiman bin Abdul Malik hanya sangat terhutang budi kepada Umar bin Abdul Aziz saudara sepupu beliau yang salih meskipun belum

menjalani kehidupan zahid itu.

Ternyata kemudiannya Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah membatalkan rencana baginda itu kerana tentangan yang sangat keras daripada Umar bin Abdul Aziz, saudara sepupu merangkap ipar baginda itu.

Jasa-Jasa Khalifah Al-Walid Kepada Negara Dan Rakyat

Setelah menjadi khalifah selama kira-kira sepuluh tahun, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah membuat jasa-jasa yang tidak sedikit kepada negara dan rakyat bahkan jasa-jasa yang belum pernah dilakukan oleh para khalifah sebelum baginda. Di antara jasa-jasa tersebut ialah sebagaimana berikut:-

1. Menyediakan rumah sakit khas kepada orang-orang sakit kusta.
2. Menyediakan pemandu kepada setiap orang buta untuk memudahkan mereka bergerak ke mana-mana.
3. Menyediakan pengurus untuk merawat dan menjaga orang-orang cacat kekal seperti cacat anggota sejak dilahirkan dan yang cacat anggota kerana kemalangan dan peperangan.
4. Menyedia telaga untuk orang-orang musafir.
5. Memberi sumbangan yang tetap kepada penghafal-penghafal al-Qur'an dan orang-orang yang memberi tumpuan kepada mempelajari ilmu pengetahuan, fakir miskin, para ulama' dan orang-orang lemah agar mereka tidak mengharapkan bantuan dari orang lain.
6. Melantik pegawai kerajaan yang terdiri daripada cerdik pandai-cerdik pandai yang jujur dan berlaku adil.
7. Mewujudkan hospital dan klinik untuk orang-orang yang sakit secara percuma.
8. Menyediakan rumah-rumah tumpangan untuk anak-anak yatim, orang-orang tua dan orang-orang musafir. Dan menyediakan tenaga pengajar untuk memberi pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak yatim.
9. Membaiki jalan-jalan raya dengan mengadakan tanda perbatuan untuk memudahkan pengguna.
10. Membina Masjid Bani Umayyah di kota Damsyik, membaiki, meluaskan serta menghiasi Masjid Nabi di kota Madinah serta membaiki Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis.
11. Memerintah kepada gabenor di Hijaz iaitu Umar bin Abdul Aziz agar membina jalan-jalan di lereng-lereng bukit serta menggali telaga di seluruh Hijaz untuk kegunaan penduduk di kawasan tersebut.

Demikianlah beberapa jasa yang dibuat oleh Khalifah al-Walid bin Abdul

Malik kepada negara dan rakyat baginda selama baginda menjadi khalifah selama sepuluh tahun itu. Namun sebenarnya masih banyak jasa-jasa yang dibuat oleh baginda yang tidak dicatit oleh ahli-ahli sejarah kerana tidak sepenting sebagaimana yang disebut di atas.

Khalifah Walid Jatuh Sakit

Menjelang tahun 96 Hijrah/715 Masihi, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mula jatuh sakit. Sedangkan usia baginda masih muda baru 46 tahun. Tidaklah diketahui apakah punca sakit baginda itu.

Setelah merasa diri baginda semakin berat dan sakitnya semakin bertambah parah, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah mengeluarkan arahan kepada semua para panglima agar menghentikan dahulu serangan ke atas negara-negara luar. Baginda meminta semua tentera di barat dan di timur agar balik ke kota Damsyik dan membawa kesemua harta ghanimah yang telah mereka perolehi di dalam usaha jihad mereka. Pihak tentera di bahagian barat telah mendengar dan mematuhi perintah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik itu dan terus menghentikan serangan dan pulang ke negeri Syam dengan membawa harta ghanimah yang sangat banyak.

Panglima Musa bin Nusair memimpin bala tenteranya menuju ke kota Damsyik membawa harta ghanimah yang sangat banyak. Sedangkan di bahagian timur, tentera Islam tidak pulang, sebaliknya terus berjuang dengan gigihnya.

Ketika tentera di barat yang dipimpin oleh Panglima Musa bin Nusair sampai di negeri Palestin, Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik mengirim sepucuk surat kepada Panglima Musa bin Nusair memintanya agar melambat-lambatkan perjalanan. Panglima Musa bin Nusair mengetahui niat Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik disebalik memerintah beliau melambat-lambatkan perjalanan itu. Tetapi Panglima Musa bin Nusair tidak mahu mematuhi perintah Sulaiman bin Abdul Malik kerana dia bukanlah khalifah. Dia hanyalah Putera Mahkota. Perintah yang wajib ditaati ialah perintah khalifah yang sedang sakit itu. Bukan perintah Putera Mahkota. Panglima Musa bin Nusair amat tidak menyenangi perintah Putera Mahkota bakal khalifah bani Umayyah sesudah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik itu. Beliau menjawab surat Sulaiman itu;

"Demi Allah, engkau telah berkhianat, menipu dan tidak jujur. Demi Allah, aku tidak akan berhenti untuk menunggu, tidak akan melambat-lambatkan perjalananku dan tidak akan mempercepatkannya. Akan tetapi aku akan berjalan sebagaimana biasanya sahaja. Sekiranya Allah mentakdirkan aku sempat berjumpa dengan Amirul Mu'minin dalam keadaan masih hidup, maka sudah tentu aku akan sampai ke negeri Syam sebelum baginda wafat. Sebaliknya sekiranya ajalnya sudah sampai terlebih dahulu sebelum

ketibaanku, maka itu sudah merupakan suatu takdir dari Allah."

Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik sangat marah membaca surat dari Panglima Musa bin Nusair itu. Baginda merasa Panglima Musa bin Nusair telah menderhaka kepadanya. Merah padam muka baginda.

Panglima Musa bin Nusair sampai di kota Damsyik bersama-sama angkatan tentera beliau dengan membawa harta ghanimah yang sangat banyak. Ketika itu Khalifah al-Walid bin Abdul Malik masih belum wafat lagi. Baginda sangat gembira dan merasa bangga kepada Panglima Musa bin Nusair yang sangat setia kepada pemerintah itu.

Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik amat kesal dan marah melihat tentera Afrika yang dipimpin oleh Panglima Musa bin Nusair menyerahkan semua harta ghanimah kepada Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang terbaring di atas katil itu.

Ketika itu api kemarahan Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik bukan sahaja terhadap al-Hajjaj bin Yusuf, Qutaibah bin Muslim dan Muhammad bin al-Qasim, tetapi juga kepada Musa bin Nusair. Biarpun dahulu tahun 94 Hijrah/713 Masihi atau 95 Hijrah/714 Masihi, Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik hanya marah kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, Qutaibah bin Muslim dan Muhammad bin al-Qasim, dan tidak marah kepada Panglima Musa bin Nusair yang tidak pulang dan tidak menyatakan sokongan kepada hasrat Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mahu menyingkir beliau itu, tetapi sekarang beliau marah kepada Panglima Musa bin Nusair kerana tidak mematuhi perintah beliau yang menyuruhnya melambat-lambatkan perjalanan masuk ke kota Damsyik.

Wafat

Pada tahun 96 Hijrah/715 Masihi, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang sakit telah wafat ketika berusia 46 tahun. Jenazah baginda dikebumikan di kota Damsyik.

Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mula menjadi khalifah ketika berusia 36 tahun.

Kenapakah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik jatuh sakit dan wafat dalam usia yang sedemikian muda? Apakah penyakit yang telah dideritai oleh baginda sehingga tidak ada doktor yang mampu memberi ubat yang sesuai yang dapat menyembuhkan penyakitnya?

Kenyataan seorang ahli sejarah Islam iaitu Imam as-Sayuti menulis di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bahawa sebelum Khalifah Abdul Malik bin Marwan wafat, baginda telah memberi wasiat kepada putera baginda yang bakal menjadi khalifah setelah baginda iaitu al-Walid bin Abdul Malik ini. Wasiat itu ialah berkaitan dengan diri seorang pahlawan yang sangat berjasa kepada

pemeirntahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan iaitu al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Wasiat itu berbunyi:-

"Wahai anakku, peliharalah al-Hajjaj dan muliakanlah dia, kerana dialah kerajaan telah menjadi kukuh. Dialah pedangmu dan tanganmu, untuk menumpas orang-orang yang menentangmu. Janganlah kau dengar fitnah orang tentang dirinya, sebab kau yang memerlukannya, lebih daripada ia memerlukan kau."

Wasiat ini sangat mendapat perhatian yang kuat oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik sehingga hatinya menjadi sangat kasih kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi.

Ahli sejarah Islam iaitu Imam Ibnu Abdul Rabbih menyebut di dalam kitabnya *al-Iqdul Farid* bahawa diriwayatkan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik pernah berkata tentang rasa hatinya dan hati ayahandanya terhadap al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, "Ayahku pernah berkata, "Al-Hajjaj bagaikan kulit yang terletak antara mata dan hidungku," Sedangkan aku sendiri berkata, "Dia (al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi) bagaikan kulit mukaku seluruhnya."

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, bahawa al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi meninggal dunia pada tahun 95 Hijrah/714 Masihi setahun sebelum Khalifah al-Walid wafat.

Mengikut Imam Ibnu Abdul Rabbih menyebut di dalam kitabnya *al-Iqdul Farid* berkata Khalifah al-Walid sangat berdukacita di atas meninggalnya al-Hajjaj pada akhir-akhir pemerintahan baginda.

Manakala seorang lagi ahli sejarah Islam iaitu al-Mubarrid meriwayatkan daripada al-Asma'i bahawa pada suatu hari Khalifah al-Walid telah muncul di hadapan rakyatnya dengan rambut yang tidak terurus dan berkata, "Al-Hajjaj bin Yusuf dan Qurrah bin Syarik telah meninggal." Dan Khalifah al-Walid kelihatan sangat berdukacita di atas kematian kedua-dua orang itu."

Penyusun percaya jatuh sakit dan wafatnya Khalifah al-Walid bin Abdul Malik adalah ada kaitan dengan kematian al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Ibarat kata sakit kerana berpisah dengan seseorang yang sangat disayangi atau dikasihi.

Keluarga

Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mempunyai lima orang isteri dan beberapa orang jariah. Harus difahami umat Islam ditegah memiliki isteri lebih dari empat orang dalam satu masa. Oleh itu maksud Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mempunyai lima orang isteri perlulah difahami oleh para pembaca semua.

Isteri baginda yang pertama bernama Ummu Banin binti Abdul Aziz bin

Marwan, iaitu saudara sepupu baginda sendiri. Daripada Ummu Banin ini Khalifah al-Walid memperolehi tiga orang anak, dua putera iaitu Abdul Aziz dan Muhammad dan seorang puteri iaitu Aisyah. Dikatakan juga putera baginda yang sulung bernama al-Abbas. Kerana itu baginda digelar Abul Abbas. Tetapi putera baginda ini adalah anak daripada jariah.

Isteri baginda yang kedua bernama Ummu Abdullah binti Amru bin Uthman bin Affan, saudara perempuan isteri ayahandanya sendiri iaitu Ummu Ayub bin Amru bin Uthman bin Affan. Daripadanya baginda mendapat seorang putera bernama Abdul Rahman.

Isteri baginda yang ketiga bernama Zainab binti Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib dari keturunan Rasulullah s.a.w. Tidak pasti apakah baginda memperolehi anak dengan Zainab ini.

Isteri baginda yang keempat bernama Fatimah binti Abdullah dari suku Uwaij bin Kaab bin Luay. Juga tidak dapat dipastikan apakah baginda memperolehi putera dan puteri daripada isteri baginda ini.

Isteri baginda yang kelima bernama Nafisah binti Zaid bin Hasan juga keturunan Rasulullah s.a.w. Tetapi kemudian diceraikannya.

Adapun putera puteri Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang diperolehi daripada beberapa orang jariah yang baginda miliki ialah Umar, Biyr, Rauh, Khalid, Tammam, Mubasysyir, Jaz'a, Yazid, Yahya, Ibrahim, Abu Ubaidah, Masrur dan Sadaqah.

Jelas jumlah putera dan puteri Khalifah al-Walid bin Abdul Malik kesemuanya adalah seramai 18 orang. Puteri baginda adalah seramai dua orang kalau Sadaqah itu juga puteri.

Melihat kepada di antara isteri-isteri Khalifah al-Walid bin Abdul Malik terdapat dua orang dari keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri beliau Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha iaitu isteri ketiga baginda Zainab binti Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib dan isteri kelima baginda Nafisah binti Zaid bin Hasan meskipun dicerai, namun ternyata Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Ahlil Bait dan Sayidina Ali bin Abu Talib.

Apakah Al-Walid Seorang Khalifah Yang Salih Dan Takwa?

Semua para peminat sejarah Islam termasuk sejarah khalifah kerajaan bani Umayyah mengetahui bahawa dari seramai empat belas orang khalifah kerajaan bani Umayyah hanya Khalifah Umar bin Abdul Aziz seorang sahaja yang diketahui seorang khalifah yang salih dan bertakwa kepada Allah SWT. Ini tidak dapat dinafikan lagi. Ini adalah kerana banyak kisah-kisah yang diceritakan orang bagaimana salih, kuat beribadat, wara', takwa dan zahidnya kehidupan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, tetapi tidak dengan khalifah-

khalifah bani Umayyah yang lain termasuklah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik.

Tetapi apabila kita membaca kisah-kisah hidup Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, kita akan menemui berita-berita bahawa baginda juga adalah seorang khalifah yang salih dan kuat beribadat sebagaimana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga. Cuma baginda tidak wara' dan tidak hidup secara zahid sahaja.

Buktinya Khalifah al-Walid bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang salih dan kuat beribadat adalah kisah-kisah seperti di bawah ini:-

Diriwayatkan bahawa beberapa orang isteri Khalifah al-Walid bin Abdul Malik adalah wanita-wanita yang salihah dan takwa kepada Allah SWT serta banyak mengerjakan amal ibadat. Isteri-isteri yang dimaksudkan itu ialah Ummu Banin binti Abdul Aziz bin Mawan, Zainab binti Hasan dan Nafisah binti Zaid. Kita percaya kalaulah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik bukan seorang manusia yang salih, takwa dan kuat beribadat, sudah tentu baginda tidak suka kepada isteri-isteri yang salihah dan kuat beribadat seperti ketiga-ketiga isteri baginda itu.

Kedua, Ummu Banin adalah seorang perempuan yang banyak membaca al-Qur'an sehingga mempengaruhi Khalifah al-Walid bin Abdul Malik untuk turut banyak membaca al-Qur'an juga. Ummu Banin sentiasa membaca al-Qur'an setiap pagi dan petang. Khalifah al-Walid bin Abdul Malik dikatakan mengkhatam al-Qur'an setiap tiga malam/hari sekali khatam. Manakala pada bulan Ramadhan sebanyak 17 kali.

Bukti bahawa Khalifah al-Walid bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang banyak membaca al-Qur'an adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh seorang tokoh tasauf dan ahli qira'at yang sering datang berjumpa dengan baginda Ibrahim bin Abu Abalah yang bercerita, "Khalifah al-Walid bertanya kepada saya, "Berapa banyak kau mengkhatam al-Qur'an?" Saya menjawab sekian-sekian kali (kira-kira dalam tempoh lebih daripada seminggu sekali khatam – P)." Maka Khalifah al-Walid berkata, "Amirul Mukminin (diri baginda – P) yang begitu sibuk masih boleh mengkhatam seminggu atau tiga hari sekali."

Kesimpulan yang dapat diambil tentang apakah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang salih dan kuat beribadat ialah ternyata baginda adalah seorang yang kuat beribadat, cuma baginda tidak menjadi seorang yang wara' dan zahid sebagaimana Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Sedangkan Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang khalifah yang salih, kuat beribadat, wara' dan zahid. Tetapi mengikut cerita daripada isteri baginda Fatimah binti Abdul Malik bahawa suaminya khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang salih, wara' dan zahid, tetapi tidak kuat beribadat. Baginda melaksanakan ibadat tahajud cuma dua rakaat sahaja, kemudian duduk

menangis sampai ke pagi.

Beberapa Sifat-sifat Mulia Berkaitan Peribadi Al-Walid

❖ Beberapa Sifat Al-Walid Yang Mulia Dan Utama

Mengikut catitan ahli-ahli sejarah Islam bahawa Khalifah al-Walid bin Abdul Malik adalah seorang manusia yang mempunyai akhlak yang mulia. Baginda adalah seorang yang jujur, berkasihan belas, pemurah dan inginkan kedamaian. Cuma pemerintahan baginda telah dirosakkan oleh al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Baginda tidak mampu untuk berlepas diri daripada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Kalau baginda melenyapkan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi daripada kerajaan baginda, alamatnya kerajaan baginda boleh jadi akan lenyap juga. Ini bererti baginda akan lenyap bersama-sama lenyapnya al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Kerana al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, satu-satunya pegawai yang berkemampuan untuk terus menjadikan kerajaan bani Umayyah tegak di atas muka bumi.

Ini menyebabkan kesalihan dan kemuliaan budi pekerti Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah ditutup oleh keburukan budi pekerti al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi.

SULAIMAN BIN ABDUL MALIK
(96-99 Hijrah / 714-717 Masihi)

Pengenalan

Sebahagian besar penulis sejarah mengatakan bahawa Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah kerajaan bani Umayyah yang zalim dan sangat tidak berkelibar di dalam pentadbiran negara. Kenapa? Baginda dianggap zalim kerana baginda telah bertindak membunuh tiga orang pahlawan yang telah menabur jasa yang tidak ternilai kepada agama, negara dan bangsa seperti Panglima Muhammad bin al-Qasim, gabenor negeri Sind, India, Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili, gabenor negeri Khurasan dan Panglima Musa bin Nusair, gabenor di Sepanyol, serta menganiaya keluarga al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi apabila baginda tidak dapat menyeksa al-Hajjaj kerana gabenor Iraq ini wafat terlebih dahulu sebelum baginda dilantik menjadi khalifah.

Bagaimanakah dapat dikatakan pula Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang berkelibar di dalam mentadbir negara sedangkan baginda asyik dengan makanan dan minuman yang lazat-lazat serta bergelumang dengan keseronokan hidup yang lain?

Pemerintahan baginda pula yang berjalan hanya selama dua tahun lebih sahaja itu tidak meninggalkan jasa-jasa yang dapat dibanggakan kepada rakyat dan negara selain kejayaan ke atas negeri Jurjan dan Tabristan dan nama busuk kerana telah menghapuskan para pahlawan yang sangat berjasa kepada agama dan negara serta mengutamakan hidup dengan memuaskan rontaan hawa nafsu syahwat dengan mengisi perut dengan makanan yang lazat-lazat dan berhibur seperti yang disebutkan.

Baginda adalah khalifah bani Umayyah yang ketujuh yang menggantikan tempat kekanda baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang wafat dan perlantikan baginda ini adalah di atas wasiat ayahanda baginda Khalifah Abdul Malik bin Marwan.

Kalau dibandingkan tentang stail atau corak pemerintahan antara Khalifah al-Walid dengan baginda, ternyata corak pemerintahan antara kedua-dua khalifah ini amat berbeza sekali. Khalifah al-Walid adalah pemerintah yang

begitu giat melebarkan empayar Islam sehingga negara atau kerajaan Islam bani Umayyah menjadi sebuah kerajaan yang sangat digeruni oleh semua musuh pada zamannya khasnya kerajaan Rom Timur atau Byzentium di utara, kerajaan Perancis di barat dan kerajaan India serta China di timur. Bahkan zaman pemerintahan Khalifah al-Walid dikatakan merupakan zaman keemasan kerajaan Islam di bawah dinasti ini. Manakala Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik pula adalah pemerintah yang lebih menumpu kepada untuk hidup bernikmat-bernikmat setelah negara atau kerajaan sedang berada di kemuncak keagungan.

Kalau memperkatakan tentang perbualan rakyat seharian, maka pada zaman Khalifah al-Walid rakyat membicarakan tentang kejayaan penaklukan wilayah-wilayah dan tentang kejayaan pahlawan-pahlawan yang gagah perkasa menakluk dunia di empat penjuru dunia, tetapi pada zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, rakyat seharian bercakap tentang makanan yang lazat-lazat, tentang hidup berfoya-foya dan tentang pahlawan-pahlawan berjasa yang dibunuh oleh baginda.

Namun sungguhpun Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang buruk imejnya, tetapi baginda ada melakukan satu jasa yang sangat besar kepada umat Islam iaitu baginda tidak melantik putera baginda untuk mengganti tempat baginda sebagai khalifah (kerana putera baginda telah meninggal sebelum baginda wafat) dan tidak pula adinda baginda yang sepatutnya iaitu Yazid bin Abdul Malik, sebaliknya baginda telah melantik saudara sepupu baginda iaitu Umar bin Abdul Aziz, kemudian baru adinda baginda Yazid bin Abdul Malik sehingga kerana itu umat Islam telah mendapat kebaikan yang sangat banyak dengan Umar bin Ummu Asim binti Asim bin Umar bin al-Khattab dipilih menjadi Khalifah bani Umayyah yang kelapan. Semoga pahala yang besar juga melimpah ke atas Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik di atas kebaikan baginda melantik Umar bin Abdul Aziz sebagai khalifah sesudah baginda.

Sungguhpun sebahagian besar para sejarawan Islam mengatakan begitu, namun ada juga segelintir mereka yang mengemukakan beberapa bukti yang memperlihatkan bahawa Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang berimej baik. Penyusun telah menemui tiga penyaksian tokoh sejarah yang juga merupakan ulama' besar di dalam bidang-bidang ilmu agama yang lain iaitu Imam at-Tabari, Imam Sayuti dan Imam Ibnu Sirin yang mengakui bahawa Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang baik, bukanlah seorang khalifah yang jahat dan mengikut kebuasan hawa *nafsu* syahwat secara tidak terkendali. Penyusun akan memperkatakannya di bawah tajuk khas di bawah nanti.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik ialah putera Khalifah Abdul Malik bin Marwan daripada isteri pertama baginda yang bernama Walladah binti al-Abbas yang lebih dikenali dengan panggilan Ummu Walid al-Absiyyah.

Baginda mempunyai tiga orang saudara lelaki dan seorang saudara perempuan seibu sebapa iaitu Khalifah al-Walid, Marwan al-Akbar dan Aisyah.

Baginda dilahirkan pada tahun 54 Hijrah/674 Masihi. Jelas baginda lebih muda sebanyak empat tahun daripada kekanda baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik.

Ketika Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik dilahirkan, Sayidina Anas bin Malik, sahabat besar merangkap khadam Rasulullah s.a.w. selama sepuluh tahun masih hidup berusia 64 tahun. Kerana Sayidina Anas bin Malik ketika tahun pertama hijrah berusia 10 tahun. Sulaiman bin Abdul Malik sempat berjumpa dengan ramai para sahabat Rasulullah s.a.w. kerana ketika baginda sedang remaja (tahun 74 Hijrah/705 Masihi berusia 20 tahun), para sahabat Rasulullah s.a.w. masih ramai lagi yang hidup termasuk Sayidina Anas bin Malik ini. Ketika Sayidina Anas bin Malik wafat pada tahun 93 Hijrah/711 Masihi ketika berusia 103 tahun, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik berusia 39 tahun.

Salasilah keturunan baginda yang selengkapnya ialah Sulaiman bin Abdul Malik bin Marwan bin al-Hakkam bin Abul Ass bin Umayyah bin Abdul Syams bin Abdul Manaf bin Qusai. Manakala salasilah dari pihak ibundanya ialah Walladah binti al-Abbas bin Jaz'a bin al-Harith.

Tentang rupaparas dan sifat-sifat fizikal Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, dikatakan baginda adalah seorang lelaki yang kacak dan tampan. Baginda adalah seorang yang mengkagumi kekacakan dan ketampanan diri baginda sendiri. Diriwayatkan pada suatu hari Khalifah Sulaiman yang memakai pakaian yang cantik dan dengan mengenakan serban hijau di kepala duduk menilik diri di cermin seraya berkata, "Aku adalah seorang raja yang muda remaja."

Adapun tentang sifat-sifat kejiwaan baginda, ahli-ahli sejarah Islam mengatakan baginda adalah seorang manusia yang tidak mempunyai perangai yang baik, tidak tetap pendirian dan gemarkan kepada keseronokan hidup. Perkara-perkara yang paling baginda minat sekali ialah memakan makanan dan minuman yang lazat-lazat serta berhibur. Jelas kegemaran baginda serupa dengan kegemaran Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, khalifah bani Umayyah yang kedua dari dinasti Sufyaniyyah.

Di antara sifat hati Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik ialah baginda adalah seorang manusia yang pendendam terhadap orang-orang yang pernah berbuat salah terhadap diri baginda. Amat tidak sesuai untuk menjadi seorang

pentadbir, apatah lagi untuk menjadi seorang pemimpin utama negara.

Dengan sifat-sifat peribadi di atas, sebenarnya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik tidak layak untuk menduduki kerusi khalifah.

Tetapi penyusun atas dasar pendapat peribadi tidak dapat menerima pendapat yang mengatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik seorang manusia yang tidak mempunyai perangai yang baik, tidak tetap pendirian, gemarkan kepada keseronokan hidup secara melampaui batas dan seorang manusia yang pendendam. Sebagaimana yang penyusun telah katakan di dalam bab pengenalan peribadi, nanti di bawah penyusun akan berikan hujah-hujah penyusun kenapa penyusun tidak dapat menerima pendapat-pendapat yang terlalu tidak baik terhadap peribadi Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik.

Dilantik Menjadi Khalifah

Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah ketika baginda berusia 42 tahun. Baginda adalah khalifah bani Umayyah yang ketujuh menggantikan tempat kekanda baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang wafat menjelang tahun 96 Hijrah/714 Masihi.

Perlantikan baginda sebenarnya telah diatur oleh ayahanda baginda Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebelum wafat telah menetapkan dua orang putera baginda untuk menjadi khalifah secara bergilir-gilir meskipun baginda mempunyai lebih dari dua orang putera. Mereka ialah al-Walid sebagai Putera Mahkota pertama, kemudian baru Sulaiman sebagai Putera Mahkota kedua.

Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik hampir-hampir tersingkir daripada menduduki jawatan khalifah sesudah kekanda baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik apabila Khalifah al-Walid disaat-saat akhir pemerintahannya iaitu pada tahun 95 Hijrah/713 Masihi telah merancang untuk menyingkir adinda baginda Sulaiman bin Abdul Malik daripada jawatan Putera Mahkota dan diganti dengan putera baginda sendiri. Diriwayatkan bahawa Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah berhasrat benar untuk melantik putera baginda yang bernama al-Abbas iaitu putera sulung baginda sebagai Putera Mahkota. Al-Abbas ialah putera baginda daripada salah seorang jariah baginda. Riwayat lain mengatakan putera baginda yang bernama Abdul Aziz.

Ketika Khalifah al-Walid bin Abdul Malik meluahkan hasrat baginda ini, para tokoh yang berada di sisi baginda hanyalah al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi dari kalangan para pembesar kerajaan dan Umar bin Abdul Aziz yang menjawat jawatan gabenor Hijaz yang beribu pejabat di kota Madinah. Manakala para gabenor yang lain semuanya berada jauh di tempat bertugas masing-masing seperti Panglima Muhammad bin al-Qasim yang menjawat jawatan gabenor di Sind India dan Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili yang menjawat jawatan gabenor di Merw negeri Khurasan, tetapi sedang

berada di kota Kasyghar di sempadan negeri China. Mereka berdua menyatakan sokongan mereka melalui surat masing-masing. Ini disebabkan mereka ada hubungan kekeluargaan dengan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang menyokong penuh kemahuan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik itu. Tetapi Musa bin Nusair yang merupakan gabenor di Sepanyol tidak terlibat dalam hal ini.

Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi sangat memberi sokongan terhadap hasrat hati Khalifah al-Walid bin Abdul Malik itu. Tetapi Umar bin Abdul Aziz telah menyatakan ketidak sukaan beliau di dalam perkara itu. Ini bukanlah kerana Umar bin Abdul Aziz menyukai Sulaiman bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah, tetapi disebabkan beliau tidak menyukai penipuan dan perbuatan mungkir janji. Umar bin Abdul Aziz sangat mencintai kejujuran dan tidak suka kepada perbuatan mungkir janji dan berkhianat. Kalau persetujuan asal yang dibuat oleh Khalifah Abdul Malik bin Marwan bahawa Putera Mahkota adalah dua orang dan silih berganti bermula dengan al-Walid, kemudian Sulaiman, maka perkara itu hendaklah ditunaikan. Jangan dimungkiri dan dikhianati. Kalau tidak sudah pasti negara akan menjadi haru biru dan hancur dan akan diganti dengan kerajaan yang baru pula.

Namun Khalifah al-Walid bin Abdul Malik tetap berkeras dengan kehendak hati baginda itu. Baginda mengumumkan al-Abbas/Abdul Aziz sebagai Putera Mahkota dan bakal khalifah setelah kewafatan baginda. Tetapi Allah SWT menghendaki yang lain. Al-Abbas/Abdul Aziz tidak ditakdirkan akan menjadi khalifah. Khalifah al-Walid bin Abdul Malik kemudiannya telah mengubah fikiran dengan membatalkan perlantikan al-Abbas/Abdul Aziz sebagai Putera Mahkota disebabkan bantahan daripada Umar bin Abdul Aziz itu. Disebabkan itu sebaik sahaja Khalifah al-Walid bin Abdul Malik wafat, maka orang ramai telah melantik Sulaiman bin Abdul Malik menjadi Khalifah bani Umayyah yang ketujuh menggantikan tempat Khalifah al-Walid bin Abdul Malik.

Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang tidak menyukai peribadi Umar bin Abdul Aziz ketika melihat Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mula membenci Umar bin Abdul Aziz yang menjadi gabenor di kota Madinah itu, maka dia terus menasihati Khalifah al-Walid bin Abdul Malik agar memecat Umar bin Abdul Aziz daripada jawatan gabenor kota Madinah dengan alasan Umar bin Abdul Aziz sangat lemah di dalam menghadapi musuh-musuh bani Umayyah di Hijaz (Mekah dan Madinah). Dengan mudah sahaja Khalifah al-Walid bin Abdul Malik memecat Umar bin Abdul Aziz saudara sepupu baginda sendiri ibarat pepatah orang mengantuk disorongkan bantal.

Inilah di antara sebab kenapakah Umar bin Abdul Aziz disingkir daripada jawatan gabenor kota Madinah oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik pada tahun 93 Hijrah/710 Masihi.

Pemerintahan

Sebagaimana yang telah dinyatakan dan diketahui, ketika Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik memegang jawatan khalifah, negara atau kerajaan Islam sudah sangat luas sekali. Di barat sudah berjaya menakluk negara Sepanyol dan sudah sampai di perbatasan negara Perancis. Manakala di timur sudah mencapai benua India dan perbatasan negara China. Di utara sudah menguasai Asia Kecil. Sesungguhnya ketika itu pemerintah kerajaan Islam bani Umayyah dipandang oleh musuh-musuh Islam adalah merupakan sebuah kerajaan yang sangat hebat dan sangat menakutkan mereka.

Apakah langkah-langkah atau tindakan pertama yang diambil oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik di dalam melaksanakan pentadbiran negara?

Mengikut apa yang ditulis oleh para sejarawan Islam bahawa sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik tidak memikirkan soal-soal pentadbiran, soal meluaskan empayar, soal nasib rakyat, soal kebajikan umat, tetapi apa yang sedang bersarang di dalam kepala baginda ialah mahu menghukum atau menghapus para tokoh yang berkomplot untuk melucutkan baginda daripada jawatan Putera Mahkota seterusnya jawatan khalifah dan seorang tokoh yang engkar perintah baginda. Mereka adalah empat orang iaitu gabenor Iraq al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, Muhammad bin al-Qasim, penakluk India dan gabenor Sind, India dan Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili, gabenor Khurasan dan penakluk Negeri-Negeri Seberang Sungai dan kawasan sempadan negara China dan Panglima Musa bin Nusair, penakluk negara Sepanyol.

Menghukum Para Pahlawan Yang Berjasa

Mujur sekali bagi al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kerana beliau terlepas daripada terkena hukuman oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik kerana ketika Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah, beliau telah wafat. Al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi wafat pada tahun 85 Hijrah/704 Masihi, setahun sebelum Khalifah al-Walid bin Abdul Malik wafat. Tetapi Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah membalas dendam terhadap al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi dengan cara menghukum keluarga al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi seperti menganiaya anak-anak isteri al-Hajjaj dan seluruh kaum keluarganya.

Untuk menggantikan tempat al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi selaku gabenor Iraq, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah melantik Yazid bin al-Muhallab, seorang pahlawan dari suku Yaman, putera kepada pahlawan besar al-Muhallab bin Abu Sufrah.

Manakala terhadap dua-dua pahlawan merangkap gabenor di wilayah timur iaitu di Sind, India iaitu Panglima Muhammad bin Qasim yang merupakan anak saudara merangkap menantu kepada al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi dan

gabenor di Khurasan iaitu Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili yang tidak pulang ke negeri Syam, sebaliknya meneruskan perjuangan mereka di bumi India (Sind) dan perbatasan negara China untuk negara, bangsa dan agama oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah mengeluarkan perintah memberhentikan kedua-duanya selaku gabenor di wilayah-wilayah yang disebutkan dan diganti dengan tokoh lain. Bagi menduduki jawatan gabenor di Sind, India, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah melantik Yazid bin Abu Kabsyah as-Saksaki. Kemudian gabenor Sind yang baru itu telah menangkap Panglima Muhammad bin al-Qasim dan dibawa ke kota Wasit dan dipenjara di sana. Muhammad bin al-Qasim telah diseksa dengan kejam oleh gabenor kota Wasit iaitu Salih bin Abdul Rahman dan beliau telah meninggal dunia akibat seksaan itu.

Apabila Panglima Qutaibah bin Muslim mendengar bahawa Panglima Muhammad bin al-Qasim telah dibunuh oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, maka beliau merasa beliau akan menerima nasib yang sama sebagaimana Panglima Muhammad bin al-Qasim sekiranya beliau dapat ditangkap oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili tidak mahu bertuankan kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik lagi dan beliau telah menulis surat kepada para pemimpin di wilayah-wilayah yang ditaklukinya di timur itu agar bersama-sama beliau berangkat ke kota Damsyik untuk menggulingkan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Apabila Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik mendapat tahu tentang perkara itu, maka baginda terus membentuk sebuah angkatan tentera yang besar untuk menghalang kemaraan pasukan tentera yang dipimpin oleh Panglima Qutaibah bin Muslim itu. Kebanyakan anggota tentera kerajaan bani Umayyah ialah para tahanan yang dibebaskan oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik dari penjara di Iraq sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah dahulu dan panglima yang memimpin pasukan itu bernama Waki' bin Hasan at-Tamimi.

Akhirnya kedua-dua pasukan tentera Islam itu bertembung dan terjadilah pertempuran yang sangat dahsyat di mana pasukan pimpinan Panglima Qutaibah bin Muslim al-Bahili telah mengalami kekalahan dan Panglima Qutaibah bin Muslim sendiri turut terbunuh. Peristiwa ini terjadi pada tahun 96 hijrah/714 Masihi.

Sekarang marilah kita lihat pula bagaimanakah cerita Panglima Musa bin Nusair dihukum oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Pada tahun 96 Hijrah/714 Masihi, Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah jatuh sakit. Padahal baginda masih lagi muda baru berusia 46 tahun. Beberapa bulan sebelum itu, baginda telah mengeluarkan perintah agar penaklukan di sempadan negara Sepanyol/Perancis dihentikan dan mengarahkan supaya angkatan tentera Islam yang di bawah pimpinan Panglima Musa bin Nusair kembali semula ke Sepanyol. Seterusnya diarah agar kembali ke negeri Syam ke kota Damsyik dengan membawa bersama-samanya kesemua harta rampasan perang yang

sangat banyak dan sangat bernilai yang diperolehi dari peperangan di negara Sepanyol itu.

Panglima Musa bin Nusair dan Panglima Tariq bin Ziad yang sedang berjuang di negara Sepanyol terus menghentikan pergerakan ketenteraan mereka yang sudah pun berada hampir di sempadan negara Perancis dan terus berpatah balik semula ke Afrika Utara. Ketika itu gabenor di Afrika Utara termasuk Maghribi ialah putera Panglima Musa bin Nusair bernama Abdul Malik. Manakala gabenor di Sepanyol ialah Musa bin Nusair sendiri. Sebelum meninggal negara Sepanyol, Panglima Musa bin Nusair relah melantik putera beliau yang bernama Abdul Aziz sebagai gabenor Sepanyol. Kedua-dua pahlawan besar itu terus kembali ke negeri Syam dengan membawa harta ghanimah yang sangat banyak.

Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik mengambil kesempatan ini untuk menguasai kerajaan ketika itu. Maklumlah beliau adalah Putera Mahkota, manakala Khalifah al-Walid bin Abdul Malik pula sedang sakit tenat. Jadi beliaulah yang memangku jawatan khalifah buat sementara waktu menunggu Khalifah al-Walid bin Abdul Malik kembali sembuh dari sakitnya. Setibanya rombongan Panglima Musa bin Nusair di Palestin, Sulaiman bin Abdul Malik terus mengarahkan kepada pahlawan penakluk Sepanyol itu melalui sepucuk surat agar melambat-lambatkan perjalanan pulangnya ke negeri Syam kerana ada udang disebalik batu disebalik perintah agar melambat-lambatkan perjalanan itu. Tetapi Panglima Musa bin Nusair tidak menyenangi perintah Putera Mahkota bakal khalifah kerajaan bani Umayyah sesudah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik itu. Sulaiman bin Abdul Malik bukan khalifah, sekadar Putera Mahkota sahaja. Khalifah ialah al-Walid bin Abdul Malik yang sedang sakit. Perintah khalifah yang wajib ditaati, bukan perintah Putera Mahkota. Panglima Musa bin Nusair menjawab melalui suratnya kepada Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik;

"Demi Allah, engkau telah berkhianat, menipu dan tidak jujur. Demi Allah, aku tidak akan berhenti untuk menunggu, tidak akan melambat-lambatkan perjalananku dan tidak pula akan mempercepatkannya. Akan tetapi aku akan berjalan sebagaimana biasanya sahaja. Sekiranya Allah mentakdirkan aku sempat berjumpa dengan Amirul Mu'minin dalam keadaan baginda masih hidup, maka sudah tentu aku akan sampai ke negeri Syam sebelum baginda wafat. Sebaliknya sekiranya ajalnya sudah sampai terlebih dahulu sebelum ketibaanku, maka itu sudah merupakan suatu takdir dari Allah."

Sulaiman bin Abdul Malik sangat marah setelah membaca surat dari Panglima Musa bin Nusair itu. Beliau menganggap Panglima Musa bin Nusair telah menderhakainya. Merah padam muka beliau.

Panglima Musa bin Nusair sampai di kota Damsyik bersama-sama dengan angkatan tentera beliau dengan membawa harta ghanimah yang sangat banyak.

Ketika itu Khalifah al-Walid bin Abdul Malik masih belum wafat. Baginda sangat gembira dan merasa bangga kepada Panglima Musa bin Nusair yang sangat setia kepada pemerintah baginda itu. Namun kegembiraan yang dinikmati oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik tidaklah lama kerana tiga hari setelah itu baginda pun wafat. Tempat baginda terus diganti oleh Putera Mahkota Sulaiman bin Abdul Malik.

Dengan api dendam yang sedang membara di dalam dadanya, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik mahu menghukum ke atas Panglima Musa bin Nusair dengan mengenakan hukuman yang seberat-beratnya. Oleh kerana Panglima Musa bin Nusair bukan terlibat di dalam komplot untuk melucutkan baginda dahulu daripada jawatan Putera Mahkota, cuma sekadar melanggar perintah baginda sahaja, maka Khalifah Sulaiman mahu menghukum Panglima Musa bin Nusair dengan hukuman yang lebih ringan sedikit. Bukan hukuman mati, tetapi hukuman melucut pangkat, menyita harta kekayaan dan menghalau keluar dari negeri Syam. Cuma baginda tidak mahu melihat muka Panglima Musa bin Nusair lagi sepanjang hidup baginda.

Diriwayatkan bahawa Musa bin Nusair telah meninggalkan negeri Syam dan pulang semula ke kota Madinah di tempat tanah asal ayahnya ketika menjadi hamba dalam keadaan yang sangat hina. Beliau telah jatuh miskin kerana kesemua harta kekayaannya dirampas oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik dan telah menjadi peminta sedekah di kota Madinah dan wafat pada tahun 98 hijrah/716 Masihi iaitu setelah dua tahun beliau dipecat daripada jawatannya. Ada riwayat mengatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik memenjarakan beliau di kota Madinah dan beliau wafat di dalam penjara itu.

Hati baginda masih belum puas lagi hanya menghukum Panglima Musa bin Nusair, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik mahu menghukum juga kesemua anak-anak Panglima Musa bin Nusair. Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, gabenor di Afrika Utara dan Maghribi ialah Abdul Malik bin Musa bin Nusair, manakala gabenor di Sepanyol ialah Abdul Aziz bin Musa bin Nusair.

Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah memecat Abdul Malik bin Musa bin Nusair daripada jawatannya selaku gabenor di Afrika Utara dan Maghribi dan diganti dengan seorang tokoh yang bernama Muhammad bin Yazid. Namun Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik tidak menghukum Abdul Malik bin Musa bin Nusair ini secara kejam, sebaliknya baginda membiarkan beliau ini hidup bebas dan membenarkannya datang mengadap baginda sekali sekala. Mungkin ada sesuatu perkara yang menyenangkan hati Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik berkaitan dengan peribadi tokoh ini.

Berlainan yang dilakukan oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik terhadap Abdul Aziz bin Musa bin Nusair, gabenor di Sepanyol. Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik sangat marah kepada putera Panglima Musa bin Nusair yang seorang ini. Baginda telah menghantar seseorang ke Sepanyol dengan perintah

supaya Abdul Aziz bin Musa bin Nusair dibunuh dan ternyata Abdul Aziz bin Musa telah mati dibunuh di Sepanyol.

Cuba Memerintah Dengan Baik Dan Menurut Hukum-Hukum Islam

Setelah selesai menghukum para pahlawan dan para pembesar kerajaan yang sangat berkuasa dan berjasa pada zaman pemerintahan kekanda baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah cuba melaksanakan pemerintahan sebagaimana yang dilaksanakan oleh para Khalifah Irrasyidin iaitu mengikut hukum-hukum al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah s.a.w. Baginda telah memanggil para ulama' untuk mendampingi baginda. Diawal-awal pemerintahan baginda itu, baginda telah mengharamkan majlis-majlis hiburan yang disertai dengan nyanyian para biduan dan minuman arak.

Tetapi oleh kerana di antara sifat-sifat Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik ialah baginda tidak tetap pendirian, maka tiba-tiba sahaja baginda telah menukar selera daripada menjadi khalifah yang salih dan kuat beragama kepada khalifah yang suka berfoya-foya dan berhibur. Dalam sekelip mata sahaja sehingga dikatakan oleh ahli-ahli sejarah Islam, pada zaman baginda, unsur-unsur yang tidak sihat dari luar telah dibawa masuk ke dalam negara Islam. Ini satu riwayat yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah Islam.

Apakah Ada Usaha Peluasan Wilayah Dan Penyebaran Agama Islam Di Masa Sulaiman?

Setelah berpuashati kerana telah menghapuskan orang-orang yang sangat menyakitkan hati baginda meskipun mereka semua adalah para pahlawan yang sangat berjasa terhadap negara dan agama pada zaman pemerintahan kekanda baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, apakah Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik ada melakukan usaha-usaha peluasan wilayah dan penyebaran agama Islam seperti yang dibuat oleh kekanda baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik itu?

Ya, meskipun masa pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, empayar Islam sudah sangat luas iaitu di timur sudah sampai ke sempadan negara China, manakala di barat sudah mencapai perbatasan negara Perancis dan masa pemerintahan baginda pula sangatlah singkat iaitu kira-kira dua tahun lapan bulan sahaja, tetapi baginda masih dan sempat juga melakukan usaha penaklukan ke atas beberapa buah negeri yang belum disebarkan agama Islam kepada mereka. Negeri-negeri yang dimaksudkan itu ialah Jurjan dan Tabristan. Kedua-dua negeri itu terletak di sebelah timur laut Tanah Arab iaitu di belahan selatan Laut Kaspian. Pahlawan yang berjasa di dalam melancarkan operasi ke atas kedua-dua negeri ini ialah Panglima Yazid bin al-Muhallab bin Abu Sufrah yang merupakan gabenor Iraq yang menggantikan tempat al-Hajjaj

bin Yusuf ath-Thaqafi. Peristiwa ini berlaku pada tahun 98 Hijrah/716 Masihi, iaitu setelah baginda memerintah selama dua tahun.

Satu lagi usaha peluasan empayar Islam serentak dengan melakukan penyebaran agama yang suci ini telah dibuat pada zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik iaitu usaha menakluk kota Constantinople, ibu kota negara Turki. Sebenarnya pada akhir-akhir zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, baginda telah mempersiapkan sebuah angkatan tentera yang kuat untuk dihantar menggempur kota Constantinople di bawah pimpinan Panglima Muslamah bin Abdul Malik, adinda kepada khalifah. Tetapi sebelum angkatan ini diarah berangkat, tiba-tiba Khalifah al-Walid bin Abdul Malik jatuh sakit dan wafat. Jadi setelah Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik berkuasa, maka baginda telah meneruskan usaha suci saudara baginda ini.

Angkatan tentera Islam yang diberangkat untuk menggempur kota Constantinople terdiri daripada angkatan darat dan laut. Angkatan darat telah bermarkas di kota Marj Dabiq iaitu sebuah tempat yang letaknya sejauh empat farsakh dari kota Halab. Maharaja kerajaan Byzentium atau Rom Timur ketika itu ialah Anstisius ll. Baginda ini telah berusaha dengan bersungguh-sungguh menghalang bahan makanan, minuman dan lain-lain keperluan tambahan yang diperlukan di dalam peperangan seperti senjata yang dihantar oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik daripada sampai ke tangan angkatan tentera Islam yang bermarkas di Marj Dabiq itu.

Tetapi usaha Emperor Rom itu telah mengalami kegagalan kerana seorang pahlawan mereka bernama Leo al-Azuri al-Bizanti telah melakukan pengkhianatan kepada bangsanya dengan belot kepada pihak Islam. Leo al-Azuri al-Bizanti bertindak demikian adalah kerana beliau tamak kepada kuasa yang sedang berada di tangan Emperor Anstisius ll. Bersama dengan Leo al-Azuri al-Bizanti, Panglima Muslamah bin Abdul Malik memimpin angkatan tentera Islam mara ke Asia Kecil dan menawan satu demi satu kota-kota atau bandar-bandar di Asia Kecil itu. Akhirnya pasukan tentera darat Islam itu sampai di kota Constantinople dan mengepung kota itu bersama-sama dengan angkatan tentera laut Islam. Dengan itu terjadilah pengepungan ke atas kota Constantinople oleh tentera Islam dari darat dan laut. Pengepungan berjalan sampailah masuk ke tahun 99 Hijrah/717 Masihi. Tetapi kemudian Leo al-Azuri al-Bizanti telah mengkhianati pihak tentera Islam dengan kembali semula menyertai angkatan tentera Rom Timur yang menyebabkan tentera Islam menjadi kelam kabut dan keliru. Kapal-kapal perang tentera Islam telah dibedil dan banyak yang tebakar dan musnah. Dalam keadaan ditimpa serangan pihak tentera Byzentium yang hebat itu, tiba-tiba sampai berita daripada kota Damsyik yang memberitahu bahawa Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik sudah wafat.

Jadi sekali lagi usaha untuk menakluk kota Constantinople yang diusahakan sejak zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan telah mengalami kegagalan.

Wafat

Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik wafat pada 10 hb Safar tahun 99 Hijrah/717 Masihi pada hari Jumaat setelah memerintah selama kira-kira dua tahun lapan bulan sahaja bermula dari tahun 96 Hijrah/714 Masihi. Tentang bagaimana baginda wafat itu, terdapat dua riwayat. Riwayat pertama mengatakan baginda wafat adalah disebabkan sangat kekenyangan. Memang sejarah masyhur sekali mengatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang sangat suka kepada makanan yang lazat-lazat dan baginda apabila makan dan minum akan makan dan minum dengan sangat banyak atau berlebih-lebihan. Biasalah setiap hari baginda akan makan dan minum dengan banyaknya kerana baginda adalah seorang yang kuat makan. Tetapi baginda tidak sakit atau mati. Namun disebabkan ajal baginda sudah sampai, maka hidangan yang terakhir baginda makan telah membawa kepada ajal baginda kerana sangat kekenyangan itu. Inilah riwayat yang diterima ramai.

Manakala riwayat yang kedua mengatakan baginda wafat bukan bersabit dengan kerana terlalu banyak makan dan minum, tetapi disebabkan oleh ajal telah sampai. Diceritakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik wafat seminggu setelah baginda pulang dari mengiringi satu jenazah rakyat baginda di daerah Dabiq yang dimakamkan di dalam sebuah kebun. Ketika di tempat pengkebumian rakyat baginda itu, dikatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah mengambil sedikit tanah di perkuburan itu dan berkata, "Alangkah bagusnya tanah ini. Alangkah wanginya tanah ini." Seminggu kemudian iaitu pada hari Jumaat, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik lalu wafat dan jenazah baginda disemadikan berhampiran dengan kubur orang yang baginda ziarah itu.

Memang riwayat yang mengatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik wafat disebabkan kekenyangan yang diterima oleh masyarakat umumnya sejak dahulu sehingga sekarang kerana ianya telah diajar sejak di sekolah lagi. Tetapi pada pemikiran penyusun yang kurang bijak ini, penyusun lebih menerima riwayat yang mengatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik wafat dalam keadaan yang baik dan terpuji. Sebab memang ada orang yang mati kerana sangat kekenyangan. Tetapi satu dalam sejuta. Dan dikatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang daripada manusia yang malang itu.

Lainlah kalau terdapat satu riwayat sahaja yang menceritakan tentang sebab-sebab yang membawa kepada wafatnya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Ini ada dua riwayat. Jadi para penulis sejarah Islam boleh memilih cara mana yang sampai riwayat kepada mereka itu. Apabila seorang ahli sejarah itu adalah seorang yang mencintai pemerintahan kerajaan bani Umayyah, maka dia akan

menerima riwayat yang baik-baik yang didengar atau yang disampaikan kepadanya oleh seseorang, dan menolak yang tidak baik. Begitulah juga sebaliknya.

Tetapi oleh kerana penyusun lebih mempercayai Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang merupakan kunci kebaikan seperti yang dikatakan oleh Imam Tabari, seorang khalifah yang menggalakkan rakyat agar sentiasa mengerjakan sembahyang pada waktunya seperti yang dikatakan oleh Imam Muhammad bin Sirin, dan seorang khalifah yang sangat mengutamakan keadilan seperti yang dikatakan oleh Imam Sayuti, maka penyusun yakin dan menerima riwayat yang mengatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik wafat secara biasa bukan disebabkan kekenyangan kerana terlalu banyak makan dan minum.

Sebelum wafat, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah mewasiatkan agar Umar bin Abdul Aziz saudara sepupu baginda dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat baginda. Selepas Umar hendaklah dilantik pula Yazid bin Abdul Malik saudara baginda sebapa. Baginda melantik Umar bin Abdul Aziz adalah di atas nasihat penasihat atau menteri baginda yang bernama Raja' bin Haiwah, yang selain merupakan seorang tokoh politik yang pintar, juga adalah seorang ulama' yang sangat alim dan wara'.

Keluarga

Selama hidupnya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah berkahwin dengan empat orang perempuan. Hasil daripada keempat-empat orang isteri baginda itu, baginda telah dikurniakan seramai dua belas orang anak yang semuanya lelaki. Marilah kita lihat siapakah isteri-isteri dan anak-anak Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik itu:-

Isteri pertama baginda ialah Ummu Abban binti Abban bin al-Hakkam bin Abul Ass. Jelas isteri pertama Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik ini adalah emak sepupu baginda sendiri. Hasil dari perkahwinan ini baginda dikurniakan seorang putera bernama Ayub. Tetapi Ayub wafat sebelum ayahandanya wafat iaitu ketika sedang remaja.

Isteri kedua baginda ialah Ummu Yazid bin Abdullah bin Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang merupakan kerabatnya yang masih dekat. Hasil daripada isteri yang kedua ini, baginda mendapat tiga orang putera iaitu Yazid, al-Qasim dan Said.

Isteri baginda yang ketiga ialah Aisyah binti Abdullah bin Amru bin Uthman bin Affan. Hasil dari perkahwinan ini baginda mendapat dua orang putera iaitu Yahya dan Ubaidullah.

Isteri baginda yang keempat atau terakhir ialah Ummu Amru binti Abdullah bin Khalid bin Usaid bin Abul Ass. Hasilnya baginda mendapat seorang putera iaitu Abdul Wahid.

Abdul Wahid bin Sulaiman adalah gabenor di Hijaz pada masa pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. Beliau dibunuh oleh Salih bin Ali bin Abdullah bin al-Abbas.

Selain anak-anak dari empat isteri yang merupakan perempuan-perempuan merdeka, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik masih mempunyai lima orang putera dengan Ummu Walad iaitu al-Harith, Amru, Umar, Abdul Rahman dan Daud.

Apakah Khalifah Sulaiman Seorang Yang Salih Dan Takwa?

Mungkin di kalangan para pembaca yang budiman, terasa mahu bertanya, bagaimana penyusun boleh terfikir bahawa Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang insan yang salih dan bertakwa kepada Allah SWT, sedangkan para penulis sejarah rata-rata mengatakan khalifah ini adalah seorang yang rendah moralnya dan matinya pun disebabkan sangat kekenyangan kerana terlalu banyak makan dan minum? Kalau mengikut kisah-kisah atau catitan sejarah semasa baginda menjadi khalifah, jelas menunjukkan bahawa Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang insan yang tidak kuat di dalam beragama. Baginda tidak disebut sebagai seorang khalifah yang menyukai agama dan amalan-amalan salih, sebaliknya menyenangi kehidupan mewah dan berfoya-foya dengan perempuan-perempuan dan sangat menggemari makanan dan minuman yang lazat-lazat. Tetapi ini adalah satu riwayat sejarah.

Namun penyusun lebih cenderong mengatakan bahawa Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang baik, meskipun tidak sampai ke tahap sangat salih dan wara' kerana riwayat yang mengatakan baginda sangat suka kepada amalan-amalan yang tidak baik seperti gemar kepada makanan dan minuman yang lazat-lazat dan menikmatinya dengan melampaui adalah riwayat yang dapat diterima.

Penyusun mengandaikan ini berdasarkan tiga riwayat yang datangnya daripada tiga orang ulama' besar dan penulis sejarah.

Andai pertama didasarkan kepada apa yang ditulis oleh Imam Tabari di dalam kitab beliau *Tarikhul Ummam wal Mulk*, "Orang ramai menyebut bahawa Sulaiman (Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik – P) ini adalah dia merupakan kunci kebaikan, ia telah bemurah hati dengan membebaskan tawanan perang, dan mengampunkan orang-orang yang dipenjarakan, ia telah berbakti kepada rakyat, dan telah menunjuk Umar bin Abdul Aziz menjadi khalifah selepasnya."

Andai kedua didasarkan kepada apa yang ditulis oleh Imam Sayuti menulis di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'*, "Sulaiman (Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik – P) adalah salah seorang khalifah-khalifah bani Umayyah yang terbaik, ia fasih dan lancar berbicara, sangat mengutamakan keadilan dan suka pergi berperang."

Manakala andaian yang ketiga didasarkan kepada apa yang diucapkan oleh Imam Muhammad bin Sirin iaitu maula kepada Sayidina Anas bin Malik dan seorang alim besar ahli fekah, hadis dan seorang pentadbir mimpi yang handal pula berkata, "Semoga Allah memberi rahmat kepada seorang tabiin besar yang sempat hidup pada zaman Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik yang berkata, "Semoga Allah memberi rahmat kepada Sulaiman (Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik - P), ia telah memulakan masa pemerintahannya dengan menggerakkan rakyat agar menunaikan sembahyang pada waktunya, dan diakhir pemerintahannya, dia menunjuk Umar bin Abdul Aziz sebagai khalifah sesudahnya."

Bagaimana dengan pandangan para pembaca semua? Apakah tuan-tuan dan puan-puan mahu menerima pendapat yang memburuk-burukkan peribadi Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, atau pendapat yang mengatakan baginda adalah seorang yang berperibadi mulia meskipun tidak sampai ke tahap salih dan wara'?

Baiklah, kalaulah dikatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang zalim dan suka kepada kemewahan hidup, bagaimanakah pula baginda telah melantik dua orang ulama' yang salih iaitu Umar bin Abdul Aziz dan Raja' bin Haiwah sebagai menteri dan penasihat baginda? Masakan seorang pemerintah yang zalim dan suka hidup melampaui batas agama, tiba-tiba melantik orang salih dan alim untuk mendampingi dan menasihati baginda setiap masa?

Sebenarnya ini tidaklah anih dan luar biasa Umar bin Abdul Aziz dapat mendampingi Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik yang suka kepada kemewahan hidup sebab Umar bin Abdul Aziz pun bersikap demikian juga ketika beliau menjadi gabenor di Hijaz atau dengan kata lain sebelum baginda menjadi khalifah. Imam Sayuti menulis dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* yang memperkatakan perkara ini iaitu, ".... ia (Umar bin Abdul Aziz) terlalu suka kepada kemewahan, memakai pakaian serta perhiasan yang berlebih-lebihan...."

Manakala Abdul Aziz Saiyidul Ahli menulis di dalam kitabnya *al-Khalifah az-Zahid* bahawa harta kekayaan milik peribadi Umar bin Abdul Aziz semasa sebelum menjadi khalifah adalah banyak sekali. Kebunnya di Hijaz, Syam, Mesir, Yaman dan Bahrain mengeluarkan hasil mencapai 40,000 dinar setiap tahun, dan di dalam istananya penuh dengan perabut mewah dan mahal-mahal.

Jadi ketika Umar bin Abdul Aziz bekerja sebagai menteri kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, beliau dapat bekerjasama kerana ketika itu beliau belum lagi menjalani kehidupan zahid.

Dan kalau dikatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang salih dan takwa, bagaimanakah dengan tindakan baginda

membunuh tiga pahlawan besar yang sangat berjasa kepada agama dan negara, dan kebanyakan gabenor baginda adalah orang-orang yang zalim?

Saya sebagai penyusun mahu menghakimi persoalan ini. Baiklah, mana yang lebih dapat diterima akal, seorang pemerintah yang jahat dan zalim telah melantik menteri dari kalangan orang-orang alim dan terkenal salih, dengan seorang pemerintah yang salih tiba-tiba melakukan pembunuhan ke atas orang-orang yang berjasa kepada agama dan mempunyai gabenor-gabenor yang zalim dan kejam?

Pada pendapat penyusun yang bodoh dan cetak ilmu dan pemikiran ini, kalau dikatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang pemerintah yang salih dan melakukan tindakan membunuh disebabkan alasan-alasan yang tertentu dan melantik gabenor-gabenor wilayah yang terdiri daripada orang-orang jahat dan kejam. Ini rasanya biasa sangat berlaku di dalam mana-mana kerajaan. Rasulullah s.a.w. sendiri ada melakukan pembunuhan dan ada kakitangan baginda yang melakukan pembunuhan. Khalifah Irrasyidin semuanya ada melakukan pembunuhan, sama ada atas perintah mereka atau dilakukan atas tindakan sendiri. Khalifah-khalifah Abbasiyyah juga ada melakukan pembunuhan, bahkan sangat banyak. Namun masing-masing ada alasannya.

Tetapi bagaimana kalau dikatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang pemerintah yang zalim dan jahat, tetapi telah melantik alim ulama' meskipun bukanlah orang yang sangat salih atau zahid sebagai menteri atau penasihat baginda. Ini rasanya bukan suatu yang biasa berlaku di dalam mana-mana kerajaan.

Kalau begitu mana yang lebih dapat diterima akal berkaitan peribadi Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik?

Apa yang nyata, seseorang yang bagaimanapun salih dan wara'nya, sekiranya dia menjadi pemerintah atau raja atau khalifah, dia tidak akan dapat mengelak daripada melakukan pembunuhan dan tindakan tegas. Kalau tidak kerajaan atau pemerintahannya akan cepat tumbang dan hancur. Jadi tidaklah anih kalau dikatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang salih, meskipun pegawai-pegawai atau gabenor-gabenor baginda terdiri daripada orang-orang yang zalim dan jahat kerana bertindak tegas untuk menjaga keutuhan dan keamanan negara, berbanding dikatakan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang zalim dan jahat, tetapi melantik penasihat dan menteri baginda dari kalangan orang-orang yang salih.

UMAR BIN ABDUL AZIZ
(99-101 Hijrah / 717-719 Masihi)

Pengenalan

Umar bin Abdul Aziz adalah khalifah bani Umayyah yang kelapan daripada seramai empat belas orang khalifah kerajaan bani Umayyah kesemuanya. Baginda dilantik menggantikan tempat saudara sepupu baginda Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik yang wafat. Pada zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, baginda adalah menteri merangkap penasihat bersama-sama Raja' bin Haiwah, seorang politikus-ulama'. Kebanyakan ahli-ahli sejarah Islam menggelar baginda sebagai Khalifah Irrasyidin Kelima (Khamis ar-Rasyidin). Kenapa? Kerana pemerintahan baginda yang kembali kepada corak pemerintahan para Khalifah Irrasyidin yang empat orang itu, tidak mengikut jejak corak pemerintahan para khalifah bani Umayyah yang sebelum baginda terutama dari aspek keadilan pemerintahan dan kezahidan hidup baginda sekeluarga.

Dibanding dengan para Khalifah Irrasyidin yang empat itu, baginda lebih mirip kepada corak pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab. Sehingga kerana itu baginda digelar sebagai Umar ll. Apa yang membezakan Umar bin Abdul Aziz dengan Umar bin al-Khattab hanyalah pada sifat-sifat fizikal dan sifat kegarangan sahaja.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz memerintah negara tidak lama. Cuma selama dua tahun lebih sahaja sebagaimana lama masa pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik juga. Tetapi dengan corak pemerintahan yang sangat berbeza, di mana ciri-ciri pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik sangat mengutamakan keseronokan hidup seperti asyik dengan makanan dan minuman yang lazat-lazat. Tetapi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, rakyat mengutamakan ibadat, kehidupan sederhana, mengingati kehidupan di alam akhirat. Meskipun masa pemerintahan baginda tidak lama, tetapi telah mencapai kejayaan lebih daripada khalifah-khalifah lain yang memerintah berbelas-belas tahun.

Kelahiran dan Peribadi

Khalifah Umar bin Abdul Aziz dilahirkan di kota Madinah pada tahun 62 Hijrah/682 Masihi ketika kerajaan sedang berada di dalam tangan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Ketika itu gabenor kota Madinah dipegang oleh Marwan bin al-Hakkam datuk beliau dari pihak bapa. Tetapi Imam Nawawi berkata di dalam kitabnya berjudul *Tahazibul Asma'* bahawa Umar bin Abdul Aziz dilahirkan di kota Hulwan yang letaknya tidak jauh dari kota Qahirah, Mesir ketika ayahandanya menjadi gabenor Mesir. Kalau riwayat Imam Nawawi ini benar, maka bererti Umar bin Abdul Aziz dilahirkan pada tahun 65 hijrah. Dua tahun lebih muda daripada pendapat yang masyhur. Marwan bin al-Hakkam mempunyai empat orang anak-anak lelaki iaitu Abdul Malik, Abdul Aziz, Muhammad dan Bisyr.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz datang dari dua jalur keturunan Quraisy yang paling terkemuka. Keturunan baginda dari pihak bapa adalah dari keturunan bani Umayyah, manakala dari pihak ibu adalah dari keturunan bani Adi. Kedua-dua datuk baginda dari dua jalur keturunan itu adalah orang-orang besar yang terkemuka. Datuk baginda dari pihak bapa iaitu Marwan bin al-Hakkam adalah seorang tokoh bani Umayyah yang sangat terkemuka. Nama Marwan bin al-Hakkam mulai terserlah di dalam sejarah Islam sejak zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan lagi. Beliau bertugas sebagai Setiausaha Peribadi kepada Khalifah Uthman bin Affan dan seterusnya dilantik menjadi gabenor di kota Madinah pada zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang keempat menggantikan tempat Khalifah Mu'awiyah bin Yazid yang meletak jawatan.

Manakala datuk baginda dari pihak ibundanya pula adalah Khalifah Umar bin al-Khattab, Khalifah Irrasyidin yang kedua yang terkenal sangat adil dan zahid. Khalifah Umar bin al-Khattab pernah meramalkan (disebabkan ada kaitan dengan mimpi yang dialaminya yang merupakan keramat kasyaf kepadanya) bahawa akan lahir dari anak cucunya seorang yang akan menjadi pemerintah yang memerintah dengan sangat adil. Umar bin al-Khattab berkata;

"Dari keturunanku akan lahir seorang lelaki yang berparut di dahinya. Ia akan memenuhi dunia dengan keadilan."

Sekarang marilah kita lihat salasilah keturunan Khalifah Umar bin Abdul Aziz dari kedua-dua jalur keturunan ibu bapa baginda itu:-

Dari pihak bapa, baginda adalah Umar bin Abdul Aziz bin Marwan bin al-Hakkam. Manakala dari pihak ibu pula baginda adalah Umar bin Ummu Asim binti Asim bin Umar bin al-Khattab. Nama sebenar Ummu Asim ialah Laila.

Kisah perkahwinan datuk baginda Asim bin Umar bin al-Khattab dengan nenek baginda anak gadis perempuan janda miskin amatlah terkenal sekali. Ini adalah berhubung kait dengan sikap kesungguhan Khalifah Umar bin al-Khattab menjaga kebajikan rakyat baginda. Segala-galanya bermula pada suatu

malam di mana Khalifah Umar bin al-Khattab telah keluar meronda bersama pembantu baginda yang bernama Aslam. Dia adalah pembantu Khalifah Umar bin al-Khattab yang sering keluar bersama Khalifah Umar bin al-Khattab kerana meronda melihat nasib rakyat pada malam hari.

Setelah lama berjalan pada suatu lorong di dalam kota Madinah, Khalifah Umar bin al-Khattab dan Aslam bersandar pada sebuah dinding rumah yang agak buruk untuk berehat setelah badan merasa keletihan. Tiba-tiba Khalifah Umar bin al-Khattab terdengar isi rumah itu sedang bercakap-cakap, jelas percakapan mereka. Khalifah Umar bin al-Khattab menadah telinga baginda untuk mendengar apakah yang sedang dipercakapkan oleh isi rumah itu. Tujuan baginda berbuat demikian bukan kerana mahu mengintip untuk mencari rahsia atau keburukan isi rumah itu, tetapi untuk mengetahui apakah terdapat kekurangan kehidupan penghuni rumah itu agar baginda dapat memberi bantuan segera.

Dialog isi keluarga itu berbunyi:-

Ibu: Campurlah susu itu dengan air semoga kita mendapat keuntungan yang lebih.

Anak: Tak boleh ibu. Amirul Mu'minin Umar tidak mengizinkan sesiapapun berbuat demikian.

Ibu : Mana Amirul Mu'minin tahu. Kan dia tak nampak kita.

Anak : Tapi Tuhan Umar nampak perbuatan kita ibu.

Setelah mendengar jawapan dari si anak seperti itu, maka Khalifah Umar bin al-Khattab terus menyuruh Aslam memberi tanda pada rumah itu dan mereka berdua terus bergegas pulang tanpa meneruskan rondaan lagi. Pada keesokan harinya Khalifah Umar bin al-Khattab bertanya kepada anak-anak baginda, siapakah di antara mereka yang mahu berkahwin kerana calon isterinya sudah ada. Maka anak baginda yang bernama Asim telah menyanggupinya kerana dia masih belum berkahwin lagi. Lantas Khalifah Umar bin al-Khattab mengahwinkan putera baginda yang bernama Asim itu dengan anak gadis si janda miskin yang beriman tulin itu.

Asim dan isterinya anak gadis yang salihah itu telah memperolehi anak perempuan yang dinamakan Laila (gelarannya Ummu Asim). Gadis itu telah disunting oleh Abdul Aziz bin Marwan dan telah melahirkan Umar.

Memperkatakan tentang peribadi Khalifah Umar bin Abdul Aziz, penyusun masih belum menemui tentang sifat-sifat fizikal baginda. Apakah baginda seorang yang kacak dan tampan, tinggi atau rendah, gemuk atau kurus. Apa yang jelas yang disebut di dalam sejarah Islam ialah baginda mempunyai parut di dahi akibat ditendang oleh kuda semasa kecilnya.

Tentang baginda ada mempunyai parut di atas dahi ada riwayat yang

menceritakannya. Dikatakan pada suatu hari ketika Umar bin Abdul Aziz masih kanak-kanak, seekor kuda telah menendang kepalanya yang menyebabkan berdarah dahinya. Ayahandanya Abdul Aziz bin Marwan sambil mengesat darah yang mengalir di dahi anaknya itu berkata, "Kalau anakandalah orang dari keluarga Umayyah yang mempunyai parut di dahi, tentulah anakanda akan menjadi orang yang bahagia."

Abdul Aziz bin Marwan mengucapkan kata-kata sebegini kepada putera beliau Umar adalah disebabkan telah sampai riwayat kepada beliau bahawa datuk Ummu Asim isteri beliau iaitu Khalifah Umar bin al-Khattab pernah bermimpi dan menyebut-nyebut (ini adalah keramat beliau) bahawa akan lahir dari anak cucunya seorang yang akan menjadi pemerintah yang memerintah dengan sangat adil. Umar bin al-Khattab berkata;

"Dari keturunanku akan lahir seorang lelaki yang berparut di dahinya. Ia akan memenuhi dunia dengan keadilan."

Penyusun juga percaya bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang lelaki yang kacak dan tampan. Orang yang tampan dan kacak biasanya suka berlagak dan bergaya. Ini adalah merupakan satu ciri-ciri sifat peribadi Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Seorang ulama' besar bernama Ibnul Abdul Hakkam menulis sebuah kitab tentang Khalifah Umar bin Abdul Aziz, tulisnya, "…. Umar bin Abdul Aziz…. amat gemar memakai wangi-wangian, rambutnya dipanjangkan……..bila berjalan, diperindahkan sungguh jalannya."

Tetapi ciri-ciri peribadi Khalifah Umar bin Abdul Aziz bertukar sama sekali berlawanan seratus peratus setelah baginda dilantik menjadi khalifah. Seorang yang selalu memerhati keadaan baginda bernama Yunus bin Abu Shuhaib bercerita, "Dulu aku lihat Umar bin Abdul Aziz, ikat kainnya sarungnya tenggelam di celah-celah lipatan perutnya (kerana gemuknya), tetapi setelah ia jadi khalifah, aku lihat tulang-tulang rusuknya dapat ku hitung tanpa menyentuhnya sama sekali."

Baginda juga adalah seorang yang amat bijak, cerdik dan mempunyai fikiran yang berhikmah. Banyak kata-katanya dilihat sebagai percakapan yang berhikmat dan sangat tinggi nilainya.

Manakala sifat-sifat kejiwaan atau fi'il perangai baginda pula adalah sebagaimana berikut:-

Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang cintakan perdamaian, lemah lembut, pemaaf, jujur, adil, cintakan ilmu pengetahuan, alim, wara' dan mengambil berat terhadap hal ehwal rakyat jelata.

Sebelum dilantik menjadi khalifah atau ketika sedang menjadi gabenor atau menteri, Umar bin Abdul Aziz sangat suka kepada kehidupan mewah, memakai pakaian yang mahal-mahal dan memakai wewangian. Orang ramai dapat mengetahui kedatangan baginda dengan mencium bau baginda yang

dibawa angin.

Tetapi semua sifat dan tabiat baginda ini telah hilang daripada peribadi baginda sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Yang tidak hilang cuma sifat suka kepada bau-bauan. Kerana ini adalah kegemaran Rasulullah s.a.w. juga dan bukan satu ciri kemewahan.

Satu lagi sifat baginda yang menyusahkan baginda ialah sentiasa merasa tidak puas apabila mendapat sesuatu. Tetapi mujurlah baginda telah mencapai keinginan yang terakhir yang sebenarnya sangat dituntut oleh agama Islam. Marilah kita lihat dialog di antara Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan isteri baginda Fatimah binti Khalifah Abdul Malik yang membuka rahsia tentang perasaan hati baginda yang tidak pernah merasa puas dengan kenikmatan atau kedudukan yang diperolehi.

Ketika Umar bin Abdul Aziz dilantik ke jawatan khalifah, secara mendadak atau tiba-tiba sikap baginda berubah. Apa yang sebelumnya bukan menjadi ciri peribadi baginda secara tiba-tiba menjadi ciri peribadi baginda iaitu mencintai kehidupan zahid atau hidup ala para pengamal tasauf. Isteri baginda Fatimah puteri Khalifah Abdul Malik bin Marwan amat terkejut dengan perubahan ini. Sehingga isteri baginda bertanya kepada baginda sebab-sebab terjadi perubahan itu. Baginda menjawab;

"Aku adalah seorang manusia yang sentiasa mahukan kelebihan. Sebelum aku menjadi gabenor, aku mahu dilantik menjadi gabenor, lalu kemahuan aku itu tercapai. Setelah aku dapat menjadi gabenor, aku mahu pula menjadi menteri. Setelah aku dilantik menjadi menteri, aku mahu pula menjadi khalifah. Setelah aku dilantik menjadi khalifah, aku mahu kedudukan yang lebih tinggi lagi."

"Ingin apa lagi," tanya isteri baginda dengan hairan kerana sudah tidak ada lagi kedudukan atau jawatan yang lebih tinggi di dunia ini daripada dapat menjadi khalifah.

"Aku inginkan syurga," jawab Khalifah Umar bin Abdul Aziz tenang.

Fatimah binti Abdul Malik terus menangis kerana mengingatkan keimanan suaminya yang sudah begitu tinggi.

Satu sikap yang perlu disebut mengenai diri Khalifah Umar bin Abdul Aziz ialah baginda tidak lagi melakukan hubungan batin dengan isteri baginda sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Lihatlah apa yang diperkatakan oleh isteri baginda Fatimah binti Abdul Malik, "Aku tak pernah melihatnya (suaminya Khalifah Umar bin Abdul Aziz) mandi, membersihkan dirinya dari janabah atau mimpi sejak ia diangkat menjadi khalifah sampai wafatnya."

Membesar Dan Dididik Di Kota Madinah

Setelah berusia hampir setahun atau setahun lebih, datuk beliau Marwan bin al-Hakkam dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang kelima menggantikan Khalifah Mu'awiyah bin Yazid yang meletak jawatan.

Ketika itu keadaan dalam negara amat huru-hara sekali. Boleh dikatakan ketika itu kuasa pemerintahan berada di tangan Khalifah Abdullah bin az-Zubair yang menguasai hampir di seluruh semenanjung Tanah Arab.

Ketika datuknya Khalifah Marwan bin al-Hakkam menyerang negeri Mesir pada tahun 64 Hijrah/684 Masihi, beliau masih tinggal di kota Madinah bersama-sama ibundanya. Sedangkan ayahandanya Abdul Aziz turut bersama-sama ayahandanya (datuk beliau) Khalifah Marwan bin al-Hakkam membuat serangan ke atas negeri Mesir yang sedang dikuasai oleh kerajaan bani az-Zubairi dengan gabenornya Abdul Rahman bin Jahdam.

Setelah negeri Mesir berjaya ditawan oleh Khalifah Marwan bin al-Hakkam, dan setelah Khalifah Marwan bin al-Hakkam mahu kembali semula ke negeri Syam, baginda telah melantik putera baginda Abdul Aziz menjadi gabenor negeri Mesir. Tak lama kemudian, barulah Umar bin Abdul Aziz dibawa ke negeri Mesir oleh keluarganya dan beliau hidup dan membesar di sana buat beberapa ketika sahaja.

Sejarah Islam mencatitkan bahawa Abdul Aziz bin Marwan menjadi gabenor bagi negeri Mesir selama 21 tahun iaitu dari tahun 64 Hijrah/684 Masihi sampai ke tahun 85 Hijrah/704 Masihi. Beliau wafat ketika memegang jawatan setahun sebelum adindanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan wafat.

Gabenor negeri Mesir Abdul Aziz bin Marwan adalah seorang manusia yang salih dan takwa kepada Allah SWT. Beliau dididik oleh ayahandanya Khalifah Marwan bin al-Hakkam secara salih dan menghayati amalan-amalan agama dengan penuh kesungguhan. Sejarah Islam mencatitkan bahawa Khalifah Marwan bin al-Hakkam sentiasa membaca al-Qur'an setiap hari. Dan beliau termasuk seorang khalifah yang salih dan sangat kuat beribadat. Baginda juga dikatakan sangat erat bersahabat dengan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang menyokong perjuangan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan khalifah-khalifah bani Umayyah yang seterusnya seperti Abu Said al-Khudri, seorang sahabat Nabi yang tergolong salah seorang daripada tujuh orang yang paling banyak meriwayatkan hadis. Diceritakan bahawa sering orang ramai melihat Marwan bin al-Hakkam ketika menjawat jawatan gabenor kota Madinah berjalan saling berpegangan tangan dengan Abu Said al-Khudri. Ini menunjukkan betapa Marwan bin al-Hakkam adalah seorang yang kuat beragama, beribadat dan menjalani kehidupan yang salih.

Jelas Khalifah Marwan bin al-Hakkam juga mahu melihat anak-anak baginda membesar selaku seorang manusia yang salih, alim dan menjadi seorang mu'min sejati.

Ya, Abdul Aziz bin Marwan telah muncul menjadi seorang manusia yang salih, wara' dan kuat beribadat. Sebab itu setelah beliau dilantik menjadi gabenor negeri Mesir, beliau tidak mendidik putera beliau Umar dengan kemewahan hidup semata. Beliau mahu Umar bin Abdul Aziz muncul menjadi seorang pemuda yang berilmu, salih, kuat beribadat dan bertakwa kepada Allah SWT. Kerana itu setelah Umar bin Abdul Aziz berusia lima hingga tujuh tahun, beliau telah menghantar semula putera beliau ini ke kota Madinah dan diserahkan kepada beberapa orang salih dan alim untuk memberi pendidikan dan ilmu kepada Umar. Salah seorang guru yang mendidik Umar bernama Ubaidullah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud. Ubaidullah bin Abdullah adalah seorang ulama' fekah yang terkemuka di kota Madinah dan datuknya Utbah bin Mas'ud adalah saudara kepada Ibnu Mas'ud (Abdullah bin Mas'ud). Kedua bersaudara ini adalah sahabat Rasulullah s.a.w.

Ubaidullah bin Abdullah adalah termasuk salah seorang Fuqaha' Tujuh Madinah yang pro Khalifah Ali bin Abu Talib. Dengan kata lain, Ubaidullah adalah seorang Syiah. Umar bin Abdul Aziz mula mengenali keutamaan Sayidina Ali bin Abu Talib setelah mendapat pendidikan daripada gurunya Ubaidullah bin Abdullah ini.

Ubaidullah bin Abdullah mendidik Umar bin Abdul Aziz agar mencintai Sayidina Ali bin Abu Talib dan keluarganya. Sebab itu apabila Umar bin Abdul Aziz menyebut Sayidina Ali bin Abu Talib dengan cara yang tidak baik, beliau memperlihatkan wajah yang masam tanda marah di atas sikap Umar itu. Umar bin Abdul Aziz bertanya kepada gurunya Ubaidullah kenapakah beliau masam bila nama Sayidina Ali bin Abu Talib disebut dengan cara yang tidak baik atau dikutuk? Ubaidullah bin Abdullah memberitahu Umar tentang keutamaan Sayidina Ali dan keluarganya. Sejak saat itu barulah Umar bin Abdul Aziz tahu tentang keutamaan Sayidina Ali bin Abu Talib dan keluarganya.

Tetapi akhir nasib hidup Ubaidullah bin Abdullah menderita sekali. Sebabnya orang-orang bani Umayyah dapat menghidu pegangan Ubaidullah bin Abdullah. Mereka melihat Umar bin Abdul Aziz yang dididik oleh Ubaidullah bin Abdullah semakin mencintai Sayidina Ali bin Abu Talib dan keluarganya. Mereka telah menangkap Ubaidullah bin Abdullah dan terus membunuh ulama' yang salih ini dengan cara menanamnya hidup-hidup.

Selama berada di bawah didikan Ubaidullah bin Abdullah, Umar bin Abdul Aziz telah mendapat pendidikan yang benar-benar sempurna di dalam ilmu-ilmu agama. Sehingga dikatakan baginda menghafal seluruh al-Qur'an dan alim di dalam bidang fekah, tafsir dan hadis.

Selain kepada Ubaidullah bin Abdullah, Umar bin Abdul Aziz juga belajar kepada Amrah binti Abdul Rahman bin Saad bin Zurarah al-Ansari, seorang murid Ummul Mu'minin Sayidatina Aisyah rha yang sangat alim.

Menjadi Gabenor Kota Madinah

Selama belajar di kota Madinah di bawah pengawasan beberapa orang ulama' besar seperti Ubaidullah bin Abdullah, Umar bin Abdul Aziz sering pergi ke Mesir untuk berjumpa dengan ayahanda dan bondanya. Jadi beliau sentiasa berulang alik beberapa kali dalam setahun antara Madinah dengan Mesir. Tetapi ketika saat-saat akhir pemerintahan ayahandanya selaku gabenor negeri Mesir, Umar bin Abdul Aziz telah tinggal di Mesir bersama-sama ayahanda dan ibundanya.

Menjelang tahun 85 Hijrah/704 Masihi, ayahandanya Abdul Aziz bin Marwan wafat di Mesir. Dengan itu bapa saudaranya iaitu Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah mengajaknya pulang ke negeri Syam dan kemudian dinikahkannya dengan puteri baginda yang bernama Fatimah bin Abdul Malik. Ketika itu usia Umar bin Abdul Aziz ialah 23 tahun. Menjelang tahun 86 Hijrah/705 Masihi, iaitu setelah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah, ketika Umar bin Abdul Aziz berusia 24 tahun, beliau telah dilantik menjadi gabenor kota Madinah oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang juga merupakan adik iparnya dan saudara sepupunya.

Meskipun Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang salih kerana didikan beberapa orang ulama' terkemuka seperti Ubaidullah bin Abdullah, dan telah terbentuk menjadi seorang manusia yang alim, salih, wara' dan kuat beribadat, tetapi Umar bin Abdul Aziz masih lagi menyukai kepada kehidupan yang serba mewah. Kehidupan rumah tangga beliau semasa beliau menjadi gabenor kota Madinah selama 7 tahun serupa dengan kehidupan para khalifah dan para gabenor yang lain. Dikatakan pakaian (jubah) Umar bin Abdul Aziz yang beliau pakai seharian mencecah harga sebanyak hampir 40,000 dirham dan badannya gemuk perutnya berlipat-lipat.

Menjelang tahun 93 Hijrah/711 Masihi setelah beliau menjadi gabenor kota Madinah selama tujuh tahun, beliau telah dipecat oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik atas nasihat al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi kerana dikatakan tidak tegas dan bersikap lemah terhadap penduduk Hijaz yang kebanyakannya adalah merupakan musuh kerajaan bani Umayyah.

Setelah Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang ketujuh, baginda telah melantik dua orang alim besar sebagai menteri baginda yang bertugas sebagai Penasihat Peribadi baginda iaitu Umar bin Abdul Aziz dan Raja' bin Haiwah.

Meskipun Umar bin Abdul Aziz banyak memberi nasihat kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, namun Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik tidak dapat meninggalkan tabiatnya yang suka kepada makanan dan minuman yang lazat-lazat dan makan secara berlebih-lebihan. Keadaan Umar bin Abdul Aziz dengan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik tidak ubah seperti kedudukan Nabi Yusuf as dengan Raja Hyksos.

Dilantik Menjadi Khalifah

❖ Dilantik Atas Kebijaksanaan Raja' Bin Haiwah

Sebagaimana yang telah dijelaskan, Penasihat Peribadi merangkap Menteri kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik ialah dua orang alim yang salih iaitu Umar bin Abdul Aziz dan Raja' bin Haiwah. Kedua-duanya selain alim adalah sangat cerdik dan orang-orang bijaksana. Mereka berdua bekerjasama di dalam memberi nasihat dan pandangan kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik di dalam mentadbir negara. Mereka berdua sentiasa mendampingi Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik di mana sahaja khalifah bergerak dan pergi.

Sebaik sahaja Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik mula memegang jawatan khalifah, baginda terus melantik putera baginda yang bernama Ayub sebagai Putera Mahkota. Tetapi Allah Set tidak mengizinkan dengan mewafatkan Ayub meninggal dunia ketika Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik masih lagi hidup dan berkuasa.

Setelah Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik jatuh sakit dan merasa ajalnya sudah sampai, maka baginda telah bertanya kepada menteri baginda yang alim, pintar dan cerdik itu iaitu Raja' bin Haiwah, siapakah orang yang difikirkan layak untuk dilantik menggantikan tempat baginda sebagai khalifah. Raja' bin Haiwah memberi pandangannya agar dinilai oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik;

"Wahai Amirul Mu'minin! Antara perkara-perkara yang dapat menolong khalifah di dalam kuburnya ialah pilihannya mencari pemelihara urusan umat (Islam) ialah seorang yang salih."

Maka Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik menjawab baginda akan melaksanakan nasihat yang baik dari menteri baginda itu dan baginda akan melakukan sembahyang istikharah bagi mendapatklan pertunjuk dari Allah SWT siapakah orang yang layak dipilih.

Kemudian Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik menyebut-nyebut nama saudara sepupu baginda Umar bin Abdul Aziz. Maka dengan sepantas kilat Raja' bin Haiwah terus memuji-muji Umar bin Abdul Aziz dan menyetujui cadangan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik itu.

Sebenarnya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik sangat mengenang jasa Umar bin Abdul Aziz yang telah menyangkal kehendak Khalifah al-Walid bin Abdul Malik dahulu yang mahu melantik putera baginda Abdul Aziz sebagai Putera Mahkota. Agar jawatan khalifah tidak terlepas dari tangan keluarga Abdul Malik bin Marwan, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah menentukan bahawa khalifah setelah Umar bin Abdul Aziz ialah saudara baginda Yazid bin Abdul Malik.

Sebelumnya Umar bin Abdul Aziz sudah tidak sedap hati kalau-kalau Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik akan melantik beliau menjadi khalifah

setelah melihat tindak tanduk Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik yang sangat menyukai beliau. Sebelum apa-apa yang tidak menyenangi hatinya terjadi, Umar bin Abdul Aziz telah mengingatkan kepada Raja' bin Haiwah kalau sekiranya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik menyebut namanya, palingkan perhatiannya kepada orang lain. Katanya kepada Raja' bin Haiwah;

"Wahai Raja'! Menurut pandanganku Amirul Mu'minin sudah mendekati ajalnya. Dan baginda sudah tentu akan menunjukkan penggantinya. Oleh itu dengan mempersaksikan nama Allah, aku mohon kepadamu, sekiranya baginda menyebut-nyebut namaku, alihkan perhatiannya kepada nama-nama yang lain. Tetapi sekiranya baginda tidak menyebut-nyebutnya (nama beliau), maka janganlah diingat-ingatkan kepada baginda."

Namun Raja' bin Haiwah adalah seorang ahli politik yang sangat cerdik. Beliau tidak mahu menyusahkan hati Umar bin Abdul Aziz. Beliau mahu hati Umar bin Abdul Aziz terus tenang dengan mengira beliau pasti tidak akan dilantik menduduki kerusi khalifah bani Umayyah yang ke lapan. Kata Raja' bin Haiwah kepada Umar bin Abdul Aziz;

"Wahai Umar! Aku benar-benar tidak mengira engkau boleh berprasangka *seperti itu*. Apakah engkau mengira keluarga Abdul Malik akan mengikut sertakan engkau ke dalam urusan mereka?"

Umar bin Abdul Aziz menjadi sangat sedap hati mendengar kata-kata yang mengandungi hujah oleh Raja' bin Haiwah, sahabat karib beliau dan sama-sama memegang jawatan menteri dan penasihat khalifah semasa pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik.

Kemudian tanpa pengetahuan semua yang lain kecuali Raja' bin Haiwah seorang sahaja, Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik menulis surat wasiat perlantikan kepada Umar bin Abdul Aziz dengan disaksikan oleh Raja' bin Haiwah seorang sahaja. Kemudian surat itu diberi cop mohor khalifah. Setelah itu baru Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik memanggil kesemua kaum keluarga bani Marwan, sambil menunjukkan surat itu kepada keluarga Marwan bin al-Hakkam, baginda berkata kepada mereka semua;

"Aku melantik orang yang diwasiatkan dalam surat ini."

Setelah Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik wafat, Raja' bin Haiwah terus memberitahu kepada orang-orang bani Umayyah terutama keluarga Khalifah Abdul Malik bin Marwan bahawa beliau ada menyimpan wasiat dari al-marhum Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Wasiat ini wajib dipatuhi oleh semua kerana ia adalah wasiat khalifah yang berkuasa sebelumnya. Semua keluarga bani Abdul Malik bin Marwan bersetuju untuk memberi baiat kepada bakal khalifah yang dilantik oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik itu.

Setelah semua keluarga Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik bersetuju, maka Raja' bin Haiwah mengumpul semua keluarga Abdul Malik bin Marwan di

masjid. Kemudian Raja' bin Haiwah berkhutbah kepada mereka semua dengan menyebut nama calon khalifah itu iaitu nama Umar bin Abdul Aziz. Maka terkejutlah semua keluarga Khalifah Abdul Malik bin Marwan kerana mereka penuh percaya bahawa bakal khalifah sesudah Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik ialah saudara Khalifah Sulaiman iaitu adinda baginda Yazid. Dengan sebab itu anak-anak atau keluarga Khalifah Abdul Malik berniat untuk bangkit memberontak atau menyanggah, tetapi Raja' bin Haiwah memberi amaran keras bahawa huru-hara akan berlaku sekiranya calon yang ditentukan oleh al-marhum Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik itu ditentang.

Kerana bimbang huru-hara akan terjadi, maka seluruh keluarga Khalifah Abdul Malik bin Marwan telah bersetuju di atas perlantikan Umar bin Abdul Aziz menjadi khalifah, tetapi dengan syarat, khalifah sesudah Umar bin Abdul Aziz ialah Yazid bin Abdul Malik. Raja' bin Haiwah menyatakan persetujuan kerana wasiat al-marhum Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik pun demikian juga. Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik hanya mahu Umar bin Abdul Aziz yang menjadi khalifah sesudah baginda.

Minta Ditarik Balik Perlantikan Dirinya

Setelah Umar bin Abdul Aziz mendengar dari mulut Raja' bin Haiwah, menteri yang bertugas sebagai pemegang wasiat al-marhum Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik bahawa diri beliau yang dilantik menjadi khalifah sebagai pengganti al-marhum, maka beliau terus mengucap *innalillahi wainna ilaihi rajiun*. Kemudian beliau berkata;

"Demi Allah ini sama sekali bukan permintaanku, baik secara rahsia mahupun secara terang-terangan."

Kemudian Umar bin Abdul Aziz naik ke atas mimbar dan berkhutbah, "Wahai sekalian manusia, aku dibebani perkara ini tanpa terlebih dahulu meminta pendapatku, dan tidak pula di atas permintaanku sendiri, dan juga tidak di atas permesyuaratan kaum Muslimin. Sekarang aku bebaskan dari baiat yang tuan-tuan telah ucapkan. Pilihlah sesiapa-sesiapa yang tuan-tuan fikirkan baik untuk dilantik menjadi khalifah tuan-tuan."

Ketika Umar bin Abdul Aziz sedang melangkah turun dari mimbar, para hadhiri telah memekik secara serentak, "Kami semua telah memilihmu."

Orang ramai berduyun-duyun sepakat menyatakan sumpah setia kepada Umar bin Abdul Aziz dan memberi baiat mereka yang baru kepada baginda.

Kemudian Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah turut sama-sama mengiringi jenazah al-marhum Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik ke tanah perkuburan untuk dikebumikan.

Setelah selesai permakaman Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, diriwayatkan kemudian datang Raja' bin Haiwah bertanya kepada Umar bin

Abdul Aziz, "Apakah tuan gembira dengan perlantikan tuan ini (menjadi khalifah) atau sebaliknya?"

"Mengembirakan aku kerana orang ramai, menyedihkan aku kerana kau," jawab Umar bin Abdul Aziz. Kemudian Umar menyambung lagi, "Aku bimbang aku telah membinasakan diriku."

Maksud kata-kata Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini ialah kerana orang ramai yang telah memberi baiat semula itu telah menjadikan hati baginda senang, sebaliknya perbuatan Raja' bin Haiwah yang telah menyokong perlantikan baginda sebagai khalifah kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik sebenarnya menyedihkan hati baginda kerana itu bukan syura yang diamalkan oleh khalifah-khalifah, tetapi kerajaan yang diamalkan oleh raja-raja.

"Sesungguhnya keadaan tuan akan menjadi sebaik-baiknya sekiranya di dalam hati tuan ada rasa takut, yang aku bimbang tuan tidak merasai takut," kata Raja' bin Haiwah pula.

"Berilah aku nasihat," pinta Khalifah Umar bin Abdul Aziz kepada Raja' bin Haiwah.

"Moyang kita Adam diusir dari syurga disebabkan satu kesalahan sahaja," nasihat Raja' bin Haiwah kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang baru sahaja dilantik menjadi khalifah itu.

Setelah itu, Khalifah Umar bin Abdul Aziz pulang ke rumahnya dan terus duduk termenung. Seorang pelayan baginda bertanya, "Apakah yang telah mengganggu fikiran tuan?"

Jawab Khalifah Umar bin Abdul Aziz, "Orang yang seperti aku ini layak untuk berdukacita. Aku wajib menyampaikan kepada setiap rakyatku akan haknya, sekalipun ianya tidak menulis surat kepadaku menceritakan keadaannya (yang memerlukan bantuan) dan tidak pula memintanya (bantuan)."

Ketika orang-orang ramai datang menghala ke rumah baginda dengan kenderaan berhias yang terdiri daripada beberapa ekor kuda dan baghal untuk mengarak baginda selaku khalifah yang baru dilantik, baginda bertanya kepada mereka itu;

"Apakah ini?"

Orang ramai menjawab, "Ini adalah kenderaan khalifah."

Maka Khalifah Umar bin Abdul Aziz menjawab, "Binatang milikku lebih sesuai untukku."

Kemudian baginda memerintah supaya semua kenderaan dan perhiasannya dijual. Harganya dimasukkan ke dalam Baitul Mal. Begitu juga dengan perhiasan-perhiasan lain seperti tempat-tempat kaki untuk khalifah,

permaidani-permaidani semuanya dijual dan wangnya dimasukkan ke dalam Baitul Mal.

Sesungguhnya Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak menyenangi semua itu. Baginda tidak mahu perarakan seperti itu untuk meraikan perlantikan baginda sebagai khalifah. Baginda bukan merasa gembira, tetapi merasa sedih dan susah hati kerana telah dibebani dengan tanggungjawab yang besar dan berat. Baginda ketika itu sudahpun diresapi dengan keimanan yang inginkan kepada kehidupan zahid di dunia ini.

Kemudian Khalifah Umar bin Abdul Aziz pergi ke masjid. Baginda berpidato di atas mimbar;

"Tuan-tuan sekalian! Sesungguhya selepas al-Qur'an, tidak ada lagi kitab yang diturunkan Tuhan. Dan selepas Nabi Muhammad s.a.w., tidak ada lagi nabi yang diutuskanNya. Ketahuilah kamu semua, sesungguhnya aku bukanlah hakim yang menghukum, tetapi pelaksana perintah; aku bukan orang yang mengadakan sesuatu buat pertama kalinya (pengada bid'ah), tetapi seorang pengikut; bukan seorang yang paling baik di antara tuan-tuan, tetapi seorang yang paling berat memikul bebanannya. Seseorang yang lari dari pemerintah yang zalim itu, bukanlah ianya seorang yang zalim. Ingatlah bahawasanya tiada wajib mentaati perintah makhluk, dalam suatu kerja yang merupakan maksiat terhadap Allah SWT."

Jelas sekali dasar pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah mahu kembali semula kepada corak pemerintahan Khalifah Irrasyidin yang empat.

Memulakan Pemerintahan

❖ Dasar-Dasar Pemerintahannya

Sebelum kita membicarakan tentang perubahan dasar pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz daripada dasar yang dikuatkuasakan oleh khalifah-khalifah sebelumnya, ada baik juga kita memperkatakan sedikit tentang sikap peribadi Khalifah Umar bin Abdul Aziz sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah.

Sebenarnya Umar bin Abdul Aziz membesar selaku seorang pemuda yang sangat pandai di dalam persoalan-persoalan agama, taat beragama, wara' dan berakhlak mulia. Tetapi sebagaimana yang telah diketahui beliau adalah seorang cucunda kepada seorang khalifah, putera kepada seorang gabenor dan anak saudara serta menantu kepada seorang khalifah. Ini sudah tentu telah mempengaruhi corak kehidupannya untuk menyukai kemewahan dan kemegahan hidup. Sebab itu mengikut riwayat ahli-ahli sejarah Islam, bahawa kehidupan Umar bin Abdul Aziz sebelum dilantik menjadi khalifah terutamanya setelah dilantik menjadi gabenor Hijaz hidupnya bergelumang dengan kemewahan makanan, pakaian dan tempat kediaman. Tidak ada

bezanya dengan corak kehidupan para pembesar bani Umayyah yang lain kecuali pada masalah perkara-perkara yang haram dan pada perkara-perkara akhlak, kecerdasan fikiran yang berhikmat dan ilmu sahaja.

Mengikut riwayat ahli-ahli sejarah Islam, pakaian yang biasa beliau pakai ketika menjadi gabenor harganya sehelai mencapai nilai 40,000 dirham.

Tetapi sebaik sahaja baginda dilantik ke jawatan khalifah, secara mendadak atau tiba-tiba sikap baginda berubah. Apa yang sebelumnya bukan menjadi ciri peribadi baginda secara tiba-tiba menjadi ciri peribadi baginda iaitu mencintai kehidupan zahid atau ala para pengamal tasauf. Isteri baginda Fatimah puteri Khalifah Abdul Malik amat terkejut dengan perubahan ini. Dia bertanya kepada suaminya itu;

"Apa yang menyebabkan abang berbuat seperti ini?"

Khalifah Umar bin Abdul Aziz menjawab, "Aku adalah seorang manusia yang sentiasa mahukan kelebihan. Sebelum aku menjadi gabenor, aku mahu dilantik menjadi gabenor, lalu kemahuan aku itu tercapai. Setelah aku dapat menjadi gabenor, aku mahu pula menjadi menteri. Setelah aku dilantik menjadi menteri, aku mahu pula menjadi khalifah. Setelah aku dilantik menjadi khalifah, aku mahu kedudukan yang lebih tinggi lagi."

"Ingin apa lagi," tanya isteri baginda dengan hairan kerana sudah tidak ada lagi kedudukan atau jawatan yang lebih tinggi di dunia ini daripada dapat menjadi khalifah.

"Aku inginkan syurga," jawab Khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Fatimah binti Abdul Malik terus menangis kerana mengingatkan keimanan suaminya yang sudah begitu tinggi.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang sangat alim kerana beliau dididik oleh para ulama' yang sangat alim dan sangat salih seperti Ubaidullah bin Abdullah dan Amrah binti Abdul Rahman bin Saad bin Zurarah, cucu saudara kepada As'ad bin Zurarah sahabat Rasulullah s.a.w. yang sangat terkemuka. Kerana pendidikan itu baginda amat mengetahui perjalanan pemerintahan Rasulullah s.a.w. sepanjang hidup baginda. Dan sangat mengetahui perlaksanaan pentadbiran oleh para Khalifah Irrasyidin yang empat orang itu. Oleh kerana itu sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah, Khalifah Umar bin Abdul Aziz mendapati ada beberapa dasar yang dilaksanakan oleh para pemerintah kerajaan bani Umayyah sebelum baginda yang bertentangan dengan yang ditunjukajar oleh Rasulullah s.a.w. dan dilaksanakan oleh para Khalifah Irrasyidin yang empat. Ertinya dasar-dasar itu sudah terseleweng daripada ajaran agama Islam yang sebenar. Baginda berazam untuk mengubah semua penyelewengan itu agar ianya kembali kepada kedudukan yang sebenarnya sebagaimana yang diajar oleh agama Islam.

Sebelum itu marilah terlebih dahulu kita lihat siapakah gabenor-gabenor ketika Khalifah Umar bin Abdul Aziz dilantik menjadi khalifah atau dapat dikatakan juga gabenor-gabenor peninggalan al-marhum Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Dan apakah tindakan-tindakan yang dikenakan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz terhadap mereka.

Para Pembantu Di Dalam Pentadbiran

Kalau pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan puteranya Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, pembantu kuat mereka ialah al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi, maka pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, para pembantu baginda ialah saudara baginda sendiri yang bernama Sahl. Putera baginda yang bernama Abdul Malik, Muzahim dan Raja' bin Haiwah, bekas menteri dan penasihat kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik.

Mereka adalah orang-orang salih, alim dan sangat bertakwa kepada Allah SWT.

Memecat Gabenor-Gabenor Yang Zalim

Pada zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, terdapat beberapa orang gabenor yang mentadbir secara zalim. Jadi ketika itu Umar bin Abdul Aziz yang menjadi Penasihat atau Menteri kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Aziz amat tidak menyenangi sikap gabenor-gabenor itu. Tetapi disebabkan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap para gabenor itu, maka Umar bin Abdul Aziz hanya memendam perasaan sahaja.

Tetapi sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat al-marhum Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak bertindak tergesa-gesa, sebaliknya baginda membiarkan dahulu para gabenor itu dikedudukannya. Tetapi apabila baginda mula melaksanakan dasar pemerintahan mengikut acuan baginda iaitu mengembalikan kepada dasar sebenar sebagaimana yang dilakukan oleh para Khalifah Irrasyidin yang empat, maka para gabenor yang zalim itu membantah. Maka ketika itu baru baginda bertindak terhadap gabenor-gabenor yang tidak menyetujui dasar yang benar itu.

Di antara gabenor-gabenor yang dipecat oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz pada awal pemerintahan baginda ialah gabenor Iraq iaitu Salih bin Abdul Rahman, gabenor Afrika Utara, Yazid bin Abu Muslim, gabenor Sepanyol iaitu al-Harith bin Abdul Rahman ath-Thaqafi. Dan amil zakat di Mesir iaitu Usamah bin Zaid at-Tanukhi. Semuanya dipecat oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan diganti dengan yang salih dan baik-baik.

Diriwayatkan ketika amil zakat di Mesir iaitu Usamah bin Zaid at-Tanukhi membuat bantahan yang keras terhadap baginda dengan alasan pendapatan negeri Mesir begitu merosot dengan teruknya setelah cukai jizyah tidak lagi dikenakan ke atas para mualaf tidak sebagaimana pada zaman sebelumnya ketika hasil jizyah dipungut dari orang-orang mualaf, Khalifah Umar bin Abdul Aziz menjawab bantahan oleh gabenor negeri Mesir itu dengan marah;

"Maka hendaklah engkau hentikan cukai jizyah ke atas semua orang Islam. Allah SWT membenci saranan engkau itu. Sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. diutus adalah untuk menunjuk jalan (kebenaran), bukan untuk menjadi pemungut cukai........."

Inilah punca yang menjadi sebab kenapakah Khalifah Umar bin Abdul Aziz sebab-sebab Khalifah Umar bin Abdul Aziz memecat Usamah bin Zaid at-Tanukhi daripada jawatan pengurus zakat negeri Mesir.

Sekarang marilah kita lihat beberapa dasar penyelewengan yang diubah oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz sebaik sahaja baginda memegang jawatan khalifah. Apakah dasar-dasar yang diselewengkan itu? Dasar-dasar itu melibatkan kedua-dua dasar luar dan dasar dalam negara.

Marilah kita lihat dasar-dasar itu satu persatu:-

1. Mengembalikan Harta Kepada Tuannya

Khalifah Umar bin Abdul Aziz sangat mengetahui para khalifah bani Umayyah sebelum baginda telah bertindak sewenang-wenangnya terhadap harta orang lain. Berapa banyak harta yang sepatutnya diberikan kepada rakyat telah digunakan untuk kepentingan peribadi para khalifah dan ahli keluarga mereka. Umpamanya harta ghanimah yang dimasukkan ke Baitul Mal. Sepatutnya harta-harta itu diagih-agihkan kepada rakyat mengikut keperluan dan kelayakan. Tetapi berapa banyak harta-harta itu dibahagi-bahagikan kepada keluarga bani Umayyah termasuklah diri baginda sendiri. Tetapi apa boleh buat ketika itu baginda tidak berkuasa. Dan baginda ketika itu pun juga sangat suka kepada kehidupan bermewah-mewah yang melampau.

Tetapi setelah baginda benar-benar berada di puncak kekuasaan dan mempunyai kuasa penuh untuk melakukan apa sahaja yang baginda mahu, maka inilah peluangnya untuk baginda melakukan keadilan dengan mengembalikan semula hak-hak yang dirampas kepada tuan asalnya atau pemilik yang berhak. Langkah pertama ialah baginda bertindak ke atas diri baginda dahulu. Baginda tanpa teragak-agak telah bertindak mengembalikan kesemua kekayaan milik baginda yang baginda peroleh semasa baginda menjadi gabenor di Hijaz. Sehingga tidak ada lagi harta kepunyaan baginda kerana semuanya baginda kembalikan kepada tuan yang berhak.

Setelah baginda mengembalikan kesemua harta milik baginda kepada tuan masing-masing dan mana-mana yang tidak diketahui siapakah tuannya

baginda kembalikan ke Baitul Mal, maka baginda ingin mengembalikan pula harta-harta yang dimiliki oleh isteri baginda puteri Khalifah Abdul Malik bin Marwan iaitu Fatimah binti Abdul Malik ke Baitul Mal. Pada suatu hari baginda berkata kepada isteri baginda itu;

"Wahai Fatimah! Yang manakah kamu mahukan, aku atau kalung di lehermu itu. Kalau kamu mahu kalung, tinggallah aku. Dan kalau kamu mahu aku, tinggalkan kalung itu."

Ternyata puteri khalifah yang biasa hidup mewah itu telah memilih suaminya untuk hidup bersama kerana hatinya yang sudah penuh dengan rasa cinta kepada suaminya itu dan imannya yang sudah melimpah di dalam dadanya.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz juga telah mengembalikan semula tanah Fada' kepada anggota keluarga Ahli Bait. Tanah itu adalah milik Rasulullah s.a.w. pada asalnya. Tetapi pada masa Khalifah Abu Bakar as-Siddiq tanah itu dimasukkan ke Baitul Mal kerana para Rasul dan Nabi-Nabi tidak mempusakai harta benda kepada anak-anak.

Tetapi setelah harta atau tanah Fada' itu dimasukkan ke dalam Baitul Mal, maka ia menjadi milik negara. Dan bolehlah ianya dikembalikan kepada anak-anak cucu Rasulullah s.a.w. semula.

2. Menghapuskan Jamuan Negara Untuk Pembesar-Pembesar Kerajaan

Pada masa khalifah-khalifah sebelumnya, para khalifah memperuntukkan wang untuk majlis para khalifah dan juga para pembesar negara termasuk gabenor dan para pegawai tinggi kerajaan. Tetapi setelah Khalifah Umar bin Abdul Aziz dilantik menjadi khalifah, baginda menghapuskan kebiasaan itu kerana dianggap membazir harta rakyat. Kalau para gabenor mahu mengadakan majlis mereka, gunalah wang saku sendiri. Terpulanglah.

3. Menaikkan Gaji Gabenor Untuk Elak Rasuah

Di antara dasar-dasar pentabdiran yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz ialah baginda telah menaikkan gaji semua gabenor kerajaan daripada kadar bawah 300 dinar kepada 300 dinar. Tindakan baginda ini adalah untuk menghindarkan para gabenor daripada mengambil rasuah disebabkan perbelanjaan hidup mereka tidak mencukupi dengan kadar gaji rendah di bawah 300 dinar, kerana para petugas kerajaan perlu menumpukan sepenuh masa kepada kerja-kerja atau tugas-tugas mereka.

4. Hukuman Hudud Tidak Boleh Dijalankan Kecuali Setelah Dapat Izin Khalifah

Khalifah Umar bin Abdul Aziz sekali-kali tidak membenarkan hukuman hudud yang berat seperti bunuh balas (qisas), sebat, rejam dan potong tangan

dilakukan tanpa mendapat keizinan daripada baginda terlebih dahulu. Ini banyak terjadi hukuman yang diputuskan oleh para gabenor atau para panglima yang tidak berdasarkan kepada syarat-syarat yang mencukupi untuk dijatuhkan hukuman. Ini menyebabkan terjadinya kezaliman ke atas manusia dan dilaknat oleh Allah SWT.

5. Menghentikan Serangan Ke Atas Negara Musuh Dan Mengganti Tentera Di Perbatasan

Selaku seorang manusia yang berjiwa lembut, Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak suka melihat pertumpahan darah terus menerus berlaku biarpun terhadap musuh-musuh negara. Apakah ini tidak bercanggah dengan dasar-dasar yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan dilaksanakan oleh para Khalifah Irrasyidin, sedangkan dikatakan baginda mahu mengikut perjalanan Rasulullah s.a.w. dan Khalifah Irrasyidin yang empat?

Ya, Khalifah Umar bin Abdul Aziz memang mahu mengikut perjalanan atau sunnah Rasulullah s.a.w. dan corak pentadbiran para Khalifah Irrasyidin, tetapi apakah Rasulullah s.a.w. dan Khalifah Irrasyidin yang empat membenci pertumpahan darah atau peperangan terhadap musuh-musuh Islam dan negara Islam?

Sebenarnya Rasulullah s.a.w. dan Khalifah Irrasyidin yang empat tidak pernah menyukai pertumpahan darah atau peperangan meskipun terhadap musuh-musuh Islam atau negara Islam. Ini selaraslah dengan jiwa Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Adapun sebab-sebab terjadinya peperangan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para Khalifah Irrasyidin adalah kerana ancaman musuh-musuh Islam atau musuh negara Islam itu. Kalau mereka tidak mengancam, sudah tentu Rasulullah s.a.w. dan para Khalifah Irrasyidin yang empat tidak akan memerangi mereka dan hanya akan menghantar para muballigh Islam kepada mereka sahaja untuk mengajak dan mengajar agama Islam kepada mereka sebagaimana yang pernah Rasulullah s.a.w. lakukan kepada kaum Huzail, bani Amir dan lain-lain.

Jadi tindakan Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang memanggil pulang para pejuang atau tentera Islam yang sedang berperang di perbatasan negara kafir adalah tidak menyalahi ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan diamalkan oleh Khalifah Irrasyidin yang empat.

Untuk makluman para pembaca yang budiman semua, sejak zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sampailah ke zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, tentera Islam sentiasa berjuang di sempadan negara kerana menjaga keselamatan negara daripada diserang oleh musuh negara secara mengejut atau tersusun. Ini adalah selaras dengan perintah Allah SWT di dalam al-Qur'an yang menghendaki kerajaan Islam sentiasa bersiap sedia di perbatasan negara. Tetapi Khalifah Umar bin Abdul Aziz mengetahui tujuan

ayat itu. Muslihatnya adalah untuk keselamatan dan kesejahteraan jiwa umat Islam dan umat-umat lain yang bernaung di bawah pemerintahan Islam.

Tetapi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, kerajaan bukan Islam sudah sangat lemah. Mereka sudah tidak memberi ancaman kepada kerajaan Islam lagi. Jadi Khalifah Umar bin Abdul Aziz melihat demi untuk maksud dan muslihat dakwah, baginda mahu menjinak hati orang-orang bukan Islam supaya merasakan umat atau kerajaan Islam bukan sentiasa mahu membinasakan orang-orang bukan Islam, tetapi siap siaga ketenteraan di sempadan adalah untuk menjaga keselamatan negara. Kalau sudah tidak ada ancaman, kerajaan Islam pun bukan mahu bermusuh dengan kerajaan bukan Islam, bahkan mahu berbaik-baik dan berdialog tentang ajaran agama Islam dengan mereka.

Dasar kenegaraan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini telah membuka matahati orang-orang bukan Islam untuk mendekati agama dan umat Islam.

Selain tujuan yang murni itu, Khalifah Umar bin Abdul Aziz juga melihat para pemerintah kerajaan bani Umayyah sebelum baginda tidak lagi menghirau atau mengambil berat tentang kebahagiaan, keseronokan hidup para tentera. Mereka dipaksa bertugas sehingga bertahun-tahun tanpa memberi ruang untuk mereka pulang ke rumah berjumpa isteri dan anak-anak. Sedangkan Khalifah Umar bin al-Khattab dahulu sangat memikirkan tentang jiwa dan perasaan manusia bahkan hubungan batin antara anggota tentera dengan isteri mereka yang ditinggalkan. Sebab itu Khalifah Umar bin al-Khattab dahulu menghadkan setiap tentera hanya dibenarkan bertugas selama enam bulan sahaja di perbatasan. Tidak boleh lebih. Setelah cukup tempoh itu, mereka diperintahkan pulang dan tinggal bersama keluarga sehingga jangka masa yang ditetapkan dan diganti dengan tentera yang lain. Inilah yang mahu dicontohi oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Apakah tindakan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini boleh memberi atau mengembalikan nafas baru kepada kerajaan Rom Timur untuk mengatur persiapan yang lebih kuat untuk menyerang negara Islam di bumi Arab, Farsi, Mesir, Afrika Utara dan Sepanyol?

Tidak! Ini terbukti sejak masa Khalifah Umar bin Abdul Aziz menarik balik kepungan ke atas kota Constantinople, pihak Rom Timur atau Byzientium tidak pernah datang menyerang negara Islam. Ini menunjukkan mereka sudah sangat lemah.

Dikatakan dengan tindakan Khalifah Umar bin Abdul Aziz menghentikan serangan ke atas negara-negara bukan Islam telah menyebabkan ramai orang-orang Yahudi, Keristian dan Majusi telah mendekati dan memeluk agama Islam.

Sesungguhnya dasar ketenteraan yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz selaras dengan sunnah Rasulullah s.a.w. dan perlaksanaan pentadbiran Khalifah Irrasyidin yang empat meskipun secara zahirnya atau secara pandang kasarnya menyalahi perjalanan Rasulullah s.a.w. dan Khalifah Irrasyidin yang empat yang terus menerus melaksanakan jihad itu.

Nampak sekali kebijaksanaan yang dilakukan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan menghentikan pertempuran dengan negara atau kerajaan bukan Islam dan menghubungi kaum Khawarij dengan baik sehingga menginsafkan mereka. Jadi perbelanjaan yang selama ini digunakan untuk membiayai peperangan telah dapat digunakan untuk membantu rakyat yang miskin sehingga pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz selama dua tahun setengah itu, dikatakan tidak lagi dapat dijumpai orang-orang yang bersedia untuk menerima sedekah dan zakat kerana mereka semuanya sudah kaya.

6. Membetulkan Persoalan Cukai Dan Jizyah

Mengikut undang-undang fekah, cukai diri untuk orang-orang bukan Islam iaitu jizyah dikenakan ke atas orang-orang kafir zimmi dan kerajaan bukan Islam yang tunduk kepada pemerintahan Islam sahaja tidak kepada orang-orang Islam. Manakala cukai kharaj (cukai tanah) dikenakan kepada semua penduduk yang mempunyai tanah dan mengusaha tanah sehingga mengeluarkan hasil, tidak kira apa anutan agama. Ini bererti orang-orang Islam yang miskin tidak dikenakan sebarang cukai. Hukum ini diamalkan oleh pemerintahan Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w. sampailah ke zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin al-Hakkam.

Tetapi bermula pada zaman pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan sampailah ke zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, kerajaan tidak lagi mengkhususkan cukai jizyah hanya untuk orang-orang kafir zimmi dan kerajaan bukan Islam yang tunduk kepada pemerintah Islam dan tidak lagi mengkhususkan cukai kharaj kepada pemilik tanah yang mengeluarkan hasil sahaja. Kerajaan hanya mengenakan satu jenis cukai sahaja ke atas setiap rakyat tanpa mengira anutan agama dan kaya miskin mereka. Iaitu barangsiapa yang membayar cukai jizyah mengikut kadar yang ditetapkan kepada kerajaan ataupun membayar cukai kharaj, dikira sudah memadai. Ini jelas berlawanan dengan undang-undang Islam yang sebenar. Perlaksanaan ini bertujuan baik untuk mengkayakan khazanah atau Baitul Mal negara. Hujah yang diberikan apabila undang-undang jizyah terus diamalkan selama-lamanya tanpa mengira untung rugi khazanah negara, setelah semakin ramai orang-orang bukan Islam menganut agama Islam, maka Baitul Mal atau dana negara akan kekurangan atau kekeringan wang untuk pembangunan dan pertahanan negara serta untuk lain-lain pengurusan ke atas rakyat.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz melihat ini satu kezaliman yang dilakukan oleh manusia terhadap perintah Allah SWT. Meletakkan sesuatu tidak kena pada tempatnya adalah suatu kezaliman. Baginda mahu mengembalikan persoalan itu kepada hukum yang sebenarnya. Baginda menghapuskan jizyah ke atas semua orang Islam dan mengenakan jizyah ke atas hanya orang-orang bukan Islam, tetapi dikurangkan sehingga orang-orang bukan Islam itu merasa jizyah yang dikenakan ke atas mereka oleh pemerintahan Islam tidak merupakan satu beban.

Seluruh negara merasakan kekurangan pendapatan negara akibat dasar yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang mengembalikan persoalan cukai dan jizyah kepada hukum Islam yang sebenarnya. Gabenor negeri Mesir telah bersuara membantah tindakan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini kerana dia adalah seorang yang zalim dan suka menindas rakyat. Gabenor itu bernama Usamah bin Zaid at-Tanukhi. Khalifah Umar bin Abdul Aziz sangat marah mendengar bantahan oleh gabenor negeri Mesir itu dengan jawapan baginda;

"Hapuskanlah jizyah daripada semua orang Islam. Sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. diutus adalah untuk menunjuk jalan (kebenaran), bukan untuk menjadi pemungut cukai."

Kemudian Khalifah Umar bin Abdul Aziz memecat Usamah bin Zaid at-Tanukhi daripada jawatan gabenor negeri Mesir.

Jawapan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ini jelas menunjukkan bahawa baginda benar-benar seorang pemerintah yang mahu melaksanakan hukum agama Islam sebagai mana yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para Khalifah Irrasyidin yang empat.

Memang tindakan Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang mengembalikan dasar jizyah dan kharaj kepada dasar Islam yang sebenar telah menyebabkan ekonomi negara menjadi agak lemah kerana kekurangan penghasilan negara.

Tetapi untuk mengatasi perkara itu, Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah menggubal dasar ekonomi baru. Dasar ekonomi baru yang diwujudkan itu telah menyebabkan kewangan negara menjadi pulih dan kukuh kembali.

7. Menghantar Para Pendakwah Ke seluruh Pelosok Negara

Meskipun Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mengembalikan hukum jizyah hanya kepada orang-orang bukan Islam sahaja, tetapi baginda telah mengurangkan kadar jizyah daripada kadar yang ditetapkan oleh pemerintah sebelum baginda. Sehingga para penganut agama lain merasakan betapa ringannya cukai jizyah yang dikenakan ke atas mereka. Mereka merasa sangat terhutang budi kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan merasakan betapa mulianya hati seorang pemimpin umat Islam dan mereka merasakan mahu

bertuan kepada baginda bukan setakat di dalam kehidupan dunia tetapi juga kehidupan beragama.

Kebetulan pula di antara dasar pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ialah baginda telah memerintah kepada semua gabenor-gabenor wilayah supaya melakukan dakwah kepada orang-orang kafir zimmi. Maka apa lagi seperti orang mengantuk disorongkan bantal, orang-orang kafir zimmi mulalah berduyun-duyun beramai-ramai memeluk agama Islam. Diceritakan gabenor Khurasan bernama al-Jarrah bin Abdullah telah berjaya mengislamkan penduduknya sampai seramai 4,000 orang. Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak membiarkan orang-orang muallaf dengan muallafnya terus berpanjangan. Baginda telah menghantar para guru atau muballigh ke seluruh negeri untuk mengajar kaum muallaf hukum-hukum agama sehingga ramai dari kalangan mereka itu telah muncul menjadi ulama'-ulama' besar yang sukar ditandingi.

8. Berdialog Dengan Kaum Khawarij Tentang Pegangan Yang Benar

Sejak zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sampailah ke zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, kerajaan terus menerus berperang dengan kaum Khawarij. Tetapi kaum Khawarij tidak pernah hancur atau musnah. Meskipun mereka kalah dan ramai yang terbunuh, mereka tetap dapat bangkit kembali dan memberi ancaman kepada pemerintah kerajaan bani Umayyah.

Ketika Khalifah Umar bin Abdul Aziz menjawat jawatan khalifah kerajaan bani Umayyah, kaum Khawarij dipimpin oleh tokoh mereka yang bernama Syauzab seorang dari suku Yasykur. Kaum Khawarij tidak jadi untuk melancarkan serangan ke atas kerajaan bani Umayyah pimpinan Khalifah Umar bin Abdul Aziz apabila mereka melihat tindakan atau dasar pentadbiran Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang amat berlainan daripada corak pentadbiran para khalifah sebelum baginda. Kaum Khawarij melihat pemerintahan kerajaan bani Umayyah di bawah pentadbiran Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak menekan atau mahu berperang dengan mereka, sebaliknya pihak kerajaan mahu berbaik-baik dengan mereka. Syauzab al-Yasykuri melihat perkara ini setelah menilai tindakan Khalifah Umar bin Abdul Aziz ke atas kerajaan bukan Islam di sempadan dan tindakan baginda yang mengembalikan undang-undang tanah atau cukai negara kepada ajaran yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para Khalifah Irrasyidin.

Syauzab al-Yasykuri dan para penyokongnya menunggu apakah langkah yang seterusnya mahu diatur atau disusun oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz ke atas mereka. Tiba-tiba kaum Khawarij telah menerima perutusan daripada Khalifah Umar bin Abdul Aziz meminta mereka semua meletak senjata dan untuk menyelesaikan salah faham, Khalifah Umar bin Abdul Aziz meminta mereka datang bermuzakarah dengan baginda.

Memang Syauzab al-Yasykuri dan para penyokongnya sangat bersetuju dengan keinginan yang direncanakan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz itu. Tetapi sebelum Khalifah Umar bin Abdul Aziz sempat melaksanakan apa yang dipersetujui dengan Syauzab al-Yasykuri itu, tiba-tiba baginda wafat akibat diracun orang yang tidak menyenangi corak pemerintahan baginda yang adil dan mahu kembali kepada corak pentadbiran para Khalifah Irrasyidin dahulu.

9. Mewujudkan Masyarakat Yang Kaya Hasil Dari Keamanan Negara

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz bukan setakat mengembalikan undang-undang cukai dan jizyah kepada undang-undang Islam yang sebenarnya, meskipun akibatnya boleh menjejaskan ekonomi kerajaan, tetapi baginda juga adalah seorang pemimpin yang sangat pintar dan berpandangan jauh. Baginda telah mengambil langkah-langkah yang bijak untuk mengukuhkan ekonomi negara dengan mengamalkan beberapa langkah penjimatan atau penambahan hasil kepada Baitul Mal. Marilah kita lihat langkah-langkah yang dilakukan oleh baginda itu:-

Kerajaan mengenakan cukai ke atas tanah kharaj iaitu tanah yang diperolehi dari hasil penaklukan. Tanah-tanah tersebut menjadi hak milik bersama orang-orang Islam dan hasilnya dikenakan cukai. Tanah-tanah kharaj tidak boleh dijualbeli atau diagih-agihkan kepada sesiapapun sama ada dalam bentuk hadiah atau kurnia.

Seterusnya memansuhkan semua jenis perayaan, upacara-upacara perasmian kerajaan, hadiah-hadiah kepada tetamu dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang membazir wang rakyat atau wang negara.

Hasilnya kemiskinan dapat dihapuskan di seluruh negeri. Buktinya? Seorang petugas zakat bernama Yahya bin Said di Afrika Utara bercerita, "(Khalifah) Umar bin Abdul Aziz telah mengutus aku ke Afrika Utara untuk membahagi-bahagi zakat kepada penduduk di sana. Lalu aku carilah orang-orang miskin untuk aku berikan zakat kepada mereka itu. Tetapi kami (beliau pergi berteman dengan beberapa orang) tidak mendapati seorang pun juga dan kami tidak menemui orang-orang yang mahu menerimanya. (Khalifah) Umar (bin Abdul Aziz) betul-betul telah menjadikan rakyatnya kaya. Akhirnya aku beli dengan zakat itu beberapa orang hamba sahaya, kemudian aku merdekakan."

10. Menghapuskan Sikap Merendahkan Bangsa Bukan Arab

Pada masa-masa sebelum pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, para khalifah telah mengutamakan bangsa Arab di atas bangsa-bangsa bukan Arab. Sehingga orang-orang bukan Arab tidak boleh berkahwin dengan bangsa bukan Arab. Kalau mereka didapati berkahwin juga, mereka akan disebat dan dipisahkan. Begitu juga orang-orang bukan Arab tetap dikenakan jizyah, padahal jizyah hanya untuk orang-orang bukan Islam sahaja.

Pembahagian harta Baitul Mal juga tidak dibuat secara adil di antara orang-orang Arab dengan bukan Arab. Dan kerja-kerja jenis paksaan dikenakan ke atas orang-orang bukan Arab.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz melihat ini adalah satu bentuk kezaliman yang bercanggah dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu baginda telah menghapuskan semua ini.

Baginda menyamaratakan semua bangsa tak kira Arab atau bukan. Batasan keutamaan adalah terletak pada keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Khalifah Umar bin Abdul Aziz menggalakkan orang-orang Arab Islam supaya mengahwini orang-orang Islam bukan Arab. Ini adalah sunnah Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w. mengahwinkan Bilal bin Rabah dengan perempuan Quraisy. Mengapakah para khalifah bani Umayyah telah bertindak secara zalim dengan menghina orang-orang bukan Arab padahal Islam memuliakan semua umat manusia berdasarkan ketakwaan mereka kepada Allah SWT, bukan kerana bangsa Arab.

Saraan wang Baitul Mal diberi sama rata kepada semua umat Islam tanpa mengira bangsa dan kaum.

11. Membuat Pembaikan Ke Atas Tanah-Tanah Pertanian Dan Menggali Telaga-Telaga

Khalifah Umar bin Abdul Aziz juga telah membuat pembaikan pada tanah-tanah pertanian yang membolehkan peningkatan hasil. Usaha-usaha membina lebih banyak telaga-telaga telah membantu memudahkan kerja-kerja pertanian dan menambahkan penyuburan tanaman.

12. Membina Jalan-Jalan Dan Rumah Persinggahan Untuk Musafir

Sebenarnya sejak zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik lagi sudah dibina jalan-jalan raya yang baik dan disediakan rumah-rumah persinggahan untuk para musafir. Tetapi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, baginda telah meneruskan pembaikan-pembaikan jalan-jalan dan menambahkan lagi jumlah rumah persinggahan dengan lebih banyak lagi.

13. Menghapuskan Cacian Ke Atas Sayidina Ali Di Dalam Khutbah Jumaat

Sejak zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sampailah ke zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, perbuatan mengutuk dan mencaci maki Sayidina Ali bin Abu Talib dibuat di dalam khutbah setiap hari Jumaat. Tetapi setelah Khalifah Umar bin Abdul Aziz memerintah kerajaan Islam bani Umayyah, baginda telah menghapuskan perbuatan yang keji itu. Baginda menggantikan ruangan cacian terhadap

Sayidina Ali bin Abu Talib dengan sepotong ayat al-Qur'an yang bermaksud, ***"Sesungguhnya Allah memerintah (kamu) supaya berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat (apa yang mereka perlukan), dan melarang dari perbuatan keji dan kemungkaran dan permusuhan. Dan Dia (Allah SWT) memberi pengajaran kepada kamu agar kamu mengambil pelajaran.*** (ayat 90 surah an-Nahl).

Dengan perlaksanaan perkara ini telah menyebabkan kaum Syiah dapat meredakan kemarahan mereka kepada kerajaan bani Umayyah dan telah menyambung semula ikatan tali silatur rahim antara kaum bani Umayyah dengan kaum Alawiyyen atau Syiah yang selama ini amat berseteru dan bermusuhan.

14. Menghimpun Hadis Agar Dibukukan

Khalifah Umar bin Abdul Aziz melihat hadis-hadis Rasulullah s.a.w. tidak disusun secara sempurna di dalam sebuah kitab yang besar. Ini tentunya sangat menyulitkan para ulama' untuk mengkaji hadis-hadis untuk memisahkan mana-mana hadis yang sahih dari yang tidak sahih. Untuk melaksanakan perkara yang mulia ini, Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mengarahkan kepada Abu Bakar bin Muhammad bin Amru bin Hazm, gabenor baginda di kota Madinah agar segera melakukan pembukuan ini. Oleh kerana sebelum ini usaha membukukan hadis-hadis dilakukan oleh orang perseorangan atau tokoh-tokoh ulama' yang berbakat sahaja tanpa disertai oleh bantuan atau galakkan daripada kerajaan, maka usaha yang mulia ini tidak dapat dilakukan dengan sempurna kerana kekurangan kemudahan dan kewangan. Baginda juga menekankan agar hadis-hadis diambil daripada ulama'-ulama' yang berkelibar dan terpilih seperti guru baginda sendiri yang merupakan seorang wanita yang bernama Amrah binti Abdul Rahman bin Saad bin Zurarah al-Ansari sebagaimana yang baginda arahkan kepada Abu Bakar ibnu Hazm;

"Tulislah dan kirimlah semua hadis yang terbukti (sahih) daripada Rasulullah s.a.w. dan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Amrah."

Demikianlah jasa-jasa dan pembaikan-pembaikan yang dilakukan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz selama baginda menerajui kerajaan bani Umayyah selaku khalifah mereka yang kelapan selama kira-kira dua tahun lapan bulan itu. Pembaikan-pembaikan yang sebahagiannya dilupakan oleh para khalifah sebelum baginda.

Dakyah Bani Hasyim Dan Penangkapan Yazid Bin Al-Muhallab

Dasar pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz memang sangat lembut dan cintakan kedamaian telah menyebabkan musuh-musuh kerajaan bani Umayyah telah mengambil kesempatan ketika kedamaian dan ketenangan dalam negara seperti ini. Diriwayatkan bahawa menjelang tahun 100 hijrah,

Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas, pemimpin pergerakan bani Hasyim telah mula menjalankan dakyahnya ke seluruh negara untuk menarik rakyat agar bersepakat untuk menggulingkan kerajaan bani Umayyah. Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas telah menulis dan menyebarkan surat-surat dakyah kepada semua ketua-ketua kaum di serata negeri, tetapi telah tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Kenapa? Kerana rakyat ketika pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz sangat mencintai baginda yang salih, takwa, baik, wara' dan hidup sederhana itu.

Pada masa zaman kelembutan dan kedamaian ini, seorang pahlawan yang sangat berjasa terhadap kerajaan bani Umayyah iaitu Yazid bin al-Muhallab bin Abu Sufrah yang merupakan gabenor di Iraq sejak zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah menimbulkan kemarahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz kerana sikapnya yang cuba mengecoh baginda.

Untuk makluman semua pembaca yang budiman, anak-anak Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah pada zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik diberi kedudukan yang tinggi termasuklah Yazid bin al-Muhallab. Yazid bin al-Muhallab dilantik oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik sebagai gabenor di negeri Khurasan. Dalam pertempuran di daerah Jurjan dan Tabristan, Yazid bin al-Muhallab telah mendapat kemenangan yang besar serta memperolehi harta rampasan atau ghanimah yang sangat banyak. Dia menulis surat kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik menceritakan tentang harta ghanimah itu sebagaimana suratnya kepada Kkhalifah Sulaiman bin Abdul Malik;

"Di tanganku kini terkumpul satu perlima daripada harta rampasan perang yang diberikan oleh Allah SWT kepada kaum Muslimin. Setelah ku serahkan kepada orang-orang yang berhak menerima fai dan ghanimah akan hak masing-masing, (masih tersisa) sebanyak enam juta. Insya' Allah jumlah tersebut akan aku bawa kepada Amirul Mu'minin."

Tiba-tiba Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik sebelum harta-harta itu sempat dihantar ke kota Damsyik. Ini menyebabkan Khalifah Umar bin Abdul Aziz menuntut harta itu sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah daripada Yazid bin al-Muhallab. Tetapi Yazid bin al-Muhallab enggan menyerahkan harta-harta ghanimah dan fai tersebut kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan alasan beliau menceritakan tentang harta-harta itu kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik secara tidak benar. Beliau sengaja menceritakan harta-harta rampasan perang itu kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik kerana beliau percaya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik tidak akan mengambil sedikitpun harta-harta itu. Jawapan Yazid bin al-Muhallab inilah yang telah menimbulkan kemarahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan terus memerintah supaya beliau ditangkap dan dipenjarakan.

Tetapi ketika Khalifah Umar bin Abdul Aziz sedang sakit akan wafat, Yazid bin al-Muhallab telah berjaya melarikan diri daripada penjara dan menulis surat kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang sedang sakit, meminta maaf daripada baginda di atas tindakannya melarikan diri dari tahanan itu;

"Demi Allah, seandainya aku yakin bahawa tuan masih akan hidup, nescaya aku tak akan keluar dari tahanan ini. Tetapi aku khuatir bahawa Yazid (Khalifah Yazid bin Abdul Malik) akan menaiki takhta dan ia akan membunuhku secara keji."

Nanti kisah Yazid bin al-Muhallab selanjutnya insya' Allah akan dikisahkan di masa pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik.

Wafat

Setelah memerintah umat Islam selama kira-kira lapan tahun lima bulan, menjelang tahun 101 Hijrah/719 Masihi, wafatlah Khalifah Umar bin Abdul Aziz, seorang insan yang suci dan berhati mulia. Baginda wafat dalam usia yang masih sangat muda iaitu 39 tahun. Kenapa baginda begitu cepat meninggal dunia, apakah disebabkan penyakit atau demam? Tidak!

Mengikut pemerhatian para sejarawan Islam, kewafatan Khalifah Umar bin Abdul Aziz dalam usia yang sebegitu muda adalah disebabkan perbuatan khianat sanak saudara baginda sendiri orang-orang bani Umayyah. Ini adalah berpunca dari sikap dan peribadi Khalifah Umar bin Abdul Aziz setelah menjadi khalifah telah berubah secara mendadak, daripada seorang penggemar keduniaan kepada seorang pencinta kehidupan akhirat. Daripada seorang tokoh bani Umayyah yang cintakan kaumnya kepada seorang tokoh Muslimin yang memperjuangkan manusia beriman dan yang muslim sejagat. Menegak kebenaran dan keadilan tanpa mengira kaum, bangsa dan keturunan.

Kaum kerabat baginda telah memberi makanan atau minuman beracun kepada baginda yang menyebabkan baginda sakit dan wafat.

Diriwayatkan ketika baginda merasa ajalnya sudah dekat, Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mengumpul kesemua kesebelas orang putera baginda itu, bukan untuk membahagi harta kekayaan, tetapi untuk berwasiat. Ini adalah kerana ketika baginda akan wafat, baginda adalah seorang fakir miskin. Harta peninggalan baginda cuma sebelas dinar sahaja. Padahal baginda menjadi khalifah selama lebih dua tahun. Dan baginda mewasiatkan agar menggunakan sebanyak lima dinar untuk urusan pengkebumian jenazah baginda termasuklah upah menggali kubur. Jadi yang tinggal hanya sebanyak enam dinar sahaja dan itulah yang bakal dibahagi-bahagikan oleh baginda di antara sebelas orang putera baginda itu.

Setelah kesemua kesebelas orang putera berkumpul di sisi baginda, maka Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah berkata kepada mereka sebagai wasiat

baginda kepada mereka;

"Wahai anak-anakku, sesungguhnya aku tidak mempunyai harta kekayaan untuk aku berwasiat kepada kamu semua. Dan aku juga tidak ada menanggung apa-apa hak orang lain sama ada harta, maruah atau darah. Hanya Allah sahaja yang akan memelihara kamu semua."

Kebetulan ketika itu seorang saudara sepupu merangkap ipar baginda sedang berada di sisi baginda iaitu Muslamah bin Abdul Malik. Dia sangat sedih mendengar kata-kata wasiat Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang wara' dan zahid itu. Cukup aneh sekali seorang pemimpin negara meninggal dunia tanpa meninggalkan sedikit pun harta kekayaan kecuali beberapa dinar sahaja. Muslamah bin Abdul Malik menangis kerana merasa sangat sedih sekali.

"Wahai Amirul Mu'minin! Saya ada satu cadangan," Muslamah bin Abdul Malik cuba memberi pendapatnya kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang sedang sakit tenat itu.

"Apa cadangan engkau wahai Muslamah?" Tanya Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan suara yang lemah.

"Aku akan beri wang aku sendiri sebanyak 300 dinar kepadamu, dan kemudian kau bahagi-bahagikan kepada anak-anakmu supaya mereka tidak terlalu susah," jawab Muslamah bin Abdul Malik memberi cadangannya yang sememangnya suatu perbuatan yang baik sekali.

"Tapi aku ada cadangan yang lebih baik daripada cadanganmu itu, wahai Muslamah," sampuk Khalifah Umar bin Abdul Aziz pula.

"Apakah cadangannya wahai Amirul Mu'minin?" tanya Muslamah bin Abdul Malik pula.

"Kau kembalikan semula harta kau itu ke tempat di mana kau mengambilnya, kerana itu bukan milikmu," Khalifah Umar bin Abdul Aziz memberi cadangannya yang sangat mengejutkan Muslamah bin Abdul Malik.

Muslamah bin Abdul Malik menangis tersedu-sedu mendengar cadangan dari Khalifah Umar bin Abdul Aziz itu. Sungguh berlainan sekali dengan jiwa kebanyakan manusia lain.

Setelah Khalifah Umar bin Abdul Aziz wafat, kesemua putera baginda yang sebelas orang itu menjadi orang-orang yang berjaya dan kayaraya meskipun mereka tidak menerima apa-apa warisan pusaka daripada ayahanda mereka. Setengah daripadanya berdaya menyumbang sampai 100 ekor kuda untuk jihad fi sabilillah. Sebaliknya anak-anak Muslamah bin Abdul Malik yang mendapat mendapat warisan pusaka yang banyak daripada ayahanda mereka Muslamah bin Abdul Malik didapati telah menjadi miskin di kemudian hari. Bahkan mereka menjadi sasaran orang-orang zalim dan ada di antara mereka yang diazab di bawah kawah api oleh orang-orang yang marah kepada mereka.

Tapi mengikut riwayat lain, bukan putera-putera Muslamah bin Abdul Malik yang mengalami nasib yang malang itu, tetapi putera-putera Khalifah Hisyam bin Abdul Malik yang seramai 10 orang yang masing-masing mendapat harta pusaka sebanyak 10 juta dinar seorang.

Namun penyusun lebih meyakini perbandingan yang dibuat di antara putera-putera Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang ditinggalkan miskin kemudian menjadi kaya dan berjaya adalah dengan putera-putera Panglima Muslamah bin Abdul Malik, kerana Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tidak meninggalkan kekayaan untuk anak-anaknya. Imam Tabari meriwayatkan di dalam kitabnya *Tarikh Tabari* bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tidak menyimpan harta untuk dirinya, tetapi untuk rakyatnya. Baginda berkata kepada Aqqal bin Syabbah yang baginda mahu angkat sebagai gabenor di negeri Khurasan, "............... Adapun wang yang aku kumpulkan dan aku simpan itu adalah untuk kamu semua." (lihat Prof Dr Ahmad Syalaby *Sejarah Dan Kebudayaan Islam (2) ms 88).*

Jenazah baginda dimakamkan di negeri Syam.

Keluarga

Tidak sebagaimana khalifah-khalifah yang lain, Khalifah Umar bin Abdul Aziz hanya mempunyai seorang isteri sahaja. Baginda tidak pernah berkahwin ramai. Isteri baginda hanyalah Fatimah puteri Khalifah Abdul Malik, saudara sepupu baginda sendiri. Dan baginda juga tidak ada memiliki jariah meskipun seorang sahaja.

Apakah ini disebabkan Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang lemah tenaga batin?

Tidak! Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang sempurna tenaga kelelakiannya. Ini terbukti hasil perkahwinan baginda dengan Fatimah binti Abdul Malik, baginda memperolehi seramai 11 orang anak. Semuanya lelaki.

Corak Kehidupan Setelah Menjadi Khalifah

Sesungguhnya corak hidup Khalifah Umar bin Abdul Aziz amat berbeza antara sebelum baginda dilantik menjadi khalifah dengan setelah baginda dilantik. Perbezaan yang ketara ini ialah daripada menjalani kehidupan mewah kepada kehidupan yang benar-benar zahid. Marilah kita lihat beberapa kisah di bawah ini yang memperlihatkan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz setelah dilantik menjadi khalifah telah menjalani kehidupan yang benar-benar zahid yang melambangkan bahawa baginda adalah seorang yang sangat cintakan kepada kehidupan akhirat:-

Kisah pertama: Seorang Menteri Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang mana pada zaman pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik juga adalah

Menteri kepada baginda. Beliau ialah Raja' bin Haiwah, seorang ahli politik dan seorang ulama' yang salih dan wara'.

Raja' bin Haiwah bercerita, pada suatu hari beliau disuruh oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz agar membeli kepada baginda sehelai baju (jubah) yang berharga enam dirham. Setelah Raja' menyerahkan kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz, baginda membelek-belek jubah itu lalu berkata, "Aku suka jubah ini kalau tidak kerana ia terlalu lembut."

Raja' bin Haiwah terus menangis sehingga airmatanya mengalir membasahi janggutnya.

"Mengapa kau menangis wahai Raja'"? tanya Khalifah Umar bin Abdul Aziz kepada menteri baginda itu.

"Dulu ketika tuan menjadi gabenor, aku datang kepada tuan dengan membawa pakaian (jubah) yang berharga enam ratus dirham, tuan meraba-rabanya sambil berkata, "Aku suka pakaian (jubah) ini kalau tidak kerana ia terlalu kasar," Sekarang setelah tuan menjadi Amirul Mu'minin, aku datang dengan membawa baju yang berharga enam dirham sahaja, tapi tuan berkata, "Aku suka pakaian (jubah) ini kalau tidak kerana ia terlalu lembut." (Inilah yang membuat aku menangis).

(Buku ***Gelombang Hidup Para Isteri Khalifah*** - Ibnu Safa - ms 161).

Kisah kedua: Sesungguhnya Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang khalifah yang benar-benar menjalani kehidupan zahid. Ketika baginda wafat, hanya terdapat sebelas dinar sahaja kekayaan yang terdapat di dalam simpanan baginda. Padahal ketika baginda menjadi gabenor kota Madinah, kekayaan baginda besar sekali. Tetapi sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah, baginda terus mengembalikan kesemua kekayaan baginda ke Baitul Mal. Baginda tidak yakin lagi harta-harta yang baginda perolehi semasa baginda menjadi gabenor adalah harta-harta atau pendapatan yang benar-benar halal.

Ini bererti ketika baginda wafat, Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang fakir miskin. Diriwayatkan ketika baginda merasa ajalnya sudah dekat, Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mengumpul kesemua kesebelas orang putera baginda itu, bukan untuk membahagi harta kekayaan, tetapi untuk berwasiat. Harta peninggalan baginda cuma sebelas dinar sahaja. Padahal baginda menjadi khalifah selama lebih dua tahun. Dan baginda mewasiatkan agar menggunakan sebanyak lima dinar untuk urusan pengebumian jenazah baginda termasuklah upah menggali kubur. Jadi yang tinggal hanya sebanyak enam dinar sahaja dan itulah yang bakal dibahagi-bahagikan oleh baginda di antara sebelas orang putera baginda itu.

Setelah kesemua kesebelas orang putera baginda berkumpul di sisi baginda, maka Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah berkata kepada mereka sebagai wasiat baginda kepada mereka;

"Wahai anak-anakku, sesungguhnya aku tidak mempunyai harta kekayaan untuk aku berwasiat kepada kamu semua. Dan aku juga tidak ada menanggung apa-apa hak orang lain sama ada harta, marwah atau darah. Hanya Allah sahaja yang akan memelihara kamu semua."

(Buku ***Kisah Kelakar Tokoh Silam*** Jld 1 - Mohd Amin - ms 115).

Cukuplah dua kisah ini bagi menunjukkan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang menjalani kehidupan zahid setelah baginda dilantik menjadi khalifah.

Apakah Khalifah Umar Bin Abdul Aziz Seorang Wali Allah?

Apakah pernah seorang ahli sejarah Islam atau bukan Islam yang mengutarakan soalan di atas? Kenapa tidak ada? Kerana kebanyakan kita menganggap para Wali Allah hanya terjadi di kalangan orang-orang yang tidak berjawatan sahaja, dari golongan miskin dan rakyat biasa. Tiada dari kalangan orang-orang bangsawan, apatah lagi para pemimpin negara, sebab orang-orang Wali Allah tidak memikirkan persoalan-persoalan keduniaan. Mereka asyik memikirkan persoalan-persoalan Allah SWT semata. Kalau mereka asalnya raja atau pemerintah, mereka akan meninggalkan takhta menjadi pengemis atau darwis seperti yang terjadi kepada Ibrahim bin Adham. Sedangkan Umar bin Abdul Aziz wafat semasa menjadi khalifah.

Sebenarnya sebagaimana para nabi dan rasul, begitulah juga dengan para Wali Allah. Para nabi dan rasul ada bermacam-macam kedudukan. Mereka bukan terdiri daripada orang-orang miskin dan tidak berjawatan sahaja. Bahkan ramai daripada para nabi dan rasul yang terdiri daripada kalangan orang-orang kaya dan memegang jawatan yang tinggi. Bahkan kita semua tahu Nabi Daud as dan Nabi Sulaiman as adalah raja. Nabi Zulkifli as juga raja. Tetapi nisbah raja kepada Nai Zulkifli as tidak begitu masyhur disebabkan kerajaan baginda tidak disebut di dalam al-Qur'an tidak sebagaimana Nabi Daud as dan Nabi Sulaiman as. Nabi Yusuf as adalah Menteri. Nabi Denial as adalah pembesar kerajaan. Manakala Nabi Adam as, Nabi Hud as, Nabi Salih as adalah petani. Nabi Idris as tukang jahit dan ahli bintang. Nabi Nuh as tukang rumah, atau tukang kayu.

Bahkan para nabi dan rasul ada yang hidup di hutan dan di bukit-bukit sebagai orang-orang pertapaan seperti Nabi Yahya as dan Nabi Isa as.

Begitulah juga dengan para Wali Allah. Mereka berbagai-bagai kedudukan sosial dan berbagai-bagai pekerjaan. Dan kebanyakan mereka tidak suka bekerja kerana mahu bertawakkal kepada Allah SWT di dalam urusan hidup dan rezeki mereka.

Khalifah Umar bin Abdul Aziz meskipun adalah seorang khalifah, tetapi baginda boleh membawa diri baginda menjadi salah seorang daripada Wali-

Wali Allah. Sebab untuk menjadi seorang yang dekat perhubungan dengan Allah SWT bukan berkaitan dengan kedudukan atau jenis pekerjaan, tetapi berkaitan dengan keimanan yang kuat, ketakwaan dan kebersihan jiwa. Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah menjadikan diri baginda memiliki ketiga-tiga unsur keagamaan ini.

Di dalam kitab-kitab kisah para Wali Allah, kita akan menemui nama Khalifah Umar bin Abdul Aziz dimasukkan ke dalamnya. Ini membuktikan tokoh-tokoh tasawuf mengakui atau mengiktiraf bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz termasuk dari kalangan Wali-Wali Allah.

Beberapa Kelakuan Aneh Yang Menunjukkan Baginda Seorang Wali Allah

Di bawah ini saya ingin memaparkan beberapa kisah aneh berkaitan dengan peribadi Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang menunjukkan bahawa baginda adalah termasuk ke dalam senarai salah seorang Wali-Wali Allah. Marilah kita lihat adegan-adegannya yang sungguh menarik:-

1. Isi Peti Rahsia

Mengikut riwayat, Khalifah Umar bin Abdul Aziz ada menyimpan sebuah peti rahsia yang isinya tidak diketahui oleh sesiapa sekalipun isteri baginda sendiri. Peti rahsia itu baginda buka untuk mengguna isinya setelah tiba pertengahan atau separuh malam yang akhir setelah seluruh isi rumah atau keluarga baginda tidur dengan nyenyaknya. Kuncinya pula baginda simpan tanpa dapat diketahui oleh sesiapa tempat baginda menyimpannya.

Bagi orang-orang yang mengetahui persoalan peti rahsia itu, mereka menyangka isi peti itu adalah wang yang disimpan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz hasil dari gaji yang baginda berjimat cermat selama baginda menjadi gabenor dan khalifah.

Setelah Khalifah Umar bin Abdul Aziz wafat, keluarga baginda yang terdekat telah membuka peti rahsia itu untuk melihat apakah isinya. Kalau-kalau wang dinar atau emas yang banyak, mereka pasti dapat menikmatinya. Ramai juga kaum kerabat Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang datang untuk menyaksi apakah isi peti rahsia itu.

Setelah dibuka semua menjadi kaget dan terkejut. Mereka mendapati isi peti rahsia itu terdapat dua benda sahaja. Dua benda yang langsung tidak ada erti kepada mereka. Dua benda di dalam peti rahsia kepunyaan Khalifah Umar bin Abdul Aziz itu ialah sehelai jubah buruk dan seutas rantai besi yang agak besar. Apa tujuan Amirul Mu'minin Umar bin Abdul Aziz menyimpan kedua-dua *benda yang tidak berguna ini?*

Agar kaum kerabat baginda tidak tertanya-tanya tanpa mendapat

jawapannya sehingga mungkin mereka akan menyangka yang bukan-bukan terhadap khalifah yang sudah wafat, maka isteri al-marhum Khalifah Umar bin Abdul Aziz terpaksa membuka rahsia tentang hubung kait kedua-dua barang yang tidak berguna itu dengan suaminya.

Fatimah bin Abdul Malik menceritakan bahawa setiap malam Khalifah Umar bin Abdul Aziz akan membuka peti itu dan memakai baju buruk ketika akan mengerjakan sembahyang tahajud. Manakala rantai besi itu akan dililit di lehernya setelah baginda selesai mengerjakan sembahyang malam yang dikerjakan sekadar dua rakaat sahaja itu. Tujuan baginda memakai rantai di leher selepas mengerjakan sembahyang tahajjud sehingga masuk waktu subuh adalah bertujuan untuk mengingatkan kepada baginda tentang azab di Hari Qiamat yang mana kebanyakan orang fasik dan kafir dibelenggu leher mereka dengan rantai daripada api neraka. (Buku ***Kisah Kelakar Tokoh Silam*** Jld 1 - Mohd Amin - ms 123).

2. Tolong Kipas Khadam Tidur

Mengikut satu cerita, pada suatu ketika cuaca di negeri Syam sangat panas. Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang keletihan dan mahu berehat buat seketika. Baginda meminta seorang khadam atau pembantu baginda agar mengipas baginda agar dapat berehat dengan selesa. Setelah dikipas oleh khadam baginda buat beberapa ketika, telah menyebabkan baginda tertidur kerana nikmatnya dikipas. Setelah tidur buat beberapa ketika, baginda terjaga dan mendapati khadam baginda telah tertidur mungkin kerana keletihan.

Maka tanpa berlengah lagi Khalifah Umar bin Abdul Aziz terus mengambil kipas dari tangan khadam baginda dan mengipas khdam baginda yang tertidur itu. Setelah khadam itu terjaga, dia sangat terkejut kerana Khalifah Umar bin Abdul Aziz pula yang mengipas dirinya yang tertidur.

"Masya Allah, kenapa Amirul Mu'minin berbuat begini (mengipas dirinya yang merupakan seorang khadam baginda)?" kata si khadam yang ketakutan dan kecemasan.

"Jangan bimbang, kau juga manusia seperti saya yang perlu dikipas," jawab Khalifah Umar bin Abdul Aziz sambil tersenyum kepada khadam baginda itu. (Buku ***Kisah Kelakar Tokoh Silam*** Jld 1 - Mohd Amin - ms 115).

Cukuplah dua kisah yang dipaparkan untuk menunjukkan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang memiliki ciri-ciri seorang Wali Allah yang melayakkan baginda termasuk ke dalam golongan para Wali Allah.

Beberapa kisah Menarik Berkaitan Baginda

Dari kalangan para khalifah bani Umayyah, hanya Khalifah Umar bin Abdul Aziz sahaja yang banyak memiliki kisah-kisah hidup yang menarik. Ini terjadi

kerana Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang manusia yang kuat imannya, sangat takwa kepada Allah SWT dan sangat bersih jiwanya. Baginda menjalani kehidupan yang bersahaja, zahid dan anih. Marilah kita lihat beberapa kisah diri baginda yang menarik terutama setelah baginda dilantik menjadi khalifah kerajaan bani Umayyah yang kelapan:-

1. Sangat Mencintai Keluarga Rasulullah s.a.w.

Kalau disebut orang-orang keturunan Umayyah, maka sudah pasti orang itu adalah pembenci keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib tanpa mengira keturunan Rasulullah s.a.w. lagi. Tetapi tidak kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Baginda dididik supaya mencintai keluarga Rasulullah s.a.w. oleh guru baginda yang bernama Ubaidullah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud al-Huzaili. Kerana didikan oleh gurunya ini, Khalifah Umar bin Abdul Aziz telah mengenal keutamaan keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib khasnya daripada isteri baginda Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha.

Diriwayatkan setelah menjadi khalifah, Umar bin Abdul Aziz telah memperlihatkan kecintaan baginda kepada keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib yang satu-satunya sahaja keturunan Rasulullah s.a.w. yang memberi jenerasi yang berpanjangan dan terhormat kepada baginda.

Satu kisah yang menarik yang terjadi kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz berkaitan dengan kecintaan baginda kepada keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib diceritakan oleh Fatimah binti Ali bin Abu Talib.

"Aku pernah datang menghadap beliau ketika beliau menjadi gabenor di kota Madinah. Beliau memerintah supaya semua pengawal dan pembantu beliau keluar daripada sisi beliau. Hingga di ruang itu tinggal aku dan beliau sahaja. Beliau berkata, "Wahai puteri Ali, demi Allah, di dunia ini tidak ada Ahlil Bait yang lebih aku cintai melebihimu. Bahkan kau lebih aku cintai daripada Ahlil Baitku sendiri."

Ini bukanlah bererti Khalifah Umar bin Abdul Aziz hanya menyayangi atau mencintai Fatimah binti Ali bin Abu Talib seorang sahaja dan tidak mencintai yang bukan beribukan Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha seorang sahaja atau mencintai Fatimah ini lebih daripada mencintai anak-anak Sayidina Ali bin Abu Talib yang dari keturunan Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha. Di bawah ini diperlihatkan bukti bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz sebenarnya mencintai seluruh Ahlil Bait Rasulullah s.a.w.

Fatimah binti al-Husein bin Ali bin Abu Talib bercerita bahawa beliau pernah menulis surat kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang menjelaskan kebaikan Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang sangat mengambil berat terhadap kehidupan Alil Bait yang berbunyi;

"Wahai Amirul Mu'minin, tuan telah membuat orang-orang dari kami yang

tidak mempunyai pembantu dapat pembantu, yang membuat orang-orang kami yang tidak berpakaian dapat berpakaian."

Khalifah Umar bin Abdul Aziz tersenyum kerana sangat gembira mendengar isi surat itu kerana baginda telah dapat menyenangkan hati kaum Ahlil Bait Rasulullah s.a.w. **(Rujuk buku 30 Wanita Tabiin ms 31)**

Satu lagi kisah yang memperlihatkan betapa cinta dan kasihnya Khalifah Umar bin Abdul Aziz kepada keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib dari keturunan Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha.

Abdullah bin Muhammad bin Aqil bin Abu Talib bercerita, "Bahagian pertama harta yang disisih oleh Umar bin Abdul Aziz ialah harta yang akan diberikan kepada kami Ahlil Bait. Beliau memberi kepada wanita Ahlil Bait seperti memberi bahagian lelaki. Dan bahagian untuk kanak-kanak seperti bahagian untuk wanita. Secara keseluruhannya Ahlil Bait mendapat sebanyak tiga ribu dinar."

Demikianlah kisah kecintaan Khalifah Umar bin Abdul Aziz kepada keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib dari keturunan Rasulullah s.a.w.

2. Padam Lampu Kerajaan

Kewara'an Khalifah Umar bin Abdul Aziz bukan sahaja terhadap persoalan-persoalan hidup biasa, tetapi juga berkaitan dengan masa baginda melaksanakan pentadbiran negara. Diriwayatkan pada suatu malam baginda sedang melaksanakan tugas-tugas kerajaan dengan lampu terpasang di hadapan baginda. Tiba-tiba seorang kerabat baginda datang ke pejabat baginda. Baginda bertanya kerabat baginda itu, apakah kedatangannya untuk mengemukakan masalah peribadi atau masalah berkaitan masyarakat (negara)? Kerabat baginda itu menjelaskan tujuan kedatangannya itu adalah untuk membicarakan tentang masalah atau persoalan peribadi.

Maka Khalifah Umar bin Abdul Aziz terus memadam api lampu yang sedang dipasang di hadapan baginda. Apabila kerabat baginda bertanya kepada baginda, kenapa baginda berbuat demikian? Khalifah Umar bin Abdul Aziz menjelaskan bahawa itu lampu yang menggunakan minyak kerajaan tidak boleh dipakai untuk urusan peribadi.

Cukuplah dua kisah menarik yang dipaparkan untuk tatapan para pembaca yang budiman.

Kelebihan

❖ Sangat Alim

Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang yang sangat alim. Beliau belajar dengan para ulama' Madinah sejak kanak-kanak lagi. Orang ramai

mengatakan, "Para ulama' sekiranya duduk bersama Umar, adalah mereka semua bertaraf murid." Umar bin Abdul Aziz juga telah menghafal al-Qur'an sejak masih kecil lagi. Beliau menghafal seluruh al-Qur'an.

Disamping sangat alim, baginda juga adalah seorang yang sangat elok sembahyangnya. Anas bin Malik berkata, "Tidak pernah aku sembahyang di belakang seseorang (imam) setelah Rasulullah s.a.w., yang sembahyangnya menyerupai sembahyang Rasulullah s.a.w. selain pemuda ini (ditunjukkan kepada Umar bin Abdul Aziz ketika beliau menjadi gabenor Madinah).

Beberapa Kata-Kata Khalifah Umar Bin Abdul Aziz Yang Berhikmat Dan Mempesonakan

Di kalangan khalifah bani Umayyah, Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah di antara peribadi yang mampu mengucapkan kata-kata berhikmat dan mempesonakan setiap pendengar atau lawan cakap baginda. Di kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. ialah Amru bin al-Ass, Saad bin Abu Waqqas dan Qais bin Saad bin Ubadah. Sekarang marilah kita lihat beberapa dialog di antara Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan seorang tokoh atau dengan orang biasa sebelum atau setelah baginda menjadi khalifah:-

Diceritakan oleh setengah kitab-kitab sejarah Islam bahawa pada suatu hari ketika beliau masih menjadi Menteri kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, ketika itu beliau sedang bersiar-siar sambil mengiringi baginda khalifah yang mengenderai kenderaan. Tiba-tiba petir membelah langit yang menyebabkan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik terperanjat dan merapatkan dada baginda kepada kenderaan baginda. Wajah baginda kelihatan gelisah dan cemas.

"Wahai Amirul Mu'minin! Itu adalah suara rahmat Allah, bagaimana kalau tuan mendengar suara azabNya?" kata Khalifah Umar bin Abdul Aziz memperli Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik.

Satu kisah lagi yang menunjukkan Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang manusia yang dikurniakan hikmat di dalam berkata-kata ialah kisah berikutnya. Setelah beliau berkahwin dengan Fatimah binti Abdul Malik, Khalifah Abdul Malik bin Marwan bapa mertua beliau bertanya kepada beliau bagaimana cara beliau akan berbelanja di dalam rumah tangga nanti. Umar bin Abdul Aziz menjawab, "Antara dua keburukan."

Khalifah Abdul Malik bin Marwan amat terpesona dengan jawapan menantu yang juga anak saudara baginda itu. Ini adalah kerana belum pernah baginda mendengar seseorang yang menjawab sedemikian berhikmat jawapannya. Jawapan Umar bin Abdul Aziz yang masih remaja itu selaras dengan maksud satu ayat al-Qur'an dalam surah al-Furqan ayat 67 yang bermaksud, ***"Mereka (yang diredhai oleh Allah SWT itu ialah) apabila membelanjakan hartanya, tidak (dengan cara) berlebih-lebihan dan tidak pula bakhil, tetapi adalah di***

antara kedua-duanya." Dan selaras juga dengan maksud satu ayat al-Qur'an dalam surah an-Nahl ayat 66 iaitu, "***Dan sesungguhnya pada binatang ternak itu terdapat pelajaran bagi kamu. Kami memberimu minum daripada apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih (yang terletak) di antara tahi dan darah.***"

Cukuplah dua kisah di atas bagi menjelaskan bahawa Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang manusia yang dianugerahkan oleh Allah SWT hikmat di dalam berkata-kata. Sesungguhnya sesiapa sahaja yang diberi hikmat, memang ianya diberi atau dikurniakan kebaikan yang sangat banyak. Ini adalah kerana kata-kata atau ucapan yang berhikmat sangat diperhatikan orang dan mengandungi banyak pengajaran. Orang ramai sangat merasa nikmat mendengarnya dan mereka suka mengulang-ulangi kata-kata itu sehingga mendapat faedah yang tidak sedikit daripadanya.

Demikianlah kisah hidup, perjuangan dan pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, Khalifah kerajaan bani Umayyah yang kelapan. Semoga Allah SWT menghimpunkan kita bersama-sama dengan baginda di syurga Firdaus nanti. Amin. Wassalam.

YAZID BIN ABDUL MALIK
(101-105 Hijrah / 719-723 Masihi)

Pengenalan

Yazid bin Abdul Malik adalah khalifah kerajaan dinasti bani Umayyah yang ke sembilan. Baginda dilantik menjadi khalifah setelah kewafatan saudara sepupu baginda yang sangat salih dan zahid iaitu Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Baginda adalah putera Khalifah Abdul Malik bin Marwan dari isteri baginda yang bernama Atikah binti Yazid bin Mu'awiyah. Jelas Khalifah Yazid bin Abdul Malik adalah selain putera Khalifah Abdul Malik bin Marwan, juga adalah cucunda kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Saudara-saudara baginda yang seibu sebapa dengan baginda ialah Marwan, Mu'awiyah dan Ummu Kalthum.

Soalnya sekarang, apakah Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang melantik Yazid bin Abdul Malik menjadi khalifah bani Umayyah yang ke sembilan menggantikan tempat baginda sebagaimana yang telah dilakukan oleh beberapa orang khalifah sebelumnya?

Tidak! Khalifah sebelum Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang bertindak melantik anak-anak menggantikan tempat mereka tidaklah semuanya. Cuma empat orang sahaja iaitu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang melantik putera baginda Yazid sebagai khalifah. Kedua Khalifah Marwan bin al-Hakkam yang telah melantik putera baginda Abdul Malik bin Marwan dan Abdul Aziz bin Marwan sebagai dua Putera Mahkota yang silih berganti dan seterusnya akan menduduki kerusi khalifah. Ketiga Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang melantik dua orang putera baginda sebagai Putera Mahkota bermula dengan al-Walid, kemudian Sulaiman. Dan keempat Khalifah Yazid bin Abdul Malik ini yang melantik putera baginda al-Walid sebagai Putera Mahkota dan khalifah selepas Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Sedangkan khalifah-khalifah Yazid l, Mu'awiyah ll, sementelah Umar bin Abdul Aziz tidak pernah melantik anak-anak sebagai pengganti, tetapi orang lain yang menentukannya. Manakala Khalifah al-Walid 1 dan Sulaiman pernah melantik anak menjadi Putera Mahkota tetapi Allah SWT tidak merestuinya lantas anak-anak mereka berdua tidak sempat menjadi khalifah, seorang disebabkan dibatalkan oleh ayahandanya (Putera Mahkota al-Abbas bin al-Walid) dan seorang lagi telah

meninggal dunia sebelum ayahandanya wafat (Putera Mahkota Ayub bin Sulaiman).

Sebenarnya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik yang menunjukkan Umar bin Abdul Aziz menggantikan tempat baginda setelah putera baginda Ayub wafat sebelum baginda wafat. Seterusnya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik mengembalikan jawatan khalifah kepada saudaranya anak Khalifah Abdul Malik bin Marwan iaitu Yazid bin Abdul Malik ini sesudah Umar bin Abdul Aziz wafat. Jadi naiknya Yazid bin Abdul Malik menjadi khalifah yang ke sembilan adalah di atas perlantikan yang telah dibuat oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, bukan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Apa yang jelas, perlantikan pengganti Khalifah Umar bin Abdul Aziz bukanlah ditentukan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz, tetapi ditentukan oleh khalifah sebelum baginda iaitu Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Bagaimanakah pula dengan kekuasaan Khalifah Umar bin Abdul Aziz selaku seorang khalifah? Bukankah setelah baginda dilantik menjadi khalifah, ketika itu baginda adalah manusia yang paling berkuasa yang boleh melantik sesiapa yang baginda sukai untuk menggantikan tempat baginda selaku khalifah?

Kenapakah perlu kepada mentaati kehendak khalifah yang sudah habis tempoh berkuasanya iaitu Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik yang mahu khalifah sesudah Umar bin Abdul Aziz ialah Yazid bin Abdul Malik? Kalau Khalifah Umar bin Abdul Aziz bertindak berdasarkan kekuasaan yang dimiliki oleh baginda selaku khalifah, dengan mengabaikan perjanjian yang telah dibuat dengan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, barangkali khalifah sesudah baginda atau khalifah bani Umayyah yang ke sembilan bukanlah khalifah yang buruk akhlaknya seperti khalifah Yazid bin Abdul Malik.

Soalnya sekarang, apakah Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak melihat perkara ini? Apakah Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak kenal peribadi Yazid bin Abdul Malik saudara sepupu baginda ini?

Kalau Khalifah Umar bin Abdul Aziz sudah mengetahui perkara ini, apakah baginda tidak turut bertanggungjawab kerana merestui perlantikan seorang yang rendah moralnya selaku khalifah setelah baginda seperti Yazid bin Abdul Malik, sedangkan baginda berkuasa melantik orang lain yang lebih layak berdasarkan sifat-sifat ketakwaan yang terdapat pada dirinya?

Kita percaya Khalifah Umar bin Abdul Aziz menyedari perkara ini dan baginda juga sangat menyedari bahawa baginda sememangnya berkuasa ketika sedang menjadi khalifah itu untuk melantik sesiapa sahaja yang lebih layak untuk menduduki kerusi khalifah bani Umayyah yang ke sembilan selain daripada Yazid bin Abdul Malik, dan baginda sepatutnya melantik orang lain yang lebih layak menduduki kerusi khalifah itu sebagaimana yang telah dilakukan oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik yang telah melantik diri

baginda (Umar) bukan saudara-saudaranya para putera Khalifah Abdul Malik bin Marwan sebagai khalifah.

Tetapi seandainya Khalifah Umar bin Abdul Aziz mahu bertindak sebagaimana Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik bertindak itu, apakah baginda mahu melantik saudara sepupu baginda yang bukan Yazid bin Abdul Malik atau saudara-saudara baginda anak-anak Abdul Aziz bin Marwan?

Kalau baginda bertindak begini, apakah Yazid bin Abdul Malik yang tidak begitu berpegang pada ajaran agama bersedia menerimanya? Dan apakah saudara-saudara baginda daripada anak-anak Abdul Aziz bin Marwan bersedia untuk menerima jawatan khalifah dan bersedia untuk berkonfrantasi dengan saudara-saudara sepupu mereka anak-anak Abdul Malik bin Marwan?

Kita yakin meskipun ketika sedang menjawat jawatan khalifah bani Umayyah yang ke lapan, Umar bin Abdul Aziz berkuasa untuk bertindak licik dengan mengenepikan wasiat Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, akan tetapi kemungkinan besar dua perkara buruk yang akan timbul. Satu melibatkan peribadi Khalifah Umar bin Abdul Aziz sendiri dan satu lagi melibatkan masyarakat Islam pada masa itu.

Katakanlah Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak bersedia untuk membiarkan khalifah sesudah baginda adalah Yazid bin Abdul Malik, atau anak-anak Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang lain, tetapi telah menunjuk seorang lelaki daripada saudara-saudara baginda anak-anak Abdul Aziz bin Marwan sebagai bakal khalifah, bukankah masyarakat umum memandang Khalifah Umar bin Abdul Aziz adalah seorang pemungkir janji dan pelanggar wasiat?

Kedua, apa kata Yazid bin Abdul Malik? Apakah beliau itu akan berdiam diri sahaja dengan membiarkan saudara-saudara sepupu beliau menguasai jawatan khalifah bani Umayyah setelah dua orang anak al-marhum Khalifah Abdul Malik bin Marwan saudaranya mendahului menjawat jawatan khalifah sebelum beliau? Dan apakah saudara-saudara Yazid iaitu Hisyam, Muhammad, Maslamah dan lain-lain akan membiarkan kekuasaan 'milik' mereka dipindahkan ke tangan bani Abdul Aziz daripada bani Abdul Malik?

Pastilah pergolakan akan berlaku.

Inilah yang tidak disukai oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz untuk baginda memikirkan jawatan khalifah bani Umayyah setelah baginda agar jatuh ke tangan orang-orang baik atau ke tangan saudara-saudara baginda dari bani Abdul Aziz bin Marwan.

Sementelah pula Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak mahu meletakkan beban tanggungjawab khalifah ke atas bahu anggota keluarga baginda kerana mengingatkan kepada amat besarnya tanggungjawab seseorang khalifah di

hadapan Allah SWT di akhirat nanti sebagaimana yang telah difikirkan oleh Khalifah Umar bin al-Khattab sebelumnya.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah Yazid bin Abdul Malik ialah putera Khalifah Abdul Malik bin Marwan dari isteri baginda yang bernama Atikah binti Yazid bin Mu'awiyah. Baginda dilahirkan pada tahun 65 Hijrah/684 Masihi pada tahun datuk baginda Khalifah Marwan bin al-Hakkam wafat dan tahun ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan ditabal menjadi khalifah bani Umayyah yang kelima. Ini bererti ketika Khalifah Yazid bin Abdul Malik dilahirkan, ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan berusia 39 tahun kerana Khalifah Abdul Malik dilahirkan pada tahun 26 Hijrah/646 Masihi.

Salasilah lengkap Khalifah Yazid bin Abdul Malik dari pihak ayahandanya adalah sama dengan salasilah keturunan kedua-dua kekanda baginda iaitu Khalifah al-Walid dan Khalifah Sulaiman. Namun keturunan baginda dari pihak ibunda sahaja yang berlainan dengan kedua-dua kekanda baginda yang tersebut di atas kerana berlainan ibunda. Ibunda Khalifah Yazid ialah Atikah puteri Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, manakala ibunda kedua-dua kekanda baginda Khalifah al-Walid dan Khalifah Sulaiman ialah Walladah binti al-Abbas.

Jelas baginda dari pihak ayahandanya adalah dari keturunan Marwan bin al-Hakkam. Manakala dari pihak ibundanya adalah dari keturunan Abu Sufyan bin Harb.

Ibunda baginda iaitu Atikah bin Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan adalah seorang perempuan yang sangat mulia akhlaknya. Ketika terjadi pembunuhan terhadap Mus'ab bin az-Zubair, gabenor Iraq di bawah kerajaan bani az-Zubairi oleh pihak tentera suaminya Khalifah Abdul Malik bin Marwan, kepala Mus'ab bin az-Zubair telah dipenggal dan diarak ke serata pelosok kota dan negeri sehingga sampai juga ke istana Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Ketika Atikah melihat kepala Mus'ab yang terpotong itu, dengan penuh rasa simpati dia terus mengambil kepala tokoh putera sahabat sepuluh yang mulia itu sambil berkata dengan nada marah kepada tentera kerajaan bani Umayyah yang membawa kepala itu, "Sungguh keterlaluan apa yang telah kamu lakukan ini. Kamu mengarak kepala ini kesekeliling pelosok negeri. Ini adalah suatu perbuatan yang sungguh kejam dan zalim."

Kemudian Atikah bin Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan membersihkan (memandi), mengkafan, menyembahyang dan mengkebumikan kepala Mus'ab bin az-Zubair itu dengan penuh hormat dan rasa sedih.

Bagaimanakah pula berkenaan peribadi fizikal Khalifah Yazid bin Abdul Malik? Apakah baginda seorang yang kacak dan tampan? Atau seorang yang buruk rupanya sesuai dengan perangainya? Penyusun percaya Khalifah Yazid

bin Mu'awiyah adalah seorang yang kacak dan tampan. Ini adalah kerana baginda adalah putera kepada Atikah puteri Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang kacak menawan, kerana baginda adalah putera kepada Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang dikatakan seorang yang sangat kacak menawan. Jadi penyusun percaya Khalifah Yazid bin Abdul Malik adalah seorang lelaki yang kacak dan menawan.

Bagaimanakah pula tentang sifat-sifat atau perangai baginda? Sudah masyhur bahawa Khalifah Yazid bin Abdul Malik adalah seorang lelaki yang suka menurut keinginan hawa nafsu syahwat menuruti perangai datuk baginda Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Memang kebanyakan ahli-ahli sejarah Islam mengatakan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang buruk akhlaknya. Memang (mengikut pendapat yang ini bahawa) Khalifah Yazid bin Mu'awiyah terkenal sebagai seorang penggemar minuman keras, perempuan dan hidup berfoya-foya. Nama serupa, perangaipun sama. Kalau Khalifah Yazid bin Mu'awiyah meninggal dunia ketika terjatuh dari atas kudanya ketika berlumba dengan kera peliharaannya (mengikut satu riwayat), maka Khalifah Yazid bin Abdul Malik pula meninggal dunia kerana tersangat dukacita akibat meninggalnya jariah baginda Habbabah disebabkan perbuatan baginda juga. Nanti kita akan lihat kisahnya dalam bab khalifah ini wafat.

Pemerintahan

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, bahawa perlantikan Khalifah Yazid bin Abdul Malik sebagai khalifah adalah dari wasiat saudara baginda iaitu oleh Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik. Tetapi sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah, Khalifah Yazid bin Abdul Malik begitu berminat untuk mencontohi cara hidup dan kewara'an pemerintahan saudara sepupu baginda Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang amat adil, wara' dan zahid itu. Tetapi sebagaimana yang telah berlaku kepada kekanda baginda Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, tidak berapa hari sahaja selepas itu, sikap baginda telah berubah kembali. Baginda kembali menjalani kehidupan berseronok dan berhibur dengan perempuan dan arak. Ini kerana untuk menjadi seorang yang wara', adil dan zahid (sederhana) di dalam kehidupan, bukan boleh ditiru-tiru. Ianya terbit dari hati. Kalau hati sememangnya tidak ada rasa takwa kepada Allah SWT dan tidak dapat menahan gejolak desakan hawa nafsu serakah, maka seseorang manusia itu tidak akan dapat menjadi seorang yang salih, zahid, wara', adil dan benar-benar takut kepada Allah SWT. Inilah sebenarnya yang telah berlaku pada diri Khalifah Yazid bin Abdul Malik sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang ke sembilan.

Para penulis sejarah Islam sejak dahulukala, begitu juga penyusun yang serba lemah dan dhaif ini tidak dapat menulis sejarah kegemilangan pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik ini. Kenapa? Kerana selama baginda menduduki kerusi khalifah iaitu kira-kira hampir lima tahun, Khalifah

Yazid bin Abdul Malik tidak pernah bersikap seperti khalifah-khalifah sebelum baginda seperti Mu'awiyah bin Abu Sufyan, ayahanda baginda, Khalifah Abdul Malik bin Marwan, kekanda baginda Khalifah al-Walid yang melaksanakan tugas-tugas negara dengan bersungguh-sungguh. Jauh dari dapat bersikap seperti saudara sepupu baginda Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang sangat mengambil berat terhadap perjalanan pentadbiran kerajaan dengan rasa menanggung tanggungjawab yang sungguh-sungguh menyiksakan jiwa. Khalifah Yazid bin Abdul Malik melaksanakan pemerintahan baginda sekadar diri baginda seorang khalifah. Tidak benar-benar bersungguh. Ini menyebabkan pada masa pemerintahan baginda, tidak ada kemajuan yang dibuat oleh baginda, baik kemajuan untuk rakyat, mahupun kemajuan untuk agama.

Ubah Dasar Khalifah Umar

Apa yang paling menyedihkan sekali, sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah, Khalifah Yazid bin Abdul Malik telah mengubah semula dasar-dasar baik yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan mengembalikan kepada corak pemerintahan pada zaman sebelum Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Ini adalah kerana perjalanan hawa nafsu baginda tidak selaras dengan perjalanan hawa nafsu Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang mengekang hawa nafsunya, manakala Khalifah Yazid bin Abdul Malik memperajakan hawa nafsunya.

Di antara dasar-dasar pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang diubah oleh Khalifah Yazid bin Abdul Malik ialah mengembalikan semula harta-harta benda yang disita oleh Khalifah Umar bin Aziz daripada kaum keluarga bani Umayyah terutama dari pihak keluarga khalifah dan dikembalikan semula kepada pihak keluarga yang memilikinya dahulu. Sebagai contoh baginda telah menawarkan semula kalung berlian kepada Fatimah binti Abdul Malik saudara permpuannya yang telah dikembalikan oleh suaminya Khalifah Umar bin Abdul Aziz ke dalam Baitul Mal. Tetapi isteri Fatimah tidak sudi menerimanya kembali. Marilah kita lihat dialog antara kedua bersaudara itu:-

"Kalau dinda suka, biarlah kanda kembalikan semula kalung berlian dinda itu," kata Khalifah Yazid bin Abdul Malik kepada Fatimah binti Abdul Malik.

Maka dijawab oleh Fatimah, "Tidak! Sesuatu yang hati dinda merasa tenang semasa hidup bersamanya, tidak mungkin hati dinda akan berubah pula setelah ketiadaannya."

Lain-lain dasar yang diubah kembali ialah kembali mengutamakan kaum Qais ke atas kaum Yaman di mana pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, baginda menyamaratakan kedua-dua suku kaum itu dengan melantik sebahagian kaum Yaman sebagai gabenor. Khalifah Yazid bin Abdul Malik telah menggantikan gabenor-gabenor dari suku Yaman dengan tokoh-

tokoh dari suku Qais.

Yang lain lagi ialah berusaha meneruskan dasar penaklukan sebagaimana yang telah dibuat oleh khalifah-khalifah sebelumnya iaitu dengan menghantar semula askar-askar ke sempadan dan seterusnya melancarkan pergerakan ketenteraan ke atas negara-negara yang belum disampaikan agama Islam kepada mereka. Memang adalah dasar yang sangat baik diteruskan.

Apakah Ada Penaklukan Atau Pemberontakan?

Apakah pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik ada dilakukan penaklukan ke atas negara-negara musuh? Rasa penyusun tidak ada. Meskipun baginda telah mengembalikan semula kedudukan tentera di perbatasan negara Islam, tetapi baginda tidak sempat melaksanakan cita-cita atau usaha yang murni itu disebabkan masa pemerintahan baginda yang penuh dengan pemberontakan dan masa yang tidak berapa panjang.

Selama masa pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik ini, telah terjadi dua pemberontakan yang besar terhadap kerajaan atau pemerintahan baginda. Pertama pemberontakan yang dilancarkan oleh kaum Khawarij dan kedua oleh Yazid bin al-Muhallab bin Abu Sufrah, bekas gabenor kota Kufah sejak zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Sekarang marilah kita lihat kedua-dua jenis pemberontakan itu:-

Pemberontakan Oleh Kaum Khawarij

Pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, kaum Khawarij yang dipimpin oleh Syauzab al-Yasykuri telah dapat dilembutkan hatinya oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan cara berdailog. Jadi kaum Khawarij pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz tidak bangkit melakukan apa-apa kerosakan atau kekacauan di dalam negeri. Mereka hidup selaku rakyat biasa yang patuh kepada pemerintahan atau kerajaan.

Tetapi setelah Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang mereka hormati wafat dan diganti dengan seorang khalifah yang mereka tahu peribadi dan agamanya yang buruk, maka kaum Khawarij pimpinan Syauzab al-Yasykuri itu telah bangkit semula. Memang kaum Khawarij pantang melihat tokoh-tokoh terutama pemerintah yang melakukan perderhakaan terhadap agama, mereka akan segera bangun dan melancarkan pemberontakan.

Syauzab al-Yasykuri telah bangkit memimpin kaum Khawarij menentang pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Mereka berjaya memasuki kota Kufah dan menguasainya. Maka Khalifah Yazid bin Abdul Malik terus menghantar sebuah pasukan tentera yang besar di bawah pimpinan saudara baginda sendiri iaitu Panglima Muslamah bin Abdul Malik dengan dibantu oleh Said bin Amru ke kota Kufah. Maka berlakulah pertempuran dengan kaum

Khawarij pimpinan Syauzab al-Yasykuri itu. Kaum Khawarij telah tewas dan hancur. Saki baki tenteranya yang selamat telah melarikan diri bersembunyi di tempat-tempat yang selamat.

Pemberontakan Oleh Yazid Bin Al-Muhallab

Sekarang sampailah masanya kita membicarakan tentang pemberontakan yang dilancarkan oleh seorang pahlawan kerajaan bani Umayyah pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Kenapa Panglima Yazid bin al-Muhallab bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik? Bukankah Panglima Yazid bin al-Muhallab mempunyai masalah dengan al-marhum Khalifah Umar bin Abdul Aziz, bukan dengan Khalifah Yazid bin Abdul Malik?

Sebenarnya persengketaan di antara Panglima Yazid bin al-Muhallab dengan Khalifah Yazid bin Abdul Malik bermula sejak akhir zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik lagi. Ketika Khalifah al-Walid bin Abdul Malik merancang untuk memecat Sulaiman bin Abdul Malik dari jawatan atau kedudukan Putera Mahkota, di antara tokoh ternama yang menyokong rencana Khalifah al-Walid bin Abdul Malik itu ialah al-Hajjaj bin Yusuf ah-Thaqafi. Yazid bin al-Muhallab tidak turut menyokong pihak al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Sedangkan Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang ketika itu masih belum menjawat jawatan Putera Mahkota, apatah lagi khalifah ada mempunyai perhubungan kekeluargaan melalui perkahwinan dengan al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi.

Jadi apabila Sulaiman bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah, baginda telah memberi kedudukan yang tinggi kepada anak-anak al-Muhallab bin Abu Sufrah kerana mengingatkan jasa-jasa keluarga pahlawan ini terhadap kerajaan bani Umayyah pada masa pemerintahan Khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik. Panglima al-Muhallab bin Abu Sufrah dan anak-anaknyalah yang telah berjasa menghapuskan pemberontakan kaum Khawarij dan berjuang di wilayah Khurasan dan membuka wilayah-wilayah baru. Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik melantik Yazid bin al-Muhallab menjadi gabenor Iraq menggantikan tempat al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi yang wafat.

Tetapi pada akhir-akhir pemerintahan Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, Yazid bin al-Muhallab yang juga menguasai sehingga negeri Khurasan telah melakukan serangan ke atas dua daerah iaitu Jurjan dan Tabristan. Dalam kedua-dua penyerbuan ini, Panglima Yazid bin al-Muhallab telah mendapat kemenangan yang besar serta memperolehi harta rampasan atau ghanimah yang sangat banyak. Dia menulis surat kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik menceritakan tentang harta ghanimah itu sebagaimana suratnya kepada Kkhalifah Sulaiman bin Abdul Malik;

"Di tanganku kini terkumpul satu perlima daripada harta rampasan perang yang diberikan oleh Allah SWT kepada kaum Muslimin. Setelah ku serahkan kepada orang-orang yang berhak menerima fai dan ghanimah akan hak masing-masing, (masih tersisa) sebanyak enam juta. Insya' Allah jumlah tersebut akan aku bawa kepada Amirul Mu'minin."

Tiba-tiba Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik wafat sebelum harta-harta itu sempat dihantar ke kota Damsyik. Ini menyebabkan Khalifah Umar bin Abdul Aziz menuntut harta itu sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah daripada Yazid bin al-Muhallab. Tetapi Yazid bin al-Muhallab enggan menyerahkan harta-harta ghanimah dan fai tersebut kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz dengan alasan beliau menceritakan tentang harta-harta itu kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik secara tidak benar. Beliau sengaja menceritakan harta-harta rampasan perang itu kepada Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik kerana beliau percaya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik tidak akan mengambil sedikitpun harta-harta itu. Jawapan Yazid bin al-Muhallab inilah yang telah menimbulkan kemarahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan terus memerintah supaya beliau ditangkap dan dipenjara.

Tetapi ketika Khalifah Umar bin Abdul Aziz sedang sakit akan wafat, Yazid bin al-Muhallab telah berjaya melarikan diri daripada penjara dan menulis surat kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang sedang sakit, meminta maaf daripada baginda di atas tindakannya melarikan diri dari tahanan itu;

"Demi Allah, seandainya aku yakin bahawa tuan masih akan hidup, nescaya aku tak akan keluar dari tahanan ini. Tetapi aku khuatir bahawa Yazid (Khalifah Yazid bin Abdul Malik) akan menaiki takhta dan ia akan membunuhku secara keji."

Panglima Yazid bin al-Muhallab lari ke negeri Iraq. Memang penduduk Iraq bersedia menerima sesiapa sahaja yang membenci pemerintahan kerajaan bani Umayyah dan bersedia memimpin mereka melawan pihak pemerintah tersebut. Pada tahun 101 Hijrah/719 Masihi, Yazid bin al-Muhallab memilih kota Basrah sebagai pusat kegiatannya. Maka dengan mudah sahaja Panglima Yazid bin al-Muhallab mengumpul orang-orang Iraq yang sememangnya sangat benci kepada pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Setelah Yazid bin al-Muhallab bin Abu Sufrah menguasai kota Basrah dan mengumpul kekuatan, maka Khalifah Yazid bin Abdul Malik terus menyiapkan sebuah pasukan tentera yang besar berjumlah seramai 80,000 orang anggota di bawah pimpinan Panglima Muslamah bin Abdul Malik iaitu saudara baginda sendiri lantas menyerang pasukan Panglima Yazid bin al-Muhallab di kota Basrah. Pertempuran meletus dengan sengitnya. Akibatnya pasukan tentera pimpinan Panglima Yazid bin al-Muhallab telah mengalami kekalahan dan Panglima Yazid bin al-Muhallab sendiri turut terbunuh.

Wafat

Setelah menjadi khalifah selama kira-kira empat tahun lebih, menjelang tahun 105 Hijrah/723 Masihi, hari Jumaat bulan Sya'ban wafatlah Khalifah Yazid bin Abdul Malik ketika baginda berusia 40 tahun. Baginda menjadi khalifah kerajaan bani Umayyah yang kesembilan mulai tahun 101 hijrah/719 masihi hinggalah ke tahun 105 Hijrah/723 Masihi.

Kematian Khalifah Yazid bin Abdul Malik adalah amat tragis sekali. Belum pernah terdapat di dalam sejarah khalifah Islam, seorang khalifah meninggal dunia seperti yang terjadi ke atas diri Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Kewafatan Khalifah Yazid bin Abdul Malik ada kaitan dengan kematian jariah baginda yang paling baginda sayangi bernama Habbabah. Selepas kira-kira seminggu Habbabah meninggal dunia, maka Khalifah Yazid bin Abdul Malik turut wafat.

Diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah bahawa dalam tempoh seminggu antara jariah baginda wafat dengan baginda wafat, fikiran baginda sudah tidak menentu. Baginda seakan-akan orang yang kehilangan kewarasan kerana sangat sedih di atas kematian jariah baginda yang sangat baginda cintai Habbabah. Sehingga saudara baginda yang bernama Muslamah bin Abdul Malik mengingatkan baginda agar jangan menampakkan diri kepada khalayak atau rakyat kerana akan malu kalau rakyat mengetahui keadaan baginda yang seperti orang gila itu.

Keluarga

Tidak sebagaimana ayahandanya yang berkahwin ramai, Khalifah Yazid bin Abdul Malik hanya beristeri setakat tiga orang perempuan sahaja. Dan baginda memiliki beberapa orang jariah. Hasil daripada tiga isteri dan jariah-jariah baginda itu, Khalifah Yazid bin Abdul Malik dikurniakan seramai dua belas orang anak, sembilan putera dan tiga puteri. Marilah kita lihat sedikit kisah tentang isteri-isteri dan anak-anak Khalifah Yazid bin Abdul Malik sekadarnya:-

Isteri pertama baginda bernama Ummu Amru. Penyusun masih belum menemui maklumat yang lengkap tentang isteri pertama baginda ini. Begitu juga dengan maklumat tentang anak-anak dengan isteri ini.

Isteri baginda yang kedua bernama Ummu Said binti Abdullah bin Amru bin Uthman bin Affan. Nama beliau yang sebenar ialah Sa'dah. Hasil daripada isteri baginda ini, baginda mendapat hanya dua orang anak sahaja iaitu Abdullah dan Aisyah. Setelah Khalifah Yazid bin Abdul Malik wafat, Ummu Said telah dikahwini pula oleh adinda Khalifah Yazid iaitu Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Kemudian bercerai pula tanpa mendapat seorang anakpun.

Isteri baginda yang ketiga dan terakhir ialah Ummu Hajjaj binti Muhammad bin Yusuf anak saudara al-Hajjaj bin Yusuf ath-Thaqafi. Daripadanya baginda mendapat dua orang anak iaitu Yahya dan Atikah. Setelah dewasa, Atikah

dinikahi oleh Muhammad bin al-Walid bin Abdul Malik, saudara sepupunya sendiri.

Seterusnya adalah anak-anak baginda dengan Ummu Walad ialah al-Ghamar, Abdul Jabbar, Sulaiman, Abu Sufyan, Hisyam, Daud, al-Awwam dan Ummu Kalthum. Setelah dewasa, Ummu Kalthum dinikahi oleh Abdul Rahman bin Sulaiman bin Abdul Malik, saudara sepupunya sendiri juga.

Demikianlah kisah para isteri dan anak-anak Khalifah Yazid bin Abdul Malik, khalifah dinasti bani Umayyah yang kesembilan.

Kasih Sayang Baginda Kepada Jariah Baginda Yang Bernama Habbabah

Memang Khalifah Yazid bin Abdul Malik mempunyai seramai tiga orang isteri dan beberapa orang jariah. Di antara jariah baginda yang paling baginda sayangi ialah Habbabah. Jariah ini baginda beli dalam perjalanan pulang daripada menunaikan ibadat haji. Ketika itu Khalifah Yazid bin Abdul Malik masih belum lagi menjadi khalifah (Khalifah ketika itu ialah Sulaiman bin Abdul Malik). Orang yang mengusahakan proses pembelian Habbabah ialah isteri baginda sendiri yang bernama Ummu Said. Habbabah asalnya milik Uthman bin Sahl bin Hunaif dengan harga 4,000 dinar. Nama asal Habbabah ialah Aliyyah. Ummu Said pernah bertanya kepada suaminya Khalifah Yazid bin Abdul Malik, "Apakah masih ada dalam dunia ini yang awak mahukan?"

"Ada iaitu Habbabah," jawab (Khalifah) Yazid bin Abdul Malik menjelaskan kemahuan hatinya kepada isterinya.

Habbabah adalah dari keturunan Rom dan sangat cantik sehingga Khalifah Yazid bin Abdul Malik sangat tergila-gilakanya. Sesungguhnya kecantikan Habbabah amat luar biasa sekali sehingga tatkala Khalifah Yazid bin Abdul Malik terpandang kepadanya, baginda menjadi mabuk asmara sehingga lupa kepada segala kewajipan baginda selaku seorang khalifah sebuah kerajaan yang besar. Baginda asyik bercanda dan bermesra dengan Habbabah siang dan malam tanpa mempedulikan keadaan kebajikan rakyat dan keselamatan negara.

Pada suatu hari iaitu setelah Khalifah Yazid bin Abdul Malik memerintah selama hampir lima tahun, baginda bergurau senda dengan Habbabah sambil makan dan minum-minum. Ketika makan buah anggur, baginda terus bergurau dengan Habbabah dengan cara melontar buah anggur ke dalam mulut Habbabah yang selalu ternganga kerana tak henti-henti ketawa itu. Sebiji buah anggur yang dilontar oleh Khalifah Yazid bin Abdul Malik telah masuk ke dalam mulut kekasih baginda itu terus masuk ke dalam tekaknya yang menyebabkan Habbabah tidak dapat bernafas. Akibatnya Habbabah tiba-tiba rebah dan terus mati.

Melihat kekasih hatinya yang rebah itu, maka Khalifah Yazid bin Abdul Malik terus menerkam Habbabah dan terus bertanya kepada Hababah serta memanggil-manggil nama Habbabah, tetapi Habbabah tidak menjawab kerana

dia sudah kaku dan tidak bernafas lagi. Khalifah Yazid bin Abdul Malik terus memanggil Habbabah dan menangis sambil memeluk Habbabah. Setelah dayang-dayang yang lain menyedari perkara itu, mereka terus masuk ke dalam bilik tempat Khalifah Yazid bin Abdul Malik berasmara dengan Habbabah itu. Mereka mendapati Khalifah Yazid bin Abdul Malik sedang menangis sambil memeluk Habbabah dengan erat sekali. Para dayang berusaha memujuk Khalifah Yazid bin Abdul Malik, tetapi Khalifah Yazid bin Abdul malik tidak mahu melepaskan pelukannya ke atas Habbabah. Setelah tiga hari iaitu setelah badan Habbabah mengeluarkan bau yang busuk, barulah Khalifah Yazid bin Abdul Malik melepaskan pelukannya dari badan Habbabah.

Setelah dikuburkan, Khalifah Yazid bin Abdul Malik terus pergi menangis di atas kubur Habbabah, sehingga baginda menggali tanah perkuburan dengan tangan baginda untuk mengeluarkan mayat Habbabah dari dalam kuburnya itu. Setelah puas dibujuk, barulah Khalifah Yazid bin Abdul Malik meninggalkan kubur kekasih baginda yang sangat baginda cintai itu.

Setelah berlalu masa semingga daripada tarikh meninggalnya Habbabah, maka wafatlah Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Ini adalah satu peristiwa yang sangat menyayatkan hati sesiapa sahaja yang mengetahui kisah ini, apatah lagi yang menyaksikannya dengan mata mereka sendiri.

Tetapi Prof Dr Ahmad Syalabi tidak menerima riwayat ini. Beliau mengatakan ini satu kejadian yang keterlaluan. Beliau mengatakan kisah sampai Khalifah Yazid bin Abdul Malik menjadi kesasauan (hampir menjadi hilang akal) kerana kematian jariah baginda yang bernama Habbabah yang sangat dicintai oleh baginda adalah sengaja direka oleh musuh-musuh bani Umayyah. Prof Dr Ahmad Syalabi sepatutnya tidak lupa bahawa Habbabah adalah jariah yang sangat dicintai oleh Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Dan kematian Habbabah adalah disebabkan perbuatan baginda juga. Inilah yang sangat disesalkan oleh Khalifah Yazid bin Abdul Malik seakan-akan baginda telah membunuh sendiri kekasih yang sangat baginda cintai. Meskipun baginda dapat mencari atau mendapatkan berjuta-juta Habbabah dengan kekuasaan yang berada di tangan baginda, tetapi untuk baginda mencari Habbabah yang baginda 'bunuh' itu sudah tidak mungkin lagi.

Sebenarnya pendapat ini (mengatakan cerita Khalifah Yazid bin Abdul Malik hampir menjadi kesasauan disebabkan jariah baginda yang bernama Habbabah wafat) di utarakan oleh seorang Orientalis yang bernama D.C Brockekmann yang menulis di dalam bukunya *Tarikh as-Syu'ub al-Islamiyyah juz l ms 183-184.* Dan Prof Dr Ahmad Syalabi turut menyetujuinya secara membabi buta. (lihat buku *Sejarah Dan Kebudayaan Islam (2) ms 86)*

Masih Ada Dalam Hatinya Secebis Rasa Hormat Kepada Anggota Keluarga Rasulullah s.a.w.

Sungguhpun Khalifah Yazid bin Abdul Malik dilabelkan sebagai seorang khalifah bani Umayyah yang bermoral rendah, tetapi di dalam beberapa detik hidup baginda, baginda ada melakukan amalan yang sangat terpuji khasnya terhadap anggota keluarga Rasulullah s.a.w. Tetapi amalan baik yang baginda lakukan itu telah dilupai orang kecuali oleh orang-orang yang berfikiran tenang dan mempunyai hati yang mencintai kebenaran. Sekarang marilah kita lihat apakah amalan baik dan terpuji yang dilakukan oleh Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang jarang disebut orang atau telah dilupai orang itu.

Marilah kita lihat ceritanya:-

Pada mulanya Fatimah binti al-Husein bin Ali bin Abu Talib berkahwin dengan Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib. Mereka kahwin sepupu. Setelah Hasan bin al-Hasan wafat, Fatimah binti al-Husein dikahwinkan pula dengan Abdullah bin Amru bin Uthman bin Affan. Setelah Abdullah bin Amru wafat, tiba-tiba gabenor kota Madinah pada masa itu iaitu pada zaman Khalifah Yazid bin Abdul Malik telah masuk meminang Fatimah binti al-Husein. Tetapi Fatimah binti al-Husein sudah tidak mahu bernikah lagi. Ini menyebabkan gabenor kota Madinah iaitu Abdul Rahman bin adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri telah mengancam Fatimah binti al-Husein dengan mengatakan sekiranya Fatimah binti al-Husein menolak untuk berkahwin dengannya, dia akan merotan anak Fatimah binti al-Husein dengan Hasan bin al-Hasan yang bernama Abdullah, dengan tuduhan Abdullah bin Hasan bin al-Hasan mabuk arak. Setelah Fatimah binti al-Husein mengetahui perkara itu, beliau menjadi sangat rungsing sekali. Kepada siapa dia nak mengadu nasib malang yang telah menimpa dirinya?

Dengan hati yang sangat menderita, maka Fatimah binti al-Husein bin Ali telah menulis sepucuk surat dan dikirim kepada Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang bersemayam di istana di kota Damsyik itu memberitahu tentang keadaan dirinya dengan gabenor kota Madinah itu. Apa kata Khalifah Yazid bin Abdul Malik? Apakah Khalifah Yazid bin Abdul Malik membela gabenor baginda?

Tidak! Khalifah Yazid bin Abdul Malik telah mendengar pengaduan yang dibuat oleh Fatimah binti al-Husein kepada baginda itu. Baginda amat marah kepada Abdul Rahman bin adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri yang bersikap biadab terhadap cucu Rasulullah s.a.w. itu. Baginda lantas bertanya kepada para pembesar yang sedang berada di sekeliling baginda dengan soalan;

"Siapakah orang yang kamu tahu dapat menyeksa Ibnu adh-Dhahhak di kota Madinah biar aku di sini dapat mendengar suara jeritan kesakitannya dari singgahsana aku ini?"

Maka para pembesar memberitahu orang yang berdaya untuk melakukan demikian ialah Abdul Wahid an-Nasri. Maka Khalifah Yazid bin Abdul Malik terus melantik Abdul Wahid an-Nasri sebagai gabenor kota Madinah menggantikan tempat Abdul Rahman bin adh-Dhahhak. Dengan membawa surah Khalifah Yazid bin Abdul Malik kepada Abdul Rahman bin adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri di kota Madinah, maka Abdul Wahid an-Nasri telah mendenda Abdul Rahman bin adh-Dhahhak bin Qais al-Fihri sebanyak 20,000 dinar kemudian mengarak keliling kota Madinah dan menyiksanya dengan memukulnya.

Lihatlah di dalam hati Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang penuh dengan kegelojohan hawa nafsu dan keburukan perasaan itu masih terselit rasa kasih dan sayang baginda kepada anggota keluarga Ahlil Bait yang merupakan musuh kepada kerajaan bani Umayyah ketika itu.

Satu lagi kisah yang memperlihatkan kepada kita bahawa Khalifah Yazid bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang masih ada secebis hati yang mulia ialah peristiwa di bawah ini:-

Ketika Abu Uyainah bin al-Muhallab bin Abu Sufrah didapati bersalah kerana menentang pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik, saudara perempuannya yang bernama Hindun binti al-Muhallab telah masuk mengadap Khalifah Yazid bin Abdul Malik meminta pengampunan bagi pihak saudaranya Abu Uyainah. Khalifah Yazid bin Abdul Malik telah menerima permintaan Hindun itu.

Demikianlah dua kisah yang menunjukkan bahawa Khalifah Yazid bin Abdul Malik adalah seorang yang berhati mulia, biarpun baginda diketahui khalifah yang tenggelam di dalam hidup berseronok dengan perempuan dan hiburan, arak dan nyanyian. Semoga Allah SWT menilai juga budi baik Khalifah bani Umayyah yang kesembilan ini. Amin.

BAB 16

HISYAM BIN ABDUL MALIK
(105-125 Hijrah / 723-742 Masihi)

Pengenalan

Hisyam bin Abdul Malik adalah khalifah kerajaan dinasti bani Umayyah yang ke sepuluh dan di antara yang paling lama memerintah. Terdapat tiga orang khalifah kerajaan bani Umayyah yang sangat lama memerintah iaitu Mu'awiyah, Abdul Malik bin Marwan dan baginda. Masing-masing memerintah antara 19 hingga 21 tahun. Manakala Khalifah al-Walid bin Abdul Malik di tempat kedua yang memerintah selama kira-kira 10 tahun. Tempat ketiga diduduki oleh tiga orang khalifah iaitu Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, Khalifah Yazid bin Abdul Malik dan Khalifah Marwan bin Muhammad memerintah selama antara 4 hingga 5 tahun. Lain-lain khalifah memerintah di bawah 4 tahun.

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik naik takhta khalifah mulai bulan Sya'ban tahun 105 Hijrah/723 Masihi hinggalah ke bulan Rabiul Awwal tahun 125 Hijrah/742 Masihi. Masa pemerintahan baginda adalah selama hampir dua puluh tahun iaitu sembilan belas tahun tujuh bulan. Baginda dilantik menjadi khalifah bani Umayyah setelah kekanda baginda Khalifah Yazid bin Abdul Malik wafat. Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah termasuk ke dalam senarai lima orang khalifah kerajaan bani Umayyah yang paling terkemuka dan termasuk ke dalam kelompok para khalifah bani Umayyah yang cerdik dan bijaksana iaitu Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Khalifah Abdul Malik bin Marwan, Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan Khalifah Marwan bin Muhammad.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ialah putera Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Baginda dilahirkan di kota Damsyik pada tahun 70 hijrah/689 Masihi ketika ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan berusia 44 tahun dan sudah lima tahun menjadi khalifah bani Umayyah yang kelima. Riwayat lain mengatakan baginda dilahirkan pada tahun 72 Hijrah/691 Masihi. Jelas baginda lebih tua sebanyak sepuluh atau lapan tahun daripada Imam Abu Hanifah dan Zaid bin Ali Zainal Abidin yang lahir pada tahun 80 Hijrah/699 Masihi.

Salasilah lengkap keturunan baginda dari pihak ayahandanya ialah Hisyam bin Abdul Malik bin Marwan bin al-Hakkam bin Abul Ass bin Umayyah. Manakala ibu baginda ialah Aisyah binti Hisyam bin Ismail bin Hisyam bin al-Walid bin al-Mughirah yang lebih dikenali dengan panggilan Ummu Hisyam.

Tentang sifat-sifat peribadi fizikal Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, penyusun masih belum menemui sumbernya. Tetapi penyusun percaya, baginda adalah seorang insan yang kacak menawan. Memang keturunan bangsawan biasanya orang-orangnya kacak dan tampan bagi kaum lelaki dan cantik jelita bagi kaum wanitanya. Tambahan pula baginda adalah dari keturunan bani Umayyah yang merupakan satu suku kaum Quraisy yang terkenal kaya, berpengaruh dan kacak-kacak sejak zaman jahiliah lagi. Sayidina Uthman bin Affan dan Mu'awiyah bin Abu Sufyan contoh lelaki Umayyah yang tampan tiada tolak bandingan.

Tentang sifat-sifat peribadi kejiwaan atau perangai Khalifah Hisyam bin Abdul Malik pula dikatakan bahawa baginda adalah seorang insan yang bijaksana, mempunyai sifat 'hilm' seperti Mu'awiyah, berakhlak mulia, kuat beribadat, salih, wara' tetapi bakhil seperti Khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Kata Imam as-Sayuti, Khalifah Hisyam adalah seorang yang bijaksana dan cerdas. Baginda adalah seorang yang takutkan darah. Sahbal bin Muhammad berkata, "Aku belum pernah melihat seorang khalifah yang lebih membenci dan takutkan darah melainkan Hisyam."

Selain memiliki banyak sifat-sifat yang mulia, sebahagian ahli sejarah Islam mengatakan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik juga adalah seorang manusia yang bakhil. Imam Tabari menulis di dalam kitabnya *Tarikh at-Tabari* bahawa Aqqal bin Syabbah datang mengadap Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ketika baginda mahu melantik beliau sebagai gabenor di negeri Khurasan pada tahun 125 Hijrah/742 Masihi, tahun kewafatan baginda. Aqqal berkata, "Ketika itu (Khalifah) Hisyam memakai jubah berwarna hijau. Aku mengamat-amati jubah baginda itu. Rupa-rupanya (Khalifah) Hisyam mengetahui hal itu, lantas baginda bertanya kepadaku;

"Apa sebabnya engkau memerhati jubahku ini?"

Aku jawab, "Saya pernah melihat tuan memakai jubah seperti ini sebelum tuan dilantik menjadi khalifah dua puluh tahun yang lalu, sehingga saya menyangka jubah ini adalah yang tuan pakai dulu itu."

"Ya benar." Jawab (Khalifah) Hisyam, "Demi Allah, ini adalah jubah yang dulu itu. Aku tidak mempunyai jubah selain yang ini sahaja. Tentang wang yang aku kumpul dan simpan itu adalah untuk kamu semua."

Tetapi menurut hemat penyusun, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik bukanlah seorang manusia yang bakhil, tetapi baginda adalah seorang yang suka berhemat atau berjimat cermat dan tidak suka membazir. Selagi dapat digunakan, baginda akan gunakan. Kalau jubah masih baik biarpun yang dibeli

dua puluh tahun yang lalu, kenapa hendak dibuang? Gunalah. Ini prinsip Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Orang atau manusia yang bakhil sekali-kali tidak suka membelanja atau mengeluarkan hartanya atau harta di bawah kekuasaannya melainkan terus bersikap bakhil. Sedangkan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik diriwayatkan telah membayar kesemua hutang Imam Ibnu Syihab az-Zuhri yang dikatakan sebanyak 7,000 dinar ketika baginda mengambil Ibnu Syihab menjadi pendidik putera-putera baginda.

Disamping itu terdapat satu lagi bukti bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik bukanlah seorang manusia yang bakhil. Diriwayatkan juga bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik pernah memberi sebidang tanah, perhiasan dan pakaian kepada seorang gadis berkulit hitam setelah ayah gadis itu yang bernama Nusaib bin Rabah meminta baginda memberi sedikit harta kepada anaknya agar dipinang orang.

Baginda juga kuat menahan rontaan hawa nafsu syahwat. Baginda pernah bersyair, "Sekiranya engkau tidak melawan hawa nafsumu, maka hawa nafsumulah yang akan menuntunmu, kepada akibat yang membuahkan penyesalan ke atas dirimu."

Baginda juga sangat kuat menahan perasaan marah sebagaimana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga.

Pemerintahan

❖ Para Gabenor Wilayah

Gabenor-gabenor yang masyhur pada zaman pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ialah Khalid bin Abdullah al-Qasri, Yusuf bin Umar, Nasr bin Saiyar dan Marwan bin Muhammad. Khalid bin Abdullah al-Qasri dilantik menjadi gabenor di negeri Khurasan. Kemudian dipindah ke Iraq dan tempatnya diganti dengan adiknya Asad bin Abdullah al-Qasri. Apabila Khalid bin Abdullah al-Qasri dipecat oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik pada tahun 120 Hijrah/737 Masihi, baginda melantik pula Yusuf bin Umar sebagai gabenor Iraq. Oleh Yusuf bin Umar, dilantik pula Juda'i bin Ali al-Kirmani sebagai gabenor negeri Khurasan menggantikan tempat Asad bin Abdullah al-Qasri yang juga telah dipecat oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Tak berapa lama sesudah Juda'i bin Ali al-Kirmani, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah melantik pula Nasr bin Saiyar ke jawatan gabenor negeri Khurasan. Tetapi ada riwayat mengatakan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik melantik Nasr bin Saiyar sebagai gabenor Khurasan pada tahun 120 Hijrah/737 Masihi. Ini bererti Nasr bin Saiyar dilantik menjadi gabenor Khurasan menggantikan tempat Asad al-Qasri, bukan Juda'i bin Ali al-Kirmani. Nasr bin Saiyar kekal selaku gabenor negeri Khurasan sehinggalah ke zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. Beliau ditewaskan oleh Abu Muslim al-Khurasani yang memimpin pasukan tentera Khurasan mara menakluki kota Kufah

seterusnya melantik Abu Abbas as-Saffah sebagai Khalifah bani Abbasiyyah yang pertama pada tahun 132 hijrah/749 Masihi.

Manakala Marwan bin Muhammad iaitu saudara sepupu Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sendiri dilantik menjadi gabenor bagi wilayah al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan.

Inilah gabenor-gabenor yang masyhur pada zaman pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

Pemberontakan Negeri Khurasan

❖ **Pemberontakan Oleh Al-Harith Bin Suraij**

Setelah mengambil alih jawatan khalifah dari tangan Khalifah Yazid bin Abdul Malik pada tahun 105 Hijrah/723 masihi, di antara wilayah yang diambil perhatian secara bersungguh-sungguh oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ialah negeri Khurasan di timur Farsi. Wilayah ini sangat jauh daripada pusat pemerintah di negeri Syam dan selalu menghadapi masalah pemberontakan oleh pihak-pihak di sana. Disebabkan wilayah atau negeri ini terabai sejak zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik kerana pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang tidak begitu lama serta pemberontakan-pemberontakan yang timbul dalam negeri serta sikap Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang tidak berapa mengambil berat terhadap pentabdiran negara kerana terlalu asyik dengan berseronok dan bermain-main bersama-sama para dayang di dalam istana, maka wilayah di negeri Khurasan agak disukai oleh orang-orang yang mempunyai agenda besar untuk menderhaka seterusnya memerintah.

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mahu pengurusan di negeri Khurasan dibuat dengan baik oleh tokoh yang berkemampuan. Oleh kerana negeri Khurasan ramai penduduknya terdiri daripada keturunan suku kaum Yaman (Arab Selatan) berbanding keturunan suku kaum Qais (Arab Utara), maka baginda telah melantik seorang tokoh yang sangat berwibawa iaitu Khalid bin Abdullah al-Qasri, seorang keturunan Yaman sebagai gabenor di sana. Ketika itu suku kaum Turgesh yang dipimpin oleh ketua mereka yang bernama Han Su Lu sedang meluaskan kuasa mereka di Asia Kecil sejak zaman Khalifah Yazid bin Abdul Malik lagi. Dengan bantuan orang-orang China, kaum Turgesh telah berjaya membina pentadbiran mereka di Lembah Ili.

Tidak berapa lama kemudian, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah menarik Khalid bin Abdullah al-Qasri untuk mentabdir Iraq pula. Maka untuk menggantikan tempat beliau, Khalid al-Qasri telah melantik saudara beliau iaitu Asad bin Abdullah al-Qasri untuk mentadbir negeri Khurasan selaku gabenornya sekali gus untuk melemahkan penguasaan kaum Turgesh ke atas beberapa kawasan atau daerah di sana. Asad bin Abdullah al-Qasri telah berusaha menggabungkan tentera Arab di Khurasan dengan tentera Hayatilah

untuk memerangi kaum Turgesh, tetapi pihak tentera Arab tidak mahu berkerjasama dengan pihak Hayatilah. Kegagalan Asad bin Abdullah al-Qasri untuk menggabung tentera Arab dengan tentera Hayatilah di Khurasan telah menyebabkan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memecat beliau daripada jawatan gabenor di Khurasan dan diganti dengan seorang tokoh penduduk Syam yang bernama Asyrasy bin Abdullah al-Sulami. Peristiwa ini berlaku pada tahun 109 hijrah/727 Masihi iaitu setelah empat tahun baginda naik takhta khalifah.

Asyrasy al-Sulami terus berangkat ke negeri Khurasan bersama-sama dengan 20,000 orang tentera yang terdiri daripada penduduk Syam dan Iraq. Kaum Turgesh dapat dimusnahkan. Tetapi menjelang tahun 116 hijrah/734 Masihi setelah berada di negeri Khurasan selama tujuh tahun, seorang pahlawan di dalam angkatan tentera Asyrasy as-Sulami bernama al-Harith bin Suraij telah keluar dari barisan tentera Asyrasy as-Sulami dan telah menderhaka terhadap pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Al-Harith bin Suraij adalah pejuang yang pernah berjasa menghalau kaum Khaqan pada tahun 111 hijrah/728 Masihi. Beliau berjaya menarik tentera Asyrasy as-Sulami seramai kira-kira 4,000 orang untuk menyertai beliau. Al-Harith bin Suraij adalah seorang yang menganut fahaman Jahmiyyah yang beriktikad bahawa hukuman setiap pelaku dosa hanyalah di akhirat oleh Allah SWT sendiri. Pemerintah tidak berhak menghukum. Pengasas mazhab atau fahaman ini ialah seorang tokoh berkebangsaan Farsi bernama Jahm bin Safwan. Al-Harith bin Suraij seterusnya mengaku dirinya adalah Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Pengaruh al-Harith bin Suraij semakin bertambah besar dari sehari ke sehari.

Pada tahun 116 Hijrah/733 Masihi, al-Harith bin Suraij telah bangkit memberontak di Khurasan. Oleh kerana Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tidak nampak seorangpun tokoh yang dapat mengembalikan kedamaian di Khurasan, maka pada tahun itu juga, baginda telah meluaskan kuasa Khalid bin Abdullah al-Qasri, gabenor Iraq untuk mentadbir negeri Khurasan. Sekali lagi Khalid al-Qasri telah melantik adiknya Asad al-Qasri menjadi gabenor negeri Khurasan menggantikan tempat Asyrasy as-Sulami yang mungkin dipecat. Pemberontakan al-Harith bin Suraij bertambah besar kerana beliau telah dibantu oleh penduduk Guzgan, Faryab dan Taiqan. Tokoh ini kemudiannya berjaya menawan kota Balkh. Seterusnya beliau mara ke Merw ibu kota negeri Khurasan yang mana pendukungnya semakin bertambah sehingga mencapai jumlah 60,000 orang.

Tetapi kemudiannya beliau telah tewas berperang dengan tentera Asad al-Qasri dan telah dihalau keluar dari kota Balkh. Seterusnya al-Harith bin Suraij lari ke negeri Tukharistan. Kemudian Asad al-Qasri telah menghantar Juda'i al-Kirmani untuk mengejar al-Harith bin Suraij. Al-Harith bin Suraij terus lari sehingga menyeberangi daerah seberang sungai Jihun dan bergabung dengan kerajaan Syasy iaitu sebuah kerajaan orang-orang Turki yang sentiasa berusaha

memerangi orang-orang Arab.

Pada tahun 120 Hijrah/737 Masihi, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah melantik Nasr bin Saiyar sebagai gabenor negeri Khurasan. Beliau adalah seorang Qais. Dengan perlantikan Nasr bin Saiyar sebagai pentadbir di negeri Khurasan telah menyebabkan rakyat Khurasan yang sebahagian besarnya terdiri daripada keturunan Yaman telah marah dengan perlantikan seorang Qais itu. Ini menyebabkan orang-orang keturunan Yaman di negeri Khurasan juga orang-orang bukan Arab yang membenci amalan perkauman yang mungkin dihidupkan kembali oleh Nasr bin Saiyar telah memberi sokongan mereka kepada al-Harith bin Suraij yang berlindung di negeri Syasy itu.

Nasr bin Saiyar pula bukanlah calang-calang tokoh. Beliau adalah seorang pentabdir yang pintar, cerdik, cekap dan berkebolehan. Untuk melemahkan pengaruh al-Harith bin Suraij, Nasr bin Saiyar telah membuat hubungan sulit dengan pemimpin kerajaan Syasy yang menyebabkan al-Harith bin Suraij terpaksa keluar dari berlindung di bawah kerajaan Syasy. Al-Harith bin Suraij meneruskan pemberontakannya terhadap pemerintahan kerajaan bani Umayyah sehinggalah ke zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin al-Walid bin Abdul Malik. Pada tahun 127 Hijrah/744 Masihi, Khalifah Yazid bin al-Walid telah memaafkan beliau. Tetapi setahun kemudian, al-Harith bin Suraij telah bangkit semula memerangi Nasr bin Saiyar bersama-sama 3,000 orang pengikutnya. Pertempuran telah meletus antara keduanya. Dalam masa sedang bertempur itu, pengikut al-Harith bin Suraij telah berpecah yang menyebabkan tentera al-Harith bin Suraij tewas dan al-Harith bin Suraij sendiri turut terbunuh.

Dengan terbunuhnya al-Harith bin Suraij itu, maka berakhirlah pemberontakan di bahagian timur yang dicetuskan oleh seorang tokoh yang mendakwa dirinya adalah Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu.

Pemberontakan Di Iraq, Al-Jazirah Dan Syam

❖ Pemberontakan Oleh Kaum Syiah, Khawarij Dan Suku Khazar

Selain masalah yang teruk di negeri Khurasan, pentadbiran Khalifah Hisyam bin Abdul Malik juga menghadapi masalah besar di Iraq, al-Jazirah dan Syam. Di Iraq, kekacauan telah ditimbulkan oleh kaum Syiah dan juga kaum Khawarij. Tetapi telah berjaya dipadamkan oleh gabenor Iraq iaitu Khalid bin Abdullah al-Qasri. Manakala pemberontakan di al-Jazirah telah dicetuskan oleh kaum Khazar. Peristiwa ini berlaku pada tahun 112 Hijrah/730 Masihi iaitu setelah baginda memerintah selama tujuh tahun. Untuk menghadapi pemberontakan itu, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah menghantar sebuah angkatan tentera Syam yang dipimpin oleh Panglima Muslamah bin Abdul Malik, saudara baginda sendiri, tetapi telah ditentang hebat oleh kaum Khazar dan angkatan tentera Syam terpaksa berundur pulang semula ke Syam.

Pada tahun 114 hijrah/732 Masihi, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sekali lagi telah menghantar sebuah angkatan tentera yang besar dari Syam untuk memusnahkan kaum Khazar di al-Jazirah. Kali ini Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah melantik saudara sepupu baginda iaitu Marwan bin Muhammad yang juga adalah gabenor di al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan sebagai panglima pasukan. Pertempuran dilancarkan oleh Marwan bin Muhammad ke atas kaum Khazar selama empat tahun baru dapat kejayaan. Pada tahun 119 Hijrah/737 Masihi, barulah pemberontakan kaum Khazar dapat dipadamkan.

Selain terpaksa menghadapi para pemberontak yang terdiri daripada rakyat sendiri, pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik juga terpaksa berhadapan dengan tentera Rom Timur atau kerajaan Byzentium yang berpusat di kota Constantinople, Turki. Menjelang tahun 113 Hijrah/731 Masihi, tentera Rom Timur telah menyerang pantai negeri Syam melalui Laut Medditterenian. Tentera kerajaan bani Umayyah telah ditewaskan. Namun Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah menyiapkan dua pasukan tentera yang kuat dan melancarkan serangan balas ke atas kedudukan tentera Byzentium yang menyebabkan pihak tentera kerajaan bani Umayyah telah mencapai kemenangan yang gilang gemilang.

Penaklukan

❖ Usaha Menakluk Perancis

Ketika Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mengambil alih jawatan khalifah dari tangan kekanda baginda Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang wafat, meskipun Khalifah Yazid bin Abdul Malik tidak berapa mengambil berat terhadap pentadbiran negara, tetapi negara Islam berada di dalam keadaan aman, teguh dan perkasa. Kerajaan musuh tidak pernah mengusik perbatasan negara Islam meskipun telah terjadi huru-hara di dalam negara pada zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik akibat dari perbuatan Panglima Yazid bin al-Muhallab yang bangkit memberontak terhadap pemerintahan baginda yang dicurigai akan menghukumnya dengan seberat-berat hukuman disebabkan ada pertelingkahan antara beliau dengan Yazid bin Abdul Malik pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik dahulu.

Oleh kerana Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang bertanggungjawab terhadap rakyat, agama dan negara, maka baginda sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah terus melaksanakan usaha-usaha ke arah menguatkan keselamatan dan pertahanan negara dan menyebar agama Islam di samping melaksanakan projek-projek untuk kesejahteraan rakyat.

Di antara langkah pertama yang dilakukan oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ialah membuat gerakan ketenteraan ke atas negara-negara bukan Islam yang masih belum ditakluki atau disampaikan ajaran agama Islam kepada penduduknya. Sebagaimana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, baginda juga memperlengkapkan angkatan tentera darat dan laut. Baginda sangat menyedari

kerajaan Islam perlu memperkuatkan angkatan tentera darat dan laut kerana musuh Islam juga mempunyai kedua-dua jenis kelengkapan ini di dalam bidang ketenteraan.

Untuk terus menguasai kedudukan di Laut Mediterranean, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik menghantar sebuah pasukan laut yang kuat di bawah pimpinan Laksamana Habib bin Abu Ubaidah. Angkatan laut Islam ini mara sehingga sampai ke pulau Sicily dan berjaya menawan pulau itu menjelang tahun 123 Hijrah/741 Masihi. Ketika itu Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah memerintah selama kira-kira 18 tahun dan sudah berusia kira-kira 53 tahun.

Sebagaimana yang sudah sedia maklum, ketika itu negara Sepanyol sedang dikuasai oleh kerajaan Islam bani Umayyah sejak ditakluk oleh Panglima Tariq bin Ziyad dan Panglima Musa bin Nusair pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik antara tahun 86 Hijrah/705 Masihi sehingga 95 Hijrah/714 Masihi. Kini pada zaman pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik angkatan tentera Islam di negara Sepanyol telah berjaya memperluaskan serangan sehingga ke perbatasan negeri Perancis dan seterusnya masuk ke benua Eropah seperti Jerman, Belgium, Belanda, Denmark yang terletak di utara negara Perancis.

Pentadbiran di Sepanyol telah menggerakkan pasukan tentera Islam mara ke utara Sepanyol dengan dipimpin oleh Panglima Abdul Rahman bin Abdullah al-Ghafiqi. Panglima Abdul Rahman al-Ghafiqi telah membawa angkatan tentera Islam mara sehingga sampai di sempadan negara Perancis di bahagian selatan iaitu dengan menyeberangi pergunungan Barans (Pyrenes). Tentera Islam akhirnya sampai di kota Tours, sebuah kota di bahagian selatan negara Perancis. Di situ tentera Islam yang dipimpin oleh Panglima Abdul Rahman bin Abdullah al-Ghafiqi telah bertembong dengan angkatan tentera Perancis yang besar dipimpin oleh Maharaja Perancis yang bernama Charles Martel. Pertempuran meletus di situ dengan hebatnya. Malang sekali bagi pihak tentera Islam kerana kalah di dalam pertempuran itu dan Panglima Abdul Rahman bin Abdullah al-Ghafiqi sendiri telah terkorban syahid. Ini menyebabkan angkatan tentera Islam gagal untuk memasuki negara Perancis dan terpaksa berpatah balik semula ke Sepanyol.

Peristiwa ini terjadi pada tahun 114 Hijrah/732 Masihi setelah Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memerintah selama 9 tahun.

Khalifah Hisyam Marah Kepada Khalid Al-Qasri Dan Menghukumnya

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah melantik gabenor bagi wilayah Khurasan secara bergilir-gilir. Bermula dengan Khalid bin Abdullah al-Qasri, kemudian saudara Khalid iaitu Asad bin Abdullah al-Qasri, kemudian al-Asyrasy bin Abdullah al-Sulami. Seterusnya beberapa orang lain yang kurang terkenal nama mereka di dalam

sejarah Islam. Akhirnya Khalid bin Abdullah al-Qasri dikembalikan semula untuk mentadbir negeri Khurasan disamping negeri Iraq pada tahun 117 Hijrah/735 Masihi kerana kegagalan semua pentadbir-pentadbir yang lain.

Di sini kita nampak betapa berwibawa dan berkebolehannya Khalid bin Abdullah al-Qasri di dalam kerja-kerja mentadbir wilayah. Dengan dia diberi kepercayaan sekali lagi oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik untuk mengurus pentabdiran di wilayah-wilayah timur sehingga ke negeri Khurasan, maka Khalid bin Abdullah al-Qasri sekali lagi telah memberi peluang kepada saudaranya Asad al-Qasri untuk mentabdir negeri Khurasan. Memang sekali ini Asad bin Abdullah al-Qasri berjaya di dalam pekerjaannya di negeri Khurasan. Manakala Khalid bin Abdullah al-Qasri pula selaku beliau gabenor di Iraq telah melakukan banyak projek-projek untuk kebaikan rakyat di Iraq termasuklah usahanya membina parit-parit atau saluran-saluran bagi mengeringkan tanah-tanah paya yang berair di pinggir sungai Dajlah di sekitar kota Wasit sehingga kawasan yang sebelum ini tidak dapat digunakan telah dijadikan tanah pertanian yang luas untuk diusahakan oleh rakyat. Kejayaannya yang dilakukannya bukan sahaja memberi hasil yang lumayan kepada rakyat, tetapi juga kepada dirinya sehingga dikatakan Khalid bin Abdullah al-Qasri telah berjaya mengumpul kekayaan yang besar dan luar biasa sekali selama dia menjadi gabenor di negeri Iraq itu. Dia mula gelap mata dan menjadi bongkak dan lupa di mana kakinya sedang berpijak. Suatu hari dengan bangga dia berkata kepada anak-anaknya;

"Kamu tidaklah lebih rendah daripada Muslamah bin Hisyam (putera Khalifah Hisyam bin Abdul Malik) kerana kamu dapat membanggakan tiga macam perkara yang tidak dapat dibanggakan oleh sesiapapun iaitu; Ayahmu telah mengempang sungai Dajlah dan tidak ada sesiapa yang mampu melakukan sedemikian itu; kedua ayahmu memegang jawatan Siqayah (jawatan membekalkan air minum pada musim haji) di Mekah dan ayahmu juga adalah gabenor di Iraq."

Apabila kata-kata Khalid bin Abdullah al-Qasri sampai ke telinga Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, maka baginda sangat marah kepada Khalid bin Abdullah al-Qasri. Lantas baginda terus memecat Khalid bin Abdullah al-Qasri daripada semua jawatannya pada tahun 120 Hijrah/738 Masihi. Sebagaimana nasib yang telah dialami oleh Panglima Musa bin Nusair pada zaman Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik, begitulah juga yang telah menimpa Khalid bin Abdullah al-Qasri. Hidup beliau amat merana sekali terutama pada zaman Khalifah al-Walid bin Yazid. Khalid bin Abdullah al-Qasri meninggal dunia pada tahun 127 Hijrah/744 Masihi dalam keadaan yang sangat menyedihkan.

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik juga telah memecat Asad al-Qasri selaku gabenor negeri Khurasan pada tahun itu juga dan diganti dengan Nasr bin Saiyar.

Pemberontakan Zaid Bin Ali Zainal Abidin

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah khalifah kerajaan bani Umayyah yang kedua ditentang oleh seorang tokoh Ahlil Bait atau Syiah atau Alawiyeen iaitu Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin bin al-Husein bin Ali bin Abu Talib. Khalifah kerajaan bani Umayyah yang pertama ditentang oleh tokoh Ahlil Bait atau Syiah atau Alawiyeen ialah Khalifah Yazid bin Mu'awiyah iaitu oleh Sayidina al-Husein, datuk Imam Zaid dan telah terkorban syahid di Padang Karbala'. Begitu juga dengan Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin yang bangkit memberontak terhadap Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ini dan juga telah terkorban syahid.

Peristiwa pemberontakan Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin berlaku pada tahun 122 Hijrah/740 Masihi setelah Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memerintah selama kira-kira 17 tahun. Ketika itu usia Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin ialah 42 tahun.

Kita tidak merasa anih kenapa Sayidina al-Husein bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah kerana Khalifah Yazid bin Mu'awiyah adalah seorang yang dikatakan tidak layak menjadi khalifah umat Islam kerana keburukan peribadi dan kekurangan iman dan Islamnya. Tetapi kita merasa anih terhadap pemberontakan yang dilancarkan oleh Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin kerana Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang yang salih dan memiliki akhlak yang mulia dan terpuji.

Namun begitu kita percaya kalau Sayidina al-Husein bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Yazid bin Mu'awiyah kerana tidak bersetuju terhadap Khalifah Yazid bin Mu'awiyah dilantik menjadi khalifah, manakala Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin bangkit memberontak terhadap Khalifah Hisyam bin Abdul Malik bukan di atas ketidak setujuan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik menjadi khalifah disebabkan keburukan agama dan akhlak baginda, tetapi disebabkan mempercayai golongan keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari pihak isteri pertama baginda Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha atau tokoh-tokah Ahlil Bait yang sebenarnya berhak ke atas jawatan pemimpin utama umat Islam itu.

Jasa-Jasa

❖ Program Untuk Kesejahteraan Rakyat

Disamping usaha mengukuhkan kerajaan Islam atau wilayah Islam di barat, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik juga tidak lupa membuat atau memperbaiki program-program untuk kesejahteraan rakyat di dalam negara. Para sejarawan Islam mencatitkan bahawa di antara projek-projek untuk faedah rakyat yang dibuat oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik selama pemerintahannya yang panjang itu ialah sebagaimana berikut:-

Membina telaga di sepanjang jalan ke kota Mekah bagi kemudahan orang-orang musafir dan jemaah haji.

Mengeringkan kawasan-kawasan paya yang luas khasnya di kawasan tepi sungai Dajlah di Iraq dengan cara membina parit-parit dan taliair sehingga wujud satu kawasan pertanian yang luas.

Membina kilang-kilang untuk perusahaan membuat senjata dan pakaian tentera, hasil tangan dan kilang memproses kain sutera dan baldu.

Membina padang dan gelanggang menunggang kuda untuk melatih tentera agar mahir menunggang kuda sebagai persediaan di masa peperangan.

Demikianlah beberapa projek atau progrem-progrem yang dibuat oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sebagai usaha untuk faedah rakyat sebagai pembangunan tambahan kepada projek-projek pembangunan kemasyarakatan yang telah dibina oleh khalifah-khalifah yang terdahulu terutama sejak zaman pemerintahan Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sampailah ke zaman pemerintahan Khalifah Yazid bin Abdul Malik.

Wafat

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memerintah selama hampir dua puluh tahun (19 tahun 7 bulan beberapa hari). Baginda termasuk tiga orang khalifah kerajaan bani Umayyah yang panjang masa pemerintahannya iaitu pertama Abdul Malik bin Marwan yang memerintah selama dua puluh satu tahun. Dan Mu'awiyah bin Abu Sufyan hampir dua puluh tahun (19 tahun lebih). Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mulai dilantik menjadi khalifah pada tahun 105 Hijrah/723 Masihi dan wafat pada 6 Rabiul Akhir tahun 125 Hijrah/743 Masihi ketika berusia 55 tahun.

Satu kejadian ajaib telah berlaku pada diri Khalifah Hisyam bin Abdul Malik iaitu jasad baginda tidak hancur. Ini terbukti ketika Khalifah Abul Abbas al-Saffah menjadi khalifah, baginda telah membongkar semua kubur para khalifah bani Umayyah (kecuali Khalifah Umar bin Abdul Aziz seorang sahaja) dan mendapati jasad al-marhum Khalifah Hisyam bin Abdul Malik masih elok tidak hancur. Padahal tragedi itu berlaku setelah tujuh tahun dari tarikh wafatnya Khalifah Hisyam bin Abdul Malik kerana peristiwa pembongkaran kubur para khalifah bani Umayyah itu berlaku pada tahun 132 hijrah/749 Masihi, sedangkan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik wafat pada tahun 125 Hijrah/742 Masihi.

Keluarga

Selama hidupnya Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah berkahwin dengan empat orang perempuan dan memiliki beberapa orang jariah. Hasil dari perkahwinan itu baginda telah dikurniakan seramai 13 orang anak, sembilan

putera dan empat puteri. Marilah kita lihat siapakah isteri-isteri dan putera puteri Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ini.

Isteri pertama baginda ialah Ummu Hakim. Para sejarawan Islam berselisih pendapat tentang siapakah bapa kepada Ummu Hakim. Dalam hal ini terdapat tiga riwayat yang berbeza.

Riwayat yang pertama ialah riwayat oleh Imam Ibnu Asakir, seorang ahli hadis merangkap ahli sejarah Islam yang terkemuka telah menulis di dalam kitabnya yang berjudul *A'lam an-Nisa'* bahawa ayah Ummu Hakim ialah Yusuf bin Yahya bin al-Hakkam bin Abul Ass, anak saudara kepada Khalifah Marwan bin al-Hakkam atau sepupu kepada Khalifah Abdul Malik bin Marwan. Ini bererti isteri pertama Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah saudara dua pupu baginda sendiri. Masih amat dekat sekali pertalian kekeluargaan mereka.

Riwayat yang kedua ialah riwayat melalui jalan Abu Bakar bin Yazid bin Iyadh yang mengatakan ayah Ummu Hakim bukan Yusuf bin Yahya, tetapi Yahya bin al-Hakkam bin Abul Ass. Mengikut riwayat ini bererti Ummu Hakim ialah ibu sepupu kepada Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, bukan saudara dua pupu baginda.

Manakala riwayat yang ketiga mengatakan Ummu Hakim binti Yahya bin Abul Ass, bukan binti Yahya bin al-Hakkam.

Manakala ibu kepada Ummu Hakim iaitu Zainab binti Abdul Rahman bin al-Harith bin Hisyam bin al-Mughirah al-Makhzumi, iaitu saudara perempuan kepada Abu Bakar bin Abdul Rahman bin al-Harith yang merupakan salah seorang fuqaha' tujuh Madinah yang terkemuka, tiada seorangpun ahli sejarah Islam yang mempertikaikannya. Jadi dari pihak keturunan ibunya, Ummu Hakim adalah saudara kepada Abu Bakar bin Abdul Rahman iaitu salah seorang fuqaha' tujuh Madinah yang merupakan sekumpulan tujuh orang ulama' peringkat tabiin Madinah yang paling terkemuka.

Dalam hal ini penyusun memilih bahawa Ummu Hakim adalah binti Yusuf bin Yahya berdasarkan kepada pendapat Imam Ibnu Asakir, kerana lebih munasabah kedudukan usia mereka yang sebaya.

Sebelum dikahwini oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, terlebih Ummu Hakim telah berkahwin dengan anak dua pupu beliau sendiri iaitu Abdul Aziz bin al-Walid bin Abdul Malik. Kemudian Abdul Aziz bin al-Walid berkahwin pula dengan puteri Abu Bakar bin Abdul Rahman bin Abu Bakar as-Siddiq, iaitu cicit Khalifah Abu Bakar as-Siddiq. Tetapi Abdul Aziz bin al-Walid tidak berjaya menyatukan kedua-dua isteri beliau yang cantik itu. Lantas Abdul Aziz bin al-Walid telah memilih untuk menceraikan Ummu Hakim binti Yusuf ini.

Setelah itu barulah Ummu Hakim binti Yusuf dikahwini pula oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik iaitu bapa saudara kepada Abdul Aziz bin al-Walid. Setelah Abdul Aziz bin al-Walid meninggal dunia, Khalifah Hisyam bin Abdul

Malik telah mengahwini pula puteri Abu Bakar bin Abdul Rahman yang merupakan bekas madu kepada Ummu Hakim binti Yusuf.

Tetapi Khalifah Hisyam bin Abdul Malik juga telah tidak dapat mendamaikan kedua-dua isteri baginda yang sangat baginda cintai itu sebagaimana juga dengan Abdul Aziz bin al-Walid. Maka untuk menyenangkan hati Ummu Hakim binti Yusuf, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah menceraikan puteri Abu Bakar bin Abdul Rahman menjadi timbal balik dengan apa yang dilakukan oleh Abdul Aziz bin al-Walid dahulu. Khalifah Hisyam bin Abdul Malik berkata kepada isteri baginda Ummu Hakim binti Yusuf ini, "Aku rela menurut kemahuanmu. Sekarang aku telah menceraikannya demi mempertahankanmu, sebagaimana Abdul Aziz (putera Khalifah al-Walid bin Abdul Malik) telah menceraikanmu demi mempertahankannya."

Hasil perkahwinan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dengan Ummu Hakim binti Yusuf bin Yahya, baginda mendapat lima orang anak, tiga lelaki dan dua perempuan iaitu Abu Syakir, Yazid, Muhammad, Ummu Yahya dan Ummu Hisyam.

Manakala mengikut riwayat yang mengatakan Ummu Hakim binti Yahya bin al-Hakkam bin Abul Ass, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah memperolehi anak seramai tiga sahaja yang mana kesemuanya lelaki iaitu Maslamah, Muhammad dan Yazid.

Setelah Ummu Hisyam dewasa, beliau telah dikahwini oleh Khalifah Yazid bin Abdul Malik bin Marwan sebelum baginda dilantik menjadi khalifah. Tetapi sebelum sempat mencampurinya, suaminya (Khalifah) Yazid bin Abdul Malik telah menceraikannya. Kemudian, habis iddah, beliau dikahwinkan pula oleh Abdul Malik bin Abdul Aziz bin al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan. Setelah dicerai oleh Abdul Malik atau Abdul Malik wafat, Ummu Hisyam berkahwin pula dengan Abdullah putera Khalifah Marwan bin Muhammad. Ini memberi erti bahawa Ummu Hisyam adalah seorang perempuan yang cantik dan disukai oleh ramai kaum lelaki.

Isteri Khalifah Hisyam bin Abdul Malik yang kedua ialah Ubadah binti Abdullah bin Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Mengikut riwayat Imam Ibnu Asakir bahawa Ubadah adalah seorang perempuan yang sangat cantik. Hasil dari perkahwinan ini, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah mendapat dua orang anak iaitu Abdullah dan Aisyah. Setelah Aisyah dewasa dikatakan beliau telah berkahwin dengan Ubaidullah bin Marwan bin al-Hakkam, iaitu datuk saudara beliau sendiri. Penyusun tidak dapat menerima pendapat atau riwayat ini. Mungkin sekali Ubaidullah itu ialah cucu atau cicit Khalifah Marwan bin al-Hakkam, bukan anak Khalifah Marwan barulah sebaya dengan Aisyah puteri Khalifah Hisyam bin Abdul Malik bin Marwan dan yang dibenarkan hukum.

Ubadah ini akhirnya telah mati kerana disembelih oleh al-Kamili atas perintah Abdullah bin Ali bin Abdullah bin Abbas bersama-sama isteri Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin di kota Hims setelah kerajaan bani Umayyah berjaya ditumbangkan oleh kerajaan bani Abbasiyyah. Ini bertepatan dengan firasat yang dikatakan oleh suaminya Khalifah Hisyam bin Abdul Malik apabila baginda terpandang kepada tahi lalat di pinggang Ubadah, "Sesiapa yang mempunyai tahi lalat di pinggang, matinya dengan disembelih orang."

Isteri baginda yang ketiga bernama Ummu Said binti Abdullah bin Amru bin Uthman bin Affan. Nama beliau yang sebenar ialah Sa'dah. Sebelum berkahwin dengan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, Ummu Said ialah isteri kepada Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Dengan Khalifah Yazid, beliau memperolehi dua orang anak iaitu Abdullah dan Aisyah. Perkahwinan beliau dengan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik setelah Khalifah Yazid bin Abdul Malik wafat. Beliau tidak memperolehi seorang anakpun dengan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Kemudian Khalifah Hisyam bin Abdul Malik menceraikannya.

Isteri baginda yang keempat ialah Ummu Uthman binti Said bin Khalid bin Amru bin Uthman bin Affan. Hasil perkahwinan ini lahirlah seorang anak bernama Marwan. Tetapi Khalifah Hisyam bin Abdul Malik kemudian telah menceraikannya. Kemudian al-Abbas bin al-Walid bin Abdul Malik iaitu anak saudara Khalifah Hisyam pula mengahwininya. Kemudian menceraikannya pula. Setelah itu Ummu Uthman binti Said berkahwin pula dengan Abdul Aziz bin Umar bin Abdul Aziz. Tetapi kedua-dua suaminya yang menceraikannya sangat menyesali di atas perbuatan mereka menceraikannya.

Namun ada riwayat yang lain daripada Imam Ibnu Asakir yang mempunyai dua riwayat pula tentang isteri Khalifah Hisyam bin Abdul Malik yang bernama Ummu Uthman binti Said ini. Satu riwayat mengatakan gelarannya Ummu Said, dan nama sebenarnya Salma. Manakala riwayat yang kedua mengatakan gelarannya Ummu Salamah. Memang beliau berpisah dengan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik (entah dicerai hidup atau kerana Khalifah Hisyam wafat), telah dikahwini pula oleh (Khalifah) al-Walid bin Yazid bin Abdul Malik.

Di bawah ini dikisahkan pula tentang para jariah baginda dan anak-anak mereka:-

Ummu Walad pertama melahirkan Mu'awiyah dan Said.

Ummu Walad yang kedua melahirkan Sulaiman. Pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad, iaitu bapa sepupunya, Sulaiman telah menyokong musuh kerajaan iaitu adh-Dhahhak al-Haruri dan telah dibunuh oleh al-Musawwidah.

Ummu Walad ketiga melahirkan Abdul Rahman dan Quraisy.

Ummu Walad keempat melahirkan Zainab dan Ummu Salamah. Setelah dewasa, Zainab dikahwini oleh Muhammad bin Abdullah bin Abdul Malik bin

Marwan, iaitu saudara sepupunya sendiri. Manakala Ummu Salamah dikahwini oleh Abdul Aziz bin al-Hajjaj bin Abdul Malik juga saudara sepupunya sendiri.

Ummu Walad kelima melahirkan seorang putera bernama Hasyim.

Demikianlah kisah empat orang isteri, anak-anak dan jariah Khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

Khalifah Hisyam Adalah Seorang Yang Berperibadi Mulia

Di kalangan khalifah bani Umayyah, terdapat tujuh orang khalifah yang berperibadi mulia iaitu Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Yazid bin Mu'awiyah, Mu'awiyah bin Yazid, al-Walid bin Abdul Malik, Umar bin Abdul Aziz, Hisyam bin Abdul Malik dan Yazid bin al-Walid. Tetapi kebanyakan pendapat mengatakan selain daripada Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Mu'awiyah bin Yazid, Umar bin Abdul Aziz dan Hisyam bin Abdul Malik, khalifah-khalifah yang lain dikatakan tidak mempunyai peribadi yang mulia.

Baiklah, usah kita bicarakan tentang peribadi khalifah-khalifah bani Umayyah yang mulia selain dari Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ini. Di mana saksi-saksi yang mengatakan bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang yang berperibadi mulia?

Imam Ibnu Abdul Rabbih menulis di dalam kitabnya *Iqdul Farid* seorang penyair berkulit hitam bernama Nusaib bin Rabah telah datang mengadap Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Beliau mengalunkan beberapa bait syair memuji kepemurahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Setelah selesai, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik berkata kepadanya, "Engkau telah menyanjungku setinggi-tingginya. Sekarang ajukanlah permintaanmu kepadaku."

Penyair itu menjawab, "Wahai Amirul Mu'minin, tangan tuan lebih memberi daripada mulutku meminta."

"Engkau mesti sebutkan," jawab Khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

"Aku mempunyai seorang anak perempuan. Warna kulitku yang hitam ini menurun pula kepadanya. Kerana itu tidak ada seorang pun pemuda yang masuk meminangnya. Kiranya Amirul Mu'minin berkenan menganugerahkannya sesuatu supaya ada pemuda yang tertarik kepadanya," jelas Nusaib bin Rabah kepada Khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

Setelah mendengar perjelasan itu, lantas Khalifah Hisyam bin Abdul Malik terus memberi sebidang tanah, perhiasan dan pakaian kepada anak gadis Nusaib. Tak lama kemudian datanglah seorang pemuda masuk meminang anak gadis itu.

Imam Ibnu Abdul Rabbih menulis di dalam kitabnya *Iqdul Farid* bahawa seorang ulama' besar Mesir iaitu Imam Abdullah bin al-Hakkam yang merupakan murid kepada Imam Malik bin Anas, pengasas mazhab Maliki berkata, "Aku ada mendengar orang-orang tua berkata; Pada tahun 125 Hijrah/742 Masihi (tahun Khalifah Hisyam bin Abdul Malik wafat - P), kemuliaan telah hilang dan perikemanusiaan telah lenyap iaitu ketika wafatnya Khalifah Hisyam bin Abdul Malik."

Khalifah Hisyam Adalah Seorang Yang Salih, Takwa Dan Wara'

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang yang salih dan takwa. Baginda bukan sahaja menjaga diri sendiri agar tidak lalai daripada melakukan ibadat, tetapi juga baginda sangat mengambil berat terhadap amal ibadat putera-puteri baginda.

Imam Sayuti di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* menceritakan pada suatu hari Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah mencari putera baginda kerana tidak dilihat datang menghadhiri sembahyang Jumaat. Setelah berjumpa, maka baginda bertanya kepada putera baginda itu, "Apakah engkau tidak sembahyang?" Putera baginda menjawab, "Binatang kenderaanku mati." Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dengan marah berkata, "Apakah tidak sanggupkah engkau berjalan kaki?" Sejak hari itu Khalifah Hisyam bin Abdul Malik melarang putera baginda itu menggunakan binatang tunggangan selama setahun penuh sebagai hukuman kepadanya."

Satu kisah menceritakan betapa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang takwa dan wara'. Baginda tidak mahu memasukkan sendiri wang ke dalam Baitul Mal kecuali dengan disaksikan oleh seramai empat puluh orang yang bersumpah bahawa wang itu diambil dari bahagiannya sendiri dan bahawa semua orang yang mempunyai bahagian dari harta itu telah menerima bahagiannya terlebih dahulu.

Demikianlah dua kisah yang memperlihatkan betapa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang salih, wara' dan takwa kepada Allah SWT.

Beberapa Kisah Tentang Kesabaran Khalifah Hisyam Di dalam Persoalan Marah

Di antara sifat-sifat mulia yang menjadi ciri-ciri peribadi Khalifah Hisyam bin Abdul Malik ialah baginda dikatakan adalah seorang khalifah yang suka dan kuat menahan perasaan marah ketika rasa marah membuak-buak di atas telinganya. Sifat baginda yang satu ini menyamai sifat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang terkenal mempunyai sifat 'hilm' iaitu kuat atau suka menahan perasaan marah.

Marilah kita lihat satu kisah yang menjadi bukti bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang mempunyai sifat 'hilm' sebagaimana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga:-

Imam as-Sayuti menulis daripada kisah yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Asakir bahawa Ibrahim bin Abu Ablah bercerita berhubung kisah dirinya dengan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, katanya, "(Khalifah) Hisyam bin Abdul Malik berhasrat mengangkatku menjadi pemungut pajak di Mesir. Tetapi aku menolaknya sehingga baginda menjadi sangat marah dan mukanya bergetar serta kedua-dua belah matanya menjadi juling. Baginda memandang kepadaku dengan lagak benar-benar marah sambil berkata, "Sama ada kau suka atau tidak, kau mesti menerimanya."

"Aku berdiam diri tidak bercakap lagi sehingga kemarahan baginda menjadi semakin reda. Kemudian barulah aku berkata kepada baginda, "Wahai Amirul Mu'minin! Bolehkah aku berkata-kata?"

"Siakanlah," jawab baginda.

"Maka aku terus membaca sepotong ayat al-Qur'an (yang bermaksud), ***"Sesungguhnya Kami (Allah SWT) menawarkan amanah kepada langit, bumi dan gunung ganang, tetapi semuanya menolak daripada memikul amanah itu, kerana mereka bimbang akan mensia-siakannya,"*** (surah al-Ahzab ayat 72).

"Demi Allah, wahai Amirul Mu'minin, Allah SWT tidak memarahi langit, bumi dan gunung ganang kerana mereka tidak mahu menerima amanah itu. Lebih-lebih lagi aku, ketika aku tidak mahu menerima amanah itu, tuan tidak berhak memarahiku dan membenciku."

Maka Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tertawa dan memberi kemaafan kepada Ibrahim bin Abu Ablah.

Satu lagi kisah yang menjadi bukti bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang berhati mulia. Marilah kita lihat kisah tersebut:-

Pada suatu hari Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah mencaci maki seorang ternama. Maka dijawab oleh orang ternama itu dengan berkata, "Apakah tuan tidak malu mencaci makiku, sedangkan tuan adalah seorang khalifah Allah di atas muka bumi ini?"

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik merasa malu apabila mendengar kata-kata peringatan oleh orang ternama kepada baginda itu. Kalau khalifah yang lain tentu mereka tidak akan merasa malu kerana kedudukan mereka selaku khalifah. Maka Khalifah Hisyam bin Abdul Malik menjawab dengan lembut, "Silakanlah membalas perbuatanku itu."

Tetapi orang ternama itu menjawab, "Aku bukanlah orang yang bodoh seperti tuan."

"Ambillah sejumlah hartaku sebagai gantinya," desak Khalifah Hisyam bin Abdul Malik seterusnya.

"Aku tidak boleh melakukannya."

"Kalau begitu hadiahkanlah harta itu di jalan Allah," Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memberi jalan kepada orang ternama itu.

"Ya, sekarang kedudukannya adalah hadiah untuk jalan Allah, pun begitu nanti akhirnya akan menjadi milik tuan semula," jawab orang ternama itu.

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik merasa semakin malu dan menundukkan muka baginda ke bumi kerana merasa sangat malu mendengar kata-kata orang ternama itu kepada baginda.

Kemudian Khalifah Hisyam bin Abdul Malik berkata, "Demi Allah, aku tidak akan mengulanginya lagi selama-lamanya."

Demikianlah dua kisah yang menjadi bukti bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang berhati mulia, suci dan kuat menahan rasa marah sebagaimana Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan juga.

Kisah Khalifah Hisyam Berdialog Dengan Ulama'

Diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah Islam bahawa pada suatu tahun Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah datang ke kota Mekah kerana menunaikan ibadat haji. Setelah selesai mengerjakan ibadat haji, baginda kepingin untuk melihat atau bercakap-cakap dengan seorang sahabat Rasulullah s.a.w. Baginda memerintah para pengawal baginda supaya membawa kepada baginda seorang sahabat Rasulullah s.a.w. biar siapapun orangnya. Memang ketika itu sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. sudah wafat kesemuanya. Sahabat Nabi yang paling akhir wafatpun ialah pada tahun 110 Hijrah/728 Masihi, meskipun ketika Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah masih terdapat segelintir sahabat-sahabat Rasululah s.a.w. kerana baginda dilantik menjadi khalifah pada tahun 105 Hijrah/723 Masihi, tetapi disebabkan baginda pada tahun baginda naik haji itu ialah pada tahun 111 Hijrah/729 Masihi atau ke atas.

Para pengawal baginda memberitahu semua sahabat Rasulullah s.a.w. sudah habis wafat. Maka Khalifah Hisyam bin Abdul Malik meminta agar dibawa kepada baginda seorang murid sahabat Rasulullah s.a.w. yang disebut sebagai Tabien. Memang ketika itu para tabiin masih sangat ramai. Kerana umat tabiin berakhir sekitar tahun 200 Hijrah/814 Masihi.

Kebetulan sekali tokoh peringkat tabiin yang sedang turut menunaikan ibadat haji pada bulan dan tahun itu dan masih belum pulang ke negerinya ialah Tawus bin Kaisan al-Yamani. Tawus bin Kaisan adalah seorang ulama' tabiin yang sangat alim dan sangat berani.

Setelah Tawus al-Yamani dibawa ke hadapan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, maka ulama' tabiin yang berani dan alim itu terus memberi salam kepada Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tanpa menyebut Amirul Mu'minin, tidak juga menyebut nama gelarannya, sebaliknya sekadar menyebut nama baginda sahaja dengan mengucap, "Betapa keadaan engkau wahai Hisyam!" Manakala sepatunya pula dibuka di hadapan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, bukan jauh diluar sana. Dan terus duduk di hadapan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sebelum baginda menyuruhnya duduk. Memang sekali imbas, nampak bahawa Tawus bin Kaisan adalah seorang manusia yang biadab dan tidak mempunyai akhlak. Tetapi Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tetap bersabar melihat telatah tokoh tabiin itu bertelatah di hadapan baginda.

Tetapi ada riwayat mengatakan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik hampir-hampir memerintah kepada pengawal baginda agar memancung leher Tawus al-Yamani, tetapi sempat dinasihati atau diingatkan oleh salah seorang pengawal baginda yang ada di situ yang katanya, "Wahai Amirul Mu'minin! Sekarang tuanku sedang berada di dalam haram Allah dan Haram RasulNya. Tak layak tuanku menumpahkan darah di tempat yang sebegini." Hati Khalifah Hisyam bin Abdul Malik menjadi sejuk dengan serta merta mendengar kata-kata nasihat yang baik itu.

Tetapi penyusun kurang dapat menerima riwayat yang mengatakan Khalifah Hisyam berniat mahu memenggal leher Ibnu Tawus ini, kerana ianya bertentangan dengan sifat Khalifah Hisyam bin Abdul Malik yang dikatakan serupa dengan sifat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan yang kuat menahan perasaan marah atau sangat penyabar.

Kemudian Khalifah Hisyam bin Abdul Malik berkata kepada Tawus al-Yamani dalam bentuk pertanyaan dengan nada marah dan kesal, "Apakah gerangan yang telah mendorong kau bersikap demikian terhadap diriku? Kau membuka sepatu di hadapanku, kau memberi salam tanpa menyebut wahai Amirul Mu'minin, kau memanggilku dengan namaku Wahai Hisyam, bukan nama penghormatan untukku (dengan menyebut kalimah Abu atau Pak si anu) dan kau terus duduk di hadapanku sebelum aku mengizinkan kau duduk?"

Tawus al-Yamani menjawab dengan tegas dan lancar, "Setiap hari aku membuka sepatuku di hadapan Tuhan Yang Maha Besar sebanyak lima kali sehari. Aku membuka sepatuku itu di tempat aku akan mengerjakan sembahyang. Namun Tuhan aku tidak pernah marah dan menempelakku. Aku tidak memanggilmu dengan sebutan Wahai Amirul Mu'minin disebabkan tidak semua rakyat menyukai pemerintahanmu. Sekiranya aku menyebut demikian, bererti aku telah berdusta. Adapun sebab aku tidak memanggilmu dengan panggilan Wahai Abu Si Polan (Wahai Pak Si Polan), kerana Allah SWT memanggil nama para nabiNya dengan menyebut namanya sahaja. Tuhan hanya memanggil Wahai Daud, Wahai Yahya, Wahai Isa. Tetapi apabila Allah SWT menyebut nama musuh-musuhNya disebutNya ***Telah binasa tangan Pak***

Lahab. Adapun sebab aku terus duduk disampingmu sebelum kau izinkan adalah kerana aku ada mendengar sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Sayidina Ali bin Abu Talib yang berbunyi, ***"Apabila kamu mahu melihat kepada ahli neraka, maka lihatlah kepada orang-orang yang duduk bersila, manakala orang-orang lain tegak berdiri disekelilingnya."***

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik merasa apa yang dikatakan oleh Tawus bin Kaisan al-Yamani kepada baginda itu adalah suatu pengajaran yang sangat berguna kepada baginda. Baginda mahu Tawus al-Yamani menambahkan lagi nasihat atau pengajaran kepada baginda. Baginda berkata kepada Tawus al-Yamani, "Berikanlah pengajaran kepadaku."

Seperti orang mengantuk yang disorongkan bantal, maka Tawus bin Kaisan al-Yamani terus membaca sepotong hadis kepada Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, katanya, "Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Sayidina Ali bahawa di dalam neraka terdapat banyak sekali ular dan kala jengking untuk menyengat segala pemerintah (pemimpin atau ketua-ketua) yang tidak berlaku adil terhadap rakyatnya."

Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tunduk barangkali menangis apabila mendengar pengajaran yang diberikan oleh Tawus bin Kaisan al-Yamani yang sangat alim, tegas dan sangat berani itu kepada baginda.

Demikianlah satu kisah yang menjadi bukti bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang penyabar dan mempunyai hati yang mulia dan suci. Semoga Allah SWT mengampuni dosa-dosa Khalifah bani Umayyah yang kesepuluh ini dan memasukkannya ke dalam syurga yang penuh kenikmatan. Amin.

AL-WALID BIN YAZID
(125-126 Hijrah / 742-743 Masihi)

Pengenalan

Al-Walid bin Yazid ialah khalifah kerajaan dinasti bani Umayyah yang ke sebelas. Ayahanda baginda ialah Khalifah Yazid bin Abdul Malik bin Marwan, khalifah kerajaan bani Umayyah yang ke sembilan. Baginda dikenali sebagai Khalifah al-Walid Il kerana sebelum baginda sudah ada seorang khalifah dinasti ini yang bernama al-Walid yang digelar Khalifah al-Walid l iaitu Khalifah al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan yang merupakan khalifah kerajaan bani Umayyah yang ke enam dan teragung dan merupakan bapa saudara kepada baginda.

Khalifah al-Walid bin Yazid dilahirkan pada tahun 90 Hijrah/708 Masihi pada zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik. Ini bererti ketika baginda dilahirkan, Imam Abu Hanifah telah berusia 10 tahun dan baginda lebih tua daripada Imam Malik bin Anas sebanyak tiga tahun sahaja.

Baginda dilantik menjadi khalifah pada tahun 125 Hijrah/742 Masihi berdasarkan kepada wasiat ayahanda baginda juga Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang melantik baginda menjadi Putera Mahkota setelah bapa saudara baginda Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Pada awalnya Khalifah Yazid bin Abdul Malik berniat mahu melantik baginda sebagai Putera Mahkota pertama, seterusnya khalifah. Tetapi dinasihati oleh para menteri baginda kerana ketika itu al-Walid bin Yazid baru berusia 11 tahun masih belum mencapai usia baligh.

Ketika dilantik menjadi khalifah, usia Khalifah al-Walid bin Yazid ialah 35 tahun. Masih sangat muda. Tetapi ini sudah menjadi kebiasaan kepada para khalifah terutama khalifah bani Abbasiyah yang kebanyakan khalifah-khalifah mereka menaiki takhta ketika berusia dalam lingkungan 40 tahun seperti Abul Abbas as-Saffah, al-Mansur, al-Mahdi dan al-Makmun.

Peribadi

Penyusun tidak dapat memastikan apakah Khalifah al-Walid bin Yazid seorang yang kacak atau tidak, kerana penyusun masih belum menemui sumber atau faktanya. Tetapi oleh kerana neneknya (iaitu Atikah binti Yazid

yang merupakan salah seorang isteri Khalifah Abdul Malik bin Marwan) adalah puteri kepada Khalifah Yazid bin Mu'awiyah, maka dipercayai Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang yang lelaki yang kacak dan tampan.

Baginda juga adalah seorang yang amat berkebolehan di dalam bidang syair seperti datuknya Khalifah Yazid bin Mu'awiyah. Kebanyakan syair-syair yang baginda gubah berunsur bercumbuan dan pujuk rayu, rintihan dan memuji kelazatan arak sesuai dengan perangai baginda.

Menyentuh tentang perangai al-Walid bin Yazid pula, Imam as-Sayuti menulis dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bahawa Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang manusia fasik. Beliau juga menulis sebuah hadis yang terdapat di dalam kitab *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal* yang bermaksud, *"Sesungguhnya nanti pada umat ini akan ada seorang lelaki yang bernama al-Walid, ia lebih keras terhadap rakyatnya daripada sikap Fir'aun terhadap kaumnya."*

Begitu juga dengan catitan yang dibuat oleh para sejarawan Islam di dalam kitab sejarah masing-masing bahawa khalifah ini adalah seorang lelaki yang berperangai buruk, gemar mengikut kehendak hawa nafsu syahwat dengan semahu-mahunya. Gemar meminum arak, berhibur dengan perempuan. Bahkan dikatakan baginda juga telah melakukan perbuatan zina dengan ibu-ibu tirinya (isteri-isteri ayahandanya).

Tuduhan yang paling dahsyat terhadap diri baginda ialah bukan setakat baginda seorang yang fasik, tetapi seorang yang zindik (orang yang membelakangi agama) kerana baginda dikatakan pernah melakukan pesta minum arak di sisi Ka'abah dan pernah menghina al-Qur'an.

Imam al-Mawardi di dalam kitabnya *Adab ad-Dunya wa ad-Din* menguatkan perbuatan Khalifah al-Walid bin Yazid yang menghina al-Qur'an, tulisnya, "Suatu hari ia (Khalifah al-Walid bin Yazid) mengharapkan mendapat nasib yang baik di dalam al-Qur'an (seperti perbuatan menilik nasib). Maka (setelah dibuka helaiannya secara rambang - P) yang keluar ialah firman Allah (yang maksudnya), ***"Dan mereka memohon kemenangan (ke atas musuh-musuh mereka), dan binasalah semua orang yang melakukan sewenang-wenangnya lagi keras kepala."***

Maka dia terus merobek-robek musyhaf (dengan mata panahnya - P) dan bersyair, "Apakah kau mengancam semua orang yang melakukan sewenang-wenang lagi keras kepala? Ini, aku orang yang melakukan sesuatu dengan sewenang-wenang dan lagi keras kepala. Jika pada hari dikumpulkan nanti, pada Tuhanmu kau menemui, maka katakanlah wahai Tuhanku, al-Walid telah merobek-robekku di sini."

Tidak berapa hari setelah perbuatannya menghina al-Qur'an itu, dia telah dibunuh dengan sangat keji dan kepalanya disalib di istananya di atas pagar kotanya.

Imam Ibnu al-Fadhal berkata di dalam kitab Manasik, "Al-Walid bin Yazid adalah seorang yang sewenang-wenangnya dan keras kepala (al-Jabbar al-Andi), nama julukannya yang sesuai dengan perilakunya yang jauh dari kebaikan dan sikapnya yang jauh dari pertunjuk kebenaran. Ia adalah Fir'aun pada masanya yang hilang. Suatu masa yang penuh dengan berbagai-bagai perbuatan caci maki dan celaan. Pada hari Qiamat nanti, ia akan mendatangi kaumnya (orang-orang yang menyukainya) untuk menuntun mereka masuk neraka. Ia menelanjangi aurat mereka. Seburuk-buruk jalan yang ditempohi ialah jalannya, dan sumber yang kotor adalah tempatnya. Ia telah merobek musyhaf dengan anak panahnya. Ia telah berbuat fasik (derhaka terhadap Allah SWT - P), tidak sedikit dosa-dosanya."

Sikapnya yang buruk ini berkemungkinan besar adalah berkaitan dengan persekitaran hidupnya yang mana ayahandanya Khalifah Yazid bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang terkenal suka kepada hidup berfoya-foya dengan perempuan, arak, hiburan dan muzik sehingga mengabaikan soal-soal pemerintahan.

Namun tidaklah boleh dikaitkan demikian seratus peratus kerana betapa ramai bapa-bapa yang salih dan beriman, tetapi anak-anak tidak mengikut kesalihan dan keimanan bapa-bapa mereka sebagaimana contoh putera Nabi Nuh as. Begitu juga betapa ramainya bapa-bapa yang jahat dan hidup mengikut permintaan hawa nafsu syahwat, tetapi anak-anak mereka tidak mengikut kejahatan dan kerosakan moral bapa-bapa mereka sebagai contoh putera Abdullah bin Ubai bin Salul.

Tetapi terhadap Khalifah al-Walid bin Yazid ini dianggap bapa borek anak rintik. Bapa kencing berdiri, anak kencing berlari. Bapa mencuri sepiring, anak mencuri sepinggan. Bapa menjerit, anak memekik. Kerosakan dan kebuasan perangai Khalifah al-Walid bin Yazid bin Abdul Malik ini telah menyebabkan baginda tidak lama menjadi khalifah.

Itu satu hal. Setelah ayahandanya mangkat dalam usia yang masih muda, al-Walid bin Yazid telah tinggal bersama-sama pendidiknya yang oleh ahli-ahli sejarah Islam dikatakan bernama Abdul Samad bin Abdul A'la, seorang pendidik yang rosak moralnya. Dikatakan al-Walid bin Yazid ketika bersama-sama pendidiknya itu sering kedua-duanya mabuk kerana banyak meminum minuman keras dan gurunya itu telah bersyair memuji-muji al-Walid bin Yazid dan minta segera dilantik sebagai khalifah.

Ketika itu khalifah kerajaan bani Umayyah sedang berada di tangan Hisyam bin Abdul Malik. Setelah Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mendengar syair yang mahu dia segera meninggal dunia itu, baginda amat marah kepada al-Walid bin Yazid dan juga pendidiknya Abdul Samad bin Abdul A'la itu. Tanpa berlengah lagi, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik terus menghentikan pembayaran saraan hidup tahunan kepada al-Walid bin Yazid dan memerintah

guru dan pengasuhnya yang membimbing baginda ke jalan kesesatan iaitu Abdul Samad bin Abdul A'la supaya meninggalkan kediaman al-Walid bin Yazid.

Sejak itu hubungan antara al-Walid bin Yazid dengan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik menjadi semakin buruk.

Putera Mahkota Kedua

Sebagaimana para khalifah sebelum baginda, Khalifah Yazid bin Abdul Malik juga telah bertindak mahu melantik putera baginda sendiri sebagai Putera Mahkota untuk menggantikan tempat baginda selaku khalifah setelah baginda wafat nanti. Ini adalah kerana ketika kekandanya Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik akan wafat dahulu, baginda hanya menamakan dua orang Putera Mahkota sahaja yang akan menjadi khalifah sesudah baginda iaitu Umar bin Abdul Aziz saudara sepupu baginda dan kemudian Yazid bin Abdul Malik adinda baginda. Jadi tidak ada wasiat kepada sesiapa untuk menjadi Putera Mahkota yang ketiga.

Jadi setelah Yazid bin Abdul Malik naik menjadi khalifah, baginda lantas berkeinginan sangat untuk menetapkan putera baginda al-Walid ini sebagai Putera Mahkota. Tetapi ketika baginda dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang ke dua belas itu, putera sulung baginda yang bernama al-Walid ini masih kecil lagi, belum mencapai usia baligh. Ketika itu al-Walid bin Yazid baru berusia 11 tahun. Ini adalah kerana Yazid bin Abdul Malik dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat saudaranya Khalifah Hisyam bin Abdul Malik yang mangkat ialah pada tahun 101 Hijrah/719 Masihi, sedangkan al-Walid bin Yazid dilahirkan pada tahun 90 Hijrah/708 Masihi.

Agar pengganti baginda ditetapkan sebelum baginda mangkat yang mungkin baginda fikirkan diri baginda akan mangkat tidak berapa lama lagi sebelum putera sulung baginda mencapai usia baligh, dan supaya pergolakan di dalam keluarga bani Abdul Malik bin Marwan kerana merebut jawatan khalifah tidak berlaku sebagaimana ketika Khalifah bani Umayyah yang ke tiga iaitu Khalifah Mu'awiyah bin Yazid bin Mu'awiyah bin Abu Sufyan mangkat, maka Khalifah Yazid bin Abdul Malik telah menetapkan adinda baginda iaitu Hisyam bin Abdul Malik sebagai Putera Mahkota dan khalifah setelah baginda. Disamping kerana tidak mahu putera baginda al-Walid itu terlepas peluang daripada menikmati jawatan khalifah, Khalifah Yazid bin Abdul Malik juga telah menetapkan bakal pengganti Hisyam ialah putera baginda al-Walid yang berusia 11 tahun itu.

Setelah berlalu masa empat tahun daripada pemerintahan baginda, Khalifah Yazid bin Abdul Malik mendapati putera baginda al-Walid sudah mencapai usia baligh iaitu 15 tahun, di mana sudah boleh dilantik sebagai Putera Mahkota dan seterusnya khalifah, maka hati Khalifah Yazid bin Abdul Malik merasa

amat menyesal sekali kerana tindakan baginda yang tergesa-gesa melantik Putera Mahkota, tanpa bersabar menunggu anak baginda al-Walid mencapai usia dewasa atau baligh, sedangkan bukan lama, cuma empat tahun sahaja menunggu.

Khalifah Yazid bin Abdul Malik berkata kepada putera baginda al-Walid dengan nada yang sangat menyesal, "Tuhanlah yang menjadi hakim di antara aku dengan orang-orang yang telah menjadikan Hisyam sebagai pemisah antara engkau dan aku."

Dan al-Walid bin Yazid juga setelah melihat usianya sudah mencapai dewasa dan sudah boleh dilantik menjadi Putera Mahkota amat menyesal sekali di atas kegopohan ayahandanya bertindak melantik Hisyam bin Abdul Malik sebagai Putera Mahkota itu, katanya mengutuk ayahandanya sendiri, "Binasalah orang (ayahandanya) yang memindahkan (jawatan Putera Mahkota kepada Hisyam bin Abdul Malik). Dialah orang yang malang....."

Dihina Oleh Khalifah Hisyam

Sebaik sahaja bapa saudaranya, Hisyam bin Abdul Malik naik menjadi khalifah yang ke sepuluh menggantikan tempat ayahanda beliau yang telah mangkat pada tahun 105 Hijrah/723 Masihi, al-Walid bin Yazid terus diperhina oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Penghinaan oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik terhadap anak saudara baginda al-Walid bin Yazid yang baru berusia 15 tahun baru baligh itu disebabkan oleh perangainya yang buruk menyerupai perangai ayahandanya juga. Tetapi Prof Dr Ahmad Syalaby mengatakan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mencela dan memperhina al-Walid bin Yazid bukanlah disebabkan perangai jahat yang diwarisi dari ayahandanya Khalifah Yazid bin Abdul Malik, tetapi disebabkan al-Walid bin Yazid ketika itu adalah Putera Mahkota kepada Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Jadi tak dapatlah Khalifah Hisyam bin Abdul Malik untuk menetapkan putera baginda sebagai Putera Mahkota dan seterusnya khalifah yang ke sebelas sesudah baginda nanti.

Ini adalah penilaian atau pendapat Prof Dr Ahmad Syalaby. Prof Dr Ahmad Syalaby berhujah ini adalah berdasarkan kepada beliau tidak percaya perangai al-Walid bin Yazid yang sedemikian buruk, bahkan tidaklah seburuk yang digambarkan oleh ahli-ahli sejarah Islam seperti selalu meminum arak, berfoya-foya dengan perempuan ajnabi, membawa anjing dan arak ke Mekah ketika menunaikan ibadat haji, seorang yang dipercayai zindik, menghina al-Qur'an dan menzinai ibu-ibu tirinya. Pada penilaian Prof Dr Ahmad Syalaby perangai jahat al-Walid bin Yazid tidak sampai ke tahap demikian. Ini berdasarkan kepada beberapa faktor seperti berikut:-

Pertama, Prof Dr Ahmad Syalaby berhujah, kalaulah al-Walid bin Yazid seorang yang sebegitu jahat moralnya, masakan ketika saudara sepupu baginda

Yazid bin al-Walid datang menyerang baginda di kediaman baginda di luar kota Damsyik, beginda telah disokong oleh tentera yang sedemikian ramai. Baginda tewas berperang dengan Yazid bin al-Walid disebabkan kekuatan tentera Yazid bin al-Walid lebih berbanding kekuatan tentera baginda. Bukan disebabkan baginda tidak mendapat sokongan.

Kedua, Marwan bin Muhammad yang merupakan gabenor di al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan ketika itu telah datang untuk membantu Khalifah al-Walid bin Yazid yang sedang dibelasah oleh saudara sepupunya Yazid bin al-Walid bersama para penyokongnya yang ramai. Cuma keberangkatan Marwan bin Muhammad ke kota Damsyik agak terlewat setelah Khalifah al-Walid bin Yazid dibunuh. Kalaulah Khalifah al-Walid bin Yazid seorang yang sebegitu jahat seakan-akan Fir'aun itu, masakan bapa sepupu baginda Marwan bin Muhammad itu begitu bersungguh-sungguh mahu membela baginda yang amat patut dibiarkan mati itu?

Inilah hujah-hujah Prof Dr Ahmad Syalaby yang mempercayai sebab-sebab sebenarnya Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sentiasa mencerca dan memburuk-burukan peribadi al-Walid bin Yazid ketika baginda naik menjadi khalifah dan al-Walid bin Yazid adalah Putera Mahkota kerana mahu masyarakat menyingkir al-Walid bin Yazid daripada jawatan Putera Mahkota atau masyarakat akan bersetuju sekiranya baginda menyingkir al-Walid bin Yazid daripada Putera Mahkota dan melantik putera baginda sebagai Putera Mahkota yang baru menggantikan tempat al-Walid bin Yazid.

Apakah tuan-tuan dan puan-puan para pembaca yang budiman semua senada dengan Prof Dr Ahmad Syalaby?

Alasan Prof Syalaby Kurang Logik

Saya selaku penyusun buku Sejarah Pemerintahan Kerajaan Dinasti Bani Umayyah ini agak kurang bersetuju dengan alasan-alasan yang dikemukakan oleh Prof Dr Ahmad Syalaby tentang keburukan atau tahap keburukan perangai Khalifah al-Walid bin Yazid ini dan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memburuk-burukkan al-Walid bin Yazid kerana mahu merosakkan imej al-Walid bin Yazid seteruk-teruknya agar baginda dapat melantik putera baginda sebagai Putera Mahkota menggantikan al-Walid bin Yazid. Kenapa? Kerana beberapa faktor. Marilah kita lihat faktor-faktor itu:-

Pertama, penyusun ini tidak dapat menerima alasan Prof Dr Ahmad Syalaby yang mengatakan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mulai mencerca dan memburuk-burukkan peribadi al-Walid bin Yazid yang ketika itu masih berusia 15 tahun dan tidaklah perangainya seburuk ayahandanya semata-mata kerana mahu menyingkir al-Walid bin Yazid daripada jawatan Putera Mahkota dan mahu melantik putera baginda sebagai Putera Mahkota. Kenapakah Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tidak melantik putera baginda sebagai Putera

Mahkota sedangkan baginda memerintah selama 20 tahun? Kenapa baginda terus mengekalkan al-Walid bin Yazid sebagai Putera Mahkota? Apakah yang menghalang Khalifah Hisyam bin Abdul Malik untuk menyingkir al-Walid bin Yazid daripada jawatan Putera Mahkota? Bukankah al-Walid bin Yazid adalah seorang yang tidak layak menduduki kerusi khalifah kerana beliau seorang yang berperangai buruk?

Ini menjadi bukti bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mencerca dan memburuk-burukkan al-Walid bin Yazid bukan bertujuan peribadi seperti yang dikatakan oleh Prof Dr Ahmad Syalaby, tetapi dengan niat mahu agar al-Walid bin Yazid mengubah perangainya yang buruk itu kepada perangai yang baik. Bukankah dia bakal khalifah Islam setelah baginda?

Kedua, semua peminat sejarah kerajaan bani Umayyah tahu tentang peribadi Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Seorang yang baik, mempunyai perasaan kasihan belas kepada semua orang, berhati mulia, tidak boros dan sangat menjaga harta negara kerana sifat takwanya kepada Allah SWT, telah sanggup memfitnah orang lain semata-mata untuk tujuan peribadi atau anak keturunan sendiri? Ini tidaklah masuk di akal yang waras. Lainlah sekiranya Khalifah Hisyam bin Abdul Malik itu terkenal berperangai seperti Khalifah Yazid bin Abdul Malik. Ini barulah dapat dipercayai seperti yang difikirkan oleh Prof Dr Ahmad Syalaby itu.

Kalau begitu bagaimanakah untuk menjawab hujah-hujah Prof Dr Ahmad Syalaby yang mengatakan ketidak percayaannya terhadap keburukan peribadi al-Walid bin Yazid yang melampaui dengan alasan sokongan daripada rakyat yang begitu kuat dan juga dari Marwan bin Muhammad?

Sebenarnya betapa pun buruknya perangai seseorang itu, pasti ada orang-orang yang menyokong atau mencintainya. Lihatlah Fir'aun dan Abu Jahal, bukankah betapa ramainya para penyokong kedua-duanya sehingga Nabi Musa as telah terpaksa melarikan diri ke negeri Madyan dan Rasulullah s.a.w. telah diarahkan oleh Allah SWT supaya berhijrah ke Madinah? Orang-orang atau rakyat yang sejiwa dengan khalifah mereka, sudah tentu akan menyayangi khalifah yang berperangai buruk dan membiarkan mereka hidup kotor seperti khalifah mereka.

Kalau alasan Prof Dr Ahmad Syalaby untuk menidakkan catitan-catitan para penulis sejarah Islam yang muktabar pada zaman dahulu seperti Imam as-Sayuti, Imam Ahmad bin Hambal, Imam Mawardi, Imam Ibnul Fadhal dan lain-lain dengan mengemukakan hujah-hujah bahawa seseorang yang mendapat sokongan orang atau rakyat yang ramai itu adalah menjadi bukti bahawa seseorang yang sedang berkuasa itu memiliki kemuliaan budi, tidak dapat diterima dan tertolak. Apa yang jelas ialah memang benar Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang khalifah yang berakhlak buruk dan nilai moralnya yang sangat rendah sehingga mencapai tahap zindik yang digambarkan oleh para penulis sejarah Islam sejak

zaman berzaman lagi itu.

Corak Pemerintahan

Khalifah al-Walid bin Yazid naik menjadi khalifah setelah Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mangkat pada tahun 125 Hijrah/742 Masihi. Ahli-ahli sejarah mengatakan baginda tidak menjadikan kota Damsyik sebagai pusat pentabdiran atau pemerintahan baginda, tetapi mengambil desa ar-Rasafah iaitu suatu tempat di dalam sebuah kebun yang terletak di daerah Jordan sebagai pusat pemerintahan. Baginda tinggal di desa ini sampailah ke akhir hayat baginda. Setelah pula masa pemerintahan baginda tidak terlalu lama iaitu cuma setahun dua bulan sahaja.

Kita semua sudah maklum bahawa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang sangat berhemat di dalam membelanja harta negara. Oleh itu sebaik sahaja al-Walid bin Yazid naik menjadi khalifah, harta kekayaan negara amat banyak sekali tersimpan di dalam Baitul Mal. Dan kita telah dimaklumkan bahawa pada masa Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, baginda telah menghentikan pemberian saraan hidup kepada al-Walid bin Yazid kerana mahu mengajarnya agar kembali kepada kehidupan yang diredhai Allah SWT. Maka sebaik sahaja baginda naik takhta khalifah, Khalifah al-Walid bin Yazid menjadi semakin gila untuk menjalankan kehidupan kejinya tanpa menghiraukan sesiapa lagi dengan membelanjakan harta-harta Baitul Mal sekehendak hatinya.

Di dalam pentadbiran negara, Khalifah al-Walid bin Yazid mula melaksanakan corak pemerintahan baginda dengan tindakan-tindakan yang boleh merugikan kedudukan baginda sebagai khalifah dan juga kerajaan bani Umayyah. Terdapat tiga faktor yang telah menyebabkan pemerintahan Khalifah al-Walid bin Yazid begitu singkat masanya. Marilah kita lihat ketiga-tiga faktor itu:-

Pertama, untuk makluman para pembaca yang budiman semua, penduduk asal di negeri Syam adalah berasal daripada dua suku kaum Arab yang ternama iaitu suku Qais (Arab Utara dari keturunan Mudhar bin Nizar) dan suku Yaman (Arab Selatan dari keturunan Qahtan bin Nizar). Kedua-dua suku kaum ini adalah para penduduk negeri Syam yang merupakan pendokong kuat Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan sehinggalah kepada kesemua khalifah-khalifah dinasti bani Umayyah kemudiannya.

Sebaik sahaja al-Walid bin Yazid naik menjadi khalifah bani Umayyah yang ke sebelas, baginda telah mengambil sikap meneruskan polisi pemerintahan ayahanda baginda Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang sangat mengutamakan suku Qais untuk diambil berkhidmat di dalam kerajaan berbanding suku Yaman. Sedangkan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dahulu sangat berhati-hati di dalam persoalan ini. Dalam erti kata yang lain, Khalifah Hisyam bin

Abdul Malik kalau mahu melantik seseorang gabenor mahupun pegawai kerajaan telah membuat pertimbangan yang halus dan teliti agar ianya tidak menjadi isu di antara kedua suku atau pihak itu. Kalau baginda mahu melebihkan suku Qais, baginda bertindak bijak sehingga orang-orang suku Yaman pun mengakui kelebihan tokoh suku Qais yang dipilih oleh khalifah itu, bukan semata-mata kerana ianya datang dari suku Qais, bukan dari suku Yaman. Dan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tidak memperlihatkan tindakan yang kejam terhadap gabenor mahupun pegawai dari suku Yaman melainkan disebabkan sesuatu kesalahan yang baginda kira tidak wajar dilakukan oleh seseorang pegawai baginda seperti tindakan Khalid bin Abdullah al-Qasri. Ini adalah kerana Khalifah Hisyam bin Abdul Malik adalah seorang khalifah yang bijaksana, takwa dan sabar. Baginda memiliki sifat *hilm* sebagaimana yang dimiliki oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan. Sedangkan Khalifah al-Walid bin Yazid agak gopoh dalam bertindak. Atau dapat dikatakan tidak berfikiran jauh. Baginda telah bertindak secara tegas dan berterus terang di dalam memihak kepada suku Qais sehingga menimbulkan kemarahan orang-orang dari suku Yaman terhadap diri baginda. Orang-orang suku Yaman yang selama ini sangat kuat menyokong para khalifah bani Umayyah mula membenci Khalifah al-Walid bin Yazid. Di antara tindakan Khalifah al-Walid bin Yazid yang dikatakan tegas tanpa berselindung-lindung lagi untuk berpihak kepada kaum atau suku Qais ialah baginda telah mengarahkan gabenor baginda bagi negeri Iraq iaitu Yusuf bin Umar, seorang suku Qais agar menangkap Khalid bin Abdullah al-Qasri, seorang suku Yaman yang telah dipecat daripada jawatan gabenor Iraq sejak zaman Khalifah Hisyam bin Abdul Malik lagi.

Kedua, Khalifah al-Walid bin Yazid telah bertindak membalas dendam terhadap keluarga Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Ini sudah pasti kerana berkaitan dengan perbuatan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik terhadap diri baginda semasa berkuasanya. Diriwayatkan Khalifah al-Walid bin Yazid telah menangkap Sulaiman bin Hisyam dan menyebatnya. Kemudian dibuang ke negeri Oman. Anak-anak Khalifah Hisyam bin Abdul Malik yang lain juga tidak terlepas daripada terkena hukuman Khalifah al-Walid bin Yazid ini. Ini sudah tentu menimbulkan kemarahan daripada pihak keluarga Khalifah Hisyam bin Abdul Malik terhadap Khalifah al-Walid bin Yazid. Sudahlah suku Yaman benci kepada baginda, kini ditambah pula oleh kerabat baginda sendiri iaitu anak-anak bapa saudara baginda iaitu putera-putera al-marhum Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Anak-anak Khalifah Hisyam bukan seorang dua, tetapi sepuluh orang dan mempunyai keluarga yang besar pula.

Ketiga, Khalifah al-Walid bin Yazid telah melakukan tindakan-tindakan yang menjadikan pihak tentera dari kalangan orang-orang Syam yang selama ini begitu bersatu teguh berdiri membela kerajaan bani Umayyah dan menjadi tulang belakang pemerintahan ini telah membenci khalifahnya pula. Apakah tindakan Khalifah al-Walid bin Yazid yang telah menimbulkan kemarahan dan

rasa sakit hati tentera dari kalangan orang-orang Syam terhadap baginda itu?

Diriwayatkan bahawa Khalifah al-Walid bin Yazid tanpa semena-mena telah mengarahkan askar-askar yang terdiri daripada orang-orang Syam yang telah bermaustatin di negeri Afrika Utara dan pulau Cyprus supaya memerangi kerajaan Byzentium yang ketika itu tidak lagi mengancam perbatasan negara Islam. Tindakan Khalifah al-Walid bin Yazid ini seolah-olah baginda tidak suka melihat rakyat baginda duduk berehat. Baginda seolah-olah mahu rakyat baginda sentiasa bekerja untuk negara dan bangsa. Dengan tindakan ini bererti Khalifah al-Walid bin Yazid telah memperbanyakkan musuh baginda yang asalnya satu menjadi tiga. Asalnya hanya suku Qais yang memusuhi baginda, kemudian anak-anak al-marhum Khalifah Hisyam dan terakhir sekali kumpulan tentera yang merupakan tulang belakang kerajaan di dalam mempertahankan negara.

Ini tindakan-tindakan Khalifah al-Walid bin Yazid yang tidak tepat dan merugikan yang baginda lakukan terhadap rakyat baginda. Belum lagi dikira perangai baginda sendiri yang telah menimbulkan rasa meluat rakyat terutama tentang kerendahan moral baginda dan kerosakan fahaman baginda di dalam akidah iaitu Khalifah al-Walid bin Yazid dikatakan cenderong kepada mazhab Mu'tazilah, bukan mazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah yang dianuti oleh para khalifah sebelum baginda.

Wafat

Setelah memerintah hanya selama setahun dua bulan sahaja, kemarahan rakyat seluruhnya telah mencapai kemuncaknya terhadap pemerintahan Khalifah al-Walid bin Yazid. Rakyat mula mengalihkan sokongan mereka kepada Yazid bin al-Walid, sepupu Khalifah al-Walid dan kemudian telah memberi baiat mereka kepada Yazid bin al-Walid untuk dilantik kejawatan khalifah. Angkatan tentera Syam yang sememangnya merasa tidak senang hati terhadap pemerintahan Khalifah al-Walid bin Yazid telah mula mahu bertindak ke atas khalifah bani Umayyah yang ke sebelas dan yang telah rosak moral dan agamanya itu. Orang-orang suku Yaman atau Qahtan telah bergabung tenaga dengan pasukan tentera Syam dan di bawah pimpinan Yazid bin al-Walid, mereka menyerang istana Khalifah al-Walid bin Yazid yang terletak di desa ar-Rasafah iaitu sebuah daerah perdalaman di suatu kebun atau dusun yang terletak di daerah Jordan seperti yang telah dijelaskan. Di situ baginda dikawal oleh para penyokong baginda yang ramai. Pertempuran meletus dengan hebatnya. Setelah Khalifah al-Walid bin Yazid melihat pasukan para pendokong baginda akan kalah, maka baginda terus masuk ke dalam istana baginda dan terus memegang al-Qur'an agar keadaan baginda menjadi serupa dengan keadaan ketika Khalifah Uthman bin Affan akan dibunuh suatu ketika dahulu sambil berkata, "Suatu hari seperti hari yang pernah dialami oleh (Khalifah) Uthman bin Affan." Tidak berapa lama kemudian, datanglah Yazid bin al-Walid

bersama-sama dengan sekumpulan tenteranya dan terus membunuh baginda. Peristiwa itu terjadi pada bulan Jamadil Akhir tahun 126 Hijrah/743 Masihi. Ketika itu Khalifah al-Walid bin Yazid baru berusia 36 tahun. Dikatakan nenek baginda Atikah binti Yazid bin Mu'awiyah sempat menyaksi tragedi pembunuhan ke atas cucundanya ini kerana beliau masih hidup ketika itu.

Setelah baginda dibunuh, kepalanya dipotong dan dipacak di hujung tombak oleh Yazid bin al-Walid. Mengikut Imam as-Sayuti di dalam kitabnya *Tarikhul Khulafa'* bercerita bahawa ketika saudara Khalifah al-Walid bin Yazid yang bernama Sulaiman bin Yazid melihat nasib saudaranya yang sangat malang itu, lantas berkata, "Ia (Khalifah al-Walid saudaranya) adalah dilaknat, ia suka kepada minuman keras, lalai hidupnya dan fasik. Ia sesungguhnya telah berusaha menggodaku."

Keluarga

Khalifah al-Walid bin Yazid mempunyai tiga orang isteri dan enam belas orang anak serta beberapa orang jariah. Marilah kita lihat para isteri dan anak-anak baginda itu:-

Isteri baginda yang pertama ialah Atikah binti Uthman bin Muhammad bin Uthman bin Muhammad bin Abu Sufyan bin Harb, dari anak cucu Abu Sufyan bin Harb. Daripada isteri ini baginda mendapat seorang putera bernama Uthman (dipancung dalam penjara barangkali pada masa pemerintahan Khalifah Yazid bin al-Walid).

Isteri baginda yang kedua ialah Ummu Abdul Malik binti Said bin Khalid bin Amru bin Uthman bin Affan. Daripada isteri ini baginda dikurniakan seorang putera bernama Said.

Isteri baginda yang ketiga ialah Ummu Said binti Said bin Khalid bin Amru bin Uthman bin Affan, dari keturunan Khalifah Uthman bin Affan. Sebelum berkahwin dengan Khalifah al-Walid bin Yazid, Ummu Said terlebih dahulu telah berkahwin dengan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, setelah itu dengan al-Abbas bin al-Walid bin Abdul Malik apabila Khalifah Hisyam menceraikannya. Kemudian Abdul Aziz bin Umar bin Abdul Aziz pula memperisterikannya setelah al-Abbas mencerainya. Setelah berpisah dengan Abdul Aziz bin Umar, barulah Ummu Said binti Said ini berkahwin dengan Khalifah al-Walid bin Yazid yang ketika itu masih belum lagi menjadi khalifah. Sudah tentu Khalifah al-Walid bin Yazid berkahwin dengan Ummu Said setelah Ummu Abdul Malik wafat atau dicerainya kerana mereka adalah dua bersaudara.

Anak-anak baginda yang lain yang tidak disebut siapa ibunya ialah Yazid, al-Hakkam (juga dipancung dalam penjara), al-Abbas. Dengan nama ini Khalifah al-Walid bin Yazid digelar Abul Abbas. Fihr, Lu'ay, al-Ass, Musa, Qusai, Wasit, Zu'abah, Fatah, al-Walid dan Ummu al-Hajjaj.

Setelah dewasa, Ummu al-Hajjaj telah berkahwin dengan Muhammad bin Yazid bin al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan iaitu saudara dua pupunya sendiri. Setelah diceraikan atau ditinggalkan mati oleh Khalifah Yazid bin al-Walid, Ummu al-Hajj telah berkahwin pula dengan YAhya bin Abdullah bin Marwan bin al-Hakkam iaitu ipar sepupunya.

Demikianlah kedudukan para isteri, jariah dan anak-anak Khalifah Khalifah al-Walid bin Yazid bin al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan khalifah kerajaan dinasti kerajaan bani Umayyah yang ke sebelas.

YAZID BIN AL-WALID
(126-126 Hijrah / 743-743 Masihi)

Pengenalan

Yazid bin al-Walid adalah khalifah dinasti kerajaan bani Umayyah yang ke dua belas. Baginda dikenali sebagai Khalifah Yazid an-Naqis. An-Naqis bererti 'Yang Mengurangkan' disebabkan baginda telah mengurang gaji tentera-tentera. Riwayat lain mengatakan baginda mengurangkan wang saraan rakyat di Hijaz setelah ianya dinaikkan oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik sebelumnya. Ibunda baginda ialah Ummu Banin binti Abdul Aziz bin Marwan, saudara perempuan kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Jadi Khalifah Yazid bin al-Walid adalah anak saudara kepada Khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Namun ada riwayat lain mengatakan darah Khalifah Yazid bin al-Walid dari pihak ibunda baginda ialah darah keturunan dari tiga raja besar atau maharaja, iaitu darah Maharaja Farsi, Maharaja Rom Timur dan Raja Turki. Ini dikatakan ibunda baginda ialah puteri keluarga di raja Farsi bernama Syahfirand binti Fairuz bin Yezdajir lll. Yezdajir lll ialah Maharaja Farsi terakhir yang kerajaannya runtuh pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab. Ibu kepada datuk baginda iaitu Fairuz ialah puteri Syirwaihi bin Kisra. Manakala nenek Fairuz ialah puteri Kaiser, Maharaja Rom Timur. Manakala ibu kepada Syirwaihi ialah puteri Khaqan, Raja Turki. Ini adalah berdasarkan kepada apa yang pernah diucapkan oleh Khalifah Yazid bin al-Walid sendiri katanya, "Aku adalah putera Kisra dan ayahku Marwan, Kaiser adalah datukku, dan datukku juga adalah Khaqan."

Allah SWT sahaja yang lebih mengetahui duduk perkara yang sebenarnya.

Khalifah Yazid bin al-Walid adalah anak kepada Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, khalifah yang ke enam dari dinasti kerajaan bani Umayyah. Baginda naik takhta khalifah kerajaan bani Umayyah yang ke dua belas menggantikan tempat saudara sepupu baginda Khalifah al-Walid bin Yazid yang terbunuh. Sebenarnya bagindalah yang membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid kerana benci kepada sikap melampaunya di dalam melakukan maksiat dan telah merosakkan agamanya dengan perbuatan menghina Ka'abah dan al-Qur'an serta sangat lemahnya di dalam mengurus pentadbiran negara.

Khalifah Yazid bin al-Walid tidak sempat melaksanakan progrem pemerintahannya kerana baginda hanya sempat memerintah selama lima bulan sahaja. Tambahan pula ketika baginda mengambil alih jawatan khalifah dari tangan Khalifah al-Walid bin Yazid, keadaan dalam negara sudah sangat kucar kacir sekali. Pergerakan golongan yang mahu mengguling kerajaan bani Umayyah semakin hebat bergerak seperti golongan Syiah, Khawarij, askar-askar kerajaan yang sudah mulai berpecah kerana sakit hati kepada khalifah al-Walid bin Yazid yang zalim, lebih-lebih pula pergerakan golongan kaum bani Abbasiyyah yang bertopengkan pergerakan kaum bani Hasyim dengan bermuslihat memperjuangkan kekhalifahan keturunan Rasulullah s.a.w. yang telah didokong oleh kaum Alawiyyen dan orang-orang Farsi dan Khurasan yang dikepalai oleh seorang panglima yang teramat gagah perkasa bernama Abu Muslim al-Khurasani. Di samping itu gabenor kerajaan bani Umayyah sendiri yang berkuasa di al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan iaitu Marwan bin Muhammad bin Marwan bin al-Hakkam yang telah berusaha untuk menyelamatkan nyawa Khalifah al-Walid bin Yazid pada saat-saat baginda itu akan dibunuh telah turut bangkit menentang pemerintahan Khalifah Yazid bin al-Walid ini. Sungguh goyah sekali kerajaan di bawah pemerintahan Khalifah Yazid bin al-Walid.

Selepas itu baginda pergi ke mana?

Khalifah al-Walid bin Yazid tidak pergi kemana-mana atau meletak jawatan, tetapi baginda telah mangkat secara mengejut namun sempat mewasiatkan agar jawatan khalifah sesudah baginda diserahkan kepada saudara baginda yang bernama Ibrahim (bin al-Walid).

Mengikut Prof Dr Mahyuddin Yahya di dalam bukunya *Sejarah Islam* bahawa Khalifah Yazid bin al-Walid menganut mazhab Mu'tazilah Qadariyyah, sebagaimana Khalifah al-Walid bin Yazid juga, bukan mazhab Ahlis Sunnah wal Jamaah sebagaimana anutan para khalifah sebelumnya. Kalau ini benar sungguh disesali sekali apa yang terjadi kepada seorang khalifah umat Islam yang salih dan zahid hidupnya ini (pendapat penyusun ini ada alasan atau hujahnya. Nanti di akhir sejarah tokoh ini penyusun akan menjelaskan alasan-alasannya bagi penyusun mempertahankan pendapat penyusun ini).

Peribadi

Khalifah Yazid bin al-Walid ialah seorang yang dikatakan cacat sedikit anggota badannya iaitu matanya juling. Entah sangat juling atau juling seketika-seketika sahaja, entah sebelah sahaja atau kedua-dua belahnya sekali. Tetapi biasanya mata juling hanya sebelah sahaja. Penyusun juga tidak dapat memastikan apakah Khalifah Yazid bin al-Walid ini seorang yang kacak atau buruk wajahnya. Tetapi selaku anak keturunan Marwan bin al-Hakkam, penyusun percaya, Khalifah Yazid bin al-Walid bukanlah seorang lelaki yang kacak dan segak disebabkan matanya yang juling itu.

Mengikut Prof Dr Hasan Ibrahim Hasan, seorang sarjana Mesir yang amat cemerlang di dalam bidang sejarah Islam bahawa Khalifah Yazid bin al-Walid telah memperlihatkan dirinya sebagai seorang ahli tasauf. Barangkali gelagat ini semakin ketara sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Namun tidak nampak ada ahli-ahli sejarah Islam yang mengatakan Khalifah Yazid bin al-Walid adalah seorang ahli tasauf. Tetapi di dalam tindakan-tindakan baginda setelah menjadi khalifah, nampak seolah-olah baginda bukan berlagak sebagai ahli tasauf. Bahkan mungkin sekali baginda termasuk ke dalam golongan ahli tasauf. Tindakan Khalifah Yazid bin al-Walid membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid disebabkan pegangan agamanya yang telah rosak dan perangai khalifah itu yang buruk dan keji boleh mendekatkan kepercayaan bahawa Khalifah Yazid bin al-Walid adalah seorang yang berjiwa cintakan kepada kebaikan.

Kalaulah benar Khalifah Yazid bin al-Walid seorang yang meminati tasauf, sudah pasti baginda adalah seorang khalifah yang berjiwa suci sebagaimana Khalifah Mu'awiyah bin Yazid, Khalifah Umar bin Abdul Aziz dan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Satu lagi sifat Khalifah Yazid bin al-Walid yang mulia ialah baginda adalah seorang yang pemaaf. Ada bukti sejarah yang menunjukkan bahawa baginda adalah seorang yang pemaaf.

Bukti itu ialah baginda telah memaafkan kesalahan al-Harith bin Suraij yang telah melakukan pemberontakan pada zaman pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik di wilayah Khurasan. Padahal kalau hendak dikira, dosa al-Harith bin Suraij sudah begitu besar selain beliau ini telah membunuh ramai umat Islam, beliau juga adalah seorang penganut mazhab Jahmiyyah yang sesat dan mengaku dirinya Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Namun Khalifah Yazid bin al-Walid masih memaafkannya.

Sungguhpun begitu ada pula ahli-ahli sejarah Islam yang mengatakan Khalifah Yazid ll adalah seorang khalifah yang sama perangai dengan Khalifah Yazid l, Khalifah Sulaiman, Khalifah Yazid ll dan Khalifah al-Walid ll. Apakah riwayat ini benar?

Ada ungkapan yang dikatakan telah bermain di bibir orang ramai yang menjadi bukti bahawa Khalifah Yazid bin al-Walid ini bukanlah seorang yang rendah moralnya, tetapi adalah seorang yang mulia dan tinggi peribadinya. Ungkapan itu berbunyi, "Yang berparut di dahi dan pengurang adalah seadil-adil anak Marwan."

Yang dimaksudkan dengan Yang Berparut Di Dahi ialah Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Manakala yang dimaksudkan dengan Pengurang ialah Khalifah Yazid bin al-Walid ini.

Pemerintahan

Khalifah Yazid bin al-Walid dilantik menjadi khalifah kerajaan dinasti bani Umayyah yang kedua belas pada bulan Jamadil Akhir tahun 126 Hijrah/743

Masihi. Baginda dilantik menjadi khalifah bukan berdasarkan wasiat atau perlantikan Putera Mahkota oleh khalifah sebelumnya sebagaimana yang terjadi kepada sebahagian khalifah sebelum baginda termasuk Khalifah al-Walid bin Yazid, tetapi dengan sokongan rakyat negeri Syam seluruhnya atau sebahagian besar daripadanya. Ini terjadi apabila baginda sendiri memimpin angkatan tentera negeri Syam dan menyerang istana Khalifah al-Walid bin Yazid yang terletak di desa ar-Rasafah. Di situ Khalifah al-Walid bin Yazid dikawal oleh para penyokongnya di perkampungan dekat kota Damsyik yang merupakan tempat tinggal Khalifah al-Walid bin Yazid dan membunuh baginda itu. Jadi kenaikan Khalifah Yazid bin al-Walid berdasarkan baiat rakyat atau penduduk negeri Syam.

Sungguhpun Khalifah Yazid bin al-Walid dilantik oleh penduduk negeri Syam, seolah-olah baginda telah mendapat restu seratus peratus daripada rakyat atau penduduk negeri Syam. Sebenarnya tidak. Penduduk kota Hims bangkit memberontak terhadap baginda kerana marah baginda membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid. Disamping itu masih ada lagi orang yang sangat marah kepada Khalifah Yazid bin al-Walid iaitu dari kalangan kerabat bani Marwan juga. Tokoh itu bukan calang-calang orang. Dia ialah gabenor bagi negeri al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan iaitu Marwan bin Muhammad bin Marwan bin al-Hakkam, yang merupakan bapa dua pupu baginda. Namun disebabkan baginda mendapat sokongan yang begitu kuat daripada sebahagian besar rakyat negeri Syam, maka Khalifah Yazid bin al-Walid telah memberi amaran kepada Marwan bin Muhammad yang mahu memberontak terhadap pemerintahan baginda itu. Baginda berkata kepada Marwan bin Muhammad melalui sepucuk surat;

"Sesungguhnya wahai Marwan! Aku melihat engkau memilih seseorang dan menolak seseorang. Bila suratku ini sampai ke tanganmu, maka pilihlah yang mana satu engkau sukai. Wassalam."

Setelah Marwan bin Muhammad menerima dan membaca surat daripada Khalifah Yazid bin al-Walid itu, timbul juga rasa gementar di dalam hatinya meskipun dia seorang yang sangat berani dan tabah. Maka Marwan bin Muhammad terus memberi baiatnya kepada Khalifah Yazid bin al-Walid.

Setelah Marwan bin Muhammad memberi baiat kepada baginda dan sudah tidak ada lagi musuh yang boleh mengancam pemerintahan baginda, maka Khalifah Yazid bin al-Walid mula mengorak langkah. Baginda telah mengisytiharkan manifesto pemerintahan baginda sebagai janji-janji kepada rakyat. Isi-isi manifesto yang diisytiharkan oleh Khalifah Yazid bin al-Walid di dalam usaha melaksanakan tanggungjawab baginda sebagai khalifah telah dicatit oleh Imam Tabari sebagaimana berikut:-

Pertama, menghentikan projek mewah yang membazir.

Kedua, tidak akan mengadakan projek-projek pertanian yang membebankan

wang rakyat.

Ketiga, semua hasil pendapat bagi setiap wilayah akan dibelanjakan untuk keperluan-keperluan wilayah berhampiran.

Keempat, menghentikan semua ekspedisi ketenteraan bagi mewujudkan masyarakat yang aman dan makmur.

Kelima, semua rakyat dikenakan cukai tanpa pengecualian.

Keenam, semua orang-orang Islam tak kira Arab atau bukan Arab akan dilayan secara sama rata dan diberi gaji yang serupa.

Dan ketujuh atau yang terakhir sekali ialah baginda berjanji tidak akan menuntut kuasa yang lebih dan sanggup dirinya dipecat jika sekiranya baginda tidak menunaikan janji-janji tersebut.

Ketujuh-tujuh manifesto ini tidak sempat dilaksanakan oleh Khalifah Yazid bin al-Walid kerana baginda wafat secara mengejut setelah memerintah selama lima bulan sahaja.

Meskipun kita nampak di dalam perancangan baginda telah digariskan manifesto yang kelihatan sangat menyukakan hati rakyat kerana semua projek yang dijanjikan akan dilaksanakan adalah untuk kebaikan dan kepentingan rakyat, namun di dalam kebaikan-kebaikan yang disloganakan itu Khalifah Yazid bin al-Walid telah melakukan satu kesalahan yang besar yang menyebabkan timbul kebencian di kalangan pihak yang terlibat. Kesilapan yang dilakukan oleh Khalifah Yazid bin al-Walid itu ialah baginda telah membuat perubahan gaji tentera khasnya tentera yang bertugas atau tentera daripada penduduk Hijaz. Iaitu baginda menurunkan kadar gaji tentera bukan menaikkan. Padahal telah dinaikkan oleh ayahanda baginda Khalifah al-Walid bin Abdul Malik pada zaman pemerintahannya. Ini menyebabkan Khalifah Yazid bin al-Walid digelar dengan an-Naqis yang bererti 'Pengurang'.

Tindakan Khalifah Yazid bin al-Walid ini telah menyebabkan tentera kerajaan bani Umayyah khasnya tentera Hijaz menjadi sangat marah kepada baginda. Baginda merasa terkejut dengan kemarahan tentera Hijaz itu yang menyebabkan baginda jadi lemah dan akhirnya membawa kepada baginda jatuh sakit.

Wafat

Setelah memerintah selama kira-kira lima bulan sahaja, maka Khalifah Yazid bin al-Walid jatuh sakit kerana terkejut apabila mendengar tentera di Hijaz telah bangkit untuk menentang pemerintahan baginda. Sebelum wafat baginda telah mewasiatkan agar saudara baginda yang bernama Ibrahim bin al-Walid dilantik menjadi khalifah menggantikan tempat baginda. Khalifah Yazid bin al-Walid mangkat pada bulan Zulhijjah tahun 126 Hijrah/743 Masihi hijrah.

Apakah Benar Khalifah Yazid III Seorang Khalifah Yang Bermoral Rendah?

Apa yang jelas berkaitan dengan peribadi kejiwaan Khalifah Yazid bin al-Walid ialah terdapat dengan jelas empat ciri peribadi baginda yang menjadi bukti bahawa baginda adalah seorang insan atau khalifah yang bermoral tinggi dan mulia, tidak seperti yang dituduh atau dikatakan oleh kebanyakan ahli-ahli sejarah. Empat ciri itu ialah pertama pemaaf, kedua menyukai kehidupan tasauf, ketiga ungkapan memuji baginda yang digandingkan dengan Umar bin Abdul Aziz dan keempat janji-janji atau manisfesto yang baginda buat akan dilaksanakan selama pemerintahan baginda.

Bukti sejarah yang menyebut bahawa Khalifah Yazid bin al-Walid adalah seorang yang pemaaf ialah baginda telah memaafkan al-Harith bin Suraij yang memberontak di Khurasan. Al-Harith bin Suraij ini melancarkan pemberontakan sejak zaman pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik lagi dan berterusan sehingga ke zaman Khalifah Yazid bin al-Walid. Kalau hendak dikira, dosa al-Harith bin Suraij sudah begitu besar selain beliau ini telah membunuh berapa ramai umat Islam, beliau juga adalah seorang penganut mazhab Jahmiyyah yang sesat dan mengaku dirinya Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu. Namun Khalifah Yazid bin al-Walid masih memaafkannya.

Kedua, bukti sejarah yang menyebut Khalifah Yazid bin al-Walid adalah seorang yang menyukai kehidupan tasauf ialah kisah yang dibawa oleh Prof Dr Hasan Ibrahim Hasan, seorang sarjana Mesir yang amat cemerlang di dalam bukunya beliau menulis bahawa Khalifah Yazid bin al-Walid telah memperlihatkan dirinya sebagai seorang ahli tasauf. Barangkali gelagat ini semakin ketara sebaik sahaja baginda dilantik menjadi khalifah. Namun tiada nampak ahli-ahli sejarah Islam yang mengatakan Khalifah Yazid bin al-Walid adalah seorang ahli tasauf. Tetapi di dalam tindakan-tindakan baginda setelah menjadi khalifah, nampak seolah-olah baginda bukan berlagak sebagai ahli tasauf. Bahkan mungkin sekali baginda termasuk kedalam golongan ahli tasauf. Tindakan baginda membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid disebabkan perangai khalifah itu yang buruk dan keji boleh mendekatkan kepercayaan bahawa Khalifah Yazid bin al-Walid adalah seorang yang berjiwa cintakan kepada kebaikan.

Bukti yang ketiga iaitu ungkapan orang ramai yang menunjukkan bahawa Khalifah Yazid bin al-Walid adalah ungkapan yang berbunyi "Yang berparut di dahi dan pengurang adalah seadil-adil anak Marwan."

Yang dimaksudkan dengan Yang Berparut Di Dahi ialah Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Manakala yang dimaksudkan dengan Pengurang ialah Khalifah Yazid bin al-Walid ini.

Manakala bukti yang keempat atau terakhir ialah cita-cita baginda di dalam manifesto yang dibentangkan kepada rakyat yang akan baginda laksanakan selama pemerintahan baginda. Para pembaca yang budiman semua bolehlah lihat jenis-jenis projek yang dijanjikan akan dilaksanakan oleh Khalifah Yazid bin al-Walid di dalam pemerintahan baginda seperti yang tertera di atas. Tetapi baginda tidak dapat melaksanakan projek-projek di dalam manisfesto itu kerana baginda keburu wafat.

Sekianlah kisah hidup dan pemerintahan Khalifah Yazid bin al-Walid, khalifah dinasti kerajaan bani Umayyah yang ke dua belas.

IBRAHIM BIN AL-WALID
(126-127 Hijrah / 743-744 Masihi)

Pengenalan

Ibrahim bin al-Walid ialah putera kepada Khalifah al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan dan adinda khalifah Yazid bin al-Walid yang berlainan ibu. Ibunda baginda seorang jariah sebagaimana ibunda kepada Khalifah Yazid bin al-Walid, khalifah bani Umayyah yang ketiga belas. Baginda bukanlah beribukan seorang perempuan merdeka seperti kekanda-kekanda baginda iaitu Abdul Aziz, Muhammad, Aisyah, al-Abbas dan Abdul Rahman. Namun penyusun tidak dapat memastikan siapakah jariah ibu kepada Khalifah Ibrahim bin al-Walid ini.

Khalifah Ibrahim bin al-Walid mempunyai saudara atau adik beradik sebapa yang ramai. Ini adalah kerana ayahandanya Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mempunyai beberapa orang isteri dan juga beberapa orang jariah yang memperolehi putera puteri yang ramai daripada isteri-isteri dan jariah-jariah baginda itu. Diriwayatkan saudara-saudara atau adik beradik Khalifah Ibrahim bin al-Walid berjumlah seramai lapan belas orang kesemuanya iaitu Abdul Aziz, Muhammad dan Aisyah yang beribukan Ummu Banin binti Abdul Aziz bin Marwan. Al-Abbas yang penyusun belum mengetahui nama ibunya yang merupakan seorang jariah. Abdul Rahman yang beribukan Ummu Abdullah binti Amru bin Uthman bin Affan. Kemudian Umar, Biyr, Rauh, Khalid, Tammam, Mubasysyir, Jaz'a, Yazid, Yahya, Abu Ubaidah, Masrur, Sadaqah dan baginda sendiri yang beribukan jariah.

Pemerintahan

Khalifah Ibrahim bin al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang ke tiga belas setelah saudaranya Khalifah Yazid bin al-Walid yang memerintah selama lima bulan sahaja telah mangkat iaitu pada bulan Zulhijjah tahun 126 Hijrah/743 Masihi. Perlantikan baginda ini adalah di atas wasiat saudara baginda Khalifah Yazid bin al-Walid yang wafat secara mengejut. Keadaan dalam negara ketika itu amat kacau sekali. Apa yang sangat menyedihkan ialah status baginda sebagai pemimpin atau pentadbir

negara tidak diakui secara sebulat hati oleh rakyat. Rakyat pada umumnya berpecah kepada tiga pendapat atau golongan. Segolongan mengakui baginda sebagai khalifah. Golongan yang kedua hanya mengakui baginda sebagai Amir atau Pesuruhjaya sahaja. Manakala golongan yang ketiga tidak mahu mengakui sama ada khalifah atau amir. Keadaan rakyat yang berbelah bagi ini menyebabkan Khalifah Ibrahim bin al-Walid tidak sempat menjalankan pemerintahan negara dengan sempurna.

Apa yang lebih memburuk keadaan lagi ialah meletusnya pemberontakan yang dilancarkan oleh bapa sepupu baginda sendiri yang gagah perkasa yang merupakan gabenor bagi wilayah al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan iaitu Marwan bin Muhammad bin Marwan bin al-Hakkam. Kenapa Marwan bin Muhammad begitu marah kepada Khalifah Ibrahim bin al-Walid sehingga beliau mengumpulkan kekuatan tentera di ketiga-tiga wilayah pentadbirannya itu dan bangkit memberontak?

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa Marwan bin Muhammad tidak dapat menerima perbuatan Khalifah Yazid bin al-Walid membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid. Marwan bin Muhammad telah memimpin pasukan tenteranya yang besar mara ke kota Damsyik untuk menyerang Khalifah Ibrahim bin al-Walid. Ketika angkatan perang Marwan bin Muhammad yang besar sedang bergerak menuju ke kota Damsyik, Khalifah Ibrahim bin al-Walid yang mengetahui perkara itu terus mempersiapkan sebuah angkatan tentera yang besar juga di bawah pimpinan Panglima Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik untuk menghalang pasukan tentera Marwan bin Muhammad. Kita sudah tahu anak-anak Khalifah Hisyam bin Abdul Malik memang berpihak kepada anak-anak Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, kerana ayahanda mereka bersengketa dengan Khalifah al-Walid bin Yazid. Manakala Marwan bin Muhammad berpihak kepada Khalifah al-Walid bin Yazid dan anak-anaknya. Sebab itu Khalifah Ibrahim bin al-Walid telah melantik Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik untuk memimpin pasukan menentang Marwan bin Muhammad.

Pertempuran meletus di mana angkatan tentera Khalifah Ibrahim yang dipimpin oleh Panglima Sulaiman bin Hisyam itu telah mengalami kekalahan di tangan pasukan Marwan bin Muhammad. Panglima Sulaiman bin Hisyam telah lari pulang ke kota Damsyik dan terus membunuh dua orang putera Khalifah al-Walid bin Yazid bin Abdul Malik yang masih kecil. Marwan bin Muhammad terus mara ke kota Damsyik dan mengejar untuk membunuh Khalifah Ibrahim bin al-Walid dan Panglima Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik. Hanya Khalifah Ibrahim bin al-Walid sahaja yang sempat dibunuh, manakala Panglima Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik telah berjaya menyelamatkan diri ke wilayah Tadmur dan berlindung di sana.

Oleh kerana kedua-dua putera Khalifah al-Walid bin Yazid telah dibunuh, maka Marwan bin Muhammad telah melantik atau mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah kerajaan bani Umayyah yang keempat belas dan terakhir.

Khalifah Ibrahim bin al-Walid adalah khalifah yang paling pendek sekali masa pemerintahannya. Baginda memerintah selama dua atau empat bulan sahaja.

MARWAN BIN MUHAMMAD
(127-132 Hijrah / 744-749 Masihi)

Pengenalan

Marwan bin Muhammad ialah khalifah bani Umayyah yang ke empat belas atau yang terakhir sekali di dalam senarai para pemerintah kerajaan bani Umayyah. Beliau dilantik menjadi khalifah setelah anak saudara sepupu baginda iaitu Khalifah Ibrahim bin al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan bin al-Hakkam telah wafat akibat dibunuh oleh baginda sendiri.

Sebelum dipilih menjadi khalifah, Khalifah Marwan bin Muhammad adalah gabenor di al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan. Beliau menjawat jawatan gabenor di kedua-dua negeri itu sejak zaman saudara sepupu baginda Khalifah Hisyam bin Abdul Malik bin Marwan lagi iaitu pada tahun 115 Hijrah/733 Masihi. Ketika itu Khalifah Hisyam bin Abdul Malik telah menjadi khalifah selama kira-kira 10 tahun. Khalifah Hisyam bin Abdul Malik melihat saudara sepupu baginda ini adalah seorang yang berkebolehan besar di dalam mentadbir wilayah dan memimpin pasukan tentera.

Ini bererti Khalifah Marwan bin Muhammad menjadi gabenor di al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan selama kira-kira 17 tahun. Penuh pengalaman di dalam mentadbir negara, meskipun cuma mentadbir daerah atau negeri sahaja. Sebab itu ketika baginda melihat anak saudara sepupu baginda Khalifah Ibrahim bin al-Walid bin Abdul Malik begitu lemah mentabdir negara, maka baginda terus bertindak nekad dengan merampas kuasa daripada tangan anak saudara sepupu baginda itu sehingga sampai membunuh khalifah kerajaan bani Umayyah yang ke tiga belas itu. Tetapi ketika itu kedudukan kerajaan bani Umayyah boleh diumpamakan seperti kata pepatah, nasi sudah menjadi bubur.

Kelahiran Dan Peribadi

Khalifah Marwan bin Muhammad adalah seorang khalifah yang memiliki peribadi yang kuat. Baginda dikenali sebagai seorang yang berani, tabah, banyak helah politik dan bijaksana. Di kalangan para khalifah kerajaan bani Umayyah, hanya empat orang sahaja khalifah yang dianggap kuat dan terkemuka iaitu Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Abdul Malik bin Marwan, Hisyam

bin Abdul Malik dan Marwan bin Muhammad.

Baginda digelar Abu Abdul Malik kerana putera sulung baginda bernama Abdul Malik dan dijuluk dengan julukan 'Himar' yang bererti Kaldai, kerana ketabahan dan kesabaran baginda di dalam menanggung penderitaan di dalam menghadapi musuh politik dan kerana baginda tidak henti-henti memerangi orang-orang yang derhaka kepada kerajaan baginda.

Baginda juga digelar 'al-Ja'di' kerana menganut fahaman Mu'tazilah yang mana guru baginda iaitu al-Ja'd bin Dirham yang bertanggungjawab menjadikan baginda seorang Mu'tazilah.

Kenapa Khalifah Marwan Sangat Membela Khalifah Al-Walid Bin Yazid

Apabila Khalifah al-Walid bin Yazid bin Abdul Malik dibunuh oleh Yazid bin al-Walid bin Abdul Malik, Marwan bin Muhammad yang ketika itu adalah gabenor al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan telah marah sekali kepada Yazid bin al-Walid kerana membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid itu. Beliau telah berazam untuk menyerang kota Damsyik bagi menghapuskan Yazid bin al-Walid yang ketika itu sudah dilantik menjadi khalifah dan mengumumkan perjuangan atau penentangannya terhadap Khalifah Yazid bin al-Walid adalah kerana mahu membela darah Khalifah al-Walid bin Yazid dan mengangkat salah seorang dari dua orang putera Khalifah al-Walid bin Yazid sebagai khalifah. Tetapi apabila Khalifah Yazid bin al-Walid yang telah mendapat sokongan yang kuat dari seluruh rakyat negeri Syam dan seluruh negara (kecuali dari Marwan bin Muhammad dan para penyokongnya sahaja), maka Marwan bin Muhammad tiba-tiba telah memberi baiatnya kepada Khalifah Yazid bin al-Walid.

Tetapi setelah Khalifah Yazid bin al-Walid mangkat, maka Marwan bin Muhammad telah memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Ibrahim bin al-Walid saudara kepada al-marhum Khalifah Yazid bin al-Walid dan tidak mahu memberi baiat kepadanya. Akibatnya Khalifah Ibrahim bin al-Walid terbunuh dan Marwan bin Muhammad telah mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah bani Umayyah yang ke empat belas atau yang terakhir.

Soalnya sekarang, kenapakah Khalifah Marwan bin Muhammad sangat membela Khalifah al-Walid bin Yazid yang sangat dibenci oleh sebahagian besar rakyat disebabkan perangainya yang kotor dan keji itu?

Prof Dr Ahmad Syalaby berkata di dalam bukunya yang berjudul *Sejarah Dan Kebudayaan Islam Jld 2* bahawa pada pendapat beliau yang bijaksana bahawa sokongan kuat Marwan bin Muhammad kepada Khalifah al-Walid bin Yazid serta sokongan sebahagian besar penduduk negeri Syam adalah menjadi bukti bahawa kisah-kisah yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah bahawa Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang yang amat kotor peribadinya sampai

mendekati kekufuran adalah satu kisah yang sengaja direka-reka oleh kaum bani Umayyah sendiri kerana mahu menjatuhkan peribadi khalifah ini. Alasan Prof Dr Ahmad Syalaby ini ada lojiknya. Tetapi kita terpaksa membohongi sebahagian besar para pencatit sejarah para khalifah Islam khasnya sejarah Khalifah al-Walid bin Yazid.

Tetapi Prof Dr Ahmad Syalaby tetap mengakui bahawa Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang penggemar maksiat dan tenggelam di dalam dunia hiburan, arak dan perempuan sundal. Tetapi tidaklah sampai baginda jatuh zindik kerana menghina al-Qur'an dan telah minum arak di sisi Ka'abah seperti yang diperkatakan oleh ahli-ahli sejarah.

Kembali kita memperkatakan tentang sebab-sebab Marwan bin Muhammad sangat membela Khalifah al-Walid bin Yazid dan sanggup membunuh Khalifah Ibrahim bin al-Walid adinda kepada Khalifah Yazid bin al-Walid yang telah membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid. Memang kita juga mengakui para penulis sejarah khalifah Islam yang mengatakan Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang fasik, peminum arak dan tenggelam di dalam amalan maksiat sebagaimana yang juga diakui oleh Prof Dr Ahmad Syalaby. Jadi di dalam persoalan Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang yang fasik, peminum arak dan tenggelam di dalam perbuatan maksiat tidak ada perbezaan pendapat di antara para penulis sejarah khalifah Islam, penyusun dan Prof Dr Ahmad Syalaby. Tentulah setakat ini tidak ada apa-apa perbezaan pendapat di antara ketiga orang ini.

Apa yang berbeza antara pendapat para penulis sejarah khalifah Islam dengan pendapat Prof Dr Ahmad Syalaby ialah mereka mengatakan Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang khalifah yang amat fasik sampai ke tahap zindik kerana membelakangi al-Qur'an di samping perbuatan mungkar yang lain seperti minum arak, berzina dan berhibur yang melampaui batasan. Manakala Prof Dr Ahmad Syalaby tidak menerima laporan yang berlebihan ini dan menganggap sebagai kisah-kisah yang direka-reka oleh orang-orang yang membenci khalifah ini sahaja.

Bagaimana dengan pendapat penyusun yang serba bodoh dan cetek pemikiran ini?

Kembali kita membicarakan apakah sebabnya Marwan bin Muhammad sangat membela Khalifah al-Walid bin Yazid yang dianggap sangat fasik (zindik) oleh umum ahli sejarah tetapi pada sisi Prof Dr Ahmad Syalaby tidaklah sampai ke peringkat seteruk itu?

Kita tahu Marwan bin Muhammad adalah bapa saudara sepupu kepada Khalifah al-Walid bin Yazid, begitu juga hubungan baginda dengan Khalifah Yazid bin al-Walid dan Khalifah Ibrahim bin al-Walid. Dan Marwan bin Muhammad juga tahu Khalifah al-Walid bin Yazid adalah seorang ahli maksiat kerana gemarkan arak, perempuan dan hiburan yang melampau. Tetapi

Marwan bin Muhammad tidak dapat menerima perbuatan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik yang sering sangat memburuk-buruk peribadi al-Walid bin Yazid ketika sedang remaja, dan Marwan bin Muhammad sekali-kali tidak dapat menerima perbuatan Khalifah Yazid bin al-Walid yang telah membunuh Khalifah al-Walid bin Yazid. Bukanlah Marwan bin Muhammad itu suka sangat kepada al-Walid bin Yazid yang sukakan amalan fasik dan merosakkan itu.

Memang Marwan bin Muhammad mahu putera Khalifah al-Walid bin Yazid dipilih menjadi khalifah bani Umayyah menggantikan tempat ayahandanya, bukan Yazid bin al-Walid atau Ibrahim bin al-Walid. Kenapa? Kita tidak tahu sejauh manakah eratnya hubungan peribadi di antara Marwan bin Muhammad dengan Khalifah al-Walid bin Yazid, dan kita juga tidak tahu sejauh manakah buruknya hubungan peribadi antara Marwan bin Muhammad dengan Khalifah Yazid bin al-Walid dan Ibrahim bin al-Walid. Sedangkan kita tahu perangai Khalifah al-Walid ll dan perangai Khalifah Yazid lll. Apakah Marwan bin Muhammad sangat menyukai Khalifah al-Walid bin Yazid yang fasik itu kerana amalan fasiknya? Kalau begitu bererti Marwan bin Muhammad juga adalah seorang penggemar amalan fasik. Apakah ada kenyataan sejarah tentang perkara ini?

Kalau Marwan bin Muhammad seorang yang berperibadi mulia dan bertakwa, sudah tentu beliau sangat membela Khalifah al-Walid bin Yazid bukan di atas sebab-sebab sukakan kefasikan atau amalan fasik, tetapi kerana tidak dapat menerima perbuatan Khalifah Yazid bin al-Walid membunuh *Khalifah al*-Walid bin Yazid. Kalau di atas sebab ini Marwan bin Muhammad sangat membela Khalifah al-Walid bin Yazid, menunjukkan bahawa Marwan bin Muhammad tidak semestinya seorang yang sukakan kefasikan, tetapi adalah seorang yang amat bencikan perbuatan fasik seperti membunuh secara tidak benar itu.

Bunuh Khalifah Ibrahim

Setelah Khalifah Yazid bin al-Walid mewasiatkan saudaranya Ibrahim bin al-Walid sebagai bakal khalifah sesudah baginda, maka Marwan bin Muhammad terus bertindak segera dengan membawa askar-askarnya yang ramai dari negeri al-Jazirah, Armenia dan Azerbaijan menyerang kota Damsyik. Di pihak Khalifah Ibrahim bin al-Walid pula, setelah baginda mendapat tahu Marwan bin Muhammad telah datang menyerang baginda di kota Damsyik, maka baginda terus mempersiapkan satu pasukan tentera yang besar dan terus dihantar untuk menghalang kedatangan angkatan tentera pimpinan Marwan bin Muhammad ke kota Damsyik itu. Angkatan tentera kerajaan itu dipimpin oleh Panglima Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik bin Marwan saudara sepupu baginda juga.

Maka berlakulah pertempuran yang hebat di antara kedua-dua pasukan tentera bani Umayyah itu yang mana pasukan tentera Khalifah Ibrahim bin al-

Walid yang dipimpin oleh Panglima Sulaiman bin Hisyam telah mengalami kekalahan yang teruk. Panglima Sulaiman bin Hisyam sendiri telah melarikan diri pulang ke kota Damsyik dan terus membunuh kedua-dua orang anak Khalifah al-Walid bin Yazid yang Marwan bin Muhammad mahu melantiknya menjadi khalifah sesudahnya itu. Kemudian dia menyelamatkan dirinya ke daerah Tadmur dan berlindung di sana. Serangan Marwan bin Muhammad telah mengakibatkan Khalifah Ibrahim bin al-Walid mati terbunuh.

Dengan terbunuhnya Khalifah Ibrahim bin al-Walid dan sudah terbunuhnya kedua-dua putera Khalifah al-Walid bin Yazid, maka khalifah kaum Muslimin sudah tidak ada lagi, begitu juga dengan kedua-dua putera Khalifah al-Walid bin Yazid yang Marwan bin Muhammad mahu nobatkan sebagai khalifah sesudahnya sudah tiada juga. Di atas sebab-sebab ini maka Marwan bin Muhammad telah mengisytiharkan dirinya sebagai Khalifah kerajaan bani Umayyah yang ke empat belas atau yang terakhir. Baginda telah mendapat sokongan atau dokongan yang kuat daripada seluruh rakyat jelata.

Khalifah Marwan bin Muhammad naik takhta khalifah pada bulan Safar tahun 127 Hijrah/744 Masihi di kota Damsyik.

Gabenor-Gabenor Wilayah

Pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad, baginda telah melantik gabenor-gabenor bagi setiap wilayah atau kota yang dapat baginda menguasainya. Memang pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad, seluruh negara bergolak. Ini bererti Khalifah Marwan bin Muhammad tidak dapat mentadbir seluruh negara dengan baik dan berkesan. Baginda hanya berkuasa di tempat di mana baginda pergi atau menang di dalam berperang. Sungguhpun begitu baginda juga mempunyai pembantu-pembantu yang boleh diharap iaitu di beberapa bahagian wilayah atau negeri. Pembantu-pembantu baginda itu ialah gabenor-gabenor baginda di wilayah-wilayah tertentu sahaja.

Khalifah Marwan bin Muhammad mempunyai dua orang gabenor yang gagah dan bijak iaitu gabenor Iraq iaitu Yazid bin Umar bin Hubairah dan gabenor Khurasan iaitu Nasr bin Saiyar. Inilah dua orang pembantu Khalifah Marwan bin Muhammad yang terkenal setia dan perkasa yang berjuang di belakang Khalifah Marwan bin Muhammad sehinggalah ke tutusan darah yang terakhir.

Sempatkah Marwan Membuat Jasa-Jasa Kepada Rakyat, Negara Dan Agama?

Sejarah sudah mencatitkan bahawa Khalifah Marwan bin Muhammad telah menjadi khalifah selama lima tahun. Masa yang selama ini kalau dikira sudahlah cukup untuk baginda menambah projek-projek untuk pembangunan

negara dan membuat jasa kepada rakyat jelata, mengukuhkan negara dan mendaulatkan agama serta menyebar luaskan ke negara-negara yang belum diperkenalkan ajaran agama Islam kepada penduduknya. Tetapi kenyataannya tidaklah sedemikian. Sebagaimana yang penyusun telah sebutkan di permulaan kisah khalifah ini bahawa Khalifah Marwan bin Muhammad mula menerajui kerajaan bani Umayyah ketika keadaan dalam negara ibarat kata pepatah nasi sudah menjadi bubur. Keadaan dalam negara ketika itu sudah amat huru-hara sekali. Musuh Khalifah Marwan bin Muhammad ada disekeliling pinggang baginda. Bukan sahaja musuh dari luar, tetapi juga musuh dari dalam. Sungguhpun Khalifah Marwan bin Muhammad mendapat sokongan yang kuat dari seluruh rakyat, tetapi masih ada beberapa golongan rakyat yang menentang pemerintahan baginda termasuklah dari kalangan keluarga bani Umayyah sendiri yang merasa tidak puas hati kepada baginda kerana telah bertindak memerangi dan membunuh Khalifah Ibrahim bin al-Walid. Kaum bani Umayyah bangkit memberontak di kota Hims dan Palestin.

Itu satu musuh. Selain itu kaum Khawarij juga sudah bertambah kuat dan berjaya menanam pengaruh mereka ke atas rakyat sehingga kaum ini juga menjadi ancaman yang besar kepada pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. Sudah dua musuh.

Bahkan musuh yang paling membahaya dan paling membimbangkan sekali ialah pergerakan kaum bani Hasyim yang dipelopori oleh anak-anak cucu Abdullah bin al-Abbas dan anak-anak cucu Sayidina Ali bin Abu Talib. Gerakan yang dinamakan perjuangan bani Hasyim ini disokong kuat oleh rakyat jelata dan juga oleh orang-orang Farsi di negara mereka.

Zaman Yang Penuh Dengan Pemberontakan

❖ Pemberontakan Oleh Sulaiman Bin Hisyam, Masih Keluarganya Sendiri

Seperti yang telah penyusun sebutkan di atas bahawa musuh pertama Khalifah Marwan bin Muhammad ialah keluarga bani Umayyah sendiri yang tidak puas hati terhadap tindakan Khalifah Marwan bin Muhammad yang memerangi dan membunuh Khalifah Ibrahim bin al-Walid. Memang ketika Marwan bin Muhammad bangkit memberontak terhadap Khalifah Ibrahim bin al-Walid, terdapat ramai rakyat yang menyokong beliau. Kita tahu ketika Hisyam bin Abdul Malik menjadi khalifah dan al-Walid bin Yazid menjadi Putera Mahkota, Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sangat membenci kepada al-Walid bin Yazid disebabkan keburukan akhlak dan agamanya. Meskipun Khalifah Hisyam bin Abdul Malik tidak pernah mengapa-apakan al-Walid bin Yazid secara fizikal, tetapi antara Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dengan al-Walid bin Yazid memang ada perseteruan yang hebat. Dan setelah Khalifah al-Walid bin Yazid dibunuh oleh (Khalifah) Yazid bin al-Walid yang mendapat sokongan dan dokongan dari keluarga Khalifah Hisyam bin Abdul Malik

termasuk Sulaiman bin Hisyam, ketika itu (Khalifah) Marwan bin Muhammad sangat membela Khalifah al-Walid bin Yazid. Jelas sekali telah terjadi perhubungan yang tegang di antara keluarga Khalifah Hisyam bin Abdul Malik dengan (Khalifah) Marwan bin Muhammad.

Tokoh bani Umayyah yang bangkit menentang pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad dipimpin oleh Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik.

Sebelum Khalifah Marwan bin Muhammad menghadapi musuh yang lain iaitu kaum Khawarij dan golongan yang memperjuangkan kekhalifahan untuk bani Hasyim yang berpusat di negeri Khurasan, baginda terlebih dahulu terpaksa berhadapan dengan sanak saudara baginda sendiri dari kaum bani Umayyah yang bangkit memberontak terhadap pemerintahan baginda di bawah pimpinan Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik. Para pembaca yang budiman telahpun tahu ketika Ibrahim bin al-Walid menjadi khalifah, Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik telah menjadi panglima bagi pihak Khalifah Ibrahim bin al-Walid melawan Marwan bin Muhammad yang bangkit memberontak. Tetapi pihak Khalifah Ibrahim bin al-Walid telah mengalami kekalahan dan Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik telah melarikan diri ke wilayah Tadmur.

Kini setelah Marwan bin Muhammad dilantik menjadi khalifah bani Umayyah yang keempat belas, Sulaiman bin Hisyam bin Abdul Malik telah keluar dari persembunyiannya di wilayah Tadmur dan telah kembali ke negeri Syam dan memimpin kaum bani Umayyah yang bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. Tetapi dalam pertempuran dengan tentera kerajaan yang dipimpin sendiri oleh Khalifah Marwan bin Muhammad, pihak kaum bani Umayyah yang memberontak telah mengalami kekalahan. Tetapi sekali lagi Sulaiman bin Hisyam telah terselamat dan telah melarikan dirinya ke kota Kufah dan menyertai kumpulan kaum Khawarij di sana.

Pemberontakan Oleh Kaum Khawarij

Pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad ini, pemberontakan kaum Khawarij telah bangkit kembali. Pemimpin Khawarij yang bangkit membuat kacau bilau pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad ini dimulakan oleh adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani. Adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani asalnya bukan Khawarij, tetapi beliau telah bangkit menderhaka terhadap pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad kerana tidak berpuas hati terhadap tindakan Khalifah Marwan bin Muhammad yang telah membunuh Khalifah Ibrahim bin al-Walid, lalu beliau telah menyertai golongan Khawarij. Semangat adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani semakin membara apabila melihat persengketaan di dalam keluarga bani Umayyah semakin parah. Hati adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani semakin melonjak-lonjak apabila melihat Khalifah Marwan bin Muhammad

memecat gabenor Iraq iaitu Abdullah bin Umar bin Abdul Aziz dan diganti dengan an-Nadhar bin Said al-Harithi. Abdullah bin Umar bin Abdul Aziz yang didokong oleh bani Qais telah menuntut darah Ibrahim bin al-Walid daripada Khalifah Marwan bin Muhammad. Semua ini akan menambahkan kacau bilau dan kelemahan di dalam pentadbiran Khalifah Marwan bin Muhammad.

Pada tahun 127 Hijrah/744 Masihi, adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani telah memimpin pasukan tentera kaum Khawarij menyerang kota Kufah. Turut serta di dalam pasukan tentera kaum Khawarij ialah Abdullah bin Umar bin Sulaiman bin Hisyam. Lihatlah jelas sekali betapa buruknya pergolakan di dalam negara pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad, sehingga kaum kerabat bani Umayyah sendiri telah bergabung dengan musuh bani Umayyah iaitu kaum Khawarij untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah.

Pergerakan kaum Khawarij pimpinan adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani semakin membahayakan kerajaan Khalifah Marwan bin Muhammad kerana bilangan para penyokong atau kaum Khawarij sendiri sampai berjumlah ratusan ribu orang. Kaum Khawarij ini telah keluar dari kota Kufah, bergerak menuju ke Mousul dan terus ke daerah an-Nasibi.

Khalifah Marwan bin Muhammad telah mengarahkan kepada puteranya yang bernama Abdullah supaya mempersiapkan sebuah pasukan tentera yang kuat untuk menghadapi adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani dan pasukannya. Maka berangkatlah Abdullah bin Marwan menuju ke an-Nasibin dan mengepung pasukan adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani di kota an-Nasibin itu. Kemudian Khalifah Marwan bin Muhammad memimpin satu pasukan tentera yang besar datang membantu putera baginda mengepung adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani dan pasukannya. Terjadilah pertempuran di antara tentera Khalifah Marwan bin Muhammad dengan pasukan kaum Khawarij yang diketuai oleh adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani itu di suatu tempat bernama Mardin. Tentera Khawarij pimpinan adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani telah tewas dan adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani sendiri telah terbunuh. Peristiwa ini terjadi pada tahun 128 Hijrah/ 745 Masihi.

Kekalahan dan terbunuhnya adh-Dhahhak bin Qais asy-Syaibani di medan Mardin tidak menghancur leburkan kaum Khawarij sama sekali. Kerana setelah itu telah bangkit pula seorang pemimpin kaum Khawarij yang terkemuka bernama Abu Hamzah al-Khariji memimpin kaum Khawarij untuk meneruskan pemberontakan terhadap pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. Abu Hamzah al-Khariji telah berangkat ke kota Mekah dan membangkit semangat para penduduknya supaya bangkit menentang pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. Abu Hamzah al-Khariji telah berusaha menanam semangat kepada seorang tokoh yang bernama Abdullah bin Yahya yang terkenal dengan julukan 'Penuntut Kebenaran' dan berkata kepadanya sebagai peniup semangat;

"Dengarlah suatu perkataan yang indah (yang akan aku perkatakan), aku perhatikan bahawa engkau sedang menyeru kepada kebenaran, maka marilah ikutku kerana aku adalah seorang yang dipatuhi oleh kaumku."

Kemudian Abu Hamzah al-Khariji membawa Abdullah bin Yahya sehingga ke negeri Hadhramaut. Di sana Abu Hamzah al-Khariji telah menyatakan baiatnya kepada Abdullah bin Yahya sebagai khalifah kaum Muslimin yang baru atau sebenar dan mengajaknya bangkit memberontak terhadap pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad.

Menjelang tahun 129 Hijrah/746 Masihi, pada bulan Zulhijjah ketika ibadat haji sedang berlangsung, Abu Hamzah al-Khariji telah keluar dengan memimpin satu pasukan tentera seramai 200 orang askar yang mana mereka adalah askar-askar milik atau pengikut Abdullah bin Yahya. Jemaah haji menjadi takut apabila melihat mereka itu. Gabenor Hijaz (menguasai kota Mekah dan kota Madinah) yang berpusat di kota Mekah iaitu Abdul Wahid bin Sulaiman bin Abdul Malik telah meminta agar Abu Hamzah al-Khariji menghentikan perbuatannya itu dengan menawarkan perdamaian sehingga musim haji berakhir.

Setelah musim haji berakhir, maka Abdul Wahid bin Sulaiman bin Abdul Malik telah melantik Abdul Aziz bin Abdullah bin Amru bin Uthman bin Affan sebagai Memangku jawatan gabenor kota Mekah dan beliau terus berangkat ke kota Madinah dan menambahkan elaun kepada penduduknya. Kemudian beliau berangkat semula ke kota Mekah dengan pasukan tentera Madinah untuk berperang dengan Abu Hamzah al-Khariji. Ketika beliau sampai di al-Aqiq, sampailah utusan Abu Hamzah al-Khariji dan berkata kepadanya;

"Demi Allah! Kami tidak ada niat untuk memerangi kamu. Biarlah kami meneruskan perjalanan kami untuk menemui musuh kami."

Tetapi Abdul Wahid tidak menghiraukan rayuan utusan Abu Hamzah al-Khariji yang mahu melawan Khalifah Marwan bin Muhammad sendiri, bukan dengan gabenor yang baik seperti Abdul Wahid bin Sulaiman itu. Beliau tetap mahu berperang dengan pemimpin Khawarij yang bernama Abu Hamzah al-Khariji itu. Abdul Wahid bin Sulaiman bin Abdul Malik meneruskan perjalanannya memimpin askar-askar dari kota Madinah itu. Apabila sampai di Qadid, maka bertemulah dengan pasukan Abu Hamzah al-Khariji dan terjadilah pertempuran di mana pasukan Abdul Wahid bin Sulaiman bin Abdul Malik telah mengalami kekalahan dan ramailah askar-askarnya yang terkorban. Namun Abdul Wahid bin Sulaiman bin Abdul Malik tetap selamat.

Beliau kemudian melarikan diri ke negeri Syam. Manakala Abu Hamzah al-Khariji memimpin pasukannya memasuki kota Madinah. Ketika itu ialah bulan Safar tahun 130 Hijrah/747 Masihi. Tetapi Abu Hamzah al-Khariji telah berlaku baik ke atas penduduk kota Madinah tidak seperti tentera Khalifah Yazid I dahulu. Abu Hamzah al-Khariji tinggal di kota Madinah selama tiga bulan

kemudian beliau berangkat menuju ke negeri Syam. Dalam perjalanan ke negeri Syam, Abu Hamzah al-Khariji telah bertembung dengan angkatan tentera kerajaan bani Umayyah yang dihantar oleh Khalifah Marwan bin Muhammad yang dipimpin oleh Abdul Wahid bin Sulaiman. Maka terjadilah pertempuran di Wadil Qura di mana pasukan kaum Khawarij telah tewas dan Abu Hamzah al-Khariji turut terbunuh bersama-sama ramai pengikutnya.

Kemudian Abdul Wahid bin Sulaiman telah berangkat ke kota Madinah kemudian menuju ke negeri Yaman dan membunuh Abdullah bin Yahya yang menjadi khalifah di sana bersama-sama ramai pengikut-pengikutnya.

Dengan terbunuhnya Abu Hamzah al-Khariji dan Abdullah bin Yahya, maka berakhirlah pemberontakan kaum Khawarij pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad.

Pemberontakan Oleh Gerakan Untuk Menubuh Kerajaan Bani Abbasiyyah

Pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad, perjuangan kaum Syiah bertambah kuat kerana ianya didokong oleh perjuangan dari anak cucu Abdullah bin Abbas yang perjuangan mereka bersloganKan 'Perjuangan Menegak Keluarga Bani Hasyim'. Jadi ini bererti juga perjuangan untuk golongan Syiah kerana bani Hasyim adalah datuk kepada Sayidina Ali bin Abu Talib dan anak cucu baginda.

Menjelang zaman pemerintahan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik, seorang tokoh bani Hasyim bernama Ali bin Abdullah bin Abbas, seorang yang salih, wara' dan zahid dan mempunyai anak-anak lelaki yang ramai berjumlah sepuluh orang telah bangkit berjuang untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah. Di antara anak-anak beliau ialah Muhammad, Abdullah, Ibrahim, Ismail, Daud, Musa, Salih, Sulaiman dan Abdul Samad. Beliau tinggal di kota Madinah. Niat perjuangan beliau adalah untuk menumbangkan kerajaan bani Umayyah dan digantikan kerajaan bani Hasyim. Tetapi pergerakan perjuangan ini dilakukan dengan cara diam-diam dan seakan-akan tidak akan ke mana. Pernah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik menangkap, menyebat dan memenjara Ali bin Abdullah bukan disebabkan beliau ini diketahui sedang berusaha untuk menggulingkan kerajaan bani Umayyah, tetapi disebabkan oleh tindakan Ali bin Abdullah yang telah mengahwini janda ayahandanya Khalifah Abdul Malik bin Marwan yang dicerai semasa hayat baginda. Khalifah al-Walid bin Abdul Malik tidak dapat menerima hakikat bekas janda ayahandanya telah dikahwini oleh rakyat biasa. Lantas Khalifah al-Walid bin Abdul Malik bin Marwan terus menangkap, merotan dan seterusnya memenjara Ali bin Abdullah. Kerana sangat sakit hati diatas perbuatan Khalifah al-Walid bin Abdul Malik yang telah menganiayainya kerana tindakannya yang baik itu, beliau dilaporkan berkata kepada Khalifah al-Walid bin Abdul Malik;

"Wahai al-Walid! Kerajaan di tanganmu sekarang ini akan berpindah ke tangan anak cucuku sedikit hari lagi."

Setelah Khalifah al-Walid bin Abdul Malik mendengar kata-kata itu, terus ditangkap dan dirotan sekali lagi. Tetapi ternyata apa yang dikatakan oleh Ali bin Abdullah bin Abbas telah menjadi kenyataan.

Ali bin Abdullah kemudian telah di penjara dan kemudian dibebaskan dan di hantar ke kota Hamimah, sebuah kota di Palestin. Disana Ali bin Abdullah bin Abbas telah berjuang dan meninggal dunia disana pada tahun 118 Hijrah/735 Masihi pada zaman Khalifah Hisyam bin Abdul Malik.

Ketika ini terdapat tiga kepala didalam memperjuangkan golongan suku Hasyim, dua gerakan golongan yang lebih lama dan terdahulu dinamakan kaum Syiah atau Alawiyyen dan ketiga yang muncul kemudian yang berjuang diatas nama kaum Bani Hasyim.

Pada ketika itu juga bagi pihak bani Hasyim yang lain iaitu keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri baginda Sayyidah Fatimah az-Zahra' dan dari isteri suku Hanifah sedang berjuang dengan hebatnya menentang Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Tidak sebagaimana pergerakan bani Hasyim dari golongan al-Hanafiyyah yang dipimpin oleh Abu Hasyim bin Muhammad al-Hanafiyyah dan juga golongan kaum Abbasiyyah yang dipimpin oleh Ali bin Abdullah bin Abbas, golongan dari keturunan Sayyidah Fatimah az-Zahra' melakukan perjuangan secara terang-terangan. Seorang demi seorang pemimpin kaum Syiah dari kumpulan ini telah ditangkap dan dibunuh oleh Khalifah Hisyam bin Abdul Malik. Pada zaman pemerintahan Khalifah Hisyam bin Abdul Malik, salah seorang cucu Sayidina Husein bin Ali bernama Zaid bin Ali Zainal Abidin bin Husein bin Ali bin Abu Talib telah bangkit memerangi Khalifah Hisyam bin Abdul Malik sehingga beliau terbunuh.

Golongan bani Hasyim dari keturunan Sayyidah Fatimah az-Zahra' telah mengalami pengorbanan yang besar didalam perjuangan mereka secara terang-terangan itu. Manakala Ali bin Abdullah dan Abu Hasyim yang berjuang secara bawah tanah itu akhirnya bersatu perjuangan kerana setelah Ali bin Abdullah meninggal dunia, beliau telah menyerahkan jawatan pemimpin bani Hasyim bagi pihak keturunan Abdullah bin Abbas kepada anak sulungnya yang bernama Muhammad. Dan setelah Abu Hasyim meninggal dunia akibat diracun, dia juga telah mewasiatkan agar jawatannya diserahkan kepada Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas setelah melihat kemampuannya bekerja. Dengan itu teraju kepimpinan golongan bani Hasyim dari cawangan Alaweyyin dan Abbasiyyah telah dipegang oleh Muhammad bin Ali seorang sahaja.

Perjuangan Muhammad Bin Ali di Kota Kufah

Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas dan saudara-saudaranya yang seramai sembilan orang itu seperti namanya yang telah disebutkan diatas memusatkan tempat perjuangan di kota Hamimah, Iraq. Perjuangan mereka masih secara gerakan rahsia dibawah tanah. Tetapi amat bertenaga dan pantas berkembang serta mendapat sokongan yang semakin meningkat dikalangan rakyat yang mulai benci kepada pemerintahan kerajaan bani Umayyah. Setelah Khalifah Hisyam bin Abdul Malik mangkat, dan diganti oleh Khalifah Yazid bin Abdul Malik yang suka berfoya-foya dan mengabaikan pemerintahan itu, pergerakan perjuangan bani Hasyim semakin hebat dan telah mendapat sokongan sehingga ke Khurasan. Pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad bin Marwan bin al-Hakkam, di Khurasan telah berkumpul satu kekuatan para penyokong perjuangan bani Hasyim dibawah pimpinan Panglima Abu Muslim al-Khurasani. Gabenor Khalifah Marwan di Khurasan iaitu Nasr bin Saiyar tidak dapat menahan arus kemaraan tentera Abu Muslim al-Khurasani dan Khalifah Marwan bin Muhammad pula tidak berdaya untuk menghantar pasukan tentera bantuan ke Khurasan kerana pergolakan di Syam, Iraq, Hijaz dan Mesir pun sudah tidak terdaya dikawal lagi.

Dipihak yang menentang kerajaan bani Umayyah iaitu Muhammad bin Ali dan saudara-saudaranya Abdullah bin Ali, Ibrahim bin Ali, Ismail bin Ali, Salih bin Ali, Daud bin Ali, Musa bin Ali, Sulaiman bin Ali, Abdul Samad bin Ali dan seorang lagi yang penyusun masih belum menemui namanya terus bergerak dengan gigih di Iraq siang malam bekerja untuk menjatuhkan pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad.

Kemaraan Pasukan Abu Muslim Ke Negeri Syam

Sebagaimana yang telah dinyatakan, pergerakan Muhammad bin Ali yang berslogankan kekhalifahan keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib dari isteri baginda Sayyidah Fatimah az-Zahra' telah mendapat simpati daripada penduduk di timur Farsi. Di sana pada zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad telah muncul satu gerakan orang-orang Khurasan (bangsa Farsi) dipimpin oleh seorang tokoh pahlawan yang amat terkemuka bernama Abu Muslim al-Khurasani. Abu Muslim al-Khurasani telah mendapat sokongan daripada bekas gabenor Khurasan iaitu Juda'i bin Ali al-Kirmani. Mereka berjuang kerana mahu menaikkan keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib ke mercu kekuasaan sebagai khalifah umat Islam.

Pergerakan Abu Muslim al-Khurasani semakin mendapat sokongan dari sebahagian besar penduduk negeri Khurasan. Sebagaimana yang telah maklum gabenor Khalifah Marwan bin Muhammad di Khurasan ialah Nasr bin Saiyar. Nasr bin Saiyar adalah seorang ahli politik yang berpengaruh dan kuat. Kekuatan beliau menyamai Umar bin Yazid bin Hubairah, gabenor di Iraq. Tetapi sayang ketika zaman pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad,

rakyat sudah berubah sokongan. Sebahagian besar daripada rakyat terutama yang tinggal di sebelah timur seperti Farsi dan Khurasan telah menyokong perjuangan bani Hasyim yang dipimpin oleh Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas. Jadi kekuatan kerajaan bani Umayyah telah banyak terjejas. Menjelang tahun 130 Hijrah/747 Masihi, berlakulah pertempuran yang hebat di antara tentera Panglima Abu Muslim al-Khurasani dengan tentera bani Umayyah pimpinan Nasr bin Saiyar. Angkatan tentera kerajaan bani Umayyah yang dipimpin oleh Nasr bin Saiyar telah mengalami kekalahan dan Nasr sendiri telah melarikan diri ke Naisabur.

Setelah berjaya menguasai negeri Khurasan, maka Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah menyeru seluruh penduduk agar memberi sokongan mereka kepada keluarga Nabi dari keturunan Sayidina Ali bin Abu Talib. Tetapi Juda'i bin Ali al-Kirmani telah enggan memberi sokongan. Rupa-rupanya perjuangan Juda'i bin Ali al-Kirmani adalah mempunyai ajenda yang tersendiri iaitu memperjuangkan kepentingan peribadinya, bukan untuk orang lain.

Namun begitu hampir keseluruhan penduduk negeri Khurasan telah bersatu di bawah bendera perjuangan untuk keluarga Muhammad s.a.w. Panglima Abu Muslim al-Khurasani telah membawa angkatan tentera Khurasan mara ke negeri Iraq. Ketika di negeri Iraq, perjuangan golongan bani Abbasiyyah disembunyikan di bawah slogan memperjuangkan keluarga bani Hasyim untuk keluarga Sayidina Ali bin Abu Talib dan isteri baginda Sayyidah Fatimah az-Zahra' rha. Sebaik sahaja tentera dari negeri Khurasan di bawah pimpinan Abu Muslim al-Khurasan tiba di kota Kufah, maka mereka telah berusaha untuk melantik Imam Ja'far as-Siddiq atau Abdullah bin Hasan bin al-Hasan bin Ali bin Abu Talib sebagai khalifah. Tetapi dengan cara yang tidak disangka-sangka jawatan khalifah telah jatuh ke dalam tangan Abdullah bin Muhammad bin Ali bin Abdullah bin Abbas dari keturunan Abdullah bin Abbas. Baginda digelar dengan gelaran Abul Abbas as-Saffah.

Setelah itu Khalifah Abul Abbas as-Saffah mengarahkan kepada bapa saudara baginda yang bernama Abdullah bin Ali bin Abdullah bin Abbas supaya memerangi Khalifah Marwan bin Muhammad. Maka berangkatlah angkatan tentera kerajaan bani Abbasiyyah yang dipimpin oleh Abdullah bin Ali menuju ke negeri Syam untuk memerangi Khalifah Marwan bin Muhammad.

Pasukan tentera pimpinan Abdullah bin Ali itu telah bertembung dengan pasukan tentera kerajaan bani Umayyah yang dikatakan berjumlah sehingga 120,000 perajurit yang dipimpin sendiri oleh Khalifah Marwan bin Muhammad di lembah sungai az-Zab, satu daripada cabang sungai Dajlah (Tigris) di Iraq yang mengakibatkan kekalahan teruk di pihak tentera kerajaan bani Umayyah. Khalifah Marwan bin Muhammad telah berundur ke daerah Harran, kemudian ke kota Qinasrin yang terletak di utara negeri Syam, kemudian ke kota Hims dan terus ke kota Damsyik. Tetapi Abdullah bin Ali terus mengejarnya di setiap

kota yang disinggahinya itu. Kemudian baginda lari ke Palestin. Abdullah bin Ali tidak lagi mengejar baginda, sebaliknya mengarahkan pula kepada saudaranya iaitu Salih bin Ali supaya terus mengejar Khalifah Marwan bin Muhammad. Akhirnya Khalifah Marwan bin Muhammad lari ke Mesir dan terus dikejar oleh Salih bin Ali bin Abdullah bin Abbas.

Khalifah Marwan Terbunuh

Di Mesir telah berlaku pertempuran di antara tentera pimpinan Khalifah Marwan bin Muhammad dengan tentera kerajaan Abbasiyyah yang dipimpin oleh Salih bin Ali itu. Pertempuran itu berlaku di kampong Busir dalam daerah Suweif. Akhirnya Khalifah Marwan bin Muhammad bin Marwan bin al-Hakkam telah berjaya dibunuh oleh Salih bin Ali. Kepala baginda dipenggal dan dibawa ke hadapan Abul Abbas as-Saffah. Dengan itu berakhirlah kerajaan bani Umayyah dan berdirilah kerajaan bani Abasiyyah dengan Abu Abbas as-Saffah sebagai Khalifahnya yang pertama dengan dinamakan kerajaan bani Abbasiyyah mengambil sempena nama bapa saudara Rasulullah s.a.w. al-Abbas bin Abdul Muttalib.

Peristiwa ini terjadi pada tahun 132 hijrah/749 Masihi.

Kerajaan Bani Umayyah Benar-Benar Berakhir

Ketika Khalifah Marwan bin Muhammad terbunuh di Mesir pada tahun132 hijrah/749 Masihi, gabenor Iraq iaitu Yazid bin Umar bin Hubairah masih bertahan di Iraq khasnya di kota Wasit. Setelah sampai berita kepadanya bahawa Khalifah Marwan bin Muhammad sudah terbunuh di Mesir, barulah Yazid bin Umar bin Hubairah bersedia untuk berdamai dengan kerajaan bani Abbasiyyah yang baru ditubuhkan itu. Abu Ja'far al-Mansur yang ditugaskan oleh saudaranya Khalifah Abul Abbas as-Saffah untuk menyelesaikan persoalan gabenor Iraq itu telah membuat surat jaminan keselamatan jiwa beliau. Maka keluarlah Yazid bin Umar bin Hubairah dari kubu pertahanannya dan menyerah diri kepada Abu Ja'far al-Mansur.

Tetapi apabila Panglima Abu Muslim al-Khurasani mendapat tahu perkara itu, maka beliau terus menulis surat kepada Khalifah Abu Abbas as-Saffah yang berbunyi, "Tidak ada jalan yang akan selamat selagi Ibnu Hubairah (Yazid bin *Umar bin Hubairah*) *melaluinya.*"

Sebaik sahaja Khalifah Abu Abbas as-Saffah membaca surat dari Panglima Abu Muslim al-Khurasani ini, maka baginda terus memerintah Abu Ja'far al-Mansur agar membunuh Ibnu Hubairah beserta para pengikutnya yang menyerah diri itu.

Demikianlah berakhir sejarah kerajaan dinasti bani Umayyah yang diasaskan oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan, seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang terkemuka. Kerajaan bani Umayyah tegak menguasai kaum Muslimin

selama kira-kira 91 tahun bermula dari tahun 41 Hijrah/660 Masihi dan berakhir pada tahun 132 Hijrah/749 Masihi. Semoga Allah SWT mencucuri rahmatNya dan mengampuni kesemua para khalifah dinasti Umayyah ini dan mencurahkan keredhaanNya ke atas semua kakitangannya. Dan terhadap mereka-mereka yang telah dianiaya oleh khalifah-khalifah dan para pegawainya diharapkan Allah SWT meninggikan darjat mereka di akhirat nanti. Saya sangat mengharapkan semoga seluruh umat Islam diampunkan dan dimaafkan kesalahan dan dosa-dosa mereka oleh Allah SWT, yang mana diharapkan kesemua umat Islam dimasukkanNya ke dalam syurga Jannatul Firdaus yang gilang gemilang dan bergemalapan cahayanya itu. Amin. Wassalam.

BUKU RUJUKAN

1. **Sejarah Dan Perjuangan Nabi Muhammad (2)** - Ustaz Haji Zainal Arifin Abas
2. **Tokoh-Tokoh Islam Di Zaman Nabi** - Haji Syeikh Marhaban
3. **Kisah Menyentuh Hati Dari Kehidupan Para Khalifah Islam** - Ibnu Muhammad
4. **Himpunan Kisah-Kisah Benar** - Abu Sulaiman Nasir
5. **Sejarah Islam (2)** - Ustaz Khairuddin Haji Muhammad
6. **Sejarah Islam** - Prof Dr Muhyiddin Haji Yahya & Prof Dr Ahmad Jelani Halimi
7. **JIHAD** - Na'im Naseem
8. **Khalifah Dan Kerajaan** - Abul A'la al-Maududi
9. **Pengantar Tamadun Islam** - Prof Dr Mustafa Haji Daud
10. **Gelombang Hidup Para Isteri Khalifah** - Ibnu Safa
11. **Sejarah Dan Kebudayaan Islam (2)** - Prof Dr Ahmad Syalaby
12. **Biografi Tokoh Orientalis** - Ust. Mohd Fikri Che Husein
13. **Mimpi-Mimpi Nabi** - Majdi Fathi
14. **30 Sirah Tokoh Wanita Tabiin** - Ahmad Khalil Jumaah
15. **Abu Bakar as-Siddiq, Pemusnah Kaum Murtad** - Tarikuddin Haji Hassan
16. **Uthman Bin Affan** - Mahmud Syakir
17. **Fitnatul Kubra** - Dr Taha Husin
18. **Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadis** - Prof Dr Hasbi As-Siddieqy
19. **Ali Bin Abu Talib** - Abbas Mahmud al-Aqqad
20. **Isteri-Isteri Para Khalifah** - Syeikh Muhammad Raji Kinas
21. **Pengetahuan Islam** - Abdul Aziz bin Umar dan Ishak bin Abas
22. **Pokok-Pokok Pegangan Imam-Imam Mazhab** - Prof Dr Hasbi As-Siddieqy
23. **Enseklopidia Wali Allah (7)** - Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar
24. **2002 Senyum - Himpunan Kisah Lucu (Siri 2)** - A.K Alang Ja'far

25. **7007 Senyum - Himpunan Kisah Lucu (Siri 7)** - A.K Alang Ja'far
26. **12 Cerita Wali-Wali Dan Orang-Orang Salih** - Ustaz Abdullah al-Qari
27. **Sejarah Dan Kebudayaan Islam (3)** - Prof Dr Ahmad Syalaby
28. **100 Tokok Islam Terhebat Dalam Sejarah** - Muhammad Iqbal